Jilid I
Bil. 16

Hari Juma'at
19hb Mach, 1971

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

USUL²:

Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat [Ruangan 1525]

Tuan Lim Kit Siang di-Hilangkan Kelayakan sa-bagai Ahli Dewan di-bawah Perkara 48 (1) (d) Perlembagaan [Ruangan 1527]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² (Pindaan) Pelajaran [Ruangan 1529]

Rang Undang² Pengambilan Tanah (Pindaan) [Ruangan 1556]

Rang Undang² (Pindaan) Sharikat [Ruangan 1572]

Rang Undang² (Larangan) Kumpulan Wang Kutu [Ruangan 1576]

Rang Undang² (Pindaan) Keretapi [Ruangan 1581]

Rang Undang² (Pindaan) Lalu Lintas [Ruangan 1597]

Rang Undang² (Pindaan) Dewan Bahasa dan Pustaka [Ruangan 1599]

Rang Undang² Majlis Sokan Negara Malaysia [Ruangan 1601]

Rang Undang² (Pindaan) Lembaga Bandaran [Ruangan 1615]

Rang Undang² (Pindaan) Pilehanraya Kerajaan Tempatan [Ruangan 1617]

Rang Undang² (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat [Ruangan 1627]

JAWAPAN² BERTULIS [Ruangan 1633]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Juma'at, 19hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

„ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).

„ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).

„ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).

„ Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen kapada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kapada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

„ Setiausaha Parlimen kapada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).

„ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

„ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

„ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
„ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
„ TUAN LUHAT WAN (Baram).
„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
„ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
„ DATO' MOHAMED SAID BIN KERUAK, S.P.D.K. (Kota Belud).
„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
„ DATO' ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
„ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
„ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
„ TUAN THOMAS GABRIEL SELVARAJ (Pulau Pinang Selatan).
„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
„ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat Dr Sulaiman bin Mohamed Attas, j.p., p.j.k. (Rembau-Tampin).

„ Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut).

„ Tuan Su Liang Yu (Bruas).

„ Tuan Tai Kuan Yang, a.m.n., p.j.k. (Kulim Bandar Bharu).

„ Tuan Tajuddin bin Ali, p.j.k. (Larut Utara).

„ Tuan Tan Cheng Bee, a.m.n., j.p. (Bagan).

„ Tuan Tiah Eng Bee, p.i.s. (Kluang Utara).

„ Tuan Tibuoh anak Rantai (Rajang).

„ Tuan Ting Ming Kiong (Bintulu).

„ Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan).

„ Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis).

„ Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang).

„ Tuan Stephen Yong Kuet Tze (Padawan).

„ Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah *alias* Haji Yusof Rawa (Kota Star Selatan).

„ Tengku Zaid bin Tengku Ahmad, j.m.k., s.m.k. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. Tun Tan Siew Sin, s.s.m., j.p. (Melaka Tengah).

„ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng, p.m.n., p.d.k., p.n.b.s., o.b.e., q.m.c. (Ulu Rajang).

„ Setiausaha Parlimen kapada Perdana Menteri, Wan Abdul Kadir bin Ismail, p.p.t. (Kuala Trengganu Utara).

„ Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, k.o.m., c.h., d.m.n. (Kuala Kedah).

„ Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub, p.n.b.s. (Payang).

„ Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (Kinabatangan).

„ Tuan Ajad bin O. T. Oyong (Labuk-Sugut).

„ Dr Awang bin Hassan, s.m.j. (Muar Selatan).

„ Dato' Pengarah Banyang anak Janting, q.m.c., p.b.s., p.n.b.s. (Julau).

„ Chegu Baudi bin Unggut (Bandau).

„ Tuan Chan Fu King (Telok Anson).

„ Dr Chen Man Hin (Seremban Timor).

„ Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara).

„ Tuan Fan Yew Teng (Kampar).

„ Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid, j.m.n., p.i.s. (Batu Pahat Dalam).

„ Tuan Goh Hock Guan (Bungsar).

„ Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan).

Yang Berhormat TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
„ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
„ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
„ Menteri Dengan Tugas[2] Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

USUL[2]

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa walau apa pun usul yang di-luluskan pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971, persidangan Dewan hari ini hendak-lah di-teruskan hingga selesai pertimbangan atas semua butiran Urusan Kerajaan yang ada dalam Atoran Urusan Meshuarat untok hari ini dan sa-baik[2] sahaja lepas itu Dewan ini hendak-lah di-tanggohkan hingga ka-suatu masa yang tidak di-tetapkan.

Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-persetujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun usul yang di-luluskan pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971 persidangan Dewan hari ini hendak-lah di-teruskan hingga selesai pertimbangan atas semua butiran Urusan Kerajaan yang ada dalam Atoran Urusan Meshuarat untok hari ini dan sa-baik[2] sahaja lepas itu Dewan ini hendak-lah di-tanggohkan hingga ka-suatu masa yang tidak di-tetapkan.

TUAN LIM KIT SIANG DI-HILANGKAN KELAYAKAN SA-BAGAI AHLI DEWAN DI-BAWAH PERKARA 48 (1) (d) PERLEMBAGAAN

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa usul saperti berikut:

> Merujok kapada Perkara 53 Perlembagaan Persekutuan Dewan ini mengambil perhatian bahawa, menurut Perkara tersebut, ia mungkin membuat keputusan supaya Y.B. Enche' Lim Kit Siang di-hilangkan kelayakan sa-bagai sa-orang Ahli Dewan ini di-bawah Perkara 48 (1) (*d*) Perlembagaan; akan tetapi Dewan ini membuat ketetapan bahawa keputusan-nya atas perkara ini di-tanggohkan hingga persidangan Dewan yang akan datang melainkan jika hilang-kelayakan yang tersebut di-atas itu di-batalkan atau di-ma'afkan terlebeh dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kapada butir[2] yang telah di-buktikan dalam kes Originating Motion No. 8/69 dalam Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur, berkaitan dengan Pilehanraya Kechil Parlimen bagi Segamat Utara, Johor, dalam tahun 1968, maka terang-lah bahawa Enche' Lim Kit Siang ia-lah wakil pilehanraya atau (election agent) dalam Pilehanraya Kechil itu. Sunggoh pun beliau bukan-lah menjadi sa-suatu pehak dalam kes itu, tetapi mengikut pendapat Hakim dalam kes yang tersebut, maka terang-lah bahawa satu kesalahan telah di-lakukan oleh Enche' Lim Kit Siang kerana tidak menghantar apa[2] penyata perbelanjaan pilehanraya dalam masa di-kehendaki oleh undang[2], dan oleh sebab itu Enche' Lim Kit Siang ada-lah hilang kelayakan-nya menjadi Ahli Dewan Ra'ayat mengikut Perkara 48 (1) (*d*) Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut sekshen 30 (1) (*b*) Election Offences Act, 1954, ada-lah terang bahawa Enche' Lim Kit Siang hanya boleh di-ma'afkan daripada kesalahan itu di-dalam suatu perbicharaan yang ia-nya ia-lah menjadi suatu pehak. Oleh sebab itu beliau tidak menjadi sesuatu pehak dalam kes yang tersebut di-atas, maka beliau boleh-lah di-anggap sa-bagai maseh lagi berkesalahan dan tidak berkelayakan menjadi Ahli Parlimen.

Mengikut Perkara 53 Perlembagaan, apa-bila berbangkit soal sama ada sa-orang Ahli Majlis Parlimen telah hilang kelayakan-nya, maka soal ini hendak-lah di-putuskan oleh Majlis yang berkenaan. Perkara 53 Perlembagaan ada-lah berbunyi demikian:

> Jika berbangkit apa[2] soal sama ada sa-saorang Ahli Majlis Parlimen telah hilang-kelayakan menjadi Ahli, maka soal itu hendak-lah di-putuskan oleh Majlis itu dan keputusan-nya itu ada-lah muktamad. Dengan sharat bahawa Perkara ini tidak boleh di-tafsirkan sa-bagai menghalang amalan Majlis menanggohkan sa-suatu keputusan supaya langkah[2] (termasok langkah[2] membatalkan hilang kelayakan itu) yang mungkin menyentoh keputusan-nya boleh di-ambil atau di-tamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya kedudokan di-sisi Undang[2] berhubong dengan Enche' Lim Kit Siang ada-lah saperti berikut:

> Tidak di-ragu[2]kan bahawa ia ada-lah hilang kelayakan mengikut Perkara 48 (1) (*d*) meski pun pilehanraya dalam mana ia telah melakukan suatu perbuatan yang menyalahi undang[2] itu bukan-nya pilehanraya yang itu juga yang menyebabkan ia di-pileh sa-bagai sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat.
>
> Peluang terbuka kapada Enche' Lim Kit Siang sama ada hendak membuat permohonan di-bawah sekshen 30 Akta, 1954 kapada Mahkamah supaya kesalahan-nya itu di-ma'afkan atau menyembahkan kapada Yang di-Pertuan Agong untok membatalkan hilang-kelayakan itu mengikut Perkara 48 Perlembagaan.
>
> (2) Perkara 53 ada-lah di-pakai hanya jika "berbangkit sa-suatu soal" tentang sama ada sa-saorang Ahli itu hilang-kelayakan. Dalam kes yang tersebut di-atas, ada berbangkit suatu soal kerana tidak di-buktikan dengan sah-nya sama ada atau tidak Enche' Lim itu telah melakukan suatu perbuatan yang menyalahi undang[2]. Perbicharaan dalam Usul Permulaan atas Originating Summon No. 8/69 itu tidak mempunyai kuatkuasa undang[2] tentang taraf Enche' Lim, tetapi hanya tentang chalun yang telah menjadi pemohon dalam pembicharaan itu. Oleh itu Perkara 53 Perlembagaan boleh di-pakai dalam hal ini.

Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya bagi pehak Kerajaan ada-lah patut ketetapan di-ambil dalam Dewan ini untok menanggohkan dahulu keputusan yang akan di-buat dalam perkara ini. Ini ia-lah dengan tujuan untok memberi peluang kapada Enche' Lim sama ada beliau hendak mengadu kapada Mahkamah supaya kesalahan itu dapat di-ma'afkan, atau menyembah kapada Yang di-Pertuan Agong untok membatalkan hilang-kelayakan mengikut Perkara 48 (3) Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kapada Ahli[2] Yang Berhormat supaya usul ini tidak di-binchangkan dalam persidangan ini, sebab persidangan kita hendak di-tanggohkan kapada persidangan yang sa-kali lagi supaya memberi peluang kapada Enche' Lim Kit Siang menghapuskan kesalahan yang di-dapati kapada-nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana pendapat saya Usul ini ada-lah wajar dan tepat mengikut Undang[2] dan Perlembagaan dan juga adil, kerana Ahli Yang Berhormat itu ada-lah di-beri peluang yang chukup bagi membersehkan diri-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul itu.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Merojok kapada Perkara 53 Perlembagaan Persekutuan Dewan ini mengambil perhatian bahawa, menurut Perkara tersebut, ia mungkin membuat keputusan supaya Y.B. Tuan Lim Kit Siang di-hilangkan kelayakan sa-bagai sa-orang Ahli Dewan ini di-bawah Perkara 48 (1) (*d*) Perlembagaan; akan tetapi Dewan ini membuat ketetapan bahawa keputusan-nya atas perkara ini di-tanggohkan hingga persidangan Dewan yang akan datang melainkan jika hilang-kelayakan yang tersebut di-atas itu di-batalkan atau di-ma'afkan terlebeh dahulu.

RANG UNDANG[2]

RANG UNDANG[2] (PINDAAN) PELAJARAN

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang[2] yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pelajaran, 1961, di-bachakan untok kali yang kedua.

Rang Undang[2] ini ada-lah berbangkit daripada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, yang di-luluskan oleh Dewan ini semalam. Rang Undang[2] ini bertujuan untok meminda sekshen-kechil (1) kapada sekshen 25 Akta Pelajaran, 1961, bagi mengechualikan khusus-nya Kolej[2] Universiti daripada peruntokan[2] Akta Pelajaran tersebut. Ini ada-lah terkandong di-dalam sekshen 2 (1) (*a*) Rang Undang[2] ini.

Sekshen 25 (1) (*a*) Akta Pelajaran, 1961, menghuraikan kategori[2] yayasan[2] pelajaran yang boleh di-tubohkan dan di-kelolakan oleh Menteri.

Di-bawah peruntokan[2] asal-nya susunan[2] yayasan[2] pelajaran itu mengikut tertib-nya ada-lah saperti berikut:

(1) special schools;

(2) technical colleges;

(3) institutions of higher education and educational research;

(4) centres of further education;

(5) teacher training institutions;

(6) other educational institutions, the establishment or maintenance whereof is not otherwise provided for in the Act.

Tetapi dalam Fasal 2 Rang Undang[2] ini, susunan tertib-nya telah di-ubah saperti berikut:

(*a*) colleges other than colleges with the status of University Colleges established or deemed to be established under the Universities and University Colleges Act, 1971;

(*b*) teacher training colleges;

(*c*) junior colleges;

(*d*) centres of further education;

(*e*) special schools; and

(*f*) other educational institutions, the establishment or maintenance whereof is not provided under this Act or the Universities and University Colleges Act, 1971.

Dapat di-perhatikan bahawa istilah "special schools" di-dalam sekshen-kechil (1) (*a*) dalam Akta, 1961, telah di-masokkan di-bawah Fasal-kechil (1) (*e*) Rang Undang[2]. Ini ia-lah hanya satu chara penyusunan mengikut giliran kepentingan. Istilah "technical colleges" di-dalam sekshen-kechil (1) (*b*) Akta, 1961, tidak di-masokkan di-dalam Rang Undang[2] ini oleh kerana istilah "colleges" di-bawah Fasal-kechil (1) (*a*) di-dalam Rang Undang[2] ini meliputi "technical colleges" juga. Istilah "institution of higher education and educational research" di-dalam sekshen-kechil (1) (*e*) Akta, 1961, tidak juga di-masokkan di-dalam Rang Undang[2] ini oleh kerana yayasan[2] saperti itu boleh meliputi sama ada di-dalam istilah "colleges" di-dalam Fasal-kechil (1) (*a*) atau dalam istilah "other educational institutions" dalam Fasal-kechil (1) (*f*) di-dalam sekshen-kechil (1) (*e*) Akta, 1961. Istilah "teacher training institutions" di-dalam (1) (*e*) Akta, 1961, telah di-tukar menjadi "teacher training colleges" dan di-letakkan ka-dalam Fasal-kechil (1) (*b*)

di-dalam Rang Undang[2] ini. Sebab-nya ia-lah di-rasai bahawa istilah "college" lebeh sesuai untok meliputi maksud maktab dan pusat latehan perguruan.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, istilah "junior colleges" telah di-tambahkan di-dalam Fasal-kechil (1) (*c*) untok meliputi yayasan[2] pelajaran lepas menengah ia-itu post secondary sa-lain daripada yayasan pelajaran yang tersebut di-dalam Fasal-kechil (1) (*a*), (*b*) dan (*f*) dalam Rang Undang[2] ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok menyokong usul ini dan saya ingin mendapat sadikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai special schools ini, ada-kah termasok Sekolah Pertanian. Jadi di-dalam negara kita ini ada chuma sa-buah Sekolah Pertanian, maka saya harap supaya di-tambah lagi banyak Sekolah[2] Pertanian ini di-luar bandar kerana membolehkan belia[2] kita mendapat pelajaran hal ehwal pertanian supaya dapat mereka itu berusaha untok memajukan negara kita ini.

Yang kedua di-bawah Perkara (*f*)—other educational institutions. Jadi saya berharaplah jikalau tidak termasok di-dalam lengkongan ini, ia-itu banyak daripada sekolah[2] menengah ugama ra'ayat di-dalam negara kita ini yang tidak dapat perhatian berat daripada Kerajaan dengan memberi bantuan yang sewajar-nya. Kerana saya tahu di-Pulau Pinang ada empat-lima sekolah yang mana bangunan itu di-bena oleh wang Kerajaan tetapi tidak dapat di-biayai dengan sempurna-nya chuma mengharapkan kapada pungutan wang daripada orang[2] kampong yang tidak dapat hidup dengan sempurna, tidak dapat pelajaran oleh murid[2] itu dengan sempurna. Saya berharap-lah pehak Yang Berhormat Menteri akan memberi perhatian di-atas perkara ini supaya dapat memberi bantuan dan mengadakan satu peratoran supaya sekolah[2] ini dapat memberi pelajaran dan menambah lagi kapada bijak pandai di-dalam negara kita ini.

Yang lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengshorkan kapada Kerajaan melaluï Yang Berhormat Menteri ia-itu dalam negara kita ini pada masa sekarang ini ada tiga (3) buah universiti. Pada masa dahulu kita ada sa-buah sahaja, mungkin akan di-tambahkan lagi, barangkali sa-buah lagi di-Pantai Timor, harus ada lagi di-Malaysia Timor. Jadi saya mengshorkan molek-lah Kerajaan kajikan kemungkinan untok hendak menubohkan Surohanjaya Bantuan Kebangsaan untok Universiti[2] atau National Grants Commission for Universities. Ini ada-lah perkara yang saya fikirkan penting pada masa sekarang peruntokan Kerajaan di-pegang oleh Perbendaharaan. Jadi tiap[2] universiti akan membuat permohonan dengan membentangkan ranchangan[2] atau projek[2]-nya. Pehak pegawai[2] Perbendaharaan tidak bagitu mahir, saya fikir, atau pun tidak bagitu chekap, tidak bagitu ada kebolehan untok mengagehkan peruntokan[2] ini dengan sachara adil. Jadi saya fikir molek sangat-lah Kerajaan dari sekarang mengkaji sama ada shor saya ini dapat di-adakan. Saya perchaya kalau di-adakan bahawa mutu pelajaran dan taraf universiti kita akan terpelihara dan tidak akan kurang mutu-nya jika di-bandingkan dengan universiti[2] di-luar negara kita ini.

Di-samping itu saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi[2] terima kaseh kapada Kerajaan yang telah pun mengadakan sa-buah universiti di-Pulau Pinang dan mengambil Minden Barrack itu menjadi sa-bagai tempat universiti yang pada pandangan saya, pada pendapat saya sangat-lah baik dan saya berharap dapat memberi bantuan[2] yang sewajar-nya.

Jadi bagi Ahli Surohanjaya ini tentu-lah pehak Kerajaan akan memileh orang[2] yang ada kebolehan, ada kemahiran, yang ada professional qualifications, supaya orang[2] ini dapat menimbangkan segala permohonan[2] daripada universiti[2] itu dengan adil dan saksama. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Luhat Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan ribuan terima kaseh oleh kerana saya dapat mengambil peluang ini untok memberi sokongan terhadap Akta bagi meminda Akta Pelajaran, 1971.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang kita sedarkan Akta Pindaan Rang Undang[2] ini agak-nya untok memperbaiki sistem[2] di-bidang pelajaran di-dalam negara kita yang

sedang maju ini, baik pun di-Malaysia Barat demikian pula di-Malaysia Timor. Kita sakalian berharap supaya sistem[2] yang sarupa ini pula akan di-tubohkan di-Malaysia Timor yang lebeh[2] lagi di-Sarawak yang mana sekarang sedang mengalami kesukaran di-dalam bidang pelajaran yang kita sangat hargai.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menggesakan Kerajaan kita serta memohon kapada pehak Yang Berhormat Kementerian Pelajaran agar-lah sembilan tahun comprehensive system pelajaran yang telah di-adakan di-dalam Malaysia Barat beberapa tahun yang telah lampau itu juga mesti di-adakan di-Malaysia Timor dengan sachepat mungkin. Oleh kerana hak ini, Tuan Yang di-Pertua, sangat[2] di-kehendaki oleh segala gulongan kaum di-seluroh Malaysia Timor. Pertama sa-kali bumiputera kita yang terdapat di-luar bandar yang mana pun tiada mampu membayarkan sekolah anak[2] mereka yang mulai dari Form I sa-hingga sampai Form V atau pun Senior Cambridge.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kahalangan yang tersebut beribu[2] murid yang telah gagal di-dalam bidang pelajaran kebanyakkan daripada murid[2] yang telah gagal itu ia-lah daripada pehak kemiskinan orang bumiputera kita di-Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, di-Malaysia Timor juga ada berbagai[2] perkara yang mustahak di-perbaiki di-dalam bidang pelajaran ia-itu kebanyakkan sekolah menengah tiada mempunyai darjah yang chukup untok bilangan murid[2] yang layak di-terima oleh sekolah[2] itu pada tiap[2] tahun. Oleh kerana hal yang demikian terpaksa-lah sa-paroh bilangan murid[2] tersebut menuntut pelajaran mereka ka-sekolah yang jauh ka-daerah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, alang-kah baik-nya jika pehak Kementerian Pelajaran kita akan menyelideki serta mengadakan tempat yang chukup untok keperluan murid[2] yang layak di-terima supaya mereka mendapat peluang untok melanjutkan pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak merayu kapada Kerajaan supaya mengadakan maktab teknik di-Sarawak oleh kerana ra'ayat Sarawak telah pun jauh ketinggalan di-dalam bidang pelajaran teknikel yang mana sangat di-perlukan pada ketika ini oleh ra'ayat negeri Sarawak untok memperkembangkan perindasterian dan perdagangan di-negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengumumkan juga kapada pehak Yang Berhormat Kementerian Pelajaran kita supaya Kementerian beliau mempergiatkan lagi sekolah dewasa di-negeri Sarawak agar ra'ayat dewasa di-negeri Sarawak juga mendapat peluang yang sesuai untok mempelajari Bahasa Kebangsaan Malaysia bagaimana yang kita ketahui lambat laun pun bahasa kebangsaan Malaysia ada-lah bahasa yang rasmi di-negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya Kementerian beliau menubohkan Maktab Perguruan Sekolah Dewasa di-negeri Sarawak kerana pelajaran bukan-nya hanya untok budak[2] sahaja bahkan juga ada-lah untok kepentingan orang[2] dewasa yang chenderong di-dalam bidang pelajaran lebeh[2] lagi dalam Bahasa Kebangsaan yang kita junjung tinggi ini. Jadi saya mohon kapada pehak Kerajaan kita agar perkara[2] yang saya telah sebutkan tadi akan di-selideki dengan sa-chepat mungkin supaya keadaan pelajaran di-negara kita tiada berbedza[2]. Sekian, terima kaseh.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, izinkan-lah saya menyentoh sadikit berkenaan dengan Akta Pelajaran yang di-bentangkan di-hadapan kita pada hari ini. Saya mengalu[2] di-atas keberanian dan keikhlasan Kerajaan membentangkan Akta meminda Akta Pelajaran bagi tahun 1961.

Sa-panjang persidangan sejak daripada hari yang pertama sa-hingga-lah ka-hari ini saya sentiasa menunggu keterangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan suatu masaalah yang pada anggapan saya memang penting dan mustahak, tetapi sahingga kapada Yang Berhormat Menteri membentangkan Akta (Pindaan) Pelajaran ini tidak juga timbul perkara itu. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyentoh perkara ini untok mendapatkan penjelasan dan jaminan daripada Yang Berhormat Menteri, ia-itu tentang kedudokan Kolej Islam. Saya sendiri tidak berapa faham dalam Akta (Pindaan) Pelajaran ini di-mana-kah dudok-nya Kolej Islam ini sama ada di-bawah Fasal 1 Cheraian (*c*) atau (*e*) atau pun (*f*).

Tuan Yang di-Pertua, mengikut jaminan yang pernah di-beri oleh puchok pimpinan di-masa yang lalu bahawa ada-lah menjadi

dasar Kerajaan Perikatan untok menjadikan Kolej Islam sa-bagai sa-buah Pusat Pengajian Tinggi Ugama Islam di-negara ini sesuai dengan pengiktirafan Kerajaan di-dalam Perlembagaan bahawa ugama Islam ada-lah Ugama Rasmi negara ini.

Apa yang saya maksudkan ia-lah pada masa ini mengikut apa yang saya tahu bahawa Kolej Islam yang di-chadangkan untok menjadi Pusat Pengajian Tinggi Ugama Islam itu telah di-jadikan sa-buah Fakulti Ugama Islam di-Universiti Kebangsaan. Berkaitan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan yang sunggoh[2] daripada Yang Berhormat Menteri ia-itu ada-kah penubohan Fakulti Islam di-Universiti Kebangsaan sekarang ini hanya merupakan sa-bagai ranchangan sementara sahaja. Erti-nya sementara menunggu masa yang sesuai untok menubohkan Pusat Pengajian Tinggi Ugama Islam, kira-nya jawapan yang akan di-beri oleh Yang Berhormat Menteri nanti, "ya", maka saya angkat tangan memberi hormat kapada Yang Berhormat Menteri, tetapi jika jawapan yang saya akan terima nanti, "tidak" maka mengikut pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan sekarang ini telah menyeleweng sadikit dalam perlaksanaan Dasar Pelajaran mengenai perkara ini. Dan saya terpaksa menyatakan rasa kesal di-atas penyelewengan ini kira-nya benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berterus terang mengenai perkara ini kerana saya ini datang-nya daripada Pantai Timor di-mana bumi Pantai Timor pernah di-jadikan medan pertemporan hebat di-antara pemimpin[2] dan penyokong[2] Perikatan dengan pemimpin[2] dan penyokong[2] PAS dalam perkara mengenai Ugama Islam ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sunggoh[2] bimbang dalam masaalah ini kerana jika ra'ayat tidak di-beri fahaman yang betul akan perkara ini nanti akan memberi peluang yang besar kapada pemimpin[2] PAS menggunakan perkara ini sa-bagai bahan utama untok menguatkan pengaroh-nya yang telah hampir[2] mati sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat tahu bahawa perkara ini telah di-jadikan bahan utama oleh penyokong[2] PAS dalam usaha hendak mendapat undi yang lebeh dalam Pilehanraya Kechil yang sedang berlangsong di-kawasan Kapar sekarang ini. Jadi, dengan sebab itu dalam masaalah[2] yang saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat mustahak saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang saya amat kasehi. Terima kaseh.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Mr Speaker, Sir, I am grateful to be allowed to take part in the debate on the Education (Amendment) Bill. I must say this Bill is a very welcome piece of legislation, especially for us in Sarawak. I must congratulate the Government and hope that when the Honourable Minister of Education implements the various provisions, he will remember our urgent needs in Sarawak. There is a very great urgent need to establish more educational institutions of this nature in Malaysia and the requirement is greater and more urgent in Sarawak. I am, therefore, very glad that the Honourable Minister of Education will be empowered to establish and maintain such education institutions, and without much delay.

Mr Speaker, Sir, I hope that when the Bill is passed, the Honourable Minister will not forget us in Sarawak. I am sure the Government is very much aware of the need to set up more training centres for teachers in our State. There is no such centre to train teachers to teach adult education and the National Language. They should be given the highest priority by the Government, so that Sarawak should not be lacking in trained teachers to teach our ignorant adults and also to teach the Bahasa Kebangsaan, especially in the rural areas of Sarawak. This is very important for Sarawak if, as Malaysians, they are to be made ready for the use of the National Language by 1973. In so short a time, so much will have to be done for many Sarawak Malaysians. Therefore, the Government must act, and act quickly enough.

Mr Speaker, Sir, another important aspect in the teaching of the National Language in Sarawak is that there is a very short supply of textbooks. I have been approached several times by teachers and constituents of my constituency and in spite my repeated requests to the authorities, nothing has been done. I, therefore, hope that the Honourable Minister will kindly take note and help in this matter.

Another important aspect, whilst on the subject of teacher-training, is this: teachers whilst on training are given very small allowances in Sarawak, with the result that they are put to great financial difficulties. I

would also like the Honourable Minister of Education to look into this matter and remedy the situation.

Furthermore, Sir, while on the subject of teacher-training, I have noticed one grave omission by the Government. In the past, there was a tendency to recruit more candidates for teacher-training from the urban and town centres and exclude aspiring candidates from the rural areas. Once trained, these teachers from the urban and town centres are reluctant to serve the rural schools. I suggest that in future there should be a well-balanced approach in the recruitment of candidates for teacher-training. In Sarawak, it must be admitted that there is a great need for specialised training of subjects which will greatly contribute to reducing the rate of illiteracy in our State. We need more secondary schools. We need schools to absorb those who fail in their Standard VI Common Entrance Examination each year. We need colleges to absorb those who fail their Junior Examination or who cannot find places in higher secondary classes each year. Last but not least, we need more trained teachers, especially those trained and are not reluctant to teach in the rural schools and to teach our adult illiterates in Bahasa Kebangsaan.

These needs, Mr Speaker, Sir, are very urgent indeed if Malaysians of Sarawak origin are to be given the opportunity in the over-all Malaysian Development Plan to develop not only economically and socially, but also educationally.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang[2] Pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita. Saya chuma hendak menyentoh dengan chara rengkas sahaja, Dato' Yang di-Pertua. Bagaimana kita sedia ma'alom bahawa perkembangan pelajaran tinggi di-negara kita ini sedang pesat dan berapa perubahan[2] yang sedang di-tujukan oleh Kerajaan. Sa-lain daripada itu saya gemar menarek perhatian Menteri Pelajaran, dua perkara. Mungkin juga perkara ini telah ada dalam ingatan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, tetapi saya lagi menekankan supaya di-ambil berat. Sekira-nya tidak di-ambil berat perkara yang hendak saya katakan ini maka akan berupa kosong atas ranchangan[2] kita hendak menubohkan universiti dan maktab[2] yang banyak lagi di-negeri ini.

Yang pertama, Dato' Yang di-Pertua, saya mengeshorkan kapada Kerajaan supaya segera menubohkan Biro Istilah, perlu di-perchepatkan kerana tujuan mengisi, menchepatkan, itsilah dalam bahasa Melayu dan kerjasama di-kehendaki dengan Dewan Bahasa dan juga badan[2] yang lain. Sa-lain daripada itu boleh mengambil aleh bahasa pengantar Inggeris yang sekarang di-gunakan kerana pelaksanaan bahasa Melayu itu tidak dapat dengan sempurna kalau tenaga pelajar[2] kita yang ada sekarang ini kalau tak ada-nya biro istilah yang saya maksudkan itu.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, berhubong dengan ejaan, walau pun ejaan itu telah di-umumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahkan Kerajaan akan mengeluarkan satu ejaan yang rasmi bagi negara ini. Saya ingin tahu dan ra'ayat juga hendak tahu bila masa-nya, satu tahun, dua tahun, tiga tahun atau sa-puloh tahun. Saya mengatakan bahawa kita telah membuat satu kesilapan yang besar, Dato' Yang di-Pertua, dalam masaalah ejaan ini, walau kita telah membuat satu usaha hendak membuat satu ejaan Malindo, tetapi ejaan Malindo ini, Dato' Yang di-Pertua, untok di-gunakan di-negara kita dan Indonesia. Kita tidak boleh, sebab Indonesia ada 120 juta ummat, yang kita hanya 10 juta. Jadi kita pada masa sekarang menurut hemat saya, kita tinggal masaalah ejaan Malindo itu kita mesti tumpukan satu usaha yang bulat dan tegas kapada ejaan yang di-kehendaki oleh pelajaran di-Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita di-Malaysia ini ada 9 ejaan yang di-gunakan. Ini-lah yang merunsingkan penuntut[2] ini dan merunsingkan segala orang yang hendak berhubong dengan bahasa kita. Saya menguchapkan tahniah kapada Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan, lebeh dahulu daripada Kementerian Pelajaran hendak menubohkan istilahnya sendiri. Kalau kita lambat dalam masaalah ini, Dato' Yang di-Pertua, segala chita[2] berhubong dengan hendak mendaulatkan bahasa kita ini, tidak akan dapat berjalan dengan bagitu sempurna. Itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, saya uchapkan terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Ismail (Perlis Selatan): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang[2] (Pindaan) Pelajaran ini. Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberi

penjelasan dan penerangan ketika mengemukakan pindaan ini, tetapi, Dato' Yang di-Pertua, ada dua-tiga perkara yang saya hendak sentoh di-sini, yang saya fikir sangat mustahak di-dalam negara kita yang sedang membangun saperti sekarang ini apa lagi dalam negara yang sedang berjalan dan hendak menegakkan bahawa negara kita akan memajukan indastri. Maka saya rasa patut-lah juga Yang Berhormat Menteri memikirkan ada-kah patut atau tidak-nya pada masa sekarang ini kita menubohkan satu kolej ia-itu College of Fine Art and Craft. Saya rasa, Dato' Yang di-Pertua, kolej yang sa-macham ini ada-lah sangat mustahak kerana negara kita sekarang ada-lah sa-buah negara yang sedang membangun dan banyak indastri[2] saperti batek dan sa-bagai-nya. Tetapi kalau tidak mempunyaï kolej sa-bagaimana yang saya katakan tadi, fine art dan design dan sa-bagai-nya atau craft, dan sudah tentu-lah mutu[2] keluaran barang[2] kita di-masa akan datang ini tidak dapat kita menandingi dengan negeri[2] yang banyak mempunyaï Kolej[2] Art and Craft. Maka oleh kerana itu, saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri supaya memikirkan bahawa kolej yang tersebut harus-lah di-dirikan dengan sa-berapa segera.

Dan yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, bahawa negara kita sekarang termashor sa-bagai sa-buah negara yang mempunyaï kebudayaan, saperti nyanyian, tarian dan sa-bagai-nya. Saya selalu, Dato' Yang di-Pertua, mengikuti tarian[2] yang di-adakan sama ada dalam talivishen atau pesta[2] dan sa-bagai-nya, akan tetapi oleh kerana kita tidak mempunyaï kolej musik dan tarian, maka oleh kerana itu kita dapati yang selalu di-pertunjokkan dalam negara kita ini berasing, kalau Perlis rentak irama Perlis—tarian Mak Inang juga. Perlis lagu chorak Perlis, Kedah lagu chorak Kedah, Kelantan lagu chorak Kelantan, bagitu juga Pulau Pinang lagu Pulau Pinang ta' dapat di-samakan. Tetapi kalau kita ada mempunyaï kolej muzik dan tarian, sudah tentu mutu-nya sa-taraf sahaja. Saperti di-India, dia ada mempunyaï kolej, jadi satu sahaja chorak muzik dan tarian.

Maka dengan sebab itu, jika kita tengok di-dalam progrem radio dan bagitu juga talivishen banyak pemuda[2] dan pemudi[2] kita, mereka lebeh gemar menyanyi lagu[2] dalam bahasa Inggeris, bila di-tanya—kenapa tidak menyanyi lagu Bahasa Kebangsaan? Mereka katakan, "susah". Senang lagi kata mereka kami menyanyi dengan bahasa Inggeris kerana lagu itu mempunyaï themanada dan sa-bagai-nya yang lebeh kemas lagi senang menirunya.

Jadi saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri supaya memikirkan apa yang saya sebutkan itu. Dan yang ketiga, Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat rakan saya dari Seberang Utara telah memberi uchapan terima kaseh dengan menubohan Universiti Pulau Pinang, tetapi, Dato' Yang di-Pertua, saya berlainan pula fikiran-nya. Saya ta' mahu nama Universiti Pulau Pinang, kerana Universiti tersebut bukan wang-nya datang daripada Kerajaan Pulau Pinang. Jadi apa sebab-nya, kerbau sakit sapi beroleh nama (*Ketawa*). Jadi oleh kerana itu, saya merayu kapada Dato' Yang di-Pertua, supaya bagi pehak Kementerian menubohkan satu Jawatankuasa memileh satu nama yang sesuai yang kesemua ra'ayat dalam negara ini bangga bahawa Universiti itu bukan Pulau Pinang punya, bahkan Universiti itu hak bagi kesemua warganegara yang ada dalam Malaysia ini. Jadi sa-takat itu-lah sahaja. Terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh-lah di-atas universiti ini, tetapi sunggoh pun saya bukan-nya datang daripada Sabah dan Sarawak, tetapi saya memikirkan bumiputra di-Sabah dan Sarawak, pelajar[2]-nya tersangat[2] ketinggalan di-sebabkan di-masa penjajah dahulu. Sa-sudah itu, sa-lepas merdeka dan masok dalam Malaysia baharu sahaja kita gubal Perlembagaan kita baharu[2] ini berkenaan dengan pelajaran bumiputra di-Sabah dan Sarawak supaya dapat mereka scholarship atau biasiswa[2] sa-rupa dengan orang[2] Melayu di-Malaysia ini. Jadi dengan ada-nya perkara ini saya harap Kementerian Pelajaran memberi banyak, lebeh banyak scholarship lagi kapada bumiputra di-Sabah dan Sarawak kerana mereka-lah yang tersangat[2] ketinggalan pelajaran daripada orang[2] yang lain.

Kedua, ia-itu MARA oleh kerana MARA untok orang Melayu dan bumiputra, maka MARA College juga hendak-lah di-dirikan di-Sabah dan Sarawak atau di-tengah[2] di-antara Sabah dan Sarawak bagaimana di-adakan di-Petaling Jaya ia-itu Kolej Teknoloji di-adakan juga Kolej Teknoloji di-Sabah dan Sarawak.

Ketiga berkenaan dengan College of Foreign Languages. Oleh kerana banyak

Duta[2] atau pun diplomat kita pergi ka-luar negeri, keluar mithal-nya ka-Russia, ta' tahu chakap Russia, pergi ka-lain[2] tempat, ka-Itali ta' tahu chakap Italian. Jadi dengan sebab itu, saya fikir ada-lah satu perkara yang patut di-adakan College of Foreign Languages di-mana negeri[2] yang telah mereka dan berdaulat mengadakan kolej[2] yang saperti ini. Jadi patut-lah sa-lepas 14 tahun kita merdeka dan bersepah diplomat kita di-luar negeri, yang muda[2] yang akan datang juga akan menjadi diplomat dan juga yang lain[2], maka di-harap College of Foreign Languages ini di-adakan dengan serta-merta.

Sa-sudah itu berkenaan dengan Kolej Islam. Kolej Islam ini, saya dengar ada ura[2], ura[2]-nya bukan sahaja kita hendak jadi lebai, bukan sahaja kita hendak jadi haji, bukan sahaja hendak jadi imam, bukan sahaja hendak jadi kadhi, tetapi lepasan daripada Kolej Islam itu atau universiti Islam pada masa yang akan datang akan menjadi majistret, akan menjadi loyar, akan menjadi doktor, akan menjadi professor, akan menjadi entah apa[2] yang lain.

Jadi dengan sebab itu maka kalau kita lulus daripada ugama Islam sahaja—Fakulti Islam sahaja, berapa imam hendak di-pakai di-Masjid Negara, berapa kadhi yang kita hendakkan di-Malaysia, banyak kadhi daripada orang kahwin nanti (*Ketawa*). Jadi, dengan sebab itu di-kehendaki, ia-itu Universiti Islam ini di-adakan Fakulti Engineering dan berbagai[2]-nya supaya bumiputra dapat belajar lebeh banyak lagi di-sana. Lain tidak ada apa-lah, Dato' Yang di-Pertua, itu sahaja-lah terima kaseh.

Dato' K. M. James Wong (Miri-Subis): Mr Speaker, Sir, the question of education is a matter of great interest to us in Sarawak as indicated, Sir, by two of my colleagues who had remained silent throughout the whole session but suddenly stood up and spoke today. Mr Speaker, Sir, we note that in both this Act and the Universities and University Colleges Act, 1971, which was passed yesterday, the Honourable Minister of Education is given considerable powers, great powers, to start institutions, colleges and training schools in the country. Because of this, Sir, I will stand up now with your kind permission to clarify one small misconception in connection with the implementation and making available of educational facilities in Sarawak and Sabah.

We, my colleagues and myself, Sir, are most grateful indeed for the assurances which was given by the Honourable Minister of Education on the 12th of March in this House, when he said that "While the Education Ministry will do all it can to assist in every possible way these States—i.e., Sarawak and Sabah—it is to some extent prevented from doing so owing to the provisions of the Inter-Governmental Committee Agreement. I hope these States will take the initiative, and I will gladly respond". That is what the Honourable Minister said and I quote him here. We are delighted to hear this, Sir, and this is most assuring news to the people of Sarawak and Sabah and I will most certainly assure the Honourable Minister that myself and my colleagues will certainly ask our Chief Minister and our State Government to approach his Ministry for more educational facilities for Sarawak.

However, with your kind permission, Sir, I wish to respectfully point out to the Honourable Minister that contrary to what he thought, namely that the Inter-Governmental Committee Report prevented the Federal Government in giving more assistance in the educational field to Sarawak and Sabah, I would like to draw his kind attention, Sir, to Section 17 (*d*) of this I.G.C. Report which states, I quote: "When expansion of higher educational facilities are being considered by the Malaysian Government, the requirements of the Borneo States should be given special consideration and the desirability of locating some of the institutions in the Borneo States should be borne in mind". So, Sir, there is no conflict at all here. If the Honourable Minister of Education and the Federal Government wish to put up institutions of higher learning in Sarawak, there is absolutely no conflict at all here, Sir, as far as the I.G.C. Report is concerned. In fact, Sir, our Prime Minister then was a member of the I.G.C. and I am sure, he knows when he made this Report and recommendations, that there was a need for this, and I sincerely beg, Sir, the Honourable Minister of Education and the Government to give sympathetic consideration to our request which has been very ably and eloquently put forward by my two Honourable colleagues who had spoken before me. Thank you very much.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap berhubong

dengan Akta Pelajaran (Pindaan) 1971 ini ia-lah yang pertama-nya saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, bahawa di-Kuala Trengganu ada sa-buah bangunan Pusat Latehan Perguruan atau pun D.T.C. yang saya dapat fahamkan bahawa bangunan ini telah di-kosongkan hampir dua tahun. Jadi, yang saya maksudkan apa-kah bangunan ini akan di-tinggalkan bagitu sahaja buat sa-lama^2-nya. Sebab, apa yang saya tahu dan saya perchaya pehak Yang Berhormat Menteri Pelajaran juga tahu di-dua buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris di-Kuala Trengganu itu terpaksa belajar pagi dan petang ia-itu di-Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris Sultan Sulaiman dan di-Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris Tengku Bariah di-Pasir Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama^2 tahu bahawa sudah tentu ada perbedzaan-nya di-antara penuntut^2 yang belajar di-waktu pagi dan di-antara penuntut^2 yang terpaksa belajar di-sebelah petang sudah tentu kita fahamkan bahawa penuntut^2 yang belajar di-sebelah petang ini lebeh lemah daripada penuntut^2 yang belajar di-sebelah pagi atau pun di-waktu pagi. Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya pehak Kementerian Pelajaran tidak membuat sa-suatu chadangan yang segera untok mengisikan bangunan Pusat Latehan Perguruan yang letak-nya di-Pasir Panjang sa-bagaimana saya katakan tadi, maka saya sukachita menyampaikan hasrat ra'ayat di-kawasan bandar Kuala Trengganu supaya bangunan itu dapat di-gunakan bagi menampong penuntut^2 yang belajar di-sabelah petang di-kedua^2 Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris bagaimana yang saya telah sebutkan sakejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian Dewan ini; saya pun tidak tahu apa-kah sebab-nya nasib kedua^2 Sekolah Menengah ini yang tidak dapat di-tambahkan bilek^2 darjah atau pun di-tambahkan bangunan^2 baharu untok penuntut^2 atau pun keadaan^2 di-kawasan bandar Kuala Trengganu merupakan kepala negeri bagi negeri Trengganu itu supaya dapat belajar sa-terus-nya di-sabelah pagi sedangkan apa yang saya tahu Sekolah^2 Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris di-jajahan di-seluroh negeri Trengganu itu dapat belajar di-sabelah pagi sa-terus-nya. Jadi, itu-lah saya harap supaya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian berhubong dengan perkara ini dan kalau dapat di-dalam belanjawan pada masa akan datang ini akan di-kemukakan satu peruntokan bagi menambahkan bangunan atau pun bilek^2 darjah. Tuan Yang di-Pertua, kalau benar^2-lah pehak Kementerian Pelajaran dan pehak Kerajaan hendak memberi bantuan atau pun meninggikan anak^2 bumiputra atau pun anak^2 bangsa Melayu di-negeri ini, sebab tentu kita sama^2 tahu bahawa di-Trengganu atau pun di-Pantai Timor-lah tempat-nya ramai kanak^2 Melayu atau pun kanak^2 bumiputra di-dalam negeri ini. Kalau soal ini maseh di-chuaikan lagi atau pun tidak di-ambil perhatian dan tindakan yang sunggoh^2 dan berkesan saya yakin dan perchaya bahawa chita^2 hasrat dan tujuan yang telah di-uchapkan oleh pehak Kerajaan dan Kementerian Pelajaran hendak meninggikan taraf pelajaran bagi anak^2 Melayu ini maka akan berlaku-lah sa-bagaimana yang telah sudah 13 tahun Kerajaan Perikatan memerentah negeri ini sa-hingga dan terpaksa menyerahkan soal yayasan pengajian tinggi kapada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memainkan peranan soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran ia-lah berkenaan dengan guru^2 dua bahasa yang mengajar di-Trengganu atau pun di-Pantai Timor. Apa yang saya dapat fahamkan, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan guru^2 dua bahasa yang mengajar di-Pantai Timor itu ia-lah bilangan terbanyak-nya datang daripada Pantai Barat ini dan kebanyakan daripada mereka itu ada-lah guru^2 yang kontrek. Bila tamat sahaja kontrek-nya maka guru^2 itu pulang balek ka-Pantai Barat ini, maka akan di-hantar pula guru^2 yang baharu, pergi menggantikan tempat^2 yang di-kosongkan itu. Sedangkan kita sama^2 tahu bahawa guru^2 yang baharu itu sudah tentu-lah kurang kemahiran dan pengalaman-nya maka nyata-lah kalau perkara ini tidak di-ubahkan atau di-ambil suatu tindakan yang sa-wajar-nya maka penuntut^2 di-Pantai Timor itu sentiasa akan menerima guru^2 yang kurang berpengalaman dan guru^2 yang kurang kemahiran.

Jadi, kalau penuntut^2 itu sentiasa dari tahun demi tahun menerima guru^2 yang kurang pengalaman, kurang kemahiran maka bagaimana-kah murid^2 di-Pantai Timor sana akan dapat bertanding dengan murid^2 di-seluroh Malaysia Barat kita ini. Jadi, saya fahamkan soal ini amat-lah penting-nya di-ambil perhatian dan di-ambil tindakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Saya suka mengeshorkan di-dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat pehak Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau pun Kerajaan membuat satu quota supaya penerimaan guru dua bahasa ini di-ambil daripada penuntut[2] yang datang-nya daripada Pantai Timor supaya mereka tidak pergi ka-mana[2]; tidak-lah bagaimana yang telah berlaku sekarang ini, kalau di-ambil guru[2] banyak daripada Pantai Barat ini, bila sudah habis kontrek, pulang balek ka-Pantai Barat, tetapi kalau di-buat satu quota bagi memenohi kehendak guru dua bahasa ini untok orang[2] Pantai Timor maka tidak akan berlaku bagaimana yang telah berlaku bagaimana yang saya telah terang-kan sakejap tadi. Sekian.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to support this Bill to give the Minister power to establish and maintain educational institutions as provided for in this Bill. I am sure the Minister is aware that there is an acute shortage of secondary schools in Seberang Prai Utara and Bagan—and Seberang Prai Utara includes the constituencies of Seberang Utara and Bagan—and due to this shortage, boys and girls have to travel daily to Penang and Bukit Mertajam from Butterworth and even from Kepala Batas. Much of the time wasted in travel by these boys and girls could be better used in their studies and for outdoor activities.

Dato' Yang di-Pertua, just before the last General Election, our then Minister of Education agreed to provide money for the building of a secondary school on a piece of land in Telok Ayer Tawar provided for by the Catholic Mission of Penang and to give full aid to this secondary school. After the Election, many changes took place in the Cabinet and, as there was a change in the Education Ministry, this matter appeared to have been shelved and forgotten. As this land is still available, I trust the new Minister—the present Minister—would care to revive this matter and help to provide yet another secondary school in Butterworth to save a few hundred boys and girls from daily travelling to Penang and Bukit Mertajam for their secondary education. Thank you.

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang[2] yang di-bahathkan ini. Sunggoh pun bagitu ada beberapa perkara yang patut di-ambil perhatian. Satu, berkenaan dengan bayaran biasiswa. Pada pendapat saya, bayaran biasiswa ini hendak-lah di-segerakan, sa-patut-nya di-bayar pada awal Penggal Pertama Persekolahan, akan tetapi selalu di-dapati ia-itu bayaran ini di-buat pada bulan September. Ini ada-lah menyebabkan murid[2] berada di-dalam kegelisahan.

Dasar pembahagian biasiswa pula patut-lah di-perbaiki sadikit. Selalu di-dapati dasar ini di-salah-gunakan oleh pegawai[2] yang berkenaan. Pembahagian biasiswa sa-patut-nya di-tumpukan kapada pelajar[2] miskin yang layak atau pun yang layak akan tetapi tidak mampu. Jangan-lah di-berikan kapada anak[2] sunggoh pun layak, akan tetapi mampu dahulu.

Lagi satu ia-lah penubohan Kolej Sains. Di-dapati baharu[2] ini satu Kolej Sains aliran Melayu telah di-tubohkan di-Seremban. Ini kita semua menguchapkan ribuan terima kaseh, akan tetapi jikalau di-perhitongkan banyak-nya murid[2] Melayu, di-Kelantan patut-lah Kolej Sains itu di-benakan—di-Kelantan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga harus menyegerakan beberapa sekolah[2] lagi benaan-nya di-luar[2] bandar saperti di-kampong[2] di-Kelantan. Pada masa ini tempat[2] ini ter-sangat kekurangan sekolah dan jikalau ada pun tersangat baharu.

Berkenaan dengan guru[2] yang terlateh pula di-Sekolah[2] Rendah dan Sekolah Menengah di-Kelantan pada masa ini ter-sangat-lah kurang guru[2] ini. Sunggoh pun Penggal Pertama Persekolahan hampir habis, akan tetapi guru-nya tidak ada lagi. Di-harap Kerajaan akan mengambil perhatian di-dalam perkara ini dan akan mengikhtiar-kan, menghantarkan beberapa lagi orang guru[2] yang terlateh ini.

Berkenaan dengan asrama pula, kekurang-an asrama bagi penuntut[2] luar bandar di-Sekolah Menengah di-Kelantan sangat-lah kurang. Chontoh-nya, Komplek Sekolah[2] Kota Bharu ada-lah sa-buah komplek menengah atas aliran Melayu. Yang ada aliran sains tulin di-Kelantan. Sekolah ini menjadi tumpuan pelajar[2] dari seluroh negeri, tetapi tidak ada asrama menjadi satu masaalah yang besar kapada pelajar[2] itu.

Sekian sahaja saya memaalomkan dan harap Menteri Pelajaran akan mengambil perhatian. Terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Saya uchapkan terima kaseh kerana saya dapat mengambil kesempatan untok berchakap sadikit dalam Akta (Pindaan) Pelajaran, 1971, yang di-bentangkan di-Majlis kita pada hari ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian pada Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang penubohan Kolej dan Universiti di-negeri ini, yang mana, Dato' Yang di-Pertua, nampak-nya penempatan penubohan Kolej Universiti ini adalah berat sa-belah kerana sa-hingga hari ini kami di-sabelah Pantai Timor khas-nya di-negeri Trengganu tidak ada pun bayang[2] hendak di-jadikan kolej atau pun hendak di-jadikan sa-buah universiti.

Dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah dengar ada suara termasok suara saya sendiri meminta supaya Universiti Kebangsaan di-dirikan di-Pantai Timor, tetapi dengan apa perkiraan akhir-nya berkeputusan ia-lah di-adakan di-Ibu Kota. Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya pendudok[2] Pantai Timor ada-lah terdiri daripada dua gulongan yang terbesar ia-itu gulongan kaum tani dan kaum nelayan yang mana dua[2] kaum ini ada-lah yang paling rendah pendapatan-nya di-negara kita ini. Jadi untok menghantarkan anak[2] mereka ka-sekolah[2] tinggi dan universiti[2] di-Ibu Kota atau pun di-sabelah utara di-Universiti Pulau Pinang, maka menjadi kesulitan yang amat sangat kapada mereka walau pun anak[2]-nya mendapat kelulusan yang baik yang sa-bahagian-nya tidak mendapat perhatian di-dalam biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini harus di-pandang berat supaya tiga segi negara kita di-Malaysia Barat ini tidak senget, ia-itu di-sebelah utara telah ada, di-Ibu Kota sudah ada dan sa-patut-nya ada-lah satu di-Pantai Timor. Kalau-lah tidak dapat maka hendak-lah di-adakan Universiti Kolej di-sa-belah sana bagi mendapat kemudahan[2] kapada pelajar[2] di-sa-belah sini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya mengambil perhatian kapada pehak Menteri Pelajaran ia-lah tentang apa yang telah saya sebutkan pada masa uchapan saya yang lalu di-dalam Dewan ini, ia-itu tentang sekolah[2] ugama yang menerima Dasar Pelajaran Kebangsaan kita yang kurang mendapat perhatian pehak Kerajaan mana saya bandingkan saperti di-Trengganu yang mengandongi ada sa-belas (11) Sekolah Menengah Ugama yang 100% terdiri daripada anak bumiputera yang sistem pelajaran-nya ada-lah mengikut sistem pelajaran Malaysia kita. Tetapi peruntokan yang di-beri kapada sekolah[2] itu yang mengandongi murid-nya lebeh kurang 6,000 orang ada-lah di-peruntokkan di-beri bantuan kapada sekolah[2] ugama yang tidak chara memuaskan dan sa-bahagian-nya di-biayai oleh Kerajaan Negeri yang serba kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan harus Kerajaan mengambil inisiatif dengan memberi bantuan yang sa-penoh[2]-nya dan sa-patut-nya kapada sekolah[2] menengah ugama yang menerima sistem pelajaran Kerajaan kita atau pun sistem pelajaran kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian lagi, ia-itu tentang Universiti Islam di-negara kita ini. Kita dengar ada ura[2] hendak mengadakan sa-buah Universiti Islam, entah bila, saya tidak tahu sama ada tahun 1980, tahun 1981, saya tidak tahu. Tetapi dengan tidak ada-nya sa-buah Universiti Islam di-negara kita ini, maka amat-lah tidak memenohi hasrat dan kehendak ra'ayat Islam di-dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saperti saya katakan tidak kesemua-nya orang[2] dalam negeri ini chenderong di-dalam satu bidang sahaja tetapi ada orang lain chenderong di-bidang yang lain. Jadi ada sa-tengah[2]-nya chenderong di-dalam bidang pelajaran Islam dan dalam bidang yang kait-mengait dengan Islam, maka sa-patut-nya sa-hingga hari ini di-tubohkan dengan segera pembenaan sa-buah Universiti Islam, sebab kalau benda yang lain boleh di-buat sa-chara segera, maka penubohan sa-buah Universiti Islam harus-lah di-segerakan juga.

Tuan Yang di-Pertua, kedudokan sekarang nampak-nya Kolej Islam yang ada sekarang ini hanya sudah menjadi sa-buah Sekolah Menengah sahaja, kalau dahulu merupakan sa-buah Kolej Islam yang walau pun pada keadaan-nya pada kedudokan ada sadikit sabanyak yang tidak bersamaan dengan pehak Kementerian Pelajaran tetapi kedudokan-nya sa-bagai tempat yang tertinggi sa-bagai asas yang telah di-asaskan oleh pengasas[2] yang betul[2] berjiwa Islam, maka Kolej Islam ada-lah sa-buah tempat yang tertinggi dalam bidang pelajaran Islam, tetapi kedudokan sekarang nampak-nya Kolej Islam ada-lah

merupakan sa-bagai sa-buah sekolah menengah sahaja. Maka sa-harus-nya sekarang ini pehak Kementerian Pelajaran menimbangkan hal ini dengan sa-berapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, ingin saya menyebutkan tentang pengawalan tata-susila pelajar[2] kita di-Kolej[2] dan di-Universiti[2]. Saya dengar semalam bahawa kita hendak mengadakan pengawalan berhubong dengan hal politik dan sa-bagai-nya di-sekolah[2] tinggi atau pun yayasan tinggi di-negara ini. Jadi, saya semalam tidak-lah berkesempatan mengambil bahagian dan hari ini saya ingin menyebutkan di-dalam Dewan yang mulia ini bahawa yang menjadi masaalah kapada kita di-negara Malaysia ini sa-bagai sa-buah negara di-Asia yang mempunyai kebudayaan sendiri, ia-lah tata-susila pelajar[2] kita. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Menteri yang berkenaan memikirkan tentang bagaimana satu chara untok kita jalankan supaya pelajar[2] di-negara kita ini yang berada dalam keadaan tata-susila yang sempurna sesuai dengan keadaan kita di-Asia ini, khas-nya di-Malaysia ini. Kita tidak mahu sa-tengah[2] daripada pelajar[2] kita ini mengikut terlampau banyak tata-susila daripada barat saperti terlampau panjang rambut-nya, saperti seluar-nya terlampau tidak menyenangkan dan sa-bagai-nya kalau di-lihat; semua kita tahu keadaan ini, jadi sa-patut-nya kita usaha membuat satu chara supaya di-adakan kawalan yang memuaskan kehendak atau pun hasrat ra'ayat dalam negeri ini dan dengan memberi penerangan yang benar[2] jujor, benar[2] jelas kapada pelajar[2] kita, bukan kita ini bertujuan hendak menekan mereka dari segi tata-susila, tetapi hendak alirkan mengikut aliran kita di-Malaysia dan di-Asia ini.

Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya ingin menarek perhatian lagi kapada Menteri Pelajaran ia-lah tentang permohonan saya kapada Menteri Pelajaran supaya di-kurangkan sadikit bayaran pepereksaan sekolah kerana kedapatan sekarang bayaran untok memasoki pepereksaan sekolah baik pepereksaan dalam Sijil Rendah, Sijil Persekolahan Persekutuan atau pun Sijil Tinggi Persekolahan ada-lah di-anggap mahal dan menjadi kesulitan kapada kaum[2] yang miskin, orang yang miskin untok membayar-nya. Timbul macham[2] cherita, ibu bapa pergi bergadai di-kedai[2] pajak untok memberi wang kapada anak[2]-nya untok memasoki pepereksaan dan kejadian[2] pergi dekat cheti, atau pun pergi dekat pembunga[2] wang untok mendapatkan wang bagi membiayai anak[2]-nya untok memasoki pepereksaan. Jadi, saya harap Menteri Pelajaran kita supaya memikirkan hal ini untok di-timbang sa-mula sesuai dengan keadaan ra'ayat kita yang terlampau miskin di-negara kita ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan ribuan terima kaseh atas keizinan Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya memberi sadikit uchapan dalam Majlis yang permai ini dan juga saya banyak[2] menerima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran siapa yang memberi penerangan berkenaan dengan pelajaran di-dalam sekolah, atau pun akan membangunkan sekolah tinggi atau pun sekolah kolej. Ini ada-lah saya junjong sangat tinggi-nya dan tidak ketinggalan juga saya menguchapkan terima kaseh kapada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang ada mengatakan di-negeri Sarawak dan negeri Sabah ada-lah sangat kurang tentang pelajaran. Ini-lah saya tidak dapat menyatakan satu persatu-nya, tetapi perkataan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu sangat-lah benar dan betul pada tempat-nya dan di-sini saya suka merujok sadikit berkenaan dengan Sarawak bagi negeri kami sejak memasoki di-dalam Malaysia ini daripada tahun 1963 dan merujok kapada pelajaran ini sa-hingga-nya pada tahun 1968 atau awal tahun 1969. Saya nampak di-dalam pelajaran ini maseh lagi juga sunggoh pun sudah dapat merdeka jejak dan langkah-nya maseh juga saperti langkah tukang penjajah ya'ani British dahulu tidak bertukar sa-hingga pada tahun 1968. Ini-lah yang mendukachitakan kami di-sana dan ada sa-tengah-nya juga saya ketahui di-dalam kampong saya atau pun di-kampong[2] kawasan[2] saya yang di-luar bandar ada mempunyai pelajaran yang rendah dari Primary 1 hingga Primary 3 di-dalam sa-buah kampong. Kemudian ada juga di-dalam satu kampong dari Primary 4 sa-hingga ka-Primary 6. Jadi soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah mengganggukan atau menyusahkan kapada ibu bapa mereka oleh sebab dari Primary 1 ini hingga ka-Primary 3 daripada satu kampong yang hanya sampai ka-Primary 3 sahaja. Kemudian dari Primary 3 ini di-pindahkan ka-Primary 4 hingga ka-Primary 6 pada kampong yang lain, kampong yang jauh. Jadi, kapada mereka yang tidak

mampu tidak-lah dapat mereka menghantar-kan anak[2] mereka kerana kampong-nya jauh dan lagi hal ini, saya ingat, kalau saya tidak salah, di-antara Ahli[2] Yang Berhormat sini yang telah pernah melawat dan menjejak kaki-nya di-kampong kami ini di-Sarawak yang terutama-nya sa-kali kampong yang di-luar di-tepi laut. Ini-lah yang mendukachitakan bagi kami dan sa-benar-nya apabila mereka telah sampai ka-Primary 6 apabila mengambil Entrance Examination, ini-lah yang mendukachita sangat. Di-dalam kelas Primary 6 yang mengambil Entrance Examination banyak bilangan murid-nya ia-lah 100 orang, tetapi hanya yang mendapat lulus 3 orang, atau 5 orang, atau 9 orang tidak sampai 10%. Jadi bagaimana-kah yang tidak lulus ini umor mereka sudah meningkat 12 tahun. Bagi ibu bapa mereka yang ada mempunyaï kuasa atau pun mampu, dapat-lah mereka menghantarkan anak mereka kapada Private School, tetapi pada mereka yang tidak mampu sangat-lah dukachita kita melihat keadaan-nya tidak dapat mengirimkan anak-nya pada Private School dan yang dapat menghantar anak-nya kapada Private School itu tidak lebeh daripada 20% dan 75% itu tidak dapat menghantarkan anak-nya kapada Private School. Jadi, ini-lah yang mendukachita kami. Jadi peratoran ini ada-lah mengikut peratoran penjajah dahulu tidak ada perubahan sahingga sampai sekarang, tetapi sekarang, saya harap barangkali Kerajaan baharu ini akan mengubah sikap ini untok kepentingan anak[2] bangsa bumiputra terutama sa-kali yang tidak mampu dan di-sini juga saya suka menyentoh sadikit berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan. Dahulu-nya di-dalam tahun 1963 hingga 1965, 1966, 1967 selalu di-suarakan, kita akan mengadakan memintakan Bahasa Kebangsaan ini supaya di-beri di-dalam pelajaran sekolah[2] yang rendah, atau sekolah[2] tinggi, tetapi dukachita-nya ini kerana Kerajaan yang dahulu itu tidak ada sambutan sama sa-kali pada permintaan ra'ayat. Ini-lah maka kemundoran negeri kami melarat[2] sampai sekarang saperti yang di-katakan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

Ini-lah sahaja, saya uchapkan sa-tinggi[2] terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to congratulate the Honourable Minister of Education for moving this small but, I think, very momentous Bill, it is quite an important Bill, although short as it is. I think it marks another step forward, that we are taking in this country to provide the educational infrastructure that will lead this nation forward. I think hidden in this very small amendment are provisions for the kind of educational institutions that will provide for the economic advancement which this country looks forward to achieve.

However, I would like to caution the Government that throughout the process of amendments to the Education Act from 1952 to 1956, 1961 and now this amendment to the 1961 Act, we have always to bear in mind the real cost of the educational institutions that we are going to provide. And unless the people are made aware of the objectives of the amendments to the Education Act and the objectives of the provisions of the new educational institutions that we are providing, the people will not readily be aware also of their responsibilities in contributing to the taxes that must necessarily be insisted upon, because the provisions for these institutions will increase. Sir, without any doubt there now must come a time when over and above all the problems that confront the different Ministers of Education, and I am sure they have now accumulated heavily on to the present Minister, the problem of how to bring it across to the people that the educational infrastructure for national unity and for national advancement is something which is very great.

Sir, I believe there has been some mention about the University of Penang and so on, but I think the Honourable Minister will agree that the State of Penang and in fact the local authorities in the State of Penang participated as far as it is possible from the financial means of the State for the provision of the University of Penang. However, Sir, what I would like particularly to touch upon is that quite apart from just making this provision for new institutions, the Ministry must embark upon a very strenuous public relations programme to explain to the people in our country that for the economic advancement that we want to make, there must be new attitudes in the schools, not only amongst the teachers but also amongst the pupils; not only amongst the pupils but also amongst the parents of the pupils to train the students towards the objectives that we are now aiming for. Sir, we have talked about rural urbanisation and rural industrialisation, the

need of redressing economic imbalances and the need for reaching out towards industrialisation, and I must presume that these new schools and the new educational institutions which the Act provides for are aimed in that direction. But unless the people themselves are awakened to the fact that there is this need then, Sir, I think the Ministry will find itself tangled more and more into arguments that will keep us arguing over matters of the past rather than to move forward.

Sir, I hope the Honourable Minister while examining this question of the need, first, to get the people involved in the further educational development in this country, and, secondly, to find the cost to maintain these new educational institutions he will also at the same time look into the problem of the 2½% education rate which many of the local authorities have to bear in order to sustain many of these educational institutions. In private I have discussed with the Honourable Minister many of the issues, but in this House I feel it is necessary on a larger issue, to think that perhaps if the public relations are better, then the 2½% education rate is more easily forthcoming; on the other hand, if the public relations are not as good then the 2½% that will be required for the cost of maintaining these institutions may not be so easily forthcoming. Thank you.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, mula[2] bila saya kemukakan Rang Undang[2] ini, saya ingat tentulah saya mengambil masa dalam 50 minit sahaja, fasal benda ini nampak-nya pendek dan benda ini berkaitan dengan Undang[2] yang baharu kita luluskan semalam. Tetapi nampak-nya saya tidak boleh buka mulut. Bila saya buka mulut banyak-lah Ahli[2] Yang Berhormat sendiri mengemukakan rayuan[2]-nya. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kapada Ahli[2] Yang Berhormat kerana mengemukakan masaalah[2] yang telah di-kemukakan tadi. Saya tidak-lah dapat menjawab dengan butir[2] kapada semua-nya pandangan[2] itu dan saya chuba menjawab sa-berapa yang boleh atas perkara[2] yang besar[2] dan berkenaan dengan butir[2]-nya, saya tidak dapat-lah memberi jawab-nya ketika ini.

Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara bertanya masaalah "special school" ini. "Special school" ini ia-lah di-kehendaki sa-umpama sekolah[2] buta, pekak dan sa-bagai-nya yang di-katakan "special school" itu. Kita pun ada sekolah[2] yang sa-umpama ini di-Pulau Pinang dan Johor Bahru dan tempat[2] lain. Ini-lah ma'ana-nya "special school". Masaalah "agricultural school" (sekolah pertanian) bagi tanggongan Kementerian Pelajaran ia-lah termasok dalam bahagian vokeshenal "bies kapada agricultural science". Tetapi kalau agricultural school yang tepat, perkara ini ia-lah di-bawah pentadbiran Kementerian Pertanian dan Tanah.

Masaalah sekolah[2] ugama sa-bagaimana yang telah saya terangkan, perkara ini ia-lah bukan-lah tanggongan atau dalam kuasa Kerajaan Pusat atau Kementerian saya. Perkara ini ia-lah kuasa-nya terletak di-tangan Kerajaan Negeri masing[2], dan terpulang-lah kapada Negeri[2] itu sama ada berkehendak-kan sekolah[2] itu di-pindahkan, atau di-tadbir-kan oleh Kerajaan Pusat atau pun sa-balek-nya.

Berkenaan dengan "universiti grants commission" rasa saya tidak-lah berbangkit dalam soalan ini. Itu saya akan tengok juga chadangan sa-umpama ini dan saya akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris kerana ada pandangan daripada Ahli[2] daripada Sarawak dan Sabah membangkitkan perkara[2] masaalah di-sana.

Mr Speaker, Sir, as I have always indicated, I have every sympathy, in fact great sympathy, for the people in Sabah and Sarawak as far as the educational facilities are concerned. The Education Ministry is doing its best to assist in every way possible to give help in many forms, in the form of teachers, grants, financial assistance and such matters, but as I said within the limits made possible in view, as I have always stressed, of the existence of the Inter-Governmental Committee Report. As I have said, I would welcome if initiative is taken by the States concerned to approach the Central Government, so that the Central government will be in a position to come over fully to the assistance of these States in matters of education.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara menyebutkan Biro Istilah. Bagaimana Ahli Yang Berhormat itu tahu Biro Istilah kita ia-lah Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia ada mempunyai Jawatankuasa[2] dalam berbagai[2]

bidang yang di-anggotai oleh mereka yang boleh di-katakan ahli dalam bidang[2] ini. Sa-lain dari itu Dewan ini juga menjadi badan penyelaras bagi badan[2] lain yang berminat di-dalam perkara ini.

Ini satu perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut, ia-itu masaalah Kolej Islam dan Universiti Islam. Bagaimana yang di-ketahui oleh Yang Berhormat itu Kolej Islam telah di-tubohkan dan di-pindahkan kapada Fakulti Islam di-Universiti Kebangsaan. Dan ini-lah janji Kerajaan Perikatan dalam masa pilehanraya dan sa-terus-nya yang mengatakan bagi langkah yang pertama Kolej Islam itu akan di-pindahkan kapada Universiti Kebangsaan sa-bagai satu Fakulti dan pada masa-nya kelak akan di-tubohkan Universiti Islam. Ini perjanjian bukan sahaja oleh sa-orang Menteri bahkan perjanjian yang telah terang, nyata, di-terangkan kapada khalayak ramai bila masa pilehanraya. Jadi itu-lah sebab-nya sunggoh pun ada kita mendengar dugaan[2] masaalah menubohkan Universiti Kebangsaan ini, Kerajaan tidak-lah—bukan malu mengatakan ini tidak sa-kali[2] Kerajaan berjanji menubohkan Universiti Islam pada masa ini, atau pada masa dua tiga tahun yang akan datang. Masaalah ini terang, pendirian Kerajaan atas masaalah ini terang, ia-itu bagi permulaan kita jadikan Fakulti Islam di-Universiti Kebangsaan dan kelak pada satu masa harus dan tentu harus patut Universiti Islam ini di-tubohkan. Masa-nya saya tidak-lah dapat menerangkan.

Berkenaan dengan the points raised by the Honourable Member for Tanjong, I thank him for the observations which he has made and I am aware of the points that he has raised. He has mentioned that we have had some discussion with regard to matters that he has raised and I assure him that I will do the best I can to assist in every way I can with regard to the difficulties which the Penang State is facing as regards educational facilities.

Of course, as he has warned us, increased facilities mean increased cost, Dato' Yang di-Pertua, I am fortunate in the sense that I do not have to worry about how the money has to be raised. I leave it to my colleagues to think about how to raise money. I am in the spending department and I think, as the public has said, it is a Ministry which is making a lot of investment and they say it is a worthwhile investment and, therefore, I am rather boldened by the fact that the people accept it as such and the only thing is whether my colleague, the Minister of Finance, will be able to supply me the additional funds if I ask him to supply me from time to time.

Now, as regards the other matters which have been raised by Honourable Members here, as I said, I will not be able to answer them as they involve matters of detail. But I have noted them and in due course, perhaps, if any of them can be put into effect, I will certainly do so.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian saya, itu-lah jawapan[2] saya yang dapat saya beri kapada pandangan[2] yang telah di-berikan oleh Ahli[2] Yang Berhormat.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang[2] di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang[2] di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

Rang Undang[2] di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan di-tempohkan sa-lama 10 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.10 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.40 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG[2] PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin supaya Rang Undang[2] Pengambilan Tanah (Pindaan) Akta, 1971 di-bacha bagi kali yang kedua.

Majlis Gerakan Negara mengikut Emergency (Essential Powers) Ordinance, 1969 telah meluluskan saperti di-ishtiharkan dalam P. U. (A) 515, bertarikh 18hb Disember, 1969 pindaan kapada Akta Pengambilan Tanah tahun 1960. Pindaan tersebut ia-lah kerana melanjutkan masa daripada 6 bulan kapada 12 bulan di-antara tarikh Pamberitahuan di-bawah Sekshen 4 dan Perishtiharan di-bawah Sekshen 8 Akta Pengambilan Tanah, 1960. Tujuan Rang Undang[2] ini ia-lah untok memasokkan sa-mula dalam suatu undang[2] kekal peruntokan Peratoran Perlu (Pengambilan Tanah) 1969 yang telah meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960.

Usul pindaan ini telah di-datangkan oleh pehak Berkuasa Negeri dan telah di-persetujukan oleh Majlis Tanah Negara di-sebabkan masa 6 bulan saperti terkandong di-dalam Undang[2] yang ada ia-lah sangat sengkat bagi pehak yang berkuasa Negeri menjalankan penyiasatan dan kajian yang lebeh halus dan mendalam untok menentukan dengan muktamad sama ada tanah[2] yang di-nyatakan di-dalam Pemberitahuan di-bawah sekshen 4 itu benar[2] untok kegunaan yang di-maksudkan itu. Ada pun tujuan pemberitahuan di-bawah Sekshen 4 itu ia-lah sa-mata[2] menyatakan hajat Kerajaan akan pengambilan sa-suatu tanah milek swasta itu untok kegunaan Kerajaan yang tertentu. Pemberitahu tersebut hendak-lah di-ikuti kemudian dengan satu pengishtiharan di-bawah Sekshen 8 menyatakan bahawa tanah[2] itu benar[2] di-kehendaki untok kegunaan yang di-tentukan. Sa-terus-nya baharu-lah pembicharaan di-jalankan untok pengambilan balek tanah itu dan menetapkan gantirugi yang patut di-bayar.

Mengikut peruntokan yang sedia di-bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960, Pengishtiharan di-bawah sekshen 8 hendak-lah di-buat sa-lewat[2]-nya 6 bulan sa-lepas tarikh Pemberitahu di-bawah sekshen 4 dan dengan demikian maka harga tanah itu akan di-nilai saperti terdapat pada tarikh Pemberitahu di-bawah sekshen 4 yang di-buat. Sa-balek-nya, jika pengishtiharan di-bawah sekshen 8 di-buat lewat dari tempoh 6 bulan yang tersebut, maka harga tanah itu hendak-lah di-nilai saperti harga yang terdapat pada tarikh Pengishtiharan itu. Bagi projek kechil, ini tidak menjadi masaalah, tetapi bagi projek[2] yang besar saperti kompleks perusahaan dan sa-bagai-nya, 6 bulan sangat-lah sengkat bagi membuat penyiasatan dan kajian dan menentukan sama ada tanah itu sesuai atau pun tidak. Pada biasa-nya, penyiasatan dan kajian ini dapat di-laksanakan di-dalam tempoh yang lebeh sengkat daripada 12 bulan. Oleh itu perlu-lah tempoh tersebut di-lanjutkan daripada 6 bulan sa-hingga 12 bulan di-atas alasan[2] yang telah saya sebutkan supaya apabila perlu tempoh bagi menguruskan ada-lah menchukupi.

Dengan pindaan ini pehak yang berkuasa ada-lah mendapat masa yang lebeh panjang ia-itu selama 12 bulan bagi mengishtiharkan di-bawah sekshen 8 Undang[2] Pengambilan Tanah tahun 1960 sa-telah Pemberitahu di-buat di-bawah sekshen 4 Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan ini saya menchadangkan supaya Rang Undang[2] Pengambilan Tanah tahun 1960 (Pindaan) Akta, 1971 di-bacha kali yang kedua.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini ia-lah untok menguchapkan jutaan terima kaseh kapada pehak Kerajaan yang telah menyedari betapa perlu-nya Rang Undang[2] yang saperti ini di-buat dan di-bentangkan di-dalam Dewan ini.

Dato' Yang di-Pertua, masa enam bulan yang di-beri di-bawah peratoran yang lama memang pernah kita dengar sungutan[2] daripada Pegawai[2] Kerajaan yang menjalan tugas, terutama sa-kali apabila tanah[2] itu hendak di-ambil bagi projek[2] yang besar maka sungutan[2] yang kita terima yang pernah di-keluarkan oleh sa-tengah[2] Pegawai Kerajaan ia-lah kesuntokkan masa dan di-dalam keadaan kesuntokan masa saperti itu kadang[2] terjadi-lah perkara[2] yang kurang di-ingini oleh sa-tengah[2] pehak. Apabila terjadi demikian, mengikut masa[2] yang lepas maka kapada Pegawai Kerajaan itu-lah di-letakkan kesalahan-nya, tetapi dengan ada-nya pindaan yang saperti ini, Dato' Yang di-Pertua, saya merasa ini ada-lah satu benda atau pun suatu perkara yang memang di-tunggu[2] oleh sa-tengah[2] Pegawai Kerajaan yang benar[2] jujor dalam menjalankan tugas mengenai dengan perkara ini kerana dengan masa sa-lama dua belas bulan yang kita akan berikan kapada mereka dapat-lah mereka menjalankan kerja dengan baik, membuat kajian sa-chara teliti dengan chermat dan dengan keadaan demikian akan

terlepas-lah ra'ayat jelata negeri ini daripada perkara^2 yang kurang menyenangkan.

Dato' Yang di-Pertua, walau pun saya mengatakan bahawa ini ada-lah perkara yang baik, saya suka juga mengingatkan kapada Yang Berhormat Menteri supaya dalam masa kita memberi masa dua belas bulan kapada Pegawai^2 Kerajaan untok menjalankan tugas di-bawah sekshen ini, jangan-lah pula perkara^2 yang kechil, erti-nya kita hendak mengambil tanah untok projek^2 yang kechil kita membiarkan pegawai^2 tadi hendak mengambil kesempatan dari masa dua belas bulan, pada hal benda itu boleh di-selesaikan dalam tempoh dua bulan atau tiga bulan, kerana kalau tidak pengawasan saperti ini akan memberikan peluang kapada sa-tengah^2 Pegawai Kerajaan yang bilangan-nya kechil dalam negeri ini, yang suka melambat^{2}kan satu perkara itu maka dia pun menggunakan kesempatan di-bawah pindaan ini.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka sentoh di-sini, oleh kerana Akta yang di-bentangkan ini ia-lah Akta Pengambilan Tanah, erti-nya kita hendak mengambil tanah dari ra'ayat. Apabila kita menyebut kita hendak mengambil tanah dari ra'ayat ini akan melibat-lah tanah kebun, tanah sawah, tanah bendang, tapak rumah dan lain^2 kepunyaan ra'ayat. Dalam negara kita ini ra'ayat-nya bukan semua senang dan ada ra'ayat yang susah. Kalau yang susah sahaja tidak lagi menghairankan kita, tetapi ada ra'ayat yang paling susah, tetapi mempunyai juga sa-tengah ekar tanah atau pun sa-suku ekar tanah itu, Dato' Yang di-Pertua, perkara^2 yang tidak dapat di-fahami oleh Yang Berhormat Menteri, juga oleh mana^2 pehak apabila kita hendak membuat suatu projek^2 yang besar, saya katakan-lah saperti ranchangan Parit dan Tali Ayer itu di-laluï di-atas tanah. Apabila benda itu di-laluï di-atas tanah maka tanah ra'ayat terpaksa di-ambil. Kebiasaan-nya bendang^2 padi ini di-punyaï oleh ra'ayat^2 yang miskin. Maka mengikut penyiasatan yang di-jalankan oleh pegawai yang berkenaan, mahu tidak mahu terpaksa-lah di-ikuti dengan pelajaran yang di-dapati dalam persekolahan dahulu, erti-nya walau pun terkena tanah itu tanah orang miskin. demi kelancharan projek itu dia mesti lalu ikut tanah itu, erti-nya dalam penyelidekan dan dalam penyiasatan kita tidak mengenal orang miskin atau orang kaya. Mana tanah yang mesti di-laluï mengikut kaedah itu mesti di-ambil dan di-buat benda yang kita hendak buat.

Maka dalam masaalah saperti ini-lah, Dato' Yang di-Pertua, walau pun projek yang kita buat itu sangat^2 baik saperti Ranchangan Parit dan Tali Ayer, tetapi pernah kita mendengar ra'ayat menangis dengan projek Parit dan Tali Ayer. Ra'ayat yang menangis-nya ia-lah ra'ayat yang tanah-nya hanya sa-ekar atau pun sa-tengah ekar, tetapi projek Parit dan Tali Ayer itu terkena di-atas tanah-nya. Bagi orang^2 yang saperti ini-lah yang saya ingin meminta jaminan daripada Yang Berhormat Menteri di-dalam Dewan ini, apa-kah boleh atau tidak, demi kepentingan ra'ayat yang miskin, ra'ayat yang ingin mengechap nekmat daripada projek Kerajaan, ra'ayat yang ingin merasaï Ranchangan^2 Pembangunan sa-kira-nya terkena di-atas tanah sa-tengah ekar itu, dia itu, itu-lah sahaja mempunyaï tanah di-dalam Malaysia ini, tidak ada apa yang lain lagi. Boleh atau tidak pehak Kementerian membuat satu dasar ia-itu sa-lain daripada kita membayar sagu hati atau pun membayar harga tanah itu, tidak-kah boleh di-beri keutamaan kapada mereka bagi mendapat ganti balek di-tempat lain dengan chara ia juga membayar, bukan Kerajaan membayar, kerana yang saya sebut saperti ini, Dato' Yang di-Pertua, dari apa yang saya lihat sendiri di-kawasan saya, jawapan yang pernah di-beri oleh pehak yang berkenaan, apabila datang-lah orang yang miskin dan menderita, dia mengadu tanah-nya yang sa-tengah ekar itu-lah sahaja yang ada dan tanah itu terpaksa di-ambil oleh Kerajaan maka jawapan-nya yang di-beri tentu-lah Ranchangan Parit dan Tali Ayer ini tidak boleh di-buat atas langit, mesti di-buat di-atas tanah. Jadi, tanah awak yang terkena maka tanah awak yang patut di-ambil. Kerajaan bukan ambil sahaja, Kerajaan bayar duit. Itu sahaja pertimbangan yang pernah di-beri.

Masaalah yang di-sungutkan oleh ra'ayat yang miskin ini tidak-kah boleh dengan jasa baik mana^2 pegawai tadi memberi pertimbangan istimewa. Maksud saya, Dato' Yang di-Pertua, pertimbangan istimewa, bukan pertimbangan biasa; tidak-kah boleh di-beri suatu pertimbangan istimewa supaya sa-sudah kita ambil tanah itu Kerajaan beri tanah lain kapada dia dia boleh memajukan tanah itu dengan menggunakan wang yang di-bayar oleh Kerajaan di-atas tanah yang di-ambil.

Yang kedua, saya masok pula masaalah kalau terkena tapak rumah. Bagi orang Melayu hanya-lah sa-bilangan kechil sahaja, Dato' Yang di-Pertua, yang dapat peluang memileki tanah di-dalam bandar atau pun di-pinggir[2] bandar. Bagi mereka yang dapat peluang dapat satu lot untok tapak rumah di-pinggir bandar atau dalam bandar ini, tiba[2] rumah yang sudah di-dirikan di-pinggir bandar atau di-dalam bandar itu terkena dengan ranchangan Kerajaan. Maka pindah-lah rumah itu—Kerajaan bayar. Masaalah Kerajaan bayar tidak timbul lagi. Apabila Kerajaan sudah bayar kapada mereka maka sa-lama[2]-lah mereka tidak akan berpeluang lagi mendapat tanah di-dalam bandar, kechuali Kerajaan sanggup memberi pertimbangan istimewa kapada mereka supaya mereka juga dapat mempunyaï tanah saperti itu di-tempat lain dengan bayaran daripada wang yang di-bayar oleh Kerajaan tadi. Kalau ini dapat di-beri jaminan, bukan sahaja jaminan pada chakap, tetapi jaminan pada perlaksanaan-nya maka saya rasa tidak-lah timbul lagi ra'ayat yang menchachi Kerajaan di-sabalek kebaikan sa-suatu ranchangan Kerajaan.

Sa-sunggoh-nya, Dato' Yang di-Pertua, dalam menilaikan kebaikan sa-suatu ranchangan ini tidak ramai orang yang suka berchakap untok terima kaseh di-atas kebaikan, tetapi ramai orang yang suka berchakap mengenaï dengan benda yang kechil[2] yang menyakitkan hati ra'ayat di-dalam sa-suatu projek. Jadi, dengan sebab itu-lah saya di-dalam Dewan yang mulia ini, saya meminta sunggoh[2] kapada Kerajaan supaya memikirkan benda ini. Dengan kuatkuasa Undang[2] tidak boleh di-buat, tetapi apa yang saya fikir, dengan kajian yang mentah, pada saya ini saya rasa boleh Kerajaan melaksanakan apa yang saya minta ini dengan chara mengeluarkan dasar, mengadakan satu dasar yang kemudian berasas daripada dasar itu pehak Kementerian yang berkenaan boleh mengeluarkan satu arahan yang tertentu kapada pegawai[2] itu supaya dapat mengatasi benda ini demi kepentingan ra'ayat yang miskin. Sekian-lah, Dato' Yang di-Pertua.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul ini, tetapi saya pandang untok mengambil tanah atau pun Kerajaan mengambil tanah ra'ayat untok membuat parit dan tali ayer bagi NEB untok kegunaan Kerajaan atau pun membuat sekolah jenis hostel dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah shor baharu daripada saya. Shor baharu daripada saya ini, ia-lah Kerajaan pada hari ini, Kerajaan kita hendak meninggikan taraf hidup orang[2] kampong, orang[2] yang ta' bertanah akan di-beri tanah; orang[2] yang menyewa tanah, akan menjadi tuan tanah, bukan untok merampas hak orang[2] yang mempunyaï tanah oleh kerana melanggar Perlembagaan kita. Tetapi Kerajaan terpaksa-lah memikirkan orang[2] yang ta' mempunyaï tanah akan tidak mempunyaï tanah sa-lama[2]-nya. Ini terjadi di-Krian di-mana orang[2] kita mengerjakan tanah berpuloh[2] tahun menyangkul, peloh dia sampai habis ka-bawah tanah, tulang urat-nya sampai tua sudah berkedut, tidak mempunyaï tanah. Alang-kah kasehan kapada mereka ini. Tuan[2] tanah mempunyaï tanah, bukan sa-ratus ekar, bukan dua ratus ekar, tetapi beribu ekar mempunyaï tanah[2] sawah ini, tetapi ra'ayat yang ta' mempunyaï tanah ini sangat[2] menderita. Dengan hal yang demikian bukan one way traffic sahaja, ia-itu Kerajaan membeli tanah untok kegunaan Kerajaan. Sekarang kita minta kapada Kerajaan membeli tanah, acquire tanah ini untok kegunaan ra'ayat (public purpose) ia-itu macham mana telah terjadi di-Taiwan, land reform di-Taiwan. Saya ta' hendak getah, saya ta' hendak kelapa sawit, tetapi saya hendakkan land reform, berkenaan dengan tanah sawah padi tadi. Orang[2] yang tidak mengerjakan tanah sawah oleh kerana dia senang, tentu-lah tidak kerjakan tanah sawah-nya maka orang[2] ini di-beri tanah, di-beli oleh Kerajaan tanah itu, kemudian di-beri kapada orang ini, atau pun orang[2] yang mempunyaï banyak tanah ini di-beli oleh Kerajaan dan di-beri kapada orang[2] yang menyangkol tanah—land for the tillers. Jadi Kerajaan mesti berani mengambil tindakan ini. Kalau tidak Kerajaan berani mengambil tindakan ini, tentu apa sahaja Kerajaan kerjakan untok meninggikan taraf hidup orang[2] kita di-sawah[2] padi yang tidak mempunyaï tanah tidak akan dapat di-chapai. Dengan hal yang demikian, di-Taiwan ada land lord yang mempunyaï tanah, Kerajaan tidak rampas, Kerajaan menjalankan dengan sa-adil[2]-nya, menilai harga tanah[2] itu, mithal-nya satu ekar Kerajaan beli dengan harga $3,000 kalau, satu ribu ekar berharga $3 juta. Kemudian wang yang $3 juta ini beri kapada dia: Engkau kaya, sudah ada banyak tanah, sudah dapat duit compensation, atau pun valuation daripada Kerajaan, ah, nah! buat factory,

atau masok saham. Yang orang miskin ini, yang ta' bertanah ini sa-lama[2] ta' bertanah. Ah! ini dia kerjakan tanah ini sa-benar[2]-nya. Kemudian di-potong sa-chara beransor[2]. Jadi orang miskin yang ta' bekerja di-atas tanah yang bertahun[2] ini, apabila mendapat tanah yang sa-demikian, dia akan mengeluarkan lebeh banyak hasil daripada tanah itu daripada dia menyewa tanah itu dahulu. Oleh kerana dia berbangga atas kepunyaan dia, dan dia terpaksa bekerja lebeh kuat lagi untok keluarkan hasil yang lebeh banyak dan Kerajaan bukan sahaja lebeh senang, ra'ayat pun senang, segala[2]-nya senang. Jadi saya harap pada Kerajaan menimbangkan di-atas shor yang baharu ini—land reform sa-bagaimana yang di-buat di-Taiwan, di-jadikan untok di-buat di-sini, jikalau sa-kira-nya betul[2] hendak menolong orang[2] kita, pak tani[2] kita di-sawah[2] padi, baik di-Malaysia Timor atau pun di-Malaysia Barat.

Kedua-nya, berkenaan dengan NEB ini apabila mengambil tanah, ra'ayat sudah beri tanah—ambil-lah dan di-bicharakan, ganti rugi ini, atau pun bayaran-nya lambat sangat di-buat, berbulan[2], bertahun baharu dapat. Jadi, saya harap kapada pehak NEB atau Kerajaan oleh kerana orang miskin ini telah di-ambil tanah-nya dia, hendak gunakan duit ini tadi, mesti-lah di-bayar dengan sa-berapa segera-nya. Ini lambat, dia tanya collector, mana duit orang ini? Sa-bagai Wakil Ra'ayat mereka datang berjumpa kita, pergi-lah kapada collector ini bentangkan bila lagi, kata-nya NEB belum bayar lagi. Dua bulan pergi lagi sa-kali, belum bayar juga. Dua tahun pergi lagi, belum bayar lagi, macham mana hendak buat. Jadi ini ada-lah menyusahkan kapada orang[2] miskin yang telah di-ambil oleh Kerajaan atas tanah mereka. Jadi, dengan sebab itu, dua perkara ini-lah saya minta Kerajaan memikirkan atas perkara ini, satu daripada-nya, ia-itu land reform ini mesti-lah di-jalankan di-negeri ini, jikalau sa-kira-nya Kerajaan hendak menolong kapada pak tani[2] yang tidak mempunyai tanah. Sekian, terima kaseh.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok berchakap sa-patah dua di-dalam Akta Pengambilan Tanah, 1960 ini. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sa-buah negeri yang lebeh banyak tanah[2] yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok memajukan dan untok development. Soal dalam bahagian menanam padi atau pun tanaman dua musim, jadi apa yang saya ingin membangkitkan di-sini dan menekankan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah dalam soal market value. Soal market value ini, saya rasa dan apa yang saya tahu di-Kedah khas-nya dia di-timbangkan di-antara Reserve Melayu dan Tanah Freehold bagi Reserve Melayu tanah-nya murah, tetapi kalau free hold tanah-nya ada-lah mahal, nasib tidak baik bagi petani[2], atau pun orang[2] yang mempunyai tanah khas-nya bumiputra ini dia selalu dudok dalam Reserve Melayu. Jadi kadang[2] terjadi tempat-nya sama, kedudokan tanah itu sama, tetapi oleh kerana yang satu itu geran Reserve Melayu dan yang satu lagi geran yang bukan Reserve Melayu, maka apabila pengambilan tanah, pembayaran harga, maka di-fikirkan di-tentukan mengikut keadaan geran itu, maka ini ada-lah satu perkara yang saya fikir tidak-lah adil dalam pembayaran yang telah di-buatkan oleh Kerajaan bagi pengambilan tanah di-negeri Kedah dan bukan ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak-lah berlaku-nya kurang puas hati bagi orang[2] yang mempunyai tanah yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok memajukan Projek Muda dengan sebab bagi orang[2] yang tidak bagitu cherdek maka dia menerima harga yang kurang dan bagi orang yang cherdek sadikit, dia menerima harga yang mahal, sebab dia pandai, atau pun dia dapat berikhtiar berjumpa dengan lawyer dan berjumpa dengan itu dan ini. Dengan itu perkara ini ada-lah berlaku khas-nya dalam kawasan saya sendiri dan saya harap bagi pehak Kerajaan akan menyiasat kembali supaya harga tanah yang telah di-ambil itu di-samakan dengan harga tanah yang telah di-bayar dengan sa-mahal[2] di-tempat itu. Khas-nya sa-bagai untok pengetahuan Kementerian yang berkenaan di-dalam kawasan Kubang Pasu Barat khas-nya di-dalam tempat yang di-namakan Daerah Sungai Korok Wan Yahaya (ya), ada berlaku sangkut-paut dengan harga tanah yang berlain[2] harga-nya mahal dan murah, tetapi keadaan tanah itu ada-lah sama. Jadi itu-lah yang saya dapat berchakap sadikit sa-banyak sa-bagai menambah apa yang telah di-chakapkan oleh Ahli dari Dungun tadi. Sekian.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya berchakap dengan rengkas sambil saya menyokong Rang Undang[2] pindaan yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian ini, saya chuma hendak memberitahu dalam dua

tiga perkara. Saya harap Majlis Undang[2] Tanah Negara supaya mengkaji balek. Satu daripada-nya bagaimana yang telah berlaku berhubong dengan mengambil tanah kerana sa-suatu ranchangan Kerajaan pernah terjadi, kalau tanah yang hendak di-ambil itu tanah orang kaya, atau orang kenamaan, ta' jadi ambil. Kerajaan ambil tanah orang yang miskin, orang yang kurang upaya—ini terjadi.

Yang kedua, dalam menilaikan harga tanah tadi Yang Berhormat rakan sejawat saya sudah berchakap tanah bandar $4,000 satu ekar, tanah desa $200 satu ekar. Jadi sekarang kita hendak menyamakan taraf hidup luar bandar dengan dalam bandar. Kalau tanah dalam bandar $3,000 tanah luar bandar juga di-nilaikan dengan harga itu, sebab, Dato' Yang di-Pertua, kalau orang kampong dapat satu ekar tanah yang di-ambil oleh Kerajaan $200 dia terima duit $200 apa yang dia hendak beli, Dato', tanah-nya sudah lepas di-ambil oleh Kerajaan pada hal Kerajaan membuat satu kerja untok kepentingan negara.

Yang ketiga-nya, Dato', berhubong dengan ada juga tuan punya tanah itu kadang kala merumitkan Kerajaan hendak mengambil tanah hal yang macham ini, Dato' Yang di-Pertua kalau terjadi masaalah-nya dengan dia mengaku bahawa dia tidak ada tanah, inilah hanya tanah dua ekar, 3 ekar, saya bersetuju atas chadangan yang di-buat oleh rakan sejawat saya Kerajaan kita selain daripada mengambil tanah itu memberi peluang sama ada dia hendak mengambil bayaran tanah, atau pun Kerajaan kita beri satu tanah Kerajaan yang lain sa-bagai ganti tanah-nya yang telah di-ambil oleh Kerajaan. Ini ada-lah menyenangkan hati ra'ayat dan boleh kita membasmikan sungutan[2] yang ada sa-lama ini. Yang akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, dalam Kerajaan mengambil tanah complex besar[2] saya meminta Kerajaan tolong hormati amanah yang telah di-buat oleh datok nenek moyang orang[2] yang beramanahkan tanah itu. Sama ada orang Melayu-nya, atau orang Asli. Saya hendak beri mithal, Dato' Yang di-Pertua, saya minta Kerajaan hendak buat satu ranchangan GSA, FLDA, (LKTP) yang besar[2] dalam kawasan tanah itu ada Amanah yang di-buat oleh datok nenek orang Melayu atau orang Asli ada kebun duson 5 ekar atau lebeh habis semua sa-kali Kerajaan ambil di-jadikan ranchangan. Ini saya fikir tidak adil pada segi manusia, patut-lah kalau ada tanah yang sudah di-amanahkan oleh orang yang ada mempunyai hak atas tanah itu, kita kechualikan dan kita berikan tanah itu balek kapada yang mempunyai hak. Pernah jadi masaalah ini Kerajaan ambil tanah, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tenderkan pula beri dengan orang lain bila ada hasil tanah ini menjadi satu perkelahian, jadi satu pergadohan, dia kata dia berhak atas tanah ini, tanah ini datok nenek dia punya dahulu, Kerajaan kata, ini tanah Kerajaan, Kerajaan borangkan siapa yang dapat lebeh, orang itu dapat—hendak ambil hasil tanah itu . . . .

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Ahli itu sama ada amanah yang di-ambil itu di-gunakan untok public atau pun sebagaimana yang di-tudoh-oleh atau pun di-da'awa oleh Ahli itu di-beri kapada sa-orang atau swasta. Jadi, minta penjelasan perkara ini dengan sa-benar.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh. Tanah yang saya maksudkan Kerajaan mengambil satu tanah kerana satu ranchangan yang besar, umpama LKTP atau pun ranchangan GSA di-atas tanah yang 3,000 ekar itu, ada 5 ekar tanah yang di-amanahkan oleh datok nenek orang Melayu, ada dusun situ, jadi dengan Kerajaan mengambil tanah ini 3,000 ekar semua sekali tanah yang 5 ekar itu juga Kerajaan ambil, jadi hak Kerajaan. Jadi saya mahu minta-lah Kerajaan kechualikan tanah[2] yang ada yang telah di-amanahkan oleh datok nenek-nya itu di-kechualikan, di-beri balek kapada orang itu. Itu sahaja, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak berchakap dengan satu perkara berkenaan dengan uchapan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat berkenaan dengan market value tadi. Bagaimana kita tahu market value itu ia-lah harga pasaran ya'ani apakala hendak menilai satu tanah sa-belum di-ambil hendak-lah kita tahu harga pada masa yang di-ambil itu, atau tanah[2] yang ada di-sekeliling-nya yang sudah di-jual, atau di-beli dalam tempoh lebeh kurang dekat masa itu, sa-tahun atau enam bulan yang sa-akan[2] keadaan sa-rupa. Itu berma'ana-lah tanah itu market value mengikut harga pasaran dalam tempoh mithal-nya sa-tahun, baharu-lah kita beli ya'ani kapada-nya. Dengan keadaan itu-lah Pejabat Tanah menentukan harga-nya,

dan kalau tuan tanah tidak puas hati, boleh-lah perkara itu, mengikut undang[2] mengikut Perlembagaan, merojok dan appeal kapada Mahkamah di-bicharakan kerana tidak puas hati atas nilai-nya.

Kemudian Ahli Yang Berhormat itu tidak puas hati kata-nya tanah Reserve Melayu di-beli dengan di-nilaikan lagi murah dari-pada tanah yang lain, free hold, yang bukan Reserve Melayu. Sa-bagaimana semua tahu tanah, Reserve Melayu itu boleh laku antara orang Melayu dengan orang Melayu sahaja. Harga dia tentu berlainan dengan yang bukan Reserve Melayu. Kerana kalau tanah Reserve Melayu itu berharga biasa di-jual yang habis berani dengan orang Melayu membeli-nya, kerana orang yang bukan Melayu tidak sah membeli-nya chuma $2,000 macham mana kita hendak belikan satu keping tanah yang tidak jauh dari situ yang bukan dalam Reserve Melayu di-punyaï oleh orang yang bukan Melayu dengan harga boleh laku $3,000 atau $4,000 kerana orang yang bukan Melayu mithal-nya China boleh beli. Dia berani harga yang lebeh; itu telah terang dan nyata tanah Reserve Melayu itu sa-memang-lah harga pasaran, dengan sebab limited atau antara Melayu dengan Melayu sa-memang-lah tidak sama tanah yang bukan Reserve Melayu harga-nya. Kalau Kerajaan hendak samakan juga berma'ana kita tidak adil menggunakan wang Public Fund yang tidak menasabah yaani untong tidak tentu fasal. Bagaimana yang telah di-nyatakan, kalau satu pehak tidak puas hati perkara itu boleh di-bawa ka-mahkamah untok men-dapatkan ke'adilan dan kalau menang perbicharaan, segala perbelanjaan akan dapat kapada tuan tanah. Mengatakan Kerajaan tidak adil dalam perkara ini, saya fikir memang-lah tidak patut dalam perkara ini.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mengatakan bersetuju kalau boleh, Kerajaan, apabila mengambil tanah itu, tanya dan beri dua peluang kapada tuan tanah itu, hendak duit-kah, atau hendak tanah. Kerajaan belum tahu lagi hendak menyediakan tanah. Tetapi tidak dapat tidak, kalau tuan tanah itu tidak mahu duit, kalau dia tidak hendak duit, dan dia hilang tanah dusun, dia hendak tanah dusun juga ganti-nya. Kena pula Kerajaan acquire, atau ambil tanah dusun Ali pula. Ali kata dia hendak ganti tanah dusun lain. Itu berjalan-lah sa-lama[2]-nya, Kerajaan ini tidak ada kerja lain menchari tanah dusun, mula-nya sa-orang tadi menyebabkan 100 orang pun tidak habis. Itu chadangan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara. Kalau dia kata chadangkan satu tanah, walau jauh sa-kali pun tanah kosong, kemudian gantikan duit supaya dia dapat tanah Kerajaan lain, boleh. Tetapi kalau hendak ganti tanah tidak dapat tidak dia hendak yang sa-rupa juga. Itu ma'ana ter-sasol dalam perkara itu, berjalan bertahun[2] tidak habis[2]. Itu chadangan-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, untok, penjelasan. Chadangan saya bukan tanah dusun, di-mana juga tanah Kerajaan. Itu maksud saya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terang dan nyata saya tulis di-sini tanah ranchangan atau duit. Ta'kan tanah dusun hendakkan tanah kosong. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchap-kan terima kaseh kapada Ahli[2] yang mem-bangkitkan masaalah[2] ini. Masaalah[2] yang di-bangkitkan oleh Ahli[2] Yang Berhormat itu boleh di-katakan keselurohan-nya ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan Negeri, kerana masaalah pemberian tanah, pengambilan tanah dan sa-bagai-nya ada-lah kuasa Kera-jaan Negeri. Jadi dengan sebab itu, saya sa-bagai postman atau massenger-nya, saya akan sampaikan perkara[2] ini kapada Kerajaan Negeri.

Masaalah berkenaan dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli dari Besut supaya tanah yang di-ambil untok ranchangan[2] kechil sa-ekar, dua ekar dan sa-bagai-nya jangan-lah mengambil masa sampai 12 bulan, ini saya sendiri akan memperhatikan supaya kerja[2] di-Jabatan Tanah di-jalankan dengan segera, beres dan sempurna. Jadi, perkara itu akan di-ambil perhatian.

Kemudian berkenaan dengan pertimbangan istimewa supaya di-beri tanah lain atau pun sa-lepas di-bayar di-beri tanah lain, perkara itu kalau sa-kira-nya sa-saorang itu tidak mempunyaï tanah langsong, kebiasaan-nya kita berikhtiar untok menchari tanah untok-nya, atau pun menawarkan supaya beliau masok mana[2] ranchangan dan sa-bagai-nya. Jadi perkara ini sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi ada-lah urusan Kerajaan Negeri. Jadi saya akan sampaikan kapada pehak Kerajaan Negeri.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaan saperti yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi

betul-lah. Bila orang pergi mengadu, kata pegawai, "nanti-lah kita akan timbang, boleh-lah Pak Mamat atau Che Mamat ambil-lah form ini buat permohonan". Dia pun buat-lah permohonan di-atas tanah baharu di-pertimbangkan saperti pemohon orang[2] lain juga. Erti-nya kalau orang lain itu memakan masa 4 tahun, maka dia ini pun 4 tahun juga. Apa yang saya kehendaki pertimbangan istimewa dengan chara, ambil form ini, isikan form, dua bulan, tiga bulan-kah, tentukan sa-kali, sebab dia ini terpaksa chabut lari daripada tempat itu. Ini maksud saya.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu tentu bersetuju tidak patut saya memberi akuan manakala kuasa itu berada di-tangan orang lain. Kalau kuasa itu ada di-tangan saya, boleh saya beri akuan hari ini. Tetapi kuasa tidak ada di-tangan saya, jadi saya tidak boleh beri akuan, melainkan saya akan bawa perkara ini kapada pehak Kerajaan Negeri saperti saya sebutkan tadi.

Kemudian perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli dari Kuala Selangor supaya men-jalankan "land reform" ia-itu mengambil tanah kepunyaan ra'ayat hari ini di-beri kapada ra'ayat yang miskin dan sa-bagai-nya. Jadi, di-sini saya suka-lah menegaskan per-kara itu ada-lah di-dalam perhatian, tetapi saya suka menegaskan, ia-itu di-Malaysia ini kita tidak-lah kekurangan tanah, kerana banyak lagi tanah[2] di-Malaysia ini yang belum di-buka dan daripada satu masa ka-satu masa kita membuka tanah di-bawah Ranchangan FLDA, Ranchangan Pinggir, Ranchangan Terkawal dan bermacham[2] ranchangan yang lain di-mana ra'ayat yang tidak mempunyai tanah di-bawa masok untok berserta bersama di-dalam ranchangan[2] tanah itu. Jadi, saya rasa pada masa sekarang ini pehak Kerajaan memikirkan ada-lah lebeh baik kita membuka kawasan[2] tanah baharu untok di-beri kapada ra'ayat yang tidak mempunyai tanah.

Yang kedua, kita tidak dapat membanding-kan keadaan Malaysia dengan Taiwan atau pun Korea dan sa-bagai-nya, kerana di-sini kita mempunyai tanah yang luas manakala di-Taiwan tidak ada mempunyai tanah.

Dan yang ketiga, apa yang saya tahu, kebanyakan tanah[2] sawah yang ada di-Malaysia ini ada-lah di-punyai oleh ra'ayat sendiri dengan memileki tiga empat ekar, sa-tinggi[2]-nya 10 ekar. Barang-kali jarang sangat ada di-antara ra'ayat yang mempunyai tanah sawah lebeh daripada 10 ekar atau 15 ekar barangkali ada sa-orang berdua yang mempunyai 100 ekar dan sa-bagai-nya. Jadi, di-sini tidak-lah timbul untok membeli, atau merampas tanah daripada ra'ayat, di-beri kapada ra'ayat, tetapi kita mengadakan satu sistem sekarang ia-itu mengawal sewa tanah bendang yang di-jalankan di-Kedah, di-Krian dan Negeri[2] yang lain. Jadi kita akan perhati ranchangan ini, kalau sa-kira-nya ranchangan ini boleh berjaya dan menyelesaikan masa-alah[2] kesulitan tanah sawah dan sa-bagai-nya sewa-menyewa dan sa-bagai-nya maka kita tidak-lah akan menjalankan "land reform" dan sa-bagai-nya. Tetapi kalau sa-kira-nya ini tidak berjaya, maka kita terpaksa-lah me-mikir lebeh lanjut dalam masaalah ini.

Kemudian Ahli dari Kuala Selangor juga menyatakan ia-itu pembayaran tanah telah di-lakukan lambat sa-hingga ada dua tahun masa-nya. Jadi saya berharap-lah kapada Ahli Yang Berhormat, kalau sa-kira-nya ada perkara yang sa-umpama ini berlaku, tolong-lah beritahu kapada saya supaya saya boleh bawa perkara ini kapada pehak[2] yang ber-kenaan, kerana saya rasa tidak ada hari ini dalam pengetahuan saya yang harga tanah tidak di-bayar dalam masa tempoh sa-hingga dua tahun sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli dari Kubang Pasu Barat mengatakan berkenaan dengan harga tidak berpatutan free-hold dan Tanah Reserve Melayu dan Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara pun membangkitkan masaalah harga di-pekan $2,000 dan di-desa $200.00. Jadi di-sini saya suka-lah menegaskan kita membayar meng-ikut harga tanah. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara itu tentu-lah tidak hendak membeli tanah yang ada di-desa[2] dengan harga $2,000 kalau sa-kira-nya harga pasaran pada masa itu chuma $200.00. Dia tentu hendak bayar $200.00 juga. Jadi bagitu-lah Kerajaan kalau dia mengambil tanah di-desa untok kegunaan satu[2] perojek-nya tentu-lah membayar harga yang ber-patutan, ia-itu sesuai dengan harga yang ada pada masa itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat tadi mengatakan ia-itu harga berlainan di-bayar dalam satu kawasan, ada yang lebeh dan ada yang kurang. Jadi masaalah ini saya perchaya Ahli itu pun tentu-lah faham, kita

tidak dapat membeli tanah atau membayar harga tanah dengan sama sa-rupa kerana ada tanah yang dudok di-tepi jalan raya. Ada barangkali lot nombor 1, lot nombor 2, lot nombor 3. Kalau sa-kira-nya tanah itu dudok di-belakang, sudah tentu-lah harga dia lebeh murah daripada yang di-depan. Sa-hinggakan kalau sa-kira-nya tanah itu dudok di-tepi penjuru jalan pun dia ada harga lebeh sadikit daripada tanah yang tidak dudok di-tepi penjuru dan sa-bagai-nya. Jadi perkara ini ada-lah di-dalam timbangan pegawai² yang menaksirkan tanah dan kalau sa-kira-nya tidak bersetuju, boleh-lah di-adukan kapada pehak yang berkenaan hatta ka-mahkamah sa-kali pun.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara meminta supaya tanah² yang di-amanahkan patut-lah di-kechualikan daripada di-ambil oleh Kerajaan. Mithal-nya kalau FLDA mengambil satu kawasan tanah 3,000 ekar, kemudian macham mana jadi ada-lah sa-keping atau dua tanah yang luas 5,000 ekar tanah di-amanahkan dan sa-bagai-nya jangan di-ambil. Jadi saya rasa perkara ini tidak dapat kita lakukan, kerana bila FLDA mengambil tanah 3,000 ekar, dia tentu-lah dalam ranchangan dia hendak develop atau tebang, tebas menjayakan tanah itu keselu-rohan 3,000 ekar, jadi ta'kan-lah 2,995 ekar di-tanam dengan kelapa sawit atau getah, tertinggal 5 ekar dudok di-tengah² kebun atau dusun yang di-amanahkan itu. Jadi saya rasa perkara ini sudah tentu-lah tidak patut sangat. Saya memberi jaminan bagi pehak Kerajaan dan pegawai² bagitu juga Kerajaan Negeri akan menjalankan perkara ini dengan sa-adil²-nya. Jadi kalau sa-kira-nya ada per-kara² berlaku tidak adil, atau tidak patut, tidak betul dan sa-bagai-nya, tolong beritahu kita perbetulkan. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) SHARIKAT

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Speaker, saya mohon untok membentangkan supaya Bill ini, Companies (Amendment) Bill, 1970 di-bacha bagi kali kedua.

Ahli² Yang Berhormat maseh ingat lagi bahawa Dewan ini telah di-dalam persida-ngan-nya pada bulan Ogos, 1965, meluluskan Akta Sharikat², 1965 yang telah di-kuatkuasa-kan pada 19hb April, 1966. Oleh kerana ia ada-lah suatu Akta yang rumit, kompleks dan tersangat luas, suatu ketetapan telah di-ambil bagi mengkaji sa-mula kemajuan² yang telah di-buat dalam perlaksanaan Akta ter-sebut dan bagi menentukan apa² kelemahan dan kekurangan Akta tersebut.

Professor Gower dari Australia telah melawat Malaysia dalam bulan April, 1967 bagi menolong mengkajikan Akta tersebut dan laporan-nya telah di-kaji oleh sa-buah jawatankuasa. Dalam kajian itu, jawatan-kuasa tersebut telah menimbangkan beberapa pindaan lain yang tidak di-liputi oleh laporan Professer Gower.

Ahli² Yang Berhormat juga maseh ingat lagi bahawa Dewan telah meluluskan Com-panies (Amendment) Act, 1969 dan Com-panies (Amendment) Regulations, 1969 pada 26hb Februari, 1969.

Pada 19hb Mach, 1970, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-bawah sekshen 150 (2) Ordinan No. 27 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 telah memperkenankan pindaan kapada sekshen 87 dalam Akta Sharikat², 1965 dengan memasokkan sekshen-kechil baru (2) yang berikut:

"Sub-section (2). Notwithstanding sub-section (1), the Minister on the recommendation of Bank Negara, Malaysia, may, having regard to the nature of the undertaking, scheme or enter-prise, contract or arrangement to which the deed relates, grant his approval subject to such terms and conditions as he thinks fit to such other

person or persons acting as trustees or representatives for the purposes of the deed" by renumbering the existing sub-section (2) as sub-section (3).

Penyelenggara[2] (promoters) bagi beberapa buah Tabong Amanah Saham telah menghadapi kesulitan[2] bila hendak mengeluarkan saham baru di-sebabkan peruntokan dalam sekshen 87 Akta Sharikat[2], 1965 yang mana menentukan bahawa kuasa Menteri Perdagangan dan Perusahaan hanya-lah bersangkutan dengan memberikan kebenaran kapada sa-buah Sharikat menjadi Pemegang Amanah Saham atau wakil bagi maksud suratikatan amanah (trust deed) dalam Tabong Amanah Saham. "Sharikat" bagi maksud itu berma'ana sharikat umum dan termasok perbadanan, ia-itu sa-buah sharikat di-bawah Undang[2] Negeri yang di-ishtiharkan dan yang telah di-daftarkan sa-bagai Sharikat Luar (Foreign Company) di-Malaysia.

Penyelenggara[2] bagi bakal[2] Badan Amanah Saham berhasrat melantek Pemegang Amanah Raya menjadi sa-bagai Pemegang atau pun wakil bagi maksud suratikatan amanah, Tabong[2] Amanah Saham mereka. Tetapi Pemegang Amanah Raya sa-bagai sa-buah "sole corporation" yang di-tubohkan di-bawah Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 dan bukan-nya sa-buah sharikat saperti yang di-erti di-bawah sekshen 84 (1) Akta Sharikat[2], 1965, dan mengikut pendapat Pendaftar Sharikat[2] dia tidak wajar di-lantek di-bawah sekshen 87 Akta Sharikat[2] tersebut menjadi pemegang amanah atau wakil bagi maksud suratikatan Amanah, Tabong Amanah Saham.

Bagaimana pun Pemegang Amanah Raya telah di-benarkan memegang amanah bagi beberapa Tabong Amanah (termasok Amanah Saham MARA) yang telah di-keluarkan terdahulu dari itu, dan pengesahan surat amanah yang sekarang dalam mana Pemegang Amanah Raya di-lantek menjadi Pemegang Amanah telah di-persoalkan.

Kedudokan di-dalam negeri pada masa itu menunjokkan kekurangan pakar[2] yang layak menjadi Pemegang Amanah atau wakil bagi maksud suratikatan amanah. Ini-lah yang menyebabkan tidak ada badan pemegang amanah tempatan yang di-perakui oleh Bank Negara, Malaysia di-bawah sekshen 87 Akta Sharikat[2], 1965 untok membolehkan Menteri Perdagangan dan Perusahaan melantek-nya menjadi pemegang amanah saham atau wakil bagi maksud suratikatan amanah, Tabong Amanah Saham. Gabnor Bank Negara berpendapat sa-hingga ada Badan Pemegang Amanah yang layak boleh di-lantek lebeh sesuai-lah Pemegang Amanah Raya menjadi pemegang amanah atau wakil bagi maksud suratikatan amanah dalam Tabong Amanah Saham daripada Menteri melantek sa-buah sharikat umum yang bukan pakar atau mempunyai kebolehan menjadi badan amanah.

Kesulitan[2] sa-rupa di-atas telah di-alami di-Australia dan kesulitan itu telah pun di-atasi dengan meminda sekshen yang berkenaan mengikut chara yang sa-rupa.

Tuan Speaker, oleh kerana pindaan tersebut di-buat dengan tujuan membetulkan kedudokan yang wujud pada masa itu dan untok memberikan kemudahan menjalankan peruntokan[2] Akta Sharikat[2], 1965 sa-hingga terdapat pemegang amanah yang sesuai saya perchaya ahli[2] Yang Berhormat sakalian akan bersetuju menyokong Bill ini.

Dengan ini saya memohon persetujuan Dewan bagi membentangkan Companies (Amendment) Bill, 1970 bagi di-bacha kali yang kedua.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di-atas Rang Undang[2] ini, tetapi saya hendak chuma memberi nasihat sadikit berkenaan dengan Rang Undang[2] ia-itu Companies Act atau Companies Law. Companies Law ini ada-lah bulat[2] kita ambil daripada Australia. Kita jadikan Companies Law untok negeri kita ini; yang tidak sachochok di-negeri kita, kita chochokkan di-negeri kita juga, Australia dan Malaysia ada-lah berlainan chara[2]-nya. Jadi dengan sebab itu pada hari ini banyak bumiputra dan orang Melayu masok dalam perdagangan dan perusahaan. Satu daripada-nya itu Undang[2] ini tidak ada di-dalam bahasa Melayu. Jadi, orang[2] Melayu yang masok di-dalam dunia perniagaan dan perusahaan dia tidak tahu undang[2] dan tidak boleh bacha, oleh kerana bukan ada di-dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi banyak daripada mereka nanti, saya takut[2] nanti dapat kesalahan[2] yang di-jalankan-nya, ia-itu technical mistakes yang di-buat-nya di-bawa ka-court, bila bawa ka-court dia di-fine dengan sa-tinggi[2]-nya. Jadi ini ada-lah menyusahkan, terutama sa-kali orang[2] kita orang Melayu

dan bumiputra yang baharu sahaja masok dalam dunia perniagaan dan perusahaan.

Di-dalam Companies Law, Section 134 dan 135 di-situ ada menyatakan jikalau Setia-usaha Company itu membuat silap semua director itu akan kena . . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di-dalam perbahathan kena-lah kita kaitkan apa yang kita bahathkan itu, ia-itu pindaan yang ada di-dalam Rang Undang[2] ini. Jikalau hendak berbahath atas Companies Law sampai besok pun tidak habis. Minta yang berkait; kalau bersetuju dengan chadangan ini, kata setuju dan apa sebab, dan kalau tidak; tidak bersetuju, kata tidak setuju, apa sebab. Jikalau hendak kait-kan semua atas Companies Law, bukan-lah tujuan kita berbahath atas Rang Undang[2] ini, ada ketika lain itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Baik-lah tidak usah di-kaitkan. Jadi sekarang chuma saya hendak meminta ia-itu Registrar of Companies, siapa sahaja Registrar of Companies, tidak boleh membeli saham[2]. Saya ada bukti ia-itu satu daripada Registrar of Companies membeli saham, dan saham tidak mahu di-bayar. Jadi dengan sebab itu, saya berfikir Menteri yang bertanggong-jawab, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan menengokkan Registrar of Companies dia, biar-lah dia betul[2] orang lurus menjalankan tugas dia dengan tidak membeli saham[2]. Sekian, terima kaseh.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, saya chuma mengambil masa yang rengkas sahaja bagi menjawab pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor berkenaan dengan Companies Law yang ada pada hari ini. Saya suka membetulkan pandangan-nya ia-itu Undang[2] itu bukan-lah di-ambil bulat[2] daripada Australia, bahkan di-pinda untok di-sesuaikan dengan keadaan negara kita, dan pada hari ini boleh di-kata-kan Undang[2] Akta Sharikat kita ia-lah menjadi satu model untok banyak negeri lain mengikuti-nya. Tetapi dalam pada itu saya mengaku bahawa tidak ada pada masa ini naskhah di-dalam Bahasa Malaysia, kerana saperti mana yang berjalan pada masa dahulu tidak terpaksa semua Undang[2] di-adakan dalam Bahasa Malaysia, tetapi saya akan ambil tindakan ini untok masa akan datang.

Berkenaan dengan Registrar of Companies membeli saham; untok pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, mana[2] juga pegawai dalam Kementerian saya memang tidak di-benarkan membeli saham. Kalau ada mana[2] pegawai yang membeli saham itu, saya harap, Ahli Yang Berhormat itu beri laporan terus kapada Enche' Harun, dan dia akan ambil tindakan yang sa-patut-nya.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang[2] di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa

Rang Undang[2] di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

Rang Undang[2] di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG[2] (LARANGAN) KUMPULAN WANG KUTU

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang[2] (Larangan) Kumpulan Wang Kutu, 1971 di-bacha bagi kali yang kedua.

Ahli[2] Yang Berhormat tentu sedar tentang semakin bertambah-nya bilangan sharikat[2] yang berdaftar di-bawah Akta Sharikat, 1965 bagi menggalakkan orang ramai dan orang[2] persendirian menubohkan ranchangan[2] umum-nya di-kenali sa-bagai "Hwei", "Kutu", "Tontin" atau "Chit-Funds". Mereka[2] yang mengambil bahagian di-kehendaki membayar wang pertarohan kapada satu kumpulan wang yang kemudian-nya di-jual sa-chara lelong kapada peserta[2] kutu tersebut. Sa-tengah daripada sharikat[2] itu telah di-tubohkan di-Singapura, tetapi menjalankan perniagaan-nya di-Malaysia yang di-daftarkan sa-bagai sharikat[2] asing.

Sharikat sa-umpama ini lazim-nya sedaya upaya chuba mengatorkan beberapa ran-changan perniagaan saperti di-atas di-kalangan orang ramai. Dengan sa-chara

demikian mereka dapat mengumpulkan wang pertarohan yang banyak jumlah-nya daripada kutipan[2] yuran yang di-bayarkan oleh peserta[2] kutu itu. Sa-lain dari mengenakan 5% komishen ka-atas yuran[2] itu, sharikat[2] tersebut dapat pula melaborkan wang[2] yang terkumpul itu sa-lama mana wang[2] itu tidak di-bahagikan balek kesemua-nya kapada peserta[2] Sa-barang pendapatan yang di-perolehi daripada pelaboran tersebut ada-lah menjadi pendapatan kapada sharikat[2] berkenaan.

Perjalanan sharikat[2] di-atas telah di-kaji dan saya berpuas hati bahawa kebanyakan daripada sharikat[2] itu ada-lah di-kendalikan oleh orang[2] yang berkemampuan kechil. Mereka tidak di-kehendaki mempunyai latar belakang yang di-perlukan atau apa[2] latehan atau pengalaman yang chukup untok di-amanahkan bagi pengelolaan wang kepunyaan orang ramai yang terdiri kebanyakan-nya daripada mereka[2] yang berpendapatan kechil. Saya telah menerima banyak aduan tentang penaja[2] sharikat "Chit-Funds" saperti ini menyewa rumah yang besar dan menerima gaji yang besar pula. Ada kemungkinan bahkan telah terbokti tanda[2] yang menunjokkan semakin bertambah-nya bilangan sharikat[2] seumpama itu sa-hingga mungkin tidak dapat di-kawal lagi. Mungkin kelak ramai orang[2] yang akan menjadi mangsa kapada mereka yang menjalankan sharikat tersebut sa-kira-nya mereka mengambil kesempatan menyalah-gunakan perniagaan mereka itu. Sharikat perniagaan sa-umpama itu boleh di-tubohkan dengan hanya sadikit modal dan oleh dua orang sahaja. Apabila sharikat[2] sa-umpama itu telah di-daftarkan di-bawah Akta Sharikat[2], mereka[2] yang menjalankan-nya mungkin dapat mengabui orang ramai dengan menyatakan bahawa perniagaan mereka ada-lah mendapat sokongan dan kebenaran daripada Kerajaan. Sunggoh pun pada ketika ini chuma terdapat hanya 12 buah sahaja sharikat[2] sa-umpama itu di-Malaysia (termasok sharikat[2] luar negeri dan tempatan) tetapi permohonan semakin banyak di-terima daripada kalangan[2] tertentu untok mendaftarkan sharikat[2] saperti itu.

Jawatankuasa Undang[2] Sharikat yang di-Pengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perusahaan atas arahan Kerajaan telah mengkaji ada-kah dapat peruntokan[2] (provisions) di-dalam Akta Sharikat[2], 1965 mengawal pengendalian sharikat[2] "Chit Funds" dan Jawatan-kuasa tersebut dengan sa-bulat suara berpendapat bahawa peruntokan[2] yang ada di-dalam Akta tersebut tidak-lah menchukupi bagi maksud menghalang daripada berlaku-nya sa-barang penyalah-gunaan atau boleh mengawal dan mengawas perjalanan sharikat[2] "Chit Funds" sa-umpama itu. Jawatankuasa itu juga berpendapat jika langkah tidak di-ambil bagini dengan serta merta mengharamkan pendaftaran sharikat[2] yang menjalankan perniagaan kutu di-atas perkara ini mungkin keadaan yang sa-rupa saperti yang di-alami dahulu di-mana sharikat[2] insuran bertumboh saperti chendawan akan timbul sa-mula di-negeri ini. Berikutan dengan ini Jawatankuasa ini telah mengeshorkan kapada Kerajaan supaya sa-buah undang[2] di-gubal untok menghalang sebarang pendaftaran sharikat atau pun apa juga perniagaan yang mempunyai maksud untok mengendalikan kutu di-negeri ini dan juga supaya boleh Kerajaan menutup 12 buah sharikat[2] kutu yang telah di-daftarkan sekarang.

Jawatankuasa itu juga telah mengkaji kemungkinan Kerajaan mengawasi atau pun mengawal perniagaan kutu di-negeri ini mengikut perbekalan[2] di-bawah Akta Sharikat Peminjam Wang. Bagaimana pun Jawatankuasa itu telah membuat keputusan ia-itu oleh kerana Akta Sharikat[2] Peminjam Wang ada-lah bertujuan untok mengawasi dan mengawal kegiatan[2] sharikat[2] peminjam wang dan untok melindongi penyimpan[2] wang-nya maka sa-buah undang[2] yang berasingan patut-lah di-gubal dengan tujuan khas untok melarang atau pun mengawal pengendalian Kumpulan Wang Kutu itu.

Saya juga telah menerima shor supaya Kerajaan tidak melarang Kumpulan Wang Kutu tetapi sa-balek-nya Kerajaan hendak-lah menggubal undang[2] untok mengawal-nya kerana mereka berpendapat bahawa Kumpulan Wang Kutu dapat menolong orang[2] kita yang berpendapatan kechil. Saya tidak ada apa[2] halangan terhadap chadangan ini. Bagaimana pun patut-lah di-ambil ingatan, ia-itu langkah sa-umpama itu harus memakan masa yang lama. Daripada maklumat[2] yang di-terima Negeri Ceylon dan Madras di-India telah pun mempunyai undang[2] Kumpulan Wang Kutu tetapi tidak pula di-ketahui sejauh mana-kah kejayaan[2]-nya di-kedua[2] tempat itu. Dalam pada itu bersandarkan kapada sebab[2] yang saya sebutkan tadi, Kerajaan sedar berapa perlu-nya di-berhentikan sebarang pendaftaran sharikat[2] baharu saperti

itu dan sharikat[2] yang sedia ada hendak-lah di-berhentikan perniagaan mereka. Kira-nya langkah ini tidak di-ambil dengan segera, maka Kementerian saya tidak-lah dapat lagi menanggoh pendaftaran sharikat[2] yang telah menghantar permohonan mereka dan saya dan juga Pendaftar Sharikat[2] tidak mempunyai kuasa undang[2] untok mengawal sharikat[2] dan perniagaan sa-umpama ini, atau pun untok menchegah sebarang penyalah-gunaan kuasa yang mereka lakukan.

Pada pendapat saya, ada-lah tidak bijak untok membenarkan perniagaan Kumpulan Wang Kutu berjalan terus dan berkembang baik tanpa sa-barang kawalan sementara satu kajian tentang baik burok-nya di-jalankan dan sa-buah undang[2] yang mustahak di-gubal dan langkah[2] serta organisasi penguatkuasaan-nya di-taja. Ada-lah di-fikir lebeh baik lagi jika pengendalian kumpulan wang kutu dapat di-berhentikan sekarang dan jika kajian yang di-chadangkan di-atas berpendapat perniagaan kutu ini akan menguntongkan negara, maka undang[2] dan organisasi penguatkuasaan yang mustahak boleh-lah di-gubal supaya apabila di-benarkan pengendalian kumpulan wang kutu kelak, maka perbekalan undang[2] yang di-perlukan itu telah sedia ada dan jentera penguatkuasaannya telah siap sedia bagi menghadapi keadaan itu. Sa-balek-nya kalau kajian yang di-chadangkan itu tidak menyokong pengendalian perniagaan kutu maka masaalah yang akan timbul telah pun di-patah di-tunas-nya.

Majlis Gerakan Negara telah meluluskan Rang Undang[2] tersebut pada 10hb Februari, 1971 dan kemudian-nya di-sahkan oleh Kabinet. Sa-lepas menerima kelulusan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong undang[2] ini telah di-ishtiharkan pada 18-2-1971 dan telah berjalan kuatkuasa-nya pada hari itu juga.

Semenjak undang[2] ini di-luluskan saya telah menerima rayuan[2] dari pengelola[2] kumpulan wang kutu yang menyatakan bahawa mereka ada-lah pengelola[2] kumpulan wang kutu yang betul dan mereka sanggup membayar sa-barang wang chengkeram yang di-tetapkan oleh Kerajaan sa-bagai tanda keikhlasan mereka. Saya sedang mengkaji perkara ini keseluruhan-nya dengan berpandu kapada undang[2] yang berjalan kuatkuasa-nya di-Ceylon sekarang ini. Sa-kira-nya saya dapati undang[2] yang sama dapat di-laksanakan di-sini, saya akan datang balek ka-dalam Dewan ini dengan Bil tersebut dalam sidang yang akan datang.

Dengan alasan[2] yang saya telah berikan saya perchaya Ahli[2] Yang Berhormat akan memberi sokongan ka-atas Bil ini.

Sekarang saya mohon persetujuan Dewan bagi menchadangkan Rang Undang[2] (Larangan) Kumpulan Wang Kutu, 1971 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Bharu): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang[2], (Larangan) Kumpulan Wang Kutu tetapi saya ada beberapa shor dan harap mendapat timbangan daripada Menteri yang berkenaan.

Dato' Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini perniagaan Sharikat Sendirian Berhad dan Sharikat yang bukan Sendirian Berhad ada-lah sa-rupa. Saya shorkan bahawa untok menjaga kepentingan orang ramai Kerajaan patut melanjutkan tempoh Sharikat[2] yang tidak bertaraf Sendirian Berhad. Dalam perkara ini saya tahu bahawa banyak orang ramai yang telah masok "Main Kutu".

Sa-bagai satu chontoh satu bahagian itu ada mempunyai 20 orang ahli. Ini berma'ana tempoh tarikh masa-nya ia-lah 20 bulan. Apa-kah jadi kapada orang[2] yang belum mengambil duit mereka jika Kerajaan tidak melanjutkan tempoh Sharikat yang bukan taraf Sendirian Berhad ini?

Oleh itu, saya merayu kapada Menteri yang berkenaan supaya memberi pertimbangan yang 'adil dalam perkara ini. Sekian terima kaseh.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya beri pengakuan kapada Ahli Yang Berhormat itu, akan menimbangkan rayuan-nya itu.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang[2] di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang[2] di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 13 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

Rang Undang[2] di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG[2] (PINDAAN) KERETAPI

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang Akta (Pindaan) Keretapi, 1971 untok di-bacha bagi kali kedua.

Tujuan Rang Undang[2] ini ia-lah memperbekalkan dalam suatu undang[2] yang kekal beberapa pindaan yang telah di-perbuat ka-atas Ordinan Keretapi, 1948 dalam Ordinan (Kuasa[2] Perlu) Dharurat No. 35, 1970.

Mengikut pemindaan yang di-chadangkan di-dalam Rang Undang[2] ini, Lembaga Keretapi akan di-tubohkan sa-mula dengan sa-orang Pengerusi di-lantek oleh Menteri Pengangkutan, Pengurus Besar Keretapi sabagai ahli biasa dan beberapa ahli rasmi yang termasok pegawai kanan daripada Kementerian Pengangkutan. Sa-lain daripada itu tidak kurang daripada 4 orang ahli yang bukan rasmi akan di-lantek oleh Menteri.

Pindaan kapada sekshen 60 dan 61 ada-lah bertujuan, mengikut shor kapada Jawatan-kuasa Khas, bagi membaharui penilaian harga untok binatang[2], jentera dan kereta[2] motor yang di-bawa oleh Keretapi.

Pindaan kapada sekshen 119 ia-lah bermaksud untok membolehkan Pentadbiran Keretapi mendapat balek apa[2] bayaran[2], kutipan atau wang yang menjadi hak Pentadbiran Keretapi dengan chara penda'awaan dalam mahkamah (Civil claims) dengan tidak payah menunggu selesai-nya perbicharaan jenayah yang tertimbul dari keadaan itu juga. Ini ada-lah perlengkapan yang baharu.

Tujuan[2] pemindaan Undang[2] ini telah pun di-terangkan di-dalam renchana penerangan yang di-nyatakan di-bahagian bawah Rang Undang[2] itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang[2] (Pindaan) Keretapi ini, saya suka-lah menarek perhatian kapada Jawatan-kuasa Khas dalam huraian ini yang telah mengkaji balek berkenaan dengan Ahli Lembaga Pentadbiran Keretapi dan dengan Lembaga ini-lah pentadbiran keretapi di-masa hadapan akan dapat berjalan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, bagi masa yang lepas[2] ini kita telah dapat melihat kerugian yang besar di-dapati di-dalam Pentadbiran Keretapi ini, jadi pada masa sekarang dan akan datang, kita ada Lembaga baharu dan dapat pula Lembaga ini di-lanjutkan masa-nya untok membuat ranchangan[2] keretapi pada masa akan datang. Satu daripada-nya untok menchari keuntongan yang berfaedah dan di-samping kita memberi pekerjaan kapada anak[2] negeri dan kemudahan pengangkutan di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Pentadbiran Keretapi ini ia-itu Lembaga ini menyiasat, ada-kah berfaedah mengadakan lagi steshen keretapi di-Pudu ia-itu di-hujong Jalan Foch. Saya fikir steshen ini tidak menasabah, dan juga di-siasat mengenai pendapatan dan perbelanjaan mengelolakan steshen di-tempat lain, steshen kechil yang tidak ekonomik mentadbirkan-nya. Saya fikir steshen ini dahulu di-bena oleh penjajah ia-lah oleh kerana pada masa itu tidak ada banyak jalan dan kenderaan, tetapi sekarang sudah ada banyak jalan[2] raya baharu telah di-bena, kenderaan pun sudah bertambah, pengangkutan orang ramai pun sudah banyak di-sediakan kemudahan, bahkan perjalanan keretapi dari steshen ini selalu-nya mengendalakan perjalanan traffic terutama sa-kali jalan yang sebok dengan indasteri[2], dan fekteri[2], orang ramai berulang alek dan pekerja ia-itu di-samping Jalan Sungei Besi dan juga di-Jalan Cheras, highway antara selatan dengan timor di-mana ada gate keretapi ini selalu mengendalakan perjalanan traffic pada waktu sebok.

Tuan Yang di-Pertua, selalu-nya perjalanan traffic ini terganggu, dengan keretapi yang hanya membawa beberapa orang penumpang. Kerana saya dapat tahu juga perjalanan dari Kuala Lumpur ka-Ampang ada bas berulang alek kerap kali.

Tuan Yang di-Pertua, jadi pada pandangan saya sa-kali imbas, steshen keretapi di-Pudu ini tidak bagitu ekonomik pada masa sekarang, bukan sahaja di-steshen yang sa-macham ini sahaja yang tidak ekonomik pehak Kerajaan mengendalikan bahkan ada steshen[2] kechil di-tempat[2] lain pun, sa-tengah[2] kawasan di-mana di-dapati banyak bas[2] berulang-alek antara satu tempat ka-satu tempat yang sama sa-lari dengan steshen keretapi itu, harus-lah siasat dengan segera dan buat recommendation-nya dan apa-kah langkah[2] yang patut di-buat. Kita tahu teksi sekarang pun banyak, Tuan Yang di-Pertua, dan juga chara pengangkutan lain ada banyak, oleh kerana negara kita ini sedang menuju ka-arah kema'amoran dengan pesat-nya.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, dan juga saya minta-lah kalau dapat, menarek per-hatian Ahli[2] Lembaga Keretapi ini, bagi keretapi[2] yang membawa pelanchong bersiar, hendak-lah di-hiaskan keretapi itu saperti ada satu tarekan yang lebeh atau pandangan yang menarek. Chuba kita lihat sa-bagai chontoh, coach[2] bas bersiar bagaimana dia menghiaskan bas-nya itu. Jadi, itu-lah gaya-nya kita menarek perhatian penumpang[2] atau pelanggan[2]. Tuan Yang di-Pertua, mithal kata, kita katakan, kita adakan service dari Kuala Lumpur terus ka-Port Dickson pada tiap[2] hujong minggu untok orang[2] berulang-alek atau bersiar makan angin sa-lepas penat bekerja sa-minggu di-pejabat.

Jadi, kita patut-lah memberi mereka itu lain pandangan. Jadi, kita terpaksa mengkaji apa-kah alat[2] yang mustahak di-adakan untok bersiar[2] dan kena pula dengan harga tambang-nya, jangan-lah mahal hingga orang yang ada wang sahaja yang mampu menaiki-nya. Jadi keretapi ini hendak-lah juga ada sadikit fikiran perniagaan atau dalam per-kataan yang lain business minded dalam menjalankan pentadbiran-nya. Kalau-lah sa-kira-nya chuma hendak mengadakan kemu-dahan dan menyediakan pekerjaan sahaja dan sa-balek-nya pula kerugian dari dahulu, ini kita tidak boleh pakai lagi. Kita hendak-lah ada fikiran bertanding atau pun competition, menarek lebeh ramai pelanggan[2].

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa ka-hadapan ini kita tidak boleh berfikir chara yang merugikan lagi. Jadi, saya harap dengan Ahli[2] Lembaga yang baharu ini dapat meng-kaji lebeh banyak lagi dalam soal Pentadbiran Keretapi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sa-kali, saya suka menyentoh soal kechuaian Jabatan ini. Saya hendak bertanya kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang mana kerap benar berlaku-nya pengeboman di-landasan keretapi, jambatan, pada hal landasan-nya tidak sa-panjang mana saperti negeri lain.

Dalam kerosakan jambatan yang mana saya dapat dengar ia-itu di-Sungai Patani baharu[2] ini, dapat-kah Kerajaan memberitahu ra'ayat apa puncha-nya berlaku—bom itu buatan siapa-kah? Ada-kah dari luar negeri atau pengkhianat tempatan? Jadi, di-sini harus, Dato' Yang di-Pertua, mungkin boleh jadi datang-nya sabotage daripada pekerja[2] keretapi itu sendiri. Terima kaseh.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Bill, as it stands, asks for a new composition of the Railway Board. Mr Speaker, Sir, on this Bill I must, first of all, draw the attention of the Minister of Transport that, being new to his appoint-ment, he has a tremendous challenge to project a new image of the Keretapi Tanah Melayu which is, of course, undoubtedly deteriorating day-to-day. Sir, a large area of mismanagement, inefficiency, has caused a heavy loss of revenue to the Keretapi and has also undermined its prestige. Mr Speaker, Sir, nepotism, cronism and favouritism are some of the many factors that have ruined the Keretapi Tanah Melayu. Sir, the Railways, being the largest State-owned transportation, has failed to fulfil its obligations towards the need of our deve-loping nation. Inexprienced handling of the Railway Administration is the key to the failure of the national rail transport system which has been left in the hands of men who have failed to improve the Railways to the required standard of modern transportation.

Sir, the Railways, during the post-Merdeka period, failed to realise that Twentieth Century demands modern, quick and speedy transportation where people are eager to reach their destinations within a shorter period and with comfort. Instead of con-centrating in improving the Keretapi Tanah Melayu, the Board has invested in many subsidiary companies such as:

(1) Kuala Lumpur/Singapore Express Ltd;

(2) Road—Railer Services Ltd;

(3) Sharikat Pengangkutan Rel Berhad;

(4) Sharikat Pengangkutan Rel (Utara) Berhad;

(5) Sharikat Pengangkutan Rel (Melaka) Berhad;

(6) Sharikat Bumi Rel Berhad;

(7) Sharikat Perjalanan Terus Butterworth/ Kuala Lumpur Berhad.

Sir, some of these companies have sustained heavy losses, and the taxpayers are contributing to the crimes of certain misfits who have advised the Railways to involve itself in a type of enterprise, which is a suicide to its very existence. Sir, when the Administration is unable to man the Railways to the satisfaction of the taxpayers, it has invested public funds into commercial undertakings that are of a competitive nature to the Railways itself. The public, Sir, has lost confidence in the Keretapi Tanah Melayu because:

(i) no train arrives and leaves in time;

(ii) frequent derailment;

(iii) unhygienic conditions of the trains, especially the third-class coaches;

(iv) insects of all forms have made the coaches their permanent homes;

(v) goods arriving by train are not delivered promptly;

(vi) hooliganism in the train goes unchecked; third-class seats are at times occupied for sleeping by the strong while the weak have to stand for their entire journey; and

(vii) lastly, the journey by train takes longer hours than by taxis.

Mr Speaker, Sir, the reasons for the failure of the Keretapi Tanah Melayu during the last few years are:

(1) Failure on the part of the Railways to modernise the rail transportation after Merdeka keeping in line with the technological progress of the nation.

(2) Broad-guage should have been introduced for speed and to compete with the road transport.

(3) Recruitment and promotion to senior positions are not based on merits but on other considerations.

(4) Experienced persons with seniority of service are placed under inexperienced staff.

(5) Government ignoring the advice of experienced staff and acting on the ill-advice of persons who have no knowledge of the workings of the Railways.

Mr Speaker, Sir, more than 100 vacancies existing in the Railways have not been filled. These vacancies are to be filled not by experienced persons with merit but by persons who have no knowledge of the Railways and who are the favourites of those who hold the reins of power. How can one expect, Sir, the Railways to be efficient when such forms of malpractices dominate the Malayan Railways?

Mr Speaker, Sir, to improve the Railways, I suggest that the following are necessary:

(1) Promotions must be strictly based on efficiency and seniority.

(2) Advice from experienced senior staff, who have a complete knowledge of the workings of the Railways, must be accepted by the Government for improvement.

(3) The Railways should cease forthwith further investing in any subsidiary commercial undertakings.

(4) Train services must be kept strictly within the timetable.

(5) Coaches must be improved and modernised.

(6) The Keretapi Tanah Melayu must seriously explore the possibilities of increasing the speed of the trains.

(7) Measures must be taken to introduce Broad-gauge.

Mr Speaker, Sir, the Malayan Railways must not forget that public transportation is not purely meant for profit-making alone, but the object should be for the maximum use of the public at the minimum cost. It will be incorrect for the Railway Administration to argue that it is losing.

Sir, on the other hand, while we accept the principle that losing should be avoided as far as possible, but this cannot be the only reason for not improving the Keretapi Tanah Melayu. Sir, the Keretapi Tanah Melayu at the same time have no reason to lose, if the Administration can be streamlined and handled by those who possess absolute knowledge of the workings of the Railways. For this purpose, Sir, I propose that a

Commission of Inquiry be instituted by the Government in order to streamline the Administration of the Keretapi Tanah Melayu, and also explore ways and means to modernise the rail transportation, keeping in line with the other mode of transportation.

Mr Speaker, Sir, referring to the housing for the workers in the Railways, Class XI quarters of the Malayan Railway Administration is an eye-sore and disgrace to a modern standard of living. These homes do not have any form of privacy. There is no room except a small cubicle which has to be used as a hall and a bed-room. A family with grown-up children has to sleep together where there is an absence of any form of privacy.

Mr Speaker, Sir, I have been informed that the Keretapi Tanah Melayu have proposed flats at Jalan Bungsar which will have only one room. This is, again, another attempt to disgrace the railway workers. There should be no houses with less than a minimum of two rooms. Any house with less than two rooms is sub-standard. Sir, Class XI should have at least two rooms with a proper kitchen, a hall and proper toilet facilities.

Mr Speaker, Sir, the Railway quarters in Jalan Bungsar are kept in a most unhygienic manner. Drains have not been cleaned for years, the grass and growth have not been cut for months. The Line Guards, who were working once upon a time, are no more in service, and the Health Department must act immediately to save the situation and clean up these quarters, which is the responsibility of the Keretapi Tanah Melayu. Mr Speaker, Sir, while the Minister is proposing to recompose the Railway Board, I would advise that people who have knowledge of the working of the railways should hold membership in this Board. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam membahathkan Ordinan Keretapi, 1948 yang di-pinda pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya menyatakan bahawa sa-sunggoh-nya keretapi kita di-Tanah Melayu ini kedudokan-nya ada-lah berada dalam kerugian pada sa-tiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin di-sedari oleh pehak Kerajaan di-sebabkan oleh berbagai[2] perkara sama ada chara[2] untok mengatasi-nya atau tidak di-buat oleh pehak Kerajaan saya tidak tahu, tetapi ini satu kejadian yang telah berada di-hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian pehak Menteri Pengangkutan tentang hal ini di-mana pada pandangan saya sebab[2] yang mendatangkan kerugian ini ia-lah kerana keretapi kita ini tidak berkhidmat bagi seluroh Negeri[2] di-dalam Malaysia Barat ini. Saya dapati di-negeri Trengganu di-mana kita telah menchapai kemerdekaan sudah 13 tahun orang[2] Trengganu ta' dapat menekmati keretapi.

Dalam negeri Trengganu, Tuan Yang di-Pertua, hanya ada satu keretapi ia-itu bagi daerah Dungun. Keretapi itu ada-lah di-tanggong oleh sa-buah sharikat bijeh ia-itu sharikat Emco yang berulang alek di-antara Kuala Dungun dengan Bukit Besi, dan kalau orang di-Pantai Barat menaiki keretapi itu selalu saya dengar di-gelar dengan Keretapi Cowboy. Jadi kalau orang di-seluroh negeri Trengganu yang hendak menaiki keretapi dia terpaksa pergi ka-Dungun naik keretapi, rasa keretapi itu, sebab Keretapi Tanah Melayu ini tidak ada membuka perkhidmatan-nya di-negeri Trengganu dan ranchangan untok itu pun tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap ini dapat perhatian daripada pehak Menteri yang berkenaan kerana Trengganu ada-lah satu unit daripada negara kita Malaysia ini. Saya rasa dengan perlantekan dan chara[2] perlantekan orang[2] baharu ini akan dapat-lah pandangan saya itu di-jalankan oleh pehak Kerajaan tambahan pula keretapi yang saya katakan, Keretapi Cowboy itu pun sekarang ini sharikat itu sudah tutup pula. Jadi Insha' Allah apakala sharikat Emco tutup, keretapi tidak boleh jalan maka Menteri Pengangkutan kita akan membuat satu rel keretapi di-negeri Trengganu dan orang Trengganu akan dapat berjalan dan pula kalau ta' ada pegawai ta' chukup orang hendak berkhidmat, orang[2] yang telah di-lateh di-dalam Keretapi Cowboy tadi boleh di-ambil oleh Menteri berkenaan untok berkhidmat di-Jabatan-nya. Sekian, terima kaseh.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, dalam saya mengalu[2]kan Rang Undang[2] pindaan ini, saya suka hendak menarek perhatian Dewan ini bahawasa-nya Perkhidmatan Keretapi ini ia-lah satu perkhidmatan orang ramai yang mesti di-akui ia-itu di-gunakan oleh ra'ayat negeri ini, satu perkhidmatan yang sangat

mustahak. Ia-nya bersamaan dengan perkhidmatan jalanraya, jalan udara dan sa-bagai-nya. Sa-bagaimana kita ma'alum Perkhidmatan Keretapi ini di-mulaï pada tahun 1887 ia-itu daripada Port Weld ka-Matang ia-itu di-Perak. Pada hari ini masok jumlah lapan puloh tahun Perkhidmatan Keretapi di-adakan di-Tanah Melayu. Oleh sebab negeri kita sekarang ini sa-makin maju, sa-makin meningkat daripada sa-masa ka-samasa maka Perkhidmatan Keretapi ini juga perlu di-baiki. Dengan di-bawa-nya Rang Undang[2] ini sabagai menunjokkan bahawasa-nya Perkhidmatan Keretapi ini akan di-perbaiki sa-berapa boleh-nya, tetapi suka-lah saya, Tuan Yang di-Pertua, mengemukakan dalam Dewan ini sa-bagaimana yang saya katakan tadi di-Pantai Timor Perkhidmatan Keretapi ada-lah satu perkhidmatan yang sangat di-perlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah mengatakan Perkhidmatan Keretapi ini tidak melaluï negeri Trengganu sedangkan sekarang ini pula negeri kita sudah mulaï membuat perkhidmatan bukan sahaja Perkhidmatan Keretapi, tetapi kenderaan jalanraya juga jalan udara. Jadi saya rasa Kementerian ini dan pehak yang berkenaan dan Kerajaan patut memikirkan supaya Perkhidmatan Keretapi ini betul[2] dapat di-gunakan oleh ra'ayat menjadi satu perkhidmatan yang lebeh daripada lain[2] perkhidmatan dalam negeri kita ini. Kalau kita pergi ka-negeri[2] luar dimana Perkhidmatan Keretapi kita dapati kadang[2] kalau kita bandingkan Perkhidmatan Keretapi di-tempat[2] kita ada jauh perbedzaannya. Saya perchaya ramai Ahli[2] Dewan ini yang pergi ka-Taiwan, di-mana di-dalam Perkhidmatan Keretapi jauh sa-lain daripada di-siapkan alatan[2] dan kemudahan, di-siapkan juga minuman, untok kerehatan kapada penumpang[2]. Jadi sekarang ini saya mohon kapada Kerajaan untok menimbangkan Perkhidmatan Keretapi ini di-baiki jikalau di-kehendaki dengan modal yang banyak, atau belanja yang besar maka patut kita fikirkan bagi kebaikan negara kita pada masa akan datang.

80 tahun lama-nya Perkhidmatan Keretapi dan hingga hari ini dengan segala ikhtiar yang kita ada, maseh tidak memuaskan, tidak, memberi puas hati. Jadi yang demikian saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dengan terbuka-nya Jalan Timor ka-Barat di-antara Kota Bharu dengan Province Wellesly, orang[2] daripada Pantai Timor terutama-nya orang[2] Kelantan akan menggunakan perkhidmatan jalanraya lebeh daripada perkhidmatan keretapi. Dengan keadaan yang berlaku saperti itu nanti Perkhidmatan Keretapi Pantai Timor akan menanggong kekurangan pelanggan. Yang demikian mungkin kekurangan perbelanjaan atau lebeh besar perbelanjaan daripada pendapatan. Jadi kalau sa-kira-nya pandangan yang sa-umpama itu tidak dapat di-fikirkan pada hari ini apa akan jadi terdapat keretapi di-Pantai Timor. Kalau saya hendak cheritakan Perkhidmatan Keretapi Pantai Timor dengan Pantai Barat, Tuan Yang di-Pertua, tentu-lah pehak[2] yang berkenaan dan ra'ayat negeri ini akan tahu perbedzaan[2] yang berlaku di-Pantai Timor.

Bagi negeri saya, Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Keretapi ada-lah satu perkhidmatan yang sangat di-perlukan daripada sempadan Kelantan membawa ka-sempadan Johor. Perkhidmatan Keretapi ini-lah yang paling panjang sa-kali. Pada satu ketika, Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku suatu kerosakan, rel, atau sa-bagai-nya ra'ayat daerah saya terutama-nya yang melaluï dari Merapoh sa-hingga ka-Temerloh, balek menggunakan jalan sungai bagi mendapatkan makanan untok kehidupan sa-hari[2]. Ini dapat di-buktikan pada masa banjir yang baharu berlaku pada tahun ini. Saya tidak-lah mengshaki bahawa Jabatan Keretapi tidak berbuat sa-suatu apa untok hendak mengatasi masaalah yang berlaku, tetapi oleh sebab landasan keretapi ini dan perjalanan keretapi ini tidak di-hemat[2]kan, maka berlaku-lah apa yang saya katakan tadi. Sa-bagaimana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, mulaï tahun 1887 Perkhidmatan Keretapi di-mulaï daripada Matang ka-Port Weld langsong sa-lepas perang, berapa batu Perkhidmatan Keretapi menambah landasan keretapi yang baharu, mengapa tidak di-ranchangkan daripada Pantai Timor ka-Pantai Barat? Mengapa tidak di-ranchangkan umpama-nya daripada Kuala Lipis dan ka-Kuala Lumpur? Sekarang ini mesti-kah lagi sa-saorang penompang daripada Kelantan, daripada Pantai Timor hendak pergi ka-Kuala Lumpur bermalam di-Gemas. Andai kata dengan belanja lebeh turun di-Kuala Lipis, ka-Kuala Lumpur naik teksi dan perkhidmatan bas. Jadi oleh sebab kurang perhatian kita bukan sahaja hendak membaiki yang ada ini, tetapi ranchangan kita pada masa yang akan datang perlu kita hemat[2]kan. Saya rasa sa-bagai sa-buah Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri memikirkan dengan di-tubohkan pindaan[2] ini, saya harap keadaan

ini dapat di-perbaiki. Saya tidak berchakap lebeh dari ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang saya mohon di-pertimbangkan oleh Kerajaan saya ia-lah di-perbaharui chara[2] Perkhidmatan Keretapi ini kalau tidak sa-moden perkhidmatan negeri[2] lain, tetapi kita tidak hendak di-bawah kemodenan negara[2] itu.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru perkara yang saya sebutkan ini mohon pertimbangan. Terima kaseh.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Yang di-Pertua, izinkan-lah saya menyentoh dua atau tiga perkara mengenai dengan keretapi berikutan dengan Rang Undang[2] yang di-bentangkan ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong dan memberi sanjongan tinggi kapada Yang Berhormat Menteri yang telah memikirkan untok mengkaji berkenaan dengan perlantekan Ahli[2] Lembaga.

Dato' Yang di-Pertua, saya sama sa-pendapat dengan sahabat saya Ahli dari Lipis merayu kapada Kerajaan supaya mengkaji kedudokan keretapi dari Pantai Timor ka-Kuala Lumpur, kerana kalau jalan[2] darat daripada Kuala Lumpur ka-Pantai Timor sejak daripada kita menchapai kemerdekaan sa-hingga hari ini sudah banyak kita luruskan jalan[2] yang berliku[2] itu, maka saya rasa, jalan keretapi yang kita pusakai daripada penjajah ini tidak sa-harus-nya kita kekalkan dengan keadaan yang ada pada hari ini dengan tidak di-buat sa-barang perubahan. Saperti yang di-katakan oleh sahabat saya Ahli dari Lipis orang daripada Pantai Timor terpaksa bermalam di-Gemas. Jadi ini menjauhkan perjalanan-nya. Ada baik-nya bagi pehak ahli Jawatan-kuasa, atau pun pehak Anggota Lembaga yang akan di-tubohkan nanti mengkaji perkara ini dengan semasak[2]-nya supaya perjalanan daripada Pantai Timor ka-Kuala Lumpur ini tidak-lah terpaksa menempohi satu malam.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah mengenai dengan harga makanan dalam keretapi. Saya pernah menaiki keretapi dan pernah memerhati perkara ini, Dato' Yang di-Pertua, saya nampak gulongan[2] yang miskin ramai menaiki keretapi sebab itu-lah keretapi banyak orang membeli tiket kelas 3 dan ramai penompang[2] kelas 3. Mereka orang miskin, tetapi harga makanan dalam keretapi, Dato' Yang di-Pertua, sangat[2] mahal, tidak sa-imbang dengan orang yang miskin yang naik, tiba[2] harga makanan dan minuman-nya terlampau mahal.

Kemudian, Dato' Yang di-Pertua, saya juga pernah melihat tempat[2] kelas satu dalam keretapi ini sentiasa kosong, kechuali orang[2] yang mendapat pass free saperti Ahli[2] Parlimen dan pegawai[2] Kerajaan yang mendapat waran tiket dudok-lah di-tempat yang pertama ini. Bagi orang[2] kebanyakan tidak bagitu seronok hendak tinggal di-kelas yang pertama, kerana harga tiket antara kelas dua dengan kelas satu ini jauh sangat beza-nya, sedangkan keistimewaan yang ada kapada kelas satu dengan kelas dua tidak jauh perbedzaan-nya. Jadi ini juga saya fikir perlu di-kaji, sebab daripada kita tarek coach yang bagitu kosong, sentiasa kosong, Dato' Yang di-Pertua, lebeh baik kita memikirkan harga yang agak murah sadikit supaya orang[2] yang ingin masok di-situ membeli tiket kelas satu tidak terperanjat dengan harga yang bagitu mahal.

Kemudian, Dato' Yang di-Pertua, sahabat saya Ahli dari Dungun tadi menyebutkan tentang masaalah Kerajaan patut mengkaji dan memberi pertimbangan mengenai dengan ada-nya sa-buah negeri dalam Malaysia ini tidak dapat Perkhidmatan Keretapi. Walau pun kadang[2] saya tidak sama pendapat dengan wakil Dungun ini tetapi dalam masaalah ini ada titek pertemuan-nya, Dato' Yang di-Pertua. Jadi sa-belum daripada saya datang ka-Dewan yang mulia ini, Dato' Yang di-Pertua, ada suatu masa dalam tahun 1970 saya dapat peluang bersama[2] dengan pakar yang menyiasat konon-nya hendak di-kaji membuat jalan raya daripada Ulu Besut ka-Manek Urai dapat peluang ikut bersama, Dato' Yang di-Pertua, maka saya dapat melihat dalam perjalanan itu chuma antara satu steshen keretapi yang ada dalam negeri Kelantan ia-itu Manek Urai dengan sempadan Negeri Trengganu jauh-nya 10 batu. Kemudian daripada sempadan Negeri Trengganu ka-hujong jalan raya yang ada di-Ulu Besut, ia-lah 8 batu. Erti-nya kalau hendak membolehkan supaya tidak chachat di-dalam sejarah tanah ayer bahawa Negeri Trengganu tidak ada keretapi, maka saya rasa ini-lah sa-baik[2] peluang bagi Kerajaan mengkaji sa-jauh hanya-lah 18 batu sahaja dari Manek Urai buat satu landasan keretapi sampai ka-Ulu Besut, maka terchatit-lah dalam sejarah tanah ayer kita ini bahawa tidak ada lagi dalam Malaysia ini yang tidak

ada keretapi. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, dalam masaalah ini saya tidak tahu-lah sama ada Menteri Kerja Raya, dia fikir patut buat jalan raya daripada jalan keretapi, tetapi kalau dia fikir lebeh baik buat jalan raya, saya rasa lebeh baik buat jalan raya juga daripada jalan keretapi, maka tidak mengapa-lah kalau Negeri Trengganu tidak ada keretapi pun, sebab dari situ 18 batu boleh sampai keretapi ka-steshen yang lebeh hampir dengan Negeri Trengganu. Chuma apa yang patut Kerajaan kaji mana yang lebeh baik, jalan raya atau pun jalan keretapi.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang akhir sa-kali yang saya hendak sentoh di-sini satu perkara yang selalu di-sebut masaalah keretapi ini gelap. Kegelapan ini mula^2 dahulu saya tidak faham orang kata gelap. Saya nampak ada lampu, ada api. Rupa^2-nya gelap ini, gelap lain, bila kita pergi ka-steshen keretapi, kita nampak gelap^2 sahaja. Tengok pekerjaan-nya pun gelap^2 sahaja. Jadi hari ini, Dato' Yang di-Pertua, saya tengok Menteri kita ini tidak gelap-lah nampak-nya. Jadi saya harap kalau boleh biar-lah pekerja^2 keretapi ini pun dan anggota^2-nya, pegawai^2 tinggi-nya pun biar-lah tidak ramai sangat gelap^2 ini, Dato' Yang di-Pertua. Sebab saya bimbang kalau keadaan gelap^2 ini terlampau ramai, nanti kita bertempor di-atas keretapi. Sekian. Terima kaseh. Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Dato' Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sadikit sahaja terutama saya mengalu^2-lah berkenaan dengan lantekan Jawatankuasa ini dan saya berharap bahawa Jawatankuasa yang akan di-lantek hendak-lah benar^2 daripada orang^2 yang ada pengalaman di-dalam perniagaan kerana dengan mereka yang ada mempunyai pengalaman yang chukup dalam perniagaan itu, saya perchaya bahawa Perkhidmatan Keretapi kita di-masa akan datang tidak lagi akan menimpa kerugian yang begitu besar daripada sa-tahun ka-satahun. Saya juga bersetuju dengan rakan saya Ahli dari Lipis bahawa tujuan keretapi ini ia-lah hendak memberi perkhidmatan kapada ra'ayat. Itu-lah tujuan yang besar sa-kali, tetapi saya pandang pada masa ini sudah berlawan. Pegawai^2 yang bertugas mulai daripada atas sampai ka-bawah-nya di-dalam keretapi mereka itu menganggap bahawa diri mereka ada-lah pegawai Kerajaan. Bukan bekerja, berkhidmat kapada ra'ayat. Itu yang menjadi kesulitan, Dato' Yang di-Pertua, pada hari ini, dia menganggap diri-nya ia-lah sa-bagai pegawai Kerajaan. Pada hal dasar keretapi ini ia-lah hendak memberi khidmat kapada ra'ayat. Jadi saya harap bahawa Jawatankuasa yang akan di-tubohkan ini dapat-lah memikir macham mana supaya pegawai^2 yang berkhidmat dalam Jabatan Keretapi ini dapat menyesuaikan diri supaya mereka itu benar^2 menjadi kaki-tangan yang akan dapat berkhidmat kapada ra'ayat dan kapada negara. Jadi dengan jalan yang demikian, saya perchaya bahawa dalam masa yang sengkat sahaja kerugian keretapi kita ini akan bertambah kekurangan.

Dan yang kedua, saya hendak minta-lah kapada Yang Berhormat Menteri memikirkan bahawa pada masa sekarang ini ada rail car yang berkhidmat daripada Pulau Pinang/Butterworth ka-Haadyai, tak-kah boleh bahawasa-nya perkhidmatan itu dapat di-langsongkan sa-hingga sampai ka-Kelantan. Jadi dengan chara yang demikian dapat-lah. . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada kena mengena dengan Rang Undang^2 ini.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Dato' Yang di-Pertua, ini hanya hendak merayu sahaja, Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Merayu masa lain, masa sudah suntok.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali saya ingin menguchapkan berbanyak^2 terima kaseh atas sokongan Ahli^2 Yang Berhormat atas Rang Undang^2 ini dan bagitu juga saya menguchapkan berbanyak^2 terima kaseh atas chadangan^2 yang telah di-buat oleh Ahli^2 Yang Berhormat. Chadangan^2 atau pun tegoran^2 yang mana di-fikirkan membawa kebaikan tetap Kementerian saya akan pereksa dan kita akan ambil chadangan^2 itu jika di-fikirkan memberi faedah atau boleh memperbaiki keretapi kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat yang minta tahu atau pun menyuroh siasat supaya pengeboman jambatan^2 kita ada-lah di-sebabkan oleh pekerja atau pun

dari siapa. Di-sini saya ingin memberi tahu yang kita tidak boleh sangka bagitu. Kita perchaya kejadian itu ada-lah perbuatan kominis dan kita tidak-lah menudoh sa-siapa yang lain.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin-lah menyentoh sadikit atas tegoran[2] yang telah di-beri oleh Yang Berhormat dari Dato Keramat. Sa-benar-nya tegoran Ahli Yang Berhormat sudah pun di-bawa sa-masa membahathkan Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya pun sudah memberi jawapan atas soal[2] yang di-timbulkan itu dan pada fikiran saya tidak payah-lah saya menjawab lagi. Walau bagaimana pun ada beberapa perkara lagi yang telah di-timbulkan yang belum ada jawapan, tetapi di-sini dengan rengkas supaya saya dapat menjawab sa-kali gus semua soalan[2] atau pun tegoran[2] yang telah di-beri. Saya ingin-lah memberi tahu kapada Rumah ini chadangan[2] Keretapi kita untok memperbaiki perjalanan-nya di-hari yang akan datang, ia-itu keretapi kita ada-lah tujuan-nya memberi perkhidmatan pengangkutan yang memuaskan, chekap dan ekonomi dengan kadar bayaran yang berpatutan bagi tambang pengangkutan barang[2] dan penompang mengikut perinsip[2] perniagaan dan dengan jalan itu memberi sumbangan ka-arah kemajuan ekonomi dan negara pada keselurohan-nya. Dan bagi menchapai matlamat ini Keretapi Tanah Melayu telah meranchangkan strateji dalam melaksanakan Ranchangan[2] Malaysia Yang Kedua saperti berikut:

(1) menjalankan perniagaan dengan lebeh dinamis lagi dan mengkaji semua sistem[2] akaun dan penilaian bagitu juga sikap[2], usaha[2], aktiviti[2] dan gerakan keretapi akan di-tumpukan kapada tujuan perniagaan;

(2) memesatkan lagi ranchangan[2] penanaman modal, saperti perindasterian dan menambah, atau membaharui stor kereta untok mengurangkan lagi perbelanjaan;

(3) memodenkan perkhidmatan[2] train untok mengurangkan perbelanjaan dengan chara melebehkan lagi penarekan sa-sa-buah train, mengukohkan penyangkok gerabak dan memanjangkan lagi gilong[2] seliseh di-steshen[2];

(4) menyusun sa-mula strakter pentadbiran;

(5) melateh dan mengulang lateh kakitangan[2] yang ada-di-dalam perkara[2] teknikal dan juga aspek[2] yang berkenaan dengan perhubongan awam, dan kesedaran tata ra'ayat;

(6) membaiki lagi kemudahan[2] gerakan keretapi saperti sistem semboyan dan talikom, membaikkan landasan jalan chawang Port Dickson atau di-Kuala Lumpur dan panduan landasan antara Kuala Lumpur dan Salak South;

(7) mengekalkan perhubongan majikan pekerja yang erat yang termasok aspek menggalakkan dan pengeluaran;

(8) memberi sumbangan ka-arah persaimbangan kedudokan ekonomi di-antara kaum melaluï ranchangan[2] latehan kemajuan kerja raya dan ranchangan[2] perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan membelanjakan sa-jumlah $85 juta bagi melaksanakan beberapa projek besar dan kechil. Projek[2] itu termasok-lah projek[2] memperbaiki dan membaharui alat[2] perkhidmatan pengangkutan barang[2] dan penumpang[2] yang di-fikirkan perlu. Dengan ini, saya yakin bahawa dengan terlaksana-nya projek[2] yang telah di-ranchangkan oleh Pentadbiran Keretapi itu, maka Perkhidmatan Keretapi dalam lapangan pengangkutan barang[2] dan juga Perkhidmatan Pengangkutan Penumpang akan bertambah baik dan tinggi mutu-nya.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ta' payah-lah saya sebutkan lagi satu-persatu perkara[2] yang lain yang akan kita buat, di-sini memadaï-lah apa yang sudah saya terangkan tadi, saya beri sadikit gambaran supaya Ahli[2] Yang Berhormat tahu apa dia sadikit daripada ranchangan[2] yang akan kita buat di-masa hadapan untok memperbaiki keadaan keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Dungun dan juga Ahli dari Besut tadi ada menchadangkan supaya kita adakan perkhidmatan keretapi ka-Dungun dan ini sa-bagaimana saya sudah terangkan lebeh awal tadi kita akan pereksa, jikalau boleh dari segi ekonomi atau pun jika mendatangkan hasil, kita akan jalankan bagitu juga di-Kuala Lipis.

Saya fikir itu sahaja yang saya ingin memberi tahu di-sini, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) LALU LINTAS

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang² yang bernama Akta (Pindaan) Lalu Lintas Jalan, 1971 di-bacha kali yang kedua.

Saperti yang di-nyatakan di-dalam Huraian Rang Undang² tersebut Undang² ini telah pun sekarang ini berkuat-kuasa sa-bagai Ordinan No. 15 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969 dan tujuan sekarang ia-lah supaya Undang² ini di-masokkan ka-dalam suatu Undang² yang kekal.

Rang Undang² ini mengandongi chadangan² Pindaan kapada Ordinan Lalu Lintas Jalan, 1958. Maksud sa-suatu pindaan yang di-chadangkan itu ada-lah di-nyatakan di-dalam Huraian Rang Undang² itu, oleh itu saya fikir tidak-lah payah berchakap panjang sa-lain daripada meminta supaya Undang² ini di-persetujukan oleh Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to comment on Section 48 (1) and Section 48 (2) of the Road Traffic Ordinance.

According to Section 48, Sub-section (1), a person in charge of a motor vehicle, who does not carry with him the certificate of insurance, will become liable to be convicted only if he fails to produce it within five days after being so required by a Police Officer or a Road Transport Officer. But, Sub-section (2) of Section 48 does not appear to give the same opportunity to a person who does not carry with him his driving licence.

I feel, Mr Speaker, Sir, that this distinction between the two Sub-sections is most unfair and Section 48, Sub-section (1), should, therefore, be so framed as to cover Section 48, Sub-section (2) as well, so that a person who fails to carry his driving licence with him will also have five days within which to produce his driving licence. Thank you, Sir.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya Yang Berhormat itu menchadangkan pindaan, jadi di-sebabkan kita tidak ada notis, bagaimana pindaan kita boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua: Dia memberi perhatian bukan buat pindaan sekejap ini tadi.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, akan di-ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi akan di-terima-lah, tegoran² itu!

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kita akan terima, tetapi kita akan mengambil perhatian.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG[2] (PINDAAN) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang[2] yang bernama satu Akta bagi meminda Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 di-bacha kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menerangkan dengan rengkas-nya sebab[2] di-kehendaki pindaan saperti yang di-chadangkan itu. Dewan Bahasa dan Pustaka telah di-tubohkan dalam tahun 1959. Sejak dari itu tugas dan tanggong-jawab-nya telah berlipat-ganda dan telah di-rasai bahawa suatu penyusunan sa-mula perlu di-perbuat. Sementara itu sudah ada beberapa perubahan pentadbiran di-jalankan dari sa-masa ka-masa dengan tujuan hendak memperbaiki dan memperkemaskan lagi aktiviti[2] Dewan itu. Namun demikian, keadaan yang ada sekarang belum-lah dapat di-katakan chukup sempurna. Sa-telah mengkaji kedudokan-nya sekarang, saya yakin bahawa untok memperkuatkan dan meninggikan lagi mutu kechekapan bahagian[2] yang ada dalam Dewan itu, maka mustahak-lah tiap[2] bahagian itu di-ketuai oleh sa-orang Director atau Pengarah. Umpama-nya Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pengarah Bahagian Ilmiah dan Penyelidekan dan Pengarah Bahagian Perdagangan. Dengan peratoran itu, maka tiap[2] bahagian itu akan dapat membuat keputusan dengan segera dan berkesan.

Dengan ada-nya penyusunan sa-mula saerti ini ia-itu tiap[2] bahagian di-ketuai oleh sa-orang Pengarah, maka jawatan Pegawai Kerja yang bertanggong-jawab sa-chara keselurohan-nya akan perjalanan Dewan itu yang di-sebutkan sa-bagai Pengarah dalam Section 14 (*a*) Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 hendak-lah di-ubah menjadi Director-General atau Ketua Pengarah.

Dengan penyusunan sa-mula ini, Tuan Yang di-Pertua, maka dapat-lah Ketua Pengarah ini menumpukan masa dan tenaga-nya lebeh kapada soal[2] dasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita mengambil bahagian dalam membentangkan Akta bagi meminda Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 ini di-Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan di-Dewan yang mulia ini, sa-sunggoh-nya kita berasa megah dengan ada-nya Dewan Bahasa dan Pustaka bagitu indah dan besar dan meliputi beberapa kelengkapan[2] yang banyak. Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita nampak bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka yang di-tubohkan pada tahun 1959 ini . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat sama ada bersetuju Director di-tukar kapada Director-General atau tidak, itu sahaja. Bill ini tidak banyak perkara.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Memberi sadikit pandangan pun tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Pandangan sadikit tidak boleh, masa sudah suntok.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Terima kaseh.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada lagi perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli[2]; saya ta' adalah apa[2] hendak jawab.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang[2] di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang[2] di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

Rang Undang[2] di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG[2] MAJLIS SOKAN NEGARA MALAYSIA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan satu Rang Undang[2] bernama Akta Majlis Sokan Negara Malaysia untok di-bacha bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan di-adakan Undang[2] ini ia-lah supaya melibatkan lebeh[2] lagi Kerajaan di-dalam pentadbiran dan kemajuan sokan dalam negara ini. Mengikut keadaan sekarang ini sokan ada-lah di-uruskan oleh berbagai[2] pertubohan sokan dengan tidak ada banyak penyelarasan antara satu sama lain dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dengan mempunyai hanya pada masa ini sa-orang Pegawai Sokan sahaja yang menjagai perkara sokan keselurohan negara tentu-lah tidak dapat memainkan peranan yang berkesan bagi menchapai matlamat[2] yang di-tujukan semenjak bahagian sokan di-Kementerian ini di-adakan pada tujoh tahun yang lampau. Dengan ini Kerajaan berchadang bukan sahaja memandangkan perlu di-tubohkan Majlis Sokan ini, tetapi berchadang juga membaiki keadaan ini lebeh[2] lagi memandangkan peri mustahak-nya perkara ini di-perbaiki.

Dengan Rang Undang[2] ini, Tuan Yang di-Pertua, akan di-adakan satu badan yang di-namakan Badan Majlis Sokan Negara yang bertujuan mengadakan satu badan yang kemas yang bertujuan atau pun yang mempunyai matlamat[2] (objectives) yang berikut:

(1) Menjadi badan penyelarasan atau co-ordinasi merapatkan lagi Kerajaan dengan pertubohan[2] sokan;

(2) Menjadi badan penasihat yang membolehkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan memainkan peranan yang lebeh besar dan berkesan lagi bagi mengadakan dasar[2] dan progrem kebangsaan bagi memajukan sokan, supaya sa-jumlah besar daripada ra'ayat dapat mengambil bahagian di-dalam sokan dan juga memberi segala peluang dan kemudahan bagi pehak yang mempunyai bakat (talent) menggunakan bakat-nya dengan sa-penoh supaya sa-tanding atau sa-imbang dengan ahli sokan antara bangsa sa-kurang[2]-nya di-kawasan Asia Tenggara.

(3) Membolehkan suatu Wang Pertarohan (Fund) di-adakan melalui kuasa mengadakan-nya yang di-beri kapada badan ini dalam Perkara 9 yang boleh di-gunakan bagi ranchangan[2] yang tertentu dan berfaedah kapada sokan.

Di-bawah undang[2] ini juga kesemua Negeri di-Malaysia akan mempunyai wakil-nya di-Majlis ini di-bawah Fasal 5 (2) (*a*). Sa-lain daripada itu Majlis Sokan di-peringkat Negeri akan di-tubohkan mengikut Fasal 7 (1) dengan Menteri Besar atau pun Ketua Menteri atau wakil-nya menjadi Pengerusi serta Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri menjadi ahli-nya juga. Pentadbiran Majlis ini akan di-uruskan di-bawah Fasal 8 (1) oleh Lembaga Urusan atau pun Board of Management dengan Menteri-nya sa-bagai Pengerusi. Pehak Kerajaan akan lebeh[2] terlibat pula dengan sa-orang wakil dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dan sa-orang dari Kementerian Kewangan di-lantek di-bawah Fasal 6 (1) menjadi Ahli Lembaga Pengurus Badan ini.

Sadikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kedudokan Majlis Olimpik Malaysia, Badan ini ia-itu Badan Majlis Olimpik Malaysia akan terus berjalan berhubong dengan menjalankan tugas-nya menjadi badan perantaraan atau pun perhubongan antara Olympic Council Malaysia dengan Olympic Council sa-Dunia atau pun International Olympic Council, tetapi saya suka menjelaskan ada-lah terikat, Olympic Council Malaysia terikat kapada dasar[2] yang di-buat oleh Kementerian sa-lepas perundingan dengan Majlis Sokan Negara. Dengan ini persiapan[2] latehan yang di-buat bagi menghadapi sa-suatu pertandingan antarabangsa yang sa-lama ini di-jalankan oleh badan[2] sokan berasing[2]an dengan tidak ada langsong champor tangan, atau pun terlibat-nya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Sekarang ini akan di-uruskan dan di-jagai oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan rasa saya bagaimana perlu-nya di-adakan Majlis ini sa-bagai satu badan yang menchantumkan sokan dengan kegiatan[2] belia yang ramai bilangan-nya pada masa ini, ia-itu tidak kurang dari 60% yang berumor daripada 21 tahun ka-bawah. Saya berpendapat perlu menggalakkan kegiatan belia di-lapangan sokan khas-nya di-masa kelapangan mereka, jikalau tidak kita harus menghadapi

anchaman di-dalam mana masa kelapangan yang ada pada-nya akan di-gunakan bagi perkara[2] yang tidak membena yang mungkin membawa mereka ka-jalan jenayah dan sa-bagai-nya.

Sa-lain dari ini Majlis ini akan menjadi jentera yang boleh merapatkan perpaduan di-antara berbagai kaum yang mendudoki negara ini menerusi sokan.

Sekian, saya mohon menchadangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, izinkan-lah saya berchakap, mengenaï dengan Rang Undang[2] Majlis Sokan Negara Malaysia, yang di-bentang oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan baru sa-kejap, dan oleh kerana Rang Undang[2] ini sangat tebal yang mengandongi sa-banyak 17 muka, maka saya memohon izin untok berchakap bersunggoh[2] dengan Dato' Yang di-Pertua pada petang ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya memberi uchapan tahniah kapada Kerajaan yang telah berani mengemukakan Rang Undang[2] ini dan oleh kerana ini-lah julong[2] kali Kerajaan berchadang menubohkan Majlis Sokan Negara, maka saya berpendapat ada baik-nya jika saya sebutkan di-sini beberapa perkara yang seringkali di-suarakan oleh gulongan[2] tertentu tentang tidak puas hati-nya, chara[2] perjalanan sokan yang ada sa-lama ini.

Dato' Yang di-Pertua, sa-lama ini Kerajaan tidak mempunyaï kuasa langsong dalam kegiatan sokan, walau pun sa-tengah[2] badan kebangsaan itu di-dokong oleh Menteri[2]. Kementerian Sokan ada hanya-lah pada nama sahaja, atau lebeh tepat saya katakan Kementerian Sokan di-masa yang lalu hanya ada dari segi undang[2] sahaja, bukan pada prektik-nya.

Kementerian Sokan bukan sahaja tidak mempunyaï kuasa terhadap badan[2] sokan kebangsaan, tetapi tidak ada tali menali langsong dengan mereka. Bagitu juga kedudokan antara Majlis Sokan Olimpik Malaysia dengan Kementerian Sokan, tidak ada pertalian langsong, walau pun sa-urat benang pun. Apa yang di-ketahuï oleh umum bahawa Majlis Sokan Olimpik Malaysia ada-lah berkuasa di-atas Kementerian Sokan di-masa yang lulu.

Keadaan yang saya sebutkan di-atas tadi, Dato' Yang di-Pertua, berlainan sa-kali dengan negara[2] yang lebeh maju dalam lapangan sokan. Chontoh yang paling dekat dapat saya sebutkan di-sini ia-lah Thailand dan Burma, di-mana Kerajaan di-negara[2] itu ada-lah bertanggong-jawab atas maju mundor-nya di-lapangan sokan dan berkuasa menchorakkan sa-suatu demi kemajuan sokan.

Agak-nya tidak keterlaluan, Dato' Yang di-Pertua, jika saya katakan di-sini bahawa Kementerian Sokan kita di-masa yang sudah[2] hanya bermain peranan tidak lebeh dari menjadi "tukang keluar chek bantuan" kapada badan[2] sokan sahaja dengan tidak di-beri apa[2] panduan dan tunjok ajar kemudian di-hebahkan kapada umum, konon-nya Kerajaan telah memberi bantuan beribu[2] ringgit bagi melaksanakan dasar Kerajaan untok memajukan sokan, sedangkan hasil-nya amat-lah memalukan negara. Bagitu juga peranan yang di-mainkan oleh Majlis Sokan Olimpik tidak menghasilkan progress yang boleh di-banggakan.

Dato' Yang di-Pertua . . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tolong perlahan sadikit berchakap supaya boleh di-faham oleh Ahli[2] lain, jangan laju sangat.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Ada sa-tengah[2] orang berkata Majlis Sokan Olimpik hanya saperti sa-buah bas yang bersedia membawa penumpang[2] yang sudah di-beri tiket dan berjalan menuju ka-arah yang di-kehendaki oleh penumpang[2], atau pun hanya sa-bagai Pejabat Urusan Haji yang menyiapkan paspot[2] kapada peserta[2]-nya untok menyertaï satu pertandingan antara bangsa di-luar tanah ayer.

Kejatohan Malaysia, Dato' Yang di-Pertua, di-sokan SEAP di-Rangoon baharu[2] ini menggambarkan betapa lemah dan mundor-nya lapangan sokan di-negara ini. Kemerosotan di-Rangoon lebeh terok dari apa yang di-alami di-sokan SEAP di-Bangkok pada tahun 1967 yang lalu.

Sampai bila Malaysia harus merosot saperti itu, Tuan Yang di-Pertua? Sedangkan negara[2] lain sa-makin hari sa-makin bertambah maju hingga sudah mampu mengatasi dan meninggalkan kita lebeh jauh. Hendak mengatakan

lapangan sokan di-Malaysia maseh muda, agak kurang bijak, Dato' Yang di-Pertua, sebab kita telah merangkak lebeh awal dari orang lain.

Tadi saya sebutkan Burma sa-bagai chontoh, Dato' Yang di-Pertua, yang patut kita jadikan panduan. Kalau dulu negara sosialis itu chuba[2] belajar bersokan, tetapi kini mereka sudah menjadi jagoh pula, bagitu juga Singapura yang baharu sa-tahun jagong dibidang sokan antara bangsa sudah mampu mengatasi kita, Dato' Yang di-Pertua. Sedangkan matlamat Malaysia bukan sahaja satakat sokan SEAP malahan mahu menchapai kejayaan di-sokan ASIA, sokan Komanwel, Olimpik dan semua pertandingan antara bangsa di-dunia ini.

Kalau kita maseh belum membuktikan kemampuan kita di-peringkat rendah, bagaimana pula kita berupaya hendak bertanding dengan gergasi[2] di-sokan SEAP atau pun Olimpik dan sa-bagai-nya. Sesunggoh-nya "prestige negara" bukan sahaja bergantong kapada keutohan di-lapangan politik dan ekonomi, tetapi di-lapangan sokan juga memainkan peranan yang penting, kerana keharuman negara di-luar negeri, banyak bergantong kapada kejayaan di-lapangan sokan, sa-balek-nya kepudaran ahli[2] sokan akan menjejaskan nama baik satu[2] negara.

Dato' Yang di-Pertua, sekarang kita patut berbangga dengan ada-nya chadangan Kerajaan hendak menubohkan Majlis Sokan Negara dan kapada-nya di-harapkan semuga dapat menebus balek nama baik Malaysia di-lapangan sokan yang telah mula menuju ka-jurang yang agak gelap, bagi masa depan.

Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana seringkali berlaku di-dalam mana[2] Kementerian pun, undang[2] yang di-bentang di-Dewan Ra'ayat ini kemudian di-luluskan dan di-beri kuasa kapada Yang Berhormat Menteri untok melaksanakan-nya, kadang[2] dalam perlaksanaan-nya terdapat pula beberapa kekechohan dan penyelewengan yang pada akhir-nya perjalanan yang di-dapati telah lari dari tujuan dan matlamat yang di-tuju.

Dato' Yang di-Pertua, untok mengelakkan dari apa yang saya bayangkan itu, saya ingin menyentoh beberapa perkara yang difikirkan perlu, berkaitan dengan penglaksanaan-nya nanti. Satu perkara yang amat mustahak, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah mengenai dengan kuasa yang di-beri kapada Yang Berhormat Menteri untok melantek tidak kurang daripada lima dan tidak lebeh daripada 10 orang untok menjadi Ahli dalam Majlis Sokan Peringkat Kebangsaan, saperti yang di-sebutkan dalam Fasal 5 (2) (*b*). Saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri supaya mereka yang akan di-lantek nanti terdiri dari mereka yang benar[2] berminat kapada Sokan serta mempunyai semangat kebangsaan, yang boleh mencherminkan keperibadian Malaysia dalam arena sokan.

Di-Malaysia ini memang ramai orang[2] yang saperti ini, Dato' Yang di-Pertua, tetapi mereka tidak bagitu gemar untok merapatkan diri dengan Menteri[2]. Saya khuatir orang[2] yang tidak mempunyai sifat saperti yang saya sebutkan tadi, Dato' Yang di-Pertua, tetapi mereka sentiasa merapatkan diri dan mengelilingi Menteri[2], tiba[2] mereka di-lantek, kira-nya terjadi demikian, Dato' Yang di-Pertua, maka Majlis Sokan yang di-chadangkan itu mungkin tidak dapat menghasilkan apa yang di-idam[2]kan oleh sokan di-negara ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya terpaksa berkata demikian, kerana dari pengalaman di-masa yang sudah[2], apabila satu pertandingan di-luar negeri hendak di-adakan, saperti Sokan SEAP, Sokan ASIA dan sa-bagai-nya, Majlis Sokan Olimpik akan mendengar laporan dari Badan[2] Sokan Kebangsaan, mengenai kebolehan peserta mereka untok pemilehan.

Badan[2] Sokan itu, Dato' Yang di-Pertua, sentiasa berusaha dengan bersunggoh[2] untok mempengarohi, bahawa peserta[2] mereka lebeh layak untok di-hantar keluar negeri dan peserta mereka boleh menggondol pingat[2] emas, kemudian pehak Majlis Sokan Olimpik mengenakan beberapa sharat dan darjah kelayakan kapada mereka, tetapi tidak pernah di-ikuti, Dato' Yang di-Pertua. Akibat dari ini, timbul-lah soal pileh kaseh. Ahli[2] yang patut di-pileh tidak di-pileh dan yang tidak ada kebolehan serta kelayakan terpileh pula.

Bila hal saperti ini berlaku, Dato' Yang di-Pertua, maka Ahli[2] Sokan kita, tidak melahirkan azam dengan sa-penoh[2]-nya untok memenangi pingat[2], kerana bagi peserta[2] yang berkelayakan berfikir "orang yang tidak layak pun terpileh juga" dan kapada mereka yang tidak layak pula berfikir, Dato' Yang di-Pertua, "kalau saya tidak berjaya, kata mereka, tidak memalukan, kerana saya memang tidak berkelayakan", sebab itu-lah

ada di-antara mereka yang di-pileh mewakili negara, tidak bagitu menumpukan kapada pertandingan yang mereka sukaï. Sa-balek-nya, Dato' Yang di-Pertua, mereka membawa isteri[2] dan kekaseh[2] mereka bersama keluar negeri, sa-mata[2] untok makan angin dan berseronok dan akhir-nya pemain[2] tersebut menerima kekalahan di-dalam pertandingan antarabangsa di-luar negeri.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga mencha-dangkan supaya dengan penubohan Majlis Sokan Negara ini, di-bubarkan sahaja Majlis Sokan Olimpik Malaysia, walau pun tadi Yang Berhormat Menteri . . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut kira[2]-nya tidak boleh di-bacha uchapan itu (*Ketawa*).

Tuan Hussain bin Sulaiman: Saya pun renong jarang[2] sa-kali Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga mencha-dangkan supaya dengan penubohan Majlis Sokan Negara ini di-bubarkan sahaja Majlis Sokan Olimpik Malaysia, walau pun Yang Berhormat Menteri mengatakan tadi mus-tahak. Kerana pada pendapat saya tidak ada dalam dunia ini, sa-sabuah negara itu mem-punyaï dua Majlis Sokan di-peringkat kebangsaan.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka sentohkan di-sini, ia-itu di-masa yang sudah[2], negara tidak pernah memberi sumbangan untok menjamin kehi-dupan masa depan ahli[2] sokan yang pernah menaikkan nama baik negara di-seluroh dunia dan ini menyebabkan ahli[2] sokan kita yang terkenal, mula merasa jemu dan kechewa dan mereka sa-chara beransor[2] chuba mengundor diri kerana hendak mem-buat persediaan untok menjamin kehidupan-nya di-masa depan.

Sa-lama ini juga, Dato' Yang di-Pertua, kita dapati di-bahagian sokan ini, hanya di-monopoli oleh satu gulongan tertentu sahaja, atau lebeh tepat saya katakan oleh gulongan yang berada sahaja, ini di-sebabkan orang[2] yang miskin tidak mampu hendak membeli alat perkakas yang ada kaitan-nya dengan permainan yang mereka chenderong. Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, saya merayu kapada Menteri yang berkenaan supaya memikirkan tentang bantuan[2] yang patut di-beri bukan sahaja kapada Majlis Sokan peringkat Kebangsaan, tetapi hendak-lah juga di-beri bantuan kapada Majlis Sokan pering-kat negeri dan daerah, kerana dari bakat[2] peringkat daerah dan negeri-lah nanti akan dapat di-tapis untok mendapatkan bakat[2] yang baik di-peringkat Kebangsaan bagi mewakili negara ini ka-pertandingan antara-bangsa.

Baharu sekejap, Dato' Yang di-Pertua, saya mendengar keterangan Yang Berhormat Menteri sendiri mengatakan sekarang ini hanya ada sa-orang sahaja pegawai yang bertanggong-jawab bahagian sokan ini dan saya nampak hasrat Menteri ini memang hendak memajukan benar perkara sokan ini. Jadi, oleh kerana saya fikir tugas[2] berkaitan dengan sokan ini amat berat dan kedudokan Menteri yang ada sekarang ini bukan sahaja bertanggong-jawab untok sokan, malahan dia juga bertanggong-jawab untok kebudayaan dan belia dan perkara kebudayaan dan belia ini memang banyak masaalah[2] yang di-hadapi-nya, maka, Dato' Yang di-Pertua, saya menchadangkan kapada Kerajaan supaya memikirkan perlu atau tidak-nya melantek sa-orang Timbalan kapada Menteri Kebu-dayaan Belia dan Sokan yang akan bertang-gong-jawab penoh, berkaitan dengan hal-ehwal sokan dengan di-bantu oleh beberapa orang pegawai yang benar[2] chekap dan berminat di-dalam lapangan sokan. Mu-dahan[2] keadaan saperti ini akan menchapai maksud yang kita tujukan. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sukachita-lah saya mengalu[2]-kan Rang Undang[2] Majlis Sokan Negara yang di-bentangkan di-Majlis yang mulia ini. Saya sa-benar-nya, Dato' Yang di-Pertua, tidak mahu membacha uchapan di-Majlis ini hanya saya hendak memberikan pandangan sa-chara rengkas sahaja untok pandangan pehak Menteri yang berkenaan. Jadi, saya nampak Rang Undang[2] yang di-bentangkan ini boleh-lah di-anggap ada-lah baik untok faedah sokan di-negeri kita ini. Hanya saya yang minta supaya pehak Menteri yang ber-kenaan agar mengambil perhatian tentang perlantekan sa-orang yang akan dudok di-dalam Majlis Sokan Negara ini. Jadi, saya mengharapkan yang pertama sa-kali jauhkan daripada pandangan politik dalam masa me-mileh orang[2] yang akan dudok di-dalam Majlis Sokan Negara ini bahkan hendak-lah di-pileh daripada mereka[2] yang benar[2] ber-gerak chergas dalam bidang sokan ini.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, saya fikir perlu wakil daripada pemuda[2] parti politik untok dudok sama di-dalam ini supaya

mereka dapat memberi pandangan dan fikiran-nya di-Majlis Sokan ini, dengan sebab kita dapat tahu bahawa ada parti[2] politik yang mempunyaï pemuda yang bergerak chergas di-bidang sokan mithal-nya UMNO mengada pemuda-nya mengadakan pasokan[2] sokan-nya demikian juga PAS demikian juga parti yang lain (*Ketawa*), jadi, alang-kah baik di-jemput sama pemuda[2] daripada parti[2] politik ini untok menyertaï Majlis Sokan yang berguna ini.

Dato' Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya memberi pandangan juga ia-lah memileh dan melantek pemain[2] untok keluar negeri, hendak-lah di-pileh dengan sa-chara yang betul[2] merupakan Malaysia. Kita tidak mahu melihat bahawa pemain[2] kita akan pergi kaluar negeri memakai songkok dan memakai kot tetapi yang sa-benar-nya hanya sa-bahagian besar terdiri daripada satu gulongan atau pun satu kaum sahaja. Apa yang saya mahu ia-lah supaya kita memileh daripada gulongan yang terbesar di-Malaysia ini ialah terdiri daripada orang Melayu, orang China dan orang India dan sa-belum itu latehan kapada mereka hendak-lah di-adakan dengan merupakan demikian supaya kechergasan di-bidang ini dapat di-lihat betul[2] merupakan Malaysia kita ini yang berbilang bangsa dan bermacham[2] pemuda. Itu-lah pandangan saya yang saya harap dapat perhatian daripada pehak yang berkenaan. Sekian, terima kaseh.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan memberikan sa-penoh[2] sokongan di-atas Bill bagi menubohkan Majlis Sokan Negara Malaysia yang di-bentangkan oleh Menteri yang berkenaan. Saya rasa patut-nya Bill yang sa-umpama ini di-bentangkan beberapa tahun yang lalu di-masa Kementerian ini di-tubohkan, tetapi saya chukup hairan kenapa dan mengapa Bill ini sekarang sahaja baharu di-bentangkan. Kerana semenjak Kementerian ini di-tubohkan saya rasa kegiatan berhubong dengan sokan tidak pernah di-jalankan langsong oleh Kementerian ini. Bahkan sa-panjang pengetahuan saya, tidak ada langsong pegawai[2] dan Kementerian Belia dan Sokan yang di-beri tugas khas atau bertugas khas untok memajukan soalan[2] sokan.

Hasil daripada kejadian tugas[2] khas Kementerian ini saya dapati kegiatan soal[2] sokan daripada badan[2] yang tertentu telah menjadi lumpoh. Sa-belum Akta ini di-kemukakan beberapa badan sukarela, badan[2] yang tertentu telah menjalankan kegiatan sokan, tetapi oleh sa-telah tidak ada mendapat galakan daripada badan[2] yang tertentu khas-nya daripada Kerajaan sendiri maka kebanyakan bakat[2] yang boleh menjadi johan[2] yang tertentu tidak dapat di-majukan di-sebabkan terutama sa-kali masaalah[2] kewangan. Badan[2] yang saya katakan itu hanya tergantong masaalah kewangan-nya daripada derma[2]. Jikalau tidak mendapat derma atau sumbangan daripada pehak[2] yang tertentu, terutama sa-kali daripada Wakil[2] Ra'ayat Kawasan maka badan itu tidak bergerak langsong, pada hal kita dapat tahu bahawa pehak[2] yang tertentu ini boleh menjadi johan yang tertentu untok di-pertandingkan bukan sahaja di-peringkat Negeri bahkan juga di-peringkat Kebangsaan dan juga Antarabangsa.

Jadi, dengan ada-nya Bill ini saya perchaya tentu-lah sa-kali pehak Kerajaan akan mengambil perhatian yang sa-penoh[2]-nya, bukan sahaja menubohkan Majlis Sokan di-peringkat Negeri bahkan juga akan mengambil perhatian untok menubohkan di-peringkat Daerah, di-peringkat Kawasan dengan kewangan[2] yang tertentu. Dengan ada-nya bantuan[2] ini, penubohan ini saya penoh yakin dan perchaya bahawa Bill ini tidak akan menjadi sia[2] pada masa yang ka-hadapan.

Saya juga sa-orang Ahli Jawatankuasa Sokan Negeri Perlis (Perlis Amateur) yang pada masa yang lalu tidak langsong mendapat perhatian daripada pehak Kerajaan dengan sa-penoh[2]-nya, hanya bantuan lebeh kurang $300.00 atau pun $400.00 sa-tahun sahaja. Dengan $300.00, $400.00 sa-tahun itu sahaja tentu-lah sa-kali Majlis Sokan ini tidak dapat bergerak apa[2]. Jadi, dengan ada-nya Majlis ini, saya berseru pehak Kementerian yang berkenaan, saya perchaya pehak Kementerian ini, Yang Berhormat Menteri itu sendiri, ahli sokan, akan menarek perhatian yang sa-penoh[2]-nya, bukan sahaja menubohkan Majlis Sokan di-peringkat Negeri, tetapi juga di-peringkat Kawasan dan Daerah[2]. Sekian, terima kaseh.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di-sini menjawab tegoran[2], chadangan[2] yang di-buat oleh Ahli[2] Yang Berhormat.

Tentang soalan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara, kenapa

baharu ini di-adakan Undang[2] untok menubohkan badan ini, saya suka menyatakan bahawa sa-lama ini dasar Kerajaan ia-lah memberi sa-berapa banyak kebebasan kapada Badan[2] Sokan Sukarela untok berjalan dengan harapan supaya sokan boleh bertambah maju, tetapi sa-lepas beberapa tahun di-adakan dasar ini dengan Kerajaan memberi sa-berapa kebebasan kapada Badan[2] Sokan Sukarela kita di-dapati tidak sangat menchapai kejayaan dan tidak lama sa-lepas itu dengan kejujoran satu badan swasta, di-tubohkan satu badan yang di-namakan National Sports Foundation, tetapi malang-nya dengan kerana tidak ada banyak sokongan daripada pehak swasta[2] yang lain—dengan kerana Kerajaan tidak terlibat dalam perkara ini, tidak-lah kita dapat menchapai sa-bagitu banyak kejayaan yang kita harapkan.

Jadi, dengan kerana itu masa-nya sudah sampai yang Kerajaan berpendapat bahawa dasar ini mesti berubah, ia-itu dasar memberi kebebasan yang penoh kapada badan[2] sukarela berjalan, bergerak dengan sendiri-nya, dengan tidak Kerajaan terlibat. Dasar ini di-ubah dengan Kerajaan mesti terlibat dalam perkara menguruskan perkara[2] berkenaan dengan sokan. Dengan kerana itu kita telah mengambil keputusan supaya mengadakan segera undang[2] ini, menubohkan badan yang di-namakan Badan Majlis Sokan Negara itu.

Tentang tegoran Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara juga di-atas kekurangan wang bantuan kapada Badan[2] Sokan Sukarela, saya mengaku ini ada-lah satu kesulitan yang di-hadapi oleh badan[2] sukarela, bukan sahaja di-peringkat Negeri, di-peringkat Jajahan bahkan juga di-peringkat Negara. Ini saya suka menyatakan bahawa had kebolehan Kerajaan memberi bantuan dari segi kewangan yang banyak itu tentu-lah payah. Ini memang di-hadapi oleh mana[2]; masaalah ini di-hadapi oleh mana[2] badan, badan[2] negara pun. Dengan itu sa-lagi kita tidak mendapat sokongan[2] yang penoh daripada badan[2] swasta umpama-nya sa-bagaimana sokongan[2] yang di-berikan kapada badan[2] sokan oleh pehak[2] swasta macham di-negeri Jepun, rasa saya payah-lah kita hendak mendapat wang yang banyak untok membantu badan[2] sukarela itu, tetapi dari segi Kerajaan, daripada Kerajaan itu, Kerajaan chuma mampu memberi sa-takat yang boleh di-beri dan baki-nya itu di-harap badan[2] sukarela masing[2] menchari peruntokan-nya masing[2] dari segi mengutip derma atau pun mendapat bantuan daripada badan[2] swasta.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun meminta supaya orang[2] yang betul layak di-pileh masok menjadi Ahli ka-dalam Majlis ini, bagitu juga rasa saya rayuan daripada Ahli Yang Berhormat dari Besut, saya suka-lah memberi jaminan di-sini berkenaan dengan Majlis ini, ahli[2] yang di-pileh itu akan, chuma ahli[2] yang betul[2] saya perchaya boleh menolong, memajukan, membangunkan sokan.

Saya tahu badan[2] sokan di-peringkat Negeri, di-peringkat Jajahan malahan di-peringkat national pun, banyak ada politik, banyak orang yang bekejar[2], chuma memasoki badan[2] sokan sa-bagai pegawai dengan tujuan sa-mata[2] memperolehi nama, sa-mata[2] barangkali untok berganding bahu dengan Yang Berhormat Menteri[2], orang besar[2]. Ada pula yang chuba memasoki badan[2] sokan dengan tujuan supaya dapat berjalan dengan free ka-luar negeri mengikuti pasokan[2] yang bertanding di-luar[2] negeri, tetapi bagi Majlis ini saya memberi jaminan chuma ahli[2] yang saya fikir berguna kapada badan ini akan di-pileh oleh saya menjadi ahli.

Tentang chadangan Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga supaya pemuda[2] parti politik di-masokkan menjadikan ahli dalam Majlis ini, saya rasa buat permulaan-nya kita tinggalkan-lah politik daripada sokan, kerana kalau masokkan sangat banyak politik dalam sokan nanti kuchar-kachir, kita tidak boleh menchapai matlamat[2], objective[2] yang kita tujui. Dalam pada ini pun, masa ini pun, sudah banyak politik dalam sokan. Kalau kita masokkan lagi pula politik[2] yang lain sa-bagaimana yang saya katakan tadi berbangkit bermacham[2] perkara yang kita tidak ingini yang akan menghalang terchapai-nya matlamat[2] itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Majlis Sokan Olimpik, ada-kah perlu di-kekalkan yang ada sekarang ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Belum sampai masa jawab lagi. Nanti-lah dahulu.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya memang-lah hendak ka-situ juga.

Tentang Badan Majlis Olimpik itu, saya suka memberi kenyataan, penjelasan, bahawa Badan Olimpik Malaysia di-sini ada-lah satu gabongan Badan Olimpik International,

perengkat dunia. Jadi sa-bagai satu affiliate atau pun gabongan Majlis Olimpik sa-Dunia ini. Badan ini mesti-lah terus berjalan, tetapi apabila tertuboh-nya sahaja Badan ini, Majlis Olimpik Malaysia itu chuma jadi badan perhubongan di-antara negara kita dengan Badan Olimpik International dari segi sokan[2] olimpik sahaja, tetapi sa-bagaimana yang saya jelaskan dalam uchapan saya tadi sa-lepas sahaja tertuboh Badan ini, Majlis Olimpik Malaysia ada-lah akan terikat kapada segala dasar[2] yang di-atorkan, di-buat oleh Majlis Sokan Negara. Jadi bagi kita hendak membubar atau hendak menutup Majlis Olimpik Malaysia ini tidak-lah kita boleh buat demikian oleh kerana ia ada-lah satu gabong, ahli gabongan atau pun affiliate kapada Majlis Olimpik Council sa-Dunia.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan, mana-kah satu negara dalam dunia ini yang buat saperti yang di-chadangkan oleh Malaysia, ada Majlis Sokan Kebangsaan dan ada Majlis Sokan Olimpik?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Kita ta' usaha pergi, Singapura ada Majlis Sokan Negara dan juga maseh ada lagi Olimpik Council memang ada.

Ada tegoran Ahli Yang Berhormat dari Besut mengatakan ada pemain[2] yang mewakili negara kita ini membawa isteri, girl friend untok bertanding keluar negeri itu, rasa saya ta' kena-lah pada tempat-nya, kerana mengikut pendapat saya, mengikut pengetahuan saya, memang ada peratoran yang kemas, yang ketat, yang di-kenakan kapada pemain[2] yang di-pileh, yang keluar negeri bermain, bertanding di-luar negeri, ia-itu mereka tidak boleh di-iringi oleh isteri atau pun lebeh[2] lagi girl friend. Sebab-nya itu barangkali Ahli[2] Yang Berhormat lebeh[2] ma'alum lagi (*Ketawa*). Tentang pegawai[2] itu ta' ada peratoran yang ketat sa-macham itu. Saya mengaku saya membawa team ka-Bangkok baharu[2] ini saya bawa isteri saya, tetapi kadang[2]-nya pegawai[2] elok bawa isteri ka-tempat[2] macham Bangkok (*Ketawa*).

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Ada-kah chara kebetulan girl friend-nya itu pergi dahulu, kemudian menunggu di-sana, ada ta' jadi macham itu?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya ta' tahu-lah, tetapi kalau di-dapat tahu pemain yang sa-macham itu, berbuat sa-macham itu, dia akan di-ambil tindakan disiplin dan dia akan hantar balek dengan kapal terbang yang pertama sa-kali.

Jadi tentang chadangan wakil dari Besut supaya saya mengadakan pegawai pembantu dan banyakan lagi pegawai[2] di-bahagian sokan di-Kementerian ini, saya suka memberi penjelasan juga bahawa Kerajaan telah meluluskan penyusunan sa-mula Kementerian saya, bukan sahaja di-Bahagian Kebudayaan dan Belia bahkan di-Bahagian Sokan dalam mana akan di-adakan satu Directorate atau pun Pejabat Pengarah Sokan yang di-ketuai oleh sa-orang Pengarah atau pun Timbalan Pengarah-nya dan juga dengan Pegawai[2] Kemajuan Sokan (Sports Promotion Officer) dan bahagian ini akan di-bahagikan kapada berbagai[2] bahagian mengikut sokan[2] yang popular masa ini dan di-dalam bahagian[2] ini akan di-letak pelateh[2] atau pun coachers yang akan menjalankan pekerjaan melateh pemain[2] khas-nya orang[2] muda di-sekolah di-dalam bidang permainan[2] yang bagi permulaan-nya yang popular yang di-sukai oleh ramai pada masa ini.

Jadi menchukupi-lah rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, jawapan yang saya beri kapada tegoran[2], chadangan[2] Ahli[2] Yang Berhormat itu. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang[2] di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang[2] di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 21 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

Jadual Pertama dan Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

Rang Undang[2] di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) LEMBAGA BANDARAN

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Undang² ini hendak di-pinda daripada Rang Undang² asal-nya dalam bahasa Inggeris, saya mohon izin beruchap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Town Boards Enactment of the Federated Malay States in so far as it applies to the Municipality of the Federal Capital of Kuala Lumpur" be read a second time.

Sir, at present, under section 59 of the Town Boards Enactment, the Commissioner of the Federal Capital is empowered to order the payment of rates to be postponed in cases where a building is not occupied at the beginning of any half year and no rent is payable in respect thereof and also to refund or remit any rate which has been paid in cases where a building is unoccupied and for which no rent is payable during a period of not less than one month in any half year. However, this power of discretion to postpone the payment of a rate, or remission of a rate is only possible where the whole building is unoccupied and where no rent is payable in respect of the whole building. There are already at present, Sir, a large majority of multi-storey buildings in Kuala Lumpur and the present uneconomical cost of land indicates that this trend to build multi-storey blocks would continue. Clearly, section 59, as it stands, does not meet the present-day rating requirements of Kuala Lumpur and unless it is amended as proposed, it would be unduly harsh on multi-storey building owners as a full rate on such multi-storey buildings would be payable even if the buildings were only partially occupied. In order, therefore, to mitigate the harshness of the present provision operating against multi-storey building owners, or buildings divided into many parts and occupied by separate tenants, or sold to separate owners, the expression "buildings" for the purpose of section 59 is to be defined to include a self-contained flat in a building erected with the approval of the Federal Capital Commission; any whole floor with a separate means of access; or a floor space of not less than 2,000 sq. ft. on the same floor of a building which may be let as an office, shop, factory or godown or other similar use.

As required under Article 95A of the Malaysian Constitution, the agreement of the National Council for Local Government to the Bill has been obtained.

Mr Speaker, Sir, I beg to move.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di-atas usul ini, tetapi jangka-nya lama sudah, pindaan² yang di-buat bukan hari ini, tetapi lama sudah oleh kerana Bandar Kuala Lumpur makin lama sa-makin besar, bukan sahaja sa-makin besar, makin lama makin naik ka-atas. Banyak orang² meminta supaya bangunan² ini di-naikkan ka-atas pada masa dahulu tidak dapat langsong, tidak boleh, ada Menteri-nya yang bertanggong-jawab mengatakan tidak boleh. Ada tempat berunding sana empat tingkat, di-sana dua tingkat, sana empat tingkat, oleh kerana masa penjajahan dahulu dia tidak fikir Kuala Lumpur akan jadi besar, akan jadi Ibu Negeri Malaysia. Jadi dengan sebab itu bukan sahaja saya fikir Town Board Enactment ini untok di-pinda satu dua sahaja, tetapi mesti-lah di-kaji betul² oleh kerana seluroh Undang² Lembaga Bandaran ini mesti-lah di-kaji sa-mula supaya dapat di-selaraskan ka-semua tempat. Sekian, terima kaseh.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan apa yang di-katakan-nya akan di-ambil perhatian oleh Kementerian saya.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang[2] di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG[2] (PINDAAN) PILEHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Ong Kee Hui: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Local Government Elections Act, 1960" be read a second time.

Sir, this Bill is a simple and straightforward one and, as explained in the Explanatory Statement to the Bill, it seeks to amend sub-paragraph (*e*) of paragraph 2 of the First Schedule to the Local Government Elections Act, 1960 so that a person will become disqualified from being a councillor in any local authority if there has been a proof against him, or he has been convicted for an offence involving fraud or dishonesty or an offence or under any law relating to corruption or any other offence for which he is sentenced or imprisoned for a term not less than one year or to a fine not less than $2,000. This amendment, Sir, has been found necessary because, under the existing law, a Councillor is only disqualified if he has been convicted for offences involving fraud, dishonesty or corruption and sentenced to not less than one year's imprisonment or to a fine not more than $2,000. Clearly it is a situation which leaves a lot to be desired.

As required under Article 95A of the Malaysian Constitution, the agreement of the National Council for Local Government to the Bill has been obtained.

Mr Speaker, Sir, I beg to move.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri mengambil bahagian sadikit dalam membahathkan Akta bagi meminda Akta Pilehanraya Kerajaan Tempatan, 1960 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu[2]kan Rang Undang[2] yang di-bawa ini kerana ini ada-lah melibatkan Ahli[2] Majlis Permeshuaratan di-perengkat Perbandaran dan Majlis Tempatan yang makan rasuah dan melakukan penipuan harus di-singkirkan daripada memegang jawatan yang di-hormati itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-chara rengkas saya menyatakan bahawa sa-telah orang[2] saperti ini di-singkirkan, maka Kerajaan hendak-lah menimbangkan ia-itu di-kawasan yang sudah tidak ada Ahli Majlis Bandaran itu di-adakan pilehanraya di-situ.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang kedua yang saya mahu sebutkan ia-lah bahawa orang[2] yang memegang jawatan Ahli Majlis Bandaran sekarang ini ada-lah sudah bagitu lama, sa-tahu saya kalau tidak silap sejak tahun 1962. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendak-lah menimbangkan sama ada hendak mengadakan pilehanraya dan memperchepatkan Surohanjaya Senator Athi Nahappan di-kemukakan di-Majlis yang mulia ini atau pun Kerajaan hendak-lah meluchutkan Ahli[2] yang di-pileh yang bagitu lama, berapa tahun sudah, tidak tahu, yang sentiasa memegang jawatan yang tersebut. Sedangkan sa-patut-nya hanya satu perengkat, satu perengkat sahaja. Sekarang sudah bagitu lama sa-olah[2] sa-bagai pegawai Kera'aan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kerajaan menimbangkan dua, sama ada chepatkan mengemuka Laporan Surohanjaya itu dan adakan pilehanraya sa-berapa segera di-seluroh Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan di-Malaysia kita ini, atau pun orang[2] yang telah terpileh bagitu lama kita luchutkan semua sa-kali dan lantekan orang yang baharu yang Kerajaan fikir chara sekarang sa-baik[2]-nya ia-lah sa-chara lantekan. Jadi, lantek bagitu. Jadi kita tidak mahu-lah orang ini di-pileh tetapi merupakan pegawai. Itu-lah pandangan saya sa-chara rengkas, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong dan mengalu[2] Akta meminda Akta Pilehanraya Kerajaan Tempatan ini, saya agak hendak mengambil masa dua tiga minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sa-kali masaalah Ahli[2] Perbandaran yang terlibat dengan rasuah, memang perkara yang di-tunggu[2] oleh orang ramai dan pengundi[2] dan kalau boleh mana[2] Ahli Perbandaran yang terlibat dengan rasuah ini bukan sahaja di-singkirkan dia, kalau boleh biar-lah orang yang saperti ini tidak di-benarkan bertanding langsong dalam sa-barang pilehanraya di-masa yang akan datang, sebab perkara rasuah ada-lah satu

perkara yang paling di-kutok oleh semua lapisan. Jadi, itu-lah sahaja harapan saya kapada Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to support this Bill.

However, I feel, Sir, that it is rather premature for the Bill to be presented to this House. We are now still anxiously awaiting the Report of the Athi Nahappan Commission which will decide the fate of the Local Councils. As it is, Sir, all the Councils in the State of Penang have, so to say, been colonized by the State Government with the Chief Minister as Administrator of these Local Councils. With the taking over of all the Councils by the State Government, the Councils have now all been stripped off all their elected representatives although taxes are still being collected contrary to the democratic concept, "no taxation without representation".

Sir, I support this Bill because I feel that Local Councils deal with the day-to-day existence of the people of the area and it is, therefore, very necessary that all elected Councillors be persons of integrity and honesty and, above all, fair-minded and responsible. What is wrong with Local Councils is that most of the Members base their decisions more on political considerations than on the merits of each individual case. If Members could abstain from playing politics in Local Councils, I feel, Sir, that the Local Councils would be a real boon to the people of the area. Local Councils are the agents of the State Governments in matters within the provisions of the Municipal Ordinance and Local Government Act and if these Councils, are to function as it is expected of them, it is necessary that the Government give its full support and extent all assistance to Local Councils to function for the welfare and well-being of the people of the area.

In order to be self-supporting and to be able to pay these Councillors adequate allowance and other privileges as granted to these Councillors, I feel it is necessary for the Local Councils in Province Wellesley to be amalgamated into two Local Councils instead of three as we are having now. Sir, there are three Councils in Province Wellesley, i.e., the Seberang Prai Utara, the Majlis Seberang Prai Tengah and the Majlis Seberang Prai . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I think the Honourable Member is straying a bit too far away from the principles and merits of this particular Bill. Would you please confine yourself to the Bill?

Tuan Tan Cheng Bee: I am coming to the point, Mr Speaker, Sir, My reason for suggesting . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Too wide off the debate. If we were bringing a full Bill on the Local Councils, then you are entitled to touch on all these problems!

Tuan Tan Cheng Bee: Sir, this Bill touches on the behaviour of Councillor, I am giving the reason why we must have an amalgamation of these Councils so as to be self-supporting . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: If you can re-draft your speech and put it in the proper order, then I won't hold you up.

Tuan Tan Cheng Bee: Sir, I will try to be brief. There are now three Councils in Province Wellesley, i.e., Seberang Prai Utara, Seberang Prai Tengah and the Seberang Prai Selatan. Whilst the Seberang Prai Utara and the Seberang Prai Tengah Councils are able to maintain a balanced, if not, a surplus budget, it is difficult for Seberang Prai Selatan Council to maintain a balanced budget because of poor revenue; and for this reason I feel, Sir, it is better for Seberang Prai Selatan to be merged with Seberang Prai Tengah, so that the financial autonomy of the Council could be sustained without having to over-tax the people.

I would like to request the Government also to pay more attention to the Local Councils because some of the Ordinances, especially the Municipal Ordinance, have been so out of date; and this Municipal Ordinance was promulgated before 1900 and most of the provisions of this Ordinance are really out of date. I trust, Sir, that this Ordinance would be revised immediately. Thank you.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, with regard to Section 2 (*e*) of this Bill, which says: "Where a

Councillor has been convicted on a charge in respect of:

(i) an offence involving a fraud or dishonesty; or

(ii) an offence under any law relating to corruption; or

(iii) any other offence for which he is sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than $2,000

and has not received a free pardon," I would like the Honourable Minister to clarify whether a Councillor would lose his seat immediately on conviction. According to the Election Ordinance, the Election should be held within a certain number of days after the seat has fallen vacant. Mr Speaker, Sir, what then will be the position if an appeal has been filed but it is still pending, if the conviction has been set aside by the court after the vacancy has been filled up?

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok menyokong Rang Pindaan Undang[2] ini dan saya ingin memberi pendapat saya

Rang Undang[2] ini ia-lah bertujuan untok meminda ia-itu berkenaan dengan perluchutan kelayakan sa-saorang Ahli Majlis Tempatan dan saya berharap supaya kelayakan sa-saorang chalun yang akan berdiri bertanding di-dalam Majlis Tempatan pun di-adakan juga satu pindaan supaya menguatkan lagi. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini merupakan satu pindaan yang chukup rengan kerana—

(*e*) (iii) any other offence for which he is sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than two thousand dollars;

Jadi kalau sa-orang itu dia di-hukum oleh mahkamah 3 bulan penjara ma'ana-nya dia boleh lagi menjadi Ahli Majlis Tempatan. Jikalau dia kena 3 bulan kemudian kerja balek berkhidmat sa-bulan masok penjara lagi 3 bulan, berkhidmat lagi sa-bulan, jadi dia boleh lagi menjadi Ahli Majlis. Kalau di-denda kurang daripada $2,000 dia boleh lagi menjadi Ahli Majlis. Ini ada-lah satu Pindaan yang tidak bagitu kuat dan tidak bagitu tegas. Kalau di-bandingkan dengan sa-orang pegawai Kerajaan mengikut General Orders, kalau sa-saorang pegawai Kerajaan itu kena hukum penjara satu hari atau pun kena denda $25 dengan serta-merta dia di-berhentikan kerja. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan pendapat saya ini supaya pada masa hadapan, kalau boleh, kalau dalam Jawatankuasa, pinda ia-itu sa-kira-nya sa-saorang itu di-penjara walau satu hari dia dengan sendirinya di-luchutkan menjadi Ahli Majlis. Orang yang jahat yang sa-macham ini bagaimana hendak dapat keperchayaan ra'ayat, Tuan Yang di-Pertua. Walau dia kena denda $2 dalam mahkamah mesti di-luchutkan. Kerana kalau kita biarkan perkara macham ini satu masa nanti Wakil[2] Majlis Daerah atau Majlis Tempatan ini terdiri daripada gangster[2] yang kena penjara yang jahat. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian di-atas perkara ini.

Dan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelayakan menjadi chalun. Pengalaman saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang yang telah pun di-pileh menjadi Wakil Ra'ayat yang tidak tahu berchakap bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, dan dia tidak boleh mengikuti langsong perjalanan meshuarat Majlis dan juga Jawatankuasa[2]. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian di-atas perkara yang hendak menjadi chalun ini mesti-lah boleh bertutor, menulis dan membacha ikut sukatan sekurang[2]-nya Sijil Rendah Pelajaran.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Majlis[2] pada masa dahulu yang di-perentah oleh Front Socialist ada-lah terdiri daripada Wakil[2] yang tidak tahu membacha, menulis dan pengalaman mentadbir. Sahingga saya dapat tahu ia-itu Majlis Bandaraya Kuala Lumpur sendiri di-perentah oleh Front Socialist dahulu terpaksa di-tarek, di-ambil aleh oleh Kerajaan Persekutuan. Bandar Pulau Pinang, Bandar Melaka dan juga Majlis[2] Tempatan yang lain terpaksa di-ambil aleh oleh Kerajaan[2] Negeri kerana Wakil[2] yang di-pileh itu tidak chukup layak. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian di-atas perkara ini supaya jangan lagi berlaku perkara[2] yang tidak di-ingini itu.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai—

Article 95A (6):

> It shall also be the duty of the Federal Government and the Government of any State to consult the National Council for Local Government in

respect of any proposed legislation dealing with local government and it shall be the duty of the National Council for Local Government to advise those Governments on any such matter.

Saya berasa dukachita dan ingin menarek perhatian . . . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Article 95 apa, daripada mana itu?

Tuan Haji Ahmad bin Said: Perlembagaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebutlah.

Tuan Haji Ahmad bin Said: Perlembagaan negara kita 95A (6).

Saya merasa dukachita dan saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat mengenai sikap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang mengambil aleh pentadbiran 4 Majlis[2] Daerah Negeri Pulau Pinang dengan menggunakan sekshen 398D . . . . . .

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya suka meminta Yang Berhormat memberi jalan.

Mengikut Standing Rule and Order, ini memang tidak kena-mengena dengan Pindaan berkenaan dengan kesalahan berpanjangan dia menyimpang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya sudah pesan tadi beberapa kali sudah, jikalau di-dalam perbahathan satu Rang Undang[2] bagi bachaan kali yang kedua, kenalah segala tegoran dan pengshoran yang hendak di-buat menyentoh hanya di-atas dasar[2] atau perinsip atau ada baik-kah, buruk-nya-kah dia bersangkut dengan Rang Undang[2] yang ada di-hadapan kita.

Tuan Haji Ahmad bin Said: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi pun ada menyentoh mengenai Article 95A, jadi saya pun menyentoh sadikit sahaja dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian dan mengkaji di-atas masa-alah ini. Sa-kira-nya sa-buah negeri boleh gunakan Municipal Ordinance 398D itu akan negeri[2] lain pun boleh menggunakan Fasal 398D dan mengambil aleh semua Majlis[2] Tempatan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jangan buka rahsia itu (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Said: Jadi saya berharap-lah kapada Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang boleh buat bagitu barangkali negeri[2] lain pun boleh buat bagitu juga. Jadi dengan tidak berunding dengan National Council for Local Governments. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengkajikan perkara ini. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sadikit sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sadikit sahaja, sudah lewat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Undang[2] ini tetapi chuma satu sahaja pandangan saya. Tiap[2] Wakil Ra'ayat di-dalam Local Council atau pun Town Council, jika dia menipu, makan duit, kena fine $2,000 ka-atas atau sa-tahun jail, memang saya sokong sa-ratus peratus. Tetapi jikalau mithal-nya satu Wakil Ra'ayat Local Council-lah mithal-nya, dia bawa kereta, berlanggar, mati orang itu kena fine $4,000. Jadi bagaimana-kah keadaan bagini. Jadi itu sebab-nya saya harap dapat di-kaji betul[2] di-atas perkara ini oleh kerana supaya Local Council itu jangan teraniaya di-atas perkara ini. Sekian.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya chuma menjawab satu dua perkara dengan rengkas dalam perkara ini berkenaan dengan Rang Undang[2] yang ada di-hadapan kita supaya menghilangkan kekeliruan pada yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara menyatakan berkenaan dengan hukuman, kata-nya, siapa sahaja kena hukum sa-ringgit-kah fine, asal di-dapati salah walau pun $5 atau sa-hari hendak-lah orang itu tidak di-luchutkan atau berhenti daripada menjadi Ahli Yang Berhormat. Kalau kita bacha, ma'af saya dalam bahasa Inggeris, dalam perkara ini, kita tengok, perinsip yang ada dalam ini lebeh kurang sama bagaimana disqualifications dalam Dewan Parlimen juga. Kalau-lah sa-orang itu kena fine $5 mithal-nya, naik basikal tidak berlampu, ada-kah di-fikirkan dia patut berhenti dari itu, atau masa mengundor dia itu tergesel

sadikit mudguard motor car-nya kapada motor car orang lain, fine $25, itu-kah juga terchabut daripada menjadi Ahli Majlis Tempatan? Kita mesti tengok, tetapi kalau kesalahan mithal-nya in offence involving fraud or dishonesty, kesalahan yang macham fraud, menchuri mithal-nya, menipu walau pun asalkan di-dapati salah, walau satu sen pun hukuman itu, baharu menasabah, dan dalam Fasal 2 (*a*) (*e*) (ii) an offence under the law written as corruption. Itu menunjokkan apa pun kesalahan-nya, fraud, dishonesty, corruption, itu kalau sudah salah, sememang patut tidak layak. Dan yang ketiga any other offence, apa juga kesalahan[2] lain, yang hukuman-nya not less, tidak kurang daripada satu tahun atau $2,000. Hukuman lain, mithal-nya, belanggar motokar, lupa membayar chukai kastam dan lain[2]. Kalau kena fine kurang daripada $2,000 itu dengan sebab terlupa sa-kali pun tidak ada dishonesty, atau sebab rempoh motokar, itu nampak bukan dishonest, chuma tidak patut orang itu di-chabutkan. Tetapi kalau melanggar orang, mithal-nya, mati; itu jenayah. Kalau hukuman-nya lebeh daripada satu tahun memang patut-lah, dia itu salah. Tetapi memandang kapada perinsip, ia-lah mengikut bagaimana the disqualification kalau menjadi Ahli Dewan Parlimen. Jatoh pindaan yang di-beri, kesalahan yang ada ini terang dan nyata mengikut juga, bagaimana kata-nya ada-lah salah anggapan mereka itu mengatakan, kalau orang Kerajaan apa salah dia pun di-buang kerja, tidak sa-kali[2], kesalahan-nya involve fraud, dishonesty, corruption. Jadi, kesalahan mithal-nya, saya tidak pernah dengar dan kita di-Dewan ini tidak pernah dengar, kata, sa-orang itu di-buang kerja dengan sebab motokar-nya undor terlanggar motokar lain kena fine $20.00 atau $50.00—belum pernah. Di-sini-lah kita tengok segi perinsip sa-belum kita membuat tegoran dalam perkara itu. Itu-lah yang saya hendak sebutkan di-sini.

Dato' Ong Kee Hui: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the points which are of legal nature have already been dealt with by my colleague, the Honourable Attorney-General.

With regard to some of the other points raised by the other Honourable Members, the first point was raised by the Honourable Member for Dungun concerning the Athi Nahappan Report, i.e., the Report of the Royal Commission on Local Government. I have already dealt with this subject in my reply to the Honourable Member for Dato Kramat, when I stated that this matter is still under consideration by a Committee appointed by the Government and, until we get the Report from the Committee, it is not for me to say what the Government would decide to do and whether there would be fresh elections, whether the Report would be accepted *in toto,* or whether it would be accepted in part—it is still too premature for me to say this at this stage. I think that covers this point and I have nothing to add to that, Sir.

The other one is the point raised by the Honourable Member for Ipoh concerning whether a Councillor would be disqualified if he had an offence pending an appeal. Well, if he sends in an appeal, the matter is not closed; naturally, he is still qualified to sit in the Council until the matter is decided one way or the other.

With regard to the other point raised by the Honourable Member for Bagan concerning the Local Council in the State of Penang, I must draw his attention to the fact that this is a State matter and lies entirely within the competence of the State. I can only advise, I cannot order the State Government to do anything, and it is really up to the State Government to decide whether or not to restore the functions of the Council or to continue to administer it.

I think these are all the points which have been raised and I have nothing more to add.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang[2] di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang[2] di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

Rang Undang[2] di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (SARAAN) YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA DAN YANG DI-PERTUA DEWAN RA'AYAT

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960 dan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, 1960 di-bacha kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini telah di-terangkan dalam huraian yang ada di-hujong Rang Undang². Pindaan kapada kedua² Akta, 1960 ada-lah menunjokkan yang Kerajaan tidak lupa juga kapada (Saraan) di-bayar kapada Yang di-Pertua Dewan Negara, dan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat. Dengan lulus-nya Rang Undang² ini kelak kedua² Yang di-Pertua itu akan juga menikmati elaun²-nya sa-bagai Ahli Dewan Negara dan juga sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat. Bagi Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat yang bukan Ahli Dewan Ra'ayat saperti Dato' Yang di-Pertua kita juga elaun sabanyak $750 ada-lah di-bayar juga kapadanya. Pindaan dalam Rang Undang² ini ada-lah sangat-lah menasabah dan adil dan pada diri saya sunggoh pun Rang Undang² ini yang akhir sa-kali ada-lah berasa sangat bangga membawa Undang² ini kerana faedah-nya ia-lah pada kedua² Yang di-Pertua yang sa-lama ini kita tengok bagitu tekun dan sabar menjaga ketenteraman Majlis yang mulia ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, izinkan-lah saya berchakap sadikit berkenaan dengan Akta ini. Saya mengalu² dan menyokong penoh sama juga pendapat saperti yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara kita chuma satu sahaja, Dato' Yang di-Pertua, saya nampak di-sini Kerajaan hanya-lah bersedia memberi suatu saraan kapada Dato' Yang di-Pertua, tetapi tidak kapada Timbalan Yang di-Pertua.

Dengan sebab itu, saya merayu kapada Kerajaan kira-nya ada peratoran² yang membolehkan demikian beri-lah juga timbangan kapada Timbalan Yang di-Pertua. Sebab pada pendapat saya, Dato' Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua ini tidak ada banyak berpedzaan-nya.

Dalam masa kita memberi kuasa² keistimewaan kapada Yang di-Pertua, saya merayu satu kapada pehak Kerajaan, ia-itu saya nampak di-dalam Dewan yang mulia ini, mudah benar Ahli² Dewan ini mendapat keistimewaan dari Yang di-Pertua untok berchakap dengan menggunakan bahasa bukan bahasa Malaysia. Jadi dalam masaalah ini, Dato' Yang di-Pertua, saya fikir untok kehormatan bahasa Malaysia elok Kerajaan mengkaji supaya keistimewaan yang diberikan kapada Dato' Yang di-Pertua sa-lain daripada saraan itu, elok-lah kita hentikan keistimewaan ini kapada ahli² Parlimen dari Malaysia Barat. Kita boleh beri keistimewaan itu kapada Ahli² Parlimen dari Malaysia Timor.

Jadi ini-lah harapan saya, Dato' Yang di-Pertua, kerana saya rasa kapada saya kehormatan dan kedaulatan bahasa lebeh tinggi nilai daripada kita hendak memberi faham kapada sa-orang yang kurang faham sa-suatu bahasa. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu): Tuan, saya bangun bukan untok menentang Rang Undang² yang di-kemukakan ini bahkan saya bangun untok menyokong sa-ratus peratus di-atas Rang Undang² ini dan saya menguchapkan tahniah pada pehak Kerajaan kerana mengemukakan Rang Undang² membagi saraan kapada Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Yang di-Pertua, sunggoh pun saya menyokong Rang Undang² ini, saya juga mengambil perhatian, Dato' Yang di-Pertua, yang mana Ahli² Yang Berhormat ma'alom tanggong-jawab Dato' Yang di-Pertua sangatlah berat dan telah kena pada tempat-nya yang Rang Undang² ini memberi saraan kapada Dato' Yang di-Pertua ini. Tetapi pada pendapat saya, Dato' Yang di-Pertua, ini sadikit sangat, patut di-tambah lagi dan saya harap kami pehak Pembangkang ada bertimbang rasa menyokong dan saya harap Dato' Yang di-Pertua pun timbang rasa juga-lah, pandang sa-belah² sini selalu (*Ketawa*) kalau tidak, payah hendak berchakap. Kami tak hendak-lah jadi sa-tengah² daripada Ahli Yang Berhormat, merajok keluar kerana tak dapat berchakap. Kami tahu pada hari itu bukan-lah Dato' Yang di-Pertua tak hendak bagi ahli² yang keluar itu berchakap. Boleh

jadi Dato' Yang di-Pertua, salah bantal, tengkok dia terpulas pandang ka-kanan jadi terlambat sadikit hendak pandang ka-kiri, maka Ahli[2] Yang Berhormat itu keluar. Oleh itu kami tidak akan buat bagitu dan kami minta timbang rasa Dato' Yang di-Pertua, memberi peluang kapada pehak Pembangkang banyak sadikit untok berchakap, kerana ini, Dato' Yang di-Pertua, pada pandangan saya dapat-lah kami wakil[2] ra'ayat mengemukakan kapada pehak Kerajaan hasrat[2] ra'ayat yang mana patut kami betulkan apa yang salah di-buat oleh Kerajaan. Jangan-lah Kerajaan fikir apa yang mereka buat itu semua-nya betul. Jikalau, Dato' Yang di-Pertua, tidak beri peluang kapada kami Ahli[2] Pembangkang menyuarakan hasrat[2] ra'ayat tentu-lah Kerajaan tidak akan tahu akan salah dan betul-nya perbuatan Kerajaan, atau pun merugikan ra'ayat, atau pun menguntongkan ra'ayat tiap[2] perbuatan Kerajaan itu. Itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, saya harap satu lagi Dato' Yang di-Pertua, elaun banyak ini tolong-lah adakan banyak sadikit entertainment pada Ahli[2] ini, jangan-lah sa-kali lunch sahaja (*Ketawa*) minta-lah dinner di-sini juga. Terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengalu[2]kan tambahan sadikit kapada Dato' Yang di-Pertua kita, kerana sa-lama saya dudok di-Dewan yang mulia ini saya rasa memang berat juga tanggongan Dato' Yang di-Pertua ini, kerana hendak pandang kiri kanan, pandang kiri kanan, salah, orang marah pula. Kadang[2] salah, kena pulau. Jadi saya rasa tentu-lah Dato' Yang di-Pertua dengan rasa hati yang baik, kalau tersalah chakap mithal-nya saya tersalah chakap sadikit sa-banyak pun ma'af-lah. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya rasa akan datang ini insha 'Allah dengan ada-nya tambahan ini dan sokongan kuat daripada khas-nya daripada kami daripada PAS ini (*Ketawa*), maka peluang berchakap di-Dewan yang mulia ini akan dapat di-beri lebeh banyak lagi. Ini-lah harapan saya, terima kaseh, Dato' Yang di-Pertua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Dato' Yang di-Pertua, nampak-nya Ahli yang kedua yang akhir ini memujok Dato' Yang di-Pertua berkenaan dengan nampak-nya itu tambahan. Yang sa-benar-nya Timbalan Yang di-Pertua, ta' ada tambahan. Salah orang yang di-pujok-nya itu.

Bagi menerangkan di-sini ada yang kurang faham lagi, sa-belum pindaan undang[2] ini, Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat ini ada menerima gaji $2,250 sa-bulan sa-lain daripada elaun rumah, motokar dan lain[2] dan, Yang di-Pertua Dewan Negara menerima gaji $2,000 sa-bulan, sa-lain daripada elaun rumah, motokar dan lain[2]. Yang di-tambah itu ia-lah dengan sebab Menteri[2], Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan lain[2] dapat gaji dan masing[2] dapat juga elaun Parlimen, elaun Dewan Ra'ayat, Ahli[2] Parlimen semua dapat tambahan. Tetapi, Dato' Yang di-Pertua kita, dia bukan Ahli Parlimen berma'ana dia tinggal $2,250. Sa-kira-nya akan datang di-pileh sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat di-Dewan ini menjadi Tuan Yang di-Pertua, berma'ana dia mendapat $2,250 dan $1,000 lagi berjumlah $3,250. Ini-lah yang di-pinda kerana ikhsan Kerajaan yang Dato' Yang di-Pertua ini bukan Ahli Parlimen di-beri dia bukan $1,000 kerana dia bukan Ahli Dewan Ra'ayat, tetapi di-beri $750 berma'ana dia mendapat $3,000 sa-bulan. Itu baharu terang. Dan Yang di-Pertua Dewan Negara pula dahulu-nya mendapat $2,000 naik $2,750. Yang ta' bertambah ia-lah Timbalan Yang di-Pertua kita di-sini, tetapi yang ada bagi ma'aloman tuan[2] sa-lagi elaun yang biasa yang sama bagi semua Ahli Dewan ada-lah sadikit ma'ana-nya $500 sa-bulan dan quarters also free of charge. Nampak-nya kalau nampak sadikit pada masa akan datang ta' chukup $500 bagi menolong Yang di-Pertua itu akan di-timbang oleh Kerajaan. Itu sahaja-lah yang dapat saya uchapkan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang[2] di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang[2] di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang[2].

Rang Undang[2] di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan **di-luluskan.**

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan hingga ka-suatu masa yang tidak di-tetapkan.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 8.42 malam.

JAWAPAN^2 BERTULIS

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Kejadian Jenayah

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan kejadian^2 jenayah yang berlaku dalam negeri sa-takat ini, dan berikan angka^2-nya tiap^2 negeri dalam Malaysia, jenis kejadian^2 jenayah yang telah di-lakukan serta apa-kah sebab^2-nya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail):

(*a*) Perangkaan jenayah menunjokkan kejadian^2 dan jenis^2 jenayah yang di-lakukan setakat ini di-keselurohan negara ia-lah saperti yang di-jadualkan di-dalam lampiran terkepil bersama ini.

(*b*) Tiap^2 negara yang sedang membangun saperti Malaysia sekarang ini sudah lazim akan menghadapi kejadian^2 jenayah yang bertambah. Dengan wujud-nya kemajuan^2 yang chergas dalam bidang ekonomi, perindusterian serta lain^2 lagi, terbuka-lah pula peluang dengan luas-nya bagi penjenayah^2 untok melaksanakan kegiatan mereka.

BUTIR[2] KEJADIAN JENAYAH YANG BESAR DAN BOLEH DI-CHEGAH BAGI TAHUN 1968, 1969 DAN 1970 (MENGIKUT KONTINJEN)

Kontinjen	*Bunoh*			*Samun Berkongsi*			*Samun*			*Peras-ugut*		
	1968	1969	1970	1968	1969	1970	1968	1969	1970	1968	1969	1970
Kedah/Perlis	28	24	17	28	29	13	87	104	73	22	11	20
Penang	16	9	7	21	3	4	234	143	104	154	89	74
Perak	22	35	26	34	12	9	265	149	98	119	120	58
Selangor	46	157	21	164	74	24	1,041	696	320	387	280	122
Negeri Sembilan	10	13	6	14	8	7	107	96	73	95	60	43
Malacca	6	11	3	3	1	—	100	26	22	79	33	28
Johore	15	19	20	9	4	5	97	67	74	91	57	51
Kelantan	7	8	6	7	2	3	16	16	13	2	2	11
Trengganu	1	3	5	3	1	—	7	12	3	4	4	1
Pahang	10	7	7	1	2	2	23	18	20	31	20	20
Sabah	16	15	15	2	1	2	2	9	10	2	1	—
Sarawak	17	17	32	—	—	—	2	17	33	14	9	10
	194	318	165	286	137	69	1,981	1,353	843	1,000	686	438

Pechah Rumah dan Churi			*Churi Kenderaan*			*Churi Basikal*			*Lain² Kechurian*		
1968	1969	1970	1968	1969	1970	1968	1969	1970	1968	1969	1970
697	721	638	234	225	115	820	826	643	1,762	1,736	1,367
867	577	495	273	103	77	1,374	1,090	983	1,599	1,380	1,537
1,635	1,539	1,418	409	243	147	1,734	1,366	1,471	3,345	2,677	2,384
2,799	2,302	1,569	1,266	1,110	502	1,778	1,441	1,025	4,611	3,801	2,489
581	708	657	183	113	65	317	270	303	1,217	1,102	824
287	212	189	60	48	32	263	254	139	836	684	415
839	740	641	149	136	111	560	472	345	1,349	1,374	1,187
186	168	191	58	21	42	161	125	149	369	254	322
243	278	182	13	15	19	216	186	177	349	330	234
373	280	330	53	55	42	298	183	170	611	451	480
128	145	138	1	2	7	15	23	18	461	461	484
319	248	283	24	26	25	489	431	609	1,359	1,319	1,368
8,954	7,918	6,731	2,723	2,097	1,184	8,025	6,667	6,032	17,868	15,569	13,091

Pengharaman atas Lagu[2] dan Penerbitan[2]

2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa buah lagu[2] dan apa rakaman lagu[2] yang di-haramkan di-negeri ini dan sebab[2] maka lagu[2] itu di-haramkan.

Tun Dr Ismail: Sa-hingga hari ini 68 buah lagu dalam Bahasa China dan dua rakaman lagu dalam Bahasa Inggeris telah di-haramkan saperti yang telah di-siarkan dalam *Warta*[2] Kerajaan yang berikut:

1. L.N. 1186/23-5-1957
2. L.N. 22/21-1-1960
3. L.N. 321/5-12-1960
4. L.N. 268/24-8-1961
5. L.N. 341/9-11-1961
6. L.N. 4/17-1-1963
7. L.N. 185/25-6-1964
8. P.U. 250/23-6-1966
9. P.U. 295/6-7-1967
10. P.U. 395/17-9-1968
11. P.U. (A) 125/16-4-1970
12. P.U. (A) 166/14-5-1970
13. P.U. (A) 111/2-4-1970

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Ynnus bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan penerbitan[2] yang di-haramkan dalam negeri ini sejak 13hb Mei, 1969 dan sebab[2] di-haramkan.

Tun Dr Ismail: Bilangan penerbitan[2] yang telah di-haramkan samenjak 13hb Mei, 1969 ia-lah 178, saperti berikut:

(*a*) 98 penerbitan oleh sebab[2] keselamatan; dan

(*b*) 80 penerbitan oleh sebab[2] akhlak.

Dua Kera'ayatan

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai orang[2] yang memileki dua kera'ayatan dan dengan negara mana serta terangkan bilangan negara[2] tersebut.

Tun Dr Ismail: Kerajaan tiada mempunyai bilangan[2] mereka yang mempunyai dua kera'ayatan. Jika di-dapati sa-saorang itu mempunyai dua kera'ayatan maka tindakan akan di-ambil untok meluchutkan taraf kewarganegaraan-nya mengikut Undang[2] yang berkenaan.

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah usaha[2] Kerajaan untok mengatasi masaalah pemilekan dua kera'yatan.

Tun Dr Ismail: Sa-bagaimana yang di-nyatakan di-dalam jawapan kapada satu lagi soalan Yang Berhormat mengenai pemilekan dua kera'ayatan, maka Undang[2] Kera'ayatan negeri ini tidak berkehendakan sa-saorang pemohon itu menyebutkan, sa-belum mendapat Sijil Kera'ayatan-nya, sama ada ia sa-orang negara asing atau tidak. Dalam pada itu, jika sa-saorang warganegara di-dapati menggunakan hak asasi yang khas di-maksudkan kapada ra'ayat[2] negara asing itu sahaja mithal-nya menggunakan paspot negara asing itu, maka tindakan akan di-ambil untok meluchutkan taraf kewarganegaraan Malaysia-nya.

Kemalangan[2] Jalanraya

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa banyak kemalangan[2] jalanraya yang berlaku di-negeri ini, dan apa-kah sebab[2]-nya.

Tun Dr Ismail:

(*a*) Jumlah kemalangan[2] jalanraya yang telah berlaku di-Malaysia Barat dalam tahun 1970 ia-lah 32,500 dan Januari, 1971 ia-lah 2,596.

(*b*) Sebab[2] yang besar berlaku-nya kemalangan tersebut ia-lah kerana:

(i) Mabok (termasok pemandu[2] dan juga mangsa[2] kemalangan).

(ii) Memandu dengan tiada chermat.

(iii) Meletak kereta pada tempat yang salah.

(iv) Muatan yang melebehi daripada di-hadkan.

(v) Kerosakan berek dan lain[2].

(vi) Kesalahan mangsa[2] kemalangan.

Radar Pengesan Had Laju

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa buah radar pengesan had laju di-gunakan oleh Polis sekarang dan di-mana alat[2] tersebut telah di-buat.

Tun Dr Ismail: 9 pasang radar pengesan had laju di-gunakan oleh Polis sekarang, dan kesemua-nya di-perbuat di-England.

Daftar Perkahwinan

8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai orang[2] yang mempunyai isteri satu, dua, tiga dan empat di-Malaysia dan di-antara-nya berapa yang terdiri daripada orang[2] Melayu, China, India dan lain[2] bangsa.

Tun Dr Ismail: Pejabat Pendaftar Perkahwinan yang di-bawah pentadbiran Kementerian ini hanya menyimpan rekod[2] perkhahwinan yang di-daftarkan di-bawah Undang[2] berikut:

(i) The Christian Marriages Ordinance, 1956;

(ii) The Civil Marriages Ordinance, 1952;

(iii) The Registration of Marriages, 1952.

Ini tidak termasok orang[2] Islam dan juga orang[2] ugama lain yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka di-bawah Undang[2] yang tersebut itu. Dalam pada itu pula, soalan ini ada-lah umum dengan tidak menyebutkan tempoh atau tahun[2] yang tertentu. Oleh itu, dukachita saya tidak dapat memberi ma'alumat yang di-kehendaki itu.

Pakaian Seragam Polis

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa pakaian seragam polis telah di-tukarkan daripada seragam kuning dari kain khaki kapada yang ada sekarang dan berapa jumlah wang yang di-belanjakan untok melaksanakan penukaran tersebut.

Tun Dr Ismail: Pakaian seragam Polis itu telah di-tukar memandang kapada faktor[2] berikut[2]:

(i) pakaian seragam yang lama di-dapati tidak memuaskan oleh kerana kain-nya mudah kotor dan kusut, dan pakaian itu mengelirukan sebab pakaian[2] saperti itu juga di-pakai oleh budak[2] pejabat, kaum buroh dan lain[2] lagi;

(ii) pakaian seragam jenis kemeja berwarna kelabu sa-akan[2] biru ia-itu sa-jenis "light grey shirting" di-pileh oleh kerana ia-nya sesuai dan kemas, tahan lebeh lama, lambat kotor dan kusut serta mudah di-chuchi; dan senang di-cham oleh orang jika di-pakai dengan seluar panjang yang di-perbuat dari jenis kain khaki; dan

(iii) penggunaan seluar panjang warna khaki telah di-teruskan dengan tujuan membandingkan warna kelengkapan pakaian; dan juga, seluar panjang itu lebeh sechochok bagi anggota[2] Polis yang di-tempatkan dalam kampong[2] mithal-nya, untok menyesuaikan diri dengan adat resam tetekala melawat rumah orang mati atau sebagai-nya.

Pakaian seragam baru ini di-mulakan dalam bulan Januari, 1970. Jumlah perbelanjaan bagi pakaian tersebut dalam tahun 1970 ia-lah $303,300.00.

Sijil[2] Kewarganegaraan

10. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai-kah orang[2] yang di-dapati mendapat sijil kera'ayatan dengan jalan tersilap sejak Mei, 1969 hingga akhir tahun 1970.

Tun Dr Ismail: Soalan ini tidak terang maksud-nya kerana tidak di-tentukan jenis kesilapan. Kesilapan sebagai yang di-maksudkan itu mungkin timbul di-bawah Perkara 26 (1) (*b*) Perlembagaan atau kesilapan sechara umum dengan chara mengeluarkan sijil[2] kapada orang yang tidak layak menerima-nya, mithal-nya, pengeluaran saperti sijil di-bawah Perkara 30 Perlembagaan.

Walau bagaimana pun mengikut pengetahuan Pejabat Besar Pendaftaran tidak ada sijil[2] kewarganegaraan yang di-keluarkan sechara silap, sama ada kewarganegaraan melaluï masokan, pendaftaran atau melaluï Perkara 30 Perlembagaan dari tarikh yang di-maksudkan.

Tindakan sewajar-nya akan di-ambil untok membatalkan sijil kewarganegaraan sa-saorang itu sekira-nya kesilapan[2] itu dapat di-kesan oleh Pejabat Pendaftaran melaluï daya usaha-nya sendiri atau melaluï aduan[2] orang ramai.

Kesalahan[2] Di-bawah Undang[2] Kewarganegaraan Perkara 30

11. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai-kah orang[2] yang di-hukum kerana kesalahan[2] mengenaï Undang[2] Kera'ayatan Perkara 30 Perlembagaan.

Tun Dr Ismail: Tidak sa-orang pun pemegang[2] sijil kera'ayatan yang di-keluarkan di-bawah Perkara 30 di-dakwa di-bawah

peruntokan Undang² Kewarganegaraan. Mereka² yang sijil-nya di-dapati tidak terator di-nasehatkan supaya memohon sa-mula di-bawah Perkara yang sesuai dalam Perlembagaan.

Kesalahan² Di-bawah Akta Menchegah Rasuah² 1961

12. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

(*a*) sejak Badan Penchegah Rasuah di-tubohkan, sa-hingga ka-akhir tahun 1970, berapa ramai orang yang di-tudoh di-bawah Undang² Anti-Rasuah dan yang telah di-thabitkan kesalahan-nya, saperti berikut—

(*a*) Pegawai² Kerajaan;

(*b*) Ahli² Politik dan Wakil² Ra'ayat;

(*c*) Orang² Awam.

(*b*) sila senaraikan nama² mereka saperti berikut—

(*a*) Pegawai² Kerajaan;

(*b*) Ahli² Politik dan Wakil² Ra'ayat;

(*c*) Orang² Awam.

(*c*) berapa ramai-kah bilangan mereka yang di-bebaskan kerana tidak thabit, sa-telah di-berkas oleh Badan Penchegah Rasuah dan sila senaraikan nama² mereka saperti berikut—

(*a*) Pegawai² Kerajaan;

(*b*) Ahli² Politik dan Wakil² Ra'ayat;

(*c*) Orang² Awam.

Tun Dr Ismail: Semenjak Badan Penchegah Rasuah di-tubohkan sa-hingga akhir tahun 1970, dari sa-ramai 655 orang saperti tersebut di-bawah ini yang telah di-dakwa atas tudohan di-bawah Akta Menchegah Rasuah, 1961, 278 orang telah di-dapati thabit dengan kesalahan rasuah dan 114 orang telah di-bebaskan kerana tidak thabit:

	Di-dakwa	Di-hukom	Di-dapati tidak thabit	Menunggu perbicharaan
Pegawai² Kerajaan	276	96	65	115
Ahli² Politik dan Wakil² Ra'ayat ...	8	5	2	1
Orang² Awam	371	177	47	147
Jumlah ...	655	278	114	263

Dukachita saya tidak dapat memberi nama² mereka yang terlibat. Pengumuman nama² itu ada-lah bertentangan dengan kepentingan awam dan ke'adilan kerana mereka² telah pun menerima hukoman berkaitan dengan perbuatan² mereka.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SOKAN

Pusat Latehan Belia Dusun Tua

13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan berapa bilangan belia² yang telah di-lateh di-Dusun Tua setakat ini, berapa banyak dan apa²-kah kerja yang telah di-beri kapada mereka² yang sudah tamat latehan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Bilangan belia² yang telah dan sedang berlateh di-Pusat Latehan Belia Dusun Tua sa-takat ini ada-lah sa-bagai berikut:

(i) Angkatan Belia Pelupor Negara (di-buka dalam bulan Julai, 1966) ...	1,832 orang
(ii) Angkatan Pembena Negara (di-buka dalam bulan Oktober, 1969) ...	6,935 „
Jumlah ...	8,767 orang

(*b*) Bilangan dan jenis² kerja yang telah di-dapati untok mereka ia-lah sa-bagai berikut—

	Pelupor	Pembena	Jumlah
(i) Bekerja dengan Jabatan² Kerajaan	267	2,944	3,211
(ii) Berkhidmatan di-dalam Pasokan Keselamatan ...	606	492	1,098
(iii) Bekerja di-dalam Perbadanan	313	1,132	1,445
(iv) Bilangan yang di-pileh bekerja di-dalam per-usahaan swasta	173	244	417
Jumlah Besar ...	1,359	4,812	6,171

(*c*) Di-sebabkan Yang Berhormat hanya meminta keterangan pelateh² yang telah bekerja sahaja, maka angka² yang di-nyatakan di-atas tidak-lah termasok bilangan peserta² yang berhenti sendiri, di-berhentikan, berniaga, yang telah balek ka-tempat masing² tetapi menunggu giliran di-temuduga dan bilangan yang maseh mengikut latehan di-Dusun Tua pada masa ini. Jumlah-nya ia-lah 2,596 orang.

The number of youths trained at the Youth Training Centre Dusun Tua to date is as follows:

(i) National Youth Pioneer Corps (established in July, 1966)	1,832
(ii) National Development Corps (established in October, 1969)	6,935
Total ...	8,767

(*c*) The number and the type of jobs secured for them are as follows:

	Pioneer Corps	Development Corps	Total
(i) Government Departments	267	2,944	3,211
(ii) Armed Forces	606	492	1,098
(iii) Statutory Bodies	313	1,132	1,445
(iv) Private Industries	173	244	417
Grand Total ...	1,359	4,812	6,171

(*c*) Since the Honourable Member asks only for figures pertaining to those who have been employed, the figures above mentioned do not cover those participants who have left on their own, discharged, joined business or returned to their kampong whilst waiting calls for interview and those who are still undergoing training at Dusun Tua at the moment. The total is 2,596.

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan sama ada sharikat² perniagaan mengambil belia² yang telah di-lateh di-Dusun Tua untok bekerja dengan mereka, bilangan belia² yang telah di-ambil bekerja dan terangkan nama sharikat² perniagaan tersebut.

Dato' Hamzah: Perusahaan swasta ada-lah juga mengambil bekas[2] pelateh yang telah di-lateh di-Pusat Latehan Belia Dusun Tua dan bilangan yang di-ketahui yang telah di-terima bekerja ia-lah 417 orang. Nama sharikat[2] berkenaan dan jumlah bekas peserta[2] yang bekerja dengan-nya ada-lah saperti berikut:

Nama Sharikat	Bilangan Pelateh yang di-ambil Bekerja		
	Pembena	Pelupor	Jumlah
(i) Sharikat Dunlop	15	—	15
(ii) Sharikat Zublin	4	—	4
(iii) Sharikat Dumex	1	—	1
(iv) Sharikat Sri Jaya	11	—	11
(v) Ladang NDFC, Kemaman	63	173	236
(vi) Mercantile Bank	2	—	2
(vii) Malayan Cable	6	—	6
(viii) Metal Box	3	—	3
(ix) Lion Dental	12	—	12
(x) Malayan Oxygen	1	—	1
(xi) Cycle & Carriage	3	—	3
(xii) Esso Pump, Petaling Jaya	1	—	1
(xiii) Sharikat Bas Foo Hup	2	—	2
(xiv) Utusan Melayu	1	—	1
(xv) Weld Super Market	2	—	2
(xvi) Sharikat Kilang Gula Prai	1	—	1
(xvii) Securicor & Safeguard	10	—	10
(xviii) *Lain[2] Sharikat	97	9	106
Jumlah ...	235	182	417

(*Lain[2] sharikat ini termasok ladang getah sendirian, sharikat[2] yang di-tubohkan oleh bekas[2] pelateh dan lain[2] yang tidak di-ketahui nama-nya).

Commercial firms are also employing youths trained at the National Youth Training Centre at Dusun Tua and the known number employed by such firms to date is 417. The names of the firms and the number of ex-trainees employed by them are as follows:

Firms	Total of Youths Employed		
	Development Corps	Pioneer Corps	Total
(i) Sharikat Dunlop	15	—	15
(ii) Sharikat Zublin	4	—	4
(iii) Sharikat Dumex	1	—	1
(iv) Sharikat Sri Jaya	11	—	11
(v) Ladang NDFC, Kemaman	63	173	236
(vi) Mercantile Bank	2	—	2
(vii) Malayan Cable	6	—	6
(viii) Metal Box	3	—	3
(ix) Lion Dental	12	—	12
(x) Malayan Oxygen	1	—	1
(xi) Cycle & Carriage	3	—	3
(xii) Esso Pump, Petaling Jaya	1	—	1
(xiii) Sharikat Bas Foo Hup	2	—	2
(xiv) Utusan Melayu	1	—	1
(xv) Weld Super Market	2	—	2
(xvi) Sharikat Kilang Gula Prai	1	—	1
(xvii) Securicor & Safeguard	10	—	10
(xviii) *Others	97	9	106
Total ...	235	182	417

(*By "Others" it is meant to include private rubber estates, commercial concerns established by the ex-trainees themselves and other establishments the names of which are not known).

15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan berapa bilangan pemudi[2] yang telah di-lateh di-Dusun Tua.

Dato' Hamzah: Pusat Latehan Belia Dusun Tua tidak-lah mengambil pelateh wanita setakat ini.

The Youth Training Centre at Dusun Tua does not train female trainees at the moment.

Sekretariat Belia Sa-Dunia

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ada-kah benar bahawa Pejabat[2] Sekretariat Belia Sa-Dunia akan di-tempatkan di-Malaysia.

Dato' Hamzah: Kementerian ini tidak ada apa[2] keterangan tentang perkara ini.

This Ministry has no information on this subject.

KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

Jalan Raya Timor-Barat

17. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom memandang bahawa Daerah Besut Trengganu, terpenchil jauh dari Ibu Negara, Kuala Lumpur, juga dari negeri[2] di-Pantai Barat, dan tiada mempunyai kemudahan[2] saperti Pelabohan, Lapangan Terbang, juga Kereta Api, ada-lah beliau akan meluaskan jalan besar yang menghubongkan Pantai Barat dan Kelantan ka-daerah ini, menerusi Kuala Krai, Ulu Kelantan dan terus ka-Kampong Keruak Ulu Besut Trengganu.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Jalan Raya Timor-Barat yang ada di-dalam pembenaan sekarang, ia-lah daripada Kuala Rui di-Perak ka-Batu Melintang di-Kelantan. Dari Batu Melintang, jalan yang ada sekarang itu sambong Kelantan melaluï Tanah Merah dan menyambong ka-Pasir Puteh, di-mana jalan itu menyambongi Jalan raya Kelantan/Kota Bharu. Di-Machang, satu jalan lain berchabang ka-Kuala Krai.

Di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua, jalan[2] chabangan[2] ka-utara atau ka-selatan dari sambongan utama ini akan di-kaji dan saya berjanji kapada Yang Berhormat bahawa pendapat-nya akan di-ambil dalam pertimbangan kita.

The East-West Highway that is now under construction is from Kuala Rui in Perak to Batu Melintang in Kelantan. From Batu Melintang the existing road links Kelantan through Tanah Merah and connects to Pasir Puteh, where it joins the Kelantan/Kota Bharu trunk road. At Machang there is also another road to Kuala Krai.

In the Second Malaysia Plan feeder roads north-ward or south-ward from this main link will be studied and I can promise the Honourable Member to have his view point also taken into consideration.

Jambatan Sungai Besut

18. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom:

(*a*) ada-kah Kementerian Kerja Raya sedar bahawa Jambatan Jerteh Besut (Jambatan Sungai Besut) yang ada sekarang ini sentiasa di-tenggelami ayer di-waktu banjir, di-sebabkan keadaan-nya terlalu rendah dan bentok-nya luar biasa;

(*b*) bila-kah beliau berchadang membena sa-buah jambatan lain untok menggantikan-nya;

(*c*) berapa-kah anggaran perbelanjaan untok jambatan baru yang di-chadangkan itu.

Tun V. T. Sambanthan:

(*a*) Ya.

(*b*) Ini ada di-dalam Ranchangan Malaysia yang Kedua.

(*c*) Anggaran belanjaan $1.25 juta.

(*a*) Yes.

(*b*) It has been included in the 2nd Malaysia Plan.

(*c*) Estimated expenditure is $1.25 million.

Jalan[2] Raya Dalam Negeri Trengganu

19. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom:

(*a*) ada-kah beliau sedar bahawa Jalan[2] Raya yang di-tadbirkan oleh Kerajaan Pusat, bermula dari Sempadan Negeri Trengganu dengan Negeri Pahang dan berakhir kapada Sempadan Negeri Trengganu dengan Negeri Kelantan,

keadaan-nya lebeh burok dari jalan² raya dalam Negeri Pahang dan Kelantan;

(*b*) kenapa jalan² raya dalam Negeri Trengganu tidak di-bena sa-taraf dengan Jalan² Raya di-Negeri Pahang dan Kelantan;

(*c*) bila-kah jalan² raya dalam Negeri Trengganu akan di-bena sa-taraf dengan jalan² raya dalam Negeri² Pahang dan Kelantan.

Tun V. T. Sambanthan: Ada-lah tidak betul untok menganggap bahawa jalan² di-tiap² satu negeri akan sama dengan negeri² yang lain. Apa yang penting ia-lah sama ada jalan² di-tiap² negeri itu di-perbaiki atau tidak. Di-Trengganu saya maseh ingat lagi bahawa banyak jalan² telah di-luruskan dan di-perbaiki. Umpama-nya beberapa feri yang telah di-adakan di-Trengganu kesemua-nya telah di-gantikan dengan jambatan² yang di-bena di-tempat² itu. Pada hari ini ada-lah mungkin perjalanan daripada Kuala Lumpur ka-Kuala Trengganu mengambil masa 5 hingga 6 jam. Beberapa tahun dahulu ini telah memakan masa selama lebeh dari 1 hari. Kerja² memperbaiki (re-surfacing) jalan² di-Trengganu pada masa sekarang telah di-buat dengan tenaga buroh sendiri (manually). Kerajaan ada ranchangan untok membekal-kan negeri ini dengan quari² yang akan di-tapakkan sejauh 120 batu jarak-nya. Alat² "premix" akan di-jalankan di-quari² "granite" ini dan ini akan membolehkan chara² moden untok memperbaiki jalan (surfacing) di-jalankan. Alat² jentera untok quari di-Bukit Jong, Trengganu telah pun di-pasang dan akan sedia di-gunakan pada bulan Jun tahun ini. Sa-lepas itu muka jalan raya di-Trengganu akan sama dengan muka jalan di-lain² tempat dalam negeri ini.

Dalam Ranchangan Malaysia Kedua kerja² memperbaiki jalan bukan sahaja di-Trengganu tetapi juga di-lain² tempat di-negeri ini akan di-jalankan. Selain daripada kenyataan bahawa tidak mungkin untok memperbaiki semua jalan di-negeri ini dalam tempoh 5 tahun, Kerajaan juga menghadapi masa-elah² kewangan dan kekurangan kakitangan.

Trengganu: It is incorrect to expect that roads in every State will be the same as every other State. What is important is whether roads in each State have been improved or not. In Trengganu I remember well a number of stretches that have, been straightened and improved. For one thing, the ferries have all been removed and bridges have been built in their place. It is possible today to travel from Kuala Lumpur to Kuala Trengganu in about 5 to 6 hours. Some years ago it took more than a day. The roads in Trengganu are at present re-surfaced manually. The Governments have plans to provide the country with central quarries spaced at a distance of 120 miles apart. These granite quarries at which premix plans will operate and from which modern methods of surfacing can be undertaken. The machinery for quarry at Bukit Jong in Trengganu has been assembled and should be ready for commissioning in June this year. Thereafter surfacing of roads will equal the surfacing in any other part of the country.

In the Second Malaysia Plan further improvements on the roads not only in Trengganu but also in other parts of the country will be undertaken. Apart from the fact that it will be physically impossible to improve all the roads in the country within a 5 year period we are also faced with the problems of inadequate financing and shortage of staff.

Pulau Habib Hasan

20. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, mengapa Kerajaan chuba "memechahkan" Pulau Habib Hasan di-Sungai Pahang pada musim banjir baharu² ini; dan apa-kah hasil dari usaha itu, dan sebutkan berapa banyak-kah wang yang telah di-belanjakan bagi usaha tersebut.

Tun V. T. Sambanthan: Kerajaan tidak ada tujuan untok "memechahkan" Pulau Habib itu. Apa yang telah di-chubakan ia-lah untok mengubahkan "sandbar" yang telah menahankan aliran ayer banjir di-kawasan Pekan. Ini telah di-jalankan dengan maksud mengurangkan kesusahan ra'ayat. Perbelanjaan yang di-kenakan ia-lah sa-banyak $5,000.

There was no intention to destroy Pulau Habib, what was attempted was to shift sandbar that was impeding easy flow of flood waters from Pekan District in the interest of human sufferings. The total cost incurred was $5,000.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Nisbah Doktor/Pendudok

21. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Kesihatan berapakah nisbah bagi tiap² sa-orang doktor berbanding dengan pendudok di-dalam tiap² negeri di-Malaysia Barat dan di-tiap² negeri di-Malaysia Timor.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir): Kadar doktor/pendudok dalam satu² Negeri di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor pada bulan Januari 1971 ada-lah:

Malaysia Barat		
Johor	1 :	5,300
Kedah	1 :	9,600
Kelantan	1 :	14,600
Malacca	1 :	3,700
Negeri Sembilan ...	1 :	3,700
Pahang	1 :	7,400
Penang	1 :	2,400
Perak	1 :	4,200
Perlis	1 :	8,000
Selangor	1 :	1,700
Trengganu	1 :	13,300
Malaysia Timor		
Sabah	1 :	5,100
Sarawak	1 :	11,000

The Doctor/Population ratio in each State of West and East Malaysia as in January 1971, is as follows:

West Malaysia		
Johore	1 :	5,300
Kedah	1 :	9,600
Kelantan	1 :	14,600
Malacca	1 :	3,700
Negeri Sembilan ...	1 :	3,700
Pahang	1 :	7,400
Penang	1 :	2,400
Perak	1 :	4,200
Perlis	1 :	8,000
Selangor	1 :	1,700
Trengganu	1 :	13,300
East Malaysia		
Sabah	1 :	5,100
Sarawak	1 :	11,000

Doktor Kerajaan

22. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Kesihatan berapa ramai-kah doktor² yang di-ambil berkhidmat dengan Kerajaan sejak Mei, 1969 hingga akhir tahun 1970; dan berapa ramai-kah di-antara mereka itu doktor² yang bukan warganegara.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Jumlah Pegawai² Perubatan yang di-ambil berkhidmat sejak 1969 hingga akhir tahun 1970 ia-lah 224 orang; dan daripada jumlah ini seramai 7 orang yang bukan Warganegara, mereka ia-lah isteri kapada Warganegara.

The total number of doctors recruited from 1969 to the end of 1970 is 224; and among them there were 7 non-citizens who are the wives of citizens.

Pemberhentian Doktor²

23. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Kesihatan mengapa ramai Doktor² Malaysia berhenti dari Perkhidmatan Kerajaan, dan ada-kah ini akibat keadaan perkhidmatan yang tidak memuaskan.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Sepanjang yang di-ketahui doktor² yang berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan bukan-lah akibat keadaan perkhidmatan yang tidak memuaskan. Mereka yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan itu telah memberikan sebab²-nya antara lain hal persendirian, melanjutkan pelajaran, membuka kelinik² sendiri, memasokki perkhidmatan di-Hospital Universiti.

As far as is known, doctors resign from Government service not because of unsatisfactory conditions of service. Reasons they give on resigning include amongst others, personal, to go for further studies, to go into private practice, to serve with the University Hospital.

Rumah Sakit Umum, Besut

24. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah benar, bahawa beliau berchadang hendak membena sa-buah Rumah Sakit Umum yang lengkap dan moden untok Daerah Besut, bertempat di-Bandar Jerteh, Besut, jika ya, bila-kah kerja² pembenaan-nya akan mula di-jalankan, dan berapa-kah anggaran perbelanjaan untok projek itu.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Sa-buah hospital luar bandar yang di-lengkapi dengan sa-chukup-nya sedang di-timbangkan untok di-dirikan di-Jerteh, Besut. Saya dukachita tidak dapat memberikan butir[2] perbelanjaan-nya atau bila-kah kerja[2] projek itu akan di-mulakan sa-hingga-lah Ranchangan Pembangunan Malaysia Kedua di-luluskan.

A well-equipped rural hospital is being considered at Jerteh, Besut. I regret that details of costs cannot be given nor when work would start on the project until the Second Malaysia Development Plan has been approved.

25. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau sedar bahawa hanya ada sa-orang doktor sahaja untok melayani pendudok[2] Daerah Besut, Trengganu yang berjumlah kira[2] 90,000 orang, dan jika ya, bila, dan bagaimana lebeh ramai lagi doktor akan di-hantar ka-sana.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Saya sedar bahawa hanya ada sa-orang sahaja pegawai perubatan pada masa sekarang untok memberikan rawatan kapada orang ramai di-Daerah Besut, Trengganu. Walau bagaimana pun pernah terdapat sa-orang pegawai perubatan yang di-tugaskan di-hospital itu dan sa-orang pegawai perubatan di-pusat kesihatan. Dengan ada-nya Ordinan Pendaftaran Perubatan Baru dan pengambilan doktor[2] dari negeri asing sa-orang lagi pegawai perubatan akan di-hantar berkhidmat di-Besut sa-chepat yang mungkin.

I am aware that there is only one doctor at the moment to attend to the people of Besut District, Trengganu. However, there used to be one doctor stationed at the hospital and one doctor at the health centre. With the introduction of the New Medical Registration ordinance and the recruitment of overseas doctors, another doctor will be posted to Besut at the earliest possible time.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Hutang Negara

26. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Kewangan berapa banyak-kah hutang negara yang di-buat oleh Kerajaan dalam tempoh Mei, 1969 hingga Mei, 1970; dan berapa banyak-kah pula bunga atau faedah yang wajib di-bayar kerana hutang tersebut.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Jumlah hutang negara yang di-tanggong oleh Kerajaan dari bulan Mei, 1969 sa-hingga bulan Mei, 1970 ia-lah $660 juta. Jumlah bunga yang wajib di-bayar ka-atas pinjaman[2] tersebut sa-hingga tamat tempoh-nya di-anggarkan sa-banyak $531 juta.

The total public debt incurred by the Government from May, 1969 till May, 1970 was $660 million. The total amount of interest payable on these loans until their maturity is estimated at $531 million.

Penanaman Modal Asing

27. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Kewangan berapa banyak-kah modal luar yang di-tanam ka-dalam negeri kita sejak Mei, 1969 hingga Mei, 1970; dan sebutkan lapangan[2] penanaman modal tersebut.

Tun Tan Siew Sin: Ada-lah di-anggarkan bahawa kemasokan modal persendirian yang di-hitong berseh bagi jangka panjang termasok tanaman semula modal berjumlah sebanyak $160 juta dalam tahun 1970 jika berbanding dengan $140 juta dalam tahun 1969. Sunggoh pun demikian, angka[2] bagi tiap[2] bulan bagi Mei, 1969 hingga Mei, 1970 tidak-lah ada di-sediakan. Ada-lah di-jangka bahawa penanaman modal asing yang bersendirian mungkin di-tumpukan lebeh banyak di-lapangan perusahaan dan, sa-bahagian kechil, dalam perusahaan tanaman[2] baharu, terutama-nya kelapa sawit.

Bagi masa 13 Mei, 1969 hingga 13 Mei, 1970, 143 buah sharikat[2] telah di-luluskan taraf perintis pada dasar-nya. Modal yang terkumpul bagi sharikat[2] ini berjumlah sa-banyak $247.6 juta, $72.7 juta daripada-nya atau lebeh kurang 29% ia-lah daripada puncha[2] luar. Bagi tahun 1970, 173 buah sharikat[2] telah di-beri kelulusan saperti ini pada dasar-nya. Modal terkumpul sharikat[2] ini berjumlah sa-banyak $317.4 juta, $89.7 juta daripada-nya atau 28% ia-lah daripada puncha[2] luar. Banyak-nya keputusan[2] yang telah di-ambil untok menubohkan kilang[2] perusahaan ada-lah jelas menunjokkan bahawa suasana bagi penanaman modal di-negeri ini ada-lah baik dan juga keperchayaan terus menerus penanam[2] modal asing terhadap ekonomi Malaysia.

It is estimated that net private long-term capital inflow including re-investment totalled $160 million for 1970, compared with $140 million in 1969. However, figures on a monthly basis from May, 1969 to May, 1970 are not available. It is expected that foreign private investment would have taken place mainly in the manufacturing sector and, to a lesser degree, in new planting of perennial crops, mainly oil palm.

During the period May 13, 1969 to May 13, 1970, 143 companies were granted pioneer status approvals in principle. The called-up capital of these companies amounted to $247.6 million, of which $72.7 million or approximately 29% was from foreign sources. For the whole of 1970, 173 companies were awarded such approvals in principle. The called-up capital of these companies amounted to $317.4 million, of which $89.7 million or 28% was from foreign sources. The large number of investment decisions taken to establish industries is a clear testimony of the favourable investment climate in this country and of the continued confidence of foreign investors in the Malaysian economy.

Kelas² Kemajuan Masharakat

28. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Kewangan berapa banyak-kah wang yang telah di-belanja bagi maksud kelas² dewasa yang pada masa ini di-namakan "Kelas² Kemajuan Masharakat" sejak 13hb Mei, 1969 hingga akhir Mei, 1970.

Tun Tan Siew Sin: Jumlah wang yang telah di-belanjakan bagi maksud kelas² dewasa yang pada masa ini di-namakan "Kelas² Kemajuan Masharakat" sejak 13hb Mei, 1969 hingga akhir Mei, 1970 ia-lah sa-banyak $6,118,587. Angka ini di-dapati dari rekod kira² yang belum lagi di-pereksa oleh Juru Odit.

The amount spent for the purposes of adult education classes (which are now called "Kelas² Kemajuan Masharakat") from 13th May, 1969 to the end of May, 1970 is $6,118,587. This figure is obtained from accounting records which have not yet been audited.

Perusahaan Bank dalam Malaysia

29. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan berapa buah bank² yang ada dalam Malaysia dan berapa banyak modal tiap² sa-buah serta berapa banyak modal yang di-tanam di-dalam dan di-luar negeri oleh tiap² bank tersebut.

Tun Tan Siew Sin: Pada penghujong tahun 1970, ada 38 buah bank² perdagangan yang menjalankan urusan di-Malaysia, 16 buah daripada-nya tertuboh di-Malaysia dan yang baki 22 buah lagi itu tertuboh di-luar Malaysia. Bank² yang 16 buah itu ada mempunyai modal yang terkumpul dan chadangan² berjumlah sa-banyak $141 juta. Bank² ini telah menanam modal sa-banyak $1,416 juta atau 108% daripada tanggongan² simpanan sa-banyak $1,311 juta dalam harta² dalam negeri dan $138 juta atau 11% dalam harta² di-luar negeri. Dengan demikian, maka bank² ini mempunyai harta² dalam negeri yang berlebeh daripada tanggongan² simpanan.

Tiap² bank asing yang menjalankan urusan di-Malaysia ada-lah di-kehendaki menurut undang² menyimpan harta² di-Malaysia yang taksiran berseh-nya tidak kurang daripada $2 juta pada sa-tiap masa. Pada penghujong tahun 1970, harta² berseh bagi 22 buah bank asing di-Malaysia berjumlah sa-banyak $212 juta atau 10% daripada jumlah tanggongan² simpanan yang sa-banyak $2,089 juta itu. Harta² di-luar negeri bank² tersebut berjumlah sa-banyak $231 juta atau 11% daripada tanggongan² simpanan. Harta² di-luar negeri bagi bank² tempatan dan bank² asing ada-lah merupakan baki² yang perlu di-simpan oleh bank² itu di-luar negeri bagi urusan² antarabangsa.

As at the end of 1970, there were 38 commercial banks operating in Malaysia, of which 16 were incorporated in Malaysia and the remaining 22 incorporated outside Malaysia. The 16 Malaysian banks had a total paid-up capital and reserves of $141 million. These banks had invested $1,416 million or 108% of their total deposit liabilities of $1,311 million in domestic assets and $138 million or 11% in foreign assets. Malaysian bank holdings of domestic assets were, therefore, more than their deposit liabilities.

Each foreign bank operating in Malaysia is required by law to maintain minimum net assets in Malaysia of not less than $2 million at all times. As at the end of 1970, the net assets of the 22 foreign banks in Malaysia amounted to $212 million or 10% of their

total deposit liabilities of $2,089 million. The foreign assets of these banks amounted to $231 million or 11% of their deposit liabilities. The foreign assets of both the domestic and foreign banks are in the form of working balances held with banks outside the country and are required for their normal international transactions.

30. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan berapa banyak modal orang[2] Melayu dalam perusahaan bank.

Tun Tan Siew Sin: 16 buah bank[2] Malaysia ada mempunyai modal yang terkumpul berjumlah sa-banyak $107 juta pada penghujong tahun 1970. Daripada 16 buah bank[2] ini saham[2] bagi 2 buah bank yang mempunyai modal yang terkumpul sa-banyak $39 juta ada-lah di-uruskan di-Pasaran Saham Malaysia. Oleh kerana urusan penjualan saham[2] bagi 2 buah bank ini di-laksanakan melalui Pasaran Saham, maka sukar-lah hendak menentukan banyak-nya saham[2] yang di-pegang oleh orang[2] Melayu bagi satu[2] masa itu. Sa-buah bank yang di-punyai oleh Kerajaan ada mempunyai modal yang terkumpul berjumlah $10 juta. Modal yang terkumpul bagi 13 buah bank lagi itu berjumlah sa-banyak $58 juta dan keterangan mengenai bahagian saham[2] bank[2] ini yang di-pegang oleh orang[2] Melayu tidak dapat di-adakan dengan tidak mengadakan penyiasatan lanjut yang akan memakan masa beberapa bulan.

The 16 Malaysian banks had a total paid-up capital of $107 million as at the end of 1970. Of the 16 banks, the shares of 2 banks with a paid-up capital of $39 million, are quoted on the Malaysian Stock Exchange. As transactions in the shares of these 2 banks can be made on the Stock Exchange, it is difficult to ascertain the actual amount of shares held by the Malays in these banks at any particular point in time. One bank which is a Government-owned bank has a total paid-up capital of $10 million. The paid-up capital of the remaining 13 banks amounted to $58 million and information on the proportion of shares of these banks held by Malays is not available without a detailed survey which will take several months.

31. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan berapa bilangan orang[2] Melayu yang bekerja dalam bank[2] di-seluroh negara di-bandingkan dengan orang[2] bukan Melayu dan apakah jawatan yang mereka pegang.

Tun Tan Siew Sin: Pada akhir tahun 1970, di-dapati sa-banyak 38 bank[2] perniagaan di-Malaysia, dengan chawangan[2]-nya sa-banyak 336. Bilangan orang[2] Melayu yang bekerja dengan bank[2] tersebut ia-lah 1,681 orang berbandingkan dengan 7,170 orang[2] bukan Melayu yang bekerja dengan bank[2] di-Malaysia Barat. Jawatan[2] mereka ada-lah sa-bagai berikut:

	Melayu	Bukan Melayu
(*a*) Perengkat Pegawai ...	181	1,719
(*b*) Perengkat Kerani ...	508	4,538
(*c*) Perengkat Bukan-Kerani	992	913
	1,681	7,170

Sementara bank[2] di-Malaysia Timor pula, hanya dapat di-pechahkan kapada bumiputra dan bukan bumiputra. Bilangan bumiputra[2] yang bekerja di-Sabah sa-ramai 107 orang sementara di-Sarawak pula ia-lah sa-ramai 91 orang berbandingkan dengan 411 orang bukan bumiputra yang bekerja di-Sabah dan 455 di-Sarawak.

At the end of 1970, there were 38 commercial banks operating in Malaysia with 336 branches. The number of Malays employed in these banks is 1,681 compared to 7,170 non-Malays employed by banks in West Malaysia. The appointments held by them are as indicated below:

	Malays	Non-Malays
(*a*) Officer Grade ...	181	1,719
(*b*) Clerical Grade ...	508	4,538
(*c*) Non-Clerical Grade	992	913
	1,681	7,170

As regards banks in East Malaysia, it is only possible to give the breakdown for natives and non-natives. The number of natives employed in Sabah and Sarawak were 107 and 91 respectively compared to 411 non-natives employed in Sabah and 455 in Sarawak.

32. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan berapa buah bank[2] melateh orang[2] Melayu untok menjadi pengurus bank dan bilangan mereka yang telah di-lateh.

Tun Tan Siew Sin: Kebanyakan daripada bank[2] besar di-Malaysia termasok juga bank[2] asing melantek kakitangan dari masa kasamasa untok menemuï keperluan biasa pusingan kakitangan dan keperluan[2] latehan dan juga untok membolehkan chawangan[2] baru di-buka. Pengambilan kaki-tangan lazim-nya di-kendalikan dengan sechara iklan di-dalam akhbar Sa-bilangan daripada bank[2] itu telah menyatakan ia-itu keutamaan akan di-beri kapada orang[2] Melayu dalam memelawakan pendudok[2] Malaysia memohon bagi memenohi satu[2] kekosongan itu. Bank[2] perdagangan yang telah di-tubohkan semenjak Merdeka, terutama-nya Malaya Banking Berhad, United Malayan Banking Corporation dan Bank Bumiputra telah pun menyediakan latehan khas-nya kapada orang[2] Melayu untok membolehkan mereka mendapat peluang naik pangkat ka-bahagian pengurus. Ada-lah menggalakkan juga mengetahuï ia-itu semua bank[2] asing di-negara ini telah melantek orang[2] Melayu sa-bagai pegawai[2] dalam latehan dan kebanyakkannya telah menghantar pegawai[2] itu belajar bukan sahaja di-Malaysia bahkan juga di-kolej[2] di-luar negeri untok melengkapkan berkhidmat sa-bagai pegawai[2] di-bank[2] itu. Keterangan[2] lanjut mengenaï perkara ini tidak-lah dapat di-beri dengan tidak mengadakan satu kajian lanjut yang akan memakan masa untok mengator dan menyiapkan-nya.

The majority of the larger Malaysian banks as well as the foreign-owned banks recruit staff from time to time to meet the needs of their normal turnover of staff and training requirements and also to enable them to expand and open new branches. Recruitment of staff is generally done by advertisements in the newspapers. A number of banks have stated that preference would be given to Malays in inviting Malaysians to apply for any vacancy. The commercial banks which have been established since independence, in particular, Malayan Banking Berhad, United Malayan Banking Corporation and Bank Bumiputra, have actually provided training specially for Malays in order to provide opportunities for Malays to be promoted to managerial level. It has also been gratifying to note that all the foreign banks in the country have recruited Malays as trainee officers, and, in many cases, have sent these officers for training not only in Malaysia but overseas training colleges in order to prepare them for service as officers in these banks. It is not possible to give precise information on this matter without a detailed survey which will take time to organise and complete.

Wang Kiriman

33. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan jumlah wang yang telah di-hantar keluar negeri sa-takat ini dan jumlah yang di-hantar tiap[2] tahun serta sebab[2] maka di-hantar wang tersebut; terangkan juga negara[2] wang tersebut telah di-hantar dan jumlah yang di-hantar kapada tiap[2] sa-buah

Tun Tan Siew Sin: Semua urusan kewangan di-antara Malaysia dengan negara[2] Kawasan Sterling ada-lah bebas daripada kawalan wang asing. Dengan itu, keterangan rasmi mengenaï pengiriman[2] wang ka-negara[2] di-dalam Kawasan Sterling tidak-lah disediakan. Sunggoh pun demikian, keterangan boleh di-dapati mengenaï pengiriman[2] wang ka-negara[2] di-luar Kawasan Sterling. Pengiriman ini mengikut jenis[2]-nya ada di-nyatakan di-bawah ini:

Jenis Pengiriman	1968 M$	1969 M$
Pengiriman[2] Untong dan Dividen ...	19,421,827	34,199,214
Pengiriman[2] untok Keluarga di-Negeri China	2,969,774	3,114,330
Pelajaran	1,816,822	2,431,701
Perbelanjaan[2] Naik Haji	3,586,701	4,069,710
Perjalanan	12,270,354	15,226,591

All financial transactions between Malaysia and other Sterling Area countries are free from exchange control. Consequently, official data on remittances to Sterling Area countries are not available. However, information is available on certain remittances

to countries outside the Sterling Area. These remittances by type are given below:

Type of Remittances	1968 M$	1969 M$
Remittances of Profits and Dividends	19,421,827	34,199,214
Family Remittances to China	2,969,774	3,114,330
Education	1,816,822	2,431,701
Pilgrims Expenses	3,586,701	4,069,710
Travel	12,270,354	15,226,591

Pinjaman² Wang

34. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan berapa banyak hutang² Malaysia di-luar negeri sa-takat ini, berikan nama negara² yang telah memberi pinjaman itu serta berapa kadar bunga dan apa sharat² yang di-kenakan atas pinjaman² tersebut.

Tun Tan Siew Sin: Butir² berkenaan dengan nama² negeri, kadar² bunga dan sharat² yang di-beri di-atas pinjaman² yang di-buat oleh Malaysia sa-hingga 31hb Disember, 1969, boleh di-dapati pada muka² surat (iv) hingga (x) Anggaran² Hasil dan Perbelanjaan Kerajaan Malaysia bagi tahun 1971. Dalam tahun 1970, Malaysia menanda tangani perjanjian² pinjaman dengan beberapa kerajaan asing dan institusi kewangan berjumlah $154 juta. Butir² yang sesuai berkenaan dengan pinjaman² luar yang di-buat pada tahun 1970 ada di-beri di-dalam Kenyataan yang berlampir.

Particulars relating to the names of countries, the rates of interest and the conditions laid down in respect of foreign loans raised by Malaysia until 31st December, 1969 can be found on pages (iv) to (x) of the Estimates of Malaysia Federal Revenue and Expenditure for 1971. In 1970, Malaysia signed loan agreements with various foreign governments and financial institutions for sums totalling $154 million. The relevant particulars relating to the external loans raised in 1970 are given in the attached Statement.

Puncha/Nama Pemberipinjam		*Tarikh Perjanjian*	*Kadar faedah*	*Tempoh Pembayaran*	*Kuasa*
BANK PEMBANGUNAN ASIA (A.D.B.)	1.	14-10-70	3% s.t. (Urusan Khas)	1977-95	†
			7½% s.t. (Urusan Biasa)	1975-85	
	2.	11-12-70	7½% s.t.	1976-95	
	3.	11-12-70	7½% s.t.	1976-95	
KANADA—Ajensi Pembangunan Antarabangsa Kanada ..	1.	11-2-70	3% s.t.	1976-98	‡
	2.	21-5-70	3% s.t.	1977-99	
	3.	21-5-70	Tiada Berfaedah ..	1979-2018 ..	
REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN—Perbadanan Pinjaman Pembangunan ..	1.	16-1-70	4½% s.t.	1978-95	‡
	2.	21-8-70	4½% s.t.	1978-95	
JEPUN—Bank[2] Jepun	1.	29-5-70	5½% s.t.	1975-88	‡
	2.	18-8-70	5¾% s.t.	1975-88	
	3.	18-8-70	5¾% s.t.	1975-88	
	4.	2-12-70	5¾% s.t.	1976-85	
BELANDA—Kerajaan	1.	4-8-70	6% s.t.	13 tahun sa-lepas pembelian ..	‡
UNITED KINGDOM—Sharikat Perkhidmatan Teknikal Millbank Berhad	1.	30-9-70	5½% s.t.	5 tahun sa-lepas tiap[2] penerimaan	§
Sharikat Marconi Berhad	2.	2-5-70	5½% s.t.	1972-76	
BANK DUNIA—Bank Antarabangsa untok Pemulehan dan Pembangunan	1.	20-5-70	7% s.t.	1977-94	‖
	2.	20-5-70	7% s.t.	1974-82	

CHATETAN:

* Jumlah pinjaman dalam matawang asing telah di-tukarkan menjadi Ringgit Malaysia dengan kadar-tara[2] pertukaran yang di-tentukan oleh Kumpulan Wang Antarabangsa.

† Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 32/68.

‡ Akta Pinjaman Luar 22/63.

§ Akta Pinjaman Kredit 50/66.

‖ Ordinan Persekutuan Tanah Melayu 41/58.

Ranchangan	*Banyak-nya dalam matawang asing*	*Persamaan Nilai matawang Malaysia (Chatetan*)*	*Jumlah*
Ranchangan Taliayer Besut..	US$ 3,300,000.00	M$ 10,102,026.00	
Ranchangan Taliayer Besut..	US$ 900,000.00	M$ 2,755,098.00	
Ranchangan Perbekalan Ayer Melaka	US$ 5,000,000.00	M$ 15,306,100.00	
Ranchangan Pembenaan Tambahan Pelabohan Sibu	US$ 3,500,000.00	M$ 10,714,270.00	
			$ 38,877,494 00
Ranchangan Banchian Hutan Sabah	C$ 620,000.00	M$ 1,755,611.00	
Kajian Peranchangan Kawasan Pahang Tenggara	C$ 2,875,000.00	M$ 8,140,936.25	
Kajian[2] mengenai kemungkinan ranchangan[2] dan pelaboran	C$ 500,000.00	M$ 1,415,815.00	
			$ 11,312,362.25
Ranchangan Pelabohan Swettenham—Peringkat I	DM 11,500,000.00	M$ 9,618,588.50	
Ranchangan Pelabohan Swettenham—Perengkat II	DM 4,500,000.00	M$ 3,763,795.50	
			$ 13,382,384.00
Ranchangan Seteshen Pemanchar Radio Kuasa-kuat dan Alat[2] Bantu untok Sabah	Y 218,094,022.00	M$ 1,854,541.00	
Pemanchar Radio dan Alat[2] Bantu untok Steshen[2] Pemanchar Kawasan di-Malaysia	Y 611,520,000.00	M$ 5,200,000.00	
Sistem Radio dan Alat-kelengkapan untok Pusat Penyiaran Malaysia..	Y 352,800,000.00	M$ 3,000,000.00	
Kilang Kain KIMA (MARA)	Y 579,854,442.00	M$ 4,930,734.26	
			$ 14,985,275.26
Pinjaman[2] Kredit untok Ranchangan[2] Pembangunan	N.G. 2,000,000.00	M$ 1,691,282.00	
			$ 1,691,282.00
Pembelian Alat-kelengkapan untok Jalan Raya Timor-Barat dan J.K.R. Sarawak	£424,574 0*s.* 0*d.*	M$ 3,119,316.00	
Pembelian Alat-kelengkapan Radar	£666,750 0*s.* 0*d.*	M$ 4,898,566.43	
			$ 8,017,882.43
Ranchangan Tigasegi Jengka—Perengkat II	US$ 13,000,000.00	M$ 39,795,860.00	
Ranchangan Perhutanan Jengka	US$ 8,500,000.00	M$ 26,020,370.00	
			$ 65,816,230.00
JUMLAH ..	—	—	$ 154,082,909.94

Source/Name of Lender		*Date of Agreement*	*Interest Rate*	*Repayment Period*	*Authority*
ASIAN DEVELOPMENT BANK (A.D.B.)	1.	14-10-70	3% p.a. (Special operations)	1977-95	†
			7½% p.a. (Ordinary Operations)	1975-85	
	2.	11-12-70	7½% p.a.	1976-95	
	3.	11-12-70	7½% p.a.	1976-95	
CANADA—Canadian International Development Agency ..	1.	11-2-70	3% p.a.	1976-98	‡
	2.	21-5-70	3% p.a.	1977-99	
	3.	21-5-70	Interest Free	1979-2018 ..	
FEDERAL REPUBLIC OF GERMANY—Kreditanstalt fur wiederaufbau	1.	16-1-70	4½% p.a.	1978-95	‡
	2.	21-8-70	4½% p.a.	1978-95	
JAPAN—Japanese Banks	1.	29-5-70	5¾% p.a.	1975-88	‡
	2.	18-8-70	5¾% p.a.	1975-88	
	3.	18-8-70	5¾% p.a.	1975-88	
	4.	2-12-70	5¾% p.a.	1976-85	
NETHERLANDS—Government	1.	4-8-70	6% p.a.	13 years after the purchase ..	‡
UNITED KINGDOM—Millbank Technical Services Limited ..	1.	30-9-70	5½% p.a.	5 years after each delivery	§
Marcony Co., Limited	2.	2-5-70	5½% p.a.	1972-76	
WORLD BANK—International Bank for Reconstruction & Development	1.	20-5-70	7% p.a.	1977-94	‖
	2.	20-5-70	7% p.a.	1974-82	

FOOTNOTE:

* The amount of loans in foreign currency are converted into Malaysian dollars at the par rates of exchange established by the International Monetary Fund.

† Loans (Asian Development Bank) Act 32/68

‡ External Loans Act 22/63.

§ Extended Credit Act 50/66.

‖ Federation of Malaya Ordinance 41/58.

The Project		*Amount in Foreign Currency*	*Malaysian Currency Equivalent (Footnote *)*	*Total*
Besut Irrigation Project	US$	3,300,000.00	M$ 10,102,026.00	
Besut Irrigation Project	US$	900,000.00	M$ 2,755,098.00	
Malacca Water Supply Project	US$	5,000,000.00	M$ 15,306,100.00	
Sibu Port Expansion Project	US$	3,500,000.00	M$ 10,714,270.00	
				$ 38,877,494.00
Sabah Forest Inventory Project	C$	620,000.00	M$ 1,755,611.00	
Pahang Tanggara Master Planning Study	C$	2,875,000.00	M$ 8,140,936.25	
Feasibility and Pre-Investment Studies	C$	500,000.00	M$ 1,415,815.00	
				$ 11,312,362.25
Port Swettenham Project—Phase I	DM	11,500,000.00	M$ 9,618,588.50	
Port Swettenham Project—Phase II	DM	4,500,000.00	M$ 3,763,795.50	
				$ 13,382,384.00
High Power Transmitting Station and Ancillary Equipment for Sabah Project	Y	218,094,022.00	M$ 1,854,541.00	
Radio Transmitting and Ancillary Equipment for Regional Transmitting Stations in Malaysia	Y	611,520,000.00	M$ 5,200,000.00	
Radio System and Equipment for Malaysia Broadcasting Centre Project	Y	352,800,000.00	M$ 3,000,000.00	
KIMA Textile Factory (MARA)	Y	579,854,442.00	M$ 4,930,734.26	
				$ 14,985,275.26
Lines of Credit for Development Projects	N.G.	2,000,000.00	M$ 1,691,282.00	
				$ 1,691,282.00
Purchase of Equipment for East-West Highway and Sarawak P.W.D	£	424,574 0*s.* 0*d.*	M$ 3,119,316.00	
Purchase of Transportable Radar Equipment	£	666,750 0*s.* 0*d.*	M$ 4,898,566.43	
				$ 8,017,882.43
Jengka Triangle Project—Phase II	US$	13,000,000.00	M$ 39,795,860.00	
Jengka Forestry Project	US$	8,500,000.00	M$ 26,020,370.00	
				$ 65,816,230.00
			TOTAL	$ 154,082,909.94

35. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan sama ada Malaysia pernah di-tawarkan pinjaman[2] tanpa berbunga, dan jika pernah, terangkan apa penyudah-nya tawaran[2] tersebut.

Tun Tan Siew Sin: Malaysia telah di-tawarkan pinjaman[2] tanpa berbunga dari Britain, Denmark dan Canada. Britain telah mengadakan bantuan kewangan dalam tahun 1968 bagi membantu kesan[2] penarekan balek tentera British dari Malaysia. Bantuan kewangan itu berjumlah $184 juta dan $138 juta daripada-nya ada-lah di-dalam bentok pinjaman tanpa berbunga yang akan di-bayar mulaï dari tahun 1978 hingga tahun 1995. Dalam tahun itu juga, Malaysia telah menanda tangani satu perjanjian dengan Kerajaan Denmark untok pinjaman berjumlah $12.2 juta bagi membeli alat[2] untok di-gunakan dalam perojek[2] pembangunan am. Malaysia juga telah menanda tangani satu perjanjian pinjaman dengan Kerajaan Canada dalam tahun 1970 bagi satu pinjaman tanpa berbunga sa-banyak $1.4 juta yang akan di-bayar mulaï dari tahun 1979 hingga 2018.

Malaysia has been offered interest-free loans by Britain, Denmark and Canada. Britain provided financial aid in 1968 to counter the effect of the withdrawal of British forces from Malaysia, amounting to about $184 million, of which about $138 million was in the form of interest-free loans to be repaid from 1978 to 1995. During the same year, Malaysia signed an Agreement with the Government of Denmark for a line of credit amounting to about $12.2 million for the purchase of equipment for general development projects. Malaysia has also signed a loan agreement with the Government of Canada in 1970 for an interest-free loan of about $1.4 million to be repaid from 1979 to 2018.

36. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan sama ada Russia pernah menawarkan pinjaman kapada negeri ini, dan jika pernah, apa penyudah-nya tawaran itu.

Tun Tan Siew Sin: Sa-panjang yang saya ketahuï, Russia tidak ada menarwarkan apa[2] pinjaman kapada Malaysia.

As far as I am aware, Russia has not made any loan offer to Malaysia.

Hutang Dalam Negeri

37. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan berapa banyak hutang dalam negeri yang di-buat oleh Kerajaan sa-takat ini dan untok tujuan apa-kah maka pinjaman[2] tersebut di-buat.

Tun Tan Siew Sin: Banyak-nya pinjaman dan keterangan[2] lain yang di-buat oleh Persekutuan sa-hingga 31hb Disember, 1969 ada di-tunjukkan di-muka (iv) hingga (x) Anggaran[2] Hasil dan Perbelanjaan Malaysia, bagi tahun 1971. Banyak-nya pinjaman[2] dalam negeri yang di-terima daripada 1hb Januari hingga 31hb Disember, 1970 berjumlah sa-banyak $395 juta. Pinjaman[2] ini ada-lah bagi kegunaan[2] pembangunan.

The amount of and other details relating to the loans raised by the Federation up to 31st December, 1969 are given on pages (iv) to (x) of the Estimates of Malaysian Federal Revenue and Expenditure, for 1971. The amount of internal loans raised from 1st January to 31st December, 1970 totalled $395 million. These loans were raised for development purposes.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Pertahanan Malaysia

38. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Luar Negeri ada-kah memberikan kebaikan atau sa-balek-nya dari segi pertahanan Malaysia dalam masaalah:

(*a*) Kepenting British di-Afrika Selatan dan di-Lautan Hindi.

(*b*) Dengan kemajuan kuasa Soviet Union di-Lautan India.

(*c*) Ada-kah kita telah mendapat penerangan yang sah dari tiga buah Kerajaan Inggeris, India dan Russia dalam perkara tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Kepentingan pertahanan Malaysia akan terjamin sa-kira-nya Lautan India terus di-jadikan satu rantau yang aman. Oleh itu, "polarization" atau perselisehan politik kuasa[2] Besar hendak-lah di-chegah daripada melarat ka-kawasan ini. Malaysia tidak yakin bahawa matlamat ini akan terchapai dengan usaha[2] British untok menjual senjata[2] kapada regime Afrika Selatan itu. Malaysia berharap

bahawa kuasa[2] Besar akan tidak memperbanyakkan dan memperluaskan suasana pertikaian dan ketegangan dalam kawasan ini dan tidak pula membuka satu lagi arena permainan kuasa[2] mereka.

Setakat ini Kerajaan belum lagi menerima perhubongan resmi daripada Soviet Union berkenaan kapal[2] navy mereka di-Lautan India. Kerajaan[2] India dan Britain juga tidak memberi apa[2] ma'alumat lanjut tentang soal ini.

The defence interest of Malaysia would be served if Indian Ocean continues to become a zone of peace. For this reason polarization and conflicts of power politics should be prevented from encroaching into the area. Malaysia is not convinced that this objective could be achieved by British attempt to arm the South African regime. Malaysia hopes that major powers would not generate and expand the atmosphere of conflicts and tension in the area and would refrain from opening another arena in their power game.

So far, the Government has not received any official communication from the Soviet Union about their naval presence in the Indian Ocean. The Indian and British Governments have also not given us any detail information on the matter.

Asia Tenggara—Kawasan Pengechualian

39. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad minta Menteri Luar Negeri sebutkan dengan rengkas sa-jauh mana-kah usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia bagi menjadikan Asia Tenggara sa-bagai sa-buah kawasan pengechualian dan nyatakan tujuan Kerajaan dalam hal itu.

Tun Haji Abdul Razak: Hasrat Malaysia ia-lah untok berusaha terhadap mengujudkan satu keadaan yang stabil dan aman di-kawasan Asia Tenggara. Kita berharap akan dapat membena pada satu masa hadapan satu gulongan negara[2] Asia Tenggara yang kuat dan boleh mempertahankan tekanan[2] yang timbul dari luar. Untok menchapai matlamat ini tidak-lah ada jalan lain melainkan untok mengshorkan pengechualian rantau ini yang di-jamin oleh kuasa[2] besar supaya kedaulatan dan keutohan negara[2] di-rantau ini di-hormati. Kita telah pun menerangkan tujuan kita kapada negara[2] jiran dan sahabat[2] lain dan kita telah juga menerangkan pada awam tujuan ini di-dalam beberapa persidangan antarabangsa. Kita tetap akan berdiri tegas dalam usaha[2] kita ini dengan harapan agar shor kita itu akan mendapat sambutan daripada semua yang berkenaan.

Malaysia's desire is to work towards creating a condition of peace and stability in the region of Southeast Asia. We hope to be able to build in the future, a community of Southeast Asian nations which is strong and able to withstand pressures that may emerge from outside. For this objective to be realised there is no other alternative than to call for guaranteed neutralisation of the region by major powers and for respect for the sovereignty and integrity of the countries in this area. We have explained our objective to our neighbours and our friends and we have stated publicly our aspiration in various international platforms. We would presevere in our efforts in the hope that our call would receive positive response from all concerned.

Lautan Hindi

40. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Luar Negeri apa-kah sikap Malaysia mengenai masaalah lautan Hindi, memandang kapada kedudokan sekarang.

Tun Haji Abdul Razak: Malaysia berpendapat bahawa Lautan Hindi itu harus di-jadikan "Satu kawasan Aman" dan tidak harus di-gunakan sa-bagai lanjutan "Perang Dingin". Pendapat ini selaras dengan dasar perkechualian "non-aligned" Malaysia.

Malaysia's stand is that the Indian Ocean be made a "Zone of Peace" and should not be used as an extension of the "Cold War" theatre. This is consistent with our policy of non-alignment.

China Kominis

41. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Luar Negeri sama ada Malaysia akan mengadakan hubongan diplomatik dengan China Kominis.

Tun Haji Abdul Razak: Soal mengadakan perhubongan diplomatik dengan Peoples Republic of China tidak timbul pada masa ini kerana Republik itu maseh lagi mengikuti dasar yang tidak mahu berbaik[2] dengan Malaysia melalui propaganda[2] permusohan yang di-siarkan oleh "Suara Revolusi Malaya"

dan juga pimpinan dan sokongan yang di-beri kapada pengganas[2] di-sempadan. Sa-hingga Peoples' Republic of China menukar sikap-nya terhadap Malaysia dan menunjok-kan kesediaan-nya untok menerima prinsip[2] hidup bersama dan tidak champor-tangan dalam hal ehwal dalam negeri lain, soal untok mengujudkan perhubongan diplomatik tidak dapat di-pertimbangkan.

The question of establishing diplomatic relations with the Peoples Republic of China does not arise at the moment because that Republic is still pursuing an unfriendly policy towards Malaysia through hostile propaganda by the "Suara Revolusi Malaya" and the guidance and support given to the terrorists along the border. Until the Peoples Republic of China has changed her attitude towards Malaysia and has indicated her readiness to accept the principle of co-existence and non-interference in the internal affairs of states, the question of establishing diplomatic relations cannot be considered.

42. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Luar Negeri apa-kah sikap Malaysia terhadap kemasokan China Kominis dalam Bangsa[2] Bersatu.

Tun Haji Abdul Razak: Malaysia mensifat-kan bahawa Peoples' Republic of China dengan pendudok[2]-nya yang lebeh daripada 800 juta harus di-benar mengambil bahagian di-dalam forum dunia dengan harapan ia-nya dapat memainkan peranan yang bertanggong-jawab dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan dunia.

Malaysia considers that the Peoples' Republic of China with more than 800 million inhabitants should be admitted to the world forum in the hope that she would play a responsible part in maintaining peace and security in the world.

Umat Islam Keturunan Melayu di-Negeri Thai

43. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Luar Negeri sama ada apa[2] perbinchangan telah di-adakan antara Malaysia dan Thailand ketika Perdana Menteri melawat ka-sana pada bulan Disember, 1970, yang lalu mengenai umat Islam Keturunan Melayu yang tinggal di-empat wilayah Thailand.

Tun Haji Abdul Razak: Y.A.B. Perdana Menteri tidak membinchangkan perkara itu dengan Perdana Menteri Thailand kerana ia-nya ada-lah hal ehwal dalam Negeri Thailand. Rakyat Malaysia telah pun di-beri amaran yang chukup oleh Perdana Menteri supaya mereka tidak champor tangan dalam hal ini.

The Honourable Prime Minister did not discuss this subject with the Thai Prime Minister as it concerns the internal affairs of Thailand. The people of Malaysia has been given ample warning by the Prime Minister that they should not get involved in this matter.

Bantuan Malaysia Kapada Vietnam Selatan

44. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Luar Negeri apa-kah bantuan yang telah Malaysia berikan kapada Vietnam Selatan.

Tun Haji Abdul Razak: Pada masa ini Malaysia tidak memberi apa[2] bantuan kapada Republik Vietnam melainkan bantuan[2] yang berdasarkan peri-kemanusiaan saperti sum-bangan terhadap mangsa[2] banjir.

At present Malaysia is not giving any assistance to the Republic of Vietnam except in the form of aids towards flood relief on humanitarian grounds.

KEMENTERIAN PELAJARAN

Perkhidmatan Guru—Perkhidmatan Jawatan Mustahak

45. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kerajaan berchadang menjadikan perkhidmatan guru sa-bagai suatu perkhidmatan jawatan mustahak atau "Essential Establishment"; jika benar, bila-kah akan di-laksanakan.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein Onn): Tidak benar.

Ijazah[2] Mesir

46. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran sejauh mana-kah kejayaan yang telah di-chapai oleh Universiti Kebangsaan dalam usaha menapis ijazah[2] lepasan Mesir oleh suatu badan yang di-katakan "Badan Khas"

terdiri dari beberapa orang pakar pendidekan dari luar negeri; dan sebutkan juga nama pakar² yang di-datangkan itu.

Tuan Hussein Onn: Tidak ada "Badan Khas" saperti ini.

Ijazah M.A. Universiti Azhar, Mesir/ Universiti² Lain

47. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa tangga gaji yang di-tawarkan kapada pemegang² Ijazah M.A. Universiti Azhar, Mesir lebeh rendah dari-pada tangga gaji yang di-beri kapada guru² yang berijazah M.A.S. dari Universiti² lain; jika benar, terangkan sama ada Kerajaan akan memperbaiki layanan yang tidak sa-imbang ini dan bila.

Tuan Hussein Onn: Ya. Saperti yang terma'alom masaalah gaji dan sharat seluroh perkhidmatan guru sedang di-kaji oleh Suro-hanjaya Gaji Aziz.

Sekolah² Politeknik

48. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran memandang kapada ranchangan perindus-trian Negara kita berapa bilangan sekolah² politeknik atau pun sekolah² "Junior Tech-nical" yang Kerajaan telah dirikan di-seluroh negara sejak bulan Mei, 1969 hingga akhir tahun 1970.

Tuan Hussein Onn: Sa-buah. Politeknik Ungku Omar.

Universiti Kebangsaan

49. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah Pensharah dan Pengajar di-Universiti Kebangsaan sekarang, sebutkan kelayakan ijazah masing² dan berapa ramai-kah di-antara mereka yang bukan warga-negara.

Tuan Hussein Onn: Pensharah: 40 orang

Kelayakan:

Doktor Filasafah	...	13 orang
Sarjana Sains	... ...	4 „
Sarjana Sastera	... ...	12 „
Al-Alimiyyah Al-Azhar		6 „
Sarjana Muda dengan Di-ploma mengajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua	... ...	2 „
Sarjana Muda dengan ke-pujian	... ...	3 „

Bukan Warganegara—16 orang

Pengajar—21 orang

Kelayakan:

Sarjana Muda dengan kepujian

Bukan Warganegara—Tiada

Sekolah² Kebangsaan

50. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah mungkin bagi Sekolah² Kebangsaan yang letak-nya terpenchil di-Luar Kawasan Bandar dan tiada mempunyai Bekalan Letrik, mengada-kan pengajian pagi dan petang, dan jika ya, kenapa ini tidak di-buat di-banyak tempat di-Daerah Besut Trengganu, dan boleh-kah Kerajaan memberi jaminan bahawa perkara saperti ini akan di-jalankan sa-lepas akhir tahun 1971.

Tuan Hussein Onn: (*a*) Ya, boleh.

Perkara ini tidak perlu di-tempat² yang lain di-daerah Besut. Tidak, kerana ini ber-gantong kapada keperluan yang hendak-lah terlebeh dahulu di-kaji.

(*a*) Yes, it is possible.

There was no need for it in those places in Besut.

No, because it depends on the need which will first have to be studied.

Kelas² Khas bagi Pelajaran Sains

51. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak-kah kelas² khas bagi Pelajaran Sains di-tubohkan di-luar bandar di-tiap² negeri di-Malaysia Barat.

Tuan Hussein Onn: Tidak ada kelas² khas bagi Pelajaran Sains di-tubohkan di-Luar Bandar atau pun di-Bandar².

Kolej Islam, Petaling Jaya

52. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pensharah² yang sedang berkhidmat di-Kolej Islam Petaling Jaya yang di-sebut "Fakulti Islam" sekarang dan nyatakan ijazah masing² pensharah yang berkenaan.

Tuan Hussein Onn: 6 orang.

Ijazah Al-Alimiyyah daripada Universiti Al-Azhar, Kaherah.

53. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa Kolej Islam Malaya di-Petaling Jaya telah di-tutup dan segala hakmilek-nya telah di-serahkan kapada Pemegang Amanah Raya; jika benar, apa-kah terjadi kapada harta² itu dan apa-kah sebab-nya maka Kolej Islam yang tunggal itu mengalami nasib saperti itu.

Tuan Hussein Onn: Kolej Islam tidak di-tutup tetapi di-naikkan taraf-nya sa-bagai Fakulti Islam di-Universiti Kebangsaan. Hak-milek-nya tidak di-serahkan kapada Pemegang Amanah Raya tetapi kapada Jema'ah Pemegang Amanah yang di-tubohkan oleh Majlis Kolej Islam dahulu.

54. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah benar Kerajaan akan menjadikan Kolej Islam Petaling Jaya itu sa-buah Universiti Islam yang berasingan daripada Universiti Kebangsaan saperti yang pernah di-janjikan oleh Kerajaan; jika benar, apa-kah langkah² yang sudah di-buat untok men-jayakan chita² itu.

Tuan Hussein Onn: Tidak benar.

No. It is not true.

Kolej Islam, Petaling Jaya

55. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Pelajaran dapat-kah beliau menerangkan dengan serba rengkas tentang "Kolej Islam" di-Petaling Jaya:

(*a*) bila-kah kolej itu di-jadikan sekolah menengah atas;

(*b*) bila-kah kolej itu akan di-jadikan sa-buah Fakulti di-bawah Universiti Kebangsaan; dan

(*c*) apa-kah jenis pengajaran yang ada sekarang.

Tuan Hussein Onn:

(*a*) Kolej Islam Petaling Jaya tidak pernah menjadi Sekolah Menengah Atas. Tetapi ia mengadakan darjah Menengah Tinggi mulai tahun 1968.

(*b*) Kolej Islam, Petaling Jaya di-naikkan taraf-nya sa-bagai sa-buah Fakulti Islam di-Universiti Kebangsaan pada bulan Mei, 1970.

(*c*) (i) Perundangan Islam (Shariah).
(ii) Teoloji Islam (Usuluddin).
(iii) Bahasa Arab (Al-lughah al-arabiah).

(*a*) Muslim College, Petaling Jaya has never been an upper Secondary School. However it had Upper Secondary classes from 1968.

(*b*) The status of the Muslim College, Petaling Jaya was upgraded to an Islamic Faculty in Universiti Kebangsaan from May, 1970.

(*c*) (i) Islamic Law (Shariah).
(ii) Islamic Theology (Usuluddin).
(iii) Arabic Language (Al-Lughah Al-Arabiah).

Mata Pelajaran Ugama Islam

56. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah Kerajaan berchadang hendak menjadikan mata pelajaran "Ugama Islam" itu sa-bagai satu mata pelajaran yang wajib didalam pepereksaan SRP/LCE dan SPM/MCE.

Tuan Hussein Onn: Kerajaan tidak berbuat demikian.

Maktab Perguruan Ugama Islam

57. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan sa-jauh mana-kah kemajuan yang telah dichapai dalam usaha Kerajaan hendak mendirikan sa-buah Maktab Perguruan bagi guru² Ugama Islam mulai tahun 1971; dan sebutkan berapa ramai-kah bilangan penuntut² yang telah di-pileh untok mengambil kursus tersebut di-Kolej ini.

Tuan Hussein Onn: Tidak ada ranchangan mendirikan sa-buah Maktab Perguruan bagi guru² Ugama Islam pada tahun 1971.

Guru² Ugama

58. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai-kah guru² Ugama Islam yang mengajar di-bawah Kementerian Pelajaran sahingga akhir tahun 1970, dan berapa ramai-kah di-antara mereka yang mempunyai diploma mengajar.

Tuan Hussein Onn:

708 orang.

20 mempunyai Diploma Mengajar.

59. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah benar bahawa guru² Ugama Islam di-Sekolah² Rendah Kerajaan di-arah supaya mengajar mata pelajaran yang lain daripada mata pelajaran Ugama Islam, dan jika benar, ada-kah:

(*a*) mereka itu di-beri latehan untok tujuan itu sa-belum mereka mengajar;

(*b*) sudah mendapat persetujuan daripada pehak yang berkenaan Kerajaan negeri.

Tuan Hussein Onn: Tidak. Tidak kesemua-nya guru² yang di-maksudkan itu mengajar mata-pelajaran yang lain². Hanya mereka yang mempunyai kurang daripada 30 waktu sahaja, di-mana yang praktik, berbuat demikian.

Perkhidmatan Guru² Yang Di-Persatukan

60. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah benar bahawa guru² di-dalam Perkhidmatan Yang di-Persatukan (UTS) telah di-tetapkan supaya tidak boleh di-tukar dari sekolah yang ia sedang mengajar, jika ia sudah berkhidmat di-sekolah itu lebeh daripada lima tahun berturut². Jika benar, ada-kah Kerajaan sedar bahawa chara yang saperti itu kerap menimbulkan kegelisahan di-kalangan guru² yang berkenaan; dan ada-kah Kerajaan akan memperbaiki chara pertukaran mereka pada masa yang akan datang.

Tuan Hussein Onn: Benar. Kerajaan sedar tentang kegelisahan guru² itu dan di-pehak Kementerian Pelajaran pun merasai kesulitan juga kerana guru² yang tamat Perjanjian lima tahun itu tidak dapat di-tukarkan dari sa-buah sekolah ka-sekolah yang lain walau pun mustahak dari segi perkhidmatan. Kerajaan tidak shak lagi akan membaiki kedudokan ini.

61. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan:

(*a*) ada-kah benar bahawa Kerajaan melarang langsong kapada guru² didalam Perkhidmatan Yang di-Persatukan (UTS) daripada mengambil

bahagian yang chergas di-dalam lapangan politik, pada hal guru[2] yang lain tidak bagitu.

(*b*) ada-kah benar bahawa guru di-dalam Perkhidmatan Yang di-Persatukan (UTS) di-bolehkan oleh Undang[2] menjadi chalun dalam Pilehanraya Dewan Ra'ayat dan Dewan Undangan Negeri dengan tidak payah meletakkan jawatan-nya terlebeh dahulu.

Tuan Hussein Onn:

(*a*) Tidak benar. Larangan mengambil bahagian yang chergas di-dalam lapangan politik itu ada-lah meliputi semua jenis guru[2].

(*b*) Benar.

Guru[2] Lepasan Maktab Pusat Latehan Harian

62. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai-kah bilangan guru[2] lepasan Maktab Pusat Latehan Harian (DTC) di-seluroh Malaysia Barat yang di-lantek menjadi Guru Besar di-Sekolah[2] Rendah Kerajaan mengikut negeri[2] masing[2]. Dan jika tidak ada, mengapa.

Tuan Hussein Onn: Bilangan guru[2] lepasan Maktab Pusat Latehan Harian (DTC) di-seluroh Malaysia Barat yang di-lantek menjadi Guru Besar di-Sekolah[2] Rendah Kerajaan mengikut negeri[2] masing[2] ia-lah:

Perlis	2
Kedah	8
Pulau Pinang	4
Perak	20
Selangor	1
Negeri Sembilan	11
Melaka	12
Johor	47
Pahang	23
Trengganu	30
Kelantan	8
Jumlah ...	166

63. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai-kah bilangan guru[2] Lepasan Maktab Pusat Latehan Harian (DTC) yang telah meletakkan jawatan guru dari tahun 1961 hingga akhir tahun 1970; dan terangkan sebab[2] mengapa mereka meletakkan jawatan itu.

Tuan Hussein Onn: 798 orang. Guru[2] yang meletakkan jawatan biasa-nya tidak menyatakan sebab[2] mereka berbuat demikian.

"Brain Drain"

64. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah benar berlaku-nya "Brain-drain" atau kehilangan tenaga guru di-Fakulti Perubatan di-Universiti Malaya; jika benar, apa-kah sebab[2]-nya; dan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil untok mengatasi masaalah yang burok itu.

Tuan Hussein Onn: Tidak, tidak benar.

Pegawai Perhubongan Sekolah[2] Ugama Islam

65. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa jawatan Pegawai Perhubongan bagi sekolah[2] Ugama Islam dalam Kementerian Pelajaran telah kosong sejak 13 Mei, 1969; jika benar, bila-kah jawatan tersebut akan di-penohi dan sebutkan kelayakan akademik yang di-kehendaki bagi jawatan tersebut.

Tuan Hussein Onn: Tidak benar.

Guru[2] Sukarelawan

66. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah guru[2] sukarelawan dari luar negeri misal-nya "Peace Corps" yang berkhidmat di-Malaysia Barat pada akhir tahun 1970, dan nyatakan negara asal mereka.

Tuan Hussein Onn: 155 orang.

Amerika Sharikat	99
Australia	3
Canada	10
Jepun	14
Jerman Barat	20
United Kingdom	9

Rumah Tumpangan

67. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar bahawa pelajar² Malaysia di-Saudi Arabia memerlukan rumah tumpangan saperti yang di-bena di-Mesir; jika sedar, bila-kah Kerajaan akan mendirikan rumah tumpangan saperti itu.

Tuan Hussein Onn: Saya sedar. Tidak dapat di-tetapkan sekarang kerana soal² yang berkaitan dengan-nya sedang di-kaji.

Kekurangan Guru²

68. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa bilangan sekolah² menengah di-Negeri Kelantan yang kekurangan tenaga guru² dan sebutkan sekolah² itu serta langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masaalah itu.

Tuan Hussein Onn: Kesemua 60 buah Sekolah Menengah mengalami kekurangan guru—tiap² sekolah di-antara sa-orang dengan 3 orang. Tempat² kosong ini di-isi dengan guru² sementara.

Pengambilan Guru²

69. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai-kah guru² yang telah di-ambil berkhidmat dengan Kerajaan semenjak Mei 1969 hingga akhir 1970, dengan menyebutkan jumlah mereka dari lepasan:

(*a*) Universiti; dan

(*b*) Maktab² Perguruan.

Tuan Hussein Onn:

1,783 orang

(*a*) 401 orang.

(*b*) 1,382 orang.

1,783

(*a*) 401.

(*b*) 1,382.

Pengambilan Guru² dari Indonesia

70. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Pelajaran dapat-kah beliau menerangkan dari hal pengambilan guru² dari Indonesia untok berkhidmat di-Malaysia saperti berikut:

(*a*) tarikh pengambilan;

(*b*) jumlah guru yang telah di-ambil;

(*c*) jenis kebolehan guru; dan

(*d*) chara pembahagian guru² itu kapada sekolah.

Tuan Hussein Onn:

(*a*) Februari, 1969 dan Februari, 1970.

(*b*) 144 orang.

(*c*) (i) Guru Siswazah Sains dan Ilmu Hisab.

(ii) Guru Siswazah Teknik.

(iii) Pengajar bagi Sekolah² Menengah Vokeshenal.

(*d*) Bagi Guru² Siswazah Sains dan Ilmu Hisab di-hantar ka-sekolah² yang mempunyai Tingkatan VI dan sekolah² yang mempunyai pelajaran Sains Tulin.

Bagi Guru² Siswazah Teknik dan Pengajar², mereka di-hantar ka-Sekolah² Menengah Teknik dan Sekolah² Menengah Vokeshenal.

(*a*) February 1969 and February 1970.

(*b*) 144.

(*c*) (i) Graduate teachers in Science and Mathematics.

(ii) Graduate teachers in Technical subjects.

(iii) Tutors for Vocational Secondary Schools.

(*d*) As for Graduate teachers in Science and Mathematics they are sent to Schools which have Form VI and Pure Science Classes.

As for Graduate teachers in technical subjects and tutors they are sent to technical schools.

Pertukaran Guru²

71. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah Kerajaan sedar bahawa beberapa banyak Sekolah² Menengah khusus-nya dalam negeri Kelantan yang mengalami kekurangan guru² pada awal tahun 1971, akibat pertukaran² yang tidak wajar di-jalan-kan, dan jika sedar, ada-kah Kerajaan akan mempastikan bahawa pada masa akan datang penukaran saperti ini akan di-jalankan dengan chara yang demikian rupa supaya kedudokan guru² dalam sa-sabuah sekolah itu tidak berlaku kekurangan dan kelebehan dalam sa-panjang tahun.

Tuan Hussein Onn: Kerajaan sentiasa menjalankan pertukaran guru² dengan sa-chermat²-nya dan dari sebab² kepentingan perkhidmatan.

Perletakan Jawatan Guru²

72. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru² yang telah berhenti daripada perkhidmatan sejak 1hb April, 1969 hingga 31hb Disember, 1970 dan terangkan sebab²-nya mereka berhenti.

Tuan Hussein Onn: 405 orang.

Guru² yang meletak jawatan biasa-nya tidak memberi sebab² mereka berbuat demikian.

73. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai-kah guru² akademik dan guru² Ugama Islam yang di-bawah Kementerian Pelajaran telah meletakkan jawatan untok menyambongkan pengajian ka-Universiti pada tahun 1970; dan ada-kah mereka itu akan di-utamakan bagi menjawat jawatan² guru apabila mereka lulus kelak.

Tuan Hussein Onn: 11 orang.

Tidak, tetapi mereka boleh memohon untok jawatan² yang kosong.

Guru² T.U.O.S.

74. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah benar Kementerian Pelajaran telah melakukan suatu kesilapan dengan meletak-kan guru² Melayu Kerajaan kelulusan TUOS 1957/1958 ka-dalam Perkhidmatan Guru yang di-Persatukan. Jikalau benar berlaku kesilapan itu:

(*a*) apa-kah langkah² positif di-jalankan untok membaiki kesilapan itu;

(*b*) tidak-kah adil bagi Kerajaan memberi tonggakan yang sesuai dengan ke-lulusan akademik guru² itu mulai dari tarikh kelulusan² mereka itu.

Tuan Hussein Onn: Benar.

(*a*) Kementerian Pelajaran telah mengkaji-nya dengan sa-dalam² dan akan menge-mukakan untok pertimbangan kapada Kerajaan chadangan² yang posit.f.

(*b*) Perkara ini akan di-timbangkan dengan sa-adil²-nya.

Kursus Khas bagi Guru²

75. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengi-rim guru² dari Malaysia untok mengambil kursus khas bagi mengajar Ilmu Hisab dan Ilmu Sains di-Indonesia supaya pada masa-hadapan kita tidak terpaksa membawa guru² dalam bidang² itu dari luar negeri.

Tuan Hussein Onn: Tidak.

No.

Quota Pegawai Pelajaran

76. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah benar Kerajaan akan mengadakan

Quota Pegawai Pelajaran saperti yang di-jalankan bagi Pegawai[2] MCS dan lain[2] itu. Jika benar:

(*a*) apa-kah langkah[2] yang telah di-jalankan oleh Kerajaan bagi mengada-kan quota[2] itu untok menyamakan jurang perbezaan antara kaum bumi-putra dengan orang[2] yang bukan bumiputra;

(*b*) berapa-kah ramai Pegawai Pelajaran, mengikut bangsa;

(*c*) apa-kah tidak dapat di-jalankan usaha mengatasi segera perbezaan itu dengan memberi jawatan[2] Pemangku Pegawai Pelajaran kapada bumiputra bila sahaja ada guru[2] pegawai Kerajaan bumiputra yang lulus Universiti yang di-akui, dengan tidak menunggu[2] masa ber-tahun[2] lama-nya untok di-temuduga oleh pehak PSC, supaya perbezaan itu segera di-atasi.

Tuan Hussein Onn: Tidak benar.

"Lembaga Pusat"

77. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah Kerajaan akan menghapuskan sistem mengadakan Jemaah Pengurus/Pengelola Sekolah ini dengan menggantikan dengan apa yang di-namakan "LEMBAGA PUSAT".

Tuan Hussein Onn: Perkara ini ada-lah dalam pertimbangan Surohanjaya Aziz dan Shor[2] Surohanjaya ini akan di-pertimbangkan kelak oleh Kerajaan.

The matter is being considered by the Aziz Commission and its recommendations will be considered by the Government.

Badan[2] Berkanun

78. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran hingga akhir tahun 1970 berapa-kah bilangan badan[2] berkanun yang bertugas di-bawah Kementerian Pelajaran dan sebutkan nama badan[2] itu.

Tuan Hussein Onn: 2 buah ia-itu Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Malaya.

Hadiah[2] Novel

79. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa banyak hadiah[2] yang telah di-beri oleh Kerajaan kapada pengarang[2] "novel[2]" di-tanah ayer kita; ada-kah Kerajaan ber-chadang memberi hadiah[2] kapada pengarang[2] novel di-Negara ini; jika ya, bila-kah perkara itu akan di-laksanakan.

Tuan Hussein Onn: 24 hadiah. Ada Te-tapi masa-nya belum di-tetapkan lagi.

Polisi Jaminan Kemalangan

80. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah beliau berchadang mewajibkan polisi jaminan kemalangan kapada semua murid[2] sekolah pada semua peringkat di-seluroh Negara; jika ya, bila-kah perkara ini akan di-laksanakan.

Tuan Hussein Onn: Tidak, buat pada masa ini.

Sekolah[2] Menengah Prebet

81. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa bilangan sekolah[2] menengah prebet yang ada di-seluroh Malaysia Barat pada akhir tahun 1970; dan apa-kah bantuan yang Kerajaan telah beri kapada sekolah[2] tersebut sa-bagai menghargai pengorbanan guru[2] di-sekolah itu.

Tuan Hussein Onn: 147 buah. Kerajaan tidak memberi apa[2] bantuan kapada Sekolah[2] Menengah prebet.

Jabatan Perhubongan Raya dan Hal Ehwal Kebudayaan

82. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan sedar bahawa Jabatan Per-hubongan Raya dan Hal Ehwal Kebudayaan (Public Relations and Cultural Affairs), Kementerian Pelajaran sekarang ini keku-rangan kakitangan dan pegawai untok me-nerangkan kapada ibu-bapa[2] mengenai

tanggong-jawab mereka dalam urusan pelajaran anak² mereka; jika sedar, apa-kah langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masaalah itu.

Tuan Hussein Onn: Tidak benar. Sa-lain daripada Pegawai Perhubongan Raya, Ketua² Jabatan di-Kementerian dan Pegawai² saya di-perengkat negeri dan daerah sentiasa menjalankan tugas² penerangan ini.

Kesulitan² Akibat Banjir di-Kelantan

83. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan sedar bahawa beberapa buah sekolah di-Negeri Kelantan sekarang mengalami kesulitan² akibat banjir baru² ini; jika sedar, apa-kah langkah² Kerajaan telah ambil dalam perkara itu.

Tuan Hussein Onn: Ya. Kerajaan sedar. Sa-banyak $69,852.70 telah di-belanjakan untok membantu murid² dan $30,000 lagi akan di-hantar untok tujuan ini. Tindakan sedang di-ambil untok memperbaiki sekolah² dan alat² yang rosak.

Pembunohan Mahasiswa

84. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran memberikan kenyataan rengkas mengenaï pembunohan sa-orang mahasiswa Universiti Malaya di-Kelantan pada tahun 1970 yang lalu.

Tuan Hussein Onn: Saya tidak memberi apa² kenyataan kerana perkara ini dalam tangan pehak Polis dan bukan dalam tanggong-jawab saya.

Sakit Otak

85. Tuan Muhammad Fakruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran sejak bulan Mei, 1969 berapa-kah bilangan guru² yang mengidap penyakit otak dan terpaksa di-rentikan dari perkhidmatan; dan apa-kah bantuan yang Kerajaan telah berikan kapada guru² yang malang saperti itu.

Tuan Hussein Onn: Kementerian Pelajaran belum pernah menerima sa-barang laporan tentang pemberhentian² guru² di-sebabkan penyakit otak.

Undang² Menchegah Rasuah

86. Tuan Muhammad Fakruddin bin Haji Abdullah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan sejak bulan Mei, 1969 berapa bilangan guru² menurut tiap² negeri di-Malaysia Barat yang di-dapati salah di-bawah Undang² Menchegah Rasuah.

Tuan Hussein Onn: 2 orang. Sa-orang dari Kelantan dan sa-orang dari Pahang.

Kemasokan ka-Sekolah Menengah

87. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah murid² dari sekolah² rendah yang tidak memasoki sekolah² menengah pada tahun persekolahan 1971 menurut aliran masing² dan apa-kah sebab²-nya.

Tuan Hussein Onn:

Pengantar Melayu ...	...	24,144
Pengantar Inggeris ...	...	3,717
Pengantar China ...	...	17,401
Pengantar Tamil ...	...	3,311
Jumlah	...	48,573

Antara sebab²-nya ia-lah mungkin oleh kerana kurang kechenderongan di-kalangan murid² dan ibu-bapa² sendiri. Sebab² yang sebenar-nya tidak-lah di-ketahuï kerana tiada ada kajian dan tinjauan yang rasmi di-buat.

Pemergian Menteri Pelajaran Keluar Negeri

88. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran sejak beliau memegang jawatan-nya, sudah berapa kali-kah beliau pergi keluar negeri; dan nyatakan tujuan² pemergian itu pada tiap² kali.

Tuan Hussein Onn: 2 kali:

(i) Paris, 10hb Oktober hingga 22hb Oktober, 1970 kerana menghadhiri Persidangan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (Perengkat Menteri). London: 22hb Oktober hingga 28hb Oktober melawat Jabatan Penuntut² Malaysia dan menemuï Penuntut² Malaysia di-London.

(ii) Canberra, Australia 1hb hingga 11hb Februari, 1971. Menghadhiri Persidangan Pelajaran Commonwealth.

Universiti[2] Indonesia

89. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa buah Universiti[2] di-Indonesia yang telah di-akuï oleh Kerajaan Malaysia hingga akhir tahun 1970; dan sebutkan nama universiti[2] tersebut.

Tuan Hussein Onn: Ijazah[2] yang di-akuï ada-lah saperti berikut:

Ijazah Insinjur (Ir.) dalam bidang Kejuruteraan Awan, Jentera dan Electrical dari Institute Teknologi Bandung, dan Universiti Gajah Mada, Indonesia.

Ijazah Doktor Perchubaan (Dr.)/M.D. dalam Jurusan Kedoktoran Perubatan dari Universiti Airlangga, Surabaya, dan Universiti Indonesia, Indonesia.

Ijazah Doktor Pergigian (Dr) dalam Jurusan Pergigian dari Universiti[2] Airlangga, Gajah Mada, Indonesia, Padjadjaran dan Sumatera Utara, Indonesia.

Ijazah Pharmacy dari Institut Teknoloji Bandung, Indonesia.

Ijazah Doktorandus (Drs) Science dalam Ilmu Chemistry, Biology, Mathematics dan Physics dari Institut Teknoloji Bandung dan Universiti Gajah Mada, Indonesia.

Ijazah Doktorandus (Drs) dalam Jurusan Perikanan dari Institut Pertanian Bogor, Universiti Gajah Mada dan Institut Teknoloji Bandung.

Ijazah Insinjur (Ir.) dalam Jurusan Pertanian dari Institut Pertanian Bogor dan Universiti Gajah Mada.

Ijazah Doktor Pertanakan (Dr) dalam Jurusan Perternakan dari Institut Pertanian Bogor dan Universiti Gajah Mada.

Ijazah Doktorandus (Drs) dalam Jurusan Science yang berkaitan dengan perkaitan Haiwan ia-itu Biochemistry, Zoology dan Parasitology dari Institut Teknoloji Bandung.

Ijazah Dr Haiwan (Dr) dalam Jurusan Kedoktoran Haiwan dari Institut Pertanian Bogor dan Universiti Gajah Mada.

"Ragging"

90. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah kerajaan maseh membenarkan "ragging" di-maktab[2] dan universiti[2] pada setiap kali tahun baharu pengajian oleh kerana "ragging" yang melampauï batas itu telah menimbulkan kemarahan ibu-bapa[2] di-seluroh negara.

Tuan Hussein Onn: "Ragging" ada-lah tidak di-benarkan.

Sekolah[2] Persendirian

91. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa bilangan sekolah[2] persendirian yang ada dalam negeri, siapa-kah pengelola sekolah[2] tersebut, berapa bilangan penuntut[2] di-tiap[2] sekolah dengan memberi angka pechahan bagi bangsa Melayu, China, India dan lain[2] bangsa.

Tuan Hussein Onn: 225 buah. Tuan[2] punya sekolah[2] tersebut sama ada persaorangan atau perkongsian.

225. The Owners of the school, either individual or partnership or a group of individuals. The number of students in primary and secondary levels and by nationalities are as follows:

BILANGAN PENUNTUT[2] DI-SEKOLAH[2] RENDAH DAN MENENGAH

NEGERI	BILANGAN MURID SEKOLAH									
	PENGANTAR MELAYU					PENGANTAR INGGERIS				
	Melayu	China	India & Pakistan	Lain[2]	Jumlah	Melayu	China	India & Pakistan	Lain[2]	Jumlah
Johor	—	—	—	—	—	169	211	10	3	393
Kedah	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Kelantan	96	—	—	65	161	10	4	3	—	17
Melaka	—	—	—	—	—	3	5	50	—	58
Negeri Sembilan	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pahang	—	—	—	—	—	29	39	27	112	207
Perak	—	—	—	—	—	24	166	72	87	349
Perlis	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pulau Pinang	—	—	—	—	—	31	176	11	300	518
Selangor	—	—	—	—	—	62	148	106	617	933
Trengganu	—	—	—	—	—	116	69	52	—	237
JUMLAH ..	96	—	—	65	161	444	818	331	1,119	2,712

APPENDIX "A"

RENDAH PERSENDIRIAN

PENGANTAR CHINA					PENGANTAR INDIA					JUMLAH BESAR
Melayu	China	India & Pakistan	Lain[2]	Jumlah	Melayu	China	India & Pakistan	Lain[2]	Jumlah	
3	685	2	—	690	—	—	80	—	80	1,163
3	180	1	8	192	—	—	—	—	—	192
2	79	—	—	81	—	—	—	—	—	259
4	712	3	1	720	—	—	—	—	—	778
3	127	—	—	130	—	—	—	—	—	130
—	77	—	—	77	—	—	—	—	—	184
6	1,482	—	—	1,488	—	—	91	—	91	1,928
—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
—	558	—	—	558	—	—	—	—	—	1,076
—	970	—	—	970	—	—	—	—	—	1,903
13	215	2	—	230	—	—	—	—	—	467
34	5,085	8	9	5,136	—	—	171	—	171	8,180

BILANGAN MURID SEKOLAH

Negeri	Pengantar Melayu					Pengantar Inggeris				
	Melayu	China	India & Pakistan	Lains	Jumlah	Melayu	China	India & Pakistan	Lain[2]	Jumlah
Johor	553	—	—	—	553	896	1,373	270	8	2,547
Kedah	—	—	—	—	—	278	87	126	2	493
Kelantan	406	1	2	1	410	1,359	248	52	8	1,667
Melaka	77	—	—	—	77	180	526	85	15	806
Negeri Sembilan	—	—	—	—	—	200	2,548	118	1	2,867
Pahang	—	—	—	—	—	188	119	56	2	365
Perak	—	—	—	—	—	840	1,873	809	32	3,554
Perlis	10	—	—	—	10	89	12	10	2	113
Pulau Pinang	—	—	—	—	—	880	1,310	307	486	2,983
Selangor	—	—	—	—	—	805	2,589	984	233	4,611
Trengganu	—	—	—	—	—	141	21	2	—	164
Jumlah ..	1,046	1	2	1	1,050	5,856	10,706	2,819	789	20,170

MENENGAH PERSENDIRIAN

Pengantar China					Pengantar India					Jumlah Besar
Melayu	China	India & Pakistan	Lain[2]	Jumlah	Melayu	China	India & Pakistan	Lain[2]	Jumlah	
14	5,240	1	—	5,255	—	—	—	—	—	8,355
219	595	19	6	839	—	—	—	—	—	1,332
—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	2,077
2	1,105	1	—	1,108	—	—	—	—	—	1,991
—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	2,867
1	78	4	—	83	—	—	—	—	—	448
90	1,461	22	1	1,574	—	—	—	—	—	5,128
—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	123
24	2,284	17	2	2,327	—	—	—	—	—	5,310
11	4,692	1	—	4,704	—	—	—	—	—	9,315
—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	164
361	15,455	65	9	15,890	—	—	—	—	—	37,110

BILANGAN SEKOLAH[2] RENDAH PERSENDIRIAN

Negeri	Pengantar Melayu				Pengantar Inggeris				Pengantar China				Pengantar India				Jumlah Besar
	L	P	B	J	L	P	B	J	L	P	B	J	L	P	B	J	
Johor	—	—	—	—	—	—	3	3	—	—	4	4	—	—	2	2	9
Kedah	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	5	5	—	—	—	—	5
Kelantan..	—	—	1	1	—	—	1	1	—	—	1	1	—	—	—	—	3
Melaka	—	—	—	—	—	—	2	2	—	—	2	2	—	—	—	—	4
Negeri Sembilan ..	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	3	3	—	—	—	—	3
Pahang	—	—	—	—	—	—	3	3	—	—	2	2	—	—	—	—	5
Perak	—	—	—	—	—	—	8	8	—	—	13	13	—	—	2	2	23
Perlis	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pulau Pinang	—	—	—	—	—	1	3	4	—	—	3	3	—	—	—	—	7
Selangor	—	—	—	—	—	—	8	8	—	—	7	7	—	—	—	—	15
Trengganu	—	—	—	—	—	—	1	1	—	—	3	3	—	—	—	—	4
Jumlah ..	—	—	1	1	—	1	29	30	—	—	43	43	—	—	4	4	78

APPENDIX "B"

BILANGAN SEKOLAH[2] MENENGAH PERSENDIRIAN

PENGANTAR MELAYU				PENGANTAR INGGERIS				PENGANTAR CHINA				PENGANTAR INDIA				JUMLAH BESAR
L	P	B	J	L	P	B	J	L	P	B	J	L	P	B	J	
—	1	3	4	1	2	9	12	—	—	10	10	—	—	—	—	26
—	—	—	—	—	—	4	4	—	—	3	3	—	—	—	—	7
—	—	2	2	—	—	6	6	—	—	—	—	—	—	—	—	8
—	—	1	1	—	1	6	7	—	—	2	2	—	—	—	—	10
—	—	—	—	—	—	5	5	—	—	—	—	—	—	—	—	5
—	—	—	—	—	—	4	4	—	—	1	1	—	—	—	—	5
—	—	—	—	1	1	21	23	—	—	10	10	—	—	—	—	33
—	—	1	1	—	—	1	1	—	—	—	—	—	—	—	—	2
—	—	—	—	2	2	9	13	1	1	2	4	—	—	—	—	17
—	—	—	—	—	2	23	25	—	1	7	8	—	—	—	—	33
—	—	—	—	—	—	1	1	—	—	—	—	—	—	—	—	1
—	1	7	8	4	8	89	101	1	2	35	38	—	—	—	—	147

Penuntut² Malaysia di-Seberang Laut

92. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa bilangan penuntut² Malaysia yang ada di-Seberang Laut, di-negara² mana-kah dan berapa bilangan penuntut² di-tiap² sa-buah serta berapa bilangan penuntut² Melayu di-antara mereka.

Tuan Hussein Onn: Bilangan yang tepat penuntut² Malaysia yang sedang belajar di-seberang laut tidak dapat di-beri kerana bukan semua-nya penuntut² memohon menerusi Kementerian Pelajaran. Bilangan penuntut² yang di-ketahuï, di-sebabkan mereka di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran, atau pemegang² biasiswa, atau di-beri tahu oleh negara yang berkenaan ada-lah saperti berikut:

Negara	Jumlah	Melayu
Australia	2,663	238
Canada	48	12
Indonesia	592	592
India	60	34
Jepun	20	4
Kuwait	3	3
New Zealand	1,226	72
Pakistan	37	27
Republik Arab Bersatu	81	81
Singapore	50	19
United Kingdom ...	643	428

It is not possible to give the exact number of Malaysian students overseas because not all students proceeding on overseas study applied through the Ministry of Education. The number of students known, by reason of the fact that they are sponsored by Ministry of Education or scholarship holders, or through figures made known by the countries concerned is as above.

Guru Berijazah/Tiada Berijazah

93. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa bilangan guru² di-tiap² negeri dalam Malaysia dan berapa bilangan guru² berijazah dan yang tiada berijazah.

Tuan Hussein Onn: Bilangan guru² yang berijazah dan yang tiada berijazah di-tiap² negeri ada-lah saperti berikut:

Bilangan Guru² di-Sekolah Bantuan di-Malaysia Barat saperti pada 31-1-70

Negeri	Guru berijazah	Guru tiada berijazah	Jumlah
Johor	205	9,297	9,502
Kedah ...	148	6,552	6,700
Kelantan ...	48	4,257	4,305
Melaka ...	113	3,243	3,356
N. Sembilan ...	120	3,905	4,025
Pahang ...	111	3,477	3,588
Perak	474	11,370	11,844
Perlis	19	957	976
Pulau Pinang ...	259	5,359	5,618
Selangor ...	599	10,206	10,805
Trengganu ...	76	2,638	2,714
Jumlah ...	2,172	61,261	63,433

The number of graduates and non-graduates teachers in each state are shown in the table above.

Ta'at Setia kapada Negara² lain

94. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa ada guru² yang mengajar murid² ta'at setia kapada negara² lain dari Malaysia, dan jika benar, terangkan apa-kah tindakan² yang telah di-ambil terhadap guru² tersebut.

Tuan Hussein Onn: Tidak, sa-jauh yang di-ketahuï.

No, as far as I know.

Muhibbah

95. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pelajaran apa langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok menghapuskan perasaan perkauman dan mendatangkan muhibbah di-sekolah² dan di-Universiti².

Tuan Hussein Onn: Bagi sekolah², Kementerian telah mengeluarkan arahan kapada semua sekolah² supaya mengambil langkah² positif supaya murid² memahami tujuan dan ma'ana "Rukun Negara" dan menjalankan aktiviti atau kegiatan² yang berhubong dengan muhibbah, perpaduan dan berkhidmat kapada masharakat.

Bagi Universiti, Majlis Gerakan Negara telah menubohkan sa-buah Jawatankuasa untok mengkaji kehidupan penuntut[2] di-Kampus Universiti Malaya dengan tujuan hendak mendapatkan shor[2] bagaimana per-hubongan kaum boleh di-pereratkan lagi. Laporan Jawatankuasa ini akan di-kaji oleh Kerajaan sa-belum melaksanakan shor[2] itu. Sunggoh pun laporan ini khas mengenai Universiti Malaya tetapi mungkin shor[2] Jawatankuasa itu boleh di-gunakan oleh Universiti[2] yang lain.

Pindaan Perlembagaan Malaysia

96. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan akan meminda Perlembagaan Malaysia dengan memaktubkan satu per-untokan menuboh suatu rupa perimbangan dalam bidang pengajian tinggi kapada anak[2] bumiputera berbanding dengan kaum[2] yang bukan bumiputera, dan jika ya, bila-kah pindaan itu akan di-buat.

Tuan Hussein Onn: Suatu Bill yang memaktubkan peruntokan tersebut akan di-bentangkan dalam Persidangan kali ini.

A Bill incorporating such provision will be tabled at this Session.

Penerbitan Buku[2] Teks

97. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Pelajaran apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok mengadakan buku[2] teks sekolah.

Tuan Hussein Onn: Kerajaan tidak menerbitkan buku[2] teks. Usaha ini di-jalankan oleh, antara lain[2], sa-buah badan, ia-itu Dewan Bahasa dan Pustaka.

The Government does not produce text books. This is done, amongst others, by its agency, Dewan Bahasa dan Pustaka.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

Kursus "Pedagogy"

98. Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pernah-kah terlintas di-fikiran Kerajaan untok mendirikan maktab[2] khas bagi memberi kursus "Pedagogy" kapada guru[2] kelas Kemajuan Masharakat supaya guru[2] kelas dewasa itu benar[2] layak menjalankan tugas[2] mereka; jika ya, bila-kah maktab[2] saperti itu akan di-dirikan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Kementerian ini berpendapat satu Maktab khas untok mengajar pedagogy ada-lah tidak perlu pada ketika ini.

This Ministry feels that special college teaching pedagogy is not required at this juncture.

Kelas[2] Kemajuan Masharakat

99. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa banyak-kah kelas[2] dewasa atau kelas[2] kemajuan masharakat telah di-tubohkan sejak Mei, 1969 hingga akhir tahun 1970; dan sebutkan jumlah:

(*a*) Penyelia;

(*b*) Murid; dan

(*c*) Wang yang di-belanjakan di-atas projek ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kelas Dewasa atau Kelas[2] Kemajuan Masharakat ada-lah di-tubohkan pada awal tiap[2] tahun dan tidak-lah di-pertengahan tahun ber-kenaan.

Kelas[2] Dewasa/Kelas Kemajuan Masharakat

(*a*) Tahun 1969 ... 11,491
Tahun 1970 ... 10,318

(*b*) *Jumlah Penyelia*
Tahun 1969 ... 311
Tahun 1970 ... 282

(*c*) Jumlah Murid
Tahun 1969 ... 283,160
Tahun 1970 ... 219,962

(*d*) *Jumlah Wang yang di-belanjakan*
Tahun 1969 ... $5,484,304
*Tahun 1970 ... 5,909,724

* Angka perbelanjaan bagi tahun 1970 di-atas ia-lah mengikut warrant peruntokan yang telah di-keluarkan tetapi perbelanjaan yang sebenar-nya belum lagi di-dapati oleh kerana penutupan kira[2] bagi tahun 1970 belum di-selesaikan oleh Jabatan Akauntan Negara.

Adult Education Classes or Community Development Classes are opened in the beginning of each year not in the middle of the year.

(*a*) Adult Education Classes/Community Development Classes

1969 ... 11,491
1970 ... 10,318

(*b*) *Total Number of Supevisors*

1969 ... 311
1970 ... 282

(*c*) *Total number of Students*

1969 ... 283,160
1970 ... 219,962

(*d*) *Amount Spent*

1969 ... $5,484,304
*1970 ... 5,909,724

* Amount quoted for 1970 is in accordance with the provision allocated under Allocation Warrants issued. However the actual expenditure incurred for the projects in 1970 is not yet available due to the fact that the Accountant General's Office has not closed the 1970 account.

Ranchangan L.K.T.P.

100. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah peserta[2] dalam Ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan di-Kampong Rahmat Chalok Besut sekarang ini tidak senang hati dengan chara[2] penerokaan hutan saperti yang di-jalankan sekarang ini, dan jika ya, apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok mengatasi masaalah ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ranchangan Kemajuan Tanah Chalok ada-lah sa-buah ranchangan yang telah pun mengeluarkan hasil dan soal chara[2] penerokaan hutan itu tidak timbul lagi sekarang.

The Land Development Scheme at Chalok is already in production, and the question of how best to develop this scheme does not arise now.

101. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah Kerajaan Pusat mengalami apa[2] kesulitan dalam usaha hendak membuka Ranchangan[2] Kemajuan Tanah di-Negeri Kelantan di-bawah Ranchangan L.K.T.P., dan jika ya, boleh-kah ranchangan[2] itu di-lancharkan di-Trengganu terutama dalam Daerah Besut di-mana orang[2] dari Kelantan boleh turut mengambil bahagian.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kerajaan Pusat ada mengalami beberapa kesulitan dalam usaha hendak membuka Ranchangan[2] Kemajuan Tanah di-Negeri Kelantan di-bawah ranchangan L.K.T.P.

Soal boleh atau tidak Kerajaan Pusat melancharkan ranchangan[2] itu di-Trengganu akan bergantong kapada beberapa faktor saperti kewangan, ada tidak terdapat kawasan[2] yang sesuai, dan yang penting sa-kali ia-lah sama ada Kerajaan Negeri akan dapat mempersetujui kemasokan orang[2] dari Kelantan dengan banyak-nya ka-ranchangan[2] itu sekira-nya ia di-buka di-Trengganu. Patut saya ma'alomkan bahawa sudah ada beratus[2] keluarga dari Kelantan yang telah pun di-tempatkan di-ranchangan[2] L.K.T.P. di-seluroh Malaysia Barat.

The Federal Government is facing some difficulties in implementing Land Development Schemes under F.L.D.A. in Kelantan.

The question of whether the Federal Government can implement the projects in Trengganu will depend upon factors such as finance, the availability of suitable areas, and the most important is whether the State Government will agree to taking in large number of people from Kelantan into these projects if implemented in Trengganu. It should be noted that there are hundreds of people from Kelantan who have been placed in F.L.D.A. projects throughout West Malaysia.

Buku[2] Teks

102. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah benar bahawa Kerajaan telah mengeluarkan bantuan kapada murid[2] sekolah untok membantu mereka membeli buku[2] teks sekolah sejak Mei, 1969; dan jika ya, berapa banyak-kah wang yang telah di-beri dan sebutkan jumlah pemberian itu kapada tiap[2] buah negeri di-Malaysia Barat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kerajaan telah mengeluarkan bantuan kapada murid[2] sekolah untok membantu mereka membeli

buku teks sekolah sejak Januari, 1970. Jumlah peruntokan yang di-berikan kapada tiap[2] buah negeri ia-lah saperti yang berikut:

Negeri	Peruntokan
Selangor	$104,359.35
Negeri Sembilan ...	69,476.10
Pahang	80,591.61
Perak	112,180.50
Johor	70,279.65
Kedah	175,317.50
Trengganu	70,229.00
Kelantan	92,603.90
Melaka	94,888.00
Pulau Pinang	55,968.25
Perlis	27,085.40
Jumlah ...	$952,979,26

The Government has given assistance to school children to assist them in the purchase of school text books, since January, 1970. The amount of allocation given to each state for the purpose is as follows:

State	Allocations
Selangor	$104,359.35
Negeri Sembilan ...	69,476.10
Pahang	80,591.61
Perak	112,180.50
Johor	70,279.65
Kedah	175,317.50
Trengganu	70,229.00
Kelantan	92,603.90
Melaka	94,888.00
Pulau Pinang	55,968.25
Perlis	27,085.40
Total ...	$952,979,26

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Keretapi Tanah Melayu

103. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan ada-kah benar Keretapi Tanah Melayu mengalami kerugian yang hebat tiap[2] tahun; jikalau ya:

(*a*) chuba berikan jumlah kerugian tiap[2] tahun dari tahun 1960 hingga 1970;

(*b*) apa-kah sebab[2] terjadi-nya kerugian itu;

(*c*) apa-kah tindakan untok mengatasi-nya.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong):

(*a*) Kedudokan untong-rugi Pertadbiran Keretapi di-antara 1960 hingga 1970 ia-lah saperti berikut:

	Untong/Rugi sa-belum membuat peruntokan depreciation	Peruntokan depreciation	Untong/Rugi sa-lepas membuat per-untokan depreciation
	$ Juta	$ Juta	$ Juta
1960 ...	9.7 untong	7.3	2.4 untong
1961 ...	9.1 „	7.4	1.7 „
1962 ...	7.7 „	7.9	(.2) rugi
1963 ...	6.0 „	7.5	(1.5) „
1964 ...	4.0 „	8.0	(4.0) „
1965 ...	5.6 „	7.9	(2.3) „
1966 ...	1.4 „	8.2	(6.8) „
1967 ...	(.4) rugi	8.4	(8.8) „
1968 ...	(.7) „	8.5	(9.2) „
1969 ...	(2.0) „	8.0	(10.0) „
1970 ...	(4.8) „	8.2	(13.0) „

Perhatian ada-lah di-arahkan kapada peruntokan depreciation pada tiap[2] tahun yang telah menyebabkan kerugian gerakan Keretapi. Sa-bagaimana yang tuan[2] sedia maalom depreciation bukan-lah perbelanjaan tetapi hanya peruntokan (provision) dalam buku kira[2]. Kerugian yang tinggi pada tahun 1969 di-sebabkan oleh peristewa Mei 13 dan pada tahun 1970 di-sebabkan oleh peruntokan bayaran tunggakan mengikut Laporan Gaji Suffian.

(*b*) Keretapi telah mendapat keuntongan pada tiap[2] tahun sa-belum 1962. Walau-bagaimana pun di-dalam tahun 1962 gaji[2] pekerja Keretapi telah pun di-naikkan (sa-lepas mogok Keretapi pada hujong tahun 1961) dan ini telah menyebabkan kerugian Keretapi. Kenaikan gaji ini telah menambahkan perbelanjaan Keretapi dengan lebeh kurang $2.5 juta pada tiap[2] tahun. Di-dalam tahun 1964 pula suatu "salaries revision" telah di-laksanakan untok pekerja[2] dan juga termasok pekerja[2] Keretapi. Perubahan gaji[2] ini telah melebehkan belanja Keretapi sa-banyak $3.9 juta pada tiap[2] tahun.

Sa-lain daripada itu harga barang[2] dan bahan[2] yang di-gunakan oleh keretapi telah pun meningkat, dan di-atas beberapa barang saperti besi meningkat dengan melipat ganda.

(*c*) Keretapi memang sentiasa berazam untok meninggikan lagi pendapatan[2]-nya daripada penumpang[2] dan juga pengangkutan barang[2]. Untok membuktikan keazaman ini ada-lah dimaalomkan bahawa barang[2] yang diangkat oleh Keretapi telah meningkat ia-itu daripada 578 juta "ton miles" di-dalam tahun 1965 sa-hingga 751 juta "ton miles" di-dalam 1970. Untok menarek barang[2] supaya dapat diangkat oleh Keretapi, beberapa langkah sedang di-ambil saperti mendiselkan semua enjin[2], memperolehi gerabak[2] yang baru dan juga mengelokkan alat perantaraan dan singnal bagi mengurangkan kelewatan teren dan bayaran lembor.

Di-bidang[2] penumpang[2] pula beberapa langkah telah pun di-ambil saperti disel relkar service, menambahkan kemudahan[2] penumpang dan menchepatkan lagi perjalanan Keretapi. Pendapatan daripada penumpang telah pun bertambah daripada $18.2 juta di-dalam 1960 hingga $20.1 juta di-dalam 1970.

104. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengadakan kemudahan[2] yang lebeh baik kapada penumpang[2] Keretapi Tanah Melayu.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Keretapi Tanah Melayu sentiasa berusaha dan mengambil tindakan untok membaiki dan meninggikan mutu perkhidmatan keretapi[2] penumpang. Koch[2] penumpang dan koch[2] tempat tidor ada-lah sentiasa di-awasi dan di-baiki keadaan-nya. Di-setesen Keretapi pula beberapa kemudahan di-sediakan untok kegunaan penumpang[2]. Umpama-nya, Setesen Keretapi di-Kuala Lumpur telah pun di-perelokkan dan beberapa kemudahan untok penumpang[2] di-sediakan. Dalam ranchangan jangka panjang Pertadbiran Keretapi ada di-masokkan juga projek tertentu untok memodenkan perkhidmatan keretapi penumpang pada keselurohan-nya.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Perusahaan[2] Taraf Perintis

105. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa banyak-kah perusahaan[2] yang di-beri taraf perintis sejak Mei, 1969 hingga akhir tahun 1970; dan sebutkan nama perusahaan[2] itu.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohd. Khir Johari): Bilangan sharikat[2] yang telah di-beri taraf perintis ia-lah sa-bagaimana berikut:

Mei hingga Disember, 1969	...	87
Januari hingga Disember, 1970	...	172

Berkenaan dengan nama[2] dan butir[2] perusahaan sharikat[2] yang telah di-luluskan itu boleh-lah ahli Yang Berhormat mendapati dari Bahagian Perusahaan Kementerian saya di-Tingkat 8, Bangunan Bumiputra, Kuala Lumpur, dan Y.B. di-jemput ka-pejabat itu untok mendapatkan butir[2] yang lebeh lanjut.

106. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa bilangan sharikat[2] asing yang menanam modal dalam negeri setakat ini, berapa bilangan sharikat[2] perusahaan tersebut yang betaraf perintis, berapa bilangan yang telah tamat tempoh taraf perintis-nya dan antara-nya berapa bilangan yang tempoh taraf perintis-nya telah di-lanjutkan.

Tuan Mohd. Khir Johari:

(*a*) Asas bagi mengtakrifkan sesuatu pertubohan itu sa-bagai kepunyaan asing ia-lah:

(i) lebeh 50% daripada saham[2] ada-lah di-pegang oleh orang[2] asing;

(ii) sa-bahagian besar lembaga pengarah di-anggotai oleh orang[2] asing; dan

(iii) keputusan[2] dasar ada-lah di-buat di-negara lain dan pertubohan itu di-mestikan patoh kapada keputusan[2] ini.

Berasakan saperti di-atas, pada masa ini terdapat 311 buah sharikat pengeluar yang di-mileki oleh orang[2] asing. Angka ini ia-lah bagi tahun yang berakhir 1967.

(*b*) Saperti pada 16hb Februari, 1971, terdapat 190 buah sharikat[2] yang memegang taraf perintis. Tarikh permulaan tempoh pengechualian chukai berbeza[2] tetapi yang paling awal sekali ia-lah pada 1hb Mei, 1958.

(*c*) Lazim-nya sa-sabuah sharikat itu di-berikan sa-lama dua tahun tempoh pengechualian chukai. Apabila tamat tempoh-nya, neracha kita[2] sharikat itu akan di-kaji. Untok menimbang lanjutan kapada tempoh pengechualian chukai ini ada-lah berdasarkan kapada perbelanjaan modal tetap dan ia-nya ada-lah saperti yang di-nyatakan di-bawah ini:

$250,000 + = tambahan sa-tahun
$500,000 + = tambahan dua tahun
$1,000,000 + = tambahan tiga tahun

Lanjutan selama sa-tahun lagi kapada tempoh pengechualian chukai ada-lah di-beri kapada sharikat[2] yang mematohi satu daripada sharat[2] ini:

(i) terletak dalam Kawasan yang kurang maju.

(ii) mengeluarkan barang[2] utama (priority).

(iii) mempunyaï sa-chukup peratus bahan[2] mentah tempatan yang telah di-tentukan.

Berkenaan dengan nama[2] dan butir[2] perusahaan sharikat[2] yang telah di-luluskan itu, saya dukachita tidak dapat memberikan kapada ahli Y.B. pada sa'at ini tetapi boleh-lah ahli Y.B. dapati butir[2] tersebut dari Bahagian Perusahaan, Kementerian saya di-Tingkat 8, Bangunan Bumiputra, Kuala Lumpur, pada bila[2] masa sekali pun.

Perusahaan Nenas

107. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah berapa bilangan kebun nenas yang ada dalam negeri ini, berapa ekar di-punyaï oleh pekebun[2] kechil, berapa ekar di-punyaï oleh sharikat[2] besar, dan berapa ekar pula yang di-punyaï oleh orang[2] Melayu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Bilangan Kebun Nenas yang ada di-dalam negeri ini ia-lah saperti berikut:

Kepunyaan Kilang	Bilangan	Luas (ekar)
Kepunyaan Kilang ...	4	11,829
Persaorangan (Melayu/China)	3,965	22,083
Persaorangan (Melayu)	2,486	10,669

108. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah berapa bilangan kilang[2] nenas dalam negeri ini, dan siapa-kah tuan punya kilang[2] tersebut.

Tuan Mohd. Khir Johari: Bilangan Kilang[2] Nenas dalam negeri ini ada-lah saperti berikut:

Kilang Nenas Tanah Melayu Berhad (Kepunyaan Kerajaan)	1
Sharikat Lee Nenas Sdn. Bhd. ...	1
United Malayan Pineapple Growers & Canners Pte. Ltd. ...	1
Malayan Pineapple Co. Pte. Ltd.	1
Jumlah ...	4

109. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok meluas dan menggalak-kan penanaman nenas.

Tuan Mohd. Khir Johari: (i) Langkah[2] yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok meluas dan menggalakkan penanaman nenas ada-lah saperti berikut:

(*a*) *Pemasaran:* Melaluï Lembaga Perusahaan Nenas langkah[2] meluaskan pasaran nenas dalam dan luar negeri ada-lah memberi kesan. Berkaitan dengan ini juga Badan ini telah menetapkan harga[2] nenas supaya penanam[2] nenas dapat hasil yang menasabah.

(*b*) *Bantuan Baja:* Badan ini juga telah menjalankan ranchangan memberi bantuan baja kapada penanam[2].

(*c*) *Perkhidmatan Lanjutan:* Juga ditumpukan kapada penanam[2] supaya mereka dapat menjalankan perusahaan dengan sempurna, terutama sekali menggunakan jenis[2] nenas baik yang di-perkenalkan oleh Bahagian Penyelidekan Badan ini.

(*d*) *Ranchangan tanam sa-mula kebun[2] getah lama:* Penanam di-beri peluang dan bantuan membuka kebun getah lama sama ada kesemua, atau sabahagian-nya untok menjadikan kebun nenas. Dasar ini ada-lah berkesan kerana banyak penanam[2] getah telah menjalankan perusahaan tanaman nenas, dan dengan ini tanah di-bawah tanaman nenas sa-makin bertambah.

(*e*) Bantuan juga di-beri untok tanam sa-mula dan permulehan meliputi 2,278 ekar di-Negeri Johor di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama.

(ii) Langkah[2] yang telah dan sedang di-ambil di-atas ini ada-lah selaras dengan keadaan pasaran tempatan, lebeh[2] lagi pasaran dunia yang bergantong kapada harga nenas berpatutan dan mutu nenas yang baik.

Tanda Harga

110. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah kejayaan yang Kerajaan telah chapai dalam melaksanakan undang[2] supaya pekedai[2] meletakkan tanda harga pada barang[2] jualan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Hasil daripada tindakan Kerajaan mewajibkan pekedai[2] meletakkan tanda[2] harga kapada barang[2] jualan ia-lah pengguna[2] dan pembeli[2] pada masa ini telah pun tahu akan harga barang[2] yang hendak di-beli-nya dengan tidak payah bertanya kapada pekedai[2] atau pun penjual[2]. Tanda[2] harga ini juga boleh memberi pertolongan kapada pembeli[2] untok mendapatkan mana[2] sa-buah kedai yang menjual sa-suatu brang itu dengan harga yang lebeh murah atau lebeh mahal. Sa-lain daripada itu dengan ada-nya tanda[2] harga itu maka dapat-lah Kementerian ini mengambil tindakan atas mana[2] pekedai yang chuba menjual barang[2] keperluan dengan lebeh mahal daripada apa yang di-pertetapkan oleh Kementerian.

111. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa bilangan pekedai[2] yang telah di-tangkap kerana menaikkan harga barang[2], apa-kah hukuman yang di-kenakan serta bagaimana-kah kesan di-jalankan langkah[2] saperti itu.

Tuan Mohd. Khir Johari: Bilangan pekedai[2] yang telah di-da'awa dan barang[2]-nya di-rampas atas kesalahan ini ada-lah saperti berikut:

Selangor	...	...	15
Negeri Sembilan	...		3
Penang	...	...	5
Johor	...	...	2
Perak	...	...	2
Kelantan	...	...	16 (Di-tangkap dan akan di-daawa).

Beras Simpanan/Seludup

112. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan bagaimana-kah kedudokan beras simpanan Kerajaan, bila di-banding semasa ada dan tiada-nya penyeludupan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kedudokan simpanan beras atau "stockpile" Kerajaan ada-lah tetap berjalan walau ada atau tidak ada penyeludupan.

Penyeludupan Beras

113. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa banyak beras[2] yang di-seludup ka-dalam negeri setakat ini, dari negeri mana-kah beras tersebut di-seludup dan apa sebab[2]-nya.

Tuan Mohd. Khir Johari: Jumlah beras yang di-seludup ka-dalam negeri ini tidak-lah dapat di-ketahui, kerana kerja penyeludupan ini ada-lah kerja sulit dan sukar di-ketahui. Dari jenis[2] beras yang di-rampas, boleh-lah di-anggap bahawa penyeludupan[2] itu di-lakukan dari negeri Thailand melalui Negeri Kedah, Perlis dan Kelantan. Penyeludupan[2] di-lakukan ia-lah dengan kerana:

(i) mengelakkan dari membayar chukai di-negeri mereka;

(ii) melarikan daripada sharat pembelian beras simpanan Kerajaan; dan

(iii) harga beras dari Thailand ada-lah lebeh murah daripada harga beras di-Malaysia.

114. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah usaha[2] yang di-buat dan akan di-buat oleh Kerajaan untok menghapuskan penyeludupan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Bagi mengatasi penyeludupan beras sechara berleluasan, Kerajaan telah:

(i) Menggantong kebanyakan lesen[2] beras di-kawasan sempadan Thailand/Malaysia dalam Negeri Perlis dan Kelantan

sementara penyiasatan di-buat di-atas aktibiti[2] pemegang[2] lesen tersebut dalam perkara penyeludupan.

(ii) Sa-buah Jawatankuasa Penchegah Penyeludupan telah di-tubohkan oleh Kerajaan untok mengadakan perundingan dengan wakil[2] Kerajaan Thailand. Jawatankuasa ini akan bersidang pada pertengahan bulan Mach yang akan datang. Sa-lain daripada itu saya suka menyatakan bahawa oleh kerana langkah[2] bagi menchegah penyeludupan beras dan lain[2] barang ada-lah tanggong-jawab banyak Kementerian[2] dan Jabatan[2] saperti Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam, Polis dan Imigeresen maka tiap[2] tindakan yang di-ambil itu harus-lah mendapat sokongan semua pehak.

Perusahaan Hotel dan Motel

115. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa bilangan hotel[2] dan motel[2] yang ada di-tiap[2] negeri dalam Malaysia, dan siapa-kah yang ampunya, berapa bilangan yang di-punyai oleh orang[2] Melayu dan berapa bilangan orang[2] Melayu yang bekerja di-hotel[2] dan motel[2].

Tuan Mohd. Khir Johari: Jabatan Pelanchongan Kementerian saya telah mengeluarkan 2 penerbitan yang memberi maklumat berkenaan hotel. (1) "Buku Panduan Hotel dan Rumah Rehat" memberi penerangan berkenaan hotel yang besar dan kechil dan juga rumah[2] rehat bersama dengan lain[2] penerangan saperti bilangan bilek dan kemudahan[2] yang ada. Ini ada-lah untok pengetahuan orang[2] Malaysia sendiri dan pelanchong[2] yang ingin berjimat. (2) "Buku Panduan Perjalanan" memberi senarai hotel yang terkemuka yang di-chadangkan untok pelanchong[2] dan juga mengandongi penerangan berkenaan bilangan bilek dan kemudahan[2] yang ada dalam hotel[2] tersebut.

Saya telah mengatorkan supaya satu salinan bagi tiap[2] penerbitan tersebut di-hantar kapada Y.B. Ahli tersebut.

Ada-lah sukar untok memberi pechahan pemegang[2] modal dari segi kaum kerana peruntokan saham tidak stabil dan selalu bertukar tangan.

Penyelidekan yang di-jalankan oleh Jabatan Pelanchongan pada tiap[2] 4 bulan berkenaan hotel yang ramai sa-kali di-kunjongi oleh pelanchong[2] menunjokkan bahawa ada 2,087 pekerja di-dalam 22 hotel yang di-selideki di-Pulau Pinang, di-Kuala Lumpur dan lain[2] kawasan pelanchongan dan dari ini terdapat lebeh kurang 20 persen pekerja[2] ia-lah terdiri daripada orang[2] Melayu.

116. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah usaha[2] yang di-ambil oleh Kerajaan untok menggalakkan orang[2] Melayu menchebor diri dalam perusahaan hotel dan motel dan apa-kah kejayaan yang sudah di-chapai.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kerajaan memang menggalakkan orang[2] Melayu supaya turut serta bukan sahaja di-dalam bidang perusahaan hotel dan motel tetapi juga dalam perusahaan[2] yang lain. Di-mana orang[2] Melayu tidak dapat tampil ka-hadapan untok menjalankan projek[2] tersebut dengan daya usaha mereka sendiri maka di-tumpukan penyertaan orang[2] Melayu kapada pekerjaan dan penyertaan di-dalam bentok modal perusahaan tersebut.

Di-Perengkat mengurus makanan dan pengurusan di-hotel, Institiut Teknologi MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan lain[2] lagi institiusi sedang memberi kursus[2] latehan dan semua pelateh[2] Melayu yang berjaya telah pun di-ambil masok bekerja di-dalam hotel[2] dan sa-tengah[2] dari mereka telah pun mendapat kontrek untok menguruskan rumah[2] rehat dalam negara ini.

Orang[2] Melayu dalam Sharikat[2] Perniagaan

117. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa bilangan orang[2] Melayu yang di-ambil bekerja oleh sharikat[2] perniagaan dan jawatan[2] yang mereka pegang.

Tuan Mohd. Khir Johari: Ada-lah dasar dan tujuan Kerajaan untok memberi sa-berapa banyak peluang kerja kapada orang[2] Melayu dalam lapangan perniagaan. Di-samping memajukan lagi perindastrian di-negeri ini, Kerajaan telah dan sedang berusaha supaya lebeh banyak lagi bilangan orang[2] Melayu

di-ambil bekerja di-kilang[2] dan sharikat[2] perniagaan bukan sahaja di-perengkat buroh kasar atau kerja rendah tetapi juga di-semua perengkat kerja termasok perengkat pengurusan. Suatu Jawatan-kuasa tetap perwarganegaraan dalam Perdagangan dan Perusahaan yang di-tubohkan beberapa tahun yang lalu, walau pun tugas khas-nya ia-lah untok mengator dan mengawal ranchangan Perwarganegaraan dan kemasokan orang[2] dagang kadalam negeri, juga berusaha supaya jawatan[2] yang telah di-kosongkan atau jawatan[2] yang akan di-tambah oleh sa-sabuah sharikat di-penohi setakat mana yang boleh oleh orang[2] Melayu. Sejak ujud-nya Jawatan-kuasa ini lebeh ramai lagi orang[2] Melayu yang telah di-ambil bekerja oleh sharikat[2] perniagaan. Oleh sebab sharikat[2] perniagaan dalam negeri ini beratus-ratus banyak-nya maka dukachita saya tidak dapat memberi angka[2] yang tepat dalam hal ini.

Orang[2] Melayu dalam Lapangan Perniagaan dan Perusahaan

118. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah langkah[2] berkesan yang di-ambil oleh Kerajaan supaya sharikat[2] perniagaan membantu orang[2] Melayu mengambil bahagian yang chergas dalam lapangan perniagaan, bagaimana-kah sambutan yang telah di-beri oleh sharikat[2] perniagaan itu serta berapa bilangan dan sharikat[2] yang sedang menjalankan usaha tersebut.

Tuan Mohd. Khir Johari: Pada orang[2] Melayu kekurangan modal perniagaan dan pengalaman di-bidang perniagaan-ada-lah satu masaalah yang melibatkan satu kesukaran untok mereka maju dalam lapangan perniagaan. Ini ada-lah satu perkara yang di-beri perhatian berat oleh Kerajaan, dan selain daripada langkah[2] sechara langsong saperti yang di-ambil oleh Badan[2] di-bawah anjoran Kerajaan sa-bagai MARA, M.I.D.F., Bank Bumiputra dan PERNAS, Kerajaan telah juga selalu menggesa sharikat[2] perniagaan memberi bantuan kapada orang[2] Melayu dalam lapangan perniagaan. Seruan[2] Kerajaan baru[2] ini nampak-nya telah di-sambut baik oleh pehak swasta. Baharu[2] ini suatu Jawatankuasa Bersama Melayu/China di-bawah anjoran Gabongan Dewan Perniagaan Melayu dan Gabongan Dewan Perniagaan China telah di-tubohkan khas untok menchari jalan bagaimana bantuan dapat di-beri kapada orang[2] Melayu dari segi modal perniagaan, petunjok teknikal dan lain[2] bidang. Badan ini baru sahaja di-ujudkan, tetapi ada-lah di-yakinkan dalam tempoh jangka panjang usaha badan ini untok menolong orang[2] Melayu akan bertambah giat dalam usaha bagi menchapai mutlamat-nya.

119. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan, berthabit dengan niat Kerajaan hendak menolong Bumiputra mengambil bahagian chergas di-dalam Bidang Perniagaan dan Perusahaan:

(*a*) apa-kah langkah[2] yang konkerit yang telah di-jalankan oleh Kementerian ini untok menchapai matlamat tersebut;

(*b*) statistik tentang—

(i) keramaian pengarah[2] di-bidang perusahaan dan perniagaan swasta —mengikut bangsa[2].

(ii) banyak-nya institusi[2] perusahaan dan perdagangan: (*a*) Bumiputra; (*b*) Ra'ayat Malaysia yang bukan Bumiputra (*c*) Orang[2] asing.

Tuan Mohd. Khir Johari:

(*a*) Kementerian saya telah mengambil tindakan yang tegas untok membantu Bumiputra mengambil bahagian di-dalam perusahaan dan perdagangan. Bagi sektor perusahaan tiap[2] sharikat yang telah di-luluskan oleh Kementerian ini ada-lah di-kehendaki—

(i) Menghadkan sekurang[2]-nya 10% atau 20% dari modal yang di-tanam kapada Bumiputra;

(ii) Mengambil untok bekerja dan melateh ra'ayat Malaysia di-dalam semua perengkat jawatan sahingga ka-perengkat pengurusan dengan mencherminkan bilangan pendudok negara ini mengikut kaum. Pada masa sekarang satu sekshen telah di-adakan di-dalam Bahagian Perusahaan Kementerian saya bagi mengawasi perkara yang di-sebutkan di-atas.

(*b*) (i) Kementerian saya tidak dapat memberi senarai pengarah[2] mengikut bangsa bagi sa-suatu sharikat oleh kerana sa-hingga 31hb Disember, 1967, jumlah sharikat ia-lah 2,961.

(ii) Asas bagi menentukan satu[2] sharikat sa-bagai sharikat yang di-punyaï oleh bangsa asing ia-lah—

(*a*) Lebeh 50% dari saham-nya di-punyaï oleh bangsa asing.

(*b*) Kebanyakan dari Lembaga pengarah-nya mengandongi orang[2] asing.

(*c*) Keputusan ka-atas satu[2] dasar sharikat itu di-buat di-luar negeri dan sharikat tersebut terpaksa-lah mematohi kapada keputusan yang di-buat itu. Berdasarkan kapada butir[2] yang terdapat sa-hingga tahun 1967, tuan punya sharikat[2] pengeluaran ada-lah terdiri sa-bagaimana berikut:

(*a*) Ra'ayat Malaysia ...	2,650
(*b*) Ra'ayat Singapura ...	153
(*c*) Ra'ayat British ...	70
(*d*) Ra'ayat Eropah ...	9
(*e*) Ra'ayat Amerika ...	12
(*f*) Lain[2]	67
Jumlah ...	2,961

Mengikut penyiasatan yang di-buat dalam tahun 1966 ka-atas perusahaan[2] pengeluaran, dari jumlah 1,700 sharikat[2], 66 buah di-punyaï oleh orang[2] Melayu. Angka bagi tahun 1967, dukachita tidak dapat di-perolehi tetapi ada-kah di-ketahuï bahawa jumlah-nya telah bertambah.

Quota Impot Beras

120. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan ada-kah benar quota impot beras dari luar negeri di-buka sa-mula dengan sa-luas[2]-nya; jika ya, mengapa, kerana dasar Kerajaan ia-lah untok menolong petani[2] tempatan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak benar, Kerajaan tidak membuka quota impot beras dari luar negeri dengan seluas[2]-nya.

Mulaï dari 1hb Februari, 1971, Kerajaan telah mengeluarkan sa-mula lesen impot beras dengan mengenakan beberapa sharat yang lebeh ketat ka-atas pengimpot[2] yang berkenaan. Di-antara sharat[2]-nya ia-lah—

(i) Tiap[2] 1 ton beras yang di-impot dari luar negeri pengimpot[2] ada-lah di-kehendaki membeli 1½ ton beras dari simpanan Kerajaan. Pada masa yang lampau pengimpot[2] beras hanya di-kehendaki membeli 1 ton beras Kerajaan bagi tiap[2] 1 ton beras yang di-impot dari luar negeri.

Dengan mengenakan sharat ini Kementerian saya telah mengambil satu langkah yang beransor[2] ka-arah penggunaan dan pemasaran beras tempatan dengan lebeh banyak dari yang sudah[2]. Langkah ini perlu oleh sebab pengeluaran beras tempatan hasil daripada penanaman padi dua kali sa-tahun di-Ranchangan Muda di-Kedah dan Sungai Lemal di-Kelantan telah bertambah. Kementerian saya tidak boleh menutup sama sa-kali pengimpotan beras dari luar negeri kerana pengeluaran beras bagi keperluan negara pada masa ini belum chukup lagi. Jumlah pengimpotan beras yang di-benarkan hanya sa-kadar untok menampong kekurangan beras tempatan sahaja dan tidak lebeh dari itu.

Walau bagaimana pun, satu dasar baharu berkenaan dengan beras sedang di-kaji sa-mula oleh Kerajaan.

Bahan Mentah

121. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan berapa-kah jumlah sharikat[2] perusahaan yang mengeluarkan barang[2] dengan menggunakan bahan mentah dari luar negeri; dan sebutkan nama sharikat[2] itu sejak Mei 1969 hingga sekarang.

Tuan Mohd. Khir Johari: Dukachita saya tidak dapat menyatakan di-sini bilangan perusahaan[2] yang menggunakan bahan mentah yang di-impot. Untok mendapati-nya satu penyelidekan khas harus-lah di-buat dalam perkara ini. Walau bagaimana pun ada-lah dasar Kerajaan untok menggalakkan penggunaan barang[2] mentah tempatan. Satu insentif istimewa ada-lah di-beri kapada perusahaan[2] yang menggunakan bahan[2] tempatan yang tertentu.

Bekalan Letrik

122. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok membekalkan bekalan letrik pada pendudok[2] Daerah Besut,

Trengganu, yang berjumlah kira² 75,000 orang kerana pada masa sekarang hanya 800 orang daripada mereka menikmati kemudahan kuasa letrik.

Tuan Mohd. Khir Johari: Dari segi ekonomi dan teknik, Kerajaan tidak dapat lagi membekalkan bekalan letrik kapada kesemua rumah di-dalam daerah Besut. Dalam pada itu pun, chadangan bagi membekalkan 9 buah kampong telah di-masokkan dalam Ranchangan Bekalan Letrik Luar Bandar Ranchangan Malaysia ke-Dua 1971/75. Senarai kampong yang di-chadangkan itu ia-lah:

	Nama	Jumlah Rumah	Perbelanjaan
1.	Kg. Mak Sara Gong Nering dan Bukit Kenak	113	$104,000
2.	Kg. Buloh	170	64,000
3.	Padang Luas	77	45,000
4.	Kg. Jabi	130	180,000
5.	Kg. Apal	72	98,000
6.	Kg. Jawek—Nyior Tujoh	36	32,000
7.	Kg. Pasir Akar	150	74,000
8.	Kg. Alor Lintang ka-Kubang Bemban	32	12,000
9.	Kg. Tok Has	53	59,000

Keputusan ahli bagi menentukan sama ada chadangan² bagi membekalkan letrik kesemua kampong yang tersebut itu belum lagi di-ambil setakat ini.

Harga Getah

123. Tuan Hussain bin Hj. Sulaiman bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

(*a*) ada-kah beliau sedar, dengan kenyataan² bahawa Kerajaan Malaysia bersedia mengadakan dailog dengan Negara² Kominis, telah menyebabkan harga getah jatoh dan sa-terus-nya meng-akibatkan kesusahan pada pekebun² getah kechil;

(*b*) apa-kah usaha yang telah di-jalankan oleh Kerajaan untok memelihara harga yang tinggi untok getah asli.

Tuan Mohd. Khir Johari:

(*a*) Kemerosotan harga² getah bukan-lah di-sebabkan Kerajaan Malaysia bersedia mengadakan dailog dengan Negara² Kominis.

(*b*) Kerajaan sentiasa berusaha untok memelihara harga getah yang berpatutan. Di-antara usaha² yang di-jalankan ia-lah:

(i) dengan menghantar rombongan² perdagangan ka-luar negeri terutama-nya ka-Russia dan negara² di-Eropah Timor untok meluaskan lagi pasaran getah asli;

(ii) dengan menganjorkan penubohan Persatuan Negara² Pengeluar Getah Asli di-dalam mana enam buah negara² pengeluar² getah asli menjadi ahli;

(iii) dengan menganjorkan sistem pasaran bersama wilayah ia-itu satu "supermarket" untok menjual-beli getah;

(iv) dengan Kerajaan sendiri memasoki dan membeli dalam pasaran getah apabila di-fikir sesuai; dan

(v) dengan menjalankan penyelidekan yang boleh meluaskan lagi kegunaan getah asli dan meninggi lagi mutu getah itu.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN TANAH

"Lembu Pawah"

124. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah bilangan lembu² pawah yang telah di-bahagi²kan kapada ra'ayat, jenis lembu² yang telah di-bahagikan itu dan kejayaan yang telah terchapai.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Di-bawah Ranchangan Persekutuan Tanah Melayu Yang Kedua dan Ranchangan Malaysia Yang Pertama, lebeh kurang 20,000 ekor lembu pawah telah di-bahagikan di-Malaysia Barat. Ranchangan ini sangat di-sukai ramai dan menchapai kejayaan. Petani² yang tidak mampu memelihara lembu, sekarang dapat memelihara-nya. Jenis² lembu yang di-beri mengikut ranchangan Pawah ia-lah jenis Kedah Kelantan, baka Kedah Kelantan, lembu India, baka lembu India, jenis Sindu dan Sindhu kachokan dan lembu kachokan jenis Australia. 70% daripada lembu yang 20,000 itu telah beranak dan manakala umor 2 tahun anak² lembu ini

telah di-pulangkan kapada Kerajaan. Anak[2] lembu yang betina telah di-bahagikan lagi kapada orang yang lain dan Ibu lembu asal saterus-nya di-serah perchuma kapada penerima yang asal itu.

Under the Second Malaysia Plan and the First Malaysia Plan approximately 20,000 head of cows were distributed in West Malaysia. This Scheme is very popular, successful and farmers who could not afford to keep cows, now own cows. The types of cows given under Pawah are the Kedah-Kelantan type, improved Kedah—Kelantan types, Indian type, improved Indian types, Sindhi and Sindhi cross-bred types and a few local-temperate breed types. Of these 20,000 cows about 70% have calved down, the calves on attaining the age of 2 years have been returned to Government. The original cows have been written off in the name of the recipient. The females of the 2 year old calves have been further distributed for pawah.

Penternakan

125. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah terangkan sejauh mana-kah galakan yang telah di-beri oleh Kerajaan terhadap penternakan sa-chara besar[2]an, di-mana-kah usaha ini di-jalankan dan kejayaan yang telah di-chapai sa-takat ini.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali: Dasar Bahagian Haiwan ada-lah sentiasa bertujuan menggalakkan penternakan ayam sechara "commercial" kerana perniagaan yang saperti ini ada-lah lebeh ekonomik. Pada masa sekarang ada lebeh kurang 3,700 tempat memelihara ayam yang mempunyai antara 100 ka-50,000 penternakan untok pengeluaran telor serta daging ayam. Perkembangan perusahaan penternakan ini telah bertambah dengan banyak-nya sejak 1960. Dalam 1960, perusahaan ini bernilai $66 juta dan dalam 1968, $232 juta. Tempat[2] ternakan ayam ini di-dapati di-seluroh Malaysia Barat. Malaysia Barat yang mengimpot telor dalam 1960 sekarang mengekspot telor dan ayam.

The Veterinary Division's policy has always been to encourage poultry farming on commercial basis which is more economical. There are about 3,700 farms which carry between 100 to over 50,000 heads of poultry, of the egg and meat types. The growth of the poultry industry developed rapidly since 1960. In 1960, it was valued at $66 million and in 1968 $232 million. These farms are scattered all over West Malaysia. West Malaysia which was importing eggs in 1960 now exports eggs and live poultry.

Pukat Tunda

126. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah berapa bilangan lesen[2] yang telah di-keluarkan bagi pukat tunda, kapada siapa-kah lesen[2] tersebut di-keluarkan dan bilangan yang di-keluarkan pada tiap[2] sa-orang; serta apa-kah pendapat[2] kaum nelayan mengenai pukat tunda.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali: Dalam tahun 1970 sa-jumlah 1,330 lesen pukat tunda telah di-keluarkan kapada yang berikut:

KEDAH—

1.	Sharikat Pengeluaran dan Pemasaran Ikan Bekerjasama, Kuala Kedah	53
2.	Sharikat Bekerjasama Nelayan, Kuala Sanglang	16
3.	Sharikat Bekerjasama Nelayan, Kuala Sala	31
4.	Sharikat Bekerjasama Nelayan, Kuala Kedah	87
5.	Sharikat Bekerjasama Nelayan, Tanjong Dawai	32
6.	Sharikat Bekerjasama Nelayan, Kuala Jerlon	25
7.	Sharikat Bekerjasama Nelayan, Kuala Merbok	20
8.	Sharikat Bekerjasama Nelayan, Kuala Kangkong	29
9.	Sharikat Bekerjasama Nelayan, Pulau Tuba, Langkawi ...	22
10.	Sharikat Bekerjasama Nelayan, Kuala Sungai Yen	30

PULAU PINANG—

1.	Sharikat Bekerjasama bagi Penangkap Ikan (Bahagian Tanjong)	52
2.	Sharikat Bekerjasama bagi Penangkap Ikan Batu Maung	43
3.	Sharikat Bekerjasama bagi Penangkap Ikan Kuala Muda	16
4.	Sharikat Bekerjasama bagi Penangkap Ikan Telok Bahang	31
5.	Sharikat Bekerjasama Perikanan Pantai Timor, Pulau Pinang	38

6. Sharikat Bekerjasama Serbaguna, Permatang Damar Laut	24	
7. Sharikat Bekerjasama Nelayan, Tanjong Piandang (Berpengkalan di-Batu Maung) ...	16	
8. Sharikat Bekerjasama Tanjong Bunga	8	
PERAK—		
1. Ocean Enterprises Ltd Taiping, Perak	2	
2. Sharikat Bekerjasama Nelayan, Pulau Pangkor	35	
JOHOR—		
1. Sharikat Bekerjasama Serbaguna Nelayan Endau ...	62	
2. Sharikat Bekerjasama Serbaguna Nelayan Mersing ...	35	(tunda ikan)
	95	(tunda udang)
3. Sharikat Bekerjasama Serbaguna Nelayan Kuala Sedili	24	
PAHANG—		
1. Sharikat Kerjasama Serbaguna, Kuala Rompin	11	
2. Sharikat Kerjasama Serbaguna Mukim Bebar, Nenasi ...	33	
3. Persaorangan	100	(tunda udang)
TRENGGANU—		
1. Persaorangan	155	(tunda udang)
KELANTAN—		
1. Persaorangan	205	(tunda udang)
Jumlah ...	1,330	

Perusahaan pukat tunda telah mendapat sambutan baik dari sa-bilangan besar nelayan[2] di-seluroh Malaysia Barat, kerana dengan chara tangkapan ini pendapatan mereka lebeh daripada chara[2] biasa (traditional).

Pokok[2] yang Haram Di-tanam dalam Negeri

127. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa-kah jenis pokok[2] yang haram di-tanam dalam Malaysia dan mengapa.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali: Tanaman pokok[2] yang di-larang menurut Peratoran[2] Rachun[2] Merbahaya, 1952 ada-lah saperti berikut:

(1) Genus Erythroxylaceae.

(2) Plant Papaver Somniferum.

(3) Cannavis Sativa.

Pokok[2] ini ia-lah rachun atau puncha pengeluaran chandu.

The cultivation of the following are prohibited in accordance with the Dangerous Drugs Regulations, 1952:

(1) Genus Erythroxylaceae.

(2) Plant Papaver Somniferum.

(3) Cannavis Sativa.

These plants are either poisonous or they provide a ready source for the production of opium.

Pemerasan terhadap Nelayan[2]

128. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa-kah usaha[2] yang telah di-laksanakan oleh Kerajaan untok mengatasi masaalah pemerasan oleh orang[2] tengah terhadap nelayan[2].

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali: Mengikut dasar Kementerian, lesen[2] pukat tunda di-keluarkan kapada sharikat[2] kerjasama nelayan sahaja, tetapi lesen juga di-keluarkan terus kapada Sharikat atau persaorangan yang mempunyai bot barat-nya 100 tan ka-atas.

Dengan chara pengeluaran lesen saperti ini nelayan[2] dapat bersatu-padu dalam sharikat kerjasama masing[2]. Faedah-nya, sa-lain daripada mendapat keuntongan yang di-perolehi dari belian minyak, ayer batu dan alat[2] penangkapan ikan sechara belian banyak (bulk purchase) hasil tangkapan di-hantar bersama[2], bagitu jua chara jualan di-lakukan. Dengan ini masaalah pemerasan oleh orang[2] tengah terhadap nelayan[2] dapat-lah juga di-kawal, jika tidak sa-penoh-nya. FAMA juga menjalankan pengawalan pemasaran ikan yang boleh memberi kesan dalam usaha[2] mengurangkan masaalah pemerasan oleh orang[2] tengah itu.

JAWAPAN[2] BERTULIS

Tambahan No. 1

KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

Pengharaman Iklan Rokok

1. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Penerangan menyatakan sama ada kementerian-nya berchadang mengharamkan iklan[2] rokok di-panggong wayang dan Talivishen jika benar, memberi butir[2] mengenaï ranchangan tersebut.

Menteri Penerangan dan Tugas[2] Khas (Tan Sri Ghazali Shafie): Kementerian ini tidak ada chadangan hendak mengharamkan iklan[2] rokok di-panggong wayang, dan talivishen.

Bahagian Hal Ehwal Awam

2. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Penyiaran menyatakan (*a*) sama ada sabuah Bahagian Hal Ehwal Awam telah di-tubohkan di-Talivishen Malaysia, (*b*) jika benar beri nama pegawai yang menjaga Bahagian ini, (*c*) sama ada Bahagian Hal Ehwal Awam berchadang memulakan foram untok pemimpin[2] Parti Pembangkang dan Kerajaan.

Tan Sri Ghazali Shafie: Bahagian Hal Ehwal Awam telah pun di-tuboh di-dalam Kementerian Penerangan dan di-anggotaï oleh Pegawai[2] yang sedang bertugas dalam Kementerian ini. Ketua Bahagian ini ia-lah Enche' Sulaiman Alias. Tugas[2]-nya yang tertentu sedang di-rangkakan pada masa ini. Talivishen dan Radio ada-lah alat[2] mass media Kerajaan. Boleh atau tidak-nya pehak pembangkang menyertaï foram[2] yang di-kelolakan oleh Bahagian Hal Ehwal Awam terpulang-lah kapada Kerajaan, mengikut masa dan perkara yang hendak di-binchang-kan itu.

Talivishen di-Sabah dan Sarawak

3. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Penyiaran menyatakan hari yang tetap, bila-kah perkhidmatan Talivishen dapat di-mulakan di-Sabah dan Sarawak.

Tan Sri Ghazali Shafie: Kerajaan harap dapat memulaï perkhidmatan talivishen di-Sabah pada penghujong tahun ini. Pada masa ini alat[2] perkakas dan alat[2] pemanchar Kota Kinabalu sedang di-uji.

Soal mengadakan Talivishen di-Sarawak sedang di-kaji oleh Kementerian.

Siaran Radio Malaysia

4. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Penerangan:

(*a*) mengapa siaran Radio Malaysia terhenti pada 5hb Januari, 1971 sa-masa banjir sedang memunchak di-Kuala Lumpur;

(*b*) sama ada kegendalaan ini disebabkan oleh kerosakan generator di-steshen pemanchar Kajang, dan jika ya, mengapa tiada generator simpanan di-Kajang;

(*c*) sa-masa kegendalaan, mengapa Steshen di-Pulau Pinang tidak di-gunakan untok menyiarkan berita[2] banjir;

(*d*) mengapa Akhbar telah tidak di-suroh menyiarkan jarak-gelombang di-mana siaran[2] dari Radio Malaysia, Pulau Pinang boleh di-terima; dan

(*e*) mengapa, sa-lepas terhenti-nya siaran Radio Malaysia, Kuala Lumpur, Talivishen Malaysia tidak menyiarkan berita[2] banjir.

Tan Sri Ghazali Shafie:

(*a*) Siaran Radio Malaysia di-Kuala Lumpur telah tergendala mulaï pukul 7.15 pagi 5hb Januari hingga pukul 3.00 petang 6hb Januari oleh sebab berikut—

(1) Di-Rumah Persekutuan—

(i) Bekalan letrik telah putus

(ii) Janaletrik (Generator) simpanan telah tenggelam.

(2) Di-Kajang—

(i) Bekalan letrik putus

(ii) Pondok "Aerial Tuning" (satu pesawat yang perlu untok siaran Radio) telah tenggelam ayer.

(*b*) Memang ada generator simpanan dan boleh di-pakai tetapi oleh sebab "Aerial Huts"-nya telah tenggelam ayer maka pemancharan telah tidak dapat di-buat.

(*c*) Oleh sebab putus perhubongan di-antara Kuala Lumpur dengan Pulau Pinang, siaran berita[2] banjir hanya dapat di-buat pada 12.00 tengah hari sahaja melaluï gelombang pendek.

(*d*) Sa-benar-nya, pehak akhbar tidak-lah di-minta menyiarkan jarak-gelombang di-mana siaran[2] dari Radio Malaysia, Pulau Pinang boleh di-terima, kerana Kementerian ini berpendapat pada masa itu bahawa Radio Malaysia, Kuala Lumpur dapat menyambong-kan siaran-nya sa-mula dalam sedikit masa. Juga siaran melaluï Talivishen Malaysia telah di-mulakan pada 12.45 tengah hari.

(*e*) Oleh sebab perhubongan di-Kuala Lumpur terputus di-beberapa tempat pada 5hb Januari tersebut, banyak kakitangan[2] Kementerian Penerangan tidak dapat datang ka-Pejabat dan siaran Talivishen tidak dapat di-mulaï lebeh awal lagi dari pukul 12.45 hari itu.

Foram di-Radio dan Talivishen

5. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Penerangan bila-kah pehak Kerajaan akan menganjorkan foram[2] semua parti di-radio dan T.V. sa-chara demokratik semoga pehak pembangkang dapat berpeluang mengambil kesempatan untok bersuara.

Tan Sri Ghazali Shafie: Radio dan Talivishen ada-lah alat[2] mass media Kerajaan. Patut atau tidak-nya mana[2] pehak menyertaï foram[2] menerusi talivishen dan radio terpulang-lah kapada Kerajan, mengikut kehendak masa dan perkara yang hendak di-binchangkan.

Ranchangan[2] Talivishen

6. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Penerangan sama ada masa yang lebeh akan di-berikan dalam ranchangan T.V. untok ranchangan[2] yang berchorak pelajaran, dan ranchangan[2] China dan India, jika perlu dengan mengadakan saloran kedua.

Tan Sri Ghazali Shafie: Sudah menjadi dasar Kementerian ini untok memajukan dasar pelajaran Kerajaan menerusi ranchangan[2] di-T.V. dan Radio. Kementerian ini tidak ada ranchangan hendak menambahkan ranchangan[2] India dan China.

Lesen[2] Radio dan Talivishen

7. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar sa-bilangan besar lesen[2] radio dan talivishen tidak di-baharuï sa-tiap tahun dan jikalau ya, apa-kah langkah yang telah beliau ambil mengenaï perkara ini.

Tan Sri Ghazali Shafie: Kementerian sedar bahawa banyak lagi lesen[2] radio dan talivishen yang tidak di-baharuï pada tiap[2] tahun dan sedang mengambil langkah untok menambahkan lagi kakitangan[2] dalam Bahagian Pemereksaan Lesen pada tahun 1971 ini. Pada tahun ini sa-banyak 18 jawatan baru telah di-luluskan oleh Perbendaharaan. Juga Kementerian ini sedang mengambil langkah untok mengetatkan lagi chara[2] pemereksaan dan kutipan. Kementerian sedang juga mengkaji soal meminda undang[2] yang ada pada masa ini.

Naskhah "10 Tahun Merdeka"

8. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Penerangan menyatakan sama ada benar bahawa dalam tahun 1967, 79,000 naskah "10 Tahun Merdeka" telah di-chetak oleh sa-buah firma tempatan untok $24,176, di-bayar dari Kumpulan Wang Amanah Ulang tahun ka-sepuloh Merdeka dan pada masa pemereksaan pada bulan Jun, 1968, telah di-dapati bahawa 59,000 naskhah telah tidak di-jual dan harga $3,258.40 sahaja telah di-masokira piutang dalam kira[2] Akauntan Negara, dan jika ya, apa-kah tindakan yang beliau telah ambil untok mengelakkan berlaku-nya keadaan yang sama.

Tan Sri Ghazali Shafie: Sa-benar-nya 10,000 naskah sahaja telah di-chetak, bukan-lah 79,000. 1,888 naskhah telah di-jual dengan mendapat wang sa-banyak $3,258.40. Sunggoh pun Kementerian sunggoh[2] berusaha menjualkan buku tetapi jualan-nya maseh kurang. Oleh sebab itu naskhah[2] ini di-sebarkan dengan perchuma, memandang kapada isi kandongan-nya yang menarek.

Konsep Blueprint

9. Dr Chen Man Hin minta kapada Menteri Penerangan dan Tugas[2] Khas menyatakan dengan panjang lebar konsep blueprint bagi perpaduan negara sa-bagaimana yang di-janjikan sa-lepas 100 hari merangkap jawatan sa-bagai Menteri dengan Tugas[2] Khas.

Tan Sri Ghazali Shafie: Saya tidak pernah menjanjikan untok menyatakan konsep blueprint bagi perpaduan negara sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Apa yang saya katakan dalam siaran akhbar pada 25hb September, 1970 ia-lah menguntokkan masa sa-lama 100 hari untok memikirkan chara[2] membaiki perkhidmatan Kerajaan. Sa-kira-nya itu yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut, maka saya telah pun membuat-nya. Perakuan[2] saya telah pun saya kemukakan kapada Y.A.B. Perdana Menteri. Sa-bahagian daripada-nya telah di-terima oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan butir[2] lanjut untok perlaksanaan bagi perakuan[2] yang telah diterima oleh Y.A.B. Perdana Menteri sedang di-sediakan oleh Kementerian[2], Jabatan[2] dan lain[2] badan Kerajaan yang berkenaan. Perakuan[2] saya yang lain maseh dalam pertimbangan yang aktif.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Lesen Teksi

10. Dr Tan Chee Khoon mintan kapada Menteri Pengangkutan menyatakan nama, alamat orang[2] yang telah di-beri lesen teksi dan nombor kad pengenalan mereka semenjak 1hb Januari, 1969 serta berikan tarikh lesen[2] tersebut di-keluarkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Sa-banyak 1,350 lesen teksi/kereta sewa telah di-keluarkan semenjak 1hb Januari, 1969. Menyediakan senarai bagi angka sa-banyak ini yang pula di-kehendaki menunjokkan nama, nombor Kad Pengenalan dan alamat pemegang[2] lesen[2] itu ia-lah satu tugas yang tidak dapat di-sempurnakan oleh Kementerian Pengangkutan dalam masa sengkat yang di-beri kapada-nya.

11. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah benar bahawa 50 lesen[2] teksi telah di-keluarkan kapada Sharikat Kerjasama Serbaguna Malaysia. Jikalau benar, mengapa sharikat yang sa-kaya itu di-berikan bagitu banyak lesen[2] teksi sedangkan ramai dari pemandu[2] teksi di-bandar Kuala Lumpur tidak di-beri peluang mendapat lesen teksi.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kementerian Pengangkutan mengeluarkan sa-banyak 50 buah lesen teksi/kereta sewa kapada Sharikat Kerjasama Serbaguna Malaysia bagi pengkalan di-seluroh Malaysia Barat. Pemberian lesen[2] teksi/kereta sewa ini ada-lah berasaskan kapada kebanyakan ahli[2] sharikat ini ada-lah terdiri daripada pemandu[2] teksi/kereta sewa.

12. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Pengangkutan:

(*a*) ada-kah sa-orang bekas Menteri mendapat lesen[2] teksi.

(*b*) jikalau ya, berapa banyak lesen[2] teksi telah di-beri kapada-nya.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:

(*a*) Ada lesen teksi yang telah di-keluarkan kapada sa-orang bekas Menteri.

(*b*) Bilangan lesen yang di-keluarkan kapada-nya ia-lah tiga.

13. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Menteri Pengangkutan memberi senarai penoh penjalan[2] teksi[2] di-dalam negeri ini dan jumlah teksi[2] yang di-mileki oleh sa-saorang.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Sa-banyak 6,050 lesen teksi/kereta sewa telah di-keluarkan sa-hingga 31hb Disember, 1970. Ada-lah tidak mungkin bagi Kementerian ini menyediakan senarai nama[2] dan jumlah lesen teksi/kereta sewa yang telah di-keluarkan dalam masa yang sengkat.

14. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Menteri Pengangkutan menerangkan pehak yang berkuasa mana-kah yang mengeluarkan kapada chalun[2] Perikatan sama ada yang berjaya mahu pun yang telah gagal lesen[2] teksi sedangkan mereka tidak memandu-nya.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ada lesen[2] teksi/kereta sewa yang di-keluarkan kapada bekas chalun[2] Perikatan yang kalah atau yang menang. Jikalau teksi[2]/kereta[2] sewa itu tidak di-pandu oleh pemegang lesen, Kementerian ini mengenakan sharat supaya teksi/kereta sewa itu di-pandu oleh sa-orang pemandu bangsa Melayu atau bekas pasokan keselamatan atau dengan sharat ia-itu pemegang lesen mesti-lah berkongsi dengan sa-orang pemandu bangsa Melayu atau

pasokan keselamatan yang menjadi pemandu teksi/kereta sewa dan dudok di-pengkalan.

15. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pengangkutan sama ada pengeluaran lesen² teksi di-masa² akan datang hanya di-berikan kapada pemohon² yang benar² perlu dan menurut sharat².

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ada kebaikan-nya mengeluarkan lesen² teksi/kereta sewa menurut dasar sa-bagaimana yang di-sebut dalam soalan ini. Di-sabalek-nya jika lesen² teksi/kereta sewa di-keluarkan kapada sharikat² maka akan lebeh kemungkinan ujud-nya perkhidmatan teksi/kereta sewa yang lebeh sempurna dan terator oleh kerana sharikat² ini biasa-nya mempunyaï modal yang banyak untok di-gunakan bagi memperbaiki teksi²/kereta² sewa mereka dan untok mengadakan kemudahan² yang lain berkenaan perkhidmatan teksi/kereta sewa.

Lesen Memandu

16. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Pengangkutan boleh-kah bayaran untok lesen² pemandu di-kurangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Memandangkan kapada banyak-nya perbelanjaan yang di-keluarkan oleh Kerajaan bagi mengadakan kemudahan² menggunakan jalan raya, ada-lah di-fikirkan bahawa bayaran lesen memandu tidak akan dapat di-kurangkan.

17. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pengangkutan sama ada bayaran yang di-kenakan untok lesen² memandu kereta boleh di-kurangkan daripada $20 kapada $10 sahaja.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Memandangkan kapada banyak-nya perbelanjaan yang di-keluarkan oleh Kerajaan bagi mengadakan kemudahan² menggunakan jalan raya, ada-lah di-fikirkan bahawa bayaran lesen memandu tidak akan dapat di-kurangkan.

Pejabat Pendaftar Kereta² Moto

18. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar suatu chadangan supaya kakitangan Pejabat Pendaftar Kereta² Moto di-Petaling Jaya bekerja bergilir² supaya sasiapa yang ingin membaharuï lesen mereka di-antara pukul 1 tengah hari dan 3.30 petang dapat berbuat demikian, dan bukan saperti sekarang ia-itu permohonan² untok membaharuï lesen² tidak akan di-layan salepas 12.30 tengah hari.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kementerian sedar dengan masaalah tersebut dan langkah bekerja daripada pukul 1 tengah hari hingga 3.30 petang telah pun berjalan semenjak bulan November, 1970 yang lalu.

Kemalangan Jalan Raya

19. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan (i) memberi bilangan orang² yang chedera atau mati berikutan dengan kemalangan jalan raya bagi tiap² tahun sejak Merdeka; dan (ii) menyatakan apa-kah langkah² yang sedang di-ambil untok mengurangkan bilangan kematian di-jalan raya.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:

(i) Bilangan kemalangan dan mangsa jalan raya semenjak Merdeka ada-lah saperti berikut:

Tahun	*Kemalangan*	*Mati*	*Chedera*	*Jumlah Mangsa*
1957	15,242 ..	378 ..	5,503 ..	5.881
1958	12,261 ..	323 ..	5,167 ..	5.490
1959	11,893 ..	325 ..	5,343 ..	5.668
1960	12,741 ..	523 ..	6,485 ..	7.008
1961	13,407 ..	587 ..	6,671 ..	7.258
1962	13,447 ..	464 ..	7,052 ..	7.516
1963	14,209 ..	477 ..	7,348 ..	7.825
1964	14,721 ..	623 ..	7,786 ..	8.409
1965	15,679 ..	637 ..	6,962 ..	7,599
1966	16,788 ..	602 ..	7,929 ..	8,531
1967	16,815 ..	700 ..	8,394 ..	9.094
1968	13,859 ..	719 ..	7,834 ..	8,553
1969	12,517 ..	547 ..	6,490 ..	7,037

Bilangan kemalangan tahun 1970 maseh belum di-terima.

(ii) Chara[2] mengatasi masaalah menchegah kemalangan jalan raya ia-lah melalui tiga saloran, ia-itu Kejuruteraan, Penguatkuasaan dan Pelajaran, dan Kementerian[2] yang terlibat ia-lah Kementerian Kerjaraya, Pos dan Talikom berhubong dengan perkembangan jalan[2] raya, jambatan[2], lampu[2] jalan, dll. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berhubong dengan penguatkuasaan undang[2] dan Kementerian Pengangkutan berhubong dengan Undang[2] Lalu Lintas Jalan, penguatkuasaan dan pelajaran keselamatan jalan raya.

Dari aspek pelajaran keselamatan jalan raya Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan chawangan-nya di-Negeri[2], ia-itu Majlis[2] Keselamatan Jalan Raya Negeri tiap tahun mengadakan kempen untok memberi pengajaran kapada orang ramai berkenaan keselamatan jalan raya dan juga memupok kesedaran keselamatan. Berbagai[2] perkara ada-lah di-lakukan sa-masa kempen ini di-antara-nya tayangan filem[2], sisip[2] gambar, siri[2] radio dan talivishen, pertunjokan papan[2] tanda dan kereta[2] remok. Bahan[2] yang berbagai[2] bentok ada-lah di-gunakan bagi kempen ini.

Sa-lain daripada itu, Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan chawangan[2] negeri-nya yang mengandongi wakil[2] dari Kementerian/Jabatan[2] yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya, pertubohan[2] sukarela dan sharikat[2] persendirian ada-lah sentiasa menchari elah menanam semangat kesedaran keselamatan di-jalan di-antara pengguna[2] jalan raya.

Tiga Segi Keselamatan

20. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan langkah[2] yang telah di-ambil untok menentukan yang lori[2] dan kenderaan berat menggunakan "safety triangle" di-masa kerosakan di-tepi jalan kerana kenderaan tersebut membahayakan keselamatan jalan raya jika berlaku kerosakan waktu malam.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kementerian Pengangkutan telah mewartakan undang[2] berkenaan ini di-dalam *Warta* Kerajaan sa-bagai Pindaan P.U. 398 bertarikh 3hb Oktober, 1968, Motor Vehicles (Construction and Use) Rules, 1959, supaya semua lori dan kenderaan berat mempunyai segi tiga keselamatan. Di-samping itu pula sa-waktu pemereksaan di-jalankan bagi tiap[2] enam (6) bulan sa-kali, ka-atas lori dan kenderaan berat, lori itu mesti-lah membawa bersama[2] segi tiga keselamatan dengan bertulis bilangan pendaftaran lori dan kenderaan berat tersebut. Pegawai[2] Penguatkuasa ada-lah juga membuat pemereksaan di-jalan[2] raya untok membuat kepastian bahawa tiap[2] lori dan kenderaan berat mempunyai segi tiga keselamatan.

Shor[2] Jawatankuasa Rama Iyer

21. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pengangkutan apa tindakan yang telah di-ambil oleh Keretapi Tanah Melayu bagi melaksanakan kesemua 27 shor[2] utama yang di-buat oleh Jawatankuasa Rama Iyer. Ada-kah Menteri sedar bahawa Jawatankuasa Pilehan itu menyerahkan laporan-nya dalam bulan September, 1969 dan hingga sekarang tidak nampak banyak perubahan pada Keretapi Tanah Melayu.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Langkah[2] yang di-ambil oleh Pentadbiran Keretapi di-dalam melaksanakan perakuan[2] yang telah di-kemukakan oleh Jawatankuasa Terpileh ada-lah saperti berikut:

1. Perakuan[2] yang separoh daripada-nya telah di-laksanakan dan sedang di-majukan ada-lah saperti di-bawah ini—

   (*a*) Pembentokan sa-mula jentera Pentadbiran Keretapi yang termasok:

   (i) Pembentokan satu bahagian peranchang dan penyelidekan.

   (ii) Pembahagian tanggong-jawab yang tertentu dengan perlantekan tiga Timbalan Pengurus Besar.

   (iii) Perlantekan Pegawai Perhubongan Raya di-dalam Bahagian Perniagaan.

   (*b*) Perlancharan perkhidmatan yang berchorak perniagaan.

   (*c*) Penggubalan satu ranchangan untok memodenkan perkhidmatan keretapi yang sekarang ini sedang di-dalam urusan pelaksanaan.

Keretapi Tanah Melayu

22. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah beliau sedar ia-itu penumpang[2] keretapi terpaksa menerima keadaan yang kurang menyenangkan saperti dudok di-tempat[2] dudok yang kotor dan tidak selesa, lewat bertolak dan lewat pula sampai ka-seteshen[2]. Pada masa chuti sekolah, orang ramai yang bersesak[2] menyebabkan ada di-antara penumpang yang terpaksa dudok di-atas lantai keretapi berjam[2].

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kementerian Pengangkutan dan Pentadbiran Keretapi menafikan yang penumpang[2] keretapi terpaksa mendudoki tempat[2] dudok yang kotor oleh sebab tiap[2] gerabak penumpang itu di-chuchi tiap[2] hari sa-belum di-keluarkan untok kegunaan penumpang[2]. Di-atas kelewatan bertolak dan tiba keretapi[2] penumpang; ini ada kadang kala berlaku oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan, antara-nya ia-lah oleh kerana kerja[2] membaiki landasan, kegagalan injin[2]. Di-atas perkara kesesakan di-atas teren[2] penumpang di-masa chuti, ini tidak dapat di-elakkan juga sunggoh pun pada masa chuti teren[2] tambahan di-adakan. Pentadbiran Keretapi tidak dapat menahan penumpang[2] menaiki keretapi pada masa itu sunggoh pun pehak Pentadbiran sudah banyak kali menchuba menghadkan angka[2] penumpang[2] yang boleh di-benarkan menaikki keretapi pada satu[2] teren.

23. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah telah di-kaji ranchangan untok membena dua landasan (double line rail) bagi menambahkan kechekapan perkhidmatan keretapi dan juga menggandakan pendapatan keretapi.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Perkara yang di-bangkitkan ini ada terkandong di-dalam ranchangan Pentadbiran Keretapi bagi mempermodenkan perkhidmatan-nya. Ranchangan menduakan landasan keretapi sedang di-buatkan berdasar kapada kesebokan tiap[2] satu sekshen di-landasan keretapi. Umpama-nya ranchangan menduakan landasan sedang di-majukan di-antara Kuala Lumpur ka-Salak South.

24. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Pengangkutan apa-kah suatu badan telah di-tubohkan bagi mengkaji kedudokan perkhidmatan keretapi dalam negara ini dengan tujuan menambahkan kechekapan perkhidmatan[2] keretapi untok menampong kerugian[2] yang di-alami pada tahun[2] lepas.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kementerian Pengangkutan di-dalam usaha-nya untok memperbaiki dan memodenkan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu telah memperolehi beberapa laporan saperti Laporan Benson and General Transport Survey. Pada tahun 1968 satu Jawatankuasa Terpileh telah di-tuboh oleh Kabinet bagi mengkaji dengan mendalam urusan perkhidmatan keretapi dan membuat chadangan[2] yang tertentu bagi memodenkan-nya. Chadangan[2] Jawatankuasa Terpileh ini telah pun di-kaji oleh Pentadbiran Keretapi dan Kementerian ini dan perlaksanaan-nya sedang di-majukan.

25. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pengangkutan apa-kah langkah[2] yang sedang di-jalankan untok mengelak lebeh banyak lagi keretapi[2] terkeluar dari landasan dan untok mendapatkan khidmat[2] yang lebeh bermutu dan berseh bagi pengguna[2] keretapi.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Satu Jawatankuasa yang di-pengerusikan oleh saorang ahli Lembaga Keretapi telah pun di-ujudkan dan tanggong-jawab Jawatankuasa ini ada-lah menyiasat sebab[2]-nya keretapi terkeluar daripada landasan dan mengambil langkah supaya keadaan yang menyebabkan keretapi keluar dari landasan di-atasi. Kementerian Pengangkutan dan Pentadbiran Keretapi memandang berat di-atas perkara memperelokan perkhidmatan keretapi untok penumpang[2] keretapi dan telah menyediakan satu laporan lima tahun 1971-1975 yang lengkap untok mempermodenkan perkhidmatan keretapi. Sila lihat jawapan kapada pertanyaan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang menyentoh perkara ini.

26. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pengangkutan sama ada beliau berchadang untok menyerahkan Jabatan Keretapi kapada sharikat bersendirian untok melaksanakan kerja[2] dengan lebeh terator dan boleh mendapatkan keuntongan sechara perniagaan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Y.B. Menteri Pengangkutan tidak akan menimbangkan penyerahan keretapi kapada sa-buah sharikat suwasta.

27. Tuan Lim Kit Siang bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah penumpang[2] yang menaiki Keretapi Tanah Melayu di-lindongi oleh insuran, jika tidak, mengapa.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tidak mengambil apa[2] insuran bagi melindongi penumpang[2]-nya oleh kerana Keretapi Tanah Melayu ia-lah kepunyaan Kerajaan. Sa-bagai sa-buah badan kepunyaan Kerajaan maka Pentadbiran Keretapi ada-lah tidak perlu mengambil apa[2] insuran tersebut daripada mana[2] sharikat insuran.

28. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan:

(i) Mengapa lebeh dari 500 jawatan di-semua peringkat di-Keretapi Tanah Melayu di-biarkan kosong semenjak tiga tahun yang lampau.

(ii) Ada-kah menjadi dasar kerajaan mengurangkan peluang bekerja daripada membanyakan-nya saperti yang di-buat oleh Keretapi Tanah Melayu tidak memenohkan 500 jawatan yang kosong itu, tetapi bersedia membayar di-antara $8 juta hingga $9 juta sa-tiap tahun untok bayaran lebeh masa mengakibatkan satu orang membuat kerja tiga orang.

(iii) Sama ada ia akan menyiasat masaalah ini dan merentikan perbuatan yang tidak di-ingini ini dan mempelawa permohonan[2] untok 500 jawatan yang kosong ini.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:

(i) Sebab-nya lebeh kurang 500 jawatan yang maseh tinggal kosong sejak tiga tahun lampau ia-lah kerana jawatan[2] itu perlu di-isi oleh pekerja[2] yang mahir. Mereka itu sedang di-lateh sa-bagai pelajar tukang dan mengambil masa sa-kurang[2]-nya empat tahun.

(ii) Tidak sa-kali[2] dasar Kmenterian atau Pentadbiran Keretapi mengurangkan peluang pekerjaan tetapi kekosongan jawatan[2] itu ada-lah di-sebabkan oleh penukaran umor persaraan daripada 60 kapada 55 tahun dan banyak daripada mereka terpaksa bersara kerana terlibat dengan peratoran baru itu. Ada-lah tidak benar Pentadbiran Keretapi membayar antara $8 juta hingga $9 juta sa-bagai bayaran lembor.

(iii) Pelajar[2] tukang yang akan mengisi kekosongan yang di-sebut dalam soalan ini sekarang sedang di-lateh dan tidak sa-harus-nya jawatan ini di-penohi oleh permohonan[2] baharu. Sebab jawatan[2] itu jatoh kosong ia-lah kerana umor bersara di-turunkan daripada 60 kapada 55, tahun. Lagi pula bukan semua bilangan jawatan[2] yang kosong akan di-isikan kerana di-dalam pembentokan sa-mula bilangan jawatan[2] itu boleh di-kurangkan.

29. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada ia sedar bahawa Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah menggunakan dasar mengambil sa-mula orang[2] yang telah besara kajawatan[2] tinggi dan tidak menaikkan pangkat pegawai[2] yang sedang berkhidmat menyebabkan rasa tidak puas hati di-kalangan pegawai[2] yang sedang berkhidmat dan ada-kah beliau akan mengambil apa[2] langkah[2] mengenai perkara ini.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Pentadbiran Keretapi tidak pada dasar-nya mengambil pegawai[2] yang telah bersara untok mengisi jawatan[2] yang di-kosongkan oleh pegawai[2] tersebut melainkan jika mustahak dari segi perkhidmatan. Bagaimana pun pengambilan saperti itu ada-lah jarang sakali berlaku kerana jawatan[2] yang di-kosongkan oleh sebab persaraan ada-lah di-isi oleh pegawai[2] yang berkelayakan sa-lepas mendapat kelulusan Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi.

30. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan kedudokan kewangan Keretapi Tanah Melayu sejar 1960, memberi angka berasingan untok penumpang[2] dan barang[2].

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Butir[2] berkenaan dengan gerakan dan keputusan kewangan Keretapi terkandong di-dalam rajah berikut:

KEDUDOKAN KEWANGAN KERETAPI TANAH MELAYU BAGI TAHUN[2] DI-ANTARA 1960 HINGGA 1970

	1960	*1961*	*1962*	*1963*	*1964*	*1965*	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*
	$	$	$	$	$	$	$	$	$	$	$
Pendapatan:											
Penumpang	20,133,268	19,940,892	19,680,152	18,181,723	18,692,052	19,401,007	19,346,523	18,268,570	18,230,413	17,302,489	20,125,780
Barang[2]	36,587,580	37,186,841	34,435,307	30,660,924	33,170,272	38,371,592	36,470,955	37,613,210	36,898,125	38,143,501	39,008,871
Lain[2]	9,968,462	10,635,753	11,200,437	12,124,173	11,779,725	11,104,254	11,580,999	11,386,544	10,118,766	11,025,226	10,053,476
Jumlah Pendapatan ..	66,689,310	67,763,486	65,315,896	60,966,820	63,642,049	68,876,853	67,398,477	67,768,324	65,247,304	66,471,216	69,188,127
Perbelanjaan	56,991,802	58,607,104	57,629,355	54,864,372	59,738,761	63,327,649	66,072,507	68,208,589	65,986,967	68,481,251	74,002,977
	Cr.	*Cr.*	*Cr.*	*Cr.*	*Cr.*	*Cr.*	*Cr.*	*Dr.*	*Dr.*	*Dr.*	*Dr.*
Untong/Rugi sa-belum depreciation	9,697,508	9,156,382	7,686,541	6,102,448	3,903,288	5,549,204	1,325,970	440,265	739,663	2,010,035	4,814,850
Peruntokan Depreciation ..	7,276,558	7,413,124	7,883,256	7,535,397	7,984,552	7,931,517	8,192,709	8,378,206	8,518,515	8,019,400	8,237,000
	Cr.	*Cr.*	*Dr.*	*Dr.*	*Dr.*	*Dr.*	*Dr.*	*Dr.*	*Dr.*	*Dr.*	*Dr.*
Untong/Rugi sa-lepas Depreciation	2,420,950	1,743,258	196,715	1,432,949	4,081,264	2,382,313	6,866,739	8,318,471	9,258,178	10,029,435	13,051,805

Cr. = Profit
Dr = Loss

Kerugian yang tinggi pada tahun 1969 di-sebabkan oleh peristiwa Mei 13 dan kerugian pada tahun 1970 di-sebabkan oleh bayaran arrears mengikut laporan gaji Suffian.

31. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar yang Kesatuan Sekerja Keretapi Tanah Melayu telah mengancham Pentadbiran Keretapi kerana menggunakan buroh sementara dan tidak berpengalaman untok kerja menyenggara sama ada beliau akan mengarahkan Pentadbiran Keretapi supaya mengambil orang yang berkebolehan dan memberikan mereka taraf tetap.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:

(i) Menteri Pengangkutan sedar akan kritik Kesatuan Sekerja Keretapi ka-atas penggunaan buroh konterek oleh Pentadbiran Keretapi. Penggunaan buroh konterek ia-lah untok kerja[2] sementara sahaja yang berkehendakkan buroh "casual" saperti memotong lalang di-kawasan[2] keretapi dan membaiki landasan sa-lepas banjir dan lain[2].

(ii) Menteri Pengangkutan tidak akan mengarahkan Pentadbiran Keretapi supaya mengambil buroh[2] tetap bagi kerja[2] yang tersebut oleh kerana menurut keterangan[2] daripada Pentadbiran Keretapi ada-lah terlebeh murah mengambil buroh[2] sementara bagi menjalankan kerja[2] yang tidak tetap.

32. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil untok memperbaiki perkhidmatan Keretapi yang pada masa ini terkenal kerana lewat perkhidmatan yang tidak memuaskan dan selalu sahaja terkeluar dari landasan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Langkah[2] yang telah di-ambil oleh Kementerian ini dan juga oleh Pentadbiran Keretapi bagi mempermodenkan perkhidmatan-nya ada-lah sa-bagaimana yang di-perturunkan di-bawah ini:

1. Pendiselan lokomitif[2]-nya dan ini akan melibatkan pembesaran bangsal[2] gerakan loko dan juga pemanjangan gelong[2] seliseh.
2. Ranchangan mempermodenkan gerabak[2]-nya yang termasok pengokohan penyangkok di-antara gerabak[2], penggantian gerabak[2] baru dan juga penambahan kapada gerabak[2] yang sedia ada.
3. Ranchangan menduakan landasan di-antara Kuala Lumpur/Salak South.
4. Penambahan perkhidmatan disel relkar.
5. Pembenaan dan pengelolaan sekolah latehan yang moden.
6. Ranchangan mempermodenkan alat[2] perantaraan dan semboyan.
7. Ranchangan memperkokoh Jalan Chawang, Port Dickson.
8. Menggandakan ranchangan pembaharuan landasan.
9. Melengkapkan bengkel[2] dengan mesin[2] atau alat[2] jentera yang moden.
10. Memperbaiki dan memperkuatkan keadaan[2] jembatan.

33. Tuan V. David bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah beliau sedar bahawa gerabak[2] keretapi penumpang penoh dengan lipas[2] dan lain[2] serengga[2].

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ada kemungkinan lipas dan lain serangga terdapat di-dalam dua tiga koch penumpang. Bagi mengawasi keadaan ini Pentadbiran Keretapi sentiasa menyembor koch[2] dengan ubat[2] pembinasa serangga (insecticide) dan mengasapkan-nya (fumigating) dengan menggunakan meshin "swing fog". Pentadbiran ini telah meminta nasihat dan bantuan firma[2] saperti I.C.I. dan lain[2]. Di-masa ini ubat pembinasa serangga "Vapona" sedang digunakan dan sekarang Pentadbiran Keretapi juga sedang menchuba "disinfectant con Fire" yang mana di-sifatkan lebeh kuat dan pada tiap[2] ketika.

34. Tuan V. David minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan sebab[2] yang mengakibatkan kemerosotan kechekapan di-bidang pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Ada-kah ini akibat mengambil pekerja[2] baru berdasarkan thabitan politik daripada kemahiran dan ada-kah benar banyak jawatan[2] kosong yang belum lagi di-penohi di-sebabkan oleh polisi pekerjaan baru Keretapi Tanah Melayu.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kementerian Pengangkutan tidak dapat menerima anggapan yang Pentadbiran Keretapi ada-lah merosot di-dalam perkhidmatan-nya. Sa-tahu Kementerian ini Pentadbiran itu telah menunjokkan bahawa perkhidmatan-nya ada-lah bertambah baik sa-bagaimana yang di-buktikan oleh bertambah-nya pendapatan-nya pada tahun 1970 kapada $20.1 juta ia-itu

satu pendapatan yang paling tinggi pernah di-perolehi oleh Pentadbiran Keretapi. Barang^2 yang di-angkat oleh keretapi telah meningkat ka-751 juta "ton miles" di-dalam tahun 1970 daripada 587 juta ton miles di-dalam 1965.

35. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah penumpang yang di-bawa Keretapi Tanah Melayu mengikut kelas dan berapa hasil pendapatan yang di-perolehi dari tahun 1966 hingga 1970. Sila berikan jumlah-nya saperti berikut:

Tahun	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Jumlah	Jumlah
1966	Bilangan Penumpang (Hasil)	Bilangan Penumpang (Hasil)	Bilangan Penumpang (Hasil)	Penumpang Sa-tahun	Hasil Sa-tahun
1967-1970					

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Angka^2 yang di-kehendakki di-dalam soalan ini adalah saperti berikut:

	KELAS SATU		*KELAS DUA*		*KELAS TIGA*		*JUMLAH*	
	No.	$	*No.*	$	*No.*	$	*No.*	$
1966	50,313	1,830,807	388,659	5,687,338	5,465,723	11,828,378	5,904,695	19,346,523
1967	46,199	1,636,511	347,976	5,076,613	4,916,076	11,555,446	5,310,251	18,268,570
1968	41,504	1,402,109	340,112	4,997,013	4,993,239	11,831,291	5,374,855	18,230,413
1969	39,722	1,301,602	308,901	4,377,014	4,753,177	11,623,873	5,101,800	17,302,489
1970	39,549	1,413,431	370,908	5,319,966	4,770,665	13,392,838	5,181,122	20,125,780

Pintu Ayer

36. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah beliau sedar bahawa Keretapi Tanah Melayu telah mendirikan pintu ayer ka-sa-buah anak ayer Sungai Batu di-Kampong Kasipillay tanpa kebenaran dari Jabatan Parit dan Taliayer dan pintu ayer ini menjadi puncha utama berlaku-nya banjir di-kawasan Kampong Kasipillay di-situ. Jikalau sedar, dapat-kah Menteri mengarahkan Keretapi Tanah Melayu mengambil langkah bagi menchegah banjir di-kawasan tersebut.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Sekatan ayer (small timber dam) yang di-sebutkan itu ia-lah satu sekatan ayer yang di-letakkan di-muka pembetong Keretapi No. 3 di-chawangan Batu Caves yang telah di-bena pada tahun 1910. Tujuan meletakkan sekatan ayer itu ia-lah bagi mendorongkan ayer daripada pembetong itu ka-telaga loko yang telah di-bena dalam tahun lima pulohan (sa-belum merdeka lagi). Pada masa pembenaan telaga loko itu Kampong Kasipillay ia-lah hanya sa-buah desa yang sangat kechil yang mempunyai bilangan pendudok^2 yang kechil juga dan yang terdiri daripada setinggan^2. Pada masa itu peletakan pintu ayer di-muka pembetong itu tidak-lah menghalang pengaliran ayer dan tidak-lah memberi kesulitan banjir. Oleh sebab aliran ayer itu merupakan satu longkang kechil pada masa itu Pertadbiran Keretapi tidak memikir perlu memperolehi persetujuan Jabatan Parit dan Taliayer. Tetapi oleh sebab Kampong Kasipillay sudah berkembang menjadi kawasan perumahan berselaras dengan perkembangan pendudok^2 di-Kenny Hill maka pengaliran ayer melalui pembetong ini telah menimbulkan satu kesulitan dan kadang kala menyebabkan banjir di-kawasan itu. Dan lagi oleh sebab pembetong ini di-bena 60 tahun dahulu ia-nya tidak-lah bersesuaian dengan perkembangan di-kawasan itu.

Sa-bagai jangka panjang bagi mengelakkan banjir berlaku di-kawasan Kampong Kasipillay itu satu ranchangan untok membena sa-buah jambatan di-tempat pembetong itu telah di-atorkan. Jambatan yang di-maksudkan itu ia-lah untok menggantikan pembetong yang kechil itu supaya aliran ayer di-kawasan itu dapat di-perbesarkan.

Sa-bagai jangka pendek arahan telah di-beri kapada pemandu^2 pump supaya menchabut papan^2 sekatan sa-belum mereka berhenti kerja pada tiap^2 hari dan juga di-masa^2 hujan. Ini bermaana pada malam hari dan masa hujan lebat ayer dapat mengalir dengan bebas.

Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura

37. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pengangkutan mengapa Sharikat Penerbangan M.S.A. satu[2]-nya pertalian yang abadi di-antara Malaysia dan Singapura telah di-biarkan untok berpisah.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Sebab berchadang untok memansohkan gabongan dengan Singapura dalam menjalankan penerbangan bersama ia-lah kedua[2] Kerajaan telah berpendapat bahawa ada-lah mendatangkan faedah penoh kapada kedua[2] pehak bagi mereka menubohkan sharikat penerbangan yang berasingan.

38. Tuan V. David minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan sebab[2] utama yang mendorongkan Kerajaan Singapura dan Malaysia mengambil keputusan memechahkan sharikat Penerbangan Malaysia Singapura.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ada pun sebab-nya Kerajaan mengambil keputusan untok berpisah dari perkongsian-nya dengan Singapura dalam menjalankan penerbangan bersama ia-lah kedua[2] Kerajaan telah memutuskan ia-itu ada-lah bagi kepentingan mereka bersama untok menubohkan pertubohan[2] penerbangan yang berasingan bagi kedua[2] buah negara.

39. Tuan V. David bertanya kapada Menteri Pengangkutan apa-kah tindakan yang telah di-ambil untok menjaga mutu perkhidmatan yang tinggi sa-lepas M.S.A. berpechah nanti.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Pertimbangan sekarang ini sedang di-beri untok mengambil tiap[2] langkah yang perlu bagi menyiapkan diri kita sendiri untok menubohkan penerbangan kebangsaan kita sendiri. Dalam menjalankan ini, ada-lah menjadi tujuan kita bukan sahaja untok mengekalkan taraf perkhidmatan[2] yang tinggi yang di-beri oleh penerbangan yang ada sekarang ini bahkan juga untok memperbaiki-nya lagi dimana perkhidmatan tersebut tidak terdapat di-masa yang sudah[2].

Sharikat Penerbangan Tersendiri

40. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pengangkutan dari mana-kah saloran[2] kewangan yang akan di-perolehi untok memulakan Sharikat Penerbangan yang tersendiri dan apa-kah ranchangan[2] segera serta ranchangan jangka panjang pehak Kerajaan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ada-lah terlalu awal di-perengkat ini untok menyatakan apa tanggongan kewangan sa-penoh-nya untok menubohkan Sharikat Penerbangan kita sendiri itu tetapi sechara am-nya wang yang hendak di-perolehi mesti-lah menchukupi bagi membolehkan Sharikat itu menjalankan sa-kumpulan kapal[2] terbang Fokker Friendship dan Jet Boeing.

Ranchangan[2] segera Kerajaan ia-lah untok memperbaikki perkhidmatan[2] dalam negeri dengan menyediakan perkhidmatan yang lebeh sesuai waktu-nya dan juga perulangan yang bertambah ka-tempat[2] yang mengandongi pendudok[2] ramai dalam negeri. Ia juga akan memberi pertimbangan kapada kemudahan[2] perkhidmatan di-antara Malaysia Timor dan Kuala Lumpur. Apabila telah sempurna kapal[2] terbang Malaysia sendiri akan membuat perkhidmatan penerbangan ka-beberapa kawasan yang akan di-tentukan mengikut keadaan lalu lintas dan jika lalu lintas itu mengimbangi-nya, tidak ada soal kenapa kapalterbang itu tidak boleh membuat perkhidmatan penerbangan antara bangsa juga.

Latehan Penerbangan

41. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pengangkutan berapa ramai-kah ra'ayat Malaysia yang sedang di-lateh menjadi jurutera dan pemandu kapalterbang untok M.S.A. Memandangkan pemechahan M.S.A., ada-kah Menteri memerentahkan di-buat satu ranchangan kilat bagi melateh kesemua jenis kakitangan dalam menyelenggarakan Sharikat Penerbangan Kebangsaan kita.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Setakat 1-1-1971 pemandu[2] kapalterbang dan jurutera bangsa Malaysia yang sedang dalam latehan di-bawah sekim yang di-naungi oleh M.S.A. ada-lah saperti berikut:

Pemandu Kapalterbang	...	12
Jurutera	...	21

Tambahan kapada ini, MARA juga mempunyai pemandu[2] kapalterbang dan Jurutera[2] dalam latehan dengan Quantas di-Australia dan di-Indonesia. Kelulusan telah juga di-beri kapada sa-buah sharikat tempatan bagi melateh pemandu[2] kapalterbang untok lesen pemandu kapalterbang perdagangan.

Untok Keterangan lanjut, kedudokan berkenaan Pemandu[2] Kapalterbang, Jurutera dan pekerja kanan bangsa Malaysia dalam M.S.A. sa-takat 1-1-1971 ia-lah saperti berikut tidak masok bilangan yang tersebut di-atas:

Pemerentah[2]	13
Penolong Pemandu	43
Jurutera	39

Satu daripada tugas pakar[2] yang akan di-ambil untok penubohan Sharikat Penerbangan kita ia-lah menyediakan ranchangan[2] latehan kakitangan Sharikat Penerbangan kita itu.

42. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau mempunyai apa[2] ranchangan untok menubohkan sa-buah pusat bagi melateh pemandu[2] kapalterbang untok negara[2] ASEAN mengganti sistem yang ada sekarang ia-itu negara[2] ASEAN mengadakan achara[2] latehan yang berasingan bagi negeri[2] mereka.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Satu chadangan untok menubohkan Universiti Penerbangan ASEAN di-Filipina yang akan di-biayai dan di-tadbirkan bersama oleh negara[2] yang menjadi ahli ASEAN telah di-serahkan oleh Filipina.

Tujuan Universiti itu ia-lah bagi menyediakan, antara lain, sa-buah sekolah pusat bagi melateh pemandu[2] kapalterbang perdagangan dan lain[2] kakitangan yang membantu.

Soalan[2] bagi chadangan ini telah di-edarkan kapada negara[2] yang menjadi ahli ASEAN dan ada-lah di-fahami bahawa perkara itu maseh di-dalam pertimbangan.

Kemudahan[2] di-Lapangan Terbang Subang

43. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah beliau sedar kemudahan[2] imigeresen, kesihatan dan kastam bagi penerbangan[2] yang sa-makin bertambah di-Lapangan Terbang Subang ada-lah sangat tidak memadai sa-hinggakan kadang[2] orang yang pergi datang kena menunggu sampai satu jam lama-nya sa-belum kertas[2] imigeresen dan kesihatan mereka selesai di-pereksa dan kelambatan bagini tidak boleh di-biarkan berlaku jika kapalterbang[2] Jumbo Jet mendarat di-Subang. Jika sedar, apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil bagi memperbaiki kemudahan[2] itu.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kemudahan[2] Imigeresen, Kesihatan dan Kastam di-Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah di-perbaiki dan hanya-lah apabila kedatangan penumpang ramai dengan serentak saperti ketibaan penerbangan[2] charter bertentangan dengan penerbangan berjadual baru-lah terdapat sedikit kelewatan. Soal penyediaan kemudahan[2] chukup bagi penumpang[2] biasa dan juga jet[2] jumbo sedang giat di-atasi. Ranchangan bagi memperbaiki bangunan itu untok mengurangkan kesesakan penumpang[2] dan menambah dan memperbaiki kemudahan[2] mengendalikan barang[2] telah di-sediakan oleh Jabatan Kerja Raya dan akan di-laksanakan sa-chepat mungkin.

44. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pengangkutan sama ada beliau sedar bahawa bumbong di-lapangan terbang di-Subang kini telah bochor, kebisingan dari kapal[2] terbang memekakkan telinga kerana ketiadaan tebat bunyi dan tidak ada sa-ketul sabum di-dapati dalam bilek tandas di-dalam bangunan yang megah tersergam dengan menelan belanja kurang lebeh 50 juta ringgit itu.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Saya sedar berkenaan perkara ini dan telah mengarahkan pegawai[2] yang mengambil segala tindakan untok memperbaiki perkara ini. Bumbong itu ada-lah dalam jaminan dan tindakan telah pun di-ambil untok memereksa bumbong itu oleh Perunding[2] persendirian, yang telah melaksanakan projek itu, untok memperakukan langkah[2] yang sesuai bagi memperbaiki-nya.

Memasang hawa dingin yang penoh bagi bangunan Lapangan Terbang supaya tidak di-tembusi suara akan memakai perbelanjaan yang berlebeh[2]an. Walau bagaimana pun, apabila ranchangan[2] yang sekarang ini telah di-perbuat bagi memperbaiki bangunan ini di-laksanakan kebisingan[2] itu akan dapat di-kurangkan.

Sabun sentiasa di-sediakan di-tandas[2] lapangan terbang tetapi sa-chepat mana ia di-ganti sa-chepat itu pula ia hilang. Keadaan bagitu berlaku istimewa-nya di-tandas[2] orang ramai. Untok mengelakkan ini, tabong pemanchut sabun ayer telah di-sediakan di-dalam tandas[2] dan dari 10 yang di-sediakan di-tandas orang ramai dua telah di-tanggalkan dari tempat-nya dan 3 penutup screw tabong-nya telah di-churi.

Lapangan Terbang di-Port Dickson

45. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Pengangkutan mungkin-kah dapat di-bena lapangan terbang di-Port Dickson dengan menggunakan sa-penoh-nya alat[2] pelanchongan di-pantai tersebut bagi pelan-chong[2] antarabangsa yang melawat Kuala Lumpur.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ya ada. Satu kajian permulaan ka-atas tapak[2] di-Port Dickson bagi landasan yang sesuai untok kapalterbang rengan telah di-buat. Nilaian teknikal sedang di-sempurnakan.

Perkhidmatan Udara Luar Bandar

46. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan apa-kah lang-kah[2] yang telah di-ambil untok memulakan perkhidmatan udara bagi kawasan luar bandar di-Malaysia Barat.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kemen-terian ini sedar di-atas keperluan mengadakan perkhidmatan penerbangan luar bandar di-Malaysia Barat sa-bagai tambahan kapada perkhidmatan[2] domestic yang ada sekarang. Ini-lah satu perkara yang akan di-titek beratkan sa-telah kita mempunyai Sharikat Penerbangan kita sendiri.

Pelabohan Melaka

47. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pengangkutan menyatakan apa-kah sama ada Kerajaan telah menchapai sa-barang keputusan hendak membena sa-buah pela-bohan di-Melaka, dan berikan butir[2]-nya.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Jemputan telah pun di-buat kapada Sharikat[2] Perunding tempatan untok menghantarkan chadangan tidak lewat daripada 28hb Februari, 1971 bagi mengadakan kajian untok menentukan sama ada Melaka memer-lukan kemudahan[2] pelabohan di-suatu tempat yang baharu saperti di-Tanjong Keling dengan kerana pelabohan Melaka yang ada sekarang ini chetek. Keputusan sama ada Kerajaan akan membina kemudahan pela-bohan Melaka ada-lah bergantong kapada kajian ini dan dapat-nya wang di-peruntok-kan.

Pelabohan Pulau Pinang

48. Tuan V. David bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah beliau sedar bahawa pekerja[2] pelabohan Pulau Pinang tidak mempunyai kemudahan[2] kantin yang baik dan juga tempat berehat pada waktu berhenti makan. Dapat-kah Kerajaan bertindak me-nyelideki perkara ini dan mengambil tindakan[2] yang wajar dengan sa-chepat mungkin.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Semua pekerja[2] pelabohan yang bekerja dengan Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang ada mempunyai kemudahan[2] yang chukup me-ngenai kantin, dan tempat berehat pada masa kelepasan makan.

Mengenai pekerja[2] yang bekerja dengan Sharikat[2] Punggah Memunggah Bersendirian, kemudahan[2] yang tersebut belum lagi ada. Bagaimana pun Lembaga Perburohan Pela-bohan yang bertanggong-jawab mengenai perkara[2] kebajikan dan masharakat pekerja[2] yang bekerja dengan Sharikat[2] Punggah Memunggah Bersendirian sudah ada ran-changan hendak membena sa-buah bangunan buroh di-mana kemudahan kantin dan tem-pat rehat masa kelepasan makan akan di-sediakan.

Perkhidmatan Feri

49. Tuan V. David bertanya kapada Menteri Pengangkutan sama ada Kerajaan akan mengambil tindakan[2] yang patut untok mem-perbaiki kelichinan perkhidmatan feri di-antara Butterworth dengan Pulau Pinang terutama sekali pada waktu[2] sebok dan pada hari[2] chuti.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Perkhid-matan feri di-antara Butterworth dan Pulau Pinang bukan-lah kurang kechekapan-nya tetapi kekurangan kapal[2] feri dan juga jeti-nya. Bagaimana pun sa-buah daripada dua buah feri yang di-tempah baru ini akan siap dalam bulan Mach dan yang lagi satu dalam bulan Mei tahun ini. Dengan penambahan dua buah feri maka Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang dapat mengendalikan kehen-dak[2] penumpang[2] dan juga kereta[2] dengan chepat lagi. Bagi masa[2] chuti atau pun saperti masa tiba-nya Kapal[2] Haji, penoh sesak harus juga tidak dapat di-elakkan oleh kerana membuat penyediaan kemudahan bagi be-berapa hari sahaja dalam sa-tahun tidak-lah praktik dari segi ekonomi.

Perkhidmatan Kajichuacha

50. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pengangkutan sama ada langkah[2] akan di-ambil untok menyediakan ke-mudahan[2] yang tertentu agar sesuatu perkara saperti banjir atau gerak gempa dapat di-kesan dengan lebeh awal.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Perlu di-terangkan di-sini bahawa Perkhidmatan Kajichuacha Malaysia tidak bertanggong-jawab ka-atas ramalan banjir[2] tetapi hanya ka-atas hujan[2] lebat yang mungkin mengakibatkan banjir.

Banjir di-sesuatu tempat ada-lah di-sebabkan oleh, di-samping hujan lebat, lain perkara saperti taliayer, paras sungai, hala aliran dan lain[2]. Perkhidmatan ini menyampaikan amaran hujan lebat kapada Jabatan Parit dan Taliayer, Polis, orang ramai dan lain[2] kelompok yang berminat yang mana akan sentiasa memerhati keadaan di-kawasan[2] yang selalu berlaku banjir.

Perkhidmatan Kajichuacha Malaysia telah mengambil langkah[2] berikut dengan tujuan bukan sahaja untok memperbaikki ramalan[2] hujan lebat tetapi juga menggabongkan dirinya terhadap ramalan[2] banjir:

(i) Satu Bahagian Kajichuacha telah di-bentok bagi menubohkan satu hubongan sekshen kajichuacha di-seluroh Malaysia supaya dapat di-salorkan teknik[2] untok meramalkan hujan lebat dan banjir. Kakitangan professional telah di-ambil bekerja dan di-lateh mengendalikan bahagian ini di-Ibu Pejabat di-Petaling Jaya. Perkhidmatan sa-orang pakar kajichuacha maseh di-tunggu untok membantu bahagian ini yang mana apabila telah bertugas sa-penohnya dapat menyediakan amaran[2] awal dan kemungkinan mengakibatkan banjir bukan sahaja di-Malaysia Barat tetapi juga di-Malaysia Timor.

(ii) Tiga buah Radar Amaran Ribut 10-cm PPI yang kuat telah di-pesan untok tahun 1971 dan akan mula sampai kira[2] dua atau tiga bulan lagi. Radar[2] ini akan di-tempatkan di-Kota Bharu, Kuala Lumpur dan Kuantan bagi mengesan kawasan[2] chuacha burok dan anggaran lebat hujan yang mana adalah faktor yang perlu bagi ramalan banjir. Banyak lagi radar[2] akan di-pesan semasa Ranchangan Malaysia Kedua dan ini akan di-tempatkan di-Mersing, Kota Kinabalu dan Kuching.

(iii) Menyedari kegunaan gambar[2] chuacha satelit untok mengeluarkan amaran awal kemungkinan berlaku-nya hujan lebat, Perkhidmatan ini sekarang memperbesarkan kegiatan[2] Setesen Otomatik mengesan chuacha (Sekshen APT) di-Kuala Lumpur. Sa-buah bangunan baru telah di-bena dan ia akan siap dalam sa-bulan dua lagi bagi menempatkan berbagai kelengkapan satelit mengesan chuacha. Sa-buah sistem mengesan yang lebeh baik akan juga di-mulakan. Ini akan termasok penerimaan gambar[2] satelit chuacha infra-red ketika malam. Dengan gambar[2] satelit yang di-dapati sepanjang 24 jam, maka akan ada-lah kemungkinan untok meramalkan sa-kurang[2]-nya lima ka-tujoh hari di-hadapan perubahan[2] chuacha dan gangguan[2] mansoon di-sekitar Malaysia.

(iv) Sementara itu Perkhidmatan ini sentiasa memperbesarkan ranchangan-nya untok menubohkan banyak lagi seteshen[2] ramalan dan seteshen udara-atas di-seluroh Malaysia untok memajukan lagi teknik[2] ramalan chuacha. Setelah radiosonde dan radiowind bersama dengan seteshen ramalan yang baru telah di-chadangkan untok Ranchangan Malaysia kedua. Ranchangan itu juga termasok memesan kelengkapan electronik yang sederhana saperti ceilommeters, transmissometer, kelengkapan fascimile dan lain[2] yang mana kesemuanya akan memajukan lagi ramalan[2] chuacha.

Scismoloji bukan-lah satu dari kegiatan[2] Perkhidmatan Kajichuacha masa ini. Walau bagaimana pun, chadangan telah di-buat dalam Ranchangan Malaysia Kedua untok menubohkan seteshen Scismolojikal di-Kuala Lumpur beberapa tahun lagi bagi menchatet gempa bumi. Memandangkan kejadian gempa bumi yang kechil baru ini, yang mengakibatkan orang ramai ketakutan, ada-lah perlu menubohkan seteshen ini lebeh awal, barangkali dalam tahun 1971 dan 1972.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Pengeluaran Getah

51. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan:

(*a*) jumlah dan nilai tahunan pengeluaran getah dari (i) ladang[2] dan (ii) kebun[2] kechil;

(*b*) jumlah ekar (i) ladang[2] dan (ii) kebun[2] kechil;

(*c*) jumlah pekerja[2] (i) di-ladang[2] dan (ii) di-kebun[2] kechil;

memberi angka[2] di-semua bahagian bagi tiap[2] tahun sejak 1950.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohd. Khir Johari): Butir[2] yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu boleh didapati dari penchetakan[2] yang berikut:

(i) Buku Ma'alumat Getah 1964 bagi Malaysia Barat;

(ii) Siaran Perangkaan Bulanan bagi Malaysia Barat; (Kedua[2]-nya pengeluaran Jabatan Perangkaan); dan

(iii) Siaran Perangkaan Kumpulan Pengkajian Getah Antarabangsa keluaran November 1970. Pengeluaran Kumpulan Pengkajian Getah Antarabangsa (IRSG).

Bekalan Letrik

52. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah beliau sedar bahawa Kampong Baharu Damansara, Kampong Damansara dan Kampong Sungei Penchala dalam daerah Kuala Lumpur belum lagi mendapat bekalan api letrik, walau pun Kampong tersebut berhampiran dengan Ibu Kota. Jika ya, ada-kah Menteri akan memasokkan kampong[2] tersebut dalam ranchangan membekalkan kuasa letrik untok kawasan luar bandar pada tahun ini atau tahun 1972.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kampong Damansara termasok Kampong Baharu Damansara dan Kampong Sungei Penchala di-dalam Daerah Kuala Lumpur masing[2] telah di-masokkan sa-bagai shor[2] untok bekalan letrik bagi Ranchangan Malaysia Kedua dalam tahun 1971 dan 1972. Sama ada kampong[2] ini selanjut-nya akan di-masokkan ka-dalam Ranchangan Malaysia Kedua belum lagi dapat di-tentukan.

53. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Perusahaan dan Perdagangan menyatakan berapa banyak kampong[2] yang kini belum lagi mempunyai bekalan letrik; dan menyatakan langkah[2] yang sedang di-ambil oleh Kementerian beliau untok membekalkan letrik ka-kampong[2] tersebut.

Tuan Mohd. Khir Johari: Sebahagian besar bilangan Kampong[2] Baharu Kerajaan telah di-beri bekalan letrik dalam tahun 1953 atau pun 1954 yang pada mula-nya bertujuan mengadakan lampu untok sempadan[2] kawasan kampong[2] baharu ini. Semenjak itu bekalan letrik tidak pernah di-tarek balek daripada mana[2] kampong[2] ini sunggoh pun separoh daripada mereka telah di-jualkan kapada Pemegang[2] Lesen Awam sementara separoh lagi telah di-bekalkan sechara "bulk" oleh Lembaga Letrik Negara.

Memandangkan keadaan ini, Lembaga ini tidak-lah dapat memberikan senarai Kampong[2] Baharu yang tidak di-bekalkan dengan kuasa letrik.

Perhubongan Perdagangan dan Perusahaan

54. Tuan Hor Cheok Foon bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sama ada Kerajaan bersetuju mengizinkan rombongan Perdagangan dan perusahaan melawat ka-Komunis China untok menubohkan Perhubongan Perdagangan antara kita.

Tuan Mohd. Khir Johari: Sa-benar-nya perhubongan perdagangan di-antara Malaysia dengan China Komunis sudah sedia terjalin dan China Komunis ada-lah satu daripada negeri[2] yang penting yang berdagang dengan Malaysia. Mengikut perangkaan[2] yang di-dapati jumlah perdagangan Malaysia dengan negeri itu telah meningkat sejak tiga tahun yang lepas saperti berikut:

Tahun	Jumlah (Juta)
1967	$286.39
1968	319.33
1969	349.92

Yang lebeh mustahak dan patut di-beri perhatian ia-lah dari angka[2] yang tersebut terbokti-lah "the balance of trade" telah beransor baik untok Malaysia. Sebab-nya ia-lah eksepot getah dari Malaysia dari tahun 1967 telah bertambah dan juga impot dari negeri China kurang dalam masa yang sama. Butir[2] berikut menerangkan kedudokan perdagangan antara Malaysia dengan China Komunis:

Tahun	Impot	Eksepot	Jumlah perdagangan	"Balance of Trade"
1967 ...	$266.16	$ 20.23	$286.39	$-245.93
1968 ...	242.95	76.38	319.33	-166.57
1969 ...	213.51	136.41	349.92	- 77.10

(Jumlah[2] dalam $ juta)

Memandangkan betapa penting-nya negeri China Komunis sa-bagai satu negeri yang berdagang dengan Malaysia, Kementerian saya akan menimbangkan untok menghantar rombongan perdagangan dan perusahaan melawat negeri itu pada satu masa yang sesuai nanti.

Pekebun[2] di-Cameron Highlands

55. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apakah langkah[2] yang akan di-ambil oleh Kementerian beliau untok membela kepentingan[2] petani Cameron Highlands kerana terdapat persaingan sayoran dari Indonesia dan Taiwan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah pun mengenakan sekatan kota (quota) atas kemasokan kobis dari luar negeri termasok-lah China, Taiwan dan Indonesia yang mana telah menyebabkan kerugian kapada pekebun[2] di-Cameron Highlands. Kobis ada-lah merupakan sayor yang utama bagi pekebun di-Cameron Highlands. Kota impot dikenakan pada masa pengeluaran tempatan dari Cameron Highlands sampai kapada peringkat terlalu banyak. Langkah ini menjaminkan pasaran untok pekebun[2] di-Cameron Highlands, dan paras kota di-ulangkaji tiap[2] tahun untok menentukan supaya ia-nya tidak akan menyebabkan kekurangan atau bekalan yang berlebehan.

Jangka masa kota pada masa ini ia-lah antara 15hb Disember, 1970 dan 14hb Jun, 1971, kerana pada jangka masa ini pekebun[2] Cameron Highlands dapat memenohi 40% dari keperluan tempatan. Pada masa[2] sa-lepas atau sa-belum jangka masa tersebut sekatan terhadap pengimpotan ini ada-lah di-longgarkan kerana bekalan kobis dari Cameron Highlands sangat kurang.

Dengan chara ini Kerajaan bukan hanya memberi perlindongan kapada pekebun[2] di-Cameron Highlands tetapi juga kapada pengguna[2] tempatan.

Kawasan Perusahaan Senawang

56. Dr Chen Man Hin minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menghantar sa-orang pakar pelaboran untok mengkaji dan melaporkan penanaman modal di-Estet Perusahaan Senawang, Seremban dan menyiasat sambutan yang berkurangan oleh pemodal[2] Estet Perusahaan Senawang.

Tuan Mohd. Khir Johari: Saya bersukachita memberitahu Ahli Yang Berhormat ia-itu FIDA sekarang ini sedang membuat satu kajian bagi menaksir kemungkinan perusahaan bagi Negeri Sembilan dan Melaka. Saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu terdapat sambutan yang sangat tidak memuaskan terhadap Kawasan Perusahaan Senawang.

Untok maaluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sembilan telah di-berikan pinjaman sa-jumlah lebeh kurang $4.4 juta bagi memajukan Kawasan Perusahaan Senawang. Dari jumlah ini, sa-banyak $1.6 juta telah di-perolehi semula melalui pembayaran balek pinjaman wang.

Kawasan Perusahaan itu ada-lah sa-luas 400 ekar dan jika tidak di-kira kawasan yang di-perlukan bagi perkhidmatan[2] saperti jalan raya, longkang[2], dll., luas kawasan sebenarnya yang boleh di-gunakan oleh perusahaan[2] ia-lah 330 ekar, di-pechahkan kapada 123 lot tersendiri dari berbagai[2] saiz.

Pada awal Februari 1971, kedudokan Kawasan Perusahaan Senawang ia-lah:

(i) 5 buah kilang mendudoki keluasan tanah 20.1 ekar telah memulakan kerja.

(ii) 1 buah kilang mendudoki keluasan tanah 4.2 ekar sedang dalam benaan.

(iii) 12 buah kilang telah di-luluskan tanah seluas 59 ekar dan akan memulakan kerja tiada berapa lama lagi.

(iv) Dari keterangan di-atas boleh di-saksikan ia-itu jumlah keluasan sama ada yang telah di-dudoki atau pun telah di-luluskan kapada perusahaan[2] ia-lah seluas 83.3 ekar. Baki sa-banyak lebeh kurang 247 ekar maseh boleh di-perolehi oleh perusahaan[2].

Kementerian saya sedang giat berusaha supaya banyak lagi perusahaan[2] dapat di-jalankan di-Senawang dan ada-lah di-harap bahawa lambat laun kita akan berjaya.

57. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Perusahaan dan Perdagangan menyatakan sebab[2] kegagalan projek "Senawang Industrial Estate", di-Seremban, jumlah kerugian yang di-alami oleh Kerajaan, dan apa-kah yang akan di-buat oleh Kerajaan dengan tempat kosong tersebut.

Tuan Mohd. Khir Johari: Saya tidak-lah bersetuju bahawa Kawasan Perusahaan Senawang telah "gagal langsong". Akan tetapi saya bersetuju yang Kawasan Perusahaan ini tidak-lah sebegitu berjaya saperti Petaling Jaya atau pun Batu Tiga. Untok memahami

sebab[2] kurang berjaya-nya projek ini perlu-lah kita mengkaji keadaan dalam mana Kawasan Perusahaan Senawang telah di-majukan. Kerja[2] keatas kawasan ini telah di-mulakan sebelum konfrantasi dengan Indonesia. Dua tahun konfrantasi telah me-libatkan suasana pelaboran Malaysia dan sejumlah besar perusahaan[2] yang di-jangka akan di-dirikan di-Malaysia telah tidak di-dirikan kerana menunggukan kesan pena-matan konfrantasi.

Dengan tamat-nya konfrantasi pada tahun 1965, telah di-duga mana[2] perusahaan yang tidak mendapat tapak[2] di-Selangor, ter-utama-nya, apabila Petaling Jaya pada masa itu telah hampir penoh, akan berpindah ka-Senawang di-mana telah pun di-sediakan pada masa itu, kemudahan[2]. Akan tetapi Kerajaan Negeri Selangor telah memulakan kerja untok memajukan satu kawasan per-usahaan yang baharu di-Batu Tiga pada masa itu juga, dan beberapa kilang yang telah menyatakan hasrat yang kuat untok pergi ka-Senawang telah bertukar ka-Batu Tiga dengan serta merta. Di-dalam kumpulan[2] perusahaan[2] ini, perlu-lah saya nyatakan terutama-nya tentang perusahaan[2] pengguna yang ber-gantong kapada perhubongan yang mudah dengan para pengguna yang kebanyakan-nya di-dapati tinggal di-negeri Selangor.

Berkenaan dengan Senawang pula, saya berasa yakin ia-itu jika di-beri beberapa waktu, banyak lagi perusahaan[2] yang ber-lainan jenis ia-itu perusahaan[2] yang berasas-kan bahan[2] asli, akan berpindah ka-Sena-wang. Bagi menentukan perusahaan[2] yang sesuai di-dirikan di-Senawang, saya telah pun mengarahkan FIDA untok membuat satu kajian kemungkinan perusahaan bagi Negeri Sembilan dan Melaka.

Oleh itu, jelas-lah Kerajaan tidak-lah begitu bimbang tentang tapak[2] kosong yang terdapat di-Senawang, dan dengan titik-berat yang lebeh yang di-berikan keatas penye-baran perusahaan[2] kapada kawasan[2] yang kurang maju di-negeri ini, di-dalam beberapa tahun yang akan datang ini akan dapat di-saksikan beberapa perubahan yang besar di-Senawang.

58. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berapa banyak-kah dari jumlah $4,073,702.26 yang telah di-belanjakan oleh Kerajaan Pusat untok Estet Perusahaan Senawang telah dapat di-pungut balek dari Kerajaan Negeri Sem-bilan. Berapa luas-nya estet perusahaan itu. Berapa luas-nya tanah yang telah di-ambil dan berapa pengusaha[2] telah masok ka-situ.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kerajaan Negeri Sembilan telah di-berikan pinjaman sejumlah lebeh kurang $4.4 juta bagi memajukan Kawasan Perusahaan Senawang. Dari jumlah ini, sa-banyak $1.6 juta telah di-perolehi semula melalui pembayaran balek pinjaman wang.

Kawasan Perusahaan itu ada-lah seluas 400 ekar dan jika tidak di-kira kawasan yang di-perlukan bagi perkhidmatan[2] jalan raya, longkang[2], dll., luas kawasan sebenar-nya yang boleh di-gunakan oleh perusahaan[2] ia-lah 330 ekar, di-pechahkan kapada 123 lot tersendiri terdiri dari berbagai[2] saiz.

Pada awal Februari 1971, 5 buah kilang yang mendudoki sejumlah 20.1 ekar telah memulakan kerja di-kawasan perusahaan ter-sebut dan sa-buah kilang lain yang men-dudoki kawasan seluas 4.2 ekar ada-lah sedang di-bena sekarang.

Selain daripada ini, sa-banyak 12 buah sharikat lagi telah di-luluskan untok men-dapat tapak[2] seluas 59 ekar. 12 buah shari-kat[2] ini di-jangka akan memulakan pem-benaan tidak berapa lama lagi.

Dari itu, dapat-lah di-saksikan ia-itu jum-lah luas kawasan sama ada yang telah di-dudoki atau pun telah di-luluskan kapada perusahaan[2] ia-lah seluas 83.3 ekar, mem-punyai baki sa-banyak lebeh kurang 247 ekar yang maseh boleh di-perolehi oleh per-usahaan[2].

Pehak Kementerian sedang giat berusaha supaya banyak lagi perusahaan[2] dapat di-jalankan di-Senawang dan ada-lah di-harap bahawa lambat laun kita akan berjaya.

Pelanchong

59. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahaan dan Perdagangan menyatakan bagaimana-kah Malaysia berbanding dengan Negara[2] Asia yang lain dalam menarek lebeh banyak pelanchong[2]; dan berikan angka[2] negeri demi negeri bilangan pelanchong[2] dan wang yang di-perolehi dari pelanchongan untok lima tahun yang lepas; dan nyatakan apa-kah langkah[2] yang sedang di-ambil untok menjadikan pelanchongan sumber pendapatan yang besar bagi Malaysia.

Tuan Mohd. Khir Johari: Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyiarkan satu laporan tahunan berkenaan dengan Statistik Pelanchongan yang memberi segala bentok statistik berkenaan bidang ini.

Amat-lah sukar untok membuat bandingan statistik yang di-keluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan lain[2] negeri kerana chara[2] menyusun statistik berlainan dari negeri ka-negeri. Misal-nya, perangkaan pelanchongan Malaysia hanya merekodkan ketibaan[2] langsong menerusi udara dan laut ka-Malaysia Barat, tetapi ketibaan menerusi jalan raya dan keretapi dari Singapura dan Negeri Thai tidak di-masokkan ka-dalam perangkaan ini, manakala statistik Negeri Thai dan Singapura pula mengandongi semua jenis ketibaan termasok-lah pelanchong[2] daerah saperti warganegara Malaysia yang masok ka-Negeri Thai dan Singapura.

Kita akan hanya dapat membandingkan perangkaan apabila kita melancharkan sistem yang di-chadangkan, ia-itu peratoran kemasokan dan keluar negeri (entry/exit formalities) di-Tambak Johor dan lain[2] jalan masok, dan menyusun pemungutan angka[2] ketibaan pelanchong[2] ini dengan hetong pelanchong di-Malaysia Timor.

Merujok kapada pertanyaan yang akhir, saya telah mengatorkan supaya Jabatan Pelanchongan menghantar satu salinan Siaran Berita "See Malaysia" tiap[2] bulan supaya dapat Yang Berhormat Ahli Dewan mengetahui apa-kah langkah[2] yang kita telah ambil untok membuat bidang pelanchongan sa-bagai satu puncha pencharian mata wang yang terbesar kapada Malaysia.

Taraf Perintis

60. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan berapa banyak permohonan yang Kerajaan telah terima untok perusahaan taraf perintis di-antara Mei, 13, 1969 dan 31hb Disember, 1969, dan berapa permohonan[2] yang telah di-beri taraf tersebut dengan memberi senarai bagi tiap[2] pemohon yang berjaya, modal-nya, jenis perusahaan, tarikh mula mengeluarkan hasil, bilangan pekerja[2] yang di-ambil pada permulaan, dan jika penanaman modal luar negeri yang terlibat, nama negara yang menanam modal dan peratus modal-nya.

Tuan Mohd. Khir Johari: Bilangan permohonan[2] bagi taraf perintis yang telah diterima di-dalam tempoh 13hb Mei, 1969 hingga 31hb Disember, 1969, berjumlah 188. Dalam jangka masa yang sama, 74 buah sharikat telah di-berikan kelulusan taraf perintis pada dasar-nya.

Butir[2] berkenaan permulaan pembenaan dan pengeluaran ada-lah buat sementara sahaja, tetapi di-dalam pengalaman kami, sharikat[2] yang telah di-berikan kelulusan selalu-nya memulakan pengeluaran di-dalam tempoh selama 18 hingga 24 bulan mulai tarikh kelulusan. Maklumat tentang nama, bentok modal, dll., bagi satu[2] sharikat ada-lah di-rahsiakan menurut kehendak[2] yang terkandong di-dalam Akta. Angka[2] timbun-tambah mengikut kelas[2] perusahaan ada-lah terkandong di-dalam Jadual I yang di-lampirkan.

JADUAL I

KELULUSAN TARAF PERINTIS DI-ANTARA 13HB MEI, 1969 HINGGA 31HB DISEMBER, 1969

	Perusahaan	*Jumlah Pertubohan*	*Modal yang di-benarkan*	*Modal yang di-pinta*	*Modal Asing yang di-pinta*	*% Modal Asing yang di-pinta*	*Pekerjaan (Jumlah)*
			$	$	$		
1.	Makanan dan minuman..	3	7,170,000	3,845,000	1,308,000	34%	1,312
2.	Pengeluaran kainbaju (textile)	5	30,500,000	18,300,000	8,927,000	49%	2,268
3.	Kayu dan Barang² Kayu	21	176,000,000	62,630,000	16,805,000	27%	5,606
4.	Barang² Kulit dan Getah	4	8,000,000	3,400,000	1,010,000	30%	294
5.	Bahan² Kimia dan Barang² Kimia	15	32,700,000	22,100,000	4,626,000	21%	2,811
6.	Minyak Petroleum dan Arang Batu	1	1,000,000	275,000	—	—	44
7.	Barang² bukan logam	3	18,000,000	6,500,000	1,963,000	30%	316
8.	Barang² logam	6	18,000,000	7,432,000	3,038,000	41%	291
9.	Barang² Logam Asas	1	1,000,000	500,000	—	—	53
10.	Mesen dan Perkakas Pengangkutan	2	2,500,000	625,000	306,000	49%	75
11.	Mesen Letrik, Perkakas dan Peralatan²	4	17,000,000	7,600,000	3,163,000	42%	352
12.	Kertas, Perchetakan dan Penerbitan	1	750,000	400,000	—	—	165
13.	Perkhidmatan² Recreation	2	16,000,000	10,200,000	2,000,000	20%	1,017
14.	Lain² Pengeluaran	6	15,500,000	2,270,000	511,000	23%	393
	JUMLAH BESAR ..	74	344,120,000	146,077,000	43,657,000	30%	14,997

61. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan berapa banyak permohonan yang telah di-terima untok perusahaan taraf perintis bagi tahun 1970, dan berapa banyak permohonan yang telah di-luluskan dengan memberi jenis perusahaan modal yang di-gunakan, tarikh mula mengeluarkan hasil, bilangan pekerja yang di-ambil pada mula-nya bagi tiap[2] pemohon yang berjaya; dan jika penanaman modal asing terlibat, nama negeri dan peratus modal-nya.

Tuan Mohd. Khir Johari: Dalam tahun 1970, sa-jumlah 241 permohonan[2] telah di-terima bagi taraf perintis. Dalam jangka masa ini, sa-banyak 173 telah di-berikan kelulusan taraf perintis pada dasar-nya. Angka[2] timbun-tambah menurut kelas[2] perusahaan ada-lah di-sertakan di-dalam Jadual II.

JADUAL II

SHARIKAT[2] YANG DI-BERI KELULUSAN TARAF PERINTIS OLEH PERUSAHAAN, 1970

Perusahaan	*Jumlah Pertubohan*	*Modal yang di-benarkan*	*Modal yang di-pinta*	*Modal Asing yang di-pinta*	*% Modal Asing yang di-pinta*	*Pekerjaan*
		$	$	$		
1. Makanan dan minuman	15	41,600,000	13,450,000	4,065,000	30%	1,199
2. Textile	14	94,500,000	37,036,000	15,571,000	42%	2,103
3. Kayu dan Barang[2] Kayu	32	271,600,000	82,368,000	9,440,000	11%	7,092
4. Kertas, Perchetakan dan Penerbitan	1	1,000,000	500,000	245,000	49%	21
5. Barang[2] Kulit dan Getah	3	7,400,000	3,200,000	1,720,000	54%	898
6. Bahan[2] Kimia dan Barang[2] Kimia	12	34,800,000	19,300,000	3,868,000	20%	861
7. Minyak Petrol dan Arang Batu	1	260,000	260,000	—	—	46
8. Barang[2] Bukan Logam	15	69,800,000	29,100,000	10,429,000	36%	2,100
9. Barang[2] Logam Asas	4	33,000,000	9,500,000	3,700,000	39%	661
10. Barang[2] Logam	18	41,500,000	14,950,000	1,406,000	9 %	3,412
11. Mesen dan Perkakas Pengangkutan	11	32,300,000	6,500,000	3,836,000	59%	795
12. Mesen Letrik, Perkakas dan Peralatan	15	37,950,000	19,520,000	12,125,000	62%	3,068
13. Lain[2] Perusahaan	30	111,700,000	51,680,000	18,354,000	36%	9,287
14. Perkhidmatan[2] Recreation	2	50,000,000	30,000,000	4,900,000	16%	3,449
JUMLAH BESAR	173	827,410,000	317,364,000	89,659,000	28%	34,992

Visa bagi Pelanchong²

62. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak pelanchong yang berchadang melawat Malaysia dari Hong Kong membatalkan ranchangan mereka kerana mereka terpaksa menunggu 40 hari untok mendapat masok dan nyatakan apa-kah tindakan² yang sedang di-ambil untok memperchepatkan pengeluaran visa² kapada pemegang² Kad pengenalan dan paspot antarabangsa supaya Malaysia dapat keuntongan yang lebeh dari pelanchongan.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kerajaan telah pun mengamalkan peratoran lawatan tanpa visa selama 7 hari dan hak keistimewaan ini juga di-beri kapada warga negara Hong Kong dan warga negara dari semua negeri kechuali 10 buah negeri sahaja. Kerajaan berchadang untok menubohkan satu Perwakilan di-Hong Kong dan penubohan ini akan dapat memperchepatkan kelulusan visa bagi pelanchong² dari Hong Kong yang ingin melawat Malaysia lebeh dari 7 hari.

Loji Petrol Kimia

63. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah kemungkinan membena sa-buah loji petrol kimia di-Port Dickson memandangkan adanya dua buah kilang penapisan minyak petrol di-sana.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kementerian saya telah pun mengkaji kemungkinan menubohkan sa-buah loji petrochemical di-Port Dickson.

Penubohan sa-buah perusahaan petrochemical, walau pun meliputi sebahagian kechil sahaja daripada bahan² kimia, intermediates dan barang²-hasil (end-products) yang begitu banyak, memerlukan:

Pertama, feedstock² daripada pengeluaran minyak petrol dan penapisan;

Kedua, asas perusahaan kimia yang kukoh dan maju sera pengetahuan teknikal—pengetahuan yang di-perolehi melalui bertahun² penyelidekan "applied" dan kemajuan yang intensif dan asas dan yang melibatkan ribuan juta ringgit;

Ketiga, sama ada terdapat sa-buah pasaran dalam negeri bagi penggunaan berbagai barang² atau pun kemungkinan eksepot, dan

Keempat, pelaboran² yang besar.

Perlu di-ingatkan ia-itu sunggoh pun dengan loji yang kechil saiz-nya dari segi ekonomi dan yang sesuai untok mengeluarkan sebahagian daripada "precursors" dan "intermediates" ada-lah memerlukan pelaboran yang amat besar, umpama-nya "loji naphtha cracker" yang dapat mengeluarkan lebeh kurang 50,000 ton ethyene, dan yang merupakan saiz yang paling kechil sekali yang boleh mengeluarkan ethylene dengan mendapat harga antara bangsa yang agak memuaskan, sekarang ini di-taksirkan berharga M$20 juta; sementara sa-buah loji untok menukarkan 50,000 ton ethylene kapada polyethylene akan memakan belanja sa-banyak lebeh kurang M$40 juta, tidak termasok kerja² kejuruteraan awam, chukai kastam, pengangkutan dalam negeri, belanja pembenaan, pembayaran pengetahuan, dll. Jumlah perbelanjaan bagi membena sa-buah loji saperti ini yang berdasarkan "feedstock naphtha" ada-lah di-anggarkan sa-banyak M$80 juta dan untok meletakkan-nya di-atas dasar ekonomi yang kukoh, maka perlu-lah di-tubohkan beberapa buah loji lain yang menggunakan hasil² keluaran ethylene ia-itu propylene dan butylene yang juga memerlukan pelaboran² yang sama besar-nya.

Keperluan² bagi menubohkan sa-buah perusahaan petrochemical boleh-lah di-gulongkan saperti yang terchatit di-bawah, dan sebarang shor berhubong dengan ini hendak-lah di-kaji berdasarkan kenyataan² dan angka² yang bersangkut paut dengan keperluan² ini:

1. Kedapatan feedstock.
2. Taraf perusahaan kimia di-dalam negeri.
3. Permintaan pasaran barang²-hasil (end-products)/intermediates.
4. Kedapatan pengetahuan teknikal.
5. Kedapatan kewangan—luar dan dalam negeri.

FIDA telah mengkaji kelima² keperluan yang saya nyatakan tadi dan memandangkan sama ada tidak terdapat keperluan² ini atau pun tingkatan kemajuan yang rendah keperluan² tersebut, saya fikir ia-nya memerlukan banyak lagi masa untok kerja² memajukan-nya dan mendapatkan pengetahuan teknik sa-belum negara ini tiba pada satu peringkat bilamana perusahaan petrochemical, saperti mana yang berjalan di-negara² perusahaan yang maju, boleh di-pertimbangkan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pekerja[2] Awam dalam Pasokan Tentera Persekutuan

64. Tuan Su Liang Yu minta kapada Menteri Pertahanan menyatakan berapa orang awam dengan bangsa yang bekerja dalam Federation Armed Forces hingga 1970 dan dengan kesanggupan-nya.

Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain): Jumlah orang[2] awam mengikut bangsa yang berkhidmat dalam Pasokan Tentera Persekutuan hingga tahun 1970 serta jawatan[2] yang di-pegang oleh mereka ada-lah saperti terchatet berikut:

	Melayu	China	India	Lain[2]
1. Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas ...	2	9	5	—
2. Kumpulan Kerja dan Sa-para Ikhtisas ...	13	20	16	6
3. Kumpulan Perkeranian dan Teknik ...	633	256	169	14
4. Kumpulan Kakitangan Rendah	1,054	85	128	19
5. Pekerja[2] Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar/IMG	3,100	329	745	395

Tidak-lah menjadi dasar Kerajaan untok memberi pekerjaan kapada ra'ayat mengikut kaum.

Persekutuan Militan

65. Tuan Hor Cheok Foon minta kapada Menteri Pertahanan menyatakan sama ada negara kita akan menubohkan Persekutuan Militan dengan lain[2] negara selain dari Singapura, Australia, New Zealand dan Britain. Jika ada, beritahu nama negara[2] itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tidak; hanya kerjasama di-antara Malaysia dengan Thailand dan Indonesia untok menghapuskan pengganas komunis di-kawasan sempadan kita

Jeneral[2] Angkatan Tentera

66. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pertahanan menyatakan nama[2] Jeneral tentera di-Malaysia, memberi tarikh kenaikan pangkat ka-jawatan sekarang.

Tun Haji Abdul Razak: Tarikh kenaikan pangkat Pegawai[2] Tentera ada-lah di-siarkan dalam *Warta* Kerajaan. Oleh hal yang demikian ma'alumat yang di-kehendaki oleh Yang Berhormat boleh-lah di-kumpulkan dari siaran tersebut.

The date of promotion of military officers are published in His Majesty's Government *Gazette*. The information sought can be compiled from the *Gazette*.

Kerahan Tenaga

67. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pertahanan menyatakan berkaitan dengan lingkongan umor kerahan tenaga sa-masa Konfrantasi Indonesia yang sekarang berumor di-antara 28-36 tahun dan yang mungkin di-panggil untok kerahan tenaga sahingga mereka berumor 55 tahun; sama ada beliau akan meminda undang[2] untok membebaskan mereka yang termasok di-dalam gulongan ini daripada sharat[2] kerahan tenaga kerana: (i) tidak-lah adil memanggil gulongan ini bila mana gulongan umor lain tidak di-kenakan; (ii) tujuan memanggil mereka telah tamat dengan berakhir-nya konfrantasi Indonesia lima tahun yang dahulu; dan (iii) sharat[2] yang di-kenakan ada-lah menyulitkan mereka ia-itu saperti menghendaki mereka melaporkan diri kapada Jabatan Kerahan Tenaga sa-minggu sa-lepas mereka pulang dari luar negeri, dan juga membazirkan duit ra'ayat kapada latehan yang tidak mendatangkan faedah.

Tun Haji Abdul Razak: Perkara yang di-rojokkan dalam soalan Yang Berhormat itu sedang di-pertimbangkan oleh Kerajaan.

The question posed by the Hon'ble Member is being looked into by Government.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

Ranchangan Belia Dusun Tua

68. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan:

(*a*) berapa pemuda[2] telah di-ambil sa-hingga sekarang di-Ranchangan Belia Dusun Tua.
(*b*) berapa pemuda[2] telah keluar daripada Ranchangan itu.
(*c*) berapa pemuda[2] dalam Ranchangan Dusun Tua telah di-ambil kerja dengan Kerajaan dan/atau kalangan swasta.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Abu Samah):

(*a*) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan telah melateh sa-takat ini sa-jumlah 8,767 orang belia di-Pusat Latehan Dusun Tua saperti berikut:

	Orang
(i) Angkatan Belia Pelupor Negara (di-tubohkan dalam bulan Julai, 1966)	1,832
(ii) Angkatan Pembena Negara (di-tubohkan dalam bulan Oktober, 1969)	6,935
Jumlah ...	8,767

(*b*) Bilangan yang telah keluar sa-takat ini ia-lah:

	Orang
(i) Angkatan Belia Pelupor Negara	1,650
(ii) Angkatan Pembena Negara	6,604
Jumlah ...	8,254

(*c*) Bilangan yang telah bekerja sa-takat ini ia-lah:

	Lapangan Awam	Badan[2] Berkanun	Lapangan Swasta	Jumlah
(i) Angkatan Belia Pelupor Negara ...	873	313	173	1,359
(ii) Angkatan Pembena Negara ...	3,436	1,132	244	4,812
Jumlah ...	4,309	1,445	417	6,171

(*a*) The Ministry of Culture, Youth and Sports have recruited to date a total of 8,767 youth for training at Dusun Tua Camp. They are divided as follows:

	Persons
(i) National Youth Pioneer Corps (Started in July, 1966)	1,832
(ii) National Development Corps (Started in October, 1969)	6,935
Total ...	8,767

(*b*) The number who have left so far are:

	Trainees
(i) National Youth Pioneer Corps	1,650
(ii) National Development Corps	6,604
Total ...	8,254

(*c*) The number employed to date are as follows:

	Public Sector	Corporate Bodies	Private Sector	Total
(i) National Youth Pioneer Corps ...	873	313	173	1,359
(ii) National Development Corps ...	3,436	1,132	244	4,812
Total ...	4,309	1,445	417	6,171

Kelab² Belia

69. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menerangkan sama ada beliau akan mengambil langkah yang tertentu untok menentukan bahawa tiap² pertubohan belia seharus-nya merupakan satu badan yang mengandongi semua kaum dan menerangkan jumlah pertubohan² belia yang mengandongi satu² kaum sahaja.

Dato' Hamzah bin Abu Samah: Ada-lah menjadi dasar Kerajaan untok menentukan supaya semua kelab² belia berchorak berbilang kaum dan ini di-selenggarakan melalui ketegasan supaya di-masokkan dalam perlembagaan peruntokan bahawa kelab² itu terbuka kapada ahli dari semua kaum. Walau pun demikian, kesulitan-nya ia-lah apa yang terdapat di-sana sini tidak menunjokkan kehendak Perlembagaan ini sa-benar-nya, ia-itu kelab² belia ini patut mengandongi ahli² dari berbagai kaum dan ini ada-lah di-sebabkan sikap masharakat dan kegemaran masing².

Ada beberapa buah pertubohan belia yang membolehkan keahlian dari berbagai kaum tetapi mempunyai ahli dari satu kaum sahaja, dan ini di-sebabkan oleh faktor² kaum dan ugama. Sa-bahagian dari pertubohan² ini ia-lah:

(*a*) Kelab Belia Tamil;
(*b*) Majlis Belia Hindu;
(*c*) Persaudaraan Belia Budha;
(*d*) Pekerja Pemuda/Pemudi Kristian;
(*e*) Pergerakan Vanguard;
(*f*) Persaudaraan Belia Methodist;
(*g*) Gabongan Pelajar² Melayu Semenanjong.

The Policy of the Government has been and will always be to ensure that all youth clubs are multi-racial in composition, and this is done by insisting that there will be a provision in their Constitution that such clubs are open to members from all races. The difficulty, however, is that what is found on the ground does not reflect the true spirit of the Constitution in the sense that such clubs should comprise members from the various races and this is because of the prevalent social attitude and individual inclinations.

There are several youth organisations though providing for multi-racial membership, compose only of youth from one race and this is because of racial or religious factors. Some of these organisations are:

(*a*) Tamil Bell Youth Clubs;
(*b*) Hindu Youth Council;
(*c*) Buddhist Youth Circle;
(*d*) Young Christian Workers;
(*e*) Vanguard Movement;
(*f*) Methodist Youth Fellowship;
(*g*) Gabongan Pelajar² Melayu Semenanjong.

Belia Pelupor Negara

70. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan berapa ramai belia yang telah mendapat latehan dalam Pasokan Belia Pelupor Negara. Adakah beliau sedar bahawa latehan itu sangat singkat untok melatehkan mereka menjadi tukang moto, tukang letrik, pemasang kawat, penchantum logam dan sa-bagai-nya. Jika ya, ada-kah beliau akan melanjutkan masa latehan itu menjadi dua tahun bagi membolehkan mereka itu mahir dalam pertukangan nanti.

Dato' Hamzah bin Abu Samah: Belia yang telah di-lateh di-Pusat Latehan Angkatan Belia Pelupor Negara, Dusun Tua semenjak di-tubohkan dalam bulan Julai, 1966 ada-lah berjumlah 1,832 orang dan dari jumlah ini 1,650 orang telah pun meninggalkan Pusat Latehan ini.

Saya sedar yang perengkat latehan sa-lama 18 bulan malahan dua tahun sa-kali pun adalah suatu masa yang sengkat bagi membolehkan pelateh[2] mendapat kemahiran yang chukup dalam kajian yang di-ikuti-nya berlebeh[2] lagi, saperti yang terdapat di-Angkatan Belia Pelupor Negara ini, apakala pelateh ini dikehendaki juga menjalani latehan disiplin. Apa yang berjalan di-Pusat Latehan Dusun Tua dewasa ini ia-lah membekalkan pelateh[2] berkenaan dengan latehan asas dalam sesuatu kajian pilehan-nya sendiri dan apakala sampai ketika-nya bagi mereka meninggalkan Pusat Latehan ini, mereka akan memperolehi kemahiran asas yang akan dapat di-gunakan bagi melanjutkan pelajaran mereka.

The total number of youths trained at the National Youth Pioneer Corps, Dusun Tua since its inception in July 1966 is 1,832 out of which 1,650 have left the Training Centre.

I am aware that 18 months, or even 2 years may be a short period for the youth to be proficient in a trade for which he is trained, more so if, as has been the case at National Youth Pioneer Corps, he also has to undergo training in discipline. What is being done at the Dusun Tua Training Centre is to give basic knowledge to the trainees in a particular trade of their choosing so that they possess the basic skill which can be pursued further when they leave with a view to making them more proficient in their career.

Majallah "Pemimpin"

71. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menghuraikan ketidak tetapan berhubong dengan penerbitan majallah "Pemimpin".

Dato' Hamzah bin Abu Samah: Saya berasa dukachita kerana tidak dapat memberi apa[2] jawapan kechuali jika Ahli Yang Berhormat itu dapat membekalkan saya dengan butir[2] yang tertentu mengenaï keadaan yang tidak terator ini (irregularities).

I regret I cannot give any reply unless the Honourable Member can quote specific instances of the "irregularities".

KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

Jalan Raya

72. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom adakah Kerajaan berchadang membuat Jalan Raya yang tidak melaluï Bidor dan Tapah.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Dengan tambahan bilangan lalu-lintas di-kedua[2] tempat ini, hanya menunggu masa sahaja sa-belum Jalan Raya di-kawasan ini tidak melaluï Tapah dan Bidor.

With the build up in traffic in both these two places it is only a matter of time before Bidor and Tapah will be bypassed.

Jalan raya berlapis

73. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom bilakah beliau akan mendapatkan J.K.R. membena jalan raya berlapis untok mengatasi kesebokkan jalan raya dan persimpangan[2] Federal Highway, Jalan Barat, Jalan Gasing dan Jalan Utara.

Tun V. T. Sambanthan: Pada masa ini satu kajian sedang di-jalankan oleh Jurutera Perunding di-bawah arahan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom. Sama ada jejambat bunga chengkeh atau lain[2] terpulang kapada keputusan penyiasatan itu.

A study on this is at present being carried out by consultants under the direction of the Ministry. Whether clover-leaf flyovers or others will be built will depend on the outcome of the study.

Jambatan[2]

74. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom berapa jumlah jambatan yang telah binasa dalam masa banjir yang lalu dan apa-kah langkah[2] yang sedang di-ambil untok membaharuï-nya.

Tun V. T. Sambanthan: Jambatan yang hanyut dan rosak 35 buah (kerosakan kechil dan besar). Tindakan sedang di-ambil untok memperbaiki jambatan[2] itu dan juga membena jambatan[2] baharu di-mana yang perlu.

35 bridges (big and small) have been either swept away or damaged. Action is being taken to repair and build them where necessary.

Pembekalan Ayer

75. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom bagaimana-kah ranchangan[2] pembekalan ayer dalam bandar Kuala Lumpur dalam masa 5 hingga 10 tahun akan datang.

Tun V. T. Sambanthan: Perkara ini ada-lah tanggong-jawab Kerajaan Negeri Selangor.

This subject is the responsibility of the State Government of Selangor.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Nisbah Doktor/Pendudok[2]

76. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kesihatan menyatakan: (*a*) perimbangan doktor dan pendudok[2] di-satiap negeri; (*b*) perimbangan yang sa-patut-nya; (*c*) menyatakan langkah[2] yang telah di-ambil untok menchapai perimbangan ini; dan (*d*) bila-kah perimbangan ini dapat di-chapai.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir): Nisbah Doktor/pendudok[2] di-dalam tiap[2] Negeri di-Malaysia Barat dan Timor, pada Januari 1971 ada-lah saperti berikut:

Malaysia Barat—	
Johor	1 : 5,300
Kedah	1 : 9,600
Kelantan	1 : 14,600
Melaka	1 : 3,700
Negeri Sembilan ...	1 : 3,700
Pahang	1 : 7,400
Pulau Pinang	1 : 2,400
Perak	1 : 4,200
Perlis	1 : 8,000
Selangor	1 : 1,700
Trengganu	1 : 13,300
Malaysia Timor—	
Sabah	1 : 5,100
Sarawak	1 : 11,000

Nisbah doktor dan jumlah pendudok di-dalam sa-sabuah negeri hanya dapat di-jadikan sa-bagai panduan nisbah sahaja. Nisbah ini berubah[2] dari negeri ka-negeri, bahkan juga dari pekan ka-pekan. Kerana itu satu nisbah yang paling sesuai ada-lah sukar untok di-tentukan. Bagaimana pun Kementerian saya bertujuan untok menchapai nisbah 1 : 3,500 menjelang 1980 apabila jumlah pendudok menjadi kira[2] 15 juta dan jumlah doktor[2] yang di-kehendaki untok menchapai kadar ini menchapai angka 4,300.

Langkah[2] yang di-ambil oleh Kementerian ini untok menchapai tujuan ini ia-lah:

(*a*) pembenaan sa-buah Sekolah Perubatan;

(*b*) Pengambilan doktor[2] dari luar negeri sa-bagai langkah sementara; dan

(*c*) menghantar warganegara Malaysia ka-luar negeri untok latehan perubatan.

The Doctor/Population ratio in each State of West and East Malaysia, as in January 1971, is as follows:

West Malaysia—	
Johore	1 : 5,300
Kedah	1 : 9,600
Kelantan	1 : 14,600
Malacca	1 : 3,700
Negri Sembilan	1 : 3,700
Pahang	1 : 7,400
Penang	1 : 2,400
Perak	1 : 4,200
Perlis	1 : 8,000
Selangor	1 : 1,700
Trengganu	1 : 13,300
East Malaysia—	
Sabah	1 : 5,100
Sarawak	1 : 11,000

The ratio of doctors to population in a country can only be taken as a broad guide. This ratio varies from State to State and even from town to town. A desirable ratio is therefore difficult to determine. However, my Ministry has aimed at a target for 1 : 3,500 in 1980 when the population will be about 15 million and the number of doctors required to reach this ratio is 4,300.

The steps the Ministry is taking to achieve this objective are:

(*a*) establishment of a Medical School;

(*b*) recruitment of foreign doctors as a temporary measure; and

(*b*) sending Malaysian citizens abroad for medical training.

Pusat Penyelidekan Perubatan

77. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kesihatan menyatakan kemajuan Pusat Penyelidekan Perubatan sa-lepas di-persendirikan.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Satu pengkajian telah di-jalankan dan Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa ada-lah lebeh baik untok Pusat Penyelidekan Perubatan tinggal terus sa-bagai satu yayasan Persekutuan di-bertanggong-jawab terus kapada Bahagian Penyelidekan dan Peranchang Kementerian Kesihatan.

A study had been undertaken and it has been decided by Government that it would be more advantageous to retain the Institute for Medical Research as a Federal Institution directly under the Division of Research and Planning of the Ministry of Health.

Hospital baharu di-Kelang

78. Tuan V. David bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau maseh menimbangkan membena sa-buah rumah sakit baru di-Kelang untok menggantikan bangunan yang ada sekarang ini yang telah bagitu udzor dan memalukan serta di-bawah darjah penempatan peri kemanusiaan.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Sukachita saya memberi jaminan kapada Yang Berhormat Ahli berkenaan bahawa Kementerian saya bukan sahaja menyedari keperluan untok sa-buah hospital baharu di-Daerah Kelang di-sebabkan jumlah pendudok yang kian bertambah, bahkan juga saya sendiri telah membinchangkan perkara ini dengan Yang Berhormat Ahli untok Kelang, Menteri Buroh, Tan Sri Manikavasagam dan Yang Berhormat Menteri Besar, Selangor. Walau bagaimana pun pembenaan hospital ini akan di-pertimbangkan di-dalam keselurohan konteks ranchangan pembangunan kebangsaan dan negeri terutama-nya kerana memandangkan chadangan untok mengaleh ibu negeri ka-Kelang.

I wish to give my assurance to the Honourable Member that my Ministry has not only been aware of the need for a new hospital in Klang District to cater for the growing population, but also that I have myself discussed this matter with the Honourable Member for Klang, the Minister of Labour Tan Sri Manikavasagam and the Menteri Besar, Selangor. The future development of this hospital, however, will be considered in the context of the overall state and National development programmes, especially in view of the consideration to remove the state capital to Klang.

79. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kesihatan menyatakan sama ada ia berchadang membena sa-buah hospital baru di-Kelang untok menggantikan hospital yang burok dan kotor yang terdapat sekarang.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Jawapannya ia-lah ya. Saya sendiri telah membinchangkan perkara ini dengan Yang Berhormat Ahli untok Kelang, Menteri Buroh, Tan Sri Manikavasagam dan Yang Berhormat Menteri Besar, Selangor. Walau bagaimana pun pembenaan hospital ini akan di-pertimbangkan di-dalam keselurohan konteks ranchangan pembangunan kebangsaan dan negeri terutama-nya kerana memandangkan chadangan untok mengaleh ibu negeri ka-Kelang.

The answer is in the affirmative. I have myself discussed this matter with the Honourable Member for Klang, the Minister of Labour, Tan Sri Manikavasagam and the Menteri Besar, Selangor. The future development of this hospital, however, will be considered in the context of the overall state and National development programmes, especially in view of the consideration to remove the state capital to Klang.

Hospital[2] di-Malaysia

80. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kesihatan menyatakan senarai nama[2] hospital yang terdapat di-Malaysia serta memberi butir[2] yang berikut: tarikh ia dibena, jumlah pendudok yang di-layani semasa ia di-buka, jumlah yang di-layani sekarang, jumlah tempat tidor, doktor[2] dan jururawat[2].

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Keterangan yang di-minta ada-lah di-beri dengan lengkap dalam penyata yang berkembar.

The information asked for is furnished in detail in the statement attached.

Hospital Besar di-Malaysia	*TARIKH DI-BENA DAN JUMLAH KATIL²*		*JUMLAH PENDUDOK (BANDAR DAN DAERAH)*		*Anggaran jumlah Pendudok Sekarang 1970 (Bandar dan Daerah)*	*Jumlah Katil²*
	Tahun	*Katil²*	*Jumlah*	*Tahun*		
1. Hospital Besar, Kangar	1915	30	40,087	1921	125,870	299
2. Hospital Besar, Alor Star	1922	60	127,910	1921	335,500	550
3. Hospital Besar, Penang	1910	112	162,144	1921	468,000	983
4. Hospital Besar, Ipoh	1900	T.A.M.	185,287	1921	603,320	909
5. Hospital Besar, Kuala Lumpur (Mula di-bena sebagai RSD pada 1880 dan di-tukarkan menjadi Hospital Besar pada 1933 dengan 400 katil (di-bena semula)			151,771	1921	860,000	1600
6. Hospital Besar, Seremban (Benaan semula dalam 1969)	1896	50	65,514	1921	206,780	734
7. Hospital Besar, Malacca	1934	340	83,507	1931	186,950	827
8. Hospital Besar, Johore Bahru ..	1939	50	95,384	1931	302,625	697
9. Hospital Besar, Kuantan	1908-20	138	23,279	1921	74,765	299
10. Hospital Besar, K. Trengganu ..	1924	72	—	—	121,248	277
11. Hospital Besar, Kota Bharu ..	1928	172	165,412	1931	253,996	639
12. Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	1957	—	71,000	—	100,000	400
13. Hospital Duchess of Kent, Sandakan	1952	—	35,000	—	54,000	175
14. Hospital Besar, Tawau	1967	—	31,000	—	47,000	250
15. Hospital Besar, Sarawak	1-10-70	—	329,733	—	329,733	452
16. Hospital Besar, Simanggang ..	17-12-59	—	121,583	—	146,391	107
17. Hospital Lau King Howe, Sibu ..	1931	—	T.A.M.	—	349,944	307
18. Hospital Besar, Miri	11-8-60	—	96,666	—	129,325	198
19. Hospital Besar, Limbang	18-8-61	—	29,725	—	38,798	40

T.A.M.—Tidak ada ma'lumat.

DOKTOR[2]			*JURURAWAT*[2]							
Pegawai Pakar	*Pegawai Perubatan*	*Doktor Pelateh*	*Penyelia Jururawat*		*Ketua Juru-rawat*	*Juru-rawat*	*Pen. Jururawat Terlateh*		*Bidan*[2]	
			Ting. I	*Ting. II*			*Ting. Khas*	*Ting. Biasa*	*Ting. Khas*	*Ting. Biasa*
3	4	—	—	1	9	18	1	41	1	17
6	11	11	1	1	12	55	1	69	—	16
12	26	27	1	3	27	120	1	22	1	17
9	23	25	1	—	18	108	1	93	1	20
29	57	48	1	3	45	233	2	117	3	41
11	13	10	1	1	23	106	3	94	2	37
8	21	10	—	1	19	75	3	114	2	30
10	15	28	1	2	17	78	1	17	1	17
5	8	—	—	1	10	20	2	40	2	17
5	5	—	—	1	9	26	2	38	2	10
7	9	6	—	1	12	52	2	70	1	25
7	5	—	1	1	14	25	—	32	—	—
1	3	—	1	—	3	13	—	11	—	—
2	2	—	1	—	3	7	—	27	—	—
9	12	—	1	1	8	94	—	37	—	19
—	2	—	—	—	—	15	—	16	—	2
3	8	—	1	1	3	66	—	36	—	16
1	4	—	—	—	1	19	—	23	—	2
—	1	—	—	—	—	5	—	6	—	—

General Hospitals in Malaysia	*DATE BUILT AND NO. OF BEDS*		*POPULATION (TOWN AND DISTRICT)*		*1970 Estimated Present Population (Town and District Population)*	*No. of Beds*
	Year	*Beds*	*No.*	*Year*		
1. General Hospital, Kangar	1915	30	40,087	1921	125,870	299
2. General Hospital, Alor Star ..	1922	60	127,910	1921	335,500	550
3. General Hospital, Penang	1910	112	162,144	1921	468,000	983
4. General Hospital, Ipoh	1900	N.K.	185,287	1921	603,320	909
5. General Hospital, Kuala Lumpur First built as D.H. in 1880 and converted to G.H. in 1933 with 400 beds (Being rebuilt)			151,771	1921	860,000	1,600
6. General Hospital, Seremban (rebuilt in 1969)	1896	50	65,514	1921	206,780	734
7. General Hospital, Malacca	1934	340	83,507	1931	186,950	827
8. General Hospital, Johore Bahru ..	1939	50	95,384	1931	302,625	697
9. General Hospital, Kuantan ..	1908-20	138	23,279	1921	74,765	299
10. General Hospital, K. Trengganu ..	1924	72	—	—	121,248	277
11. General Hospital, Kota Bharu ..	1928	172	165,412	1931	253,996	639
12. Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu	1957	—	71,000	—	100,000	400
13. Duchess of Kent Hospital, Sandakan	1952	—	35,000	—	54,000	175
14. Tawau General Hospital	1967	—	31,000	—	47,000	250
15. Sarawak General Hospital	1-10-70	—	329,733	—	329,733	452
16. Simanggang General Hospital ..	17-12-59	—	121,583	—	146,391	107
17. Lau King Howe Hospital, Sibu ..	1931	—	N.K.	—	349,944	307
18. Miri General Hospital	11-8-60	—	96,666	—	129,325	198
19. Limbang General Hospital	18-8-61	—	29,725	—	38,798	40

N.K.—Not Known.

DOCTORS			NURSES							
Specialist Officers	Medical Officers	House Doctors	Matron Gr. I	Matron Gr. II	Sisters	Staff Nurse	Trained A.N.		Midwives	
							SP. GR.	T/S	SP. GR.	T/S
3	4	—	—	1	9	18	1	41	1	17
6	11	11	1	1	12	55	1	69	—	16
12	26	27	1	3	27	120	1	22	1	17
9	23	25	1	—	18	108	1	93	1	20
29	57	48	1	3	45	233	2	117	3	41
11	13	10	1	1	23	106	3	94	2	37
8	21	10	—	1	19	75	3	114	2	30
10	15	28	1	2	17	78	1	17	1	17
5	8	—	—	1	10	20	2	40	2	17
5	5	—	—	1	9	26	2	38	2	10
7	9	6	—	1	12	52	2	70	1	25
7	5	—	1	1	14	25	—	32	—	—
1	3	—	1	—	3	13	—	11	—	—
2	2	—	1	—	3	7	—	27	—	—
9	12	—	1	1	8	94	—	37	—	19
—	2	—	—	—	—	15	—	16	—	2
3	8	—	1	1	3	66	—	36	—	16
1	4	—	—	—	1	19	—	23	—	2
—	1	—	—	—	—	5	—	6	—	—

Menchegah Merokok

81. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kesihatan menyatakan apa-kah langkah[2] yang Kementerian beliau telah ambil untok memulakan kempen seluroh negara berkenaan menchegah merokok memandang kapada hasil siasatan perubatan bahawa menghisap rokok ada sangkut paut dengan barah dada; beri butir[2].

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Kementerian saya telah menerima beberapa laporan mengenai menghisap rokok dan kesihatan yang sedang di-kaji. Kempen seluroh negara terhadap menghisap rokok tidak dapat dilaksanakan sa-hingga kajian yang teliti telah di-buat mengenai masa'alah-nya di-dalam kontek negeri ini.

My Ministry has received several reports on smoking and health which are being studied. A nation-wide campaign against smoking cannot be mounted until a thorough study has been made of the problem within the context of this country.

Kelinik[2] dan doktor[2] pergigian

82. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kesihatan menyatakan:

(*a*) Jumlah kelinik[2] pergigian di-Malaysia;

(*b*) senarai kelinink[2] yang tidak di-kendalikan oleh doktor gigi yang berkelayakan;

(*c*) langkah yang sedang di-ambil oleh Kementerian beliau untok mengatasi kekurangan doktor[2] gigi di-Malaysia.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir:

(*a*) Jumlah bilangan Kelinik[2] Pergigian di-Malaysia (Malaysia Barat);

Kelinik Pergigian Kerajaan ...	428
Kelinik Pergigian Persendirian	453
	881

(*b*) 356 buah Kelinik Pergigian telah di-kendalikan oleh doktor[2] pergigian yang tidak berkelayakan.

(*c*) Langkah[2] yang telah di-ambil ada-lah:

(i) Pengambilan doktor[2] pergigian Malaysia dari Fakulti Pergigian Singapura dan lain[2] negeri.

(ii) Pengambilan doktor[2] Pergigian yang bukan Warganegara Malaysia dari seberang laut yang kelayakan-nya boleh di-daftarkan oleh Lembaga Pergigian Malaysia Barat.

(iii) Penubohan Fakulti Pergigian di-Universiti Malaya.

(*a*) Total No. of Dental Clinics in Malaysia (West Malaysia):

Government Dental Clinics ...	428
Private Dental Clinics ...	453
	881

(*b*) There are 356 dental clinics not manned by qualified dental surgeons.

(*c*) Steps taken are:

(i) Recruitment of Malaysian Dental Surgeons from the Dental Faculty of Singapore and other countries.

(ii) Recruitment of non-Malaysians from overseas whose qualifications are registrable by the Dental Board of West Malaysia.

(iii) The setting up of a Dental Faculty in the University of Malaya.

Fakulti Pergigian

83. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau mempunyai ranchangan untok memulakan sekolah pergigian di-Malaysia.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Berhubong dengan soalan mengadakan sa-buah Fakulti Pergigian di-Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Kementerian saya telah mendapat persetujuan daripada pehak yang berkuasa (Universiti Malaya) bagi mengadakan fakulti tersebut dengan sa-chepat mungkin.

On the question of having a Dental Faculty in the University of Malaya, Kuala Lumpur, my Ministry has obtained the agreement of the appropriate authorities (University of Malaya) to form the said faculty as soon as possible.

Che' Forth

84. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-lah beliau sedar tudohan yang mengatakan bahawa Che' Forth telah di-chabul kehormatan-nya oleh dua

orang penolong rumah sakit, jikalau sedar, ada-kah di-jalankan siasatan atas tudohan itu, dan apa-kah kesudahan penyiasatan itu.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Saya sedar pengaduan sa-chara lisan yang telah di-buat oleh Che' Forth terhadap pehak[2] berkuasa hospital. Pengaduan itu telah pun di-siasat tetapi tidak dapat di-buktikan.

I am aware of an oral complaint made by a Miss Forth to the hospital authorities. The complaint was investigated but not found to be substantiated.

Sekolah[2] Jururawat

85. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Kesihatan menyatakan jumlah dan nama Sekolah[2] Jururawat yang di-kelolakan oleh Kementerian Kesihatan. Sila nyatakan jumlah siswazah bagi tiap[2] tahun untok tahun[2] 1966, 1967, 1968, 1969 dan 1970. Sila berikan jumlah-nya tahun demi tahun.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir:

(*a*) Bilangan Sekolah Latehan Jururawat: 3

(*b*) Nama[2] Sekolah Latehan Jururawat yang di-jalankan oleh Kementerian Kesihatan:

1. Sekolah Latehan Jururawat, Kuala Lumpur
2. Sekolah Latehan Jururawat, Johor Bahru
3. Sekolah Latehan Jururawat, Pulau Pinang.

(*c*) Bilangan Penuntut[2] yang Tamat:

1966	215
1967	173
1968	139
1969	311
1970	189

(*a*) No. of School of Nursing: 3

(*b*) Names of Nursing School run by Ministry of Health:

1. School of Nursing, Kuala Lumpur
2. School of Nursing, Johor Bahru
3. School of Nursing, Penang.

(*c*) No. of Graduates:

1966	215
1967	173
1968	139
1969	311
1970	189

Laporan Malaria

86. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kesihatan memberikan laporan penyakit demam kepialu (malaria) dari tahun 1966 hingga 1970, tahun demi tahun, dan negeri demi negeri di-Malaysia Barat.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Bilangan kejadian[2] malaria yang di-laporkan dari 1966 hingga 1970 ada-lah saperti berikut:

BILANGAN KEJADIAN MALARIA YANG DI-LAPORKAN OLEH NEGERI[2] 1966-1970 DI-MALAYSIA

Negeri	Bilangan Kejadian				
	1966	1967	1968	1969	1970
Perlis	600	444	411	59	24
Kedah	1,653	2,862	2,700	2,257	1,841
Pulau Pinang	390	339	312	490	179
Perak	606	1,441	2,789	2,787	3,768
Selangor	630	754	1,030	1,658	2,224
Negri Sembilan	533	888	1,706	2,176	2,834
Melaka	98	108	295	243	412
Johor	609	781	1,920	1,795	1,819
Pahang	655	473	1,254	2,307	2,673
Trengganu	473	1,254	2,307	1,422	1,081
Kelantan	459	913	989	612	1,509

The number of reported cases of malaria from 1966 to 1970 are as follows:

NUMBER OF REPORTED MALARIA CASES BY STATES
1966-1970 WEST MALAYSIA

State	Number of Cases				
	1966	1967	1968	1969	1970
Perlis	600	444	411	59	24
Kedah	1,653	2,862	2,700	2,257	1,841
Pulau Pinang	390	339	312	490	179
Perak	606	1,441	2,789	2,787	3,768
Selangor	630	754	1,030	1,658	2,224
Negri Sembilan	533	888	1,706	2,176	2,834
Malacca	98	108	295	243	412
Johore	609	781	1,920	1,795	1,819
Pahang	655	473	1,254	2,307	2,673
Trengganu	473	1,254	2,307	1,422	1,081
Kelantan	459	913	989	612	1,509

Hospital Lady Templer

87. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau sedar bahawa dengan jalan memaksa pesakit[2] di-Hospital Lady Templer membayar sa-kurang[2]-nya lima ringgit sa-hari, pesakit[2] batok kering yang miskin tidak berupaya mendapat rawatan di-hospital itu. Jika ya, ada-kah beliau akan menimbang memberikan bantuan yang lebeh kapada hospital supaya mereka dapat juga melayani pesakit[2] yang miskin.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Saya tidak sedar bahawa langkah yang menghendaki Hospital Lady Templer mengenakan bayaran yang sa-rendah[2]-nya lima ringgit sa-hari, pesakit[2] batok kering yang miskin tiada berupaya mendapat rawatan di-hospital itu oleh kerana *semua* pesakit[2] tibi yang di-rujokkan ka-Hospital Lady Templer oleh Hospital[2] Kerajaan bagi di-masokkan ka-Wad Kelas 3 tidak-lah di-kehendakki untok membayar sebarang bayaran wad.

I am not aware that by requiring the Lady Templer Hospital to charge a minimum of five dollars a day poor TB patients are unable to seek treatment at the said hospital because *all* TB patients who are referred to the Lady Templer Hospital by Government Hospitals for admission in the 3rd Class Wards are not required to pay any ward charges.

Habok[2] papan

88. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau sedar bahawa habok[2] papan dari kilang[2] papan menghubongi Kepong Bahru, Kuala Lumpur ada-lah menjadi suatu anchaman berat ka-pada kesihatan pendudok[2] di-situ. Jika sedar, apa-kah langkah[2] beliau berchadang meng-ambil mengenaï hal ini.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Kementerian Kesihatan telah menjalankan satu penyiasatan terhadap pengeluaran abu dan habok papan dari kilang[2] papan di-dalam kawasan ber-kenaan dan telah mengemukakan chadangan kapada Kerajaan negeri untok tindakan[2] yang perlu oleh kerana kawasan yang terlibat ia-lah di-bawah kuasa Kerajaan negeri ter-sebut.

The Ministry of Health has carried out a survey on the emission of ash and saw-dust from the sawmills in the area concerned and has submitted its recommendations to the State Government for necessary action as the area in question is within the jurisdiction of the State Government.

Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

89. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau akan menimbang mengadakan sa-buah surohanjaya untok mengkaji semua perkhidmatan[2] peru-batan dan kesihatan dalam negeri.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Satu bahagian Peranchang dan Penyelidekan telah ditubohkan di-Kementerian saya dengan tujuan[2], antara lain, menyusun bahan[2] untok membolehkan kami membuat analisa yang perlu dan membanding dengan negara[2] yang maju dan telah maju. Sa-lepas itu, berdasarkan kapada penemuan[2] perkhidmatan perubatan dan kesihatan akan di-kaji semula. Jadi buat masa sekarang satu surohanjaya yang memakan masa dan perbelanjaan yang banyak di-dapati maseh awal.

A planning and Research Division has been set up in my Ministry with the objective amongst others, of compiling data to enable us make the necessary analysis and comparisons with advancing and advanced countries. Based on the findings a review of the medical and health services of the country would follow. A commission which is time-consuming and costly is therefore considered premature.

Dispensari Bergerak

90. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau sedar bahawa Dispensari Bergerak tiada berhenti dengan chukup lama di-Kampong Damansara dan Kampong Baharu Damansara untok membolehkan pendudok[2] di-kedua[2] kampong tersebut mendapat rawatan perubatan, dan jika sedar, ada-kah beliau akan memberi arahan supaya Dispensari Bergerak itu berhenti chukup lama-nya di-kedua[2] kampong tersebut.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Dispensari Bergerak membuat lawatan ka-Kampong Damansara dan Kampong Baru Damansara pada hari Rabu tiap[2] minggu. Dispensari Bergerak tersebut berhenti di-tiap[2] tempat tersebut sa-lama 20 minit. Bilangan hitong panjang pesakit[2] yang di-rawat di-tiap[2] lawatan ia-lah di-antara 5-6 dan jarang sekali bilangan itu melebehi 10 pesakit[2].

Dengan bilangan kedatangan yang ada sekarang, ada-lah di-fikirkan persinggahan sa-lama 20 minit itu memuaskan. Bagaimana pun, sa-kira-nya bilangan kedatangan tersebut bertambah. Dispensari Bergerak itu akan di-arahkan supaya berhenti lebeh lama dari yang di-jadualkan untok kampong[2] tersebut.

Yang Berhormat Ahli berkenaan mungkin sukachita mengetahui bahawa kedua[2] kampong tersebut ada-lah di-antara sembilan buah kampong yang di-jadualkan supaya dilawat oleh Dispensari Bergerak itu di-jadualkan pada hari yang sama. Jadual[2] Dispensari Bergerak tersebut ada-lah di-semak dari masa ka-samasa supaya masa yang chukup di-berikan untok merawat pesakit[2] di-tiap[2] tempat.

The Travelling Dispensary visits Damansara Village and Damansara New Village every Wednesday of the week. The Travelling Dispensary stops at each of these places for 20 minutes. The average number of patients treated during each visit is in the region of 5-6 and very rarely has it extended to more than 10 patients.

With this present number of attendances it is considered that a 20 minute stop is adequate. However, should there be an increase in the attendances Travelling Dispensary will be instructed to schedule a longer stop at these villages.

The Honourable Member will appreciate that these two villages are among the nine villages which this Travelling Dispensary is scheduled to visit on the same day. The programmes of Travelling Dispensaries are reviewed continually so that sufficient time allocated for the treatment of patients at each place.

Perkhidmatan Pemindahan Darah Kebangsaan

91. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Kesihatan apa telah berlaku kapada Perkhidmatan Pemindahan Darah Kebangsaan yang di-tubohkan pada tahun 1968.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Sa-buah bangunan bagi Perkhidmatan Pemindahan Darah Kebangsaan telah siap di-bena bertempat di-Hospital Besar, Kuala Lumpur. Kakitangan-nya telah pun di-tugaskan untok meneruskan dengan peringkat menubohkan Perkhidmatan Pemindahan Darah Kebangsaan.

A building for the National Blood Transfusion service has been completed and is located at the General Hospital, Kuala Lumpur. Staff have been assigned to proceed with a phased establishment of the National Blood Transfusion Service.

Hospital Besar Kuala Lumpur

92. Tuan V. David bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau sedar keadaan yang menyedehkan dalam wad 3 Rumah Sakit Umum Kuala Lumpur dan ada-kah

Kerajaan bersedia memperbaiki kemudahan[2] Rumah Sakit ini terutama sekali dari segi kebersehan tandas, tempat tidor serta keadaan sekeliling-nya.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Saya sedar akan keadaan burok yang terdapat di-wad kelas tiga Hospital Besar Kuala Lumpur. Saya telah pun memberi arahan[2] yang tertentu kapada pehak[2] berkuasa Hospital untok memperbaiki keadaan itu. Kakitangan[2] itu telah pun menggunakan sa-tiap tenaga-nya untok membaiki dan menjaga kebersehan bilek-ayer dan tandas, tempat tidor dan keadaan di-sakeliling-nya. Kemudahan[2] akan bertambah baik apabila hospital baru siap kelak.

I am aware of the poor condition prevailing at the 3rd class ward of the General Hospital, Kuala Lumpur. I have given specific instructions to the hospital authorities to improve the condition. Every effort has been made by the staff to improve and to maintain the cleanliness of the toilets, beds and surroundings. Facilities will improve when the new hospital is completed.

93. Tuan V. David bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau akan menimbangkan mengubah waktu[2] menziarah untok orang ramai ka-Rumah Sakit Umum Kuala Lumpur dari pukul 5.00 petang kapada pukul 7.00 malam untok memudahkan mereka yang habis kerja pada pukul 5.00 petang.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Waktu melawat di-hospital[2] telah di-ator bukan hanya untok memudahkan kesenangan pelawat[2] bahkan lebeh[2] lagi bagi kebaikan pesakit termasok menyempurnakan kerja[2] perubatan dan perawatan.

Masaalah waktu[2] melawat (baru[2] ini) telah di-kaji sa-mula oleh Kementerian saya dengan tujuan menyelaraskan atoran ini di-seluroh negara. Sa-telah menimbangkan dengan telitinya semua segi perkara ini, Kementerian memutuskan waktu[2] melawat ia-lah 1.00 petang hingga 2.00 petang 4.30 petang hingga 6.30 petang. Walau bagaimana pun Lembaga Pelawat Hospital boleh menchadangkan perubahan jika pada pendapat mereka ia-nya ada-lah bagi kebaikan pesakit[2] dan pelawat.

Juga di-sini di-tegaskan bahawa waktu[2] pelawat tidak di-hadkan bagi saudara[2] pesakit[2] tenat, pelawat[2] dari kampong[2] yang jauh dan ayah kapada bayi yang baru dilahir dengan sharat terlebeh dahulu kelulusan dari Pegawai Perubatan yang jaga di-perolehi.

Visiting hours of hospitals have been so arranged not only to facilitate the convenience of visitors but more so in the interest of the welfare of the patient, including the carrying out of requisite medical and nursing care.

The question of visiting hours of hospitals has recently been reviewed by my Ministry with a view to having a uniform ruling for the country as a whole and having considered in detail the overall aspects of the issue, it has been decided that the visiting hours shall be 1.00 p.m. to 2.00 p.m. and 4.30 p.m. to 6.30 p.m. Boards of Visitors of Hospitals, however, could recommend any changes, if in their opinion, it will be for the better of patients and visitors.

Mention must also be made that visiting hours are unrestricted for close relatives of seriously ill and dying patients, visitors from remote areas and fathers of new born babies, subject of course to the prior permission of the Medical Officer i/c in each case.

Bayaran lima puloh sen

94. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kesihatan sama ada beliau akan menarek balek pembayaran lima puloh sen kapada pesakit sa-belum di-beri kad di-bilek untok pesakit[2] luar.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Bayaran sabanyak 50 sen sa-orang yang di-kenakan kapada pesakit[2] luar itu ia-lah sangat rendah (nominal). Bayaran ini boleh-lah di-kechualikan bagi sa-saorang pesakit yang boleh memperakukan sa-chara bertulis bahawa mereka tidak daya upaya membayar-nya di-sebabkan kemiskinan dan lain[2] sebab.

A charge of 50 cents per out-patient is considered very nominal. However, this charge may be waived in respect of those out-patients who give a written declaration that they are unable to do so because of indigent or impecunious circumstances.

Sekim perkhidmatan bagi doktor[2]

95. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kesihatan sama ada sekim[2] perkhidmatan untok doktor[2] boleh di-perbaiki terutama sekali dengan memberi peluang kapada mereka mendalami soal kedoktoran

agar setanding dengan doktor[2] bersendirian, supaya mereka dapat berkekalan dengan pehak Kerajaan.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Tindakan telah pun di-ambil untok memperbaiki sekim[2] perkhidmatan bagi doktor[2]:

(*a*) Pertukaran gaji kapada gaji baharu mengikut "Suffian Salary Scheme" telah meninggikan lagi gaji[2] dan juga memberi faedah[2] yang lebeh baik.

(*b*) Baharu[2] ini tindakan untok memberi lebeh banyak jawatan "superscale" kapada "specialists" (doktor[2] pakar) telah di-buat. Banyak jawatan superscale baharu telah di-dapati dan jawatan[2] ini telah pun di-penohi. Tindakan yang lain ada di-buat dan akan di-buat pada masa hadapan. Dengan itu peluang meningkat ka-superscale yang lebeh banyak dapat di-beri di-dalam perkhidmatan ini.

(*c*) Kerajaan menyediakan biasiswa untok doktor[2] mengikut kursus di-dalam berbagai "specialities". Sekim ini telah dan akan membolehkan doktor[2] menjadi doktor[2] pakar dan membolehkan mereka[2] meningkat ka-tangga gaji yang lebeh baik di-dalam perkhidmatan ini.

Steps have already been taken to improve the scheme of service for doctors:

(*a*) Implementation of the Suffian Salary Scheme with all its attendant salary increases, privileges, and benefits.

(*b*) Lately the superscale structure for specialists has been enlarged and many more superscale posts have been created as the result of this exercise. These superscale posts have already been filled. Further exercises are and will be undertaken in due course to increase the superscale opportunities in the service.

(*c*) The government is providing adequate scholarships/fellowships for medical officers to specialise in the various specialities. The scheme has and will enable the doctors to become specialists and provide avenues for promotion and enhance their prospects in the service.

Perubatan untok murid[2] luar bandar

96. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kesihatan sama ada pehak Kerajaan akan menimbangkan untok memberi perubatan yang chukup kapada pelajar[2] di-sekolah[2] luar bandar untok mengurangkan penyakit[2] dari merebak di-antara penuntut[2].

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Kerajaan telah pun menimbangkan keperluan bagi mengadakan layanan perubatan yang lebeh luas dan baik lagi kapada murid[2] di-luar bandar. Langkah[2] yang di-ambil termasoklah saperti berikut:

(*a*) Kementerian saya bersama[2] dengan Kementerian Pelajaran telah melancharkan satu Ranchangan Sekolah Kesihatan Kebangsaan yang lengkap dengan tujuan bukan sahaja untok memperbaiki Kesihatan 'am murid[2] Sekolah tetapi juga untok menggalakkan kebiasaan kebersehan yang terpuji di-kalangan mereka.

(*b*) Keutamaan ada-lah di-berikan kapada pelajaran Kesihatan serta juga kerjasama di-antara Sekolah[2] dengan ibubapa[2] di-dalam kerja[2] memajukan taraf Kesihatan Kanak[2].

(*c*) Pada 1971 ranchangan ini akan dilancharkan di-22 buah Sekolah di-Selangor dan pada tahun berikut-nya, 123 buah Sekolah lagi akan di-masokkan ka-dalam ranchangan itu. Ranchangan ini akan di-perluaskan di-dalam tahun[2] tersebut, supaya meliputi semua Sekolah[2] di-dalam negeri ini.

(*d*) Sa-belum perlancharan Ranchangan Sekolah Kesihatan Kebangsaan, Kakitangan perkhidmatan Kesihatan Luar bandar telah memberikan perkhidmatan kapada lebeh dari 2,750 Sekolah[2] rendah. Kanak[2] sekolah ada-lah telah di-berikan suntekan[2] untok mengelakkan penyakit[2] chacha, kerongkong dan batok kering. Mereka juga di-pereksa kerana abnormalities. Kanak[2] yang di-dapati mengidap abnormalities ada-lah di-rujokkan kapada Pusat Kesihatan dan hospital untok rawatan perubatan yang di-perlukan.

Sa-lain dari Ranchangan Sekolah Kesihatan, bekalan ayer dan kebersehan kawasan sedang di-perbaiki di-kawasan[2] luar bandar.

Government has already considered the need to provide further and better medical

attention to students in rural areas. Steps taken include the following:

(*a*) My Ministry with the Ministry of Education has embarked on a comprehensive National School Health Programme which is aimed not only at improving the general health of school children but also at developing good health habits among them.

(*b*) Emphasis is given on Health Education as well as on co-operation between the schools and the parents in fostering the health status of the child.

(*c*) In 1971, this programme will be launched in 22 schools in Selangor and in the next year, another 123 schools will be brought into the programme. This programme will be expanded over the years to cover all the schools in the country.

(*d*) Before the launching of the National School Health Programme, the staff of the rural health service had been rendering services to more than 2,750 primary schools. The children are given innoculations against smallpox, diphtheria, and tuberculosis. They are also medically examined for abnormalities. Children found with abnormalities are referred to the health centres and hospitals for necessary medical treatment.

Besides the National School Health Programme, water supplies and environmental sanitation are being improved in the rural areas.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir:

Suntekan	Bilangan yang di-lateh tiap[2] tahun				
	1966	1967	1968	1969	1970
1. Pembantu Hospital	29	29	30	30	30
2. Pembantu Ma'amal	—	13	41	46	35
3. Pembanchoh Ubat	70	50	70	61	53
4. Juru X-Ray	14	15	15	15	15

Designation	No. trained annually				
	1966	1967	1968	1969	1970
1. Hospital Assistants	29	29	30	30	30
2. Laboratory Assistants	—	13	41	46	35
3. Dispensers	70	50	70	61	53
4. Radiographers	14	15	15	15	15

Doktor[2]

97. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kesihatan sama ada lebeh ramai lagi doktor[2] di-hantar untok bertugas di-Jabatan[2] Pesakit[2] Luar untok mengatasi masaalah menunggu lama oleh Pesakit[2] luar.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Dengan adanya Ordinan Pendaftaran Perubatan Baru yang di-kuat kuasa dari bulan Januari, 1971, dan pengambilan doktor[2] dari negeri[2] asing ada-lah mungkin untok menugaskan lebeh ramai lagi pegawai[2] perubatan ka-hospital[2] untok memperbaiki lagi perkhidmatan menjaga pesakit[2] termasok-lah pesakit[2] luar.

With the introduction of the New Medical Registration Ordinance with effect from January, 1971, and the recruitment of doctors from overseas, it will be possible to post more doctors to hospitals in order to improve patient care services including out-patients.

Pembantu Hospital/Pembantu Ma'amal/Pembanchoh Ubat/Juru X-Ray

98. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah Penolong Rumah Sakit, Penolong Ma'amal, Pembanchoh Ubat dan Radiographer yang mendapat latehan dari tahun 1966 hingga tahun 1970. Sila nyatakan jumlah-nya bagi tiap[2] tahun.

Kelahiran yang berlebehan

99. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau sedar tentang kelahiran berlebehan di-Malaysia, dan jikalau sedar, apa-kah tindakan yang di-jalankan oleh Kementerian-nya.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Saya sedar yang angka kelahiran itu tertinggi sedikit daripada angka kelahiran di-negara[2] yang maju tetapi kelebehan itu tidak-lah terlampau tinggi. Kerajaan telah mengambil tindakan tentang hal menchari jalan untok mengurangkan angka kelahiran ini ia-itu telah menubohkan satu perbadanan yang di-tugaskan di-dalam hal ini. Perbadanan itu ia-lah Lembaga Peranchang Keluarga Kebang-saan. Kementerian saya maseh lagi giat berkerjasama dengan Lembaga ini untok men-chapai tujuan[2] yang tertentu.

I am aware that the birth rate is some-what higher than advanced countries but it is not too high. Government has taken action to find means and ways to reduce the birth rate and for this purpose an organisation was formed to tackle this problem. This organisation is the National Family Planning Board. My Ministry is still actively co-operating with the Board to achieve its specific objectives.

Surohanjaya Penyiasatan Nik Kamil

100. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kesihatan mengapa Kementerian-nya tidak melaksanakan segala shor[2] yang di-buat oleh Surohanjaya Penyiasatan Nik Kamil, ter-utama-nya tentang mengadakan sa-buah Majlis Perubatan Malaysia.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Shor[2] Jawatankuasa Pemileh Nik Kamil yang di-lantek oleh Jumaah Menteri untok mengkaji Masaalah[2] Perubatan dan Pergigian di-Malaysia telah di-masokkan dalam Ordinan 65 (Kuasa[2] Perlu) Dharurat 1971 yang telah di-buat kuasakan pada 2hb Januari, 1971.

The recommendations of the Nik Kamil Select Committee of Cabinet appointed to study Medical and Dental Problems in Malaysia have been incorporated into Emer-gency (Essential Powers) Ordinance, 65 of 1971, which took effect on 2nd January, 1971.

Wad[2] di-Hospital Muar

101. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah beliau sedar bahawa dua buah wad di-Rumah Sakit Muar telah di-tutup akibat kekurangan kaki tangan, dan apa-kah tindakan yang telah di-ambil bagi membuka sa-mula wad tersebut.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Saya sedar yang wad[2] di-Hospital Muar telah di-tutup, tetapi bukan-lah kerana sebab[2] kekurangan kakitangan. Penutupan tersebut ada-lah di-sebabkan oleh pembukaan sa-buah "block" baru untok Wad[2] Tibi dan penyusunan semula penggunaan kawasan[2] wad yang maseh ada baki-nya. Sa-buah wad sedang di-baharui sekarang. Wad yang lain itu akan di-buka semula bila ia-nya di-perlukan. Pada masa sekarang, jumlah katil[2] yang ada di-Hospital Muar (tidak termasok wad yang di-tutup) ia-lah 400 katil.

Perangkaan[2] kita menunjokkan yang pukul-rata sa-hari pesakit[2] yang tinggal di-Hospital tidak berlebeh daripada 350 orang dan jumlah terbesar pembekalan katil[2] sa-banyak 400 buah itu tidak pernah tidak menchukopi baik pun pada sebarang hari.

I am aware that wards in Muar Hospital were closed, but not due to the shortage of staff. The closures are due to the commission-ing of a new block of T.B. Wards and the reorganisation in the use of remaining avail-able ward areas. One ward is currently under renovation. The other ward would be re-opened when there is a need for it. At the present moment the total bed complement of Muar Hospital (excluding the closed ward) is 400 beds.

Our statistics indicate that the average daily occupancy has not exceeded 350 patients nor has the maximum bed provision of 400 ever been exceeded on any one day.

102. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Men-teri Kesihatan menyatakan bila-kah beliau akan menghantar, sa-bagai yang di-janjikan, sa-orang pakar atau doktor bedah ka-Hospital Batu Pahat, untok memudahkan kehendak[2] di-sana kerana pada masa ini pesakit yang hendak di-bedah saperti hernia dan Ceasarian mesti di-hantar ka-Hospital Muar, 32 batu dari Batu Pahat.

Tan Sri Sardon bin Hj. Jubir: Saya tidak akan lari dari janji[2] saya, tetapi, buat masa ini, kerana tidak ada pakar yang boleh di-dapati, saya terpaksa mengambil langkah[2] lain saperti telah berusaha untok mengambil pakar[2] perubatan dari luar negeri sebagai langkah sementara menantikan kepulangan pegawai[2] perubatan kita dari United King-dom. Di-samping itu Kerajaan telah juga mengambil tindakan untok mengadakan kursus[2] dan pepereksaan[2] di-negeri ini bagi sa-tengah[2] pakar mithal-nya surgery, medi-cine, anaesthesia dan lain[2] lagi mulaï tahun 1971 ini sa-bagai langkah jangka panjang untok memenohi keperluan negeri ini.

I am not backing out of my assurance but as no specialist is as yet available, I have to resort to other means such as recruiting specialists from overseas, as a temporary measure, while awaiting the return of our medical officers from U.K. Apart from that and as a long term measure the Government has already taken action commencing in 1971 in providing courses and examinations in this country for some of the specialists for example in the field of surgery, medicine, anaesthesia and other specialists, to meet our country's need.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Sharikat Kerjasama Kewangan Tanah Negara Berhad

103. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kewangan menyatakan:

(*a*) butir berkenaan pinjaman Kerajaan kapada "National Land Finance Co-operative Society Limited" semenjak ia di-tubohkan;

(*b*) sama ada benar atau tidak yang Kesatuan itu tidak tetap sa-masa mem-buat bayaran;

(*c*) sama ada benar atau tidak yang Kesatuan ini tidak memberi jaminan kapada Kerajaan untok dua pinjaman $5 juta dan $2.5 juta pada 1967 dan 1968 saperti yang di-kehendaki, jika ia, menyatakan kenapa-kah Kerajaan mem-biarkan perkara ini berlaku;

(*d*) menyatakan mithalan yang lain di-mana pinjaman[2] telah di-beri tanpa jaminan atau memenohi sharat[2] tertentu.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):

(*a*) Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman berjumlah sa-banyak $7.5 juta kapada Sharikat Kerjasama Kewangan Tanah Negara Berhad semenjak di-tubohkan dalam tahun 1968. Pinjaman ini telah di-keluarkan dengan 4 ansoran sa-banyak $2.4 juta pada 12-6-67, $2.6 juta pada 30-6-67, $1.0 juta pada 11-7-68 dan $1.5 juta pada 9-8-68.

(*b*) Ada-lah benar yang Sharikat ini tidak menepati masa dalam menjelaskan bayaran-nya walau pun selalu di-berikan peringatan[2] oleh pehak Perben-daharaan.

(*c*) Ada-lah tidak benar untok mengatakan bahawa Sharikat ini tidak memberikan apa[2] chagaran kapada Kerajaan bagi pinjaman[2]-nya kerana, saperti yang di-nyatakan di-dalam Perjanjian[2] Pin-jaman, geran ladang[2] getah yang telah di-beli dengan wang pinjaman ada-lah di-kehendaki di-simpan di-Perbendaha-raan dan perkara ini telah di-ikuti oleh Sharikat itu.

(*d*) Tidak ada pada masa[2] yang lain Shari-kat ini telah gagal memberikan cha-garan atau menunaikan sharat[2] lain mengenaï pinjaman[2] yang di-berikan oleh Kerajaan Persekutuan.

(*a*) The Federal Government has given loans totalling $7.5 million to the National Land Finance Co-operative Society Limited since its inception in 1968. The loan was released in four instalments of $2.4 million on 12-6-67, $2.6 million on 30-6-67, $1.0 million on 11-7-68 and $1.5 million on 9-8-68.

(*b*) It is true that the Society has been irregular in making loan repayments despite constant reminders from the Treasury.

(*c*) It is not correct to say that the Society has not given any security to the Government for the loans as, according to the Loan Agreements, the titles of the estates purchased with the loan money are required to be deposited with the Treasury and this has been compiled with by the Society.

(*d*) There has not been any other instance where the Society has failed to provide security or fulfil other conditions in respect of the Federal Government loans.

Komplex Kastam

104. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian-nya telah bersetuju membena Komplex Kastam yang berharga $9 juta di-Johor Bahru, dan beri sebab[2] dan butir[2].

Tun Tan Siew Sin: Kerajaan telah membuat keputusan hendak membena Komplex Kastam baharu di-Johor Bahru di-tempat yang lain dengan tujuan melegakan keadaan sesak dan sibok di-kepala Tambak Johor itu. Apabila tempat pemereksaan kereta[2] barang di-pindah kapada Komplex baru itu maka di-harapkan perjalanan kereta[2] menerusi Tambak itu akan menjadi lebeh senang dan chepat, dan yang demikian di-anggap masa akan datang banyak lagi pelanchong[2] datang ka-Negeri ini melaluï Tambak Johor itu.

Kajian lebeh mendalam sedang di-teruskan oleh Jabatan Kerja Raya untok merangka pelan[2] yang mustahak bagi projek ini. Oleh itu tidak-lah dapat di-beri anggaran perbelanjaan dan lain[2] kenyataan yang lebeh lanjut pada masa ini.

The Government has made a decision to build a new Customs complex in Johor Baharu at a site away from its present location with a view to relieving the congestion at the Johore end of the Causeway. When examination of goods vehicles is conducted at the new complex, it is hoped that the movement of traffic through the Causeway will be speedier and in the long run will encourage more tourist traffic to this country.

A detailed engineering study is being done by the P.W.D. in order to draw up the necessary plans for this project. It is therefore not possible at the moment to give the estimates of cost and other details of the project.

Pinjaman[2] dan Bantuan[2] Asing

105. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kewangan memberi butir[2] berkenaan pinjaman[2] dan bantuan[2] asing yang di-terima oleh Malaysia untok Ranchangan Lima Tahun Malaysia yang Pertama (1966-1970) dan beri angka[2] berasingan untok pinjaman[2] dan bantuan dari tiap[2] penderma[2] atau negara[2] yang memberi pinjaman.

Tun Tan Siew Sin: Pinjaman[2] asing yang telah di-terima oleh Malaysia untok Ranchangan Malaysia yang Pertama (1966-1970) ada-lah berjumlah lebeh kurang $709.8 juta. Sumber[2] utama dari pinjaman ini ada-lah Amerika Sharikat ($121.5 juta), Britain ($114.9 juta), Jerman ($72.6 juta) dan Jepun ($29.4 juta), selain daripada pinjaman[2] yang di-terima daripada Bank Dunia, sa-banyak $317.7 juta dan Bank Pembangunan Asia sa-banyak $1.7 juta.

Bantuan[2] asing yang di-terima oleh Malaysia bagi jangka masa yang sama berjumlah lebeh kurang $243.2 juta, $162.0 juta, daripada-nya dari Britain, $61.5 juta dari Australia, $1.5 juta dari New Zealand, $13.3 juta dari Canada dan $4.9 juta dari ejensi[2] antarabangsa yang lain.

Untok lebeh lanjut lagi, pinjaman[2] dan bantuan[2] dari sumber yang tersebut bagi tiap[2] tahun dari tahun 1966 hingga 1970 ada di-lampirkan.

Foreign loans received by Malaysia for the First Malaysia Plan (1966-1970) amounted to about $709.8 million. Major sources of these loans were the U.S.A. ($121.5 million), Britain ($114.9 million), Germany ($72.6 million) and Japan ($29.4 million), besides the receipt from the World Bank and Asian Development Bank of loans amounting to $317.7 million and $1.7 million respectively.

Foreign grants received by Malaysia for the same period totalled about $243.2 million, of which $162.0 million came from Britain, $61.5 million from Australia, $1.5 million from New Zealand, $13.3 million from Canada and $4.9 million from other international agencies.

The details of loans and grants for each of the years 1966 to 1970 from the sources concerned are provided in the attached statements.

PINJAMAN[2] LUAR YANG TELAH DI-TERIMA UNTOK RANCHANGAN MALAYSIA YANG PERTAMA (1966-70)

($ Juta)

Pinjaman	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*(1966-70) Jumlah*
Bank Pembangunan Asia	—	—	—	0.1	1.6	1.7
Australia	—	—	—	1.5	0.1	1.6
Britain	—	60.4	7.8	15.1	31.6	114.9
Canada	—	18.0	—	7.9	—	25.9
Denmark	—	—	13.8	0.2	0.1	14.1
Peranchis	—	—	—	0.3	0.3	0.6
Bank Antarabangsa untok Pembangunan dan Pembenaan Sa-mula	59.2	66.3	71.9	58.8	61.5	317.7
Jepun	—	—	2.9	22.3	4.2	29.4
Sweden	—	—	2.2	2.8	4.8	9.8
Amerika Sharikat	—	11.9	24.8	79.9	4.9	121.5
Jerman Barat	2.6	11.6	25.5	31.0	1.9	72.6
JUMLAH ..	61.8	168.2	148.9	219.9	111.0	709.8

BANTUAN[2] LUAR YANG TELAH DI-TERIMA UNTOK RANCHANGAN MALAYSIA YANG PERTAMA (1966-70)

($ Juta)

Penderma	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*(1966-70) Jumlah*
Australia	18.6	15.2	10.8	12.9	4.0	61.5
Britain	64.2	40.3	33.7	10.9	12.9	162.0
Canada	9.7	—	—	3.6	—	13.3
New Zealand	—	0.6	0.9	—	—	1.5
Lain[2]	—	—	0.5	2.4	2.0	4.9
JUMLAH ..	92.5	56.1	45.9	29.8	18.9	243.2

EXTERNAL LOANS RECEIVED FOR FIRST MALAYSIA FIVE YEAR PLAN (1966-70)

($ Million)

Lender	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*(1966-70) Total*
Asian Development Bank	—	—	—	0.1	1.6	1.7
Australia	—	—	—	1.5	0.1	1.6
Britain	—	60.4	7.8	15.1	31.6	114.9
Canada	—	18.0	—	7.9	—	25.9
Denmark	—	—	13.8	0.2	0.1	14.1
France	—	—	—	0.3	0.3	0.6
International Bank for Reconstruction and Development	59.2	66.3	71.9	58.8	61.5	317.7
Japan	—	—	2.9	22.3	4.2	29.4
Sweden	—	—	2.2	2.8	4.8	9.8
United States of America	—	11.9	24.8	79.9	4.9	121.5
West Germany	2.6	11.6	25.5	31.0	1.9	72.6
TOTAL ..	61.8	168.2	148.9	219.9	111.0	709.8

EXTERNAL GRANTS RECEIVED FOR FIRST MALAYSIA FIVE YEAR PLAN (1966-70)

($ Million)

Donor	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*(1966-70) Total*
Australia	18.6	15.2	10.8	12.9	4.0	61.5
Britain	64.2	40.3	33.7	10.9	12.9	162.0
Canada	9.7	—	—	3.6	—	13.3
New Zealand	—	0.6	0.9	—	—	1.5
Others	—	—	0.5	2.4	2.0	4.9
TOTAL ..	92.5	56.1	45.9	29.8	18.9	243.2

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

106. Tuan Lim Kit Siang m'nta kapada Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sa-tengah pegawai[2] KWSP telah menyusahkan buroh yang buta huruf yang hendak mengeluarkan simpanan mereka bila mereka hendak meninggalkan negara ini untok sa-lama[2]-nya, dan apa-kah langkah[2] yang akan di-ambil untok memudahkan mereka mengeluarkan wang[2] mereka.

Tun Tan Siew Sin: Saya tahu ia-itu pehak KWSP ada peratoran yang senang dan tetap yang di-kehendaki daripada pencharum[2] yang hendak mengeluarkan wang mereka kerana meninggalkan negara ini bagi sa-lama[2]-nya. Apa yang mereka di-kehendaki membuat ia-lah mengemukakan kapada pehak KWSP keterangan[2] saperti berikut bagi menyokong permohonan[2] mereka untok pengeluaran itu:

(*a*) satu teket pelayaran yang telah di-bayar;

(*b*) (i) bagi sa-orang warga negara Malaysia, paspot kemasokan untok tinggal menetap di-negara yang mereka ingin berpindah;

(ii) bagi sa-saorang yang bukan warga negara, paspot atau sijil pengenalan tanpa kebenaran kemasokan semula. Dia juga di-kehendaki mengemukakan satu resit bagi membuktikan yang ia sudah menyerahkan kad pengenalan-nya kapada pehak yang berkenaan; dan

(*c*) satu sijil suntekan.

Sunggoh pun demikian, jika ada kakitangan KWSP telah menyebabkan keadaan[2] yang tidak menyenangkan dan memberi kesusahan kapada buroh[2] yang buta huruf yang ingin mengeluarkan KWSP mereka sa-belum meninggalkan negara ini untok selama[2]-nya, sa-bagaimana yang telah di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, beliau hendak-lah mengemukakan keterangan[2] yang jelas untok membolehkan saya mengadakan penyiasatan bagi menentukan ada-kah betul atau tidak pegawai[2] KWSP menjalankan tugas[2] mereka dengan betul-nya.

I am aware that the E.P.F. has a simple and standard requirement of contributors who wish to withdraw their monies on the ground that they are leaving the country for good. All that they have to do is to present to the E.P.F. the following particulars in support of their applications for withdrawals:

(*a*) a fully paid passage ticket;

(*b*) (i) in the case of a Malaysian citizen, a passport with an entry permit for permanent stay in the country they are emigrating to;

(ii) in the case of a non-citizen, a passport or certificate of identity without a re-entry permit. He is further required to produce a receipt to show that he has surrendered his identity card to the appropriate authority; and

(*c*) a vaccination certificate.

In spite of this simple procedure, if E.P.F. officials have caused great inconvenience and hardship to illiterate labourers who wish to withdraw their E.P.F. entitlements before leaving the country for good, as alleged by the Honourable Member, he should then let me have specific details to enable an enquiry to be instituted as to whether or not E.P.F. officials are carrying out their duties properly.

Pinjaman[2] kapada Kerajaan[2] Negeri

107. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Kewangan berapa banyak hutang yang di-pinjamkan oleh Negara kapada tiap[2] buah negeri di-Malaysia; dan jika ada, berapa banyak-kah bunga dan faedah yang di-pungut oleh Negara dari hutang[2] itu.

Tun Tan Siew Sin: Jadual berikut menunjokkan banyak-nya pinjaman[2] yang telah di-berikan oleh Kerajaan Persekutuan kapada Kerajaan[2] Negeri di-Malaysia dan banyak-nya faedah yang akan di-kutip di-atas pinjaman[2] tersebut:

Kerajaan Negeri	Banyak-nya baki pinjaman pada 31-12-1970	Faedah yang akan di-kutip bagi masa pinjaman
	$ sen	$ sen
1. Johor	15,060,194.92	11,672,709.91
2. Kedah	26,437,076.00	21,810,535.93
3. Kelantan ...	7,863,000.00	3,231,892.20
4. Melaka ...	10,686,268.31	11,413.238.52
5. Negeri Sembilan	36,006,616.91	29,166,196.04
6. Pahang ...	21,179,714.33	7,735,420.82
7. Penang ...	37,873,640.45	12,259,382.08
8. Perak	50,289,644.14	43,344,963.55
9. Perlis	2,758,251.55	901,103.66
10. Sabah	11,840,480.00	8,648,782.55
11. Sarawak ...	16,511,529.00	9,381,109.77
12. Selangor ...	51,454,390.85	57,649,307.91
13. Trengganu ...	11,939,841.00	1,957,320.48

The following table shows the amount of loans given by the Federal Government to each State in Malaysia and the chargeable interest to be collected by the Government on these loans:

State Government	Amount of loan outstanding on 31-12-1970	Interest to be collected over the period of the loan
	$ cts.	$ cts.
1. Johore	15,060,194.92	11,672,709.91
2. Kedah	26,437,076.00	21,810,535.93
3. Kelantan ...	7,863,000.00	3,231,892.20
4. Melaka ...	10,686,268.31	11,413.238.52
5. Negeri Sembilan	36,006,616.91	29,166,196.04
6. Pahang ...	21,179,714.33	7,735,420.82
7. Penang ...	37,873,640.45	12,259,382.08
8. Perak	50,289,644.14	43,344,963.55
9. Perlis	2,758,251.55	901,103.66
10. Sabah	11,840,480.00	8,648,782.55
11. Sarawak ...	16,511,529.00	9,381,109.77
12. Selangor ...	51,454,390.85	57,649,307.91
13. Trengganu ...	11,939,841.00	1,957,320.48

Mengalehkan Simpanan[2] Bank

108. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kewangan ada-kah benar bahawa ramai pemodal[2] dalam Malaysia telah mengalehkan simpanan mereka dari bank[2] di-Malaysia ka-bank[2] di-seberang laut, dan jika benar, terangkan apa-kah sebab-nya dan ada-kah Kerajaan akan chuba merentikan perbuatan ini.

Tun Tan Siew Sin: Oleh kerana semua urusan[2] kewangan di-antara Malaysia dan negara[2] di-Kawasan Sterling ada-lah bebas dari kawalan tukaran wang, sa-tiap orang di-Malaysia sama ada pehak pemodal atau penoreh getah ada-lah di-benar mengadakan kira[2] dengan bank[2] di-Malaysia atau pun dengan bank[2] di-mana[2] negara di-Kawasan Sterling dengan tidak ada apa[2] sekatan. Dengan itu, saya tidak-lah mengetahui sama ada mana[2] pemodal di-Malaysia yang telah menukarkan kira[2] mereka dari bank[2] di-Malaysia ka-bank[2] di-negara[2] di-Kawasan Sterling. Sunggoh pun demikian, pendudok[2] di-Malaysia ada-lah di-kehendaki mendapat kebenaran khas daripada Pengawal Wang Asing untok membuka kira[2] di-bank[2] di-luar Kawasan Sterling. Rekod[2] di-Pejabat Pengawal Wang Asing di-Bank Negara Malaysia menunjokkan bahawa setakat ini tidak ada kebenaran yang telah di-berikan kapada pendudok[2] Malaysia bagi menukarkan kira[2] bank mereka dari bank[2] di-Malaysia ka-bank[2] di-negara[2] di-luar Kawasan Sterling.

Patut-lah saya menambah bahawa dasar ini telah mendatangkan banyak keuntongan. Shukor-lah, kerana dasar penukaran wang asing kita yang liberal maka simpanan negara kita telah meningkat naik dengan banyak-nya semenjak Merdeka sementara wang chadangan (reserve) banyak negara lain yang sedang membangun menjadi sa-balek-nya. Jadi, hasil-nya menunjokkan bahawa dasar kita ada-lah betul.

Since all financial transactions between Malaysia and other Sterling Area countries are free from exchange control, any person in Malaysia whether he is a capitalist or a rubber tapper is allowed to maintain accounts with banks in Malaysia or with banks in any other Sterling Area country without any restriction. I am, therefore, not in a position to know whether any capitalists in Malaysia have transferred their accounts from banks in Malaysia to banks in other Sterling Area countries. However, residents of Malaysia are required to obtain specific permission from

the Controller of Foreign Exchange to maintain accounts with banks outside the Sterling Area. The records of the Exchange Control Department of Bank Negara Malaysia show that so far no permission has been given for residents of Malaysia to transfer their banking accounts with banks in Malaysia to banks in countries outside the Sterling Area.

I should add that this policy has paid handsome dividens. Thanks to our liberal foreign exchange policy, our reserves have increased substantially since independence while that of many other developing countries have shown an opposite trend. The results therefore, shown that our policy is right.

Jet[2] Orang Kenamaan

109. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Kewangan ada-kah lebeh beruntong menggunakan jet[2] orang Kenamaan (VIP) atau orang[2] kenamaan menumpang kapal terbang yang di-sewa khas.

Tun Tan Siew Sin: Kapal terbang yang boleh di-sewa khas dan yang agak sama lajunya dengan kapal terbang executive jet itu ia-lah Boeing 737. Akan tetapi kapal terbang ini boleh muat hingga 85 penumpang, dan jika penoh akan memakan belanja 16.4 sen tiap[2] sa-orang sebatu, manakala kapal terbang executive jet itu memakan belanja 38 sen sa-orang sebatu untok menjalankan-nya. Kapal terbang executive jet itu boleh muat 7 orang penumpang. Yang demikian nyata-lah kita tidak akan membawa lebeh dari 7 orang dalam kebanyakan lawatan[2], dan saya rasa tidak pernah ada-nya ketika menghendaki membawa sampai 85 orang dalam sesuatu lawatan rasmi. Kira-nya kapal terbang Boeing membawa 7 orang penumpang sahaja, maka belanja-nya ia-lah $1.60 sa-orang sebatu, dan sa-bagai perbandingan, harga ini nyata-lah lebeh mahal daripada menggunakan kapal terbang executive jet itu.

A chartered aircraft which has a speed comparable to that of our executive jet would be the Boeing 737. This aircraft, however, can seat 85 passengers, and if full, costs 16.4 cents per passenger mile to operate, while our executive jet costs 38 cents per passenger mile to operate. Our executive jet can seat 7 passengers and it is obvious that while for most occassions we would not wish to bring more than 7 passengers, I can recall no occasion when it was necessary to bring 85 passengers on any official trip. If the Boeing 737 were to carry only 7 passengers then the comparable cost would be $1.60 cents per passenger mile and this would thus be far more expensive than the executive jet.

110. Dr Chen Man Hin minta kapada Menteri Kewangan menyatakan jumlah bilangan kapal terbang jet petugas yang telah di-beli khas untok orang[2] kenamaan, harga bagi tiap[2] satu unit, perbelanjaan penyimpanan dan perbelanjaan pada sa-batu bagi tiap[2] sa-orang penumpang.

Tun Tan Siew Sin: Bilangan kapal terbang Executive Jet yang telah di-beli ia-lah dua, dan harga-nya $3,497,139 satu. Perbelanjaan memelihara-nya ia-lah lebeh kurang $129,000 sa-tahun di-kira dengan masa penerbangan 600 jam. Belanja tiap[2] batu satu penumpang lebeh kurang 38 sen termasok harga menyelenggara, nilai kemerusatan, minyak dan gaji anggota penerbang.

The number of executive jet planes purchased is two, and the cost is $3,497,139 each. The maintenance cost for each plane is about $129,000 a year, based on 600 flying hours. The cost per passenger mile is 38 cents, taking into account maintenance and overhaul costs, depreciation, fuel consumption and the personal emoluments of the air crew.

Tabong Bantuan Kekachauan 13 Mei

111. Dr Chen Man Hin minta kapada Menteri Kewangan menyatakan penyata kira[2] yang lengkap tabong bantuan mangsa[2] kekachauan 13 Mei dan ada-kah penyata kira[2] ini di-odit.

Tun Tan Siew Sin: Satu jawapan kapada soalan yang sama maksud-nya daripada Y.B. Dr Tan Chee Khoon telah pun (akan di-beri) di-beri oleh Y.B. Menteri Kebajikan Am. Ahli Yang Berhormat di-minta merojokkan kapada jawapan yang tersebut untok mendapat ma'alomat yang di-kehendaki itu.

A reply to a similar question by Y.B. Dr Tan Chee Khoon has already been (will be) given by Y.B. Menteri Kebajikan Am. The Honourable Member is requested to refer to that reply for the information asked for.

Tabong Pemulehan Benchana Banjir 1967

112. Dr Chen Man Hin minta kapada Menteri Kewangan memberikan satu penyata kira[2] perinchian berkenaan dengan Tabong Bantuan yang di-tubohkan pada tahun 1967

bagi membantu tempat² kejadian banjir yang terok di-Pantai Timor dan ada-kah penyata kira² ini pernah di-odit dan baki wang dalam tabong ini di-kredit kapada pehak berkenaan.

Tun Tan Siew Sin: Kutipan bagi Tabong Pemulehan Benchana Banjir 1967 berjumlah sa-banyak $2,798,021 termasok faedah bank. Jumlah yang telah di-keluarkan bagi membantu mangsa² banjir ia-lah $2,201,648. Baki sa-banyak $596,373 telah di-pindahkan kapada Tabong Pemulehan Kechemasan Negara dalam bulan Januari, 1970, dan sekarang telah di-satukan dengan Tabong Benchana Negara yang bahru.

Kira² Tabong Pemulehan Benchana Banjir ini sedang di-odit oleh Juru Odit Negara.

The amount collected for the 1967 Flood Relief Fund, including interest thereon, was $2.798,021. The amount paid out for the relief of flood victims was $2,201,648. The balance of $596,373 was transferred in January, 1970 to the National Emergency Relief Fund set up in 1969 which has now been amalgamated with the new National Disaster Relief Fund.

The accounts of the 1967 Flood Relief Fund are being audited by Juru Odit Negara.

Panggilan Talipon

113. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kewangan sama ada perbayaran sa-puloh sen kapada tiap² panggilan talipon boleh di-tarek balek.

Tun Tan Siew Sin: Pengenaan bayaran ini telah di-kenakan dalam Belanjawan tahun 1966 sa-bagai satu langkah hasil dengan memberi elaun bagi 100 panggilan perchuma sa-bulan. Ini telah memboktikan sa-bagai satu sumber hasil yang baik. Oleh kerana berkehendakkan tambahan hasil, Kerajaan tidak berchadang hendak menarek balek pengenaan bayaran ini.

This levy was introduced in the 1966 Budget as a revenue measure with an allowance for 100 free calls per month. This has proved to be a good source of revenue. In view of the need for additional revenue the Government does not intend to withdraw this levy.

Jambatan Pulau Pinang

114. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kewangan bila-kah jambatan yang menghubongi Pulau Pinang dengan tanah besar akan di-bena dan ada-kah Pulau Pinang maseh lagi sa-buah Pelabohan bebas.

Tun Tan Siew Sin: Satu sambongan tetap di-antara Pulau Pinang dan tanah besar akan dapat di-laksanakan hanya sa-lepas satu kajian sa-chara mendalam telah di-buat. Dalam bulan September, 1970, firma perundingan Scott, Kirkpatrick dan Rakan²-nya daripada London telah mengemukakan satu laporan mengenai kajian permulaan yang telah di-buat oleh mereka itu. Laporan ini telah pun di-teliti oleh pehak² berkuasa Negeri dan Persekutuan. Kerajaan sekarang telah memutuskan supaya satu kajian yang mendalam di-buat dan tindakan sedang di-ambil untok menjemput tawaran² daripada firma² perunding bagi kajian ini.

2. Berhubong dengan kedudokan Pulau Pinang sa-bagai sa-buah Pelabohan Bebas, menurut sekshen 146 Akta Kastam, 1967, Pulau Pinang ada-lah terkeluar daripada Kawasan Utama Kastam ("Principal Customs Area") ia-itu Persekutuan. Dengan itu, sekshen 11 (1) Akta tersebut yang menegaskan bahawa Menteri Kewangan boleh menetapkan chukai² kastam yang akan di-kenakan ka-atas apa² barang yang di-impot atau di-eksepot daripada Persekutuan, tidaklah melibatkan Pulau Pinang. Sunggoh pun demikian, sekshen 147 (1) (*a*) Akta tersebut memperuntokkan bahawa chukai impot kena di-bayar ka-atas minuman keras, tembakau, minyak petrol, tayar² kenderaan dan tiub² Sekshen ini juga membolehkan Menteri Kewangan menentukan yang chukai impot boleh di-kenakan ka-atas apa² barang yang di-ishtihar dan di-chatit di-dalam *Warta* Kerajaan. Dengan hal yang demikian, Perentah Duti Kastam (Pulau Pinang), 1970, mengishtiharkan bilangan barang² yang di-impot ka-Pulau Pinang di-kenakan chukai dengan kadar yang sama saperti yang di-impot ka-dalam Kawasan Utama Kastam ("Principal Customs Area"). Tujuan utama chukai² tambahan ini ia-lah bagi melindongi perusahaan² di-Pulau Pinang serta juga yang di-dalam Kawasan Utama Kastam ("Principal Customs Area"). Semua impot ka-Pulau Pinang ada-lah di-kenakan chukai tokok 4%, saperti juga dengan semua impot ka-Kawasan Utama Kastam, mengikut peratoran² di-dalam Perentah Chukai Tokok

(Impot), 1968, dan Pindaan Perentah Chukai Tokok (Impot) (Pindaan) (No. 2), 1970. Menurut peruntokan sekshen 147 (1) (*b*) Akta Kastam, 1967, chukai eksepot tidak di-kenakan ka-atas barang[2] eksepot daripada Pulau Pinang melainkan getah, bijeh timah, keping[2] timah, bijeh timah yang belum di-tempa dan bijeh timah padat.

A fixed link between Penang Island and the mainland can only be undertaken after completion of a detailed feasibility study. In September 1970, the consultant firm of Scott, Kirkpatrick & Partners of London submitted a report on the pre-feasibility study it had made. This Report has been analysed by both Federal and State authorities. The Government has now decided that a full feasibility study should be carried out and action is being taken to invite quotations from consultant firms to under-take such a study.

With regard to the free port status of Penang, according to section 146 of the Customs Act, 1967, Penang Island is outside the "Principal Customs Area", i.e., the Federation. Therefore, section 11 (1) of the Act, specifying that the Minister of Finance may fix customs duties to be levied on any goods imported into or exported from the Federation, does not apply to Penang. However, section 147 (1) (*a*) of the Act provides that import duty is payable on intoxicat'ng liquor, tobacco, petroleum, motor vehicle tyres and tubes. This section also enables the Minister of Finance to determine that import duty may be levied on any other goods so declared and published in the *Gazette*. Accordingly, the Customs Duties (Penang) Order, 1970, decrees that a number of items imported into Penang are liable to import duty at the same rate as those imported into the Principal Customs Area. The main object of these additional levies is to protect industries in Penang as well as those in the Principal Customs Area. All imports into Penang are also liable to the 4% surtax, as are all imports into the Principal Customs Area, in accordance with the provisions of the Surtax (Imports) Order of 1968, as amended by the Surtax (Imports) (Amendment) (No. 2) Order, 1970.

In accordance with the provisions of section 147 (1) (*b*) of the Customs Act, 1967, no export duty shall be payable on goods exported from Penang except on rubber, tin ore, tin slabs, unwrought tin and tin concentrates.

KEMENTERIAN TEKNOLOJI, PENYELI-DEKAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Laporan Mengenai Ibu Kota

115. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Ke-rajaan Tempatan sama ada beliau dapat memberi jaminan bahawa setiap Kenyataan dan Penyiasatan berkaitan dengan Ibu Kota hendak-lah di-siarkan agar orang ramai dapat mengikuti-nya dengan sa-berapa segera, untok menjaminkan perbelanjaan orang ramai dan memberi peluang kapada orang ramai memberi pendapat bagi masa depan Ibu Kota mereka.

Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Ke-rajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Semua Laporan yang boleh di-keluarkan untok pengetahuan orang ramai akan tetap di-siarkan dengan sa-berapa segera.

All Reports which are to be released for the information of the general public will definitely be published as quickly as possible.

Undang[2] Kechil Bangunan yang di-Samakan

116. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Ke-rajaan Tempatan bila-kah penyusunan semula Uniform Building Regulations untok mengawal para pembena rumah dan melindongi ra'ayat akan selesai.

Dato' Ong Kee Hui: Majlis Gerakan Negara telah meluluskan pada prinsip-nya undang[2] berikut:

Undang[2] Kechil Bangunan yang di-samakan

Undang[2] Kechil Jalan Raya Suwasta

Undang[2] Kechil Pemaritan, Kebersehan dan pemasangan paip[2] Kaedah Bekalan Ayer yang baru

dan mengarahkan bahawa undang[2] yang tersebut di-atas hendak-lah di-kaji sechara mendalam sa-belum di-bentangkan di-Dewan Ra'ayat. Tambahan pula, oleh kerana undang[2] ini ada-lah terletak di-bawah kuasa Kera'aan Tempatan maka undang[2] itu perlu-lah di-kemukakan kapada Majlis Kebangsaan Kera'aan Tempatan sa-belum di-kemukakan kapada Dewan Ra'ayat. Perkara ini sedang di-kaji sechara mendalam oleh pegawai[2] undang[2].

The National Operations Council has approved in principle the following:

The Street, Drainage and Building Act and the following subsidiary legislations—

The Uniform Building By-laws

The Private Street By-laws

The Drainage, Sanitation and Sanitary Plumbing By-laws

The New Water Supply Rules

and has directed that the above laws be studied in detail before they presented to Parliament. Further, as these laws come within the province of Local Government they will have to be submitted to the National Council for Local Government before going to Parliament. The matter is now being studied in detail by the legal officers.

Peranchangan Bandar

117. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau akan mengarahkan pehak yang berkuasa terutama sa-kali bagi bandar[2] yang besar untok menyediakan Master Plan dengan sa-berapa segera.

Dato' Ong Kee Hui: Oleh sebab peranchangan bandar bagi kawasan[2] pehak berkuasa tempatan ada-lah di-bawah kuasa pehak berkuasa tempatan yang berkaitan sa-bagaimana yang di-peruntokan di-bawah Enakmen Lembaga Bandaran, Bab 137, saya tidak berupaya mengarahkan mana[2] pehak berkuasa tempatan mengenaï perkara ini. Kementerian ini telah menasehatkan Kerajaan[2] Tempatan supaya meminta pehak[2] berkuasa tempatan menyediakan dan menerbitkan pelan[2] bandar dan, jika difikirkan perlu, Pelan[2] Induk mengikut garis[2] peranchangan bandar yang semasa dan baik. Walau bagaimana pun saya pasti menyampaikan hasrat Ahli Yang Berhormat kapada Kerajaan[2] Negeri untok menegaskan akan kepentingan perkara ini.

As town planning in local authority areas is the responsibility of the local authority concerned as provided for in the Town Boards Enactment, Cap. 137, I am not in a position to instruct any local authority on this matter. The Ministry had already advised State Governments to request local authorities to prepare and publish two plans and, where deemed appropriate, Master Plans along sound contemporary twon planning lines. However, I would certainly convey the Honourable Member's concern to the State Governments to underscore the importance of this matter.

"Ombudsman"

118. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau akan melantek ombudsman yang boleh menjaga kemuskilan ra'ayat dan aduan[2] ra'ayat di-Parlimen berhubong dengan kerja[2] Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.

Dato' Ong Kee Hui: Oleh kerana sudah ada peruntokan dalam Akta Ibu Kota, 1960, yang menugaskan Pesurohjaya Ibu Kota menyampaikan kapada Menteri laporan[2], butir[2], dan lain[2] keterangan mengenaï kerja[2] Ibu Kota serta mengambil langkah[2] dengan sa-chepat mungkin untok menyempurnakan arahan[2] daripada Menteri berkaitan dengan perkara[2] yang Menteri fikirkan ada mengganggu keadaan Ibu Kota, maka ada-lah difikirkan tidak perlu bagi sa-orang ombudsman di-lantek. Menteri ada-lah bertanggong-jawab kapada Jema'ah Menteri yang sa-balek-nya ada bertanggong-jawab kapada Parlimen berkaitan dengan pentadbiran Ibu Kota dan sa-barang aduan orang ramai boleh di-perbuat terus menerus kapada Menteri.

As there is already provision in the Federal Capital Act, 1960, making it incumbent upon the Commissioner of the Federal Capital to furnish the Minister with such returns, accounts and other information with respect to the Federal Capital's activities and to give effect to any directions of the Minister as soon as possible in relation to matters which appear to the Minister to affect the interests of the Federal Capital, it is considered unnecessary for an ombudsman to be appointed. The Minister is responsible to the Cabinet which is in turn responsible to Parliament for the administration of the Federal Capital and any public complaints can be made direct to the Minister.

Dewan Perpustakaan dan Panggong Negara

119. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan bila-kah Dewan Perpustakaan dan Panggong Negara akan di-bena di-Kuala Lumpur.

Dato' Ong Kee Hui: Perpustakaan Awam Malaysia telah pun di-tubohkan pada 13hb Februari, 1971, dan pada masa ini ada-lah di-tempatkan buat sementara-nya di-No. 2526 Jalan Venning, Kuala Lumpur. Perkhidmatan rojokkan yang sederhana sedang berjalan.

Pembenaan sa-buah Panggong Negara ada-lah di-bawah tanggongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dan Kementerian itu telah menyampaikan shor[2]-nya untok pertimbangan Perdana Menteri.

The National Library of Malaysia was established on 13th February, 1971, and is accommodated temporarily at No. 2526 Jalan Venning, Kuala Lumpur. It is already providing a modest reference service.

The building of a National Theatre is the responsibility of the Ministry of Culture, Youth and Sports and that Ministry has already submitted its proposals for the consideration of the Prime Minister.

Laporan Kajian Setinggan

120. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan mengapa-kah masaalah setinggan[2] yang di-kaji oleh Perbandaran Kuala Lumpur telah tidak di-siarkan.

Dato' Ong Kee Hui: Laporan Kajian Setinggan ada-lah merupakan satu dokumen terkelas dan bukan-lah menjadi niat Kerajaan untok menchetak Laporan itu. Walau bagaimana pun, satu rumusan kajian itu telah di-keluarkan dan angka[2] yang terkandong di-dalam-nya sudah pun di-siarkan oleh akhbar[2] tempatan Malaysia.

The Kuala Lumpur Squatter Survey Report is a classified document and it is not the intention of the Government to publish the Report. However, a summary of the survey has been released and the statistics concerned have been published by the local Press in Malaysia.

Dewan Orang Ramai

121. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau berchadang untok membena Dewan Orang Ramai yang chukup besar bagi orang ramai untok di-gunakan bagi upachara perkahwinan, keramaian atau perjumpaan[2].

Dato' Ong Kee Hui: Menteri Teknoloji Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan berpendapat bahawa pembenaan sa-buah sahaja Dewan Orang Ramai tidak akan memberi apa[2] faedah. Ada-lah lebeh elok-nya pembenaan Dewan Orang Ramai dan tempat[2] bermain dan berehat di-masokkan ka-dalam ranchangan Rumah Murah yang akan di-bena oleh Surohanjaya Ibu Kota kelak. Sa-benar-nya kemudahan[2] saperti itu sudah pun di-sediakan oleh Surohanjaya Ibu Kota di-Rumah Pangsa Jalan Pekeliling, Jalan Shaw dan Jalan Sungai Besi. Sa-buah Dewan Orang Ramai di-tingkat bawah bangunan rumah pangsa 20 tingkat di-Jalan Loke Yew akan siap tidak berapa lama lagi dan sa-buah lagi Dewan saperti itu telah di-ranchangkan untok Rumah Pangsa di-Jalan Cheras. Mereka yang berhajat hendak menggunakan Dewan[2] Orang Ramai itu boleh-lah memohon kapada Jawatankuasa Pengurus.

The Minister of Technology, Research and Local Government takes the view that the construction of a single Community Hall would not serve any useful purpose. It will be better to incorporate the construction of Community Halls and recreational centres in the design of low-cost Flats to be built by the Federal Capital Commission in future. In actual fact, such facilities have been provided by the Federal Capital Commission at its Low-cost Flats at Jalan Pekeliling, Jalan Shaw, and Jalan Sungei Besi. A community Hall on the ground floor of the 20-storey flats at Jalan Loke Yew will be completed soon and another one has been planned for the Flats at Jalan Cheras. Those wishing to use the Community Halls are free to apply to the Committee of Management.

Majlis Tempatan

122. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan supaya mengedarkan kenyataan yang telah di-sediakan oleh Surohanjaya Penyiasatan ka-atas kerja[2] Majlis Tempatan.

Dato' Ong Kee Hui: Laporan Surohanjaya di-Raja bagi mengkaji Perjalanan Penguasa[2] Tempatan itu akan di-umumkan apabila Kerajaan membuat keputusan atas-nya ia-itu sa-telah mengkaji laporan Jawatankuasa yang di-lantek untok mengkaji implikasi[2] perlaksanaan shor[2] yang terkandong dalam Laporan itu.

The Report of the Royal Commission of Enquiry to investigate into the workings of Local Authorities would be made public when the Government has taken a decision on the matter i.e. after studying the report of the Committee appointed to examine the implications of implementing the recommendations of the Report.

Kajian Pengurusan

123. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau berchadang untok menyiasat dengan sa-penoh-nya ka-atas kerja[2] Town Planning, Akitek Perbandaran, Jabatan Kejuruteraan Perbandaran yang telah melambat[2]kan hingga menyusah-kan orang ramai, akitek[2] dan jutera[2] yang selama ini mengalami-nya.

Dato' Ong Kee Hui: Suatu Kajian Pengurusan mengenai perjalanan dan peratoran[2] bagi beberapa bahagian dalam Surohanjaya Ibu Kota telah di-jalankan oleh Bahagian Kemajuan Pentadbiran dari Jabatan Perdana Menteri dalam bulan Mach, 1970. Suatu laporan lengkap mengenai penyusunan samula Surohanjaya ini telah di-susun dan shor[2] yang terkandong di-dalam-nya sedang di-laksanakan sekarang. Peratoran[2] penyusunan dalam Surohanjaya Ibu Kota itu telah di-perkemaskan dan tidak ada terdapat sungutan[2] tentang sa-barang kelengahan[2] yang tidak wajar dalam menjalankan urusan dengan orang ramai, akitek[2] dan jurutera[2]. Oleh sebab itu, Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan tidak-lah nampak akan perlu-nya pada ketika ini untok menjalankan penyiasatan penoh sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

A Management Survey regarding the working and procedures of the various divisions of the Federal Capital Commission had been carried out by the Development Administration Unit of the Prime Minister's Department in March, 1970. A comprehensive re-organisation report had been prepared and the recommendations contained therein are at the moment being implemented. Management procedures in the Federal Capital Commission have been streamlined and there has been no complaint of any undue delays when dealing with members of the public, architects and engineers. In view of this the Minister of Technology, Research and Local Government does not see any necessity at present for the institution of a full enquiry as suggested by the Honourable Member.

124. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan harga bayaran dan sa-bagainya bagi mengkaji soal Pengangkutan, dan mengapa kajian itu tidak di-umumkan sejak beberapa tahun ini.

Dato' Ong Kee Hui: Belanja bagi Kajian Pengangkutan untok Kuala Lumpur ia-lah sa-banyak $650,000. Laporan itu tidak-lah di-siarkan untok perhatian umum kerana beberapa shor-nya boleh menyentohi nilaian[2] harta. Akan tetapi kebanyakan dari shor[2] yang terkandong dalam Laporan ini telah pun di-masokkan ka-dalam Pelan Pembangunan Lengkap yang telah di-siarkan dalam *Warta* Kerajaan baharu[2] ini.

The total cost of the Transportation Study for Kuala Lumpur was $650,000. The Report was not released for public scrutiny because some of its recommendations could affect property values. However, most of the recommendations in this Report have been amalgamated into the Comprehensive Development Plan of Kuala Lumpur which has recently been gazetted.

Laporan Ruddock dan Ranchangan Antolic

125. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan mengapa-kah Laporan Ruddock dan Ranchangan Antolic untok Kuala Lumpur telah tidak di-siarkan untok pengetahuan orang ramai sa-telah beberapa tahun ini.

Dato' Ong Kee Hui:

(*a*) Laporan Ruddock telah di-chetak dalam tahun 1955 dan di-jual dengan harga $2.00 sa-naskhah.

(*b*) Penasihat Peranchang Bangsa[2] Bersatu, Enche' V. Antolic berada di-Malaya dari 1959-1961. Pada hujong tempoh itu beliau telah mengemukakan satu Laporan deraf untok komen[2] Bahagian Peranchang Ekonomi, Kementerian dan Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong sa-belum ia-nya menyediakan laporan mu'tamad-nya kapada Bangsa[2] Bersatu untok di-panjangkan kapada Kerajaan Malaysia.

Komen[2] yang berkaitan di-atas laporan deraf itu telah pun di-perbuat oleh jabatan[2] berkenaan dan sementara menunggu laporan mu'tamad daripada pehak Bangsa[2] Bersatu soalan penerbitan-nya tidak berbangkit. Walau bagaimana pun tindakan telah di-ambil bagi memasokkan beberapa chadangan ranchangan dalam deraf laporan itu untok di-laksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di-dalam ranchangan[2] kemajuan-nya.

(*a*) The Ruddock Report was published in 1955 and put on sale at a price of $2.00 per copy.

(*b*) The United Nations Planning Adviser, Mr V. Antolic was in Malaya from 1959 to 1961. At the end of this period, he submitted a draft report for the comments of the Economic Planning Unit, the Ministry and the Department of Town and Country Planning, prior to his putting up his final report to the United Nations for eventual submission to the Malayan Government.

Appropriate comments on the draft report had been made by the various departments concerned and pending receipt of the final report from the United Nations the question of publication does not arise. Action has however, been taken to incorporate some of the development proposals in the draft report for implementation by the Federal and State Government in their Development Plans

Kuala Lumpur—Bandar Raya

126. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan apabila bandar Kuala Lumpur ini di-ishtiharkan sa-bagai Bandar Raya adakah ia mempunyai sa-orang Dato' Bandar yang di-pileh dan majlis yang di-pileh, jikalau tidak, mengapa.

Dato' Ong Kee Hui: Pada waktu ini chuma ada chadangan hendak menaikkan taraf Kuala Lumpur ka-taraf bandar raya dan chadangan itu sedang di-kaji oleh Kementerian. Walau bagaimana pun suatu perkara ada-lah tertentu ia-itu sa-lagi Akta Ibu Kota, 1960, berkuatkuasa soalan sama ada Kuala Lumpur apabila di-naikkan ka-taraf bandar raya akan mempunyai majlis yang di-lantek penoh serta sa-orang dato bandar yang di-lantek tidak-lah berbangkit.

At the moment there is only a proposal to elevate the status of Kuala Lumpur to a city and the proposal is being studied by the Ministry. Whatever the outcome, one thing is definite and that is that as long as the Federal Capital Act, 1960, is in force, the question of whether there will be a fully elected council and an elected mayor when Kuala Lumpur is declared a city does not arise.

127. Tuan Hor Cheok Foon minta kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan menyatakan ada-kah Bandar Raya Kuala Lumpur yang di-chadangkan akan di-tadbir oleh Kerajaan Tempatan yang di-pileh oleh ra'ayat dan di-ketuai oleh Dato' Bandar yang juga di-pileh oleh orang ramai.

Dato' Ong Kee Hui: Pada masa ini hanya terdapat chadangan sahaja untok menaikkan taraf bandar Kuala Lumpur ka-taraf Bandar Raya dan chadangan ini sedang di-kaji oleh Kementerian ini. Apa sahaja keputusan yang akan di-ambil nanti, perkara yang sudah pasti ia-lah selagi Akta Ibu Kota Kuala Lumpur 1960 itu berjalan kuatkuasa-nya maka soal sama ada mempunyai majlis yang terdiri dari ahli[2] yang di-pileh dengan sepenoh-nya dan sa-orang Dato' Bandar yang di-pileh apabila Kuala Lumpur di-ishtiharkan sa-bagai Bandar Raya tidak-lah timbul.

At the moment there is only a proposal to elevate the status of Kuala Lumpur to a City and the proposal is being studied by the Ministry. Whatever the outcome, one thing is definite and that is that as long as the Federal Capital Act, 1960 is in force, the question of whether there will be a fully elected council and an elected Mayor when Kuala Lumpur is declared a city does not arise.

128. Tuan Hor Cheok Foon minta kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan menyatakan ada-kah Kerajaan berchadang hendak menyatukan Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur dengan Daerah Kuala Lumpur dalam Bandar Raya yang di-chadangkan itu dan ada-kah Kerajaan bersedia mengumumkan Kawasan Sempadan Ibu Kota Malaysia.

Dato' Ong Kee Hui: Hanya terdapat chadangan sahaja untok menaikkan taraf bandar Kuala Lumpur ka-taraf Bandar Raya

dan chadangan ini sedang di-kaji oleh Kementerian ini. Soal penyatuan Perbandaran Kuala Lumpur dengan Daerah Kuala Lumpur atau menubohkan Wilayah Ibu Kota Malaysia tidak ada kaitan-nya dengan kenaikan taraf bandar Kuala Lumpur ka-taraf Bandar Raya dan dengan ini pertanyaan[2] ini tidak-lah timbul.

There is only a proposal to elevate the status of Kuala Lumpur to a City and the proposal is being studied by the Ministry. The incorporation of Kuala Lumpur Municipality with Kuala Lumpur District or the establishment of Malaysia Capital Territory is not in any way tied up with the elevation of the status of Kuala Lumpur to that of a City and therefore these questions do not arise.

Pilchan Raya Kerajaan Tempatan

129. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan mengapa-kah sa-telah tamat-nya konfrantasi kini maseh tidak ada pilehan raya bagi Kuala Lumpur dan majlis tempatan yang lain.

Dato' Ong Kee Hui: Saperti mana yang telah di-terangkan oleh Menteri yang terdahulu dari saya, dari semasa ka-semasa, dalam Dewan ini, bahawa soal pilehan raya baru bagi kerajaan tempatan ada-lah bergantong kapada keputusan yang di-ambil oleh Kerajaan atas Laporan Surohanjaya di-Raja yang di-ketuai oleh Dato' Athi Nahappan. Berhubong dengan Majlis Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur, ahli yang berhormat tentu-lah tahu bahawa Akta Ibu Kota Persekutuan (Federal Capital Act) dengan jelas menerangkan bahawa ahli[2] Lembaga Penasehat-nya hendak-lah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan dengan yang demikian soal pilehan raya kapada Majlis Perbandaran Kuala Lumpur tidak timbul.

As has been stated by my predecessor time and again in this House, the question of fresh local government elections is dependent on a decision being taken by the Government on the Dato' Athi Nahappan Royal Commission of Enquiry Report. With regard to the Kuala Lumpur Municipality, I would refer the Honourable Member to the Federal Capital Act which unequivocally states that the members of the Advisory Board shall be appointed by His Majesty the Yang Di-Pertuan Agong and therefore the question of elections to the Kuala Lumpur Municipality does not arise.

130. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang untok mengadakan pilehan raya tempatan dan bandaran, jika ia, bila, dan jika tidak mengapa.

Dato' Ong Kee Hui: Soal sama ada pilehanraya kerajaan tempatan akan di-adakan semula atau tidak ada-lah bergantong kapada keputusan yang di-ambil oleh Kerajaan sa-telah mengkaji Laporan Surohanjaya di-Raja Dato' Athi Nahappan serta dengan Laporan Jawatan Kuasa yang di-lantek untok mengkaji implikasi[2] per-laksanakan laporan itu.

The question of whether or not to restore local government elections would depend on a decision being taken by the Government when it has considered the Dato' Athi Nahappan Royal Commission of Enquiry Report together with the report of the Committee appointed to examine the implications of implementing that Report.

131. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan:

(*a*) apa telah terjadi pada Laporan Tahun 1965 Surohanjaya Penyiasatan Di-raja Pilehanraya Tempatan.

(*b*) bila laporan itu akan di-umumkan.

(*c*) apa-kah sebab kelambatan itu.

(*d*) berapa perbelanjaan untok menyiapkan laporan itu.

Dato' Ong Kee Hui: Saya tidak menyedari yang ada-nya Surohanjaya di-Raja bagi mengkaji pilehanraya tempatan dan dengan yang demikian soal[2] yang berikutan yang di-bangkitkan itu tidak timbul.

I am not aware of any Royal Commission of Enquiry being appointed to look into local elections and as such, the other points raised in the question do not arise.

Kerajaan Tempatan

132. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau akan menyertakan ahli[2] yang di-pileh dari pehak pembangkang untok turut bersama dalam Perbandaran Petaling Jaya dan Kuala Lumpur buat sementara waktu sa-belum di-adakan pilehan raya bagi Perbandaran Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

Dato' Ong Kee Hui: Sa-bagaimana ahli yang berhormat sedia maalom, menurut Perlembagaan, kerajaan tempatan ada-lah di-bawah kuasa Negeri dan soal sama ada atau tidak ahli[2] yang di-pileh dari pehak pembangkang harus serta dalam Lembaga Bandaran Petaling Jaya ada-lah satu perkara yang sa-mata[2] di-bawah kuasa Kerajaan Negeri Selangor.

Berhubong dengan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, Akta Ibu Kota Persekutuan (Federal Capital Act) 1960 dengan jelas membentangkan bahawa Lembaga Penasehat hendak-lah terdiri daripada ahli[2] yang di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

As the Honourable Member is aware local government is, under the Constitution, a State subject, and the question of whether to include elected members of the Opposition to sit in the Town Board of Petaling Jaya is a matter purely within the jurisdiction of the Selangor State Government.

With regard to Kuala Lumpur Municipality, the Federal Capital Act, 1960, clearly spells out that the Advisory Board shall be made up of members appointed by His Majesty the Yang Di-Pertuan Agong.

Kemiskinan dan Penganggoran di-Bandar[2]

133. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau akan melancharkan kerja[2] untok mengatasi masa-alah[2] kemiskinan di-bandar dan penganggoran di-Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan lain[2] bandar besar di-Malaysia.

Dato' Ong Kee Hui: Penyelesaian masa-alah[2] kemiskinan dan penganggoran bandar di-Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh dan juga pekan[2] besar yang lain dalam Malaysia bukan-lah sa-mata[2] tanggong-jawab Kementerian ini. Masaalah[2] demikian bukan-lah perkara asing di-Malaysia ini tetapi keadaan ini juga terwujud dalam kebanyakan negeri yang lain. Untok menyelesaikan masa-alah[2] demikian, ia-nya boleh di-buat dengan mengadakan dan melaksanakan ranchangan[2] pembangunan di-beberapa peringkat oleh berbagai[2] Jabatan Kerajaan dan lain[2] lagi. Ranchangan[2] pembangunan yang di-seleng-garakan oleh pehak Kerajaan Persekutuan itu ada-lah menjadi matalamat akhir untok mengurangkan keadaan kemiskinan dan penganggoran di-bandar[2] (umpama-nya pehak Kerajaan ada-lah menggalakkan penubohan perusahaan[2] dengan penggunaan buroh sechara intensif guna mewujudkan lebeh banyak lagi pekerjaan). Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan akan terus menjalankan langkah[2] yang ada sekarang dan mengadakan langkah[2] baru yang akan dapat mengurangkan keadaan kemiskinan dan penganggoran di-bandar[2].

Solving the problems of urban poverty and unemployment in Kuala Lumpur, Penang and Ipoh and other major towns of Malaysia is not the sole responsibility of this Ministry. Such problems are not peculiar to Malaysia but exist in many other countries as well. Solutions to such problems can be found in the various development plans and programmes which are initiated and implemented at different levels of Government and by Agencies. The various development programmes undertaken by the Federal Government are in the ultimate analysis aimed at reducing the incidence of urban poverty and unemployment, (for example the Government encourages the establishment of labour intensive industries to generate more employment). The Ministry of Technology, Research and Local Government will continue with measures and introduce new measures which will reduce urban poverty and unemployment.

Balai Bomba

134. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau akan membena Balai Bomba di-kawasan Pantai, Kuala Lumpur kalau sekira-nya berlaku kebakaran di-kampong[2] Melayu yang berselerak di-situ.

Dato' Ong Kee Hui: Sa-benar-nya Surohanjaya Ibu Kota sekarang ini sedang mengkaji kemungkinan membena sa-buah Balai Bomba

di-Kawasan Pantai Kuala Lumpur dan pembenaan-nya akan tergantong kapada Kajian kemungkinan itu.

The Federal Capital Commission is studying the feasibility of constructing a Fire Station in the Pantai Area of Kuala Lumpur and its construction will be dependent on the feasibility study.

Keruntohan Bangunan Rumah Pangsa

135. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan bila-kah laporan Kenyataan berhubong dengan keruntohan bangunan rumah pangsa di-Kuala Lumpur akan di-siarkan.

Dato' Ong Kee Hui: Laporan Surohanjaya Penyiasat Keruntohan rumah[2] pangsa di-Jalan Raja Laut itu pada masa ini sedang di-chetak oleh Penchetak Kerajaan dan akan di-keluarkan kapada orang ramai apabila siap penchetakan-nya tidak berapa lama lagi.

The Report of the Commission of Inquiry into the collapse of the flats at Jalan Raja Laut is now being printed by the Government Printer and it will be made public when the printing is completed shortly.

136. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan bila-kah laporan Surohanjaya Penyiasatan, mengenaï keruntohan rumah[2] pangsa di-Jalan Raja Laut akan di-umumkan kapada orang ramai dan apa-kah sebab-nya kelambatan laporan itu di-umumkan.

Dato' Ong Kee Hui: Laporan Surohanjaya Penyiasatan Keruntohan rumah[2] pangsa di-Jalan Raja Laut itu pada masa ini sedang di-chetak oleh Penchetak Kerajaan dan akan di-keluarkan kapada orang ramai apabila siap penchetakan-nya tidak berapa lama lagi.

The Report of the Commission of Inquiry into the collapse of the flats at Jalan Raja Laut is now being printed by the Government Printer and it will be made public when the printing is completed shortly.

Titian Hanyut

137. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan ada-kah beliau sedar sa-buah titian di-penghujong Jalan Chow Kit telah di-hanyutkan ayer dan sa-buah lagi di-Kampong Kolam Ayer telah rosak, jika ya, bila-kah Pesurohjaya Ibu Kota akan membena semula dan memperbaiki titian[2] ini.

Dato' Ong Kee Hui: Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sedar bahawa titi sementara di-hujong Jalan Chow Kit membawa ka-Kampong Maxwell itu telah di-hanyutkan oleh banjir baharu[2] ini. Titi sementara untok orang[2] berjalan kaki ini telah di-bena sa-mula oleh Pesurohjaya Ibu Kota.

Mengenaï titi sementara di-Kampong Kolam Ayer, titi ini tidak mengalami kerosakan terok akibat banjir dan hanya memerlukan penyelenggaraan sahaja. Pendudok[2] yang membena titi sementara ini patut-lah memperbaiki-nya bila[2] perlu oleh kerana penyelenggaraan titi ini bukan-lah tanggong-jawab Pesurohjaya Ibu Kota, Kuala Lumpur.

The Minister of Technology, Research and Local Government is aware that the temporary bridge at the end of Jalan Chow Kit leading to Kampong Maxwell has been washed away in the recent floods. This temporary wooden bridge for pedsetrians has been reconstructed by the Pesurohjaya Ibu Kota.

Regarding the temporary wooden bridge at Kampong Kolam Ayer, this bridge is not severely damaged by the floods and requires only maintenance. Residents who constructed this private bridge should effect repairs where necessary as maintenance of this bridge is not the responsibility of the Commission of the Federal Capital.

Perumahan bagi Pekerja[2] Perbandaran

138. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan ada-kah beliau sedar bahawa pekerja[2] Perbandaran Kuala Lumpur di-Jalan San Peng mendiami pondok[2] dan jikalau ya, ada-kah beliau akan mengarahkan Pesurohjaya Ibu Kota memberi keutamaan tinggi untok memperbaiki perumahan pekerja[2] Perbandaran.

Dato' Ong Kee Hui: Sa-bidang tanah saluas lebeh kurang 10 ekar telah di-perolehi dari Kerajaan Negeri Selangor di-Jalan San Peng dan pelan[2] telah di-sediakan untok pembenaan 7 buah bangunan rumah pangsa 17 tingkat di-situ untok menempatkan buroh[2] yang sekarang ini tinggal di-Jalan San Peng dan juga yang tinggal di-tempat[2] lain dalam

kawasan Kuala Lumpur. Sa-lain dari perojek yang di-chadangkan di-Jalan San Peng itu, sa-banyak 4 buah lagi bangunan rumah pangsa akan di-bena di-Jalan Bangsar untok menempatkan pekerja[2] Perbandaran. Sa-buah bangunan rumah pangsa di-Jalan Bangsar untok pekerja[2] yang tinggal di-Jalan San Peng sedang di-bena sekarang dan akan siap tidak berapa lama lagi. Ada-lah menjadi hasrat Surohanjaya Ibu Kota untok menempatkan sa-mula semua pekerja[2]-nya.

A piece of land approximately 10 acres has been acquired from the State Government of Selangor along Jalan San Peng and plans have been prepared to build 7 blocks of 17-storey flats on the site to rehouse the labourers at present residing in Jalan San Peng and those in the other areas of Kuala Lumpur. In addition to the proposed project at Jalan San Peng, another 4 blocks of flats will also be built at Jalan Bangsar to accommodate the Municipal employees. One block of flats at Jalan Cheras for the accommodation of the employees residing at Jalan San Peng is under construction and will be completed soon. It is the expressed intention of the Federal Capital Commission to rehouse all its employees.

Jambatan Bailey

139. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sama ada Pesurohjaya Ibu Kota akan membena sa-buah lagi Jambatan Bailey merintangi Sungei Batu di-Kampong Kasipillay untok menggantikan jambatan yang telah di-aleh sa-belum berlaku-nya banjir baharu[2] ini.

Dato' Ong Kee Hui: Sa-buah lagi Jambatan Bailey tidak akan di-bena menyeberangi Sungai Batu di-Kampong Kasipillay untok menggantikan jambatan yang telah di-runtohkan itu.

Another Bailey Bridge will not be built over Sungai Batu di-Kampong Kasipillay untok replace the one removed.

Badan Pembangunan Bandaran

140. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menetri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan menyatakan keterangan lanjut mengenai Badan Pembangunan Bandaran dan bagaimana Badan itu berchadang menjalankan pembaruan kawasan Kuala Lumpur.

Dato' Ong Kee Hui: Penubohan Pehak-berkuasa Kemajuan Bandar telah di-luluskan pada dasar-nya sahaja. Ia chuma boleh di-perbadankan melalui suatu Akta Parlimen. Undang[2] bagi memperbadankan-nya telah pun di-gubal dan sedang di-kaji. Butir[2] mengenai pertadbiran dan kegiatan[2]-nya telah di-masokkan ka-dalam ruang undang[2] itu yang akan di-bentangkan ka-dalam Majlis ini untok di-bahathkan apabila sampai masa-nya kelak.

The creation of the Urban Development Authority has been approved in principle. It can only be incorporated by an Act of Parliament. Legislation for its incorporation has been drafted an is under scrutiny. The details of its management and activities have been included in the draft legislation which will be tabled for debate in this House in due course.

Emporium Penjaja

141. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan ada-kah beliau sedar penjaja[2] Ibu Kota telah mendesak agar mereka di-wakil dalam emporia penjaja agar kesulitan mereka itu dapat di-atasi apa-kah tindakan yang telah di-ambil atas desakan mereka itu ada-kah permohonan mereka itu akan di-timbangkan, dan jikalau tidak, mengapa.

Dato' Ong Kee Hui: Bukan-lah menjadi satu dasar di-masa lepas untok meminta pandangan penjaja[2] mengenai soal menentukan tapak emporium penjaja. Walau bagaimana pun sa-kira-nya Surohanjaya Ibu Kota mengambil keputusan membina lagi emporium[2] penjaja pada masa hadapan, pandangan persatuan[2] penjaja akan di-minta dan ditimbangkan.

It has not been the policy in the past to consult the hawkers on the siting of hawkers' emporia. However, should the Federal Capital Commission decide to construct additional hawkers' emporia in future, the views of the various hawkers' associations would be sought and taken into consideration.

Lesen[2] Gerai

142. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan mengapa bayaran bagi lesen[2] kedai dalam Perbandaran Kuala

Lumpur telah di-naikkan dari $15 hingga $75 dan $50 hingga $250 di-Jalan Campbell.

Dato' Ong Kee Hui: Bayaran lesen bagi semua gerai dalam Kawasan Perbandaran Kuala Lumpur telah di-naikkan mulai dari 1hb Januari, 1971 dan bayaran lesen yang baharu ini bukan sahaja terpakai kapada Jalan Campbell tetapi ada-lah juga terpakai kapada semua gerai dalam Kawasan Perbandaran. Umum-nya, bayaran lesen dalam Kawasan Pusat Perdagangan telah di-naikkan dari $15 sa-bulan, bagi gerai ukoran biasa sa-luas 18 kaki persegi menjadi $20 sa-bulan gerai yang sama besar-nya, dan bayaran gerai ini di-kira mengikut besar kechil-nya gerai[2] itu. Sa-panjang yang mengenai gerai[2] di-Jalan Campbell, kanaikan bayaran lesen yang tinggi itu ada-lah di-sebabkan gerai[2]-nya sudah di-perbesarkan.

Licence fees for all stalls within the Kuala Lumpur Municipal Area have been increased with effect from 1st January, 1971, and the new rates of licence fees are not only applicable to Jalan Campbell but also to all stalls within the Municipal Area. Generally, the stall fees within the Central Commercial Area have been increased from $15 per month for a standard sized stall to 18 sq. ft to $20 per month for a stall of similar size, and the stall fees are calculated on the size of the stalls. In so far as the stalls at Jalan Campbell are concerned, the big increase in the licence fees is mainly due to the stalls having been enlarged.

Jalan Ipoh—Jalan Parlimen

143. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan bila-kah Pesurohjaya Ibu Kota akan menyambongkan jalan raya antara Jalan Ipoh dengan Jalan Parlimen dan bila-kah akan siap.

Dato' Ong Kee Hui: Pesurohjaya Ibu Kota sedang membina sa-batang jalan antara Jalan Ipoh dengan Jalan Parlimen yang di-kenali sa-bagai Jalan Raja Laut. Kerja ini tergendala akibat masaalah urusan pengambilan tanah. Kerja di-jangka siap pada akhir tahun 1972.

The Pesurohjaya Ibu Kota is building a link road between Jalan Ipoh and Jalan Parlimen known as the Jalan Raja Laut. This work is being held up by land acquisition proceedings. The work is programmed for completion by the end of 1972.

Kawasan Pejalan Kaki

144. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan sama ada beliau akan mengarah pehak[2] yang berkuasa terutama sa-kali bagi kawasan[2] Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, untok mengkaji kemungkinan[2] untok menjadikan beberapa bahagian yang tertentu di-tengah[2] bandar sa-mata[2] untok pejalan kaki bebas dan kenderaan lalu lintas untok menchegah berlaku-nya kemalangan dan membenarkan lebeh banyak lagi penjaja[2] menchari nafkah.

Dato' Ong Kee Hui: Perkara[2] yang berbangkit dalam soalan ini ada-lah perkara[2] perinchian (detail) yang sa-harus-nya di-bangkitkan di-dalam Dewan[2] Negeri yang berkenaan oleh kerana menurut perlembagaan Malaysia kerajaan tempatan ada-lah perkara Negeri. Bagi Kuala Lumpur perkara ini akan di-masokkan ka-dalam kajian sa-mula Ranchangan Pembangunan Lengkap oleh Pehak-berkuasa Peranchang Ibu Kota Kuala Lumpur mengikut kehendak[2] undang[2].

The matters raised in this question are matters of detail and should therefore be raised in the respective State legislatures as local government is under the Constitution a State subject. With regard to Kuala Lumpur, this matter will be included in the review of the Comprehensive Development Plan by the Federal Capital Planning Authority as provided for in the law.

JAWAPAN² BERTULIS

Tambahan No. 2

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Lesen Senjata Api

1. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan (i) berapa banyak-kah Ahli² Parlimen Dewan Negara; (ii) Ahli² Parlimen Dewan Ra'ayat; (iii) Ahli² Dewan Negeri dengan memberikan angka² menurut negeri, yang mempunyai lesen untok memileki senjata api.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman): Jumlah besar Ahli² Parlimen, Dewan Negara dan Dewan² Negeri yang memileki lesen mempunyai pistol bagi Malaysia Barat dan Timor ia-lah 274.

Dari segi keselamatan, saya tidak dapat mengeluarkan angka² mengikut negeri² dan taraf ahli².

2. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyak-kah permohonan dari Ahli² Parlimen dan Ahli² Dewan Negeri untok memileki senjata api yang telah di-tolak pada tahun 1969, 1970 dan 1971; memberi nama² dan sebab² di-tolak sa-tiap permohonan.

Tun Dr Ismail: Dalam tahun² 1969, 1970 dan 1971 sebanyak 3 permohonan memileki pistol daripada Ahli² Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri yang di-pileh telah di-tolak.

Ada-lah menjadi dasar Kementerian ini tidak mengumumkan nama² orang yang berjaya atau gagal dalam permohonan² mendapatkan senjata api. Oleh itu saya hanya boleh menyatakan sechara umum sebab² mengapa permohonan daripada 3 orang Ahli Dewan Ra'ayat/Dewan Negeri itu tidak diluluskan. Sebab²-nya ia-lah, 2 di-antara mereka itu mempunyai chatetan burok didalam rekod Polis dan sa-orang lagi tidak memberi alasan² yang menasabah untok menunjokkan keselamatan diri atau harta-benda-nya telah terancham.

Patut juga di-terangkan di-sini sunggoh pun pada keselurohan-nya keutamaan di-beri kapada permohonan² daripada ahli² Parlimen atau Dewan Negeri, mereka itu tidak berhak mendapat lesen pistol semata² kerana mereka terdiri daripada anggota² Parlimen atau Dewan Negeri. Sa-balek-nya, terpulang-lah kapada pehak yang berkuasa untok menimbangkan tiap² permohonan daripada ahli² mengikut keadaan dan keperluan masing².

3. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah lesen² unotk memileki senjata api yang telah di-keluarkan di-Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak.

Tun Dr Ismail: Semenjak tarikh Hari Kemerdekaan (31hb Ogos, 1957) sa-hingga tarikh 31hb Februari, 1970, jumlah senjata api kechil (pistol/revolver) yang di-keluarkan di-Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak ia-lah 4,831 puchok. Di-antara bilangan ini 107 di-keluarkan oleh Sarawak, 198 oleh Sabah dan 4,526 oleh Malaysia Barat.

Ahli² Lembaga Penasihat

4. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan (*a*) nama ahli² Lembaga Penasihat untok mengulangkaji kes² tahanan yang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri; (*b*) bilangan² kes yang di-terima untok di-timbang pada tahun 1970, memberi angka² bagi tiap² bulan.

Tun Dr Ismail:

(*a*) *Ahli*[2] *Lembaga Penasihat di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri* adalah saperti berikut:

Pengerusi—

Tan Sri D. B. W. Good, C.M.G., J.M.N., P.S.M.,

Ahli[2]*—*

1. Tan Sri Gunn Lay Teik, P.M.N.,
2. Enche' S. Murugesu, J.M.N., P.J.K., J.P.,
3. Enche' Lee Eng Teh, A.M.N., J.P.,
4. Enche' N. M. Vasagam, P.J.K.,
5. Enche' Mohamed Din bin Mohd. Shariff, J.M.N.,
6. Enche' Lionel Labrooy, A.M.N.,
7. Enche' S. Palanipilla, K.M.N.,
8. Enche' Chew Jin Bee, M.B.E.,
9. Tuan Haji C. Abidin, J.P.,
10. Enche' Cheah Ghim Leng, O.B.E., P.J.K., J.P.,
11. Enche' Bhagwan Singh,
12. Enche' H. E. Sequerah, A.M.N., J.P.,
13. Puan Kwong Kin Cheong, A.M.N., J.P.

(*b*) 16 kes telah di-ulangkaji dalam tahun 1970, ia-itu 12 dalam bulan Februari dan 4 dalam bulan September 1970.

Lembaga Pelawat Tempat Tahanan

5. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan: (*a*) tugas[2] ahli[2] Lembaga Pemereksaan bagi tempat[2] tahanan; (*b*) sama ada ahli[2] tersebut menerima apa[2] elaun; dan (*c*) sama ada beliau sedar bahawa ada ahli[2] Lembaga tersebut yang tidak pernah menziarah tempat[2] tahanan yang di-tentukan sa-masa tempoh perlantekan mereka.

Tun Dr Ismail:

(*a*) Tugas[2] Lembaga Pelawat Tempat Tahanan ia-lah melawat Tempat[2] Tahanan, memereksa dan mendengar rayuan[2] daripada orang tahanan mengenai kebajikan mereka dan juga membuat apa[2] ulasan dan perakuan mengenai rayuan tersebut.

(*b*) Tiada.

(*c*) Pada pengetahuan saya semua Ahli Lembaga Pelawat telah membuat lawatan ka-Tempat[2] Tahanan yang mereka telah di-lantek.

Orang[2] yang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri

6. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Dalam Negeri memberikan senarai orang[2] yang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di-Sabah sa-lepas 13 Mei, 1969, dengan memberi pekerjaan, tarikh di-tahan, sebab[2] di-tahan, lama-nya di-tahan tiap[2] sa-orang dan jika telah di-bebaskan, tarikh di-bebaskan serta dengan sharat atau tanpa sharat; memberi maalumat tersebut pusat demi pusat.

Tun Dr Ismail: Tidak ada orang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di-Sabah sejak 13hb Mei, 1969, tetapi tahanan ada di-buat di-bawah Undang[2] "The Preservation of Public Security Regulation 1962 Sabah". Kerana kepentingan keselamatan saya hanya dapat memberi angka mereka[2] yang di-tangkap, di-tahan, di-bebaskan dengan bersharat dan di-bebaskan dengan tidak bersharat. Angka[2] yang di-tahan dan di-bebaskan di-bawah undang[2] "The Preservation of Public Security Regulation 1962 Sabah" itu semenjak 13hb Mei, 1969, ia-lah saperti berikut:

Bilangan di-tahan sejak 13-5-1969	24	orang
Bilangan yang telah di-bebaskan dengan bersharat	15	„
Bilangan yang di-bebaskan dengan tidak bersharat	5	„

7. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Dalam Negeri memberikan bilangan dan senarai penoh orang[2] tahanan yang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di-semua pusat tahanan di-Malaysia, memberi pusat demi pusat, nama, pekerjaan, umor, jantina tiap[2] sa-orang, lama-nya di-tahan dan sebab[2] di-tahan.

Tun Dr Ismail: Di-sebabkan oleh kepentingan keselamatan, saya hanya dapat memberi angka[2] orang[2] tahanan dan tempat[2] tahanan mereka. Angka[2] ini ada-lah bagi tarikh 1hb Januari, 1971:

Batu Gajah	182	orang
Muar	96	„
Taiping	11	„
Pulau Jerejak	12	„

8. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, menyatakan jumlah orang yang di-tahan hingga 1hb Januari, 1971, sa-lama satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujoh, lapan, sembilan, sa-puloh tahun dan lebeh daripada sa-puloh tahun di-tempat[2] tahanan berikut: Taiping, Batu Gajah, Muar, Kuching dan Kota Kinabalu. Sila berikan bilangan berasingan bagi masing[2] tempat tahanan.

Tun Dr Ismail: Sa-jumlah 1,473 orang maseh dalam tahanan pada 31hb Januari, 1971, di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor di-bawah Undang[2] Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan Ordinan Memelihara Keselamatan Awam 1962. Dari segi kepentingan keselamatan saya tidak dapat memberi bilangan orang di-tahan di-tiap[2] pusat tahanan mengikut tahun mereka itu di-tahan. Tetapi angka[2] bagi seluroh Malaysia ada-lah saperti berikut:

(*a*) Di-tahan kurang 1 tahun ...	72	orang
(*b*) Di-tahan selama 1 tahun ...	602	„
(*c*) Di-tahan selama 2 tahun ...	283	„
(*d*) Di-tahan selama 3 tahun ...	143	„
(*e*) Di-tahan selama 4 tahun ...	79	„
(*f*) Di-tahan selama 5 tahun ...	82	„
(*g*) Di-tahan selama 6 tahun ...	87	„
(*h*) Di-tahan selama 7 tahun ...	39	„
(*i*) Di-tahan selama 8 tahun ...	86	„

Orang[2] Tahanan

9. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, memberikan nama orang[2] yang di-tahan pada 1hb Januari, 1971, di-tempat tahanan berikut: Taiping, Batu Gajah, Muar, Kuching dan Kota Kinabalu. Sila berikan nama bagi tiap[2] tempat tahanan berasingan.

Tun Dr Ismail: Oleh sebab[2] keselamatan saya tidak boleh memberi nama[2] orang yang di-tahun di-berbagai[2] pusat tahanan tersebut. Angka[2] pada 1hb Januari, 1971, ada-lah saperti berikut:

Taiping	11	orang
Batu Gajah	182	„
Muar	96	„
Kuching	1,114	„
Kota Kinabalu	32	„

10. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ada-kah orang[2] tahanan politik di-Penjara Seremban. Jikalau ada, apa-kah sebab[2] mereka di-tahan di-situ.

Tun Dr Ismail: Jika yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ia-lah mereka yang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, tidak ada orang tahanan saperti itu di-tempatkan di-Penjara Seremban.

Pasokan Polis Simpanan Persekutuan

11. Tuan V. David minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan siapakah yang bertanggong-jawab memanggil Pasokan Polis Simpanan Persekutuan ka-Kem Tahanan Batu Gajah pada 27hb November, 1969, dan mengapa orang[2] tahanan di-situ di-aniayai.

Tun Dr Ismail: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atas nasehat Polis dan Penjara telah mempersetujukan Pasokan Polis Simpanan Persekutuan memasoki Kem Tahanan di-Batu Gajah pada 27hb November, 1969 kerana orang[2] tahanan telah mengengkar perentah pegawai[2] di-Pusat Tahanan itu.

Maalumat di-dapati bahawa orang[2] tahanan di-situ menjalankan kegiatan[2] sabversif dan pro-Komunis. Oleh demikian, pehak Polis di-tugaskan menchari risalah[2] sabversif yang berkenaan. Sa-belum menyempurnakan tugas ini di-kehendaki orang[2] tahanan masok ka-dalam bilek masing[2] tetapi mereka telah beramai[2] mengengkar. Apabila kelihatan datang Pasokan Polis Simpanan Persekutuan, orang[2] tahanan itu pun berlari[2] hendak memasoki ka-dalam bilek masing[2]. Dalam kelam-kabut itu, beberapa orang di-antara mereka telah terantok sesama sendiri lalu menyebabkan 3 orang terchedera sedikit—1 orang luka dan bengkak di-kening dan 2 orang bengkak di-kepala dan keting.

P.O.P.O.

12. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri jika beliau sedar ada-nya orang[2] yang di-tahan di-Penjara Pudu di-bawah P.O.P.O. Ada-kah beliau sedar juga bahawa orang[2] saperti itu sedang di-siasat sa-belum di-tarek balek kera'ayatan-nya dan kemudian di-buang negeri. Jika sedar, berapa lama-kah orang[2] ini hendak di-tahan.

Tun Dr Ismail: Pada masa ini ada 21 orang sedang menjalani hukoman penjara di-Penjara Pudu mengikut keputusan Mahkamah atas kesalahan[2] di-bawah P.O.P.O. atau Public Order (Preservation) Ordinance No. 46/58, saperti berikut:

(*a*) 16 orang di-atas kesalahan memileki senjata merbahaya mengikut sekshen 26.

(*b*) 4 orang di-atas kesalahan memechah ketenteraman awam mengikut sekshen 29.

(*c*) 1 orang di-atas kesalahan menggunakan chakapan yang boleh menyebabkan memechah ketenteraman awam mengikut sekshen 29.

Ya, siasatan sedang di-jalankan terhadap orang[2] yang terlibat itu dengan tujuan menentukan kewarganegaraan mereka dan tindakan yang sewajar-nya akan di-ambil saterus-nya.

Orang[2] yang bersalah di-bawah Ordinan No. 46/58 akan di-bebaskan sa-telah habis tempoh mereka menjalani hukoman Mahkamah; tetapi tindakan buang negeri akan di-ambil terhadap mereka yang bukan warganegara yang melakukan kesalahan[2] yang disenaraikan sa-bagai kesalahan[2] yang mewajarkan di-buang negeri mengikut Ordinan No. 11/59.

Hamid Tuah

13. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) tarikh tahanan dan lama-nya di-tahan ketua petani, Hamid Tuah;

(*b*) sebab[2] lengkap Hamid Tuah di-tahan;

(*c*) sama ada benar atau tidak tahanan Hamid Tuah itu ia-lah kerana ia memperjuangkan nasib[2] petani yang tiada bertanah;

(*d*) sama ada kes Hamid Tuah telah di-bawa ka-Lembaga Penasihat (Advisory Board) untok di-bebaskan.

Tun Dr Ismail:

(*a*) Hamid Tuah telah di-kenakan Perentah Tahanan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 2hb November, 1969, untok tempoh selama 2 tahun.

(*b*) Enche' Hamid Tuah telah di-tahan kerana kegiatan-nya yang perasangka terhadap ketenteraman awam ia-itu ia telah dengan sengaja dan berkali[2] menghasut dan mengepalai orang[2] lain mendudoki tanah Kerajaan sechara haram, dengan itu tidak menghormati Undang[2] negeri ini.

(*c*) Tidak.

(*d*) Ada.

14. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bila-kah pehak yang berkuasa akan membebaskan Hamid Tuah dari tahanan dan di-bawah undang[2] apa-kah beliau di-tahan.

Tun Dr Ismail: Saya tidak dapat memberi jaminan bila-kah Enche' Hamid Tuah akan di-bebaskan. Ia-nya telah di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kegiatan[2]-nya yang perasangka terhadap ketenteraman awam.

Dzulkifli Ismail/S. Subramaniam

15. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebab penahanan terus menerus Dzukifli Ismail, sedangkan rakan-nya S. Subramaniam yang di-tahan atas sebab yang sama sudah di-bebaskan.

Tun Dr Ismail: Keputusan membebaskan S. Subramaniam telah di-buat sa-telah mengkaji shor Lembaga Penasehat.

Su Yiew Min

16. Tuan V. David minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan sebab[2] kematian Su Yiew Min, sa-orang tahanan di-Tempat Tahanan Batu Gajah.

Tun Dr Ismail: Su Yiew Min telah meninggal dunia oleh sebab sakit jantong (coronary thrombosis) pada 5hb Ogos, 1970 di-Rumah Sakit Besar Batu Gajah.

Surat[2] Beranak dan Mati

17. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyak-kah permohonan untok salinan surat beranak dan surat mati yang belum di-selenggarakan oleh Penguasa/Pendaftar Beranak dan Mati dengan memberi angka[2] mengikut Negeri; dan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil untok menchepatkan permohonan[2] ini.

Tun Dr Ismail: Tonggakan permohonan[2] untok chabutan salinan surat beranak di-semua negeri termasok Ibu Pejabat di-Petaling Jaya ada-lah saperti berikut:

1.	Headquarters, Petaling Jaya ...	1,574
2.	Kedah & Perlis	528
3.	Ipoh	800
4.	Taiping	479
5.	Selangor	250
6.	Malacca	1,346
7.	Johore Bahru	177
8.	Negeri Sembilan	452
9.	Kelantan	56
10.	Penang	244
11.	Pahang	70
12.	Muar	30
13.	Trengganu	5
	Jumlah ...	6,011

Langkah[2] tertentu yang telah di-ambil ada-lah:

(i) Menambah lebeh banyak kerani[2] di-bahagian menulis chabutan salinan sijil[2] kelahiran. Pada lazim-nya chuma sa-orang atau dua penulis sahaja yang di-peruntokkan di-dalam bidang ini tetapi sekarang tiga atau empat kerani di-peruntokkan di-mna[2] tempat yang di-kehendaki.

(ii) Pengambilan penchari[2] fail (file sear-chers) yang lebeh ramai. Di-semua negeri satu atau dua penchari2 fail telah di-ambil dan di-tambah kapada tiap[2] Bahagian Pendaftaran di-Negeri2 ter-sebut.

Sijil Kewarganegaraan

18. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata-kan jumlah permohonan sijil keraayatan yang telah di-luluskan, bulan demi bulan bagi bulan Ogos, September, Oktober, November, Disember, 1969 dan Januari, Februari, dll. hingga Disember, 1970.

Tun Dr Ismail: Bilangan permohonan[2] menjadi warganegara yang telah di-luluskan sa-bulan ka-sabulan bagi bulan[2] yang di-minta ada-lah saperti berikut:

Bulan	*Bilangan di-luluskan*
Ogos 1969	4,620
September 1969	6,514
Oktober 1969	6,314
November 1969	3,075
Disember 1969	2,344
Januari 1970	2,985
Februari 1970	2,536
Mach 1970	2,881
April 1970	3,242
Mei 1970	3,732
Jun 1970	5,828
Julai 1970	5,197
Ogos 1970	3,990
September 1970	6,392
Oktober 1970	4,702
November 1970	4,330
Disember 1970	5,836
Jumlah 1970 ...	51,551

The number of applications for citizenship that are approved for the months asked is as follows:

Month	*No. approved*
August 1969	4,620
September 1969	6,514
October 1969	6,314
November 1969	3,075
December 1969	2,344
January 1970	2,985
February 1970	2,536
March 1970	2,881
April 1970	3,242
May 1970	3,732
June 1970	5,828
July 1970	5,197
August 1970	3,990
September 1970	6,392
October 1970	4,702
November 1970	4,330
December 1970	5,836
Total 1970 ...	51,551

19. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan² bagi mendapatkan sijil keraayatan sa-hingga 1hb Julai, 1969. Dapat-kah Menteri memberikan angka jumlah permohonan baharu, tiap² bulan semenjak tarikh tersebut hingga penghujong tahun 1970.

Tun Dr Ismail: Bilangan permohonan² menjadi warganegara Persekutuan sa-hingga 1hb Julai, 1969 ia-lah 2,004,636 dan bilangan yang belom di-selesaikan pada tarikh itu ia-lah 68,537. Bilangan permohonan² baharu bagi sa-bulan ka-sabulan dari tarikh itu hingga akhir tahun 1970 ada-lah saperti berikut:

Ogos 1969	10,646
September 1969	7,345
Oktober 1969	8,708
November 1969	6,429
Disember 1969	5,858
Januari 1970	8,314
Februari 1970	5,109
Mach 1970	6,778
April 1970	5,234
Mei 1970	6,819
Jun 1970	6,155
Julai 1970	6,887
Ogos 1970	7,152
September 1970	6,357
Oktober 1970	6,987
November 1970	4,667
Disember 1970	5,838

20. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau akan memberi jaminan bahawa apabila permohonan untok mendapatkan sijil warganegara di-tolak, maka sebab² di-tolak harus di-terangkan semoga pemohon² akan mengetahui apa langkah² yang patut di-perbuat-nya.

Tun Dr Ismail: Permohonan² menjadi warganegara Malaysia yang telah di-tolak itu boleh-lah di-bahagikan kapada dua gulongan:

(i) *Permohonan yang tidak terator*—Ini ia-lah permohonan² yang tidak mengandongi butir² yang lengkap sa-bagai di-kehendaki di-dalam borang permohonan. Kakitangan² Pejabat Pendaftaran yang mengendalikan permohonan² kewarganegaraan telah di-arahkan, untok menasihatkan pemohon² yang termasok dalam gulongan ini supaya menunjokkan chara² yang betul bagi mengisi borang² tersebut termasoklah pengisian butir² yang lengkap sa-bagai di-kehendaki di-dalam borang² itu sa-belum permohonan² itu di-terima oleh mereka.

(ii) *Permohonan itu terator dan telah memenohi sharat² di-bawah sa-suatu Perkara Perlembagaan*—Kerajaan tidak di-kehendaki memberi apa² alasan terhadap penolakan permohonan² yang termasok dalam gulongan ini. Walau bagaimana pun jika sa-saorang pemohon yang tidak puas hati atas keputusan ini, maka pehak-nya boleh-lah merayu kapada Menteri, untok menimbangkan sa-mula permohonannya itu.

Ujian Kewarganegaraan

21. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau akan menimbang untok memudahkan ujian untok mendapatkan sijil² kewarganegaraan terutama sa-kali mengenai pengetahuan Bahasa Malaysia.

Tun Dr Ismail: Pemohon² kewarganegaraan di-bawah Perkara 16 Perlembagaan ada-lah di-kehendaki mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu di-perengkat permulaan (elementary) dan pemohon² di-bawah Perkara 19 di-perengkat yang chukop (adequate). Ujian Bahasa di-perengkat permulaan ada-lah terhad kapada soalan² lisan mengenai hal ehwal kehidupan sa-hari² si-pemohon sahaja. Ujian Bahasa di-perengkat yang chukop pula memerlukan si-pemohon mempunyai pengetahuan yang sa-imbang dengan perengkat yang di-maksudkan itu, termasok kebolehan mengarang sa-suatu tajok yang sesuai bagi mereka² yang tidak bermastautin di-negeri ini pada hari Merdeka dahulu.

Saya tidak berchadang melonggarkan lagi Ujian Bahasa Melayu di-perengkat² yang di-tetapkan itu.

Sijil² Kewarganegaraan di-bawah Perkara 30

22. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(i) bilangan pemegang² sijil² kewarganegaraan di-bawah Perkara 30; dan

(ii) bilangan sijil yang telah di-serahkan untok di-semak dan bilangan sijil kewarganegaraan yang di-dapati—

(*a*) terator;

(*b*) di-batalkan.

Tun Dr Ismail:

(i) Bilangan pemegang[2] sijil kewarganegaraan di-bawah Perkara 30 di-Malaysia ia-lah 269,100;

(ii) Bilangan sijil[2] yang telah di-serahkan untok di-semak ia-lah 46,760 dan di-dapati saperti berikut—

(*a*) terator	...	...	36,913
(*b*) di-batalkan	...	...	7,548

23. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Ahli[2] Jawatankuasa Muhibbah pernah pada gila[2] masa di-minta mengesahkan Kertas[2] Keraayatan yang di-keluarkan di-bawah Perkara 30, Perlembagaan. Jika ada, dapat-kah Menteri menerangkan chara betul bagi membuat pengesahan demikian.

Tun Dr Ismail: Ahli[2] Jawatankuasa Muhib-bah tidak pernah di-minta untok mengesah-kan kertas[2] keraayatan yang di-keluarkan di-bawah Perkara 30 Perlembagaan. Chuma mereka di-minta menolong orang ramai yang mempunyai sijil di-bawah Perkara 30 Per-lembagaan untok menyerahkan-nya semula bagi di-pereksa. Mereka juga ada-lah di-minta supaya memberi nasehat kapada pemohon[2] yang di-dapati sijil mereka tidak terator supaya memohon di-bawah Perkara yang tepat dalam Perlembagaan.

24. Tuan Lim Cho Hock minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata-kan berapa bilangan Sijil[2] Keraayatan di-bawah Perkara 30 yang telah di-batalkan hingga sekarang dan berapa pemegang[2] sijil itu telah di-berikan kerayataan di-bawah lain[2] Perkara.

Tun Dr Ismail: Sa-hingga sekarang bilangan sijil[2] di-bawah Perkara 30 yang telah di-batalkan ia-lah 7,548. 43 daripada-nya telah di-keluarkan dengan sijil kewarganegaraan di-bawah Perkara[2] yang berkenaan dalam Perlembagaan dan persediaan sedang di-perbuat untok mengeluarkan sijil[2] yang serupa kapada 565 orang lagi. Baki per-mohonan[2] sa-banyak 6,940 sedang di-peroses di-perengkat Pejabat Daerah.

Kad Pengenalan

25. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata-kan sama ada ia sedar bahawa banyak pemohon[2] untok kad pengenalan telah me-nunggu lebeh dari sa-tahun tanpa mendapat kad[2] mereka atau sa-barang akuan pene-rimaan dan menyatakan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil untok membaiki penta-biran Jabatan Pendaftaran.

Tun Dr Ismail: Saya ada-lah sedar bahawa ada kes[2] di-mana pemohon[2] untok mendapat kad[2] pengenalan terpaksa menunggu lebeh daripada satu tahun sa-belum mereka men-dapat kad pengenalan; tetapi berkenaan dengan akuan penerimaan, akuan[2] tersebut sentiasa-nya di-berikan kapada pemohon[2] sebaik[2] sahaja permohonan[2] di-terima. Mithal-nya, bagi pemohon untok menukar kad pengenalan lama kapada yang baru, akuan penerimaan di-berikan kapada pe-mohon sebaik[2] sahaja permohonan dan bayaran yang di-tetapkan di-terima. Kad pengenalan-nya yang lama itu di-simpan oleh pemohon sa-hingga kad pengenalan yang baru di-keluarkan. Bagi pemohon yang baharu meningkat umor 12 tahun pula, pemohon itu di-beri kad pengenalan se-mentara (temporary document of identity) menunjokkan kad pengenalan-nya, chap jari-nya, gambar-nya dan juga alamat penerimaan pembayaran yang di-tetapkan.

Langkah[2] yang tertentu sedang di-ambil oleh Kerajaan untok menyusun semula Jabatan Pendaftaran supaya permohonan[2] bagi mendapat kad pengenalan boleh di-proses tanpa apa[2] kelewatan. Langkah[2] itu ada-lah saperti mengarahkan pegawai[2] dan kakitangan[2] untok mengendalikan tonggakan dan setakat ini lebeh kurang 80% daripada tonggakan[2] itu telah selesai. Selain dari itu, tindakan juga telah di-ambil untok menam-bahkan lagi lawatan[2] ejen pendaftaran ka-kampong[2] yang terpenchil untok kesenangan mereka yang tinggal berjauhan dari pusat[2] pendaftaran. Dalam tahun 1970 sahaja se-ramai 192 orang kakitangan yang baru telah di-ambil bagi menjalankan kerja[2] berkaitan dengan pengeluaran kad pengenalan.

Paspot

26. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata-kan sama ada boleh atau tidak di-ringkaskan permohonan untok membaharui paspot dengan pemohon[2] tidak payah memberi bukti

yang keraayatan mereka tidak di-luchutkan kerana kad pengenalan biru ada-lah bukti yang chukup bahawa pembawa-nya ada-lah warganegara Malaysia; dan menyatakan apakah langkah[2] beliau berchadang mengambil ka-arah ini.

Tun Dr Ismail: Jabatan Imigeresen telah pun di-beri arahan oleh Kementerian saya supaya memudahkan peratoran mengeluarkan paspot saperti di-maksudkan itu. Dalam pada itu, jika Jabatan Imigeresen ada keraguan sama-ada atau tidak sa-orang pemegang Kad Biru itu sa-benar-nya warganegara Malaysia, Jabatan berkenaan akan meminta daripada sipemohon bukti[2] yang lebeh lanjut, selain daripada Kad Biru itu.

Surat Khabar "Vanguard"

27. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa sebab[2] surat khabar 'Vanguard" dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa China di-Kuching di-gantong pada 26hb November, 1969.

Tun Dr Ismail: Penggantongan penerbitan surat[2] khabar "Vanguard" bahasa Inggeris, Melayu dan China di-Kuching sa-lama dua minggu mulaï dari 26hb November, 1969, ada-lah di-buat untok kepentingan ketenteraman awam.

Peladang Getah Dagang

28. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan peladang getah dagang yang bekerja di-negeri ini hingga pada 1hb Januari, 1971, dan apa-kah renchangan yang di-jalankan oleh Menteri bagi mengeluarkan mereka dengan beransor[2].

Tun Dr Ismail: Pada 1hb Januari, 1971, jumlah pegawai[2] dagangan yang bekerja di-ladang[2] di-negeri ini ia-lah 488: 446 daripada-nya berada di-Malaysia Barat manakala 42 berada di-negeri Sabah.

Oleh kerana penting-nya perusahaan ladang dan bagi bagi mengelakkan sebarang kegelisahan pegawai[2] dagang mengenaï tempoh kerja mereka di-negeri ini, Kerajaan telah membuat keputusan supaya Perwarganegaraan di-dalam bidang perusahaan ladang itu di-jalankan melaluï Sistem "Natural Fade-out". Satu Perjanjian yang di-namakan "Plantation Industry Malaysianisation Agreement" telah di-perbuat pada tahun 1967. Di-bawah Perjanjian tersebut semua pegawai[2] dagang yang sedang bekerja di-ladang[2] di-benarkan melanjutkan pekerjaan mereka hingga menchapai umor 55 tahun dengan sharat tempat[2] mereka itu tidak di-gantikan pula dengan pegawai[2] dagang yang lain (kechuali untok Jawatan[2] Penting dan dalam keadaan khas) dan perusahaan itu hendak-lah menunjokkan kadar pukul-rata kekurangan pegawai[2] dagang (average annual wastage) tidak kurang daripada 7% tiap[2] tahun.

Akibat dari Perjanjian tersebut itu ia-lah bahawa di-Malaysia Barat dalam tahun 1966 terdapat 791 pegawai[2] dagang di-bandingkan dengan 530 warganegara[2] Malaysia tetapi dalam tahun 1970 jumlah pegawai[2] dagang itu telah turun kapada *446* manakala jumlah warganegara[2] telah bertambah pada *706*. Ini ada-lah selaras dengan kehendak Perjanjian tersebut.

Perjanjian tersebut itu yang pada mula-nya di-khaskan untok Malaysia Barat sahaja sekarang telah di-perluaskan untok meliputi negeri Sabah supaya perusahaan itu di-anggapkan saperti satu perusahaan pada keselurohan-nya.

Wanita[2] Malaysia yang meninggalkan Negara

29. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan wanita[2] Malaysia yang telah meninggalkan negeri ini untok mengikut suami[2] mereka yang bukan warganegara, ka-negeri mana-kah mereka pergi dengan memberikan angka[2] bagi tiap[2] negeri.

Tun Dr Ismail: Tiap[2] orang (termasok-lah wanita[2]) yang hendak keluar daripada negeri ini di-kehendaki mengambil paspot Malaysia (Antarabangsa atau pun Terhad). Pemergian wanita[2] daripada negeri ini boleh jadi hendak melanchong atau pun mengikut suami mereka menetap di-negeri lain. Sunggoh pun ada ruangan di-dalam borang[2] permohonan yang berkehendakan sa-saorang itu menyatakan sebab[2] mereka hendak keluar negeri, pada lazim-nya sebab[2] yang sa-benar tiada di-beri. Oleh hal yang demikian tersangat-lah sukar hendak menentukan bilangan wanita[2] Malaysia yang telah meninggalkan negeri ini oleh sebab mengikut suami mereka menetap di-negeri lain melainkan mereka mendaftarkan diri mereka di-Perwakilan[2] Malaysia yang berkenaan. Sa-hingga hari ini belum ada lagi ma'alumat pendaftaran saperti tersebut di-terima daripada Perwakilan[2] kita luar negeri.

Pasokan Polis Berbilang Bangsa

30. Dr Chen Man Hin minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan apakah langkah[2] yang telah di-ambil bagi menubohkan sa-buah pasokan polis berbilang bangsa, yang memberi gambaran perchamporan berbagai bangsa di-Malaysia.

Tun Dr Ismail: Langkah[2] untok membentok satu Pasokan Polis yang berbilang kaum telah di-ambil semenjak lepas peperangan dunia yang kedua. Apabila ada kekosongan, pemohon[2] daripada semua kaum yang mempunyai sharat[2] dan kelayakan yang di-kehendaki di-jemput untok membuat permohonan. Sunggoh pun begitu bilangan pemohon[2] daripada kaum[2] yang bukan Melayu sangat kurang, terutama sekali untok menjawat jawatan rekrut. Tidak ada kesulitan di-hadapi berkaitan dengan jawatan untok Inspekter Pelateh.

Pertubohan Keselamatan dan Mata[2] Gelap Persendirian

31. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan dan nama[2] pertubohan keselamatan dan pertubohan mata[2] gelap persendirian.

Tun Dr Ismail: Ma'alumat mengenai bilangan dan nama sharikat[2] penyiasatan persendirian dan pertubohan[2] keselamatan perdagangan di-Malaysia tidak di-perolehi buat sementara waktu ini oleh kerana undang[2] yang bertujuan untok mendaftar dan mengawal sharikat[2] dan pertubohan[2] itu khas-nya, ia-itu Ordinan (Kuasa[2] Perlu) Dharurat No. 58, tahun 1970, telah berkuatkuasa mulai dari 1hb Disember, 1970 sahaja. Sa-belum tarikh itu, sharikat[2] penyiasatan persendirian dan pertubohan[2] keselamatan perdagangan di-daftarkan bersama[2] dengan pertubohan[2] perdagangan yang lain di-bawah "Registration and Licensing of Businesses Ordinance No. 12 of 1953". Semenjak berkuatkuasa-nya Ordinan (Kuasa[2] Perlu) No. 58 tahun 1970, tiga permohonan untok di-daftarkan di-bawah Ordinan tersebut telah di-terima, tetapi maseh dalam tindakan dan belum di-lesenkan lagi.

Ranchangan Perumahan

32. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah ranchangan perumahan Kampong Tungku Sungai Way telah selesai. Jika sudah, berapa unit sudah siap di-bena.

Tun Dr Ismail: Belum selesai lagi. Akan tetapi untok ma'aluman Ahli Yang Berhormat 714 daripada 845 buah rumah dalam ranchangan itu telah siap. Baki-nya sa-banyak 131 buah lagi berada dalam berbagai[2] peringkat untok di-siapkan. Seluroh ranchangan ini ada-lah di-jangka akan siap sa-belum akhir bulan April, 1971.

Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai Kerajaan (M) Berhad

33. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa-kah jumlah yang telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Pusat pada mula-nya kapada Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai Kerajaan (M) Berhad, dan apa yang telah terjadi kapada pinjaman tersebut.

Tun Dr Ismail: Jumlah wang yang telah di-pinjamkan kapada Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai Kerajaan Berhad sahingga 31-12-70 ada-lah sa-banyak $30,637,673.33.

Wang pinjaman yang di-beri mengikut perjanjian[2] yang di-buat pada 24-6-65, 27-9-66, 3-5-67, 12-6-67 ...	$26,500,000.00
Wang pinjaman yang di-beri mengikut perjanjian yang di-buat pada 7-7-69 (hingga 31-12-70) ...	4,137,673.33
	$30,637,673.33

Di-bawah perjanjian pinjaman yang di-tandatangani di-antara Sharikat itu dengan pehak Perbendaharaan (bagi pehak Kerajaan) pada 7-7-69, pehak Sharikat itu di-kehendaki membayar balek wang pinjaman itu bersama[2] dengan faedah yang terkumpul sa-hingga tarikh siap-nya Ranchangan Kampong Tengku pada tiap[2] tahun dengan 17 kali bayaran "annuity" dan bayaran "annuity" yang pertama akan bermula pada 6 bulan selepas tarikh ranchangan itu selesai.

Di-bawah perjanjian yang tersebut semua wang yang di-terima oleh Sharikat itu dari apa sahaja sumber-nya akan di-bayar oleh Sharikat itu kapada Akauntan Negara, Malaysia pada tiap[2] hari selepas menerima-nya. Wang itu akan di-masokkan ka-dalam kira[2] amanah yang di-selenggarakan oleh Akauntan Negara. Akauntan Negara telah

juga di-beri kuasa untok membuat potongan yang sesuai daripada kira[2] amanah itu untok membuat bayaran "annuity" apabila tiba masa-nya.

34. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Kementerian-nya akan mendirikan rumah harga rendah dua atau tiga bilek untok di-jual sa-chara ansoran. Jika tidak, mengapa.

Tun Dr Ismail: Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang dahulu-nya mentadbirkan perkara ini dengan sendiri-nya tidak mendirikan rumah murah tetapi memberi pinjaman wang untok membantu Kerajaan[2] Negeri melaksanakan ranchangan[2] rumah murah. Dengan wang pinjaman itu, Kerajaan[2] Negeri dan Majlis[2] Perbandaran telah membena rumah[2] murah untok di-jual sa-chara bayaran ansoran. Bantuan berupa wang pinjaman itu akan di-teruskan oleh Kementerian saya dan dengan demikian rumah[2] murah yang terdiri dari beberapa jenis dan besar-nya itu akan terus di-bena untok di-jual.

Rumah Murah

35. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa banyak rumah harga murah telah di-dirikan di-Malaysia Barat dalam ranchangan kilat yang bermula pada penghujong tahun 1968. Berapa-kah jumlah harga ranchangan itu. Ada-kah Menteri sedar bahawa sa-bilangan besar rumah[2] itu tinggal kosong sampai satu tahun lama-nya sa-telah selesai di-bena.

Tun Dr Ismail: Mengikut rekod yang ada dalam Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dahulu, 170 buah ranchangan yang berjumlah 6,838 buah rumah telah di-laksanakan di-bawah ranchangan perumahan kilat dan jumlah wang pinjaman yang di-untokkan bagi ranchangan[2] itu berjumlah $27,834,015. Sunggoh pun kebanyakan daripada ranchangan[2] itu telah di-siapkan sa-belum sa-tengah tahun yang pertama tahun 1969, akan tetapi pembahagian rumah[2] yang patut di-lakukan oleh Kerajaan Negeri bagi beberapa buah ranchangan itu telah tergendala di-sebabkan kekachauan yang berlaku dalam tahun 1969 dan di-turuti pula dengan perishtiharan Dzarurat. Pehak Kerajaan Negeri yang berkenaan telah di-gesa untok menyegerakan urusan pembahagian rumah[2] itu.

Sijil Kera'ayatan Artikal 30

36. Tuan Lim Cho Hock bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau sedar bahawa tindakan yang di-jalankan oleh Kerajaan mengenai Sijil Kera'ayatan di-bawah Perkara 30 sa-imbang dengan status orang yang memegang Sijil Perkara 30 itu.

Tun Dr Ismail: Tindakan yang di-ambil terhadap pemegang[2] Sijil di-bawah Artikal 30 ada-lah semata[2] untok membetul keadaan (to regularise the position).

Pasokan Polis

37. Dr Chen Man Hin minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan peratus orang Melayu dan bukan Melayu dalam Pasokan Polis Tetap dan Pasokan Polis Hutan, dari perengkat pegawai hingga ka-perengkat polis biasa.

Tun Dr Ismail: Peratus anggota orang Melayu dan bukan Melayu dalam Pasokan Polis keselurohan-nya termasok Pasokan Polis Hutan ada-lah saperti berikut:

(*a*) Penolong Penguasa Polis ka-atas (Div. 1)	52.8% Melayu 47.2% Bukan Melayu
(*b*) Inspekter (Div. II) ...	64.2% Melayu 35.8% Bukan Melayu
(*c*) Pegawai berpangkat Rendah dan Mata-mata (Div. III)	89.4% Melayu 10.6% Bukan Melayu

Pasokan Polis Hutan ia-lah Pasokan Polis Tetap juga, chuma tugas-nya sahaja yang lain. Peratus anggota[2] dalam Pasokan Polis Hutan ia-lah:

(*a*) Penolong Penguasa Polis ka-atas (Div. 1)	69% Melayu 31% Bukan Melayu
(*b*) Inspekter (Div. II) ...	91% Melayu 9% Bukan Melayu
(*c*) Pegawai berpangkat Rendah dan Mata-mata (Div III)	97% Melayu 3% Bukan Melayu

KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM

Mangsa[2] Banjir

38. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Kebajikan Am apa-kah langkah[2] yang di-ambil bagi menempatkan sa-mula mangsa[2] banjir tersebut.

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Beberapa langkah, jangka pendek dan jangka panjang, telah di-ambil untok menempatkan sa-mula atau memindahkan orang[2] yang kehilangan rumah-tangga

akibat banjir. Wang tunai atau bahan[2] yang tidak melebehi dari $400, sedang di-beri kapada orang[2] ini untok membaiki atau mendirikan sa-mula rumah[2] mereka sechara bergotong royong. Sa-berapa boleh separoh dari mereka akan di-bekalkan dengan rumah[2] murah atau rumah[2] pangsa. Tempat perlindongan sementara juga akan di-sediakan khas-nya di-kawasan Perbandaran Kuala Lumpur sambil menunggu rumah[2] pangsa murah. Pertimbangan juga akan di-beri bagi memindahkan orang[2] yang tinggal di-kawasan[2] rendah dan selalu terkena banjir ka-kawasan[2] yang selamat.

Several measures, both short term and long term have been taken to rehouse or resettle people rendered homeless by the floods. Cash or materials not exceeding $400, are being given to these people to repair or rebuild their houses on a gotong royong basis. Where possible, some will be provided with low cost houses or flats. Temporary shelter will also be provided particularly in Kuala Lumpur Municipal area pending availability of low-cost flats. Consideration is also being given to re-settle people living in low-lying flood-prone areas to safer areas.

Tabong Benchana Negara

39. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kebajikan Am apa-kah telah terjadi kapada Tabong Benchana Negara yang pertama, dan berapa banyak yang terkumpul.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Kumpulan Wang Benchana Negara yang pertama telah di-satukan di-dalam tahun 1970 dengan Tabong Bantuan Dharurat Negara yang telah di-tubohkan sa-waktu Dharurat dalam tahun 1969. Berikutan dengan banjir baharu[2] ini satu Tabong Benchana Negara yang baharu telah di-tubohkan dan Tabong Bantuan Dharurat Negara telah pun di-satukan dengan Tabong yang baharu itu.

Jumlah yang telah di-kutip bagi Kumpulan Wang Benchana Negara, termasok faedah-nya ia-lah $2,798,021.64 dan jumlah yang telah di-belanjakan ia-lah $2,201,648.09.

The first National Disaster Relief Fund was amalgamated in 1970 with the National Emergency Fund which was set up during the Emergency in 1969. Following the recent floods, a new National Disaster Relief Fund has been established and the National Emergency Relief Fund has since been amalgamated with the new Fund.

The amount collected for the first National Disaster Relief Fund, including interest thereon was $2,798,021.64 and the amount spent was $2,201,648.09.

40. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kebajikan Am berapa jumlah yang telah di-kutip oleh Tabong Bantuan Benchana Negara sa-masa banjir tahun 1966-1967. Berapa-kah dari jumlah tersebut yang telah di-belanjakan untok bantuan dan apa-kah baki-nya. Sudah-kah kira[2] ini di-odit. Jikalau tidak, mengapa.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: jumlah yang telah di-kutip oleh Kumpulan Wang Benchana Negara sa-waktu banjir 1966-1967 termasok faedah-nya ia-lah $2,798,021.64 dan jumlah yang telah di-belanjakan ia-lah $2,201,648.09. Kumpulan Wang ini, walau bagaimana pun, telah di-satukan dengan Tabong Bantuan Dharurat Negara dalam bulan Januari 1970, dan baki-nya sa-banyak $596,373.55 telah di-masokkan ka-Tabong itu. Kumpulan wang ini sedang di-oditkan oleh Ketua Pengarah Odit dan kira[2] itu akan siap tidak berapa lama lagi.

The amount collected by the National Disaster Relief Fund during the 1966-67 floods including interest thereon was $2,798,021.64 and the amount spent was $2,201,648.09. This fund, however, was amalgamated with the National Emergency Relief Fund in January 1970, and the balance of $596,373.55 was transferred to that Fund. The Fund is being audited by the Auditor-General and the audited accounts are expected to be ready shortly.

Jawatan-kuasa Bantuan Banjir

41. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Kebajikan Am mengapa banyak Ahli[2] Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidak dapat jemputan untok berkhidmat dalam Majlis[2] Kebajikan Daerah dan Jawatan-kuasa Bantuan Banjir.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Perlantekan kapada Jawatan[2]-kuasa Bantuan Banjir ada-lah di-buat oleh Kerajaan[2] Negeri dan oleh itu tidak-lah dapat saya menjawab soalan itu.

Lembaga[2] Kebajikan Daerah ada-lah chawangan[2] kapada Lembaga Kebajikan Pusat. Ini ia-lah Badan Sukarela. Jika Ahli[2] pembangkang Dewan Ra'ayat atau Ahli[2]

Dewan Negeri hendak berkhidmat di-dalam Lembaga[2] ini, mereka boleh-lah memohon kapada Lembaga[2] itu untok menjadi ahli.

Appointments to the various Flood Relief Committees are made by the State Governments and therefore it is beyond my competence to reply to the question.

District Welfare Councils are branches of the Central Welfare Council which is a voluntary organisation. If any opposition MP or Assemblyman wants to serve on these Councils they are at liberty to apply for membership to these Councils.

Loteri Perkhidmatan Kebajikan Masharakat

42. Tuan V. David bertanya kapada Menteri Kebajikan Am berapa-kah jumlah wang dalam Lembaga Loteri yang tidak di-tuntut hingga 31hb Disember, 1970. Untok apa-kah wang ini di-gunakan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Jumlah wang yang maseh tidak di-tuntut sa-hingga 31hb Disember, 1970, ia-lah $12,165,200. Wang ini telah di-masokkan ka-dalam Tabong Amanah Perkhidmatan Kebajikan Masharakat dan sedang di-gunakan mengikut tujuan[2] Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Kebajikan Masharakat untok pertubohan[2], yayasan[2] dan badan[2] dermawan, kebajikan, ugama dan pelajaran atau pun untok menjalankan apa[2] sekim atau projek atau kerja[2] yang akan memberi faedah kapada ra'ayat jelata.

The amount of money that has remained unclaimed until 31st December, 1970, was $12,165,200. This amount has been credited to the Social and Welfare Services Trust Fund and is being utilised in accordance with the objectives of the Social and Welfare Services Lotteries Board Act, for the purpose of philanthropic, charitable, religious or educational organisation, institution, or body; or of carrying out any philanthropic, charitable religious or educational scheme or project or any work beneficial to the public.

Derma[2] Banjir

43. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kebajikan Am jumlah yang telah di-pungut sa-takat ini kerana derma[2] banjir yang baharu sa-kali berlaku, berapa banyak yang telah di-belanja, di-mana dan bagaimana.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Jumlah wang yang di-pungut sa-takat 1hb Mach, 1971 oleh Tabong Bantuan Benchana Negara yang sekarang ada-lah saperti berikut:

Di-pindahkan daripada Tabong Bantuan Dharurat Negara ...	$1,317,563.16
Kerajaan Persekutuan	7,000,000.00
Tabong Amanah Perkhidmatan Kebajikan dan Masharakat ...	500,000.00
Sumbangan daripada orang ramai termasok Kerajaan[2] Asing	2,213,268.62
Jumlah ...	$11,030,831.78

Wang ini sedang di-gunakan bagi bantuan dan pemulehan mangsa[2] banjir yang terlibat di-Negeri[2] di-Malaysia Barat. Bantuan dan pemulehan, di-antara lain[2] termasok membekalkan makanan untok penjagaan serta-merta terhadap mangsa[2] banjir, dan bantuan untok membeli buku[2] sekolah dan pakaian seragam, kain[2] baju, perkakas[2] rumah, bantuan keluarga, membaiki dan mendirikan sa-mula rumah[2] dan bantuan kapada peniaga[2] kechil.

Sa-takat 1hb Mach, 1971 sa-jumlah $8,837,559.09 telah di-belanjakan untok tujuan[2] ini.

The total amount collected as at 1st March, 1971 by the present National Disaster Relief Fund is as follows:

Transferred from the National Emergency Relief Fund ...	$1,317,563.16
Federal Government	7,000,000.00
Social and Welfare Services Trust Fund	500,000.00
Contributions from the public including foreign Governments	2,213,268.62
Total ...	$11,030,831.78

This Fund is being utilised for the relief and rehabilitation of flood victims in the flood affected States in West Malaysia. The relief and rehabilitation measures include, among other things, provision of supplies for the immediate care of the victims of floods, and assistance in the purchase of school books and uniforms, clothing, household effects, family assistance, repairs and reconstruction of houses and assistance for small businesses.

As at 1st March, 1971 the actual amount expended was $8,837,559.09.

44. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Kebajikan Am sama ada wang derma itu maseh lagi di-beri kapada mangsa[2] banjir sama ada di-bandar[2] atau pun di-luar bandar saperti di-Bungsar yang mana mereka maseh memerlukan bantuan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Jawab-nya ia-lah tidak. Sekim[2] bantuan bagi meno-long dan memulehkan semula mangsa[2] banjir, di-kawasan[2] luar bandar dan dalam bandar, ada-lah di-fikirkan memadai.

The answer is no. The schemes of assis-tance for the relief and rehabilitation of vic-tims of floods, both in rural and urban areas, are considered adequate.

Benchana Banjir

45. Dr Chen Man Hin minta kapada Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah kerosakan rumah[2] dan bilangan ra'ayat yang kehilangan rumah-tangga akibat benchana banjir.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Mengikut keterangan yang ada sekarang, bilangan rumah yang telah di-mustahkan oleh banjir ia-lah 4,871 buah dan bilangan orang yang kehilangan rumah-tangga ia-lah 24,102 orang terdiri dari 4,871 buah keluarga.

According to information now available, the number of houses destroyed by the floods was 4,871 and the number of people ren-dered homeless 24,102 comprising 4,871 families.

Tabong Bantuan Dharurat Negara

46. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kebajikan Am berapa-kah jumlah yang telah di-pungut oleh Tabong Bantuan Dharurat Negara. Berapa pula hasil pungutan yang telah di-belanjakan dan apa-kah baki-nya. Sudah-kah kira[2] ini di-odit. Jika tidak, mengapa.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Jumlah yang telah di-kutip oleh Tabong Bantuan Dharurat Negara termasok faedah-nya ia-lah $2,110,328.01. Jumlah perbelan-jaan ia-lah $1,389,138.40 dan baki-nya ia-lah $1,317,563.16 ia-itu termasok baki yang tidak di-belanjakan sa-banyak $596,375.55 yang telah di-ambil aleh dari Kumpulan Wang Benchana Negara 1966-67 sa-waktu kum-pulan wang itu di-satukan dengan Tabong Bantuan Dharurat Negara dalam bulan Januari, 1970.

Tabong ini telah di-odit oleh Ketua Pengarah Odit.

The sum collected by the National Emer-gency Relief Fund including interest thereon was $2,110,328.01. The amount expended was $1,389,138.40 and the balance was $1,317,563.16 inclusive of the unexpended balance of $596,373.55 transferred from the 1966-67 National Disaster Relief Fund when this Fund was amalgamated with the National Emergency Relief Fund in January 1970.

The Fund has already been audited by the Auditor General.

KEMENTERIAN PELAJARAN

Penuntut[2] Malaysia di-luar Negeri

47. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa bilangan penuntut[2] Malaysia yang sedang belajar di-luar negeri, mata pelajaran yang di-pelajari mereka dan berapa ramai penuntut[2] Melayu yang ada dalam tiap[2] negeri.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein Onn): Jawapan kapada soalan ini tidak mungkin di-beri dengan tepat, kerana selain daripada yang membuat permohonan melaluï Kemen-terian Pelajaran, ada sa-bilangan besar pemohon[2] yang membuat permohonan terus ka-negara[2] di-mana mereka hendak belajar.

48. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah undang[2] yang di-kehendaki bagi pelajar[2] Malaysia dalam perengkat pre-Universiti yang sedang belajar di-Australia pulang ka-Malaysia pada tiap[2] tahun untok menghabiskan masa perchutian mereka datang-nya dari Kerajaan Malaysia atau pun dari Kerajaan Australia.

Tuan Hussein Onn: Tidak ada peratoran yang berkehendakan pelajar[2] berkenaan ber-buat demikian.

49. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada pehak Kerajaan akan menimbangkan untok memberi nasehat kapada Kerajaan Australia untok membenar-kan pelajar[2] Malaysia yang telah tamat atau lulus di-Australia untok menyambongkan pelajaran mereka sa-belum pulang ka-tanah ayer, andai-nya mereka sendiri mahu pulang, daripada mereka[2] di-perentah oleh pehak

berkuasa Jabatan Imigeresen Australia untok meninggalkan Australia dengan di-beri alasan bahawa mereka di-kehendaki oleh Kerajaan Malaysia dengan segera.

Tuan Hussein Onn: Pertimbangan akan di-berikan kapada tiap[2] satu kes mengikut kelayakan-nya.

Sekolah[2] dan Institut[2] Latehan Pakar

50. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada beliau berchadang hendak menubohkan Sekolah Akitek, Town Planning and Landscaping di-Universiti Pulau Pinang dan Universiti Malaya di-Kuala Lumpur.

Tuan Hussein Onn: Saya sendiri belum mempunyai sebarang chadangan untok menubohkan sekolah[2] tersebut.

51. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada beliau akan berchadang hendak menubohkan lebeh banyak lagi Institut[2] pengajian melateh pakar[2] dalam lapangan reka-bentok kejuruteraan, perangkaan dan pakar[2] dalam aliran sains dan teknik yang di-perlukan oleh negara.

Tuan Hussein Onn: Jika latehan yang dimaksudkan itu latehan taraf juruteknik, Politeknik Ungku Omar di-Ipoh akan memulakan Ranchangan Gerakan (Plan of Operation) Politeknik Ungku Omar, Ipoh, kursus Lukisan Seni Benaan (Architectural Drafting) dan Lukisan Kejuruteraan (Engineering Drafting) akan di-mulakan dalam tahun 1971 dan kursus Ranchangan Bandar dan Luar-Bandar (Town and Country Planning) dan Kursus Ukor Tanah (Land Surveying) mungkin akan di-mulakan dalam tahun 1972. Keperluan untok menambah bilangan institusi sademikian akan di-kaji.

Sekolah Teknoloji Getah

52. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada beliau akan berchadang untok menubohkan sa-buah Sekolah Teknoloji Getah di-Universiti Malaya untok mengeluarkan lebeh ramai lagi mahasiswa[2] yang mahir dalam chara kegunaan getah asli yang boleh di-pakai.

Tuan Hussein Onn: Saya sendiri belum mempunyai apa[2] chadangan untok menubohkan sa-buah Sekolah Teknoloji Getah di-Universiti Malaya.

Buku[2] Teks

53. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada beliau berchadang hendak memberi buku[2] sechara perchuma kapada pelajar[2] yang sedang belajar di-luar bandar termasok-lah di-kawasan[2] perkampongan.

Tuan Hussein Onn: Kementerian Pelajaran sebenar-nya pada masa ini ada memberi bantuan[2] buku[2] teks perchuma sechara pinjaman kapada murid[2] yang miskin di-kawasan[2] luar bandar.

54. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak buku[2] teks yang di-tulis untok murid[2] Malaysia tidak-lah sesuai bagi kehendak[2] murid; dan menyatakan langkah[2] yang akan di-ambil oleh kementerian-nya untok menentukan yang hanya buku[2] teks yang sesuai sahaja yang digunakan oleh sekolah[2].

Tuan Hussein Onn: Saya sedar. Buku[2] yang sekarang di-gunakan di-sekolah[2] sedang dinilai dari segala aspek oleh Kementerian Pelajaran untok menentukan bahawa buku[2] yang di-gunakan benar[2] sesuai untok murid[2].

Chalun[2] untok Biasiswa

55. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada benar atau tidak chalun[2] yang di-kemukakan oleh Kerajaan Malaysia sahaja yang boleh menerima biasiswa[2] dari Kerajaan luar.

Tuan Hussein Onn: Tidak benar.

Maktab Perguruan

56. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada Maktab Perguruan akan di-bena untok melateh guru[2] dari aliran China dan Tamil.

Tuan Hussein Onn: Tidak, kerana mereka sekarang di-lateh di-maktab[2] perguruan yang telah sedia ada.

Angka Pelajar[2]

57. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran berapa bilangan yang terakhir bagi pelajar[2] dalam aliran[2] yang tertentu dari perengkat bawah hingga katingkatan atas dari tahun 1957 hingga 1971.

Tuan Hussein Onn: Jawapan-nya ada-lah saperti berikut:

Tahun	*BILANGAN MURID² DI-SEKOLAH RENDAH BANTUAN*					*BILANGAN MURID² DI-SEKOLAH MENENGAH BANTUAN*				
	Pengantar Melayu	*Pengantar Inggeris*	*Pengantar China*	*Pengantar India*	*Jumlah*	*Pengantar Melayu*	*Pengantar Inggeris*	*Pengantar China*	*Pengantar India*	*Jumlah*
1957	441,567	130,360	310,458	50,766	933,151	2,315	48,235	30,052	440	81,042
1958	465,561	148,720	340,450	53,098	1,007,829	1,850	57,234	34,029	164	93,247
1959	478,195	162,333	349,480	56,297	1,046,305	670	64,593	37,181	10	102,454
1960	485,976	177,403	354,474	60,726	1,078,579	4,953	72,499	38,828	tiada	116,280
1961	502,032	196,190	352,345	63,917	1,114,484	8,158	84,347	37,793	„	130,298
1962	500,968	208,840	348,171	66,504	1,124,483	13,824	119,217	tiada	„	232,441
1963	523,974	216,404	339,829	67,649	1,147,856	19,910	135,233	„	„	155,143
1964	530,439	233,672	340,845	69,362	1,174,318	28,067	151,384	„	„	179,453
1965	555,349	248,408	340,724	72,828	1,217,309	67,484	208,363	„	„	275,847
1966	575,991	269,997	347,061	76,350	1,269,399	97,477	242,719	„	„	340,196
1967	591,560	289,056	355,771	79,203	1,315,590	128,069	286,254	„	„	414,323
1968	606,664	307,984	367,565	81,428	1,363,641	135,496	309,664	„	„	445,160
1969	603,410	326,306	378,679	80,759	1,389,145	134,889	333,927	„	„	468,816
1970	609,226	338,799	394,166	79,278	1,421,469	128,143	339,961	„	„	468,104
*1971	615,000	350,000	409,000	80,000	1,454,000	132,000	345,000	„	„	477,000

* Di-anggarkan.

58. Dr Tan Chee Khoon: minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid² Melayu dalam sekolah aliran Inggeris bantuan penoh Kerajaan pada perengkat² rendah menengah, Sijil Tinggi Pelajaran bagi tiap² tahun dari 1964 hingga 1971.

Tuan Hussein Onn: Saperti berikut:

Tahun	*BILANGAN MURID² MELAYU DI-SEKOLAH² BANTUAN BAHASA PENGANTAR INGGERIS*		
	Sekolah Rendah	*Sekolah Menengah*	*Sijil Pelajaran Tinggi*
1964	57,541 ..	39,194 ..	539
1965	61,100 ..	49,888 ..	1,011
1966	73,234 ..	53,722 ..	1,315
1967	88,567 ..	64,560 ..	1,594
1968	106,252 ..	73,811 ..	1,497
1969	126,998 ..	92,188 ..	1,497
1970	113,437 ..	100,203 ..	2,065

59. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan jumlah kemasokan murid² ka-sekolah² di-Malaysia Barat mengikut bilangan sekolah dan bahasa pengantar bagi tahun 1961 hingga tahun 1971.

Tuan Hussein Onn:

Tahun	BILANGAN SEKOLAH[2] BANTUAN					BILANGAN MURID[2] DALAM SEKOLAH[2] BANTUAN				
	Pengantar Melayu	*Pengantar Inggeris*	*Pengantar China*	*Pnegantar Tamil*	*Jumlah*	*Pengantar Melayu*	*Pengantar Inggeris*	*Pengantar China*	*Pengantar Tamil*	*Jumlah*
1964	2,280	614	1,004	704	4,602	558,506	385,058	340,845	69,362	1,353,771
1965	2,647	765	1,005	700	5,117	622,833	456,771	340,724	72,828	1,593,156
1966	2,629	772	996	695	5,092	673,468	512,716	347,061	76,350	1,609,595
1967	2,622	775	990	686	5,173	719,629	575,310	355,771	79,203	1,729,913
1968	2,627	782	989	670	5,068	742,160	617,648	367,565	81,428	1,808,801
1969	2,625	814	993	662	5,094	738,299	660,233	378,679	80,750	1,857,961
1970	2,621	831	991	657	5,100	795,452	610,677	394,166	79,278	1,889,573
*1971	2,627	838	990	655	5,110	872,500	569,500	409,000	80,000	1,931,000

* Di-anggarkan 15-2-71.

60. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid[2] yang memasoki darjah I bagi tahun 1961 hingga 1970. Sila berikan angka[2] saperti berikut:

Tahun	Pengantar Bahasa Kebangsaan	Pengantar Bahasa Inggeris	Pengantar Bahasa China	Pengantar Bahasa Tamil
1961	—	—	—	—
1962	—	—	—	—
1963 hingga 1970 ...	—	—	—	—

Tuan Hussein Onn: Saperti berikut:

Tahun	*BILANGAN KEMASOKAN KA-DARJAH 1*				
	Pengantar Melayu	*Pengantar Inggeris*	*Pengantar China*	*Pengantar Tamil*	*Jumlah*
1961	98,671	34,227	58,600	14,181	205,679
1962	97,450	41,045	59,443	14,538	212,476
1963	105,569	46,175	60,976	14,420	227,140
1964	97,461	47,775	61,941	14,463	221,640
1965	106,708	49,852	63,141	14,621	234,322
1966	107,050	53,299	65,291	15,292	240,932
1967	108,579	55,770	67,791	16,104	248,244
1968	113,085	60,600	70,944	16,361	260,990
1969	106,338	65,091	72,488	15,460	259,377
1970	168,870	Nil	77,185	15,097	261,152

61. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid[2] yang tidak lulus sa-telah darjah VI bagi tahun[2] 1961 hingga 1970. Sila berikan jumlah-nya saperti berikut:

Tahun	Pengantar Bahasa Kebangsaan	Pengantar Bahasa Inggeris	Pengantar Bahasa China	Pengantar Bahasa Tamil
1961	—	—	—	—
1962	—	—	—	—
1963 hingga 1970 ...	—	—	—	—

Tuan Hussein Onn: Saperti berikut:

Tahun	BILANGAN MURID DARJAH 6 DI-SEKOLAH[2] BANTUAN					KENAIKAN KA-KELAS[2] PERALEHAN DI-SEKOLAH[2] BANTUAN			KENAIKAN KA-TINGKATAN I (MASOK TERUS) DI-SEKOLAH[2] BANTUAN			Bilangan 'Dropouts' sa-lepas Darjah 6 di-Sekolah[2] Bantuan (6)-(9)-(12)
	Pengantar Melayu	Pengantar Inggeris	Pengantar China	Pengantar Tamil	Jumlah	Pengantar Melayu	Pengantar Inggeris	Jumlah	Pengantar Melayu	Pengantar Inggeris	Jumlah	
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)	(12)	(13)
1960	62,502	28,396	42,987	6,774	140,659	—	—	—	—	—	—	—
1961	72,305	38,481	58,953	7,674	177,413	—	4,757	4,757	3,376	18,312	21,688	114,214
1962	61,120	38,022	58,904	7,375	165,421	—	16,069	16,069	5,406	24,583	29,989	131,355
1963	60,591	28,933	52,453	6,774	148,751	—	15,328	15,328	9,121	20,608	29,729	120,364
1964	70,002	32,375	51,343	7,072	160,792	—	19,233	19,233	10,841	18,117	28,958	100,560
1965	73,000	31,640	49,037	8,140	161,817	338	42,265	42,603	35,833	29,859	65,692	52,497
1966	79,681	34,713	49,122	8,903	172,419	420	43,177	43,597	36,627	25,967	62,594	55,626
1967	81,844	40,447	48,270	9,043	179,604	430	48,578	49,008	39,752	29,249	69,001	54,410
1968	88,350	44,184	50,387	9,488	192,409	411	50,339	50,750	35,447	32,879	68,326	60,528
1969	81,755	45,732	51,205	9,647	188,339	682	55,992	56,674	33,579	35,246	68,825	66,910
1970	—	—	—	—	—	2,061	44,476	46,537	37,154	34,879	72,033	69,769

62. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak-kah murid di-darjah enam yang telah keluar sekolah dan tidak memasoki Tingkatan Satu pada tahun 1970, dengan memberi angka[2] bagi tiap[2] negeri saperti berikut: (*a*) bilangan murid darjah 6 dalam tahun 1969; (*b*) bilangan murid[2] di-Tingkatan satu; (*c*) bilangan murid[2] yang keluar sekolah dan menyatakan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil atau yang akan di-ambil untok mengurangkan bilangan yang keluar sekolah.

Tuan Hussein Onn:

Negeri	*Bilangan Murid Darjah IV Sekolah[2] Bantuan Tahun 1969*	*Bilangan Murid masok ka-Tingkatan Peralehan dan masok terus ka-Tingkatan I 1970*	*Bilangan Murid[2] keluar sekolah (dropout) awal tahun 1970*
Johor	30,506	15,376	15,130
Kedah	18,823	10,295	8,528
Kelantan	11,541	8,458	3,083
Melaka	9,647	6,116	3,531
Negeri Sembilan ...	11,880	7,742	4,138
Pahang	9,991	6,223	3,768
Perak	34,741	22,750	11,991
Perlis	2,397	1,595	802
Pulau Pinang	17,033	12,341	4,692
Selangor	34,252	23,668	10,584
Trengganu	7,528	4,006	3,522
JUMLAH ...	188,339	118,570	69,769

Langkah[2] yang di-ambil Kementerian Pelajaran untok meninggikan kadar tinggalan ia-lah memberi bantuan pelajaran yang berupa biasiswa tempat[2] perchuma dan bantuan[2]-buku teks.

Satu daripada tujuan[2] ranchangan Malaysia Kedua ia-lah menambah lagi bantuan[2] ini, dan mengadakan kemudahan bagi semua peringkat persekolah.

Ranchangan Malaysia Kedua juga ada-lah bertujuan untok memperbaiki kandongan bidang pelajaran, pengelolaan, kaedah[2] mengajar dan menambah perkhidmatan bantuan. Di-simping itu ranchangan mengadakan guru[2] yang terlateh dan berkelulusan tinggi akan di-perbanyakkan sa-moga taraf pengajaran dan pendidekan yang tinggi akan terchapai.

Sekolah[2] Asohan

63. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada pehak Kerajaan akan memberi pertimbangan untok membantu kapada sekolah[2] asohan (kindergarten) dengan mengakui bahawa masa di-sekolah[2] asohan ada-lah paling penting dalam peringkat permulaan bagi mendidek kanak[2].

Tuan Hussein Onn: Pre-primary Education does not come under the purview of the Ministry in the context of the Education Act of 1961. However the Ministry is interested in its development and is currently studying the feasibility of providing professional assistance in the form of a Manual or Guide Book for kindergartens.

"Per Capita Grant"

64. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar ada berlaku lebeh-bayar dan kurang-bayar perbelanjaan berbilang kapada sekolah[2] Menengah dan Rendah hampir[2] di-seluroh negara. Jika sedar, apa-kah langkah yang telah Menteri ambil bagi mengurangkan kesilapan[2] saperti itu yang mungkin membawa kapada kechurangan.

Tuan Hussein Onn: Saya sedar tentang pembayaran lebeh atau kurang ini. Walau pun demikian, keadaan tersebut ada-lah untok sementara waktu sahaja dalam satu[2] tahun. Keadaan ini berlaku oleh kerana selain daripada pembayaran gaji kapada guru[2] dan kakitangan[2] sekolah, pemberian bantuan kapada sekolah[2] menengah dan rendah ada-lah menurut kadar "Per Capita Grant" yang telah di-tetapkan dan berdasarkan kapada bilangan penuntut[2] di-sa-sabuah sekolah. Angka[2] penuntut di-sa-sabuah sekolah pula dalam tempoh sa-tahun sentiasa berubah dan ini-lah yang menyebabkan pemberian bantuan kapada sekolah yang berkenaan menjadi lebeh atau kurang. Jika berlaku pembayaran yang berlebehan kapada mana[2] sekolah, maka jumlah peruntokan yang lebeh itu akan di-minta supaya di-pulangkan, dan jika sa-kira-nya pula berlaku pembayaran yang kurang, maka peruntokan tambahan ada-lah di-beri kapada sa-sekolah yang berkenaan itu sa-lepas tuntutan-nya di-sahkan. Dengan yang demikian, tidak ada kesilapan yang berlaku dan soal kechurangan tidak timbul sama sa-kali.

Kerani[2] Sekolah

65. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pelajaran apa-kah yang telah di-lakukan oleh Kementerian-nya untok memperbaiki sharat[2] perkhidmatan dan tangga gaji kerani[2] di-sekolah[2] bantuan penoh.

Tuan Hussein Onn: Kerajaan telah membuat keputusan supaya mereka di-beri pilehan sendiri untok memasoki perkhidmatan kerajaan, dan di-bayar gaji mengikut tangga gaji Suffian.

Surohanjaya Wang Pemberian

66. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada beliau akan menubohkan sa-buah Surohanjaya Wang Pemberian Untok Universiti bagi menguntokkan wang kapada ketiga[2] buah universiti yang ada sekarang atas dasar jangka panjang.

Tuan Hussein Onn: Tidak pada masa ini.

Permit Mengambil Bahagian dalam Politik

67. Tuan Hor Cheok Foon minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan berapa orang guru telah memohon permit untok mengambil bahagian dalam politik; berapa permohonan

(*a*) di-luluskan; dan

(*b*) di-tolak.

Tuan Hussein Onn: 1,231 orang guru telah memobon.

(*a*) 1,129 di-luluskan

(*b*) 102 di-tolak.

Guru[2] U.T.S.

68. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah benar bahawa guru[2] U.T.S. yang melanjutkan pelajaran ka-Universiti Malaya dengan perbelanjaan mereka di-kehendaki juga berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran sa-lama lima tahun sa-lepas lulus. Jika benar, mengapa.

Tuan Hussein Onn: Tidak benar, kechuali mereka yang maseh lagi terikat dengan perjanjian.

69. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar ada-nya perasaan tidak puas hati di-kalangan guru[2] U.T.S. kerana sa-tengah[2] Ketua Pegawai Pelajaran telah melanggar sharat[2] kerja U.T.S. dengan menukar guru[2] tersebut ka-sekolah, lain, pada hal guru[2] U.T.S. tidak boleh di-tukar; dan apa-kah langkah[2] yang akan di-ambil untok merentikan salah guna kuasa oleh sa-tengah[2] Ketua Pegawai Pelajaran.

Tuan Hussein Onn: Tidak. Soal ini tidak timbul.

70. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Pelajaran:

(*a*) boleh-kah Guru[2] di-bawah U.T.S. mengambil bahagian chergas di-dalam politik.

(*b*) jikalau ya, ada-kah mereka di-kehendaki mendapat kebenaran daripada Kementerian.

Tuan Hussein Onn:

(*a*) Boleh.

(*b*) Tidak.

Guru[2] D.T.C.

71. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pelajaran mengapa guru[2] D.T.C. (Pusat Latehan Harian) yang telah lulus dari Universiti Malaya di-kehendaki belajar sa-tahun lagi, bagi mendapatkan Diploma Pendidekan. Ada-kah ini kerana tiga tahun latehan di-pusat Latehan Harian tidak di-iktiraf oleh Kementerian.

Tuan Hussein Onn: Tidak benar. Guru[2] D.T.C. (Pusat Latehan Harian) yang lulus dari Universiti Malaya tidak di-kehendaki mengikuti kursus Diploma Pendidekan.

Benar bagi mereka yang ingin masok ka-perkhidmatan Pegawai Pelajaran; ini kerana kelulusan D.T.C. itu tidak dapat di-anggap sa-taraf dengan Diploma Pendidekan.

Guru[2] Normal

72. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah ranchangan melantek Pegawai Pelajaran daripada guru[2] latehan normal di-bawah tangga gaji Benham yang telah mendapat Ijazah Universiti dengan kepujian pada tahun 1970. Jika tidak, mengapa.

Tuan Hussein Onn: Ia, tetapi bagi Guru[2] Kerajaan sahaja.

Pegawai Khas mengenai Penukaran Guru[2]

73. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar akan perasaan tidak puas hati dan kesusahan yang di-alami oleh guru[2] yang telah berkahwin, kerana mereka di-hantar jauh dari teman hidup mereka; sama ada ia akan melantek sa-orang pegawai khas untok menyatukan kelamin[2] tersebut supaya mereka akan memperolehi perkhidmatan guru yang lebeh senang.

Tuan Hussein Onn: Saya sedar. Bilangan yang terlibat pada satu[2] masa itu ada-lah kechil sahaja. Apabila kes[2] ini di-ketahui oleh Ketua[2] Pegawai Pelajaran Negeri, sa-takat mana yang boleh, mereka akan di-tukarkan. Oleh hal yang demikian tidak mustahak bagi sa-orang pegawai khas di-lantek untok mengelolakan perkara ini.

Universiti Pulau Pinang

74. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada tempat yang tetap telah di-perolehi untok Universiti Pulau Pinang jika belum, menyata-kan bila-kah Universiti Pulau Pinang di-jangka akan mendapat tempat yang tetap.

Tuan Hussein Onn: Sudah, di-kawasan Minden Barracks.

Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru[2]

75. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan bila-kah ia berchadang melantek dan memulehkan Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru[2] supaya dapat di-adakan foram di-antara Kesatuan[2] Guru[2] dan Kementerian-nya.

Tuan Hussein Onn: Soal memulehkan sa-mula Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru[2] akan bergantong kapada keputusan Kerajaan sa-lepas mendapat shor[2] yang di-kemukakan oleh Surohanjaya Guru[2].

Fakulti Undang[2]

76. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah apa[2] ranchangan untok memulakan sa-buah Fakulti Undang[2] di-Malaysia, jika ada beri butir[2]-nya.

Tuan Hussein Onn: Perlu-nya di-tubohkan sa-buah Fakulti Undang[2] di-salah sa-buah universiti yang sedia ada sedang di-kaji.

Lepasan Universiti[2] India

77. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran mengapa beratus[2] lepasan dari Universiti[2] India maseh belum me-megang jawatan tetap sa-telah bertahun[2] bekerja.

Tuan Hussein Onn: Tidak ada guru[2] Siswa-zah kelulusan Universiti[2] India yang tidak di-sahkan dalam jawatan mereka.

"External University degree course"

78. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kementerian-nya berchadang memulakan "external University degree course" di-Malaysia supaya dapat memberi lebeh banyak warganegara Malaysia peluang untok penga-jian tinggi; jika ia ada-kah ia ranchangan[2] untok memulakan-nya.

Tuan Hussein Onn: Pada masa ini Kementerian saya belum ada mempunyai ranchangan saperti itu.

Kenyataan Persatuan Pengguna[2] Pulau Pinang

79. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak berkenaan kenyataan yang di-buat oleh Persatuan Pengguna[2] Pulau Pinang yang di-siarkan dalam akhbar tempatan pada 18hb Januari bahawa ibu-bapa akan dapat menjimatkan sa-banyak $25 juta sa-tahun jika penerbit[2] menerbitkan buku[2] di-kertas yang lebeh murah daripada menggunakan kertas yang mahal; dan menyatakan apa-kah tindakan yang akan di-ambil oleh kementerian-nya supaya dapat mengurangkan beban ibu-bapa pada sa-tiap tahun sa-masa sekolah di-buka.

Tuan Hussein Onn: Saya sedar, Kementerian saya telah menubohkan sa-buah Jawatankuasa untok mengkaji masaalah buku[2] teks dan saya sedang menunggu laporan-nya.

Perwakilan dari CUEPACS dan Kesatuan Guru[2] Kebangsaan

80. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada ia telah menerima perwakilan dari CUEPACS dan Kesatuan Guru[2] Kebangsaan mendesak Kerajaan menarek balek sharat[2]-nya yang menghendaki guru[2] yang mempunyai ijazah[2] pujian lulus bahasa Malaysia Darjah Satu dan Dua sa-belum mereka di-lantek menjadi Ketua Pegawai Pelajaran kerana peratoran baharu ini mengubah sharat[2] naik pangkat bagi pegawai yang sedang berkhidmat tanpa memberi notis dan berunding dengan kesatuan guru[2]; dan apa-kah pendirian Kerajaan berkenaan perwakilan[2] tersebut.

Tuan Hussein Onn: Belum.

Biasiswa Ilmu Pertanian

81. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pelajaran untok menerangkan sama ada lebeh banyak biasiswa[2] akan di-berikan kapada pelajar[2] Melayu untok mempelajari ilmu Pertanian di-Taiwan terutama sa-kali dalam ranchangan Kemajuan Tanah di-sana.

Tuan Hussein bin Onn: Kerajaan Malaysia tiada pernah dan tiada berhajat menawarkan sa-barang biasiswa kapada penuntut[2] Melayu untok mengikuti kursus Pertanian di-Taiwan. The Government has never awarded and does not intend to award any scholarship to Malay students to study Agriculture in Taiwan.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Kilang[2] di-luar Bandar

82. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan bila-kah beliau berchadang hendak membena kilang[2] di-luar bandar dan berdekatan dengan perkampongan untok mengatasi lebeh ramai penganggoran.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohd. Khir Johari): Kerajaan pada awal dalam tahun 1968 lagi, telah pun mengistiharkan beberapa kemudahan dan galakan bagi menggalakkan mereka mendirikan kilang[2] di-kawasan[2] luar bandar dan di-bandar[2] kechil. Galakan[2] dan kemudahan[2] yang saya katakan itu di-dapati dalam Akta Galakan Pelaboran 1968. Bagi sharikat yang bertaraf perintis di-timbangkan tambahan satu tahun lagi daripada membayar chukai atau tambahan sa-banyak 5% daripada Kredit chukai Pelaboran kapada sharikat[2] yang di-beri Kredit Chukai Pelaboran. Dalam Ranchangan Malaysia yang Kedua pula langkah[2] baharu ada-lah di-ambil bagi memperchepatkan perkembangan perindastrian di-dalam kawasan[2] yang kurang maju. Oleh kerana penanaman modal ada-lah bergantong kapada pehak suwasta, Kerajaan sa-daya upaya memberi kemudahan untok menyegerakan bagi mereka yang hendak menanam modal di-kawasan[2] yang kurang maju. Sa-lain daripada itu Kerajaan juga akan mengambil bahagian yang lebeh aktif untok menchapai tujuan supaya pembahagian perindastrian yang sama rata di-kawasan[2] yang kurang maju berkembang.

Untok ma'aluman Ahli Y.B. banchi pengeluaran bagi tahun 1968 telah menunjokkan ia-itu dari jumlah 9,000 pembenaan kilang[2] pengeluaran, lebeh dari 4,000 ada-lah di-dapati dalam daerah[2] yang kurang maju di-dalam tiap[2] negeri Malaysia ini.

Pembenaan Kilang[2] Besi

83. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sama ada beliau akan menggalakkan pembenaan lebeh banyak lagi kilang[2] besi agar

dapat mengatasi kekurangan kilang[2] membuat besi dalam negeri dan untok mengelakkan dari kenaikan harga.

Tuan Mohd. Khir Johari: Soalan Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas kerana beliau tidak menerangkan jenis besi yang di-maksudkan sambil menyentoh tentang turun-naik-nya jumlah penggunaan besi. Walau bagaimana pun saya suka menerangkan berkaitan dengan perusahaan kilang besi di-Malaysia.

1. Pengeluaran besi waja di-negara ini di-bahagikan kapada 2 bidang:

(i) Kilang besi yang di-chantumkan (integrated steel mill) yang menggunakan bijeh besi dan arang tempatan.

(ii) Kilang "rolling" (rolling mill) yang menggunakan besi[2] burok yang telah di-lebor.

Kilang besi yang di-chantumkan itu hanya mengeluarkan batang[2] besi untok pembenaan dan batang[2] pendawaian. Kilang "rolling" pula hanya mengeluarkan batang[2] besi untok pembenaan.

2. Pehak pengguna pula berkehendakkan berbagai macham barang[2] besi termasok jenis[2] yang leper, dan mana[2] jenis yang tidak di-keluarkan oleh kilang[2] tempatan kebenaran ada-lah di-beri untok mengimpot-nya.

3. Baharu[2] ini Kerajaan telah mengambil langkah untok meluluskan beberapa projek baharu termasok juga langkah[2] untok memperbesarkan lagi kedua[2] jenis kilang tersebut. Hingga ini beberapa peringkat kemajuan telah terchapai. Kilang yang di-chantumkan itu telah pun selesai pada peringkat yang kedua bagi memperluaskan kilang-nya.

4. Untok mengurangkan kos pengeluaran barang[2] besi ini ada-lah melibatkan beberapa faktor. Faktor[2] tersebut ia-lah:

(i) Keadaan barang[2] yang hendak di-buat;

(ii) Ukoran buatan;

(iii) Jenis teknoloji yang di-gunakan;

(iv) Bayaran[2] jamin hak;

(v) Harga pasaran di-antara bangsa bagi jenis barang yang separoh siap (semi-processed) yang di-impot itu;

(vi) Kedudokan peringkat jenis barang pengeluaran pada ketika itu dan beberapa faktor[2] yang lain. Walau bagaimana pun Kerajaan bersedia untok menimbangkan satu ranchangan baharu atau lain[2] ranchangan untok memperluaskan lagi yunit[2] yang terdapat pada masa ini dengan berpandukan kapada keadaan jumlah penggunaan dan jua kapada faktor[2] yang telah di-terangkan di-atas.

5. Kerajaan sentiasa berusaha dan mengikuti perkembangan yang berlaku di-pehak penggunaan dan pengeluaran jenis[2] besi yang di-guna dan berusaha menentukan perkembangan tersebut hendak-lah terator dalam perusahaan besi dan besi waja negara ini. Satu penyata lengkap di-atas perusahaan besi waja negara ini yang menghuraikan keadaan yang terdapat ka-atas pengeluaran serbaneka jenis barang[2] itu, penggunaan-nya di-masa hadapan; penggunaan barang[2] mentah tempatan ada-lah sedang di-sediakan. Saya suka menegaskan di-sini ada-lah dasar Kerajaan sentiasa menggalakkan pengeluaran barang[2] tempatan bagi apa jenis pun jika di-dapati mungkin.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN TANAH

Hakisan Sungai di-Telok Anson

84. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa telah berlaku kapada Kenyataan ka-atas masaalah hakisan Sungai di-Telok Anson dan apa-kah langkah[2] yang sedang di-ambil untok mengelak daripada Telok Anson di-telan oleh sungai tersebut.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi): Laporan ini telah di-sediakan oleh Seteshen Penyelidekan Haiderolik, Wallingford, England, dan di-terima dalam tahun 1967. Laporan ini sa-terus-nya di-kemukakan kapada Kerajaan Negeri Perak untok di-kaji dan di-timbangkan.

Oleh kerana perbelanjaan melaksanakan kerja[2] yang di-chadangkan untok menchegah hakisan (further erosion) kapada tebing[2] sungai itu sangat-lah tinggi (lebeh daripada $12 juta), maka sa-bagai satu ikhtiar mengatasi masaalah ini, kajian sedang di-jalankan untok memindah bandar Telok Anson kapada satu tapak yang baharu.

Petani[2] di-Kawasan Muda

85. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah ada-kah beliau sedar bahawa petani[2] di-kawasan Muda maseh ragu[2] apa-kah yang patut mereka

lakukan jika mahukan sa-penoh[2] faedah daripada penanaman dua kali sa-tahun. Jika sedar, apa-kah langkah[2] yang telah beliau ambil bagi mempastikan sa-tiap peringkat mengerjakan tanah, menyemai, menjaga dan menuai berjalan dengan lichin-nya.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Adalah tidak benar petani[2] di-kawasan Muda maseh lagi ragu[2] tentang peranan mereka jika mereka hendak mendapat faedah sapenoh-nya dari tanaman dua kali sa-tahun. Kejayaan peringkat pertama tanaman dua kali sa-tahun yang bermula dalam bulan Mach, 1970 itu sudah pun nyata. Di-bawah peringkat pertama ranchangan itu pengayeran untok tanaman dua kali sa-tahun telah di-bekalkan kapada lebeh kurang 90,000 ekar, 83,000 ekar daripada-nya, ia-itu 90%, telah pun di-tanam.

Suatu ranchangan yang pesat meliputi perkembangan pertanian, penyebaran (publicity) dan latehan telah dan sedang di-jalankan. Projek[2] perchubaan yang perlu di-perengkat persediaan sa-belum pelancharan tanaman dua kali sa-tahun itu telah pun di-jalankan semenjak 1967. Projek[2] perchubaan (pilot project) bukan sahaja menjadi tempat perchubaan atas amalan[2] teknoloji moden di-bawah keadaan ladang yang sa-benar-nya, tetapi juga suatu jalan penyebaran maklumat[2] teknoloji kapada petani[2] di-kawasan itu. Pada tahun 1970 Projek[2] Perchubaan ini berjumlah 15. Banyak pelekat[2], papan[2] kenyataan dan risalah[2] tertulis atas pelbagai perkara pertanian telah pun di-bahagi[2]kan. Pada tahun 1970, sa-masa perengkat pertama ranchangan ini, 14,500 risalah. 2,150 pelekat[2] (poster) dan 14 papan kenyataan atas keterangan tarikh/jadual menanam telah di-bahagi[2]kan. Sa-bagai tambahan, 840 pelekat[2] mengenai chara[2] menggunakan baja dan menjaga tanaman telah di-bahagi[2]kan. Juga penyebaran yang luas mengenai Akta Penanaman Padi 1970 telah pun di-lakukan melaluï 580 risalah dan 1,440 pelekat[2].

Pemberian perchuma berbagai[2] jenis beneh bersama[2] dengan risalah keterangan-nya, telah di-bahagikan semenjak tahun 1969, sabelum perengkat pertama. Dalam tahun 1969 13,731 gantang padi Bahagia, dan juga 13,731 gantang dalam tahun 1970, telah di-bahagikan kapada petani[2] dengan perchuma. Dengan ini pada masa sekarang perbekalan beneh padi di-kawasan ini sangat-lah menchukopi. Kursus[2] latehan mengenai chara[2] menanam dan menggunakan jentera sedang di-jalankan di-Pusat Latehan Pertanian Luar Bandar dan Pusat Latehan Kejenteraan Ladang. Pada tahun 1970 lebeh daripada 400 petani muda telah di-beri latehan di-Pusat Latehan Pertanian Luar Bandar, dan 75 di-Pusat Latehan Kejenteraan Ladang. Sa-lain daripada itu, kursus latehan kapada Lembaga Pengarah Persatuan[2] Peladang dan Ketua[2] Unit juga di-jalankan.

Penyebaran dengan sa-chara tayangan gambar juga di-jalankan oleh Unit Penyebaran Bergerak. Siaran[2] ka-Luar Bandar atas perkara[2] mustahak berkaitan dengan Ranchangan ini di-pancharkan dari Pulau Pinang sakali sa-hari pada sa-suatu masa tertentu.

Penanam[2] Padi yang menyewa

86. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan jumlah petani[2] yang menyewa sawah bendang di-Malaysia Barat bagi tiap[2] tahun Merdeka.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi:

Penanam[2] Padi yang menyewa	1960—106,000 1971—117,000

NOTA: Angka tahun 1971 di-atas ini di-taksirkan dengan membuat tambahan sa-banyak 10% ka-atas angka Banchi Pertanian 1960 itu. Atas pertanyaan mengenai bilangan penanam padi yang menyewa di-Malaysia Barat bagi tiap[2] tahun semenjak Merdeka, dukachita butir[2] itu tidak dapat di-beri. Banchi Pertanian tahun 1960 telah di-gunakan sa-bagai "bench mark" dan kita boleh menganggap tambahan tahunan penanam[2] padi yang menyewa lebeh kurang 1% tiap[2] tahun.

Kebun[2] luar bandar

87. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

(*a*) petani[2] yang menyewa;

(*b*) petani[2] yang sendiri memilek kebun[2] luar bandar—

(i) di-bawah 1 ekar.
(ii) di-antara 1 ekar $1\frac{3}{4}$ ekar.
(iii) di-antara 2 ekar $2\frac{3}{4}$ ekar.
(iv) di-antara 3 ekar $3\frac{3}{4}$ ekar.
(v) di-antara 4 ekar $4\frac{3}{4}$ ekar.
(vi) di-antara 5 ekar $7\frac{1}{4}$ ekar.
(vii) di-antara $7\frac{1}{2}$ ekar $9\frac{3}{4}$ ekar.
(viii) di-antara 10 ekar $14\frac{3}{4}$ ekar.
(ix) di-antara 15 ekar $99\frac{3}{4}$ ekar.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi:

	1971	
	Penanam yang menyewa	Penanam tanah sendiri
(i) Ka-bawah 1 ekar ..	11,000	39,400
(ii) Antara 1 ekar-1¾ ekar ..	22,600	65,100
(iii) Antara 2 ekar-2¾ ekar ..	22,400	63,400
(iv) Antara 3 ekar-3¾ ekar ..	15,000	48,200
(v) Antara 4 ekar-4¾ ekar ..	10,900	35,000
(vi) Antara 5 ekar-7¼ ekar ..	19,100	60,200
(vii) Antara 7½ ekar-9¾ ekar ..	7,200	25,500
(viii) Antara 10 ekar-14¾ ekar	5,800	25,300
(ix) Antara 15 ekar-99¾ ekar	2,100	16,500
Jumlah ..	117,100	378,600

Mengikut keterangan di-atas ini penanam[2] kechil telah di-bahagikan kapada dua gulongan, ia-itu penanam[2] yang menyewa tanah dan penanam[2] yang mempunyaï tanah sendiri. Bagaimana pun ada beberapa keterangan lanjut kapada butir[2] di-atas ini, ia-itu—

Penanam[2] yang menggunakan lesen mendudoki sementara (TOL) di-masokkan dalam gulongan penanam[2] yang mempunyaï tanah sendiri.

Penanam[2] yang menyewa tanah ada-lah juga penanam[2], sa-lain daripada mengusahakan tanah sendiri, yang menyewa tanah sa-bagai tambahan.

Ladang[2] luar bandar

88. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

(*a*) jumlah ladang[2] luar bandar di-Malaysia Barat;

(*b*) beri angka pechahan kebun[2] mengikut ekar saperti berikut—

Besar-nya ladang mengikut-ekar	Jumlah ladang[2]
bawah 1	—
1-1¾	—
2-2¾	—
3-3¾	—
4-4¾	—
5-7¼	—
7½-9¾	
10-14¾	—
15-99¾	—

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi:

Luas ladang mengikut ekar	Bilangan ladang[2] (Anggaran hingga ini)
Ka-bawah 1 ...	50,000
1-1¾	88,000
2-2¾	86,000
3-3¾	63,000
4-4¾	46,000
5-7¼	79,000
7½-9¾	33,000
10-14¾	31,000
15-99¾	20,000
Jumlah ...	496,000

NOTA: Angka[2] yang di-atas ini berdasarkan kapada Banchi Pertanian 1960. Semenjak itu tiada di-jalankan banchi yang penoh. Dari angka[2] yang di-atas bagi tahun 1971, kami menganggapkan 10% tambahan kapada banchi 1960 itu. Banchi Pertanian yang akan datang akan di-jalankan pada tahun 1972 dan hanya sa-lepas itu sahaja dapat menyediakan keterangan yang sa-benar-nya mengenaï bilangan ladang mengikut luas-nya.

Ranchangan Penternakan Lembu

89. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

(*a*) ada-lah beliau sama pendapat dengan Menteri Tanah dan Galian bahawa Malaysia sesuai untok penternakan dan pemerahan susu lembu, saperti yang di-nyatakan oleh beliau dalam suatu uchapan di-Kluang pada 24hb Oktober;

(*b*) supaya membuat laporan tentang kemajuan[2] ranchangan penternakan dan pemerahan Kerajaan; dan

(*c*) apa-kah ranchangan[2] Kerajaan mengenaï penternakan dan pemerahan di-masa depan di-Malaysia.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi:

(*a*) Uchapan yang di-rojokkan oleh Yang Berhormat itu ada-lah uchapan saya sendiri dan apa yang saya sebutkan itu merupaï harapan saya yang penoh.

Untok penelitian Yang Berhormat selanjut-nya saya sebutkan di-bawah ini sa-bahagian uchapan pada 24hb Oktober, 1970, itu:

"Setakat ini Kerajaan kita telah membawa masok beberapa ekor lembu betina yang bermutu tinggi dari luar negeri untok di-jadikan sabagai sa-bahagian kapada asas permulaan dalam ranchangan memperluaskan lagi perusahaan pengeluaran susu di-negeri ini dan beberapa banyak tenaga sedang di-tumpukan bagi menjayakan ranchangan[2] ini. Kita berharap dengan perlaksanaan ranchangan[2] ini maka Malaysia akan dapat membekalkan sa-bahagian dari keperluan[2] susu mentah negeri ini dalam tahun 1980. Hari ini kita maseh mengimpot bahan[2] susu dari luar negeri saperti Britain, Australia dan New Zealand yang berjumlah lebeh kurang $80 juta sa-tahun. Sabagaimana kita sedia maalum ia-itu ada banyak pendapat[2] yang mengatakan ternakan lembu susu tidak begitu sesuai dengan iklim di-Malaysia. Sabenar-nya anggapan atau pendapat[2] ini ada-lah tidak tepat. Kita telah dapat melihat sendiri pada hari ini segala kejayaan[2] yang telah di-perolehi dalam usaha[2] memelihara lembu[2] yang berasal dari luar itu sechara intensip dan dapat hidup dengan baik dan memuaskan.

Saya tidak-lah hendak menapikan bahawa kita harus menghadapi beberapa masaalah yang akan timbul dalam perusahaan ini, dan yang mana di-antara-nya yang lebeh mustahak hendak-lah di-selesaikan terlebeh dahulu sa-belum kita membuat langkah[2] yang chergas memperkembangkan perusahaan pengeluaran susu ini. Penyelidekan yang setimpal mungkin dapat di-jalankan serentak dengan latehan[2] yang tertentu bagi pegawai[2] yang akan memainkan peranan sechara langsong dalam sebarang ranchangan perusahaan pengeluaran susu di-negeri ini. Untok mengeluarkan pegawai[2] yang benar[2] terlateh saperti yang saya katakan itu, maka Pusat Latehan ini harus-lah dapat memberikan segala latehan[2] yang tertentu dalam semua aspek mengenai urusan haiwan kapada Pembantu[2] Urusan Haiwan dalam perkhidmatan supaya mereka betul[2] matang dengan chara[2] teknik perusahaan haiwan yang moden dan saintifik di-segi kesihatan dan pengeluaran ternakan."

(*b*) Pusat Penternakan Haiwan Kerajaan terletak di-Kluang dan Paroi. Pusat[2] ini tidak-lah semata[2] untok perusahaan susu kerana banyak usaha[2] lain saperti penyelidekan atas berbagai baka kerbau, lembu, dan kambing, penyelidekan[2] atas padang rumput, siasatan atas penyakit[2], latehan untok peladang dan chara permainan beradas juga di-jalankan. Kemajuan besar telah di-buat dalam usaha menentukan baka lembu dari luar negeri yang terbaik sekali untok di-gunakan dengan lembu yang terbaik sekali untok di-gunakan dengan lembu tempatan. Lembu baka baik ini boleh memberi dua kali ganda pendapatan susu. Pusat[2] ini sedang menambah baka[2] baik itu untok membolehkan bahawa perusahaan susu boleh di-jalankan dengan baka baik itu. Hasil Penyelidekan atas padang rumput menunjokkan bahawa pada tiap[2] sa-ekar tanah yang mengandongi rumput yang baik itu kita boleh menempatkan 4 ekor lembu.

(*c*) 3 buah Unit Pembiakan Lembu akan di-tubohkan dalam Ranchangan Kedua Malaysia untok pengeluaran susu. Lembu untok pembiakan dan pengeluaran susu akan di-sediakan oleh Pusat Penternakan Haiwan di-Kluang dan di-Paroi. Hasil siasatan dan kajian dari unit[2] ini kelak akan di-beri kapada gulongan suwasta dan perniagaan. Pembiakkan di-ketiga unit ini akan di-jalankan dengan chara permainan beradas dan hanya baka yang bermutu baik sahaja akan di-gunakan.

Pantai Dairy Colony

90. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

(*a*) sebab[2] kegagalan "Pantai Dairy Colony" di-Negeri Sembilan yang berharga $250,000;

(*b*) ada-kah benar bahawa tatkala ranchangan tersebut bermula pada tahun 1965, ia di-jangka dapat menternak 1,800 ekor lembu dan mendatangkan untong tahunan sa-banyak $175,200 berasaskan pengeluaran susu sa-banyak

600 gelen sa-hari dengan harga $3.80 sa-gelen dan bahawa pada akhir tahun 1968 terdapat hanya 80 ekor lembu sahaja yang mengeluarkan 15 gelen susu sa-hari;

(*c*) apa-kah kedudokan "Pantai Dairy Colony" sekarang.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi:

(*a*) Ranchangan di-Pantai telah di-jalankan sechara gotong royong, dan pendudok[2] boleh memileh sama ada hendak mengambil bahagian atau tidak. Mereka yang telah bersetuju ada-lah terikat di-bawah tata-tertib (discipline) Kerajaan mengenai pengeluaran dan kesihatan. Orang[2] ini tinggal terpenchil dari bandar, dan kemudahan[2] saperti bekalan letrik, ayer, sekolah, perubatan dan sa-bagai-nya tidak ada. Tambahan pula banyak pertikaian dan pergadohan di-antara mereka mengenai hal sendiri yang menyebabkan banyak daawa di-mahkamah. Pendudok[2] sendiri telah menyebabkan suasana tidak bagitu sesuai bagi perusahaan susu sechara bersama. Pendudok[2] mengharapkan bukan sahaja Kerajaan menyediakan sebarang keperluan dengan perchuma, tetapi juga mengharap pegawai[2] Kerajaan menyelesaikan pertikaian mereka yang kechil[2] itu. Pendudok[2] telah bercherai berai sa-belum Sharikat Kerjasama dapat berdiri tegoh. Oleh itu ada-lah benar pengeluaran susu tidak menchapai angka yang di-harapkan, di-sebabkan oleh perkara[2] yang tersebut di-atas ini.

(*b*) Mengikut kertas kerja ranchangan di-Pantai Dairy Colony itu apabila bergerak dengan sa-penoh-nya akan dapat menyimpan 600-800 ekor lembu, tidak-lah 1,800. Di-harapkan dari bilangan 800 ekor itu, pengeluaran sa-banyak 600 gelen sa-hari ada-lah menasabah, ia-itu 500 ekor memberi susu. Harga jualan susu lebeh kurang $3.80 sen sa-gelen dan peladang[2] di-beri $3.00 sa-gelen, baki 80 sen untok badan pengurusan, ia-itu kesemua-nya berjumlah $480,00 sa-hari atau $175,000 sa-tahun. Tetapi pendudok[2] tidak tinggal di-situ mengusahakan-nya; mereka telah balek ka-bandar dan sekitar-nya, dan membiar binatang[2] mereka makan rumput di-tepi jalan, dan balek mengamalkan chara lama ia-itu menjual susu berchampor ayer. Ada-lah benar yang sahingga akhir tahun 1968 hanya 80 ekor lembu sahaja tinggal, dan pengeluaran hanya 15 gelen sa-hari. Jabatan yang berkait tidak berhajat memaksa pendudok[2] tinggal di-Ranchangan itu dengan mengadakan Undang[2] melarang dan mengharamkan membela lembu dalam kawasan lembaga bandaran.

(*c*) Dari tahu 1968 ada-lah nyata ranchangan itu telah gagal. Pada masa itu 2-3 peladang sahaja tinggal di-Colony itu dan pengeluaran mereka lebeh kurang 15 gelen susu. Pada masa itu keputusan di-buat menjadikan Colony itu Unit Kachokan Lembu, sa-bagai unit kapada Pusat Penternakan Haiwan Paroi. Langkah ini di-ambil sekurang[2]-nya mengelakkan kegagalan ranchangan itu, dengan tujuan mengeluarkan lembu kachokan yang sekarang ini telah di-akui sa-bagai suatu jenis yang sesuai untok perkembangan perusahaan susu, terutama sekali dari segi perniagaan.

Pada masa ini sa-banyak 100 ekor baka di-biak di-Unit tersebut dan akan di-tambah hingga menjadi 250 ekor pada 1973, supaya lebeh kurang 150 baka kachokan tiap[2] tahun dapat di-keluarkan.

Tabong Derma

91. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah untok menerangkan sama ada beliau berchadang untok menuboh Tabong Derma untok membeli ladang[2] getah bagi mengelakkan dari berlakunya pemechahan dan supaya penoreh[2] getah merasa diri mereka terjamin.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Pada masa sekarang ini, di-fikirkan tidak perlu menubohkan suatu Kumpulan Wang yang di-maksudkan itu kerana mengikut Peruntokan Sekshen 214A Kanun Tanah Negara chukup perlindongan di-sediakan.

Pemugaran Hutan[2]

92. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa-kah kemajuan yang telah di-chapai dalam usaha memugar tanah[2] yang telah di-tebang kayunya di-Malaysia Timor dan Barat. Ada-kah Menteri sedar bahawa pemugaran hutan dengan bersunggoh[2] amat perlu di-jalankan segera.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Usaha memugar sa-jumlah lebeh kurang ½ juta ekar hutan yang telah di-usaha pembalakan sudah di-jalankan. Bagaimana pun ini ada-lah kurang dari pada jumlah kawasan hutan yang telah di-usahakan (exploited) kerana (*a*) kekurangan peruntokan yang di-bekalkan bagi pemulehan dan (*b*) beberapa kawasan hutan yang telah di-usahakan akan di-bahagikan untok kemajuan pertanian. Saya sedar bahawa pemugaran hutan amat-lah perlu di-jalankan segera. Untok mengatasi soal kekurangan peruntokan Kerajaan Persekutuan sedang berhubong dengan Kerajaan[2] Negeri untok mengadakan peruntokan[2] yang chukup bagi pemulehan dan pemugaran hutan[2] dengan mengenakan chukai (cess).

Peranan Perkhidmatan

93. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah ada-kah beliau sedar bahawa dalam satu seminar yang di-adakan di-Hotel Federal telah di-katakan bahawa keterangan perkhidmatan-lah, bukan orang tengah yang mengakibatkan petani[2] tertindas. Jika sedar, apa-kah langkah[2] yang telah beliau ambil bagi membetulkan perkara ini.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Sa-masa perbinchangan di-seminar itu, ada peserta[2] menzahirkan di-antara perkara[2] yang lain pandangan-nya sa-pintas lalu sahaja dan bukan pendapat seminar itu bahawa kekurangan perkhidmatan-lah yang mengakibatkan petani[2] tertindas. Pandangan ini tidak melibatkan perbinchangan yang lebeh mendalam lagi di-seminar itu. Atas soal ini Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa bukan-lah kekurangan perkhidmatan sahaja yang mengakibatkan petani[2] tertindas tetapi banyak faktor[2] lain yang membawa keadaan sa-hingga sa-saorang petani itu terdesak dan jatoh ka-dalam chengkaman orang tengah. Ini ada-lah satu penyakit yang sa-memangnya di-sedari oleh segala lapisan masharakat tetapi untok mengadakan ubat yang mustajab memang-lah sukar sa-kali. Bagaimana pun sekarang ini pehak Kementerian telah mengambil langkah[2] yang tertentu dengan menubohkan Persatuan[2] Peladang di-mukim[2] di-mana Kerajaan mengadakan setor dan pejabat bagi menampong kesulitan[2] pemasaran, pembekalan, keredit dan juga pelajaran bagi petani[2]. Di-samping itu kemudahan[2] pengangkutan dan memperoses padi di-adakan juga oleh Jabatan Pertanian dan FAMA, di-mana beberapa komplex pengeringan padi di-adakan berhampiran dengan Pusat[2] Persatuan Peladang. Kerajaan juga telah mengambil langkah untok menubohkan Lembaga Pemasaran Padi Persekutuan dan Bank Pertanian untok memberi kemudahan[2] pemasaran dan menyalorkan pinjaman[2] untok pengeluaran pertanian.

Sa-takat ini 66 buah Persatuan Peladang telah di-daftarkan, dan jumlah ini akan meningkat kapada 200 buah pada akhir Ranchangan Malaysia ke-2. Dengan ini kemudahan[2] akan dapat di-beri oleh Kerajaan dan juga oleh Persatuan Peladang kapada petani[2].

Pinjaman Pemulehan Bekas Mata[2] Khas

94. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa-kah tindakan yang telah beliau ambil bagi menutup Pinjaman[2] Pemulehan Bekas Mata[2] Khas.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Segala daya upaya di-usahakan untok mengutip baki pinjaman[2] yang di-beri kapada bekas Mata[2] Khas di-bawah Ranchangan Pemulehan yang di-luluskan oleh Kerajaan itu. Tindakan juga telah di-ambil untok mengurangkan kakitangan supaya perbelanjaan urusan pentadbiran dapat di-jimatkan Pada masa ini perjawatan kakitangan di-Ibu Pejabat Penempatan Sa-mula Mata[2] Khas hanya 8 berbanding dengan 60 beberapa tahun dahulu.

Sekarang ini Kementerian saya tidak berchadang hendak menghapuskan Pinjaman Pemulehan ini tetapi perkara ini ada-lah sentiasa di-tinjau dan jika tindakan sa-macham ini perlu di-ambil saya menjamin kapada Ahli Yang Berhormat ia-itu tindakan yang wajar akan di-kemukakan kapada pehak[2] berkuasa.

Usaha Mengelakkan Banjir

95. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa-kah langkah[2] yang sesuai untok memperbaiki kechekapan Jabatan Parit dan Taliayer untok mengelakkan dari berlaku-nya banjir sa-kali lagi.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Kejadian banjir yang terbesar saperti yang di-alami dalam bulan Januari 1971 tidak dapat di-elakkan walau pun bagaimana

chekap-nya sesuatu Jabatan Kerajaan itu. Tetapi mengikut kemampuan sumber[2] negara, ia-itu kewangan, kakitangan, dan kelengkapan, kerja memang sedang di-usahakan oleh Bahagian Parit dan Taliayer untok mengurangkan kejadian banjir. Segala tenaga sedang juga di-buat oleh Kerajaan untok mengurangkan kerosakan akibat daripada malapetaka saperti banjir baharu[2] ini.

Orang[2] Asli

96. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah sama ada orang[2] asli di-dalam negeri ini dapat di-beri pelajaran yang sempurna, perubatan dan kemudahan[2] pekerjaan.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Kementerian Pertanian dan Tanah berasa puas hati dengan khidmat[2] yang di-beri oleh Kerajaan kapada Orang[2] Asli di-negara ini.

Dalam bidang pelajaran, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mentadbir lebeh dari 83 buah sekolah[2] di-pendalaman hutan yang di-bena untok kanak[2] Orang Asli. Pada masa ini hampir 5,000 orang kanak[2] Orang Asli sedang di-bangku[2] sekolah rendah dan menengah di-seluroh Malaysia Barat.

Khidmat Perubatan Kerajaan kapada Orang[2] Asli memang boleh di-banggakan. Dengan ada-nya lebeh dari 152 buah kelinik[2] dan Pos[2] kechemasan di-pendalaman hutan dan satu Rangkaian Semboyan yang lengkap, 90% dari Orang[2] Asli boleh menerima rawatan[2] moden dan di-masa kechemasan boleh di-bawa ka-hospital[2] dalam masa yang amat sengkat. Peluang[2] kerja bagi Orang[2] Asli yang berkelayakan sa-memang-nya makin bertambah. Ranchangan[2] tanah di-merata[2] kawasan Orang Asli menentukan lebeh ramai lagi Orang[2] Asli yang boleh bekerja sendiri. Bagi Orang[2] Asli yang mempunyai kelulusan, peluang[2] kerja dengan Kerajaan, sharikat[2] swasta, lazim-nya ada.

97. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah berapa jumlah orang[2] asli yang berada di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor, dan berapa ramai yang menikmati perubahan hidup dalam masharakat di-dalam bandar.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Mengikut banchi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang di-buat dalam bulan September 1969, bilangan Orang Asli di-Malaysia Barat berjumlah 52,943. Orang Asli tidak ada di-Malaysia Timor mengikut tafsiran Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi demikian

" 'Orang Asli' erti-nya orang asli Semenanjong Tanah Melayu.".

Soal penyerapan dan integrasi Orang Asli dengan masharakat lain di-negara ini berkehendakkan jawapan yang berbentok "non-empirical", kerana penyerapan dan integrasi bukan-lah satu perkara yang konkrit. Tetapi apa yang jelas di-mata ia-lah, Orang[2] Asli yang berpelajaran dan mempunyai kerja tidak mengalami apa[2] kesulitan untok menyesuaikan diri mereka dengan aspek[2] kehidupan masharakat bandar. Penyerapan dengan masharakat bandar bagi mereka[2] ini tidak menjadi satu masaalah lagi.

Bahaya Letupan Tangki[2] Minyak

98. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan memandangkan usaha[2] menchari minyak di-laut, sama ada beliau sedar bahaya yang di-hadapi oleh pendudok[2] di-pinggir laut jika terjadi letupan tangki[2] minyak atau pun kebochoran tangki[2] tersebut di-Selat Melaka; dan menyatakan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil oleh kerajaan untok mengelakkan bahaya yang di-lakukan oleh manusia daripada memusnahkan mata pencharian ra'ayat Malaysia yang tinggal di-pinggiran laut.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan sedar akibat bahaya benchana[2] Yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan langkah[2] untok menghalang kejadian benchana[2] tersebut telah pun di-ambil dengan mengenakan sharat[2] yang perlu dan tertentu di-dalam Perjanjian yang di-masokki oleh Sharikat[2] Minyak dengan Kerajaan.

Langkah Memulehkan Mangsa[2] Banjir

99. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa-kah langkah[2] yang berkesan yang telah di-ambil untok memulehkan mangsa[2] banjir yang kehidupan mereka bergantong kapada sawah padi, menternak dan menoreh getah yang di-musnahkan banjir.

Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi: Langkah[2] berkesan yang telah dan sedang di-jalankan untok memulehkan mangsa[2] banjir ia-lah saperti berikut:

(*a*) *Pertanian—Sawah*

Pemberian beneh padi yang baik di-berikan perchuma kapada petani[2] yang terlibat.

(*b*) *Baja*

Serentak dengan pemberian beneh padi baja juga di-beri dengan perchuma.

(*c*) *Pengayeran*

Sistem[2] pengayeran yang telah musnah di-perbaiki supaya dapat petani[2] memulakan tanaman.

(*d*) *Menoreh getah*

Pekebun[2] kechil yang terlibat di-beri bantuan (*a*) baja dan (*b*) bahan[2] tanaman dengan perchuma.

(*e*) *Haiwan—menternak*

Sa-bagai pemulehan, Kerajaan akan meluaskan lagi Ranchangan Pawah.

JAWAPAN² BERTULIS

Tambahan No. 3

KEMENTERIAN KEBAJIKAN 'AM

Pusat² Pemulehan Orang Chachat

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kebajikan Am berapa buah dan di-mana letak-nya Pusat² Pemulehan Orang Chachat di-negeri ini, bilangan pesakit² di-tiap² pusat dan bagaimana-kah keadaan pesakit² yang telah keluar dari pusat² tersebut.

Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Pusat² Pemulehan bagi Orang² Chachat di-negeri ini yang di-bawah pentadbiran Kementerian Kebajikan Am, menunjokkan bilangan penghuni² di-dalam tiap² Pusat dan jumlah wang yang telah di-peruntokkan untok pentadbiran-nya bagi tahun 1970, ada-lah saperti berikut:

Pusat	Bilangan Penghuni	Wang Peruntokan bagi tahun 1970
1. Pusat Pemulehan bagi Orang² Chachat Anggota Cheras, Selangor ...	99	$237,250
2. Bengkil Terlindong dan Pusat Latehan bagi Orang² Chachat Seremban (yang terletak di-Rumah Orang² Tua Seremban)	80	50,400
3. Workshop Terlindong dan Pusat Latehan bagi Orang² Chachat (yang terletak di-Rumah Orang² Tua, Pengkalan Chepa, Kota Bharu)	31	25,200
4. Workshop Terlindong bagi Orang² Chachat Tampoi, Johor	28	33,667
5. Workshop Terlindong dan Pusat Latehan, Pulau Pinang (yang terletak di-kawasan, Pejabat Kebajikan Masharakat, Pulau Pinang)	9	1,440

Jumlah orang² yang telah di-keluarkan dari Pusat² tersebut dalam tahun 1970 ada-lah 100 orang dan daripada angka ini 72 orang telah di-tempatkan dalam pekerjaan terbuka, workshop terlindong atau kerja sendirian yang mendapat bantuan pelancharan dari Kementerian ini. Sa-berapa yang di-ketahui kehidupan orang² ini ada-lah memuaskan.

2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kebajikan Am jumlah perbelanjaan yang di-untokkan bagi mengurus Pusat² Pemulehan tersebut.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Jawapan ada-lah saperti jawapan soalan (1) di-atas.

Pusat² menjual hasil² kerajinan² tangan orang² chachat

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kebajikan Masharakat sama ada Kerajaan telah mengadakan pusat² bagi menjual dan mengedar hasil² kerajinan tangan orang² chachat, dan jika ada, terangkan di-mana dan bagaimana-kah kemajuan-nya.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Kementerian ini tidak ada Pusat² untok menjual barang pekerjaan tangan yang di-buat oleh orang² chachat. Walau bagaimana pun Kementerian telah mengadakan sekim Badan Pemasaran, dari mana orang² chachat boleh di-bantu untok membeli bahan² mentah dan juga menjualkan barang² siap untok mereka. Bilangan orang² chachat yang mengambil bahagian dalam sekim ini ada-lah 85 orang.

Anak² Luar Nikah

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kebajikan Masharakat berapa bilangan anak² luar nikah yang di-pelihara oleh Jabatan Kebajikan Masharakat, bilangan mereka² yang dewasa sekarang dan bagaimana penghidupan mereka pada masa ini.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Kementerian Kebajikan Am tidak ada menyimpan rekod bagi anak² di-luar nikah yang saperti itu, bagi kepentingan kedua² belah pehak ia-itu kanak² itu sendiri dan juga keluarga-nya. Kanak² yang di-masokkan untok jagaan ada-lah di-asing²kan mengikut keperluan² asal dan ada-lah di-kesalkan

bahawa angka atau bilangan kanak[2] yang di-luar nikah yang di-bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masharakat tidak ada.

Bantuan kapada pesakit[2] T.B. dan orang[2] miskin

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Kebajikan Masharakat apa-kah bantuan yang di-berikan oleh Kerajaan kapada pesakit[2] batok kering dan orang[2] miskin.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Bantuan kapada pesakit[2] T.B. dan juga orang[2] miskin di-sediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan[2] Negeri di-bawah ranchangan Bantuan Am mereka masing[2]. Bantuan yang di-beri kapada pesakit[2] T.B. termasok:

(1) Elaun tidak lebeh $75 sa-bulan di-beri oleh Kerajaan[2] negeri kapada pesakit[2] yang layak menerima bantuan yang saperti itu semasa menerima rawatan; dan

(2) Perkhidmatan[2] nasihat keluarga untok mempestikan bahawa pesakit[2] menjalani rawatan-nya sa-hingga selesai dan jagaan yayasan kapada pesakit[2] T.B. yang melarat oleh Kerajaan Persekutuan.

Bantuan kewangan oleh Negeri[2] ia-lah tambahan selanjut-nya kapada bantuan oleh Persatuan bagi Menchegah Batok-kering yang menerima bantuan[2] tahunan daripada Kerajaan Persekutuan. Bantuan yang di-beri bagi tahun 1970 ia-lah sa-banyak $699,600.00.

Orang[2] miskin yang berpendapatan rendah atau tidak mempunyai pendapatan langsong telah di-beri bantuan kewangan mengikut kapada ranchangan Bantuan Am di-tiap[2] Negeri masing[2]. Jumlah peruntokan yang di-luluskan masing[2] Negeri untok tujuan ini ia-lah $3,522,500.00 bagi tahun 1970. Kerajaan Persekutuan juga menyediakan jagaan yayasan bagi orang[2] tua yang melarat dan orang[2] chachat. Perbelanjaan yang di-belanjakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1970 bagi jagaan yang saperti itu ia-lah $1,716,960.00.

Bantuan Banjir

6. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah wang yang telah di-beri kapada mangsa[2] banjir baru[2] ini, memberi angka berasingan, dan menerangkan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil supaya tidak terdapat kelewatan di-dalam pembahagian bantuan[2] kapada mangsa[2] yang sangat[2] perlukan bantuan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Jumlah wang yang telah di-bahagi[2]kan kapada mangsa[2] banjir sa-takat 1hb Mach, 1971 mengikut butir[2] perbelanjaan ada-lah saperti berikut:

	Bil.	*Bil. Keluarga*	*Jumlah*
			$ c.
Bantuan Sekolah	81,592	—	1,752,500 04
Pakaian, Bantuan Keluarga dan Perabot[2] Rumah	—	73,436	5,641,182 00
Bantuan bagi Membaiki dan Mendirikan Semula Rumah[2] ..	6,518	—	946,189 00
Peniaga[2] Kechil	1,683	—	353,240 00
Pembelian Barang[2] Makanan ..	—	—	144,448 05
		JUMLAH ..	8,837,559 09

Berlainan daripada kelaziman yang lalu di-mana semua kes[2] di-siasat sa-belum bantuan di-beri, mangsa[2] banjir yang baharu berlaku ini di-beri bantuan sa-telah mereka mengisi borang[2] tertentu dengan mengangkat sumpah yang memuaskan pehak berkuasa yang layak. Ini, tidak shak lagi, akan menchepatkan pembayaran wang kapada mangsa[2] itu.

As at 1st March, 1971 the following amount has been expended for the relief and rehabilitation of the flood victims:

	No.	*No. of Families*	*Amount*
			$ c.
School Aid	81,592	—	1,752,500 04
Clothing, Family Assistance and Household Effects	—	73,436	5,641,182 00
Assistance for Repairs and Reconstruction of Houses	6,518	—	946,189 00
Small Businesses	1,683	—	353,240 00
Purchase of Foodstuffs	—	—	144,448 05
		TOTAL ..	8,837,559 09

Unlike previous practices, where all cases were investigated before assistance was given, the victims of the recent floods are being given assistance on completion of a prescribed form on oath to the satisfaction of the competent authority. This will, no doubt, considerably expedite disbursement of funds to the victims.

KEMENTERIAN TEKNOLOJI, PENYELIDEKAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Banjir

7. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan apa-kah langkah[2] yang akan di-ambil oleh Kerajaan Pusat bagi mengelakkan atau mengurangkan banjir yang menimpa bandar Kuala Lumpur sa-tiap tahun.

Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Sa-barang banjir yang berlaku dalam bandar Kuala Lumpur ada-lah di-sebabkan pengaliran ayer hujan lebat dari kawasan[2] ulu dan sebakan ayer Sungai Klang semasa ayer pasang. Tidak-lah mungkin untok mengelakkan banjir yang besar yang hanya berlaku sekali sekala sahaja di-Kuala Lumpur akan tetapi untok mengurangkan berlaku-nya kerosakan harta atau korban jiwa ada satu sistem amaran yang di-buat lebeh awal lagi. Sistem amaran ini sedang di-perbaiki lagi. Kerja penyelarasan sedang di-usahakan oleh pehak[2] berkuasa yang bertanggong jawab untok mengawal dan menyenggara anak[2] sungai dan sungai[2] guna mengurangkan tekanan ayer banjir itu.

Sa-panjang yang mengenai Surohanjaya Ibu Kota, beberapa usaha telah pun di-jalankan untok memperbaiki-nya dalam kawasan Kuala Lumpur yang akan dapat sa-banyak sedikit mengurangkan banjir. Sa-takat ini ranchangan[2] yang berikut telah di-laksanakan atau pun sudah hampir[2] siap:

(*a*) Parit Jalan Chan Sow Lin,
(*b*) Parit Jalan Kandang Kerbau,
(*c*) Parit Tengkat Tong Shin,
(*d*) Parit Lembah Anak Sungai Treacher,
(*e*) Sungai Bras Bras,
(*f*) Sungai Puteh,
(*g*) "Pudu Cut" (di-kawasan Pudu dan Sg. Besi),
(*h*) Kampong Selaseh di-Sentul,
(*i*) Parit Jalan Aman,
(*j*) Parit Million Housing Estate,
(*k*) Parit Jalan Robson,
(*l*) Parit Jalan Yap Kuan Seng,
(*m*) Parit Jalan Klang berdekatan dengan Tempat Menyembeleh Haiwan.

Pelan[2] sedang di-sediakan sekarang untok mengurangkan banjir dan memperbaiki saloran ayer keluar di-kawasan[2] berikut:

(i) Sungei Batang Tolak.
(ii) Sungei Untut.
(iii) Sungei Bunus.
(iv) Sebelah atas parit Jalan Chan Sow Lin hingga ka-kawasan Jalan Peel.

Ranchangan[2] ini apabila siap kelak akan dapat mengurangkan kejadian banjir tetapi tidak-lah dapat menchegah banjir akibat sebakan ayer di-Sungei Klang, Sungei Gombak dan Sungei Batu.

Any flooding in Kuala Lumpur is due to the inflow of storm water from the hinterland and the backing up of the Klang River during high tide. It is not possible to avoid the heavy flooding which occurs in Kuala Lumpur on rare occasions, but in order to minimise the extent of damage to property or loss of life there is in existence advance warning system. The advance warning system is being further improved. Some degree of co-ordination is being worked out by the Authorities responsible for the control and maintenance of streams and rivers to reduce the intensity of floods.

In so far as the Federal Capital is concerned several improvement works for drainage in the Kuala Lumpur area have been carried out which will alleviate floods to some extent. To date, the following schemes have been implemented or in the final stages of completion:

(*a*) Jalan Chan Sow Lin drainage,
(*b*) Jalan Kandang Kerbau drainage,
(*c*) Tengkat Tong Shin drainage,
(*d*) Treacher Valley Stream drainage,
(*e*) Sungei Bras Bras,
(*f*) Sungei Puteh,
(*g*) Pudu Cut (in Pudu and Sungei Besi areas),
(*h*) Kampong Selaseh at Sentul,
(*i*) Jalan Aman drainage,
(*j*) Million Housing Estate drainage,
(*k*) Jalan Robson drainage,
(*l*) Jalan Yap Kuan Seng drainage,
(*m*) Jalan Klang drainage near Abattoirs.

Plans are under preparation for the alleviation of flooding and improvement of outlets at the following areas:

(i) Sungei Batang Tolak.

(ii) Sungei Untut.

(iii) Sungei Bunus.

(iv) Upper part of Jalan Chan Sow Lin drainage up to Jalan Peel area.

These schemes when completed will alleviate local flooding but will not prevent flooding due to the backing up of the main rivers, Sg. Klang, Sg. Gombak and Sg. Batu.

Shor[2] Pakar Kanada

8. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan menyatakan shor[2] utama yang di-kemukakan oleh pakar[2] Kanada tiga tahun dahulu untok membuat Kuala Lumpur bebas dari bah; dan mengapa ranchangan[2] ini tidak di-ambil dan di-laksanakan dan sama ada shor[2] tersebut akan di-laksanakan sekarang.

Dato' Ong Kee Hui: Laporan Kajian Pemaritan Kuala Lumpur yang telah di-susun oleh sa-buah firma Canada yang bernama Proctor and Redfern International Ltd. bagi pehak Kerajaan Canada dan Kerajaan Malaysia di-bawah anjoran Ranchangan Colombo itu bukan-lah sa-kali[2] bertujuan untok menjadikan kawasan Kuala Lumpur akan terhindar dari banjir. Tujuan utama menjalankan kajian ini ia-lah untok memperbaiki kerja[2] pemaritan dan juga yang ada kaitan dengan-nya untok mengurangkan keadaan banjir di-setengah[2] kawasan dan menchegah berlaku-nya banjir di-kawasan[2] yang lain.

The Kuala Lumpur Drainage Study Report prepared by the Canadian Firm of Proctor and Redfern International Ltd. for the Government of Canada and the Government of Malaysia under the auspices of the Colombo Plan was never, at any time, undertaken with a view to making the Kuala Lumpur area flood-free. It was undertaken primarily with a view to improving the surface drainage works and, incidental thereto, to alleviate flooding in some areas and prevent flooding in other areas.

Pegawai[2] Jabatan Chetak Kerajaan

9. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar akan perasaan tidak puas hati di-kalangan pegawai[2] di-Jabatan Chetak Kerajaan oleh sebab Kerajaan mengisi jawatan[2] kerana bila terdapat kenaikan ka-jawatan kanan yang kosong dengan orang luar dan tidak menaikkan pangkat pegawai[2] yang sedang berkhidmat; dan apa-kah langkah[2] yang akan di-ambil untok membaiki keadaan ini.

Dato' Ong Kee Hui: Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan tidak-lah sedar dan tidak ada sebab-nya terdapat perasaan hampa dan tidak puas hati di-kalangan pegawai[2] yang sedang berkhidmat dalam Jabatan Chetak Kerajaan berkaitan dengan mengisi jawatan[2] kanan yang kosong dalam Jabatan ini oleh kerana tidak ada orang[2] luar yang mengisi sa-barang jawatan itu. Memang-lah menjadi dasar dan amalan Jabatan bahawa jawatan[2] kosong dalam Jabatan itu patut-lah di-isi dengan menaikkan pangkat pegawai[2] yang sedang berkhidmat yang layak yang ada dalam Jabatan tersebut.

The Minister of Technology, Research and Local Government is not aware and do not see why there should be dissatisfaction and frustration among serving officers of the Government Printing Department with regard to the filling of vacancies of senior posts in the Department because no outsiders are filling any of the posts. It is the Department's policy and practice that senior posts in the Department should be filled by the promotion of qualified serving officers within the Department.

Penyelidekan

10. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Teknoloji, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan ada-kah penyelidekan[2] di-jalankan bagi menyiasat dan menchari pembaharuan[2] dalam penggunaan[2] getah, bijeh dan kayu balak.

Dato' Ong Kee Hui: Penyelidekan yang bertujuan untok menemu atau memperkenalkan lebeh banyak kegunaan untok getah, bijeh timah dan kayu balak sentiasa di-jalankan. Mengenai getah, penyelidekan yang berkenaan ada-lah di-jalankan oleh Persatuan Penyelidekan Pengeluar[2] getah Asli yang terletak di-United Kingdom. Berkenaan dengan bijeh timah pula, penyelidekan ini ada-lah di-jalankan oleh Pusat Penyelidekan Bijeh Timah Antara Bangsa juga terletak di-United Kingdom, Mengenai kayu balak,

penyelidekan ka-arah ini ada-lah di-jalankan di-Pusat Penyelidekan Hutan, Kepong, Selangor.

Research aimed at discovering or innovating more uses for rubber, tin and timber is constantly being carried out. In the case of rubber, it is being carried out by the International Rubber Producers' Research Association which is based in the United Kingdom. In the case of tin, this research is being carried out by the International Tin Research Institute also based in the United Kingdom. As regards timber, research in this direction is being carried out by the Forest Research Institute at Kepong, Selangor.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Lawatan ka-Negeri China

11. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Perdana Menteri sama ada beliau akan memikirkan bagi mengambil langkah permulaan dalam dasar luar negeri yang barunya dengan menarek balek undang[2] kapada ra'ayat[2] Malaysia yang hendak melawat ka-Negeri China untok bertukar[2] fikiran dan mereka[2] yang hendak melawat kerana mendapat rawatan.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein): Oleh sebab kepentingan[2] keselamatan, Kerajaan tidak dapat mengendorkan atoran[2] imigeresen yang ada sekarang ini bagi rakyat Malaysia yang hendak melawat Negeri China. Sa-hingga People's Republic of China menukar sikapnya terhadap Malaysia dan menganuti prinsip[2] hidup bersama dan tidak champor tangan dalam hal ehwal negara[2] lain maka soal pengendoran peratoran[2] ini tidak dapat di-pertimbangkan. Sunggoh pun demikian kadang[2] lawatan[2] yang berdasarkan rawatan perubatan yang tidak di-dapati di-Malaysia dan atas sebab[2] peri-kemanusiaan yang lain, boleh juga di-benarkan memandangkan kepentingan satu[2] permohonan itu.

For security reasons the government cannot relax the present immigration rules to allow visits to the People's Republic of China. Until that Republic of China has changed her attitude towards Malaysia and accepted the principles of co-existence and non-interference of states, relaxation of the rules cannot be considered. However, in some cases. visits on grounds of medical treatment not available in Malaysia and on other compassionate grounds should be permitted depending on the merit of each ones.

Seketariat Islam

12. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Luar Negeri berapa banyak peruntokan dari Malaysia yang telah dan akan di-dermakan kapada Seketariat Islam di-Jeddah.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Malaysia sa-hingga ini belum lagi memberi charum-nya kapada Seketariat Islam sebab Seketariat ini belum lagi di-dirikan di-Jeddah.

Menurut persetujuan di-Persidangan Karachi pada bulan Disember, 1970, tiap[2] negeri yang mengambil bahagian di-kehendaki memberi sumbangan pertama sa-banyak US$10,000 sa-belum di-tetapkan yuran masing[2] dalam persidangan khas yang akan di-adakan di-Jeddah tidak lama lagi.

Kerajaan Malaysia telah juga memberi wang pendahuluan sa-banyak $40,923 semenjak Jun 1970 untok mengendalikan pejabat sementara Seketariat itu di-Kuala Lumpur. Selain dari itu, dua orang pegawai dari Kementerian Luar telah di-pinjam oleh Sekeratiat itu untok membantu YTM Tunku Abdul Rahman.

So far Malaysia has not paid its contribution to the Islamic Secretariat since the Secretariat has not yet established its office in *Jeddah*.

According to the agreement reached at the Karachi Conference in December 1970, it was agreed that each participating country should contribute an initial sum of US$10,000 pending an agreement on the rate of contribution to be decided at a special meeting which will be held soon in JEDDAH.

The Malaysian Government has advanced the sum of US$40,923 since June 1970 to pay for the temporary office of the Secretariat in Kuala Lumpur. In addition, 2 officers of the Ministry of Foreign Affairs have been seconded to the Secretariat and to assist YTM Tunku Abdul Rahman.

Perhubongan diplomatik dengan Negeri China

13. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia menimbangkan penubohan perhubongan diplomatik dengan Negeri China, jika ya, terangkan langkah[2] yang telah di-ambil terhadap penubohan ini.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Malaysia sedia mengadakan perhubongan[2] diplomatik dengan semua negara yang ingin berbaik[2] dengan-nya. Tetapi Peoples' Republic of China belum menukar sikap-nya dan maseh menjalankan propaganda[2] permusohan-nya terhadap Malaysia melalui siaran[2] "Suara Revolusi Malaya" dan memberi sokongan dan inspirasi kapada pengganas[2] di-sempadan. Oleh itu maka tidak dapat-lah kita hendak mempertimbangkan soal perhubongan diplomatik dengan Peoples' Republik of China pada masa ini.

Malaysia is prepared to establish diplomatic relations with all friendly countires. The Peoples Republic of China, however, has not changed her attitude and still carries out hostile propaganda against Malaysia through the "Suara Revolusi Malaya" broadcasts and continues to give support and inspirations to the communist terrorists along the border. It is therefore not possible for us to consider the establishment of dipolmatic relations with the Peoples Republic of China at this juncture.

KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

Perkhidmatan Talipon

14. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengguna[2] talipon di-Petaling Jaya kadang kala terpaksa menunggu 5 minit sa-lepas mengangkat gagang talipon itu sa-belum ia dapat membuat panggilan kerana belum mendapat isharat nada dering, dan menyatakan langkah[2] yang akan di-ambil untok memperbaiki perkhidmatan talipon di-Petaling Jaya.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Pada masa sekarang ibusawat di-Petaling Jaya ada-lah sangat sesak. Keadaan ini telah pun di-duga beberapa lama dulu dan satu alat ibusawat untok 5,000 talian tambahan telah di-pesan untok menemui beban yang bertambah ini. Ada-lah di-jangka kerja[2] pemasangan alat[2] tambahan ini akan siap pada bulan September, 1971. Keadaan di-Petaling Jaya patut akan bertambah baik apabila alat tambahan ini memulakan perkhidmatan-nya kelak.

Kemudahan Talipon

15. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan talipon Kerajaan ada-lah rosak, dan memberi penjelasan kenapa-kah hingga hari ini Kementerian beliau belum lagi dapat menentukan ada talipon yang boleh di-gunakan oleh orang ramai di-Lapangan Subang; dan menyatakan apa-kah tindakan yang akan di-ambil oleh Kementerian beliau untok memperbaiki keadaan yang burok ini.

Tun V. T. Sambanthan: Kemudahan[2] talipon untok orang ramai di-Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, tidak-lah bagitu memuaskan oleh dua sebab. ia-itu kesesakan (congestion) di-Petaling Jaya dan kerosakan (vandalism) yang di-lakukan oleh orang[2] yang tidak bertanggong-jawab. Tindakan ka-atas kesesakan itu telah pun di-buat dan Ibusawat di-Petaling Jaya sedang di-perluaskan. Ini akan memperbaiki keadaan di-Subang. Sila rujok jawapan saya kapada soalan tuan No. 14.

16. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jika sa-saorang itu hendak membuat panggilan jauh dari Pulau Pinang ia terpaksa menunggu 10 minit sa-belum panggilan tersebut di-jawab oleh operator; dan menyatakan langkah[2] yang akan di-ambil untok membaiki perkhidmatan talipon di-Pulau Pinang.

Tun V. T. Sambanthan: Dengan kejayaan ranchangan[2] pembangunan negara, panggilan[2] talipon di-Ibusawat Pulau Pinang telah bertambah banyak dan ini menyebabkan operator[2] lambat menjawab panggilan[2] talipon. Untok menemui tambahan ini, 12 ruangan[2] kendalian telah di-pesan dan di-harap perkhidmatan-nya akan bermula pada penghujong tahun 1972.

Dalam pada itu langkah[2] sementara telah di-ambil untok melonggarkan keadaan di-Ibusawat Pulau Pinang. Litar[2] tambahan di-antara Ibusawat[2] Pulau Pinang dan Kuala

Lumpur akan di-beri dalam masa beberapa bulan lagi. Bila ini siap kelak operator[2] di-Pulau Pinang akan dapat melayan panggilan[2] talipon kedua[2] tempat ini dengan lebeh chepat. Ini juga memendekkan masa bagi operator[2] melayan panggilan[2] jauh dan membolehkan mereka menjawab panggilan[2] untok panggilan jauh dengan lebeh chepat. Sabagai tambahan, kita akan tidak berapa lama lagi, membenarkan pelanggan[2] di-Bayan Lepas, Batu Ferringhi, Kepala Batas dan Balek Pulau mendail terus ka-semua pelanggan[2] di-Pulau Pinang. Ini akan meringankan beban[2] operator[2] di-Pulau Pinang. Pada masa ini pelanggan[2] itu terpaksa meminta bantuan operator[2] jika berkehendakkan panggilan[2] Pulau Pinang.

Jambatan Muar

17. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan (*a*) harga Jambatan Muar; (*b*) tarikh ia di-buka; (*c*) jumlah yang telah di-kutip dari tol hingga ini; (*d*) sama ada Kementerian beliau akan membatalkan kutipan tol tersebut.

Tun V. T. Sambanthan:

(*a*) $4,768,300.

(*b*) 15hb April, 1967.

(*c*) Jumlah yang telah di-kutip hingga akhir bulan Disember, 1970—$4,888,144.55 Jumlah belanja mengurus termasok bayaran bunga kapada pinjaman untok tempoh yang sama—$1,009,889.

(*d*) Kedua[2] jambatan di-Muar dan Batu Pahat telah di-bena pada masa yang sama dan ada-lah sa-bahagian daripada jalan raya pantai utara selatan. Saya telah menjawab kapada satu uchapan di-Parlimen berkenaan dengan jambatan[2] ini bahawa perkara ini akan di-timbangkan oleh Jema'ah Menteri dalam sadikit masa lagi.

Jambatan Batu Pahat

18. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan (*a*) harga Jambatan Batu Pahat; (*b*) tarikh ia di-buka; (*c*) jumlah tol yang di-kutip hingga hari ini; (*d*) sama ada Kementerian beliau akan membatalkan kutipan tol tersebut.

Tun V. T. Sambanthan:

(*a*) $4,348,000.

(*b*) 28hb Julai, 1967.

(*c*) Jumlah yang telah di-kutip hingga akhir bulan Disember, 1970—$1,543,429.39. Jumlah belanja mengurus termasok bayaran bunga kapada pinjaman untok tempoh yang sama—$1,307,132.

(*d*) Sila lihat jawapan kapada soalan (*d*) di-atas.

Pungutan Tol di-Slim River

19. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom:

(*a*) berapa hasil daripada Tol yang telah di-pungut hingga hari ini, di-Slim River.

(*b*) berapa lama Kerajaan berniat meneruskan pemungutan itu.

Tun V. T. Sambanthan:

(*a*) Jumlah wang yang telah di-kutip semenjak pembukaan jalan raya ini hingga ka-akhir tahun 1970 ia-lah sebanyak $3,831,476.53 dan butir[2]-nya ada-lah saperti berikut:

1966	...	...	$ 449,205.55
1967	...	...	594,860.66
1968	...	...	789,203.32
1969	...	...	912,816.20
1970	...	...	1,085,390.80

(*b*) Ini ia-lah satu perkara yang akan di-putuskan oleh Kerajaan pada masa[2] yang tertentu.

Lapangan Terbang Antarabangsa

20. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom apakah yang menyebabkan bumbong bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bochor.

Tun V. T. Sambanthan: Kebochoran bumbong di-bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang ia-lah di-sebabkan oleh kegagalan bahan bumbong untok memberi satu "membrane" yang tahan ayer (water-proofed membrane) di-atas bumbong itu.

Jalan Empat Sa-Hala

21. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom dengan bertambah-nya kereta² melalui jalan sa-panjang jalan besar dari Johore Bahru ka-Butterworth yang mengganggu perjalanan kenderaan dan memaksa kenderaan bergerak perlahan², dan pada masa akan datang boleh menjadi halangan kapada kenderaan sa-panjang jalan besar di-negeri ini, ada-kah ranchangan untok membena jalan empat sa-hala, yang menyenangkan lalu lintas antara Johore Bahru—Ayer Hitam, Seremban—Kuala Lumpur, K.L.—Ipoh, dan Ipoh—Butterworth pada masa yang akan datang.

Tun V. T. Sambanthan: Satu kajian lalulintas di-bidang jalan raya yang di-persoalkan sedang di-jalankan. Sama ada keadaan lalulintas memerlukan empat lorong atau tidak akan bergantong kapada hasil kajian tersebut.

Talipon Operator

22. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menerangkan sama ada beliau sedar bahawa terlalu sukar bagi orang ramai untok menghubongi talipon operator di-Petaling Jaya dan Kuala Lumpur meski pun dalam keadaan biasa, baik sa-belum mahu pun sa-lepas banjir.

Tun V. T. Sambanthan: Kelewatan menjawab panggilan² talipon oleh operator² adalah di-sebabkan bertambah-nya bilangan panggilan² talipon. Panggilan yang bertambah ini telah di-duga dan 26 ruangan kendalian telah pun di-ranchangan dan adalah di-jangka dapat di-mulakan dalam bulan April/Mei, 1971. Apabila ini di-lakukan perkhidmatan operator² di-Kuala Lumpur akan bertambah baik.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

Ranchangan² LKTP

23. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah ranchangan² L.K.T.P. yang telah di-buka dan jumlah keluarga yang telah pindah ka-ranchangan itu semenjak ia di-mulakan dalam tahun 1957. Sila nyatakan bilangan-nya saperti berikut:

Tahun	Bilangan ranchangan di-buka	Bilangan keluarga di-tempat-kan	Perbelan-jaan
1957	—	—	—
1958	—	—	—
1959	—	—	—
1960 hingga	—	—	—
1970	—	—	—
	Jumlah	Jumlah	Jumlah

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): 100 Ranchangan Kemajuan Tanah sudah di-buka oleh L.K.T.P. dan bilangan keluarga yang di-tempatkan semenjak L.K.T.P. di-tubohkan dalam tahun 1957 ada-lah 20,718. Angka² yang di-kehendaki ada-lah saperti berikut:

Tahun	Bilangan Ranchangan	Bilangan Keluarga	Pebelan-jaan ($ Juta)
1959 dan sa-belum-nya ...	10	791	7.8
1960 ...	4	1,981	4.4
1961 ...	11	715	9.7
1962 ...	11	881	22.9
1963 ...	12	2,043	23.2
1964 ...	11	1,150	22.1
1965 ...	1	1,294	32.3
1966 ...	1	1,465	38.5
1967 ...	7	1,670	40.2
1968 ...	6	3,791	50.6
1969 ...	7	2,619	51.8
1970 ...	19	2,318	67.5
Jumlah ...	100	20,718	371.0

100 land schemes has been opened by Federai Land Development Authority and the number of families which has been settled

since the establishment of Federal Land Development Authority in 1957 is 20,718. The figures required are as follows:

Year	No. of Schemes opened	No. of families settled	Money Spent (M$)
Prior to 1959 ...	10	791	7.8
1960 ...	4	1,981	4.4
1961 ...	11	715	9.7
1962 ...	11	881	22.9
1963 ...	12	2,043	23.2
1964 ...	11	1,150	22.1
1965 ...	1	1,294	32.3
1966 ...	1	1,465	38.5
1967 ...	7	1,670	40.2
1968 ...	6	3,791	50.6
1969 ...	7	2,619	51.8
1970 ...	19	2,318	67.5
Total ...	100	20,718	371.0

24. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberikan angka[2] yang terbaharu bagi:

(*a*) Jumlah bilangan ranchangan[2] tanah baharu dan luas tiap[2] sa-buah kawasan ranchangan;

(*b*) Bilangan keluarga[2] yang telah mendapat faedah;

(*c*) Banyak-nya wang yang telah di-belanjakan bagi tiap[2] kawasan ranchangan;

(*d*) Angka pechahan mengikut bangsa mereka[2] yang mengambil bahagian dalam ranchangan ini;

(*e*) Pelan[2] bagi ranchangan[2] akan datang.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

(*a*) Jumlah bilangan ranchangan[2] LKTP yang telah di-buka ia-lah 100. Biasa-nya sa-buah ranchangan itu ada-lah di-antara 4,000 hingga 5,000 ekar;

(*b*) Bilangan keluarga[2] yang telah mendapat faedah sa-hingga 31-12-1970 ada-lah 20,718 keluarga;

(*c*) Jumlah perbelanjaan bagi membuka sa-buah ranchangan getah sa-luas 4,240 ekar sa-hingga ia mengeluarkan hasil untok 400 keluarga (selepas 6 tahun) atau sa-buah ranchangan Kelapa Sawit sa-luas 5,300 ekar sa-hingga ia-mengeluarkan hasil nntok 400 keluarga (selepas 4 tahun) ada-lah lebeh kurang $6,500,000. Ini ada-lah termasok perbelanjaan pembangunan asas, perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan, perbelanjaan pembangunan bagi ladang dan kawasan perumahan peserta[2];

(*d*) Orang[2] yang di-ambil masok ka-ranchangan ini ada-lah terdiri daripada warganegara[2] Malaysia dan bilangan[2]-nya ia-lah saperti berikut:

Melayu	...	...	19,577
China	...	...	599
India	...	...	509
Lain[2]	...	...	33
			20,718

Dasar Kerajaan ia-lah untok memberi tanah kapada pehak[2] yang tidak berada untok semua kaum, bagi mengurangkan jurang perbezaan antara yang berada dan yang tidak berada. Tetapi pada masa[2] yang lalu ranchangan[2] tanah LKTP tidak menarek minat orang[2] yang bukan Melayu.

(*e*) Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua (1971-1975) LKTP akan membuka 50,000 ekar pada tiap[2] tahun ia-itu 250,000 ekar dalam tempoh yang di-ranchangkan.

Bilangan keluarga peserta[2] yang akan di-tempatkan di-ranchangan[2] ini ada-lah lebeh kurang 4,500 pada tiap[2] tahun atau pun 22,500 dalam masa yang di-ranchangkan.

(*a*) Number of FLDA schemes which have been opened is 100. Normally each scheme is about 4,000-5,000 acres;

(*b*) Number of families which have benefited as at 31-12-70 is 20,718;

(*c*) Total expenditure for opening a rubber scheme of 4,240 acres until commencement of production (after 6 years) for 400 families or an oil palm scheme of 5,300 acres until commencement of production (after 4 years) for 400 families is about $6,500,000. This is

inclusive of expenditure on infrastructure development, administrative and management, plantation and housing development;

(*d*) Settlers for the schemes are selected from Malaysian citizen and the numbers are as follows:

Malays	19,577
Chinese	599
Indians	509
Others	33
	20,718

The policy of the Government is to give land to the have-not of all races, so as to narrow the gap between the haves and the have-not. In the past FLDA's Land schemes have not attracted the interest of the non-Malays.

(*e*) Under the Second Malaysia Plan (1971-1975) FLDA will open 50,000 acres annually that is 250,000 for the planned period.

The number of settler families which will be settled in the schemes is about 4,500 annually or 22,500 for the planned period.

25. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berapa belanja membuka sa-ekar tanah dalam ranchangan[2] LKTP semenjak LKTP di-tubohkan. Tolong berikan kos bagi setahun ka-setahun semenjak Lembaga itu di-tubohkan dalam tahun 1957.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Belanja membuka sa-ekar tanah di-dalam ranchangan[2] LKTP ada-lah saperti berikut:

Getah	$1,150
Kelapa Sawit	930

Ini tidak termasok perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan dan perbelanjaan pembangunan asas.

Kos bagi setahun ka-setahun semenjak Lembaga di-tubohkan dalam tahun 1957 ada-lah saperti berikut:

	Jumlah ($ Juta)
1956	1
1957	1
1958	1
1959	4.8
1960	4.4
1961	9.7
1962	22.9
1963	23.2
1964	22.1
1965	32.3
1966	38.5
1967	40.2
1968	50.6
1969	51.8
1970	67.5
	371.0

The cost of opening an acre of land in FLDA projects is as follows:

Rubber	$1,150
Oil Palm	930

This is not inclusive of administrative and management expenditure and infrastructure development expenditure. Year to year cost since the establishment of the authority in 1957 is as follows:

	Total ($ Millions)
1956	1
1957	1
1958	1
1959	4.8
1960	4.4
1961	9.7
1962	22.9
1963	23.2
1964	22.1
1965	32.3
1966	38.5
1967	40.2
1968	50.6
1969	51.8
1970	67.5
	371.0

Tuan Haji Ismail bin Mahidin

26. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sama ada beliau sedar bagaimana berani-nya Tuan Haji Ismail bin Mahidin, Pengurus Ranchangan Tanah Sg. Tiang sa-belum beliau terkorban di-tangan perompak. Jika ya, ada-kah beliau akan memberikan bayaran kenang-jasa kapada balu-nya dan anak[2] Allah yarham Haji Ismail bin Mahidin itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya sedar dan juga telah menziarahi balu Allah Yarham Haji Ismail bin Haji Mahidin di-Hospital baru[2] ini. Sebagai mengenangkan jasa Allah Yarham itu, Lembaga Kemajuan Tanah Per-sekutuan telah pun melantek isteri-nya se-bagai Penolong Pegawai Pembangunan Pene-roka (Wanita) mulai daripada 1hb* Februari, 1971 dan di-beri gaji sebanyak $510 sa-bulan mengikut tangga gaji $510×30T-630/EB/660×30T-720. Selain daripada itu, keluarga Allah Yarham akan juga menerima bayaran Insuran Kemalangan daripada Lembaga sebanyak $18,000. Ini tidak termasok faedah[2] lain saperti charuman Wang Simpanan Pekerja-nya.

* Isteri Enche' Ismail ada-lah mempunyai lulusan yang di-perlukan.

I am aware and have visited the widow of the late Tuan Haji Ismail bin Haji Mahidin at the hospital recently. As a tribute to the deed of the deceased, Federal Land Develop-ment Authority has already appointed his wife as Assistant Settler Development (Home Economics) with effect from the 1st February, 1971* with a salary of $510 a month accord-ing to salary scheme of $510×30T-630/EB/660×30T-720. Apart from that, the deceased family will receive payment of Accident Insurance from the Authority amounting to $18,000. This is not inclusive of other benefits such as Employees provident fund.

* Enche' Ismail's wife has the required qualifi-cation.

Ranchangan Tanah Pinggir

27. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengapa-kah tidak ada Ranchangan Tanah Pinggir di-untokkan kapada orang[2] Melayu yang mana mereka benar[2] dapat memileki-nya dan mengusahakan-nya dengan titek peloh mereka sendiri.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pembukaan Ranchangan Tanah Pingir memang ada di-buat. Ranchangan[2] ini ada-lah di-kelolakan oleh Kerajaan[2] Negeri dan maseh ada lagi di-jalankan sekarang ini.

Sharikat Kerjasama Permodalan Tanah Kebangsaan

28. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar apa-kah geran[2] tanah bagi ladang[2] yang di-beli oleh Sharikat Kerjasama Per-modalan Tanah Kebangsaan dengan pinjaman daripada Kerajaan Pusat di-jadikan chagaran kapada Kerajaan. Jika tidak, mengapa tidak.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Geran[2] tanah ladang[2] yang di-beli oleh Sharikat Kerjasama Permodalan Tanah Kebangsaan (National Land Finance Co-operative Society) dengan wang pinjaman yang di-ambil dari-pada Kerajaan Pusat ada di-dalam simpanan Perbendaharaan. Tindakan sedang di-ambil membuat chagaran geran[2] itu kapada Kera-jaan.

The title deeds of estates bought by the National Land Finance Co-operative Society Ltd with loans from the Central Government are with the Treasury and action is being taken to have them charged.

29. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandard mengapa $361,687.50 yang sa-patut-nya di-bayar balek dalam bulan Jun 1965 oleh Sharikat Kerjasama Permodalan Tanah Kebangsaan sa-bagai pokok pinjaman dari-pada Kerajaan Pusat tidak di-bayar-nya. Apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil bagi mendapatkan wang ini dan lain[2] pokok pinjaman yang sa-patut-nya di-bayar.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Wang sa-jumlah $361,687.50 tidak dapat di-tentukan oleh kerana tahun-nya tidak di-nyatakan. Bagaimana pun, untok pengetahuan am, Sharikat tersebut tidak membayar ansoran[2] pinjaman itu oleh kerana ia-nya telah mem-beli lagi ladang[2] supaya mengelakkan ladang[2] itu daripada di-pechah[2]kan dan dengan itu menjaminkan kerja[2] untok pekerja[2] di-ladang[2] itu.

Sharikat ini telah di-nasihatkan supaya menjelaskan wang sa-jumlah yang tersebut itu dan wang[2] ansoran yang lain kapada Kerajaan dengan segera.

The amount of $361,687.50 cannot be confirmed as the year is not stated. However, for general information, the Society has not been able to repay as it had to purchase additional estates to avoid fragmentation in order to secure the employment of member workers in these estates. The Society has been advised to repay this sum and other principal amounts due to Government as early as possible.

30. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah beliau sedar ada-nya tudohan[2] bahawa Sharikat Kerjasama Permodalan Tanah Kebangsaan telah melanggar perlembagaan-nya sendiri dengan tidak mengadakan meshuarat agong dalam tahun[2] 1968 dan 1969. Jika sedar, sudah-kah Pejabat Sharikat Kerjasama menyiasat tudohan[2] ini? Jika sudah, apa-kah hasil penyiasatan itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Sharikat Kerjasama Permodalan Tanah Kebangsaan telah di-sedari oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama tidak mengadakan meshuarat agong-nya dalam tahun[2] 1968 dan 1969. Jabatan itu telah menjalankan penyiasatan dan di-dapati bahawa odit kira[2] tahun 1967 telah terlambat siap oleh kerana penukaran oditernya kapada sa-buah firma Chartered Accountants yang terpaksa mengodit sa-mula kira[2] itu dan kira[2] tiap[2] ladang-nya. Kira[2] tahun 1967 itu hanya siap dalam bulan Ogos 1968. Meshuarat agong telah di-jadualkan dalam bulan Mei 1969 di-mana kira[2] tahun 1968 juga di-jangka dapat bersama[2] di-bentangkan. Oleh kerana negara baru menghadapi keadaan dzarurat sa-lepas 13 Mei, 1969, meshuarat agong yang akan di-hadziri oleh ramai bilangan ahli *tidak boleh di-adakan dalam tahun 1969*. Bagaimana pun kira[2] tahun 1967 dan 1968 itu telah di-edarkan kapada ahli[2] dalam bulan November 1969.

Sharikat ini telah mengadakan meshuarat agong-nya pada 23hb Ogos, 1970 di-mana kira[2] itu dan juga kira[2] tahun 1969 telah di-bentang dan di-terima.

The Department of Co-operative Development is already aware that the National Land Finance Co-operative Society has not held its Annual General Meetings in 1968 and 1969. The Department has investigated and found that the audit acount for 1967 is delayed owing to the transfer of its auditor to Chartered Accountants Firm. Therefore it has to reaudit that account and the account for each plantation. The 1967 account was only completed in August 1968. The annual general meeting was scheduled in May 1969 where the 1968 account was also expected to be tabled. Due to the fact that the nation had had just faced an emergency after May the 13th 1969, the annual general meeting, which would have been attended by many members could not be held in 1969. Anyway the 1967 and 1968 account had been circulated to members in November 1969.

The Society has already held its annual general meeting on 23rd August, 1970 where the account and also the 1969 account were tabled and accepted.

Sharikat Kerjasama Permodalan Tanah Kebangsaan

31. Tuan Loh Jee Mee bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) sama ada beliau sedar bahawa ada rasa tak puas hati yang menjadi[2] di-kalangan ahli[2] Sharikat Kerjasama Permodalan Tanah Kebangsaan mengenai pengurusan-nya;

(*b*) jika ia, sama ada Menteri itu akan menimbangkan untok membentok satu Surohanjaya Penyiasat bagi menyiasat kerja[2] dan kewangan Sharikat itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

(*a*) Saya berpendapat tidak ada apa[2] perasaan tidak puas hati di-kalangan ahli[2] Sharikat Kerjasama Permodalan Tanah Kebangsaan di-atas pengurusan-nya. Dalam Meshuarat Agong Tahunan yang di-adakan pada 23hb Ogos, 1970, ahli[2] telah di-beri peluang membuat aduan[2] terhadap pengurusan Sharikat, tidak sa-orang ahli pun mengemukakan apa[2] perasaan tidak puas hati.

Walau pun sa-belum tarikh meshuarat agong itu sa-orang ahli di-sokong oleh 51 ahli[2] yang lai telah menghantar surat rayuan kapada Pendaftar, tidak sa-orang pun daripada ahli[2] yang telah menulis surat rayuan itu,

membuat apa[2] aduan di-dalam meshuarat tersebut apabila di-jemput oleh Pengerusi. Penulis surat rayuan itu sendiri tidak hadzir dalam meshuarat itu.

(*b*) Oleh kerana rasa tak puas hati tidak ada, soal mengadakan Surohanjaya Penyiasat tidak timbul.

(*a*) I am not aware of any growing dissatisfaction among members of the National Land Finance Co-operative Society Ltd. over its management. At the last Annual General Meeting of the Society held on 23rd August, 1970, the members had the opportunity to air their grievances on the management of the Society, if any, but not one member expressed any dissatisfaction at that meeting.

Even though one particular member supported by 51 others had sent a petition to the Registrar some time before the General Meeting, not one of them voiced any complaints at the meeting when invited to do so by the Chairman. In fact the main petitioner himself was not present at the meeting.

(*b*) Since there is no dissatisfaction among members, the question of holding an Inquiry does not arise.

Lembaga Sharikat Kerjasama Nelayan dan Pemasaran Berhad Kuala Kedah

32. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar apa-kah langkah[2] yang telah beliau ambil bagi mendapatkan balek pinjaman sa-banyak $120,000 kapada Lembaga Sharikat Kerjasama Nelayan dan Pemasaran Berhad Kuala Kedah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Sharikat berkenaan telah di-batalkan pendaftaran-nya dan kemungkinan hendak mendapat kembali pinjaman itu tidak ada langsong.

The registration of this society has been cancelled and there is no possibility of recovering the loan.

Sharikat Kerjasama Ternakan Ayam-Itek dan Pemasaran Ulu Langat Berhad

33. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa-kah tindakan yang telah beliau ambil untok mendapat balek pinjaman sa-jumlah $35,000.00 dari Sharikat Kerjasama Ternakan Ayam-Itek dan Pemasaran Ulu Langat Berhad.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pendaftaran Sharikat ini telah di-batalkan pada 17-12-1970 dan pada masa pembatalan-nya itu baki pinjaman Sharikat dengan Kerajaan berjumlah sa-banyak $19,500. Ada-lah di-nilai bahawa harta benda Sharikat pada tarikh tersebut berjumlah sa-banyak $20,000.

The registration of this society was cancelled on 17-12-1970 and at the time of cancellation, the debt of this society with the Government was $19,500 with an estimated asset of $20,000.

Sharikat Kerjasama

34. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan kemajuan yang telah di-buat untok menukar sharikat kerjasama yang kechil di-luar bandar untok menjadi sharikat kerjasama yang chekap dan tegoh.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Sharikat[2] Kerjasama yang tidak ekonomik sedang di-tutup, dan Sharikat[2] Kerjasama yang kechil dan lemah sedang di-satukan dan di-jadikan Sharikat[2] Kerjasama Serbaguna. Kemajuan yang di-perolehi setakat sekarang ini ia-lah:

Bilangan sharikat[2] keredit kampong di-tutup dari 1966—Januari, 1971	533
Bilangan sharikat[2] dalam penutupan pada 31hb Januari, 1971 ...	985
Bilangan sharikat[2] serbaguna didaftarkan (di-bawah ranchangan memperkukoh Gerakan Kerjasama dan Penchantoman pada 31hb Januari, 1971	348

The unviable Co-operative Societies are being liquidated but the small and weak societies are in the process of being amalgamated into multi-purpose Co-operative societies. The progress achieved so far is as follows:

No. of Rural Credit Co-operative Societies liquidated from 1966—January, 1971	533
Total No. of societies under liquidation as at 31-1-1971 ...	985

No. of multi-purpose societies registered (as a result of Consolidation and Amalgamation) as at 31-1-1971 348

Kesatuan Kerjasama Pengangkutan dan Pemasaran Nelayan[2] Pantai Timor, Berhad

35. Tuan Lim Kit Siang bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah beliau sedar bahawa menurut Penyata Tahun 1966 Juru Odit Negara mengenai pinjaman Kerajaan kapada Kesatuan Kerjasama Pengangkutan dan Pemasaran Nelayan[2] Pantai Timor, Berhad:

(*a*) Kira[2] berodit Kesatuan untok masa 1hb Julai, 1963 hingga 30hb Jun, 1966 memperlihatkan kerugian terkumpul sa-banyak $467,110.08;

(*b*) Bayaran pinjaman belum selesai dari sharikat ahli[2] kesatuan ia-lah $890,461.53 pada 30hb Jun, 1966;

(*c*) Pendapat Juru Odit Negara bahawa pembayaran $890,461.53 bersama[2] dengan bunga sa-banyak $261,781.03 oleh sharikat ahli[2] Persatuan ini ada-lah di-ragukan;

(*d*) Bahawa Kesatuan memberi pinjaman kapada peminjam tanpa penjamin atau jaminan;

(*e*) Pendapat Juru Odit Negara bahawa memandang pinjaman Kerajaan kapada Kesatuan berjumlah $1.2 juta pada waktu itu ada-lah jelas demi kepentingan Kerajaan untok menjamin agar Kesatuan itu di-rombak dan di-selenggarakan atas asas yang kukoh; nyatakan

(i) apa-kah langkah[2] Kementerian beliau telah ambil untok mengemaskan Kesatuan itu atas asas yang kukoh;

(ii) berapa-kah dari jumlah $890,461.53 bersama[2] dengan bunga sa-banyak $261,781.03 telah di-kutip oleh Kesatuan itu dari sharikat[2] ahli;

(iii) sejak 30hb Jun, 1966 ada-kah Kerajaan telah memberi pinjaman lagi kapada Kesatuan Kerjasama Pengangkutan dan Pemasaran Nelayan[2] Pantai Timor Berhad; jika ia, berikan butir[2]-nya; dan

(iv) berapa-kah pinjaman belum selesai yang di-pinjamkan dari Kerajaan kapada Kesatuan Kerjasama Pengangkutan dan Pemasaran Nelayan[2] Pantai Timor Berhad.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya sedar akan isi kandongan Penyata Tahun 1966 Juru Odit Negara, mengenai pinjaman Kerajaan kapada Kesatuan Kerjasama Pengangkutan dan Pemasaran Nelayan[2] Pantai Timor Berhad.

Tindakan Kementerian ini sedang di-ambil untok menjamin kesatuan ini berdiri di-atas asas yang kukoh:

(i) Kajian[2] telah di-jalankan, dan di-dapati kedudokan Kesatuan ini boleh di-baiki dengan menghapuskan segala kelemahan[2]-nya, dan yang penting ada-lah berkenaan dengan dasar[2] pemberian pinjaman. Dasar lama sudah di-gantikan.

(ii) Kesatuan tidak dapat mengutib apa[2] bayaran daripada sharikat[2], semenjak 1966.

(iii) Sejak 30hb Jun, 1966 Kerajaan ada memberi pinjaman sa-banyak $114,250 di-dalam bulan Mei, tahun 1967, untok kemudahan[2] pemasaran dan modal pusingan, ia-itu untok—

pembenaan tempat[2] jemor ikan, membeli lori[2] untok pengangkutan modal pusingan untok perniagaan.

(iv) Pinjaman Kesatuan kapada Kerajaan yang belum selesai sa-hingga 31-12-70 ia-lah $1,104,818 pokok, dan $132,578.16 bunga.

I am aware of the content of the Auditor-General's 1966 Report on the Government loan to East Coast Fishermen's Co-operative Transport and Marketing Union, Limited.

Action by my Ministry to put this Union on a strong footing is being taken:

(i) Studies have been made, and it has been found that this Union can be made financially stronger if its shortcomings are corrected; especially its credit policies. Old policies have already been replaced;

(ii) The Union has been unable to recover its loan repayment from societies since 1966;

(iii) Since 30-6-1966 Government has given a loan amounting to $114,250 for marketing facilities and revolving capital to be utilized for—

construction of fish drying facilities, purchase of lorries and revolving capital for business.

(iv) The Union outstanding loan as at 31-12-70 was $1,104,818 as principal and $132,578.16 as interest.

Sharikat Kerjasama Kredit dan Pemasaran Nelayan Kuala Linggi Tidak Berhad

36. Tuan Lim Kit Siang bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah beliau sedar tentang pengamatan oleh Juru Odit Negara dalam Penyata-nya Tahun 1966 mengenai pinjaman kapada Sharikat Kerjasama Kredit dan Pemasaran Nelayan Kuala Linggi Tidak Berhad yang mengambil pinjaman asal sa-banyak $300,000 pada tahun 1961, yang harus di-langsaikan dengan penoh pada akhir bulan Ogos, 1967; nyatakan:

(*a*) kenapa Sharikat itu bukan sahaja tidak dapat menjelaskan pinjaman asal-nya, tetapi mengambil pinjaman lain sa-banyak $70,000 pada bulan Februari 1967 dengan pengertian bahawa Kemen-terian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan bertindak membaiki kechekapan dan pentadbiran Sharikat itu;

(*b*) ada-kah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah dapat membaiki kechekapan dan pentadbiran sharikat itu;

(*c*) jumlah pinjaman dengan bunga yang boleh di-bayar sekarang oleh Sharikat itu kapada Kerajaan;

(*d*) ada-kah pinjaman lain di-berikan ka-pada sharikat itu sa-lepas bulan Februari, 1967; dan jika ya, berikan butir[2]-nya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ahli[2] Sharikat ini mengalami beberapa kesusahan di-dalam masa konfrantasi kerana banyak alat[2] perkakas menangkap ikan mereka itu telah kena churi atau di-rampas oleh lanun. Supaya membolehkan ahli[2] itu menjalankan pekerjaan-nya maka ada-lah difikirkan mustahak di-tambah lagi pinjaman Sharikat itu $70,000 lagi.

Memandang kapada keadaan sekarang tidak ada lagi jalan untok membaiki Sharikat ini sunggoh pun beberapa usaha telah di-laksanakan. Pendaftaran Sharikat ini harus akan di-batalkan.

Pada 31-12-1969 baki pinjaman Sharikat dengan Kerajaan berjumlah $326,170 dan taksiran harta benda Sharikat pada tarikh tersebut ia-lah $55,393.33 sen. Dari semenjak bulan Februari, 1967 tidak ada lagi pin-jaman baru di-beri kapada Sharikat.

Members of the Society experienced a lot of difficulties during the Confrontation period due to fishing equipments being stolen or seized by pirates. To enable the fishermen to continue with their work it was considered necessary to grant an additional loan of $70,000.

Under the present circumstances there appear to be no way to improve the Society although various methods of improvement have been tired. If necessary the registration of the Society may have to be cancelled.

On 31-12-1969 the balance of the loan owed to Government by the Society was $326,170 and it had assets amounting to $55,393.33. No further loans have been granted to the Society since February, 1967.

Kampong[2] baharu dan kampong[2]

37. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan kampong[2] baru dan kampong[2] yang maseh tiada mempunyai kemudahan[2] dasar penghidupan moden ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pertanyaan ini patut di-arahkan kapada Dewan[2] Un-dangan Negeri oleh kerana Kampong[2] Baharu dan Kampong[2] ada-lah di-bawah tadbiran Kerajaan[2] Negeri.

This question should be directed to State Legislative Assemblies as New Villages and Kampongs are under the Administrative set up of State Governments.

Kemudahan[2] di-kampong[2] Baharu

38. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bila semua kampong[2] baharu yang di-tubohkan 20 tahun yang lalu, akan mendapat bekalan ayer paip, kuasa letrik dan kemudahan[2] kemasharakatan saperti kelinik kesihatan, perpustakaan dan dewan orang[2] ramai serta padang permainan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pembekalan paip ayer, letrik dan lain[2] kemudahan saperti pusat[2] kesihatan balai[2] raya dan padang[2] bagi *kampong*[2] *baharu* ada termasok dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar pada keselurohan-nya. Pelaksanaan projek[2] dalam ranchangan ini ada-lah bergantong kapada kedudokan kewangan, tenaga, dan juga kapada susunan keutamaan dan ekonomik-nya sa-suatu projek itu.

Provision of piped water supply, electricity and other community facilities such as health centres, Community Halls and playground for New Villages is included within the overall Rural Development Programme, implementation of which depends on the availability of resources and funds and on the order of priority and viability of each project.

Bantuan MARA

39. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sama ada beliau sekarang ini akan menggalak MARA memberi bantuan kapada bukan Melayu yang memerlukan bantuan sebagai suatu bahagian dasar ekonomi baharu yang bertujuan menghapuskan garisan[2] perkauman.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Dasar Kerajaan ada-lah jelas hendak memajukan seluroh ra'ayat dari semua bangsa dengan tidak mengira asal keturunan-nya masing[2] tetapi oleh kerana pada keselurohan-nya orang[2] Melayu di-dapati sangat jauh tertinggal kebelakang dalam lapangan perniagaan dan perusahaan, maka MARA telah di-tubohkan untok menggalakkan dan membantu mereka supaya lebeh ramai bilangan orang Melayu dapat mengambil bahagian dalam lapangan tersebut. Walau bagaimana pun pertolongan sekadar yang patut ada-lah juga di-berikan kapada orang bukan Melayu yang tidak berada yang sama keadaan-nya saperti orang Melayu tetapi dengan berpegang tegoh kapada dasar asal Kerajaan hendak mengsaimbangkan kedudokan ekonomi orang Melayu dengan orang[2] lain sebagai satu usaha hendak melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu di-negeri ini.

It is the Government's policy to improve the economy of all people irrespective of their racial origins, but since the Malays are generally far more backward in commerce and industry, MARA has therefore been established to encourage, assist and increase the number of Malays to participate in commerce and industry. Nevertheless reasonable assistance is also being given to needy non-Malays who are in the same position as the Malays but still witholding the original policy of the Government to balance the economy of the Malays with that of non-Malays as a co-ordinated effort to create a united Malaysian nation.

Majallah "Dewasa"

40. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah beliau sedar ada-nya kelambatan yang terlalu lama bagi memungut wang hasil jualan Majallah "Dewasa" dan buku[2] teks daripada Penyelia[2] Kelas[2] Pelajaran Dewasa di-Negeri[2]. Ada-kah beliau sedar juga bahawa wang yang belum terpungut pada akhir 1967 berjumlah $87,559.25. Jika sedar, apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil oleh Kementerian beliau bagi mendapatkan wang itu dan baki[2] yang lain sa-lepas-nya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kementerian ini sedar atas kelambatan memungut wang hasil jualan Majallah dan Buku[2] Teks. Langkah[2] tegas telah pun di-ambil untok mendapatkan jumlah wang yang belum di-jelaskan pada akhir 1967 itu dan hingga akhir 1970 chuma $15,262.10 sahaja yang maseh belum di-pungut. Pungutan maseh di-teruskan sa-hingga jumlah baki yang tersebut di-atas di-jelaskan.

This Ministry is aware of the delay in recovering the proceeds of the sale of publication and text books. Steps have already been taken to collect the amount due and up to the end of 1970 only a sum of $15,262.10 was still to be collected. Collection is still being continued until the outstanding balance is collected in full.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Bekalan Ayer dan Letrik

41. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan mengapa maseh banyak kawasan[2] dalam Kuala Lumpur belum mendapati bekalan ayer dan letrik.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohd. Khir Johari): Lembaga Letrik Negara memang sedar tentang ada-nya beberapa kawasan di-Kuala Lumpur yang

belum lagi di-bekalkan dengan kuasa letrik. Satu dari sebab-nya ia-lah mungkin terdapat beberapa buah rumah terpenchil yang jauh daripada Low Tension Mains kepunyaan Lembaga yang bermakna charum perkhidmatan yang tinggi ada-lah di-perlukan daripada pengguna[2] sa-belum bekalan letrik boleh di-adakan.

Ada juga terdapat kawasan[2] setinggan yang belum lagi di-bekalkan dengan letrik. Dasar Lembaga berkenaan dengan hal ini ia-lah bekalan letrik hanya boleh di-adakan dengan sharat rumah itu telah di-bekalkan dengan ayer oleh J.K.R. dan juga pengguna[2] sanggup membayar Charum Perkhidmatan sekira-nya Low Tension Mains tersebut terletak jauh daripada rumah itu. Satu faktor lagi ia-lah sama ada keadaan sa-sabuah rumah itu selamat untok menerima bekalan letrik kerana ada-lah merbahaya bagi mengadakan bekalan letrik terutama-nya kapada rumah[2] papan yang di-dalam keadaan usang.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu

42. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah beliau akan mengarahkan Keretapi Tanah Melayu supaya mengumumkan sa-chepat mungkin kapada penumpang[2] mengenai lewat sampai atau lewat bertolak-nya keretapi[2].

Menteri Pengangkutan (Dato' Abdul Ghani Gilong): Perkara yang di-bangkitkan ini telah lama mendapat perhatian Kementerian Pengangkutan dan Pentadbiran Keretapi. Untok mengatasi masaalah ini, langkah telah di-ambil melantek sa-orang Pegawai Perhubongan Raya yang mempunyai tugas mengatorkan supaya urusan hebahkan kelewatan dan lain[2]-nya berkenaan dengan perjalanan keretapi akan di-jalankan dengan lichin-nya, bila kejadian tersebut ta' boleh di-elakkan.

43. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pengangkutan apa-kah langkah[2] yang telah beliau ambil untok membaiki perkhidmatan yang di-beri kapada penumpang[2] kelas tiga dalam Keretapi Tanah Melayu.

Dato' Abdul Ghani Gilong: Kementerian Pengangkutan dan Pertadbiran Keretapi senantiasa mengawasi kehendak[2] penumpang[2]-nya termasok penumpang kelas tiga sa-bagai chontoh-nya baru[2] ini "reclining seats" telah di-bekalkan untok penumpang[2] kelas tiga. Disel rilkar yang boleh berjalan lebeh pantas daripada keretapi yang lain[2] ada mengandongi kelas tiga. Tindakan ada-lah sepanjang masa di-ambil oleh Pertadbiran keretapi memperelokan keadaan koch[2] penumpang termasok koch[2] kelas tiga dan sekarang ini keadaan koch[2] kelas tiga seluroh-nya ada-lah terlebeh baik daripada keadaan-nya pada masa[2] yang lalu.

Lesen[2] Teksi

44. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pengangkutan:

(*a*) jumlah lesen[2] teksi yang telah di-keluarkan di-Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dari bulan Julai, 1969 hingga Disember, 1970; dan

(*b*) ada-kah beliau sedar bahawa ramai pelesen[2] menyewakan teksi[2] mereka menurut sistem pajak dan jika sedar, sama ada beliau akan menyiasat perkara ini.

Dato' Abdul Ghani Gilong:

(*a*) Jumlah lesen teksi yang telah di-keluarkan daripada bulan Julai, 1969 hingga Disember, 1970 bagi kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya adalah saperti berikut:

(i) Kuala Lumpur	429
(ii) Petaling Jaya	28
	457

(*b*) Kementerian ini sedar tentang ada-nya lesen teksi yang telah di-sewakan dengan sa-chara pajak. Tindakan telah pun di-ambil supaya pemegang[2] lesen teksi yang memajakan lesen mereka di-beri tempoh sa-lama enam (6) bulan daripada bulan November, 1970 hingga bulan April, 1971 untok membolehkan mereka membetulkan kesalahan mereka. Jika sa-kira-nya dalam jangka waktu tersebut pemegang[2] lesen tidak mematohi arahan yang telah di-buat oleh Kementerian maka Kementerian akan membuat tindakan kapada pemegang[2] lesen yang melakukan kesalahan tersebut.

JABATAN PEGUAM NEGARA

Juri[2] Wanita

45. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Peguam Negara bila-kah beliau akan meminda undang[2] untok membolehkan wanita berkhidmat sa-bagai juri[2].

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tindakan akan di-ambil bagi meminda Kanun Achara Jenayah bagi memboleh wanita berkhidmat sa-bagai juri[2] dalam persidangan yang kedua tahun ini. Sebab kelambatan meminda-nya ia-lah kerana Kanun Achara Jenayah Malaysia Barat dan Malaysia Timor sedang di-rombak sekarang dengan tujuan hendak menyatukan supaya ada satu sahaja Kanun Achara Jenayah bagi Malaysia.

Action will be taken to amend the law, the Criminal Procedure Code, to allow women to serve as jurors, at the second sitting of Parliament. The reason for the delay is that the Criminal Procedure Codes of West Malaysia and East Malaysia are now undergoing a general overhaul with a view to consolidation so that there will be one Criminal Procedure Code for the whole of Malaysia.

46. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Peguam Negara menyatakan sama ada beliau berchadang mengemukakan undang[2] di-Parlimen untok mengisikan tempat[2] kosong dalam "Criminal Code Procedure" dan mengadakan Juri[2] Wanita.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Berkenaan dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu sa-takat mana soalan itu berhubong dengan persidangan ini, maka jawab-nya ia-lah "TIDAK".

Tetapi Kanun Achara Jenayah bagi Malaysia Barat (ia-itu Kanun Negara[2] Melayu Bersekutu dan Negeri[2] Selat yang dahulu) dan Kanun Achara Jenayah Malaysia Timor (ia-itu Sabah dan Sarawak) sedang di-rombak dengan tujuan hendak menyatukan-nya supaya ada satu sahaja Kanun Achara Jenayah bagi Malaysia.

Ini tidak mungkin siap sa-hingga lewat tahun ini. Ada-lah di-harapkan Kanun itu dapat di-kemukakan dalam persidangan Parlimen yang kedua tahun ini.

The answer to the question of the Honourable Member, so far as it relates to the present sitting, is "NO".

But the Criminal Procedure Codes of West Malaysia (the former F.M.S. and Straits Settlements Codes) and of East Malaysia (the Sabah and Sarawak Codes) are undergoing a general overhaul with a view to consolidation so that there will be one Criminal Procedure Code for Malaysia.

This will not be ready until later in the year. It is hoped to introduce it at the second sitting of Parliament this year.

Biro Bantuan Guaman

47. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Peguam Negara ada-kah beliau sedar peruntokan kapada Biro Bantuan Guaman ada-lah sangat tidak memadai, dengan demikian membatasi kegunaan-nya kapada orang[2] yang berkehendakkan perkhidmatan-nya. Jika sedar, ada-kah Menteri akan menambahkan peruntokan kapada Biro Bantuan Guaman supaya ia dapat meluaskan perkhidmatan-nya kapada orang[2] miskin yang berkehendakkan bantuan guaman perchuma.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Peruntokan itu boleh jadi kechil tetapi, walau bagaimana pun, bukan-lah tidak menchukupi. Wang sa-banyak $100,000 telah di-peruntokan bagi suatu ranchangan pandu (pilot scheme) di-Selangor bagi maksud memberi latehan dan pengalaman praktik yang perlu bagi pegawai[2] dan kakitangan Biro itu dalam perkara[2] berhubong dengan Bantuan Guaman, untok menentukan jenis bantuan guaman yang sangat di-kehendaki dengan segera, dan untok mentaksir tanggongan kewangan-nya di-masa depan, dan di-samping itu memberi bantuan guaman yang termasok dalam bidangkuasa-nya kapada golongan orang ramai yang tidak mampu.

Apabila pengalaman dan pengetahuan yang di-kehendaki itu di-perolehi, maka ada-lah di-chadangkan untok memperluaskan jenis bantuan guaman yang akan di-beri dan juga kawasan[2] pertugaskan-nya, dan dalam hal demikian peruntokan akan di-tambah.

The allocation may be small but by no means inadequate. A sum of about $100,000 has been allocated for a pilot scheme in Selangor for the purpose of providing the necessary practical training and experience

for the Bureau's officers and staff on matters pertaining to Legal Aid, to determine the nature of legal assistance most urgently needed, and to assess its future financial commitments, and at the same time providing the less wealthier section of the public with all the legal aid falling within its jurisdiction.

When the required experience and knowledge have been obtained it is proposed to expand gradually both the nature of legal aid to be given and its operative areas, in which event the allocation will be increased.

Majlis Peguam

48. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Peguam Negara menyatakan sama ada Kerajaan telah berunding dengan Majlis Peguam di-Malaysia berkenaan pengharaman peguam[2] luar daripada menjalankan tugas[2] mereka di-Persekutuan dan sama ada Kerajaan telah memberi perhatian tehadap pendapat Majlis Peguam, peguam[2] dan badan[2] yang berkenaan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Majlis Gerakan Negara tidak meminta Majlis Peguam Tanah Melayu memberi pendapat[2]-nya apabila ia mengishtiharkan Ordinan melarang loyar[2] negara asing dan bukan pemastautin daripada menjalankan amalan di-Persekutuan.

Sa-lepas Ordinan itu di-ishtiharkan Kerajaan telah menerima empat rayuan daripada loyar[2] dan satu daripada Majlis Peguam Tanah Melayu. Pandangan[2] dan chadangan[2] mereka telah di-timbangkan dengan sa-penoh-nya oleh Kerajaan tetapi Kerajaan tidak dapat bersetuju dengan mana[2] chadangan mereka oleh kerana Kerajaan berpuashati bahawa larangan itu ia-lah suatu perkara dasar Kerajaan berasaskan kapada kepentingan negara dan kepentingan loyar[2] Malaysia. Majlis Peguam Tanah Melayu tidak membantah terhadap dasar Kerajaan mengenaï larangan itu tetapi ia berasa mushkil kerana ia tidak di-minta memberi pendapat[2]-nya terlebeh dahulu.

The National Operations Council did not consult the Malayan Bar Council when it promulgated the Ordinance banning alien and non-resident lawyers from practising in the Federation.

After the promulgation of the Ordinance the Government did receive four representations from lawyers and one from the Malayan Bar Council. Their views and proposals were fully considered by the Government but the Government cannot accept any of their proposals as the Government is satisfied that the ban is a Government policy matter based on national interest and the interest of Malaysian lawyers. The Malayan Bar Council did not object to the Government policy on the ban but it was concerned that it was not consulted beforehand.

Perwakilan

49. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Peguam Negara menyatakan berapa banyakkah perwakilan yang telah di-terima oleh Kerajaan semenjak keputusan Kerajaan mengharamkan peguam[2] luar daripada menjalankan kerja[2] di-Persekutuan; memberi butir sa-tiap perwakilan dan jenis[2]-nya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kerajaan telah menerima sa-banyak lima perwakilan, ia-itu satu di-terima oleh Perdana Menteri dan empat lagi oleh Peguam Negara.

Perwakilan kapada Perdana Menteri itu telah di-buat dengan surat yang di-tandatangani oleh lima belas orang loyar Malaysia, yang menjalankan amalan di-Singapura. Mereka telah meminta Kerajaan membatalkan larangan itu supaya loyar[2] boleh menjalankan amalan dengan bebas di-Singapura dan di-Persekutuan sa-bagai satu badan profeshenal memandang kapada nyataan bahawa kita mempunyaï suatu sistem undang[2] yang sama. Mereka mengatakan bahawa hanya kepentingan loyar[2] di-Johor sahaja yang terjejas oleh loyar[2] Singapura di-Malaysia dan larangan yang di-kenakan oleh undang[2] baharu itu ka-atas kesemua loyar negara asing ada-lah suatu langkah yang terlalu keras yang telah di-ambil oleh Kerajaan. Singapura maseh membenarkan loyar[2] Malaysia menjalankan amalan di-Singapura. Mereka juga telah meminta Kerajaan memberi pertimbangan—

(*a*) bagi mengadakan suatu undang[2] melarang warganegara[2] bukan Malaysia dan pemastautin[2] bukan tetap daripada membuka dan menguruskan pejabat[2] di-Malaysia Barat;

(*b*) supaya tiada sa-saorang loyar Singapura di-benarkan hadhir dalam sa-suatu Mahkamah Malaysia kechuali mereka yang telah di-arah menjadi

peguambela dalam sa-suatu kes oleh sa-orang loyar Malaysia yang telah menchapai kenamaan sa-kurang[2]-nya tiga tahun dalam Peguaman Malaysia.

Dato' Marshall dan Enche' R. K. Booker dari M/s Allen & Gledhil, Singapura, yang mewakili loyar[2] Singapura yang menjalankan amalan di-Malaysia, telah menemui Peguam Negara di-Jabatan-nya untok mendapatkan sebab[2] yang sa-benar dan penjelasan ter-hadap larangan itu dan juga untok meminta Kerajaan menimbangkan sa-mula kemung-kinan membatalkan larangan itu, jika tidak kesemua-nya sa-kali sa-kurang[2]-nya sa-bahagian-nya.

Majlis Peguam Malaysia telah menulis sa-puchok surat kapada Peguam Negara menyatakan bahawa di-samping menghargai sebab[2] yang telah menggerakkan Kerajaan mengadakan Ordinan tersebut, ia suka hendak menyatakan rasa kemushkilan-nya oleh kerana tidak di-minta memberi pendapat[2]-nya atas sa-suatu perkara yang menyentoh Majlis itu. Mereka membantah bahawa Majlis itu telah tidak di-beri peluang untok di-dengar atas perkara ini, sunggoh pun ia selalu di-minta memberi pendapat[2]-nya atas perkara[2] lain yang menyentoh Majlis itu.

Dua puchok surat telah di-terima oleh Peguam Negara daripada beberapa orang ahli Majlis Peguam Johor menyokong tindakan Kerajaan melarang loyar[2] negara asing daripada menjalankan amalan di-Malaysia.

The Government has received five repre-sentations: one was received by the Prime Minister and the other four by the Attorney-General.

The representation to the Prime Minister was by letter signed by fifteen Malaysian lawyers, who are practising in Singapore. They asked the Government to lift the ban to allow practitioners on both sides of the Causeway to practise freely as a single professional body in view of the fact that we have a common system of law. They alleged that only the Johore Practitioners' interests were affected by the Singapore lawyers in Malaysia and that a total ban imposed on all alien lawyers by the new legislation is too drastic a step taken by the Government. Singapore is still permitting Malaysian lawyers to practise in Singapore. They have asked the Malaysian Government to consider:

(*a*) introducing a legislation to prevent non-Malaysian citizens and non-permanent residents from opening and operating offices in West Malaysia; and

(*b*) no Singapore lawyers should be allowed to appear in a West Malaysian Court except where they have been instructed for any case *as advocates* by a West Malaysian lawyer, who shall be of at least three years' standing at the Malaysian Bar.

Dato' Marshall and Mr R. K. Booker of M/s Allen & Gledhill, Singapore, repre-senting the Singapore lawyers having practice in Malaysia, met the Attorney-General in his Chambers to find out the real reason and clarification for the ban and to request the Malaysian Government to reconsider the possibility of lifting the ban, if not all, at least partially only.

The Bar Council of Malaysia wrote a letter to the Attorney-General stating that whilst the Bar Council appreciates the reasons which prompted the Government to introduce the said Ordinance, it wishes to express concern that it was not consulted on a matter which affected the Bar so intimately. They protested that the Bar was not given an opportunity to be heard on this matter, although on all other matters affecting the Bar, the Bar was always consulted.

Two letters were received by the Attorney-General from some members of the Johore Bar supporting the Government action in banning foreign lawyers from practising in Malaysia.

Kes[2] Mahkamah

50. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Peguam Negara apa-kah langkah[2] yang sewajar-nya untok menyelesaikan banyak kes[2] yang tersusun yang maseh belum di-selesaikan lagi agar ke'adilan dapat di-laksanakan dengan sa-chepat mungkin.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tamba-han seramai tujoh (7) orang Majisteret telah di-luluskan di-dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun 1971. Dengan ini di-satengah[2] Mahkamah yang dahulu-nya tiada di-tempat-kan Majisteret akan mendapat perkhidmatan Majisteret tempatan sa-penoh-nya. Dengan

penambahan bilangan Majisteret yang tersebut dan dengan kerjasama dari pehak penda'awa ada-lah di-harapkan bahawa kes[2] kebelakangan di-Mahkamah[2] Rendah dapat di-kurangkan dengan sa-berapa yang boleh.

Dalam Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan kes[2] jenayah tidak pernah di-tanggohkan tanpa sebab[2] yang tertentu dan munasabah.

Seven (7) additional appointments of Magistrates have been approved in the 1971 estimates. This will enable some of the Courts which hitherto have no resident Magistrate to have the services of full time Judicial Officers. With these additional appointments together with the co-operation of the prosecution, it is hoped that the arrears of cases in the Lower Courts shall be brought to a minimum.

There has never been any undue delay in the disposal of Criminal cases in the High Court and the Federal Court.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN TANAH

Petani[2] di-Cameron Highlands

51. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil oleh FAMA bagi menolong petani[2] di-Cameron Highlands mendapatkan harga yang lebeh baik bagi hasil tanaman mereka.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi): Penanaman kobis ia-lah puncha pendapatan yang utama bagi seramai 670 keluarga petani di-Cameron Highlands, kerana lebeh kurang 70% dari kebun[2] sendirian di-kawasan itu di-tanam dengan kobis. Kobis keluaran tempatan tidak menchukupi untok menampong kegunaan di-Malaysia Barat dan sa-banyak 40% dari-keperluan itu di-import dari luar negeri. Hampir[2] 80% dari impot[2] itu datang dalam tempoh masa enam bulan dari bulan Disember hingga Mei. Oleh yang demikian, harga kobis tempatan turun naik mengikut turun naik-nya pengimpotan kobis[2] dari luar negeri. Bagi mengsetabilkan harga ini dan juga bagi mengelakkan harga tempatan jatoh terlalu rendah akibat impot[2] kobis dari luar, FAMA telah mengeshorkan kapada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan sejak tahun 1969 supaya mengenakan "quota" ka-atas impot dalam tempoh masa bulan Disember hingga Mei. Sekatan impot telah pun di-kenakan dan bagi bulan Disember, 1970 hingga bulan Jun 1971, pengimpot[2] telah di-benarkan mengimpot hanya sa-takat 60% sahaja dari jumlah yang di-impot dalam tahun 1968. Kesan sekatan ka-atas impot itu boleh di-lihat daripada keadaan harga purata di-ladang yang telah meningkat ka-$19.75 dan $19 sa-pikul, mengikut chatetan harga untok bulan Disember, 1970 dan Januari 1971, jika di-banding dengan harga sa-banyak $15 dan $10 sa-pikul bagi bulan Disember 1967 dan Januari 1968, harga yang terdapat sa-belum kawalan impot di-kenakan.

To the 670 farming families in Cameron Highlands, cabbage provides the main source of income as its cultivation accounts for about 70% of the individual farm acreage. West Malaysia is not self-sufficient in cabbages and about 40% of the demand is fulfilled by imports. Nearly 80% of the imports is brought in during the six months period of December to May. Accordingly, the local prices of cabbages are subject to fluctuations in accordance with the seasonal inflow of imports. To stabilise the price and to prevent severe depression of local prices by imports, FAMA since 1969 has recommended to the Ministry of Commerce and Industry to impose quotas on import during the months of December to May. Such import restriction has been applied and for December 1970 to June 1971, importers are allowed to import up to only 60% of the quantity imported in 1968. The efficacy of the import restriction can be seen in the high average ex-farm prices of $19.75 and $19 a picul recorded for December 1970 and January 1971 as compared to the prices of $15 and $10 a picul for December 1967 and January 1968, when import control has not been imposed.

KEMENTERIAN KEWANGAN

"Bank of China"

52. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan Bank of China di-buka di-Malaysia.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Ordinan Urusan Bank, 1958, melarang pengeluaran lesen kapada mana[2] bank

dengan lebeh dari 50% modal terkumpulnya di-punyaï dan pengurusan-nya di-pegang oleh sa-buah kerajaan asing. Oleh kerana Bank of China di-punyaï sepenohnya oleh sa-buah kerajaan asing, ia-itu Republic Ra'ayat China, dan pengurusan-nya di-pegang oleh kerajaan tersebut, sa-buah lesen tidak-lah boleh di-keluarkan kapada bank itu untok menjalankan perkhidmatan di-Malaysia.

The Banking Ordinance, 1958, prohibits the issue of a licence to any bank in which more than 50% of the issued and paid-up capital is owned by and the management is controlled by a foreign government. Since the Bank of China is wholly owned by a foreign government, namely, the People's Republic of China, and its management is controlled by that government, a licence cannot be issued to that bank to operate in Malaysia.

Lembaga Kemajuan Petaling Jaya

53. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kewangan menyatakan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil supaya menentukan yang pinjaman Kerajaan sa-banyak $1 juta kapada Lembaga Kemajuan Petaling Jaya pada tahun 1954-1957 untok tujuan[2] Perbandaran dan kegunaan 'am tidak di-simpan di-dalam Bank sa-bagai simpanan tetap.

Tun Tan Siew Sin: Pinjaman $1 juta yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan sa-benar-nya ia-lah sa-bahagian daripada pinjaman[2] Kerajaan Persekutuan berjumlah $8 juta yang telah di-luluskan kapada Lembaga Kemajuan Petaling Jaya di-dalam tahun 1954-1957 bagi tujuan[2] pembangunan 'am. Dengan pembubaran Lembaga tersebut dalam bulan Januari 1964, tugas[2] Perbandaran telah di-ambil aleh oleh Lembaga Bandaran Petaling Jaya. Malang-nya pemindahan ini telah menyebabkan kelambatan membelanjakan wang pinjaman itu dan dengan demikian Lembaga telah berpendapat ada-lah wajar supaya di-simpan wang yang belum di-belanjakan itu dalam pertarohan[2] tetap. Sunggoh pun demikian, Lembaga sekarang telah memberi jaminan kapada Perbendaharaan ia-itu baki wang pinjaman itu akan di-belanjakan kesemua-nya dalam tahun ini bagi tujuan[2] yang di-maksudkan.

The $1 million loan referred to by the Honourable Member is actually part of Federal Government loans totalling $8 million given to the then Petaling Jaya Development Authority during the years 1954-1957 for general development purposes. With the dissolution of the Authority in January 1964, however, Municipal functions were taken over by the Petaling Jaya Town Board. This changeover had unfortunately caused delays in the utilization of the loan funds and hence the Board felt it prudent to keep the unspent portion of the amount in fixed deposits. However, the Board has now assured the Treasury that the balance of the loan money will be fully utilized within this year for the intended purposes.

"Casino"

54. Tuan Chan Yoon Onn minta kapada Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan telah meluluskan mana[2] Casino (tempat berjudi), dan jika ada, nyatakan nama pemohon[2] yang berjaya.

Tun Tan Siew Sin: Lesen Casino belum lagi di-keluarkan kapada sesiapa. Walau bagaimana pun, Kerajaan telah bersetuju sechara dasar untok memberi lesen[2] Casino kapada:

(*a*) Genting Highlands Sdn Berhad berkaitan dengan komplex pelanchongan di-Genting Sempah;

(*b*) Perbadanan Kemajuan Bukit Frazer untok pembangunan bukit tersebut sebagai pusat pelanchongan; dan

(*c*) Low Yat Holdings Sdn Berhad untok menjalankan Casino di-Penang Hill dengan sharat sharikat ini memajukan Pulau Langkawi bagi menjadikan-nya sebagai satu pusat pelanchongan.

Daripada di-atas akan dapat di-perhatikan bahawa Casino[2] akan di-jalankan di-tempat[2] yang sedang di-majukan bagi menarek pelanchong[2] dan tempat[2] ini tidak-lah berdekatan dengan kawasan[2] yang banyak pendudok[2].

No casino licence has yet been issued to any individual or company. However, the Government has agreed in principal to grant casino licences to:

(*a*) Genting Highlands Sdn Berhad in connection with the tourist complex which the Company is establishing at Genting Sempah;

(*b*) Fraser's Hill Development Corporation for the development of the Hill as a tourist resort; and

(*c*) Low Yat Holdings Sdn Berhad for the operation of a casino at Penang Hill on condition the Company develops Langkawi into a tourist centre.

It will therefore be seen that the casinos will be operated in areas which are being developed for the purposes of tourism and which are not in close proximity to densely populated areas, not readily accessible to the people living in such areas.

Pinjaman untok Beli Rumah

55. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Kewangan menyatakan butir[2] berkenaan pinjaman[2] untok membeli rumah kapada kakitangan Kerajaan sebagaimana yang di-shorkan oleh Surohanjaya Suffian dan memberi tahu bila-kah ranchangan ini akan di-laksanakan.

Tun Tan Siew Sin: Butir[2] mengenai sekim itu boleh di-dapati dari Pekeliling Perkhidmatan No. 7 tahun 1970 dan di-terangkan dengan lebeh lanjut lagi dalam Pekeliling Perbendaharaan No. 6 tahun 1970 yang di-lampirkan bersama sebagai "Lampiran D" kapada Pekeliling Perkhidmatan tersebut. Oleh kerana Pekeliling Perkhidmatan No. 7 tahun 1970 berkaitan dengan "Perubahan Gaji dan Sharat[2] Perkhidmatan bagi Pekerja[2] Dalam Bahagian I, II dan III dalam Perkhidmatan Awam di-Malaysia Barat" dan walaupun telah di-chetak ada-lah sepanjang 1,159 muka, salinan[2] Pekeliling Perbendaharaan No. 6 tahun 1970 bertajok "Pinjaman Wang Untok Membuat/Membeli Rumah Sendiri oleh Pegawai[2] Kerajaan" yang bersetensil boleh di-perolehi sekarang dari Kerani Dewan Ra'ayat.

Details of the scheme can be found in Service Circular No. 7 of 1970 and amplified in Treasury Circular No. 6 of 1970, which is attached as "Lampiran D" to that Service Circular. Since Service Circular No. 7 of 1970 deals with the "Perubahan Gaji dan Sharat[2] Perkhidmatan bagi Pekerja[2] Dalam Bahagian I, II dan III dalam Perkhidmatan Awam di-Malaysia Barat" and although published is 1,159 pages long, stencilled copies of Treasury Circular No. 6 of 1970 entitled "Pinjaman Wang Untok Membuat/Membeli Rumah Sendiri Oleh Pegawai[2] Kerajaan" may be obtained from the Clerk of the Dewan Ra'ayat.

Kawasan Kastam Bersama

56. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Kewangan apa-kah langkah[2] yang telah di-ambil untok mengadakan suatu kawasan kastam bersama dan perjanjian tarif antara Malaysia dan Singapura supaya barang[2] boleh keluar masok dengan lebeh lichin di-antara kedua negara.

Tun Tan Siew Sin: Tiada apa[2] langkah yang telah di-ambil untok mendirikan suatu kawasan kastam bersama atau pun mengadakan perjanjian tarif dengan Singapura oleh kerana langkah[2] tersebut tidak di-anggap perlu.

No steps have been taken to establish a common customs area or to conclude a tariff agreement with Singapore as such steps are not considered necessary.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Lembaga Pemereksaan Tempat[2] Tahanan

57. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan: (*a*) atas asas apa-kah ahli[2] Lembaga Pemereksaan untok tempat[2] tahanan di-lantek; dan (*b*) sama ada beliau akan menimbang melantek ahli[2] pembangkang dan wakil[2] yang di-lantek ka-Lembaga saperti itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail):

(*a*) Ahli[2] Lembaga Pemereksaan Tempat[2] Tahanan ada-lah di-lantek daripada Ketua[2] Pejabat Kerajaan dan orang[2] awam yang di-hormati di-kalangan masharakat tempatan dan juga terkenal dengan perkhidmatan mereka sechara sukarela kapada awam.

(*b*) Oleh kerana pemilehan mereka itu tidak ada kena mengena dengan parti politik maka soal melantek ahli[2] termasok ahli[2] pembangkang tidak-lah berbangkit.

Tempatan Tahanan Batu Gajah

58. Tuan V. Divid bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah beliau sedar akan pemerentahan kuku besi

oleh pehak[2] berkuasa Kem Tahanan Batu Gajah yang mengurong orang[2] tahanan kadang-kala hingga enam bulan lama-nya dan ada-lah di-perchayaï ketiadaan layanan yang baik, kekurangan kemudahan[2] beristerihat dan ketiadaan rawatan perubatan yang sempurna dalam erti kata layanan yang berperi kemanusiaan menyebabkan kematian sa-orang tahanan, 3 orang mengidap penyakit lemah jantong, 2 orang mengidap penyakit otak, 3 orang mengidap penyakit batok kering, 40% sakit perut (gastric) dan 55% sakit hidong. Ada-kah beliau bersedia membuat satu penyiasatan terhadap keadaan orang[2] tahanan yang di-ketuai oleh sa-orang Hakim Mahkamah Tinggi.

Tun Dr Ismail: Tidak ada pengurongan sa-orang diri (solitary confinement) di-lakukan terhadap orang[2] tahanan di-Tempat Tahanan Batu Gajah saperti yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang berlaku ia-lah mereka itu di-tempatkan di-bilek masing[2] untok mematahkan kegiatan[2] kominis yang memunchak yang mereka lakukan. Sunggoh pun begitu mereka di-benarkan menjalankan senaman selama 2 jam tiap[2] hari di-luar bilek masing[2] dan juga mendapat keistimewaan dan kemudahan[2] saperti berishterihat, melihat wayang gambar, membacha surat khabar/majallah[2], dan menerima rawatan doktor.

Saperti orang[2] tahanan yang mengidap penyakit[2] yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kedudokan-nya ia-lah saperti berikut:

Sakit Jantong (Heart Disease)	—Sa-orang sahaja dan ia maseh berdegil tiada mahu pergi ka-hospital untok di-bedah.
Sakit Otak	—2 orang. Sa-orang daripada-nya ia-lah bekas pesakit otak sa-belum di-tahan. Sekarang kedua[2] mereka itu telah di-bebaskan.
Batok Kering	—3 orang. Dua orang daripada-nya telah mengidap penyakit itu sa-belum di-tahan.
Gastric Complaint	—Sa-orang sahaja yang di-ketahuï. Ia-nya telah meninggal dunia di-rumah sakit sebab penyakit jantong (coronary thrombosis).
Sakit Hidong (Nostril Case)	—3 orang.

Saya suka juga menerangkan di-sini ia-itu sa-orang pembantu kanan Hospital (Senior Hospital Assistant) datang memereksa orang[2] tahanan pada tiap[2] hari dan mereka[2] yang berkehendakan pemereksaan dan rawatan doktor ada-lah di-hantar ka-rumah sakit Batu Gajah dengan serta merta. Dalam pada itu, doktor dari rumah sakit Batu Gajah ada juga membuat lawatan lebeh kurang 2 kali dalam sa-bulan atau lebeh kerap lagi jika di-kehendaki.

Keadaan di-Tempat Tahanan Batu Gajah itu ada-lah memuaskan dan oleh itu penyiasatan saperti yang di-chadangkan itu tidak-lah mustahak.

Lembaga Penasehat

59. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah beliau akan mempelawa ahli[2] dari parti[2] pembangkang untok menyertaï Lembaga Penasehat sa-bagaimana yang terchatet di-bawah Perkara 151, fasal 2, Perlembagaan, bagi menjamin ke'adilan dalam menimbangkan kes[2] penahanan.

Tun Dr Ismail: Saya tidak berchadang hendak melantek ahli[2] Lembaga itu atas pertalian atau sokongan mereka kapada satu[2] parti politik. Mereka[2] yang di-pileh menjadi ahli[2] Lembaga Penasehat ada-lah orang[2] yang di-hormati di-kalangan masharakat, terkenal dengan perkhidmatan[2] mereka dalam pertubohan sukarela dan tidak berat sa-belah dalam perkara menimbang kes[2] penahanan.

Pertubohan Pengampunan Antara Bangsa

60. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah surat[2] atau perwakilan yang di-terima dari Ibu Pejabat Pengampunan Antara Bangsa atau chawangan[2]-nya bagi pehak orang[2] yang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan memberi butir berkenaan surat[2] dan perwakilan[2] berasingan bagi tahun 1969 dan 1970.

Tun Dr Ismail: Kementerian saya ada menerima surat[2] dari masa ka-semasa daripada Amnesty International Secretariat yang biasa-nya bertanyakan sebab[2] penahanan dan kebajikan umum orang[2] tahanan. Surat[2] daripada Amnesty International Secretariat adalah di-layani, tetapi tidak-lah dapat Kementerian ini memberi jawapan kapada tiap[2] Ahli Badan[2] tersebut yang juga menulis berkenaan dengan perkara[2] yang sama. Patut juga di-terangkan di-sini ia-itu hanya maaluman yang tidak bertentangan dengan keselamatan yang telah di-beri kapada Badan Amnesty International. Lain pada itu, perjumpaan atau "interview" telah juga di-beri oleh pegawai[2] kanan Kementerian saya kapada sa-orang wakil Badan tersebut. Dalam hal ini, sa-puchok surat kepujian telah pun di-terima oleh Kementerian ini daripada Setiausaha Agong, Amnesty International.

61. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar atau tidak yang Kementerian beliau enggan menjawab perhubongan atau perwakilan[2] dari Pertubohan Pengampunan Antara Bangsa dan jika benar, terangkan sebab[2]-nya.

Tun Dr Ismail: Tidak benar.

Saperti saya telah nyatakan kapada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan soalan yang serupa terdahulu daripada ini, Kementerian saya telah memberi jawapan dari satu masa ka-semasa kapada perhubongan dan perwakilan dari Pertubohan Pengampunan Antara Bangsa.

Akta Keselamatan Dalam Negeri

62. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Dalam Negeri memberi senarai orang[2] yang di-tahan di-Sarawak di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sa-lepas 13 Mei, 1969 dengan memberi pekerjaan, tarikh di-tahan, sebab[2] di-tahan, lama-nya di-tahan tiap[2] sa-orang dan jika telah di-bebaskan tarikh di-bebaskan serta, sharat atau tanpa sharat.

Tun Dr Ismail: Kerana kepentingan keselamatan, saya hanya dapat memberi angka[2] mereka yang di-tangkap, di-tahan, di-bebaskan dengan bersharat dan yang di-bebaskan dengan tidak bersharat sa-lepas 13hb Mei, 1969, di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga undang[2] yang sa-rupa di-pakai di-Sarawak ia-itu "Preservation of Public Security (Detention) Regulations 1962, Sarawak". Angka[2] itu ia-lah saperti berikut:

Bilangan di-tangkap	1,222
Bilangan di-tahan	1,082
Bilangan yang telah di-bebaskan dengan bersharat	128
Bilangan di-bebaskan dengan tiada bersharat	12

63. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Dalam Negeri memberi senarai orang[2] yang di-tahan di-Sabah di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sa-lepas 13 Mei, 1969 dengan memberi pekerjaan, tarikh di-tahan, sebab[2] di-tahan, lama di-tahan tiap[2] sa-orang dan jika telah di-bebaskan, tarikh di-bebaskan serta, dengan sharat atau tanpa sharat.

Tun Dr Ismail: Tidak ada orang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di-Sabah sejak 13-5-1969 tetapi tahanan ada di-buat di-bawah Undang[2] "The Preservation of Public Security Regulation 1962, Sabah." Kerana kepentingan keselamatan saya hanya dapat memberi angka mereka[2] yang di-tangkap, di-tahan, di-bebaskan dengan bersharat dan di-bebaskan dengan tidak bersharat. Angka[2] yang di-tahan dan di-bebaskan di-bawah undang[2] "The Preservation of Public Security Regulation 1962, Sabah" itu semenjak 13-5-69 ia-lah saperti berikut:

Bilangan di-tahan sejak 13-5-1969	24 orang
Bilangan yang telah di-bebaskan dengan bersharat	15 orang
Bilangan yang di-bebaskan dengan tidak bersharat ...	5 orang

Buang Negeri

64. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar: (*a*) 19 orang yang telah di-mansokhkan sijil kera'ayatan-nya di-tahan di-Penjara Seremban menunggukan masa di-hantar balek ka-Republik Ra'ayat China; dan (*b*) mereka telah melancharkan mogok lapar baharu[2] ini. Jika benar, apa-kah sebab[2] mereka mogok lapar.

Tun Dr Ismail:

(*a*) Jumlah bilangan banduan buang negeri yang di-tahan di-Penjara Seremban menunggu masa di-hantar balek ka-negeri mereka ia-lah sa-benar-nya 104 orang dan mereka ini bukan-nya warganegara Malaysia. Jadi soalan sijil kera'ayatan mereka di-mansokhkan tidak-lah berbangkit. Juga bukan kesemua-nya mereka itu akan di-buang ka-Negeri Republik Ra'ayat China.

(*b*) Pada 4-1-71 sa-ramai 25 orang, bukan-nya 19 orang saperti yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, telah melancharkan mogok lapar. Sebab-nya ia-lah mereka mendesak untok men-dapat kemudahan[2] dari ranchangan kerja mengikut Peratoran Penjara, 1953. Tetapi mereka tidak berhak mendapat kemudahan[2] itu kerana mereka tidak mahu terlebeh dahulu mengambil bahagian dalam ranchangan kerja tersebut.

Enche' S.J.P. Feron

65. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata-kan:

(*a*) tarikh dan lama-nya S. J. P. Feron di-tahan;

(*b*) sebab[2] yang lengkap ia di-tahan;

(*c*) tempat ia di-tahan sekarang;

(*d*) sama ada benar atau tidak S. J. P. Feron di-tahan kerana ia menulis suatu ren-chana di-Surat kapada Pengarang Life Magazine keluaran 8hb Disember, 1969, memberikan laporan yang di-sak-sikan-nya sendiri berkenaan kejadian rusohan kaum 13 Mei dan pendapat-nya bagaimana rusohan itu bermula.

Tun Dr Ismail:

(*a*) Tarikh hukuman penahanan ia-lah 8-2-70 untok selama 2 tahun.

(*b*) S. J. P. Feron telah di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kegiatan-nya yang perasangka terhadap kesejahteraan dan ketentera-man awam di-Malaysia. Sa-terus-nya dengan tindakan-nya itu ia telah men-chuba untok merosakkan ikhtiar[2] Kera-jaan untok membawa negeri kapada keadaan yang sediakala dengan chepat-nya.

(*c*) Pusat Orang[2] Tahanan Batu Gajah.

(*d*) Tidak benar.

Enche' Dzulkifli Ismail

66. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata-kan:

(*a*) tarikh dan lama-nya Dzulkifli Ismail, Ahli Dewan Negeri Kawasan Ulu Kuantan di-tahan;

(*b*) Sebab[2] yang lengkap ia di-tahan;

(*c*) sama ada kes-nya telah di-bawa ka-Lembaga Penasihat (Advisory Board), jika ia, sebab[2] kenapa ia maseh di-tahan.

Tun Dr Ismail:

(*a*) Perentah Tahanan di-keluarkan pada 22-3-70 untok tempoh 2 tahun.

(*b*) Enche' Dzulkifli bin Ismail telah di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kegiatan-nya yang mengancham ketenteraman awam dan keselamatan negeri.

(*c*) Ya, ia-nya tidak di-bebaskan kerana ia-nya maseh di-anggap sa-bagai mengan-cham keselamatan negeri.

Enche' Tajuddin Kahar

67. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Tajuddin Kahar menerima dengan bertulis sharat[2] mengenai pembebasan-nya pada bulan Mach 1969. Jika tidak apa-kah sebab dia di-tangkap dan di-tahan sa-mula pada 31-7-70.

Tun Dr Ismail: Enche' Tajuddin Kahar telah enggan menerima dengan bertulis sha-rat[2] yang di-kenakan untok kebebasan-nya apabila ia di-bebaskan dalam bulan Mach 1969. Namun demikian sharat[2] tersebut telah di-terangkan kapada-nya dengan di-saksikan oleh peguam-nya. Ia telah di-tangkap pada 31-7-70 kerana melanggar satu daripada sha-rat tersebut ia-itu meninggalkan Daerah Polis (di-mana ia di-hadkan) dengan tidak men-dapat kebenaran daripada pehak Polis. Ia telah di-hadap ka-mahkamah dan perbi-charaan belum selesai lagi. Ia dalam jaminan sekarang.

Enche' Karam Singh/Enche' Feron

68. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, mengapa Karam Singh dan Feron di-kenakan kurongan sa-orang diri dan ada-kah beliau sedar bahawa kedua[2]-nya akan berubah akal jika terus menerus di-kurong bersendirian.

Tun Dr Ismail: Enche' Karam Singh dan Enche' Feron ada-lah pada masa ini di-tahan di-Blok D di-mana ada dua bilek (cell). Namun demikian mereka ada-lah di-benar-kan mengambil bahagian di-dalam kegiatan[2] sokan di-blok[2] lain. Oleh yang demikian kenyataan yang menyatakan mereka di-tahan di-tempat kurongan bersendirian (solitary confinement) ada-lah tidak tepat.

Pasokan Anti-Pemusnahan Peneroka[2] Kepong

69. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata-kan:

(*a*) berapa banyak-kah ahli[2] dan pemimpin Pasokan Anti-Pemusnahan Peneroka[2] Kepong yang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada bulan November tahun lepas;

(*b*) sama ada penangkapan mereka ber-sangkut paut dengan pimpinan yang mereka berikan dalam kempen untok memperjuangkan ke'adilan untok bera-tus ribu setinggan yang akan di-singkir; dan

(*c*) memberi nama, alamat, jantina dan pekerjaan sa-tiap orang yang di-tahan dan menerangkan sama ada ia telah di-bebaskan atau maseh di-tahan.

Tun Dr Ismail:

(*a*) 4 orang termasok sa-orang perempuan, telah di-tangkap dalam bulan Novem-ber, 1970 di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri;

(*b*) Tidak. Penangkapan[2] itu tidak bersangkut paut dengan Pasokan Anti-Pemusnahan Peneroka[2] Kepong (Kepong Anti-Demolition Squad). Ke-empat[2] orang yang di-tangkap itu telah terbabit dengan kegiatan[2] yang mer-bahayakan keselamatan negeri. Mereka dahulu-nya ia-lah ahli[2] dua-buah pertubohan setelit PARTI KOMINIS MALAYA (PKM) di-KUALA LUM-PUR. Semasa di-tangkap dalam bulan November 1970 mereka telah menem-busi Pasokan Anti-Pemusnahan Pene-roka[2] Kepong dan menjalankan exploitasi mengenaï perkara pengusiran setinggan[2] dengan tujuan hendak mendapatkan sokongan orang ramai (masses). Tujuan mereka berbuat demikian ia-lah untok menimbolkan perasaan kechemasan, takut dan tidak perchaya kapada Kerajaan di-kalangan setinggan[2]. Oleh yang demikian, penangkapan[2] mereka di-jalankan kerana pertalian mereka dengan pertubohan[2] satelit PKM dan bukan-lah kerana hubongan-nya dengan Pasokan Anti-Pemusnahan Peneroka[2] Kepong.

(*c*) 3 orang daripada mereka itu telah di-kenakan Perentah Tahanan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kepentingan awam dan kese-lamatan dalam negeri mulaï 25-1-71 dan sa-orang lagi (ia-itu perempuan) telah di-bebaskan dengan bersharat. Atas kepentingan keselamatan, saya tidak dapat memberi butir[2] lebeh lanjut mengenaï mereka[2] itu.

Kesalahan[2] Rasuah

70. Tuan Mohamed Daud bin A. Samad bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai-kah orang[2] yang di-dakwa kerana kesalahan rasuah sejak Mei, 1969 hingga akhir tahun 1970 dan berapa-kah di-antara mereka yang di-hukum yang termasok ka-dalam golongan:

(*a*) orang[2] politik yang berkuasa yang menyalah gunakan kuasa;

(*b*) pegawai[2] tinggi Kerajaan;

(*c*) pegawai[2] rendah Kerajaan;

(*d*) saudagar[2];

(*e*) pegawai[2] pelajaran; dan

(*f*) pegawai[2] di-bawah Kementerian Pem-bangunan Negara dan Luar Bandar.

Tun Dr Ismail: Perangkaan yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah saperti berikut:

	Di-dakwa	Di-hukom	Di-dapati tidak thabit	Menunggu Per-bicharaan
(*a*) orang politik yang berkuasa yang menya-lahgunakan kuasa	4	3	1	—
(*b*) pegawai[2] tinggi Kerajaan	9	1	3	5
(*c*) pegawai[2] rendah Kerajaan	179	47	20	112
(*d*) saudagar[2]	334	177	47	110
(*e*) pegawai[2] pelajaran	4	1	2	1
(*f*) pegawai[2] di-bawah Kementerian Pem-bangunan Negara dan Luar Bandar ...	4	—	1	3
Jumlah ...	534	229	74	231

71. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ada-kah Badan Penchegah Rasuah pernah menggunakan kuasa yang telah di-berikan kapada-nya oleh Ordinan (Kuasa[2] Perlu) Dharurat No. 22. Jika ya, boleh-kah Menteri memberikan jumlah Ahli[2] Parlimen, Wakil Ra'ayat, Pegawai Kerajaan yang telah di-pereksa, dan berapa orang pula yang telah di-dakwa di-mahkamah.

Tun Dr Ismail: Badan Penchegah Rasuah pernah menggunakan kuasa[2] yang di-berikan oleh Ordinan (Kuasa[2] Perlu) Dharurat No. 22. 16 orang Wakil Ra'ayat dan 13 orang pegawai Kerajaan telah di-siasat dan di-antara mereka itu, hanya sa-orang Wakil Ra'ayat telah di-bawa ka-Mahkamah.

Hasil penyiasatan telah juga berkesudahan saperti berikut:

Wakil Ra'ayat—

1 orang telah mengembalikan balek sa-bahagian daripada wang tunai yang di-mileki-nya dengan churang.

1 orang telah mengembalikan balek sa-keping tanah Kerajaan yang di-perolehi-nya dengan menyalahgunakan kuasa.

Pegawai[2] Kerajaan—

1 orang telah mengembalikan balek sa-bahagian daripada tanah-nya kapada Kerajaan.

1 orang telah di-shor supaya di-kenakan tindakan tata-tertib supaya di-persarakan demi kepentingan awam tetapi belum mendapat keputusan.

Buku[2] yang di-haramkan

72. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata-kan senarai buku[2] politik dan riwayat hidup (biography) yang telah di-haramkan dari di-bawa masok ka-Malaysia; dan memberi nama pengarang, penerbit, tarikh dan sebab[2] tiap[2] buku itu (di-haramkan).

Tun Dr Ismail: Tajok[2] buku pengarang[2]-nya, tarikh[2] serta sebab[2] buku[2] politik dan riwayat hidup yang telah di-haramkan dari di-bawa masok ka-negeri ini telah di-siarkan di-dalam *Warta*[2] Kerajaan yang berikut:

L.N. 331/50	bertarikh	29-7-50
L.N. 332/50	„	29-7-50
L.N. 413/50	„	19-9-50
L.N. 443/50	„	7-10-50
L.N. 263/51	„	27-4-51
L.N. 278/51	„	4-5-51
L.N. 329/52	„	12-6-52
L.N. 11/53	„	22-12-52
L.N. 445/56	„	27-12-56
L.N. (NS) 57/57	„	7-11-57
L.N. 299/58	„	23-9-58
L.N. 220/60	„	1-9-60
L.N. 191/60	„	29-7-60
P.U. 72/66	„	24-2-66
P.U. 394/66	„	28-10-66
P.U. 231/67	„	25-5-67

L.N. 28/68	bertarikh	25-1-68
P.U. 156/68	„	18-4-68
L.N. 320/68	„	22-8-68
P.U. 447/68	„	17-10-68
L.N. 491/68	„	15-11-68
P.U. (A) 435/69	„	30-10-69
P.U. (A) 50/70	„	29-1-70
P.U. (A) 312/70	„	3-9-70

73. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan senarai buku[2] bahasa Inggeris mengenai negeri China yang telah di-haramkan dari di-bawa masok ka-Malaysia; dan memberi nama pengarang, penerbit, tarikh dan sebab[2] tiap[2] buku itu (di-haramkan).

Tun Dr Ismail: Tajok[2] buku, pengarang[2]-nya, penerbit[2]-nya, tarikh[2] serta sebab[2] buku[2] dalam bahasa Inggeris mengenai negeri China yang telah di-haramkan dari di-bawa masok ka-negeri ini telah di-siarkan di-dalam *Warta*[2] Kerajaan yang berikut:

L.N. 263/51	bertarikh	12-4-51
L.N. 329/52	„	29-5-52
L.N. 11/53	„	22-1-53
L.N. 404/56	„	27-11-56
L.N. 44/58	„	22-1-58
L.N. 191/60	„	30-7-60
L.N. 462/65	„	25-11-65
L.N. 231/67	„	25-5-67
P.U. 28/68	„	26-1-68
P.U. 320/68	„	25-7-68
P.U. 447/68	„	14-11-68
P.U. 491/68	„	28-11-68

Kenaikan Pangkat Pegawai[2] Polis

74. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa senarai naik pangkat Timbalan[2] Penguasa kapada Penguasa di-beri kapada akhbar[2] dan senarai naik pangkat Ketua[2] Inspekter dan Penolong[2] Penguasa tidak di-beri kapada akhbar[2]; dan menyatakan kalau ada sebab[2] yang tertentu mengapa ra'ayat tidak di-beritahu tentang Ketua[2] Inspekter dan Penolong[2] Penguasa yang di-naikan pangkat.

Tun Dr Ismail: Memang-lah benar pada masa[2] yang lepas senarai[2] Ketua[2] Inspekter/Inspekter yang di-naikkan ka-pangkat A.S.P. di-siarkan di-dalam akhbar[2] tetapi pada masa ini dasar ini telah di-ubah dan tidak-lah lagi di-anggap mustahak mengikut peratoran lama ini. Dalam pada itu, nama[2] pegawai berkenaan telah di-siarkan di-dalam *Warta* Kerajaan dan Perentah Pasokan (Force Order) dan dengan ini orang[2] awam dan anggota[2] Polis sendiri akan mengetahui nama[2] pegawai berkenaan. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat ada mendapat salinan[2] *Warta* Kerajaan dengan perchuma, sebagai satu kemudahan anggota[2] Parlimen, Ahli Yang Berhormat sendiri pun boleh mendapat ma'alumat sa-demikian jika membacha *Warta*[2] Kerajaan berkenaan.

75. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan nama[2] lebeh daripada 80 ketua[2] Inspekter dan Penolong[2] Penguasa Polis yang di-naikkan pangkat pada akhir tahun lalu.

Tun Dr Ismail: Nama[2] pegawai yang di-maksudkan itu boleh-lah di-dapati dalam *Warta*[2] Kerajaan, saperti berikut:

(*a*) Ketua[2] Inspekter yang di-naikkan ka-pangkat Penolong Penguasa Polis—

(i) *Warta* Kerajaan Persekutuan No. 4771 bertarikh 5-11-70;

(ii) *Warta* Kerajaan Persekutuan No. 223 bertarikh 4-2-71;

(iii) Sarawak Government *Gazette* Part V Vol. XXV No. 38 bertarikh 17-7-70; dan

(iv) Sarawak Government *Gazette* Part V Vol. XXV No. 50 bertarikh 18-9-70;

(*b*) Penolong[2] Penguasa Polis yang di-naikkan ka-pangkat Timbalan Penguasa Polis—

(i) No. 4770 bertarikh 5-11-70;

(ii) No. 224 bertarikh 4-2-71; dan

(iii) No. 608 bertarikh 18-3-71.

76. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan nama[2] Timbalan Penguasa Polis yang di-naikkan ka-pangkat Penguasa pada awal tahun lalu.

Tun Dr Ismail: Nama[2] pegawai yang di-maksudkan itu boleh-lah di-dapati dalam Warta Kerajaan No. 484 bertarikh 4-3-71.

Pegawai[2] dan Anggota[2] Polis

77. Tuan Su Liang Yu minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) berapa orang yang baru masok Polis Constables dan apa bangsa-nya dari tahun 1969 hingga 1970;

(*b*) berapa orang Pegawai[2] Polis dengan bangsa dan pangkat di-hantar ka-United Kingdom atau Amerika untok specialist training dan apa dasar-nya dalam pemilehan, ada-kah apabila pegawai[2] itu balek mereka di-tempatkan pada unit yang sesuai mengikut pengetahuan istimewa yang di-memperolehi;

(*c*) berapa perbelanjaan untok hantar Pegawai[2] itu ka-United Kingdom atau Amerika dengan kapal terbang dan kapal dan apa sebab-nya yang berlainan daripada lain

(*d*) siapa bayar perbelanjaan sementara mereka ada di-United Kingdom atau Amerika.

Tun Dr Ismail:

(*a*) Ada pun jumlah rekrut[2] bahru dalam Perkhidmatan Polis mengikut bangsa pada tahun 1969 dan 1970 ia-lah saperti berikut—

	1969	1970
Melayu	5,634	896
China	28	103
India	58	61
Jumlah ...	5,710	1,060

(*b*) (i) Pegawai[2] yang telah di-hantar ka-U.K. dan U.S.A. pada tahun 1969 dan 1970 untok latehan khas (Specialist) ia-lah saperti berikut—

	1969 U.K.	1969 U.S.A.	1970 U.K.	1970 U.S.A.
Melayu ...	2	1 (1 DSP & 2 ASP)	3	1 (3 ASP & 1 Supt)
China ...	6	1 (5 ASP & 2 Insp)	3	1 (1 ACP & 3 ASP)
India ...	2	— (1 DSP & 1 Supt)	1	— (1 ASP)

(ii) Pemilehan pegawai berlateh keluar negeri di-kendalikan oleh suatu Lembaga Pemilehan yang mengandongi pegawai[2] kanan dari Ibupejabat Polis. Perakuan[2] yang di-perbuat oleh Lembaga Pemilehan itu di-kemukakan untok kelulusan Ketua Polis Negara. Kemudian-nya, Jabatan Perkhidmatan Awam di-hubongi untok mendapat keputusan yang muktamad bagi mempersetujukan shor[2] yang berkenaan.

(iii) Ya.

(*c*) Jumlah perbelanjaan untok menghantar pegawai[2] ia-lah saperti berikut—

Ka-United Kingdom:

1969—$32,600 untok 10 orang @ $3,260 tiap[2] sa-orang;

1970—$22,820 untok 7 orang @ $3,260 tiap[2] sa-orang; dan

Ka-United States of Amerika:

1969—$7,760 untok 2 orang @ $3,880 sa-orang;

1970—$7,760 untok 2 orang @ $3,880 sa-orang.

Tiada pegawai[2] yang pergi dengan kapal laut oleh kerana mereka hanya di-benarkan untok belayar dengan kapal terbang sahaja.

(*d*) Semasa di-U.K. perbelanjaan mereka di-bayai oleh Kerajaan Malaysia atau dengan Biasiswa Ranchangan Colombo. Di-U.S.A. perbelanjaan ini di-bayar daripada Biasiswa Kerajaan Malaysia atau Ranchangan USAID.

Pasokan Polis Simpanan Persekutuan

78. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada Pasokan Polis Penchegah Rusohan akan di-perbesarkan lagi kerana memandangkan betapa chemerlang-nya tugas² mereka dalam masa rusohan 13 Mei, yang lalu.

Tun Dr Ismail: Pasokan Polis Simpanan Persekutuan tidak di-perbesarkan buat sementara ini; untok mengukohkan Pasokan Polis menentang kejadian² rusohan, tindakan yang telah di-ambil ia-lah untok memperbesarkan Pasokan Polis Hutan dan memberi latehan menentang rusohan kapada tiap² pelatun Pasokan itu.

Rumah² Harga Murah

79. Tuan Hor Cheok Foon minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan beberapa banyak yunit perumahan yang akan di-dirikan pada tiap² tahun di-negeri ini dalam Ranchangan Kerajaan dan berapa lama di-kehendaki oleh Kerajaan untok menyiapkan semua projek² perumahan bagi menempatkan setinggan² di-negeri ini.

Tun Dr Ismail: Perkara perumahan (kechuali bagi Ibu Kota Kuala Lumpur) ada-lah tanggong-jawab Kerajaan Negeri saperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Kerajaan² Negeri telah pun mengemukakan chadangan² mereka untok ranchangan rumah murah dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Oleh kerana peruntokan wang bagi Ranchangan Malaysia Yang Kedua itu maseh belum di-putuskan lagi maka tidak-lah dapat di-nyatakan berapa banyak-kah yunit rumah² pangsa atau rumah² akan di-bena tiap² tahun di-seluroh negeri untok menyelesaikan masaalah setingan² itu.

80. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kenapa rumah² murah kerajaan tidak lagi di-bena untok pendudok² Negeri Sembilan dalam 2 tahun yang lepas dan ada-kah ranchangan² kerajaan untok meneruskan pembenaan rumah² murah pada masa depan.

Tun Dr Ismail: Perkara perumahan (kechuali untok Ibu Kota Kuala Lumpur) ada-lah tanggong-jawab Kerajaan Negeri saperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Soalan ini patut di-tuju kapada Kerajaan Negeri yang berkenaan. Walau bagaimana pun Kementerian ini ada-lah menggalakkan Kerajaan² Negeri membuat ranchangan² rumah bayaran murah.

Mengikut rekod yang di-perolehi, tidak kurang daripada 22 buah ranchangan yang mengandongi 1,130 buah rumah murah telah siap dalam Negeri yang tersebut dalam tahun 1969 dan 1970.

81. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah unit² rumah murah yang telah di-bena oleh Kerajaan sa-tiap tahun semenjak tahun 1960.

Tun Dr Ismail: Bilangan yunit² rumah murah yang telah siap di-bena semenjak tahun 1960 hingga tahun 1970 ada-lah saperti berikut:

Tahun	Bil. Yunit²
1960	164
1961	431
1962	1,524
1963	2,147
1964	1,913
1965	1,553
1966	1,126
1967	1,610
1968	3,991
1969	13,259
1970	2,536
Jumlah ...	30,254

The number of low cost housing units completed since 1960 to 1970 is as follows:

Year	No. of Units
1960	164
1961	431
1962	1,524
1963	2,147
1964	1,913
1965	1,553
1966	1,126
1967	1,610
1968	3,991
1969	13,259
1970	2,536
Total ...	30,254

82. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan rumah[2] murah yang telah siap di-bena:

(i) antara Mei 1969 dan Disember 1969;

(ii) untok seluroh tahun 1970.

Tun Dr Ismail:

(i) 8,345 yunit;

(ii) 2,536 yunit;

(i) 8,345 units;

(ii) 2,536 units;

83. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan ranchangan[2] rumah murah untok tahun 1971; memberi butir yunit yang akan di-bena di-tiap[2] bandar atau kampong.

Tun Dr Ismail: Sunggoh pun Kerajaan[2] Negeri telah membuat permohonan[2] untok wang pinjaman bagi ranchangan rumah murah bagi Ranchangan Malaysia yang Kedua (1971-1975) tetapi oleh kerana Ranchangan Malaysia yang Kedua itu belum di-pertimbangkan lagi, maka butir[2] yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah mungkin dapat di-beri.

Walau bagaimana pun bandar[2] serta bilangan yunit[2] bagi beberapa ranchangan dari tahun[2] yang lalu yang maseh dalam pembenaan atau yang baru hendak di-mulakan ada-lah saperti berikut:

Negeri	Ranchangan	Yunit
Kedah	(i) Tongkang Yard, Alor Star	120
	(ii) Kuala Kedah (Phase II)	218
P. Pinang	(i) Jalan Chain Ferry, Butterworth ...	420
	(ii) Ayer Itam (Phase IV), P. Pinang ...	478
Perak	Jalan Ashby, Ipoh ...	336
Melaka	Peringgit (Phase II), Melaka	28
Johor	Jalan Lumba Kuda, Johore Baharu ...	717
Kelantan	Wakaf Mek Zainab (Phase II), Kota Bahru	32
Sabah	Tanjong Aru, Kota Kinabalu	120
Federal Capital	(i) Jalan Cheras (Phase IIA)	160
	(ii) Jalan Cheras (Phase IIB)	320
	(iii) Jalan Loke Yew (Phase IV)	400
	(iv) Jalan Bungsar (Phase I)	160
	Jumlah Yunit ...	3,509

Kelulusan khas bagi empat buah ranchangan (490 yunit) telah di-beri dalam bulan Februari 1971 bagi pembenaan segera di-Kuala Lumpur oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Ranchangan tersebut ia-lah:

146. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Menteri Buroh menyatakan angka[2] terakhir bagi penganggoran untok kawasan[2] (*a*) diserata negeri, (*b*) pekan[2] besar dan (*c*) luar bandar.

Tan Sri V. Manickavasagam: Mengikut "Socio-Economic Sample Survey of Households" di-Malaysia Barat yang di-jalankan pada 1967/1968, kadar penganggoran di-Malaysia Barat ada-lah 6.8% atau 176,700 orang dari jumlah tenaga kerja sa-ramai 2.54 juta. Tidak ada kajian yang terbaharu di-jalankan di-negeri[2] di-Malaysia Timor tetapi penganggoran di-negeri[2] Malaysia Timor tidak-lah bagitu besar saperti di-Malaysia Barat.

Kajian pada 1967/68 mendapati kadar penganggoran di-bandar[2] besar, bandar[2] lain dan kawasan luar bandar ia-lah masing[2] 10.1%, 9.7% dan 5.4%.

Butir[2] lanjut boleh di-dapati dari laporan bertajok "Social-Economic Sample Survey of Households—Malaysia, 1967-68: "Employment and Unemployment, West Malaysia" yang boleh di-dapati dari Ketua Perangkawan.

Keterangan[2] baharu yang lebeh lanjut mengenai keadaan penganggoran di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor akan di-perolehi hasil dari "Socio-Economic Survey" dan analisa dari Banchi Pendudok, 1970.

According to the Socio-Economic Sample Survey of Households in West Malaysia conducted in 1967/68, the rate of unemployment in West Malaysia was 6.8% or 176,700 persons out of a labour force of 2.54% million. There has been no recent similar survey in the East Malaysian States, but unemployment in these states is not of the same magnitude as that in West Malaysia.

The 1967/68 Survey findings of unemployment rates in the larger urban areas, other urban areas and rural areas were 10.1%, 9.7% and 5.4% respectively.

Further details are available from the Report entitled "Socio-Economic Sample Survey of Households—Malaysia, 1967-68: Employment and Unemployment, West Malaysia" available from the Chief Statistician.

More recent information on the level of unemployment in West Malaysia and in East Malaysia should become available through succeeding rounds of the Socio-Economic Survey and analysis of the 1970 Census of Population.

147. Tuan Hor Cheok Foon minta kapada Menteri Buroh menyatakan angka orang[2] yang menganggor di-negeri ini. Apa-kah nisbah komposisi orang[2] yang menganggor.

Tan Sri V. Manickavasagam: Jumlah penganggor[2] di-Malaysia Barat yang giat menchari pekerjaan di-anggarkan 194,000 pada tahun 1967. Penyebaran-nya di-kalangan ketiga[2] kaum yang besar ia-lah:

Melayu	82,840	atau	42.7%
China	72,170	„	37.2%
India	38,990	„	20%

Menyentoh tentang anggaran bagi 1970 sa-banyak 250,000 penganggor[2] tidak ada pemechahan yang berdasarkan kaum yang telah di-buat. Ada tanda[2] bahawa peratus penyebaran di-kalangan kaum[2] telah berubah sejak 1967 hingga 1970. Di-kalangan orang[2] Melayu peratus-nya dapat di-katakan tinggal tetap sa-balek-nya peratus penganggor[2] di-kalangan orang[2] China dan India telah sa-makin bertambah.

The number of unemployed persons in West Malaysia actively looking for work is estimated to be 194,000 in 1967. The distribution among the three major races was:

Malay	... ...	82,840 or	42.7%
Chinese	... ...	72,170 „	37.2%
Indian	... ...	38,990 „	20%

With respect to the estimate for 1970 of 250,000 unemployed persons no racial breakdown is available. There are indications that the percentage distribution among the races has altered from 1967 to 1970. Among the Malays the percentage has remained more or less constant whereas the percentage of unemployed among the Chinese and Indian has been increasing.

JABATAN PERDANA MENTERI

Penganiayaan Ugama

148. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah Badan Penyiasat akan di-hantar ka-Sabah untok menyiasat aduan[2] mengenaï penganiayaan ugama di-Sabah.

Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein): Tidak. Kerajaan berpuas hati bahawa tidak ada penganiayaan (persecution) terhadap penganut[2] Ugama Keristian di-Sabah.

MAGERAN

149. Tuan V. David bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah benar dalam keadaan[2] tertentu pengambilan ka-dalam Pentadbiran Awam telah di-buat menerusi MAGERAN dan bukan menerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam dari 1hb Jun, 1969 hingga 31hb Disember, 1970.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Lantekan kapada perkhidmatan awam di-buat mengikut kuasa yang di-peruntokkan di-dalam Perlembagaan ya'ani Surohanjaya Perkhidmatan Awam dan bukan-nya Majlis Gerakan Negara.

"Balai Muhibbah"

150. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Perdana Menteri sama ada beliau berchadang untok mengeluarkan majallah "Balai Muhibbah" di-dalam berbagai bahasa agar ra'ayat yang kurang faham dalam Bahasa Malaysia dapat mengikuti ranchangan[2] Kerajaan untok merapatkan lagi berbagai kaum dalam negeri ini.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Majallah "Balai Muhibbah" telah di-keluarkan mulaï bulan Januari, 1970 chuma dalam Bahasa Malaysia sahaja. Tetapi untok membolehkan orang[2] yang belum lagi faham dalam Bahasa Malaysia, terjemahan "Balai Muhibbah" telah pun di-keluarkan dalam Bahasa Tamil dan China mulaï 18hb Januari, 1971.

Surohanjaya Penyiasatan

151. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Perdana Menteri sama ada beliau akan menimbang untok menubohkan suatu Surohanjaya Penyiasatan mengenaï kemiskinan pendudok[2] di-bandar dan luar bandar.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Tidak. Kerajaan memikirkan tidak perlu menubohkan sa-buah Surohanjaya demikian sebab Kerajaan telah pun mempunyaï ma'alumat[2] tentang taraf pendapatan dan keadaan penghidupan pendudok[2] Malaysia di-dalam dan luar bandar. Ma'alumat[2] ini di-perolehi melaluï Penyiasatan Sosio-Ekonomi Isi Rumah Malaysia (Malaysian Socio-Economic Survey of Households). Banyak lagi ma'alumat[2] dalam perkara ini akan dapat di-perolehi apabila ulasan[2] daripada Banchi Pendudok Tahun 1970 selesai dan Banchi Pertanian di-mulakan dalam tahun 1972. Oleh yang demikian nyata-lah bahawa Kerajaan telah pun mempunyaï jentera dan ranchangan untok mendapatkan ma'alumat[2] mengenaï kemiskinan.

Elaun² Menteri²/Menteri² Muda

152. Dr Tan Chee Khoon minta kapada Perdana Menteri menyatakan jenis dan jumlah elaun² untok Menteri² dan Menteri² Muda memberi angka² tahunan yang di-bayar kapada tiap² Menteri dan Menteri Muda dari tahun 1964 hingga 1970.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:

Jenis dan jumlah elaun² (tidak termasok gaji) yang telah di-bayar kapada tiap² Menteri dan Menteri Muda dari tahun 1964 hingga 1970 ada-lah saperti berikut:

	Elaun Kera'ian		*Elaun Derebar*		*Elaun Kakitangan Rumah*		*Jumlah*			
	1964 to 1969	*1970*	*1964 to 1969*	*1970*	*1964 to 1969*	*1970*	*1964 to 1969*		*1970*	
	$ *sa-bulan*	$ *sa-bulan*	$ *sa-bulan*	$ *sa-bulan*	$ *sa-bulan*	$ *sa-bulan*	$ *sa-bulan*	$ *sa-tahun*	$ *sa-bulan*	$ *sa-tahun*
Perdana Menteri	2,000	2,000	150	—	—	—	2,150	25,800	2,000	24,000
Timbalan Perdana Menteri ..	500	1,000	150	—	—	—	650	7,800	1,000	12,000
Menteri	250	350	150	150	372	463	772	9,264	963	11,556
Menteri Muda	150	200	—	150	244	305	394	4,728	655	7,860

Trajidi 13 Mei

153. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah sa-buah badan telah di-tubohkan untok menyiasat kejadian² yang menchetuskan peristiwa 13 Mei, 1969 yang lalu, dan menyerahkan laporan itu kapada Dewan ini sa-baik sahaja laporan lengkap di-selesaikan.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Tidak. Kerajaan telah membuat satu kajian yang rapi dan teliti mengenai sebab² berlaku-nya trajidi 13 Mei, dan dalam bulan Oktober, 1969, menerbitkan laporan-nya yang bertajok "Trajidi 13 Mei". Laporan itu telah di-keluarkan untok tatapan pendudok² di-segenap pelusok tanah ayer.

Padang Golf di-Bukit Fraser

154. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Perdana Menteri berapa-kah perbelanjaan telah di-gunakan untok memperbaiki Padang Golf di-Bukit Fraser. Ada-kah beliau sedar bahawa kerja itu telah di-hentikan dan ini meninggalkan kesan yang burok kapada permukaan bukit yang indah pada suatu masa dulu.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Peruntokan yang di-keluarkan untok memperbaiki padang golf di-Bukit Fraser ada-lah berjumlah $65,000. Patut juga di-terangkan ia-itu Padang Golf di-Bukit Fraser itu ada-lah di-bawah pengurusan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, ia-itu satu perbadanan yang di-tuboh oleh Kerajaan Negeri Pahang. Oleh itu perkara ini ada-lah perkara Negeri.

Persurohjaya Sumpah

155. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar ada-nya kekurangan Pesurohjaya Sumpah di-pekan[2] kechil di-Malaysia dan keadaan yang tidak memuaskan di-pekan[2] yang mempunyai hanya sa-orang Pesurohjaya Sumpah di-mana orang[2] mengalami kesukaran bila mana ia berchuti atau pun sakit; dan apa-kah langkah[2] yang akan di-ambil untok membanyakkan Pesurohjaya Sumpah untok kesenangan orang ramai.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Di-pekan[2] kechil yang ada Mahkamah, Pegawai[2] kehakiman ada-lah di-beri kuasa untok mengendalikan akuan sumpah. Manakala di-pekan[2] kechil yang tiada Majisteret, jurubahasa[2] yang berpengalaman di-lantek menjadi Pesurohjaya Sumpah. Selain daripada itu Penolong[2] Pegawai Daerah ada-lah di-lantek sa-bagai Majisteret Kelas Dua, dan dengan sendiri-nya mempunyai kuasa mengendali akuan[2] sumpah. Memandangkan keadaan ini ada-lah di-dapati bahawa tiada kekurangan Pesurohjaya Sumpah di-bandar[2] kechil dalam Malaysia. Walau bagaimana pun permohonan[2] daripada bekas[2] jurubahasa dan lain[2] pegawai yang mempunyai pengalaman di-dalam bidang undang[2] di-pertimbangkan untok di-lantek menjadi Pesurohjaya[2] Sumpah.

Dewan Keadilan

156. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Perdana Menteri bila dan di-mana-kah Dewan Keadilan akan di-dirikan.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Sa-bidang tanah luas-nya lebeh kurang 25 ekar di-Jalan Duta telah di-chadangkan untok tapak Dewan Keadilan. Perojek ini akan di-laksanakan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua Malaysia.

Hakim[2] Mahkamah Tinggi

157. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah beliau sedar bahawa sekarang terdapat kekurangan Hakim[2] Mahkamah Tinggi jika ya, apa-kah tindakan yang telah di-ambil bagi mengatasi-nya.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Kerajaan sedar ada kekosongan Hakim Mahkamah Tinggi di-Malaysia Barat dan juga di-Malaysia Timor. Mengikut Perlembagaan, tidak lebeh daripada 15 Hakim Mahkamah Tinggi boleh di-lantek bagi Malaysia Barat dan 8 bagi Mahkamah Tinggi di-Malaysia Timor. Pada masa ini ada 12 orang Hakim bagi Malaysia Barat dan 3 orang Hakim bagi Malaysia Timor. Tindakan sedang di-ambil untok mengisi jawatan[2] yang maseh kosong itu.

Pekerjaan Lebeh Daripada 8 Jam Sa-hari

158. Tuan Chan Yoon Onn minta kapada Perdana Menteri menyatakan apa jenis pekerja[2] di-dalam perkhidmatan Kerajaan yang di-kehendaki bekerja lebeh dari 8 jam sa-hari tanpa elaun lebeh masa.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Jenis pekerja Kerajaan yang terta'alok kapada lebeh dari 8 jam kerja tiap[2] hari tanpa lebeh masa ia-lah pekerja[2] yang tugas-nya berupa tidak berketerusan (intermittent in nature) di-mana tempoh bekerja ada-lah tidak kurang daripada 8 tetapi tidak lebeh daripada 12 jam.

Pengambilan Kerja dalam Perkhidmatan Awam

159. Tuan V. David bertanya kapada Perdana Menteri berapa ramaikah orang[2] yang telah di-ambil bekerja dalam Perkhidmatan Awam dari Bahagian IV hingga Bahagian I oleh Kerajaan dari 1hb Jun 1969 hingga 31hb Disember, 1970. Sila nyatakan angka[2]-nya mengikut pechahan kaum.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:

Bahagian	Melayu	China	India	Lain²	Jumlah
I ..	370	294	141	7	718
II ..	508	233	38	13	792
III ..	3,809	704	274	31	4,824
	4,687	1,231	453	57	6,428

Dukachita angka² bagi jawatan² dalam Bahagian IV tidak dapat di-berikan. Kuasa "perlantekan" untok mengisi jawatan² dalam Bahagian ini telah di-turunkan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam kapada kesemua Ketua² Pejabat dan pegawai² tertentu dalam Kementerian² dan pengumpulan angka² yang di-maksudkan dari mereka itu memerlukan masa yang agak panjang.

Gaji Sama

160. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Perdana Menteri menerangkan sama ada tangga gaji yang sama kapada jururawat dan guru² telah di-terima dan kalau maseh belum bila-kah agak-nya ia akan di-laksanakan.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Perinsip gaji sama untok kerja yang sama bagi Jururawat² telah pun terlaksana apabila Kerajaan melaksanakan Laporan Surohanjaya di-Raja atas Perubahan Gaji dan Sharat² Perkhidmatan bagi Perkhidmatan² Awam.

Berkenaan dengan Guru² perinsip gaji sama telah di-laksanakan juga apabila Pekeliling Perkhidmatan mengenai perkara ini di-keluarkan pada 5hb Ogos, 1969.

161. Tuan Chan Yoon Onn minta kapada Perdana Menteri menyatakan sa-jauh mana-kah gaji sama untok pekerja² perempuan telah di-laksanakan oleh Kerajaan.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Gaji Sama bagi pekerja² wanita telah di-laksanakan oleh Kerajaan dengan keluaran Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 1969 bertarikh 5hb Ogos, 1969, yang berkuat-kuasa mulai daripada 1hb Mei, 1969. Pekeliling ini menetapkan chara bagaimana semua pekerja² wanita yang telah di-bayar mengikut tangga-gaji² khas bagi mereka yang berasas-kan 4/5 daripada tanggagaji lelaki patut di-pindahkan kapada tanggagaji pekerja² lelaki yang berkenaan.

Prinsip² dan chara pemindahan gaji yang di-terangkan di-atas telah di-sokong oleh Surohanjaya Di-Raja atas Perubahan Gaji dan Sharat² Perkhidmatan dalam Perkhidmatan² Awam, dan oleh yang demikian Surohanjaya Di-Raja itu tidak memperakukan tangga-gaji yang berasingan bagi pekerja² lelaki dan wanita kechuali dalam keadaan² yang ia fikirkan mustahak di-adakan tangga-gaji yang berlainan. Laporan Surohanjaya itu telah di-laksanakan dengan sa-penoh-nya bagi semua pekerja² Kerajaan. Dengan hal yang demikian gaji sama bagi pekerja² wanita telah di-laksanakan dengan sapenoh-nya.

Banjir

162. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah beliau akan meminta bantuan dari UNESCO bagi mengurangkan banjir yang sa-tiap tahun menimpa Malaysia terutama-nya pada musim tengkujoh. Apa-kah benar bahawa UNESCO telah memberi-kan shor²-nya kapada Malaysia, jika ya, apa telah terjadi kapada shor² tersebut.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Ia, bantuan telah di-minta daripada UNESCO untok mendapat perkhidmatan sa-orang pakar untok menasehatkan sama ada atau tidak ranchangan² yang telah di-sediakan oleh Pegawai² teknik Kerajaan untok mengatasi masa'alah banjir dalam Negara ini ada-lah lengkap, dan juga menasehatkan langkah² yang lain, jika perlu. Pakar tersebut telah pun tiba di-Malaysia pada 10hb Mach, 1971.

Buat sementara, sebagai memenohi ke-hendak Kerajaan, Kerajaan Canada telah mengadakan perkhidmatan sa-orang pakar untok mengkaji masa'alah jambatan² dan keperluan² feri dan juga langkah² untok mengawal banjir di-sabelah hulu. Berasaskan pengkajian dan shor² ini, langkah² untok mengawal dan menghindarkan banjir² akan di-laksanakan sebagai sa-bahagian Ranchan-gan Malaysia yang Kedua.

163. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak yang pada bulan Jun 1967 Parlimen telah di-beritahu yang Kerajaan telah meminta Bangsa² Bersatu menghantarkan sa-pasokan pakar² untok mengkaji kemungkinan mengelakkan bah dan menyatakan apa yang telah terjadi terhadap permintaan tersebut.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Sa-orang pakar dari F.A.O. telah mengemukakan satu laporan kapada Kerajaan dalam bulan November 1967 mengenai masaalah[2] banjir di-Negeri Kelantan dan Trengganu. Pada rengkas-nya, laporan tersebut telah menunjokkan bahawa perbelanjaan untok melaksanakan langkah[2] menchegah banjir sechara besar-besaran belum lagi begitu manasabah dari segi ekonomi. Beliau telah mengeshorkan bahawa satu ranchangan untok mengumpulkan data[2] yang lengkap hendaklah di-laksanakan supaya satu pengkajian kemungkinan terhadap chadangan[2] untok menchegah banjir dapat di-sediakan kelak.

Data[2] tambahan sedang di-kumpol sekarang dan ini akan di-susuli dengan menambahkan suatu rangkaian yang lengkap. Peruntokan kewangan untok maksud ini sedang di-perolehi di-dalam anggaran pembangunan.

164. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Perdana Menteri menyatakan serta memberi laporan berkenaan had dan keadaan kerosakan dokumen[2] Kerajaan di-sebabkan oleh banjir pada tahun lepas.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Sa-benar-nya tidak ada banjir berlaku pada tahun lepas. Barangkali maksud ahli Yang Berhormat itu ia-lah banjir yang berlaku dalam bulan Januari 1971.

Kerajaan sedang mengkaji kerosakan[2] dokumen[2] Kerajaan akibat banjir yang berlaku baharu[2] ini dan kajian ini maseh belum selesai lagi. Oleh yang demikian laporan yang di-kehendaki ini belum-lah dapat di-sediakan sekarang ini.

165. Dr Chen Man Hin minta kapada Perdana Menteri menyatakan jumlah anggaran kematian, kerosakan harta benda Kerajaan dan ra'ayat yang di-alami pada waktu banjir.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Jumlah kematian akibat banjir yang berlaku baharu[2] ini ia-lah sa-ramai 61 orang, termasok sa-orang dari Malaysia Timor. Kerajaan sedang mengkaji dan membuat taksiran terhadap jumlah kerugian harta benda Kerajaan tetapi kajian ini maseh belum selesai lagi. Amat-lah sukar bagi Kerajaan untok membuat taksiran yang tepat dan lengkap tentang kerugian yang di-alami oleh ra'ayat.

166. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah ranchangan[2] perinchian telah di-mulakan bagi menghadapi kemungkinan banjir, memindahkan orang[2] yang tinggal di-kawasan banjir atau mengatasi kuasa[2] arus sungai saperti Sungai Pahang.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Kejadian banjir tidak mungkin dapat di-elakkan dengan sa-penoh[2]-nya. Tetapi ikhtiar[2] telah pun di-buat bagi menentukan tindakan[2] tertentu supaya amaran[2] pendahuluan dapat di-beri serta chara[2] mengawal yang berkesan di-ambil untok mengurangkan kerosakan akibat banjir. Tindakan[2] ini telah pun di-jalankan di-banyak peringkat Kerajaan dan dengan berbagai[2] chara. Chara yang lebeh berkesan untok meramal hujuan dan memberi amaran banjir telah di-laksanakan beberapa lama dahulu dengan menggunakan A.P.T. (automatic picture transmission) dari satelit chuacha. Dengan menggunakan chara ini kita telah berjaya mengelakkan kehilangan nyawa yang banyak dalam banjir besar pada tahun ini. Sistem ini akan di-perbaikkan lagi dengan tambahan seteshen[2] berotomatik untok merakam hujan dan paras ayer, yang di-sambongkan melalui suatu sistem "telemetring" kapada Pusat Kawalan Jabatan Parit dan Taliayer untok memperbaiki lagi chara memberi amaran pendahuluan ini.

Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan mengubah tempat[2] kediaman dalam kawasan[2] yang sering di-landa banjir.

Berkenaan dengan chara[2] menampong sungai[2] untok tenaga, maka Lembaga Letrik Negara telah pun mengadakan ranchangan[2] serupa itu yang juga di-bena untok mengelakkan banjir[2]. Selain daripada ranchangan[2] hydro di-Sungai Temengor di-Hulu Perak, ranchangan[2] yang serupa telah di-chadangkan juga untok sungai[2] di-Trengganu dan di-Pahang.

Pilehan Raya

167. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Perdana Menteri sama ada undang[2] akan di-laksanakan untok mengadakan pilehanraya kechil pada tiap[2] kali ahli[2] Parlimen atau Dewan Negeri berchadang hendak melompat dari parti asal kapada parti yang lain dengan menganggapkan chalun[2] tersebut sa-olah[2] telah meninggal.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Tidak.

168. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pilehanraya Melaka Selatan telah di-adakan samasa Perayaan Tahun Bahru China dan sama ada beliau sedar atau tidak yang pilehanraya tidak elok di-adakan sa-masa hari perayaan; sama ada Tahun Bahru China atau pun Hari Raya Puasa.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Undang[2] yang membolehkan penyambongan pilehanraya kapada kerusi Parlimen yang akhir bagi Melaka Selatan telah berjalan kuatkuasa-nya pada 18hb Januari, 1971, dan Sekshen 3 (*b*) Ordinan itu menyatakan bahawa Surohanjaya Pilehanraya hendak-lah mengadakan pilehanraya itu tidak lewat daripada dua minggu daripada tarikh undang[2] itu berkuatkuasa. Tentu-lah Surohanjaya Pilehanraya telah berpendapat bahawa Hari Sabtu bersamaan dengan 30hb Januari, 1971 ada-lah hari yang sangat sesuai untok mengadakan pilehanraya itu dan tidak lari dari peruntokan[2] Ordinan tersebut. Hari itu ia-lah 3 hari salepas Tahun Bahru China yang jatoh pada 27hb Januari, 1971. Pehak yang berkuasa untok menetapkan hari[2] pengundian ia-lah Surohanjaya Pilehanraya dan saya tidak berhak untok mengganggu Surohanjaya itu dalam menjalankan tanggong-jawab-nya.

169. Tuan Lim Kit Siang bertanya kapada Perdana Menteri bila-kah Penyata Surohanjaya Pilehanraya bagi Pilehanraya Umum Tahun 1969 akan di-siapkan dan di-edar kapada Ahli[2] Parlimen.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Pilehanraya bagi kerusi yang akhir untok menyelesaikan Pilehanraya Umum tahun 1969 telah pun di-adakan di-Melaka Selatan pada 30hb Januari tahun ini. Surohanjaya Pilehanraya sedang menyediakan laporan di-atas Pilehanraya Umum tahun 1969. Apabila laporan itu siap laporan itu akan di-chetak untok di-jual.

170. Tuan Goh Hock Guan bertanya kapada Perdana Menteri apa-kah yang telah terjadi kapada bangkangan dari pehak pembangkang yang menimbulkan tentang soal penukaran sempadan bagi satu[2] kawasan pilehanraya.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Surohanjaya Pilehanraya telah mempertimbangkan bantahan[2] yang di-bangkitkan terhadap pengeshoran-nya hendak mengubah sempadan[2] kawasan Pilehanraya, dan akan mengadakan siasatan[2] tempatan yang mana berpatutan mengikut peruntokan Sekshen 5 kapada Jadual ke-13 Bahagian II pada Perlembagaan.

Majlis Kebangsaan Whitley

171. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Perdana Menteri menyatakan sebab[2] Majlis Kebangsaan Whitley di-gantong pada bulan Mei 1969; sama ada Kerajaan akan pulehkan-nya segera supaya pekerja[2] dan Kerajaan dapat membinchang dan menyelesaikan masaalah berkenaan gaji dan sharat[2] kerja.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Majlis Kebangsaan Whitley ada-lah di-gantongkan buat sementara supaya dapat di-kaji sa-mula. Pengkajian sa-mula ini ada-lah perlu untok menchari jentera yang baik sekali untok berunding mengenai sharat[2] perkhidmatan. Walau bagaimana pun Laporan Suffian yang telah menghapuskan sistem bahagian pegawai, telah menjadikan jentera perundingan dahulu itu tidak kemaskini lagi. Tambahan pula beberapa perakuan di-dalam Laporan Surohanjaya Aziz mengenai Gaji Guru[2] akan menyentoh jentera perundingan Guru[2] dan lain[2] pekerja sekolah.

Sementara itu Kerajaan telah pun menubohkan satu jentera di-namakan Jawatankuasa Perhubongan, Kakitangan Kerajaan, ia-itu satu jawatankuasa perundingan yang di-tubohkan di-tiap[2] Jabatan dan mengandongi pehak pentadbir dan juga wakil pekerja[2]. Jawatankuasa ini ada-lah satu jentera untok membinchangkan masaalah[2] kakitangan. Selain daripada itu, kesatuan[2] sekerja pegawai[2] Kerajaan ada-lah di-benarkan berunding terus dengan Jabatan Perkhidmatan Awam jika perlu.

172. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Perdana Menteri mengapa Majlis Kebangsaan Whitley belum lagi di-gerak sa-mula sa-bagaimana di-minta oleh Kongres Kesatuan Pekerja[2] Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Kerajaan baharu sahaja melaksanakan Laporan Surohanjaya Di-Raja mengenai perubahan gaji dan sharat[2] perkhidmatan (umum-nya di-kenali sa-bagai Laporan Suffian) mengenai semua pekerja[2] di-dalam perkhidmatan Kerajaan ia-itu meliputi semua pekerja di-dalam Bahagian I hingga IV dan Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar.

Perlaksanaan Laporan itu telah menyebabkan kejenteraan Whitley yang ada sekarang sa-bagai tidak kemaskini lagi. Mithal-nya pada masa ini ada dua Majlis Whitley Kebangsaan: Satu untok Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar dan satu lagi untok Bahagian I hingga IV. Dengan perlaksanaan Laporan Suffian sistem bahagian mengenai pekerja[2] yang dahulu itu di-hapuskan dan di-gantikan dengan empat kumpulan baharu yang di-namakan Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas, Kumpulan Kerja dan Sa-Para Ikhtisas, Kumpulan Perkeranian dan Teknik dan Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buroh Kasar. Oleh kerana itu dan oleh kerana pengalaman yang di-alami pada masa dahulu daripada perjalanan kejenteraan Whitley, Kerajaan telah memutuskan untok mengkaji semula kejenteraan perundingan itu.

Walau bagaimana pun, Kerajaan sangat-lah sedar perlu-nya mengadakan dialog dengan pekerja[2] berhubong dengan perkara[2] mengenai kebajikan mereka. Untok menchapai tujuan ini, Kerajaan telah pun menubohkan Jawatan-kuasa Perhubongan di-semua Jabatan Kerajaan yang mengandongi wakil[2] daripada pehak pentadbir dan juga wakil pehak pekerja[2] yang berkenaan.

Jawatan Peguam Negara

173. Tuan Lim Cho Hock minta kapada Perdana Menteri menyatakan berapa gaji Peguam Negara di-bayar sa-bulan apabila jawatan-nya di-jadikan jawatan politik dan berapa-kah gaji beliau di-bayar sa-bulan sa-belum jawatan-nya di-jadikan jawatan politik.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Mengikut Fasal 145 (5) Perlembagaan, saraan Peguam Negara ada-lah sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong, melainkan ia ada-lah sa-orang ahli Juma'ah Menteri. Gaji bagi Peguam Negara sa-telah jawatan ini di-jadikan jawatan siasah dan Peguam Negara menjadi sa-orang ahli Juma'ah Menteri ia-lah mengikut gaji sa-orang Menteri ya'ani $3,000 sa-bulan. Gaji Peguam Negara sa-belum jawatan itu di-jadikan jawatan siasah telah di-tetapkan sa-banyak $2,270 sa-bulan ia-itu gaji sa-belum di-laksanakan Laporan Gaji Suffian.

174. Tuan Lim Cho Hock minta kapada Perdana Menteri menyatakan sama ada jawatan politik Peguam Negara itu akan membawa akibat yang sa-balek-nya kapada kebebasan kehakiman.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Mahkamah ada-lah menjalankan tugas-nya mengikut undang[2] yang di-tentukan oleh Parlimen dan bukan oleh Peguam Negara. Oleh itu perlantekan sa-orang ahli politik kapada jawatan Peguam Negara tidak akan menyentoh kebebasan perundangan.

175. Tuan Lim Cho Hock minta kapada Perdana Menteri menyatakan sebab-nya jawatan Peguam Negara telah di-jadikan jawatan politik.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Perkara 145 di-dalam Perlembagaan membolehkan sa-orang Peguam Negara itu di-lantek dari sa-orang yang berkelayakan menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan. Dengan tujuan supaya lebeh senang bagi Peguam Negara untok memberi nasihat dalam Kabinet dan membantu dalam Parlimen, Kerajaan memutuskan supaya ia di-lantek dari ahli Parlimen.

Pasokan Keselamatan/ Perkhidmatan Awam

176. Dr Chen Man Hin minta kapada Perdana Menteri menerangkan ada-kah tujuan Kerajaan menjamin ia-itu, Pasokan Keselamatan dan Perkhidmatan Awam akan mencherminkan chorak masharakat berbilang bangsa.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Ada-lah menjadi dasar Kerajaan bahawa Angkatan Tentera, sa-jauh mana yang dapat, hendak-lah mencherminkan chorak masharakat berbilang kaum. Bagaimana pun perlu-lah di-sedari bahawa oleh kerana maksud asal penubohan-nya, Ashkar Melayu Di-Raja ada-lah di-khaskan bagi orang[2] Melayu sahaja dan keadaan ini telah di-perkekalkan mengikut Perlembagaan (Article 8 (5) (*f*)).

Pengambilan kakitangan dalam Perkhidmatan Kerajaan tidak di-uruskan oleh Kerajaan sendiri tetapi oleh Surohanjaya

Perkhidmatan yang berkenaan mengikut peruntokan di-dalam Perlembagaan. Tertakluk kapada perbekalan Perkara 153 dalam Perlembagaan, terpulang-lah kapada budi-bichara Surohanjaya yang berkenaan mengambil chalun[2] yang di-anggap layak dan sesuai mengikut kehendak[2] Perkhidmatan.

177. Dr Chen Man Hin minta kapada Perdana Menteri menyatakan peratus orang Melayu dan bukan Melayu dalam Pasokan Bersenjata (Darat, Laut, Udara) dan juga dalam Perkhidmatan Pentadbiran Kerajaan, termasok Perkhidmatan Awam Malaysia.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Peratus anggota[2] orang Melayu dan bukan Melayu dalam Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Laut dan Udara) ada-lah saperti berikut:

A. TENTERA DARAT

(1) Bagi keanggotaan Pasokan Askar Melayu Di-Raja ada-lah 100% orang[2] Melayu.

(2) Bagi keanggotaan di-dalam Pasokan[2] yang lain ada-lah saperti berikut—

	Pegawai	Lain[2] Pangkat
(*a*) Melayu	50%	84%
(*b*) Bukan Melayu ...	50%	16%

B. TENTERA LAUT DI-RAJA MALAYSIA

	Pegawai	Lain[2] Pangkat
(1) Melayu	51%	74%
(2) Bukan Melayu ...	49%	41%

C. TENTERA UDARA DI-RAJA MALAYSIA

	Pegawai	Lain[2] Pangkat
(1) Melayu	46%	59%
(2) Bukan Melayu ...	54%	41%

Mengenai dengan Perkhidmatan Pentadbiran Kerajaan pula soalan ini tidak jelas kerana kegunaan perkataan Perkhidmatan Pentadbiran Kerajaan itu. Jikalau sa-kira-nya maksud soalan itu ia-lah hendak mengetahui peratusan pegawai[2] Melayu dan bukan Melayu di-Bahagian I Perkhidmatan Kerajaan, maka peratusan-nya ia-lah 38.62 Pegawai[2] Melayu dan 61.38 pegawai[2] bukan Melayu pada 1hb April, 1969.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Kekuatan Tentera Wataniah

178. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Pertahanan menyatakan kekuatan Tentera Wataniah dan memberi angka[2] mengikut negeri dan bangsa.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein): Dari segi kepentingan negara maklumat yang di-pinta itu tidak boleh di-siarkan oleh sebab maklumat[2] itu ada-lah berguna kapada pehak[2] yang menentang negara.

It is not in the national interest to divilege such information which will be useful intelligence to non-friendly forces.

Bantuan kapada Bekas[2] Perajurit

179. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertahanan apakah rupa bantuan yang telah di-berikan kapada bekas[2] perajurit kita untok membolehkan mereka memulakan penghidupan baharu.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Pada permulaan-nya tiap[2] anggota angkatan tentera kita di-beri peluang untok menjalankan Latehan Peralehan selama 6 bulan dalam mana[2] satu bidang yang di-pileh oleh-nya. Segala daya usaha ada-lah di-jalankan untok membantu mereka[2] ini mendapatkan pekerjaan di-Jabatan[2] Kerajaan dan Firma[2]. Bagi sa-bilangan daripada mereka pekerjaan di-dapatkan berdasarkan kemahiran yang di-perolehi-nya semasa menjalankan latehan peralehan itu atau berdasarkan kapada pengalaman yang di-dapati oleh-nya semasa berkhidmat di-dalam Angkatan Tentera. Walau bagaimana pun dalam bidang pertanian Kerajaan telah memperuntokkan sa-bilangan tempat[2] dalam Ranchangan[2] Kemajuan Tanah Persekutuan dan Negeri kapada mereka[2] yang sanggup menyertai ranchangan[2] itu. Bantuan[2] lain saperti bantuan kewangan dan kebajikan ada-lah juga di-berikan kapada bekas[2] anggota kita.

Initially the option of undergoing a period of six months resettlement training is given to the individual in the field selected by him. Every effort is then made to assist the ex-servicemen in obtaining gainful employment in Government departments or in firms. For some, employment is obtained in trades of

pursuits for which they have been trained during the period or the resettlement training or based on the experience which they acquired while in military service. In this respect the ex-Servicemen Association contributes its assistance and services for the ex-servicemen. In the field of agriculture however, a set quota for ex-servicemen is earmarked in federal land development schemes and state development schemes for those who are prepared to go to the land. Other forms of assistance are also given to ex-servicemen such as financial and other assistance of a welfare nature.

Senjata dan Peluru

180. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertahanan dari negeri mana-kah Kerajaan Malaysia membeli senjata[2] dan peluru[2]-nya dan ada-kah benar bahawa Kerajaan ada juga membelinya dari Negeri Russia.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Bagi kepentingan am maalumat ini tidak dapat di-beri. Setakat ini, Kerajaan belum lagi membeli sebarang senjata atau peluru dari Negeri Russia.

It is not in the public interest to provide this information. No arms or ammunition have yet been purchased from Russia.

181. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertahanan mengapa sa-buah kilang senjata dan peluru belum lagi di-adakan setakat ini, dan ada-kah benar bahawa Kerajaan tiada berhajat mendirikan kilang saperti itu.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Kilang peluru sekarang ini telah di-bena di-Malaysia dan pengeluaran peluru di-jangka bermula pada pertengahan tahun 1972.

Kerajaan maseh lagi sedang menimbangkan ranchangan untok membena kilang senjata.

An ammunition factory has now been set up in Malaysia and production is expected to commence by mid 1972.

The Government is actively considering the proposal to establish an armament factory.

Kapalterbang Jet Mirage

182. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertahanan apa-kah jadi kapada ranchangan hendak membeli kapalterbang Jet Miraj buatan Peranchis yang di-heboh[2]kan dulu.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Jenis kapalterbang Miraj perbuatan Peranchis ada-lah satu daripada jenis kapalterbang yang telah di-nilaikan oleh Kerajaan bagi kegunaan Tentera Udara Di-Raja Malaysia. Walau bagaimana pun oleh kerana kepinchangan kewangan Kerajaan terpaksa menanggohkan keputusan atas perkara ini. Soalan mendapatkan jenis kapalterbang yang sesuai bagi mengambil aleh tugas yang di-jalankan oleh kapalterbang jenis "Sabre Jet" yang akan di-tamatkan kegunaan-nya kelak maseh lagi sedang di-kaji oleh Kementerian Pertahanan.

The French-made Mirage is one of the aircraft that were evaluated by Government for the purpose of introduction into the Royal Malaysian Air Force. However, the constraint on defence expenditure necessitated the postponement to acquire a suitable aircraft. The question of a suitable aircraft to meet Malaysian needs as a possible replacement to the Sabre Jets when these Sabres are phased out in due course is still the subject of a serious study in the Ministry of Defence.

Hadiah Kapalterbang[2]

183. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertahanan sama ada Malaysia pernah menerima hadiah[2] kapalterbang dari negara[2] asing, dan jika ada, terangakan dari negeri mana, berapa buah dan apa jenis kapal[2] terbang yang di-beri serta apa-kah tujuan pemberian tersebut.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Pada tahun 1966, Kerajaan Canada telah menghadiahkan Malaysia dengan 4 buah kapalterbang jenis "Caribou" yang berharga M$9.6 juta. New Zealand telah juga membantu kita dengan hadiah 2 kapalterbang jenis "Dove" dalam tahun 1968, yang bernilai M$400,000. Dalam tahun 1969, Kerajaan Australia telah memberi 10 buah kapalterbang jenis "Sabre Fighter Jets" yang bernilai M$6 juta.

Kapalterbang[2] ini telah di-hadiahkan kapada Malaysia oleh negara[2] tersebut di-atas sa-bagai tanda persahabatan dan juga untok monolong Malaysia menambahkan lagi kekuatan Tentera Udara Di-Raja, Malaysia.

In 1966 the Canadian Government presented Malaysia with 4 "Caribou" Aircraft valued at Malaysian $9.6 million. New Zealand presented us with 2 "Dove" Aircraft in 1968 to the value of M$400,000. In 1969, the Australian Gvernment presented us with 10 "Sabre Fighter Jets" worth M$6 million.

These aircraft were presented to Malaysia by the countries concerned as a gesture of goodwill and to assist Malaysia in building up the strength of the Royal Malaysian Air Force.

184. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertahanan ada-kah benar bahawa Kerajaan Malaysia telah memberi hadiah kapalterbang[2] kapada Indonesia, terangkan berapa buah dan apa[2] jenis kapalterbang[2] yang di-beri serta apa-kah tujuan pemberian tersebut.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Ya. Kapalterbang jenis "Twin Pioneer" yang di-beli dalam tahun 1958 dan 1959 telah pun di-gunakan dengan sepenoh-nya dan penggunaan yang selanjut-nya perlu-lah di-tamatkan. Kapalterbang[2] itu telah di-tawarkan untok di-jual tetapi oleh kerana Tentera Udara Indonesia telah menunjokkan minat terhadap kapalterbang[2] itu Kerajaan telah menawarkan kapalterbang[2] itu kapada Indonesia dengan perchuma. Tawaran itu telah di-buat sa-bagai tanda persahabatan oleh Perdana Menteri Malaysia semasa lawatan beliau ka-Indonesia dan tawaran kami telah di-terima oleh pehak Indonesia. Bilangan kapalterbang yang akan di-berikan itu adalah bergantong kapada kemahuan Tentera Udara Indonesia.

Yes. The Twin Pioneers which were acquired in 1958 and 1959 have reached the end of their useful life and must be phased-out from service. They were offered for sale but as the Indonesian Air Force have shown an interest in them it was decided that these aircraft be offered to them without charge. The offer was made as a gesture of goodwill by the Prime Minister on his visit to Indonesia and this offer has been accepted by the Indonesian Authorities. The number of aircraft to be handed over depends on the wishes of the Indonesian Air Force.

Ra'ayat Malaysia yang berkhidmat dengan Tentera British

185. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kapada Menteri Pertahanan:

(*a*) berapa bilangan ra'ayat Malaysia yang berkhidmat dengan tentera British bertempat di-negeri ini dan di-Singapura, dalam bidang tentera dan awam yang akan terlibat dengan pengundoran tentera British dari kawasan sini;

(*b*) berapa bilangan, antara mereka yang telah di-ambil bekerja oleh Kerajaan Malaysia dan apa-kah kerja[2] yang telah di-berikan kapada mereka.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:

(*a*) 709 orang ra'ayat Malaysia yang telah berkhidmat dengan Tentera British di-negeri ini dan di-Singapura telah terlibat oleh pengundoran tentera British dari kawasan ini. Tidak ada rekod[2] bagi bilangan orang awam yang telah berkhidmat dengan tentera British.

(*b*) Kementerian saya telah pun mengambil 84 dari 180 orang bekas pekerja awam tentera British yang telah mendaftar dengan Kementerian saya untok pekerjaan sa-bagai buroh tempatan (locational labour force).

Angkatan Tentera Malaysia malang-nya tidak dapat mengambil sa-bilangan besar daripada bekas tentera British oleh kerana mereka tidak dapat memenohi sharat yang di-tetapkan, khas-nya had umor 33 tahun. Oleh yang demikian hanya 16 orang sahaja telah berpeluang mendapat pekerjaan dengan Angkatan Tentera Malaysia. Mereka ini telah pun di-ambil sa-bagai Pemandu kereta, Tukang kayu, Mekanik jentera, Penjaga setor, Amra, Polis Tentera dan Kerani.

(*a*) 709 service personnel who are Malaysian citizens serving with the British Forces both here and in Singapore have bene affected by the British withdrawal from the region. No records are available for the number of civilians employed by the British Forces.

(*b*) My Ministry has employed 84 of the 180 ex-civilian employees of the British Forces who registered with us in the locational labour force.

The Armed Forces has unfortunately not been able to absorb a large number of the ex-service personnel as they do not satisfy our requirements especially with regard to the age limit of 33 years. As such only 16 of them have been re-enlisted in the following trades—Drivers, Carpenters, Vehicle Mechanics, Storekeeper, Clerks, Military Police and Armourers.

JABATAN PERDANA MENTERI

Penchen Orang[2] yang Bersara

186. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Perdana Menteri menyatakan;

(*a*) jumlah orang[2] yang bersara di-Malaysia;

(*b*) taksiran penchen yang di-tetapkan dahulu; dan

(*c*) sama ada Kerajaan akan menubohkan suatu jawatankuasa khas untok meninjau perubahan terhadap penchen[2] mengikut perubahan taraf hidup yang sa-makin hari sa-makin tinggi.

Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein):

(*a*) Bilangan pesara[2] di-Malaysia ada-lah berjumlah 25,530.

(*b*) Penchen yang di-bayar kapada pegawai[2] awam ada-lah mengikut formula. Bagi pegawai[2] yang memileh untok tinggal terus di-bawah sistem gaji yang di-gunakan sa-belum sistem gaji Suffian, formula yang di-gunakan ada-lah di-peruntokkan di-dalam Peraturan[2] Penchen, 1957. Bagi pegawai[2] yang memileh sistem gaji berseh yang di-shorkan oleh Surohanjaya Gaji Suffian formula yang di-gunakan ada-lah di-peruntokkan di-dalam Ordinan Dharurat (Kuasa[2] Perlu) Bil. 67, 1971.

(*c*) Tidak.

Surohanjaya Penyiasat

187. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Perdana Menteri menerangkan satu siasatan oleh Surohanjaya Penyiasatan ka-atas rusohan yang berlaku di-Singapura yang lalu.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Kerajaan telah menarek balek lantekan Surohanjaya Penyiasat untok Menyiasat Rusohan di-Singapura yang telah di-tubohkan pada 8hb Oktober, 1964. Oleh sebab itu tidak-lah dapat di-nyatakan pendapat[2] Surohanjaya itu.

188. Tuan Goh Hock Guan minta kapada Perdana Menteri menerangkan berapa kali persidangan Surohanjaya Penyiasatan berlangsong dan kalau tidak ada persidangan, mengapa tidak di-adakan.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Memandang kapada jawapan kapada soalan No. 187, maka soalan ini tidak timbul lagi.